

BUKU 1



SOALAN BERTULIS

**MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI
YANG KELIMA BELAS**

17 NOVEMBER 2023 - 30 NOVEMBER 2023

Dikeluarkan oleh

**BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG**

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA PENGKAL PERSIDANGAN PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

SOALAN BERTULIS DAN JAWAPAN

No. Soalan	Kandungan	Muka Surat
I	Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Muhamad bin Kasim)	1 - 11
II	Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon)	11 - 74
III	Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Wong Yuee Harng)	74 - 110
IV	Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan a/l Aramugam)	11 - 1502
V	Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong)	152 - 189
VI	Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tan Hooi Peng)	190 - 219
VII	Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Lee Boon Heng)	219 - 254
VIII	Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Azmi bin Alang)	254 - 257
IX	Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik)	258 - 508
X	Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Chee Yeeh Keen)	509 - 521

**SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MENDAPATKAN JAWAPAN BERTULIS
DARIPADA Y.A.B. KETUA MENTERI:**

I. Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Muhamad bin Kasim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Permohonan memasang bonggol di Jalan Utama Telok Bahang tidak diluluskan disebabkan ianya berkategori Jalan Persekutuan. Jalan ini melibatkan masjid, dua (2) buah sekolah, balai bomba dan klinik. Mengapakah peraturan ini sangat 'rigid' sehingga mengabaikan kepentingan dan keselamatan awam?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Jabatan Kerja Raya telah memohon peruntukan di bawah Program Lintasan Pejalan Kaki Tahun 2024 bagi mengurangkan risiko kemalangan dan akan menumpukan perhatian di kawasan berisiko tinggi seperti masjid.

Untuk membina bonggol di sesuatu kawasan, banyak faktor perlu dipertimbangkan seperti kepadatan lalu lintas dan had laju kenderaan. Kajian yang teliti perlulah dilaksanakan sebelum ianya dapat dipertimbangkan. Ini bagi mengelakkan kewujudan lokasi kemalangan baharu akibat daripada binaan bonggol baharu ini.

Kaedah redaan trafik lain perlu dipertimbangkan terlebih dahulu sebelum pemilihan kaedah bonggol. Bonggol merupakan pilihan terakhir dan wajib mematuhi keperluan reka bentuk bersama alat kawalan trafik tambahan seperti papan tanda, jalur rentas kuning dan lain-lain.

Mengikut Akta Pengangkutan Jalan (Mei 2004) di bawah Seksyen 83a, pembinaan bonggol jalan di Jalan Persekutuan hanya boleh dilaksanakan dengan kelulusan Menteri Kerja Raya.

2. Jalan simpang 'Y' dari Air Putih ke Jalan Bharu dan ke Pekan Balik Pulau adalah kawasan '*bottleneck*'. Bolehkah kawasan ini dibina bulatan pusingan bagi mengurangkan risiko kemalangan dan kesesakan trafik pada waktu puncak?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Satu (1) persimpangan bulatan akan dibina di simpang 'Y' dari Air Putih ke Jalan Bharu dan ke Pekan Balik Pulau. Ianya telah disyaratkan kepada pemaju yang akan menjalankan pemajuan di Jalan Sungai Air Putih, Bandar Baru Air Putih, Balik Pulau. Kelulusan *Traffic Impact Assessment* (TIA) untuk membina persimpangan bulatan tersebut telah diberikan oleh pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kepada pemaju tersebut. Pihak pemaju kini sedang dalam penyediaan dokumen untuk mendapatkan kelulusan pelan jalan dan parit dari Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP).

Sebagai tambahan, MBPP juga telah mensyaratkan pemasangan lampu isyarat di persimpangan Jalan Sungai Pinang / Jalan Baru bagi meningkatkan keselamatan dan mengurangkan kesesakan di persimpangan ini.

3. Mengapakah kawasan bukit yang menjadi tadahan hujan pada masa kini tidak menyalurkan air seperti mana dahulu? Contohnya sungai di Titi Kerawang dahulunya amat deras dan menjadi pusat rekreasi setempat serta menjadi saluran kepada petani-petani di kawasan Sungai Pinang, Sungai Rusa dan Permatang Pasir.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil tindakan untuk mewartakan seluas 6,288.295 hektar kawasan Tadahan Air di bawah Enakmen Pembekalan Air (EPA) 1998, Perintah

Pembekalan Air (Kawasan Tadahan) tahun 2004, iaitu pada 2 Disember 2004. Pewartaan kawasan tadahan ini meliputi Kawasan seluas 3,565 hektar Hutan Simpanan Kekal.

Pada tahun 2021, Kerajaan Negeri telah mewartakan seluas 3,640.85 hektar Hutan Simpanan Kekalnya sebagai Hutan Tadahan Air menerusi Siar Warta 59 dan 592 bertarikh 30 September 2021. Jumlah keluasan Hutan Simpanan Kekal untuk tujuan pewartaan sebagai Hutan Tadahan Air ini secara langsung meningkat sebanyak 2% berbanding jumlah Hutan Simpanan Kekal yang diwartakan di bawah EPA 1998 pada tahun 2004. Pewartaan ini sudah tentunya penting bagi mengukuhkan lagi jaminan (*double protection*) ke atas kawalan kawasan tadahan air ini tanpa sebarang ancaman pembangunan.

Kesemua kawasan Hutan Tadahan Air yang diwartakan melibatkan kawasan hulu yang bermula di kawasan lembangan puncak bukit dan tanah tinggi. Buat masa ini, tiada pencerobohan yang telah direkodkan di kawasan Hutan Tadahan Air. Perubahan jumlah air di beberapa pusat rekreasi setempat berkemungkinan berpunca daripada perubahan jumlah air hujan yang diterima oleh sesuatu kawasan. Dalam hal ini, kawasan kolam dan sungai yang menjadi tempat aktiviti riadah mandi di semua Taman Rimba di bawah kelolaan Jabatan Perhutanan Negeri juga turut tidak terkecuali daripada merekodkan perubahan jumlah air berbeza.

Berdasarkan maklumat Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPS), jabatan tersebut bertanggungjawab menguruskan air sungai dan juga parit-parit bagi tujuan pertanian di luar rizab Jalan Kampung Tersusun dan Jalan Izin Lalu, (merujuk kepada Garis Panduan Penetapan Tanggungjawab Penyelenggaraan Jalan dan Parit oleh Agensi Kerajaan di Pulau Pinang berkuat kuasa 1 Ogos 2019). Berikut merupakan maklumat terkini berkenaan isu di atas:

- (a) Aktiviti pertanian di Kawasan Sungai Pinang, Sungai Rusa dan Permatang Pasir merupakan pertanian jenis tanaman kontan dan juga dusun buah-buahan. Petani-petani di kawasan tersebut masih menerima bekalan air dari air Sungai Pinang dan Sungai Rusa kerana sungai-sungai tersebut masih mempunyai air yang cukup.
- (b) Namun begitu, apabila penanaman padi tidak lagi diusahakan di kawasan Sungai Pinang, Sungai Rusa dan Permatang Pasir, sistem saliran tali air juga tidak dibangunkan, malah ada juga sistem tali air yang dikambus oleh tuan tanah bagi tujuan pembangunan.

Seterusnya, bagi isu Sungai Titi Kerawang, JPS telah merujuk kepada kenyataan media Ketua Pegawai Eksekutif, PBAPP dan PBA Holding Bhd. bertarikh 29 Ogos 2020 seperti di **LAMPIRAN A**. Laporan kenyataan media ini menyatakan bahawa:

- (i) Projek kontingensi air mentah untuk mengisi semula Empangan Teluk Bahang akan bermula pada bulan September 2020. Projek ini melibatkan pengalihan air mentah dari kawasan tadahan air Sungai Pinang (berhampiran air terjun Titi Kerawang) ke empangan.

Projek kontingensi tadahan Sungai Pinang adalah satu lagi komponen dalam pelan keseluruhan PBAPP agar kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang yang rendah mampu bertahan sehingga musim hujan tiba.



29.8.2020

KENYATAAN MEDIA

oleh **DATO' IR. JASENI MAIDINSA**
CEO, PBAPP dan PBA Holdings Bhd.

MENEROKA KAWASAN TADAHAN KEDUA UNTUK MENGISI SEMULA EMPANGAN TELUK BAHANG

- **PBAPP melaksanakan projek kontingensi untuk membekalkan air mentah dari Tadahan Sungai Pinang (berhampiran air terjun Titi Kerawang) ke Empangan Teluk Bahang.**

PULAU PINANG, Sabtu, 29.8.2020: Projek kontingensi air mentah untuk mengisi semula Empangan Teluk Bahang akan bermula pada bulan September 2020. Projek ini melibatkan pengalihan air mentah dari kawasan ladahan air Sungai Pinang (berhampiran air terjun Titi Kerawang) ke empangan.

Projek ini akan membolehkan Empangan Teluk Bahang memanfaatkan 2 sumber air iaitu: kawasan ladahan air Teluk Bahang dan kawasan tadahan air Sungai Pinang, yang jaraknya sekitar 8.6km melalui jalan darat.

PBAPP sedang melakukan kerja kerja pengubahsuaian saluran paip pada bulan Ogos 2020 untuk membolehkan pengalihan air mentah dari kawasan ladahan Sungai Pinang ke Empangan Teluk Bahang.

Saluran paip air terawat 450 mm sedia ada di muka sauk Sungai Pinang akan digunakan untuk mengalirkan air mentah dan dilepaskan ke empangan secara semula jadi.

Ketika hujan di kawasan tadahan air Empangan Teluk Bahang dan kawasan tadahan air Sungai Pinang, empangan akan menerima air mentah dari 2 sumber. Potensi hasil dari tadahan Sungai Pinang ialah 10 juta liter sehari (MLD).

Projek kontingensi tadahan Sungai Pinang adalah satu lagi komponen dalam pelan keseluruhan PBAPP agar kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang yang rendah mampu "bertahan" sehingga musim hujan tiba.



Komponen lain pelan itu termasuk meminimumkan pelepasan harian dari Empangan Teluk Bahang, mendapatkan persetujuan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk 8 operasi pembenihan awan dan memohon kerjasama pengguna air untuk menjimatkan air sehingga Empangan Teluk Bahang diisi semula.

Pada 28.8.2020, kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang adalah 16.4%, yang mencukupi untuk bekalan selama 51 hari tanpa hujan. Apabila terdapat hujan di kawasan tadahan air empangan, bilangan hari bekalan akan meningkat secara signifikan.

Di samping itu, projek pembenihan awan yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar, Projek Pembenihan Awan Kerajaan Pulau Pinang dan projek pembenihan awan komuniti yang dijalankan oleh pengguna lain sangat penting.

Keperluan dalam Operasi Pembenihan Awan

Pada 24.8.2020, PBA telah melaksanakan operasi pembenihan awan sebagai sebahagian daripada projek pembenihan awan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang di Empangan Teluk Bahang. Projek pembenihan awan yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar dan Projek Pembenihan Awan Komuniti.

Ini merupakan kali ke-15 operasi pembenihan awan ini dijalankan di Empangan Teluk Bahang sejak 2005.

Pada 24.8.2020, Jabatan Alam Sekitar dan Projek Pembenihan Awan Komuniti telah melaksanakan operasi pembenihan awan di Empangan Teluk Bahang. Operasi pembenihan awan ini dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar dan Projek Pembenihan Awan Komuniti. Awan yang dipencilkan oleh konsentrator tersebut adalah ia dalam memancarkan "aerosol" yang dipencilkan untuk operasi pembenihan awan.

PBA harus memantau dan mengulangi pembenihan awan untuk memastikan operasi ini dan memastikan bahawa keselamatan dalam mempromosikan pelaksanaan ini operasi pembenihan awan cepat berakhir, pada bulan September 2020.



Memohon kerjasama pengguna untuk menggunakan air dengan berhemat

Melihat kepada status terkini Empangan Teluk Bahang, PBAPP ingin menasihati semua pengguna air di Teluk Bahang, Batu Feringhi dan kawasan di sekitar Tanjung Bungah untuk menjimatkan air.

Jangan biarkan air pili mengalir, siram laman anda dengan hos atau mencuci kereta atau motosikal anda setiap hari. Untuk tip-tip jimat air sila lawati www.pba.com.my.

PBAPP memerlukan kerjasama anda agar menggunakan air secara berhemah sehingga kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang kembali normal.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my

4. Adakah Kerajaan Negeri campur tangan atau menasihati pemaju dalam masalah pembinaan projek perumahan swasta yang tidak menyediakan penempatan sementara atau wang pampasan kepada para penduduk yang terpaksa keluar dari rumah mereka disebabkan pemaju telah mengambil alih tanah yang diduduki? Jelaskan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Kerajaan Negeri dalam mengimbangi keperluan pembangunan dan kebajikan sosial telah meluluskan Dasar Pengurusan Setinggalan Negeri Pulau Pinang pada 21 Oktober 2009. Dasar ini boleh dirujuk oleh pemaju dan pemilik tanah persendirian dalam menguruskan proses rundingan dan penempatan semula kepada setinggalan, namun obligasi penyelesaian setinggalan di tapak adalah di antara pemilik tanah dengan penduduk.

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada peringkat kelulusan kebenaran merancang turut mensyaratkan pemaju supaya penyelesaian bersama penduduk dicapai terlebih dahulu.

5. Apakah resolusi Kerajaan Negeri kepada masalah kekurangan pembinaan rumah kos rendah dan sederhana di sekitar kawasan N40 Telok Bahang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Dalam Pelan Induk Perancangan Pembangunan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) 2021-2025 mempunyai pelaksanaan pembangunan Rumah Mampu Milik dan Pembaharuan Semula Bandar yang akan menyumbang 32,922 unit iaitu 4,066 unit RMM A, 8,326 unit RMM B dan 20,600 unit RMM C. Ini menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri dalam pembekalan Rumah Mampu Milik di negeri Pulau Pinang. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri turut memberikan densiti yang lebih tinggi kepada pemajuan RMM B sehingga 4:1 sepertimana RMM C. Kerajaan Negeri juga, melalui LPNPP akan mengenalpasti tanah-tanah kerajaan yang berpotensi di kawasan N40 untuk dibangunkan dan memasukkan komponen RMM A atau RMM B dalam pemajuannya.

Perincian bagi maklumat projek-projek RMM A dan B mengikut status pembinaan di sekitar kawasan Teluk Bahang seperti di **LAMPIRAN A dan B**.

**DATA PECAHAN RMM A DAN B BAGI PROJEK DALAM PERANCANGAN,
SEDANG DIBINA DAN SIAP DIBINA
DI TELUK BAHANG**

Jenis RMM/Status	Dalam Perancangan	Sedang Dibina	Siap Dibina	JUMLAH
RMM A	192	123	1,543	1,858
RMM B	300	123	0	423
JUMLAH	492	246	1,543	2,281

LAMPIRAN B

Senarai Projek RMM A dan B Siap Dibina di Teluk Bahang

Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMM	Bil. Unit
1	2013	DBD	Kuala Sg Pinang	PERDA	Lot PT.813, HS(D)3, (Petak 1), dan Lot PT241, HS(M)240, Mk. B, Kuala Sg. Pinang	A	216
2	2017	DBD	Pala Palace	(PERDA) (JV : Gayarena Sdn Bhd)	Lot P.T. 105, Mukim 2, Jalan Telok Bahang, DBD	A	100
3	2021	DBD	Kuala Sg Pinang	PERDA	Lot 3077 Sebahagian Lot 3076 Fasa 2A Mukim B Daerah Barat Daya Pulau Pinang.	A	52
4	2021	DBD	310, 311, 312 & 10632 (Sbhg Lot 451(Lot Lama), Mukim D Bagan Air Itam, Jalan Prestij 4, Daerah Barat Daya	Ideal Homes Properties Sdn. Bhd.	Siap	A	1,175
					JUMLAH		1,543

Senarai Projek RMM A dan B Sedang Dibina di Teluk Bahang

Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMM	Bil. Unit
1	2017	DBD	Seri Bayu	Prisma Bumiraya Sdn. Bhd.	332, Mukim 3 Bukit Sg. Rusa & Sg. Pinang, Jalan Sungai Rusa, Daerah Barat Daya	A	123
2	2017	DBD	Seri Bayu	Prisma Bumiraya Sdn. Bhd.	332, Mukim 3 Bukit Sg. Rusa & Sg. Pinang, Jalan Sungai Rusa, Daerah Barat Daya	B	123
					JUMLAH		246

Senarai Kebenaran Merancang Projek RMM A dan B di Teluk Bahang

Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Status	Jenis RMM	Bil. Unit
1	2016	DBD	Lot No. 84, Mukim D Bagan Air Itam, Lorong Prestij 10, Jalan Baru, George Town, DTL	Alamkhas Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	A	192
2	2016	DBD	Lot No. 84, Mukim D Bagan Air Itam, Lorong Prestij 10, Jalan Baru, George Town, DTL	Alamkhas Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	B	192
3	2017	DBD	Di Atas Lot 1053, 1054 dan sebahagian Simpanan Laluan (Pelot A), Mukim C	Tetuan JKP Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	B	108
					JUMLAH		492

6. Penebangan pokok-pokok bakau serta pencemaran laut oleh pengusaha undang di Kuala Sungai Pinang bukanlah isu baru. Ianya telah dibangkitkan secara serius oleh Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) pada 16 Mac 2021 yang lalu melalui portal 'Malaysian Gazette' dan Kosmo Digital. Apakah tindakan susulan Kerajaan Negeri untuk mengatasi isu yang berpanjangan ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Pada 15 Disember 2022, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telahewartakan seluas 676.48 hektar yang merangkumi lapan (8) kawasan Hutan Paya menerusi Siar Warta bernombor 1291. Jumlah ini menjadikan kawasan Hutan Paya Laut Negeri Pulau Pinang yang diwartakan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] pada ketika ini adalah seluas 1,057.52 hektar berbanding tahun sebelumnya iaitu hanya seluas 381.04 hektar Hutan Paya Laut. Ini bermakna Kerajaan Negeri telah meningkatkan keluasan Hutan Paya Laut yang dilindungi sebanyak 63.9%.

Berdasarkan rekod Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang, tiada insiden kes pencerobohan tanah Hutan Paya Laut yang direkodkan berlaku di dalam Hutan Simpanan Kekal. Walau bagaimanapun, terdapat dua (2) insiden kesalahan hutan yang direkodkan iaitu kes pengambilan kayu bakau secara haram dan kes pelebaran kolam undang di tanah persendirian yang memasuki sempadan Hutan Simpanan Kekal. Semua kes telah diambil tindakan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984. Butiran maklumat insiden kesalahan hutan adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Kes Kesalahan Hutan Di Hutan Simpanan Kekal Paya Laut Negeri Pulau Pinang.

Bil	Tahun	Hutan Simpanan Kekal	Jenis Kesalahan	Penyelesaian Kes
1	2016	Hutan Simpanan Balik Pulau (Pantai Malindo)	Mengambil kayu bakau sebanyak 60 secara haram (60 batang)	Kertas Siasatan telah dibuka pada Disember 2016 dan telah selesai dengan <i>No Further Action</i> (NFA) pada Jun 2017 berikutan tiada tangkapan sepanjang risikan dijalankan.
2	2014	Hutan Simpanan Balik Pulau (Pulau Betong)	Pelebaran kolam undang di tanah persendirian yang memasuki sempadan Hutan Simpanan Kekal (seluas 0.07 hektar atau 0.17 ekar)	Kertas Siasatan telah dibuka pada April 2014 dan telah selesai dengan dikenakan denda sebanyak RM4,000. Kes selesai pada Disember 2014.

Jabatan Perhutanan Negeri juga menerima laporan tentang pencerobohan tanah bakau yang berlaku di luar Hutan Simpanan Kekal iaitu yang berlaku di Tanah Kerajaan dan Tanah Milik. Berdasarkan rekod Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang, sejak tahun 2013 sehingga September 2023, sebanyak sembilan (9) kes laporan pencerobohan atau penerokaan tanah bakau telah direkodkan. Butiran maklumat laporan pencerobohan atau penerokaan tanah bakau adalah seperti di **Jadual 2**. Laporan-laporan tersebut telah dikemukakan kepada pihak berwajib untuk tindakan susulan.

Jadual 2: Laporan Kawasan Aduan Penceroohan/ Penerokaan Bakau Di Luar Hutan Simpanan Kekal Sejak Tahun 2013 Hingga September 2023.

Bil	Tahun	Lokasi	Luas	Jenis Insiden
1	April 2019	Lot 267, Sungai Burung, Daerah Barat Daya	-	Pembuangan sisa pembinaan/sampah secara haram
2	Januari 2019	Lot, 8776, Batu Maung	5 hektar	Pembuangan sisa pembinaan/sampah secara haram
3	Julai 2018	Sungai Burung, Daerah Barat Daya	-	Longgokan bahan binaan berhampiran menara siren tsunami
4	Oktober 2018	Lot, 898, 683, 689 - 698, Mukim 12, Daerah Seberang Perai Tengah	1.194 hektar	Penerokaan bagi aktiviti akuakultur
5	September 2015	Kuala Sungai Pinang	-	Pelebaran aliran air untuk kolam ternakan udang
6	April 2013	Lot 802, Mukim C, Daerah Barat Daya	111 ekar	Peluasan kolam ternakan udang
7	Jun 2013	Kuala Muda-Muara Sungai Tembus	-	Pemotongan pokok api-api sepanjang sungai
8	Jun 2013	Taman Burung, Seberang Jaya	-	Insiden pokok patah dan tumbang secara semula jadi
9	September 2021	Lot 10092, Mukim 1, Seberang Perai Tengah	17 ekar	Pembersihan tanah untuk pembuangan slab besi secara haram

Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang memandang serius terhadap kesalahan hutan yang berlaku dengan menguatkuasakan Akta Perhutanan Negara 1984. Rondaan tetap dan berkala sentiasa dijalankan terutamanya bagi memeriksa persempadanan Hutan Simpan Kekal. Jabatan Perhutanan Negeri juga melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan sempadan Hutan Simpan Kekal agar ia lebih *visible* kepada pemilik tanah berhampiran. Papan tanda amaran kesalahan hutan dan papan tanda Hutan Simpanan Kekal turut dipasang di lokasi *hot spot* yang bersempadan dengan tanah-tanah milik persendirian bagi mengelakkan sempadan-sempadan Hutan Simpan Kekal dicerobohi.

Selain itu, Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang juga melaksanakan pemantauan secara berkala melalui udara (*drone*) serta menggunakan *Forest Monitoring Using Remote Sensing* (FMRS) iaitu sistem pemantauan integrasi menerusi satelit yang dibangunkan bersama Agensi *Remote Sensing* Negara (MySA) untuk mengesan perubahan guna tanah bagi liputan kawasan berhutan. Sistem yang dibangunkan menerusi teknologi satelit ini berupaya untuk mengesan sebarang aktiviti pembukaan hutan dan memudahkan pihak jabatan untuk melaksanakan aktiviti risikan di kawasan yang terlibat.

II. Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Senaraikan inisiatif dan usaha Kerajaan Negeri untuk mencapai 'zero carbon emission'.
 - (a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk memperkenalkan 'carbon capture usage' serta program 'storage' seperti negara lain?
 - (b) Bagaimanakah usaha kerajaan menuju ekonomi 'low carbon' dalam membantu mewujudkan kerja dan kemahiran?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Senarai inisiatif dan usaha Kerajaan Negeri untuk mencapai '*zero carbon emission*' adalah seperti berikut:
 - (i) Kerajaan Negeri telah mensasarkan penanaman sebanyak 500,000 batang pokok di Pulau Pinang menjelang tahun 2030. Semenjak tahun 2008 sehingga kini, sebanyak 441,536 batang pokok telah ditanam di seluruh negeri Pulau Pinang bersamaan dengan 100,000 tan pengurangan karbon bagi menjadikan negeri ini sebuah negeri yang hijau.
 - (ii) Pemasangan panel solar di bangunan kerajaan seperti di empat (4) bangunan milik Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan empat (4) bangunan milik Majlis Bandaraya Seberang Perai. Terbaharu, Kerajaan Negeri juga sedang melaksanakan pemasangan panel solar di empat (4) Pejabat Daerah dan Tanah seperti berikut:
 - (1) Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya;
 - (2) Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara;
 - (3) Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah; dan
 - (4) Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan.
 - (iii) Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan inisiatif penarafan bangunan hijau bagi memastikan sasaran untuk menjadi Bandar Rendah Karbon tercapai. Di Pulau Pinang, kita mempunyai sebanyak 217,632 bangunan tinggi yang perlu dihijaukan dan bangunan baharu perlu mencapai kriteria-kriteria yang ditetapkan bagi mencapai matlamat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri hijau dan pintar. Sebanyak 409 (70%) buah bangunan milik Pihak Berkuasa Tempatan di Pulau Pinang telah mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) elemen hijau dan pintar seperti sistem pengumpulan air hijau (SPA), panel solar dan sistem penjimatan air (*water saving device*).
 - (a) *Carbon Capture Usage and Storage (CCUS)* merupakan satu proses di mana molekul karbon diasingkan dari punca pelepasan, dimampatkan dan dialihkan menerusi saluran perpaipan atau tangki ke tapak di mana ia akan digunakan kembali (*usage*) atau disuntik ke dalam tanah untuk tujuan penyimpanan (*storage*). Buat masa ini, Pulau Pinang belum lagi mengguna pakai sebarang aplikasi CCUS dalam menangani pelepasan karbon dalam negeri.
 - (b) Antara usaha Kerajaan Negeri dalam menuju ke arah ekonomi '*low carbon*' bagi membantu mewujudkan peluang pekerjaan dan kemahairan adalah seperti berikut:
 - (i) Kerajaan Negeri melalui Penang Green Council (PGC) sedang menjalankan inventori pelepasan gas rumah hijau bagi sektor pengangkutan untuk mengukur kadar pelepasan tahunan gas rumah hijau yang dihasilkan di Pulau Pinang. Pengutipan data-data *baseline* akan membantu Pulau Pinang dari segi penentuan hala tuju ekonomi '*low carbon*'.
 - (ii) Pihak PGC telah menjalankan beberapa program pembangunan kapasiti yang memfokuskan peningkatan tahap pemahaman dan pendidikan kepada pelbagai peringkat masyarakat. Inisiatif ini dijalankan dengan menekankan penglibatan masyarakat, sama ada pihak kerajaan atau

swasta dalam mengambil langkah untuk mengurangkan pelepasan karbon individu dan organisasi. PGC telah menjalankan beberapa siri latihan ESG (*Economy, Social & Governance*) pada tahun ini, antaranya adalah 'Kursus Penang Lestari, Apadia tu' yang dijalankan dari tahun 2021 sehingga tahun 2023 dan 'Bengkel Perubahan Iklim dan Inventori Pelepasan Gas Rumah Hijau' pada tahun 2021. Pembinaan kapasiti dalaman/ tempatan dapat membantu meningkatkan daya saing dan perkaitan (*relevancy*) industri-industri Pulau Pinang dengan pasaran semasa yang dipacu ESG dan ekonomi kitaran.

(iii) **Industri Hijau - Projek Ekonomi Kitaran bagi Sektor Industri**

Projek ini telah bermula tahun 2022 di bawah usaha PGC. Projek ini memberi tumpuan kepada industri elektrik dan elektronik (E&E). Objektif utama bagi projek ini adalah mengurangkan kesan alam sekitar, meningkatkan produktiviti dan prestasi alam sekitar dan membantu Pulau Pinang menjadi hab perindustrian hijau. Projek ini melibatkan agensi kerajaan, kumpulan industri, perusahaan besar dan usahawan tempatan (SMEs) dan organisasi antarabangsa. Program ini merangkumi *partnership programme* dengan SMEs, bengkel dan persidangan ESG yang memberi tumpuan kepada pembiayaan hijau (*Green Financing*) dan ESG.

(iv) **Pasukan Petugas Tenaga Diperbaharui dan Kecekapan Tenaga Pulau Pinang (*Renewable Energy and Energy Efficiency (RE&EE) Taskforce*)**

Pasukan ini telah ditubuhkan pada Jun 2020 di bawah YB EXCO Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital untuk mengenal pasti rangka kerja yang efektif dan boleh dilaksanakan dalam meningkatkan tahap pengambilan RE dan EE di Pulau Pinang. Jawatankuasa ini menggubal strategi yang bertujuan untuk meningkatkan pelaksanaan projek RE dan EE, memperkenalkan kerangka kerja yang dapat dilaksanakan yang merangkumi peraturan/undang-undang polisi industri/sektoral di Pulau Pinang menjelang 2030. Cadangan dan asas pertimbangan yang disyorkan adalah selari dengan Pelan Induk Bandar Rendah Karbon Rendah (LCCF) Kerajaan Persekutuan dan Pelan Hala Tuju Tenaga Boleh Baharu (MyReR) Malaysia. Salah satu cadangan daripada jawatankuasa adalah membangunkan kapasiti dalam pengurusan tenaga bangunan awam. Kursus ini adalah untuk memberikan pendedahan dan meningkatkan kecekapan pengurusan tenaga bangunan awam di Pulau Pinang. Sejurus itu, Kerajaan Negeri boleh mengawal selia penggunaan elektrik sekali gus mengurangkan perlepasan karbon. Antara kursus yang telah dijalankan adalah:

- (1) Kursus Pengenalan Pengurusan Tenaga Bagi Bangunan Kerajaan (*Energy Management Introduction Course for Public Building*); dan
- (2) Kursus Lanjutan Pengurusan Tenaga Bagi Bangunan Kerajaan (*Advanced Energy Management Training for Public Buildings*).

Selain itu juga, dalam memastikan usaha kerajaan menuju ekonomi '*low carbon*' dapat dicapai, kerjasama di antara pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Seberang Perai turut dibuat dan pelbagai aktiviti telah dijalankan bagi memastikan usaha ini berhasil. Senarai aktiviti adalah seperti di **Lampiran A dan Lampiran B**.

**SENARAI INISIATIF DAN USAHA MBPP
UNTUK MENCAPAI 'ZERO CARBON EMISSION'**

Bil	Butir-butir Pelaksanaan Program Hijau	Status	Ulasan
1.	Penggantian lampu jalan <i>High Pressure Sodium Vapour (HPSV)</i> kepada jenis <i>Light Emitting Diode (LED)</i> di kawasan penyelenggaraan Majlis Bandaraya Pulau Pinang.	Telah siap sepenuhnya.	Keseluruhan 17,542 unit lampu jalan MBPP jenis <i>HPSV</i> telah siap ditukar ke jenis <i>LED</i> . Pengurangan sebanyak 5,862 ton CO ₂ setahun.
2.	Penggantian lampu jalan <i>High Pressure Sodium Vapour (HPSV)</i> kepada jenis <i>Light Emitting Diode (LED)</i> bagi lampu jalan yang diselenggara oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB).	Telah siap sepenuhnya.	Keseluruhan 15,559 unit lampu jalan TNB jenis <i>HPSV</i> telah siap ditukar ke jenis <i>LED</i> . Pengurangan sebanyak 3,111 ton CO ₂ setahun.
3.	Penggantian lampu-lampu jenis konvensional sedia ada kepada lampu jenis cekap tenaga di premis-premis MBPP (Fasa 1).	Telah siap sepenuhnya.	Sebanyak 9,419 unit lampu premis MBPP jenis konvensional telah siap ditukar ke jenis cekap tenaga. Pengurangan sebanyak 738 ton CO ₂ setahun.
4.	Penggantian lampu-lampu jenis konvensional sedia ada kepada lampu jenis cekap tenaga di premis-premis MBPP (Fasa 2).	Dalam proses penukaran.	Sebanyak 5,989 unit lampu premis MBPP jenis konvensional akan ditukar ke jenis cekap tenaga. Projek ini akan siap pada penghujung tahun 2023. Pengurangan sebanyak 615 ton CO ₂ setahun.
5.	Pemasangan lampu solar di laluan-laluan basikal di kawasan Pulau, Pulau Pinang.	Program pemasangan ini berterusan mengikut keperluan tapak.	Sebanyak 715 unit lampu solar telah dipasang di laluan basikal MBPP dan akan diteruskan mengikut keperluan. Pengurangan sebanyak 220 ton CO ₂ setahun.
6.	Pemasangan sistem solar di premis-premis MBPP (Fasa 1).	Telah siap bagi tujuh (7) bangunan dan akan diteruskan.	MBPP telah siap memasang sistem solar di tujuh (7) dan akan meneruskan inisiatif ini pada bangunan-bangunan MBPP yang lain. Pengurangan sebanyak 886.6 ton CO ₂ setahun.
7.	Pemasangan <i>EV charger</i> di 26 buah lokasi bagi kawasan pentadbiran MBPP.	Dalam proses penilaian.	MBPP telah mengenal pasti sebanyak 26 buah lokasi yang sesuai untuk tujuan pemasangan <i>EV charger</i> di kawasan pentadbiran MBPP.
8.	Perkhidmatan menyewa skuter elektrik untuk Jabatan Penguatkuasaan, Majlis	Sedang digunakan.	Sebanyak lima belas (15) unit skuter elektrik telah disewa mulai

Bil	Butir-butir Pelaksanaan Program Hijau	Status	Ulasan
	Bandaraya Pulau Pinang.		01 November 2022 dan telah menghasilkan pengurangan karbon sebanyak 2,731.90 kg Co2.
9.	Perkhidmatan menyewa skuter elektrik dengan <i>FRP Delivery Box</i> Bagi Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, Majlis Bandaraya Pulau Pinang.	Proses sebut harga.	Perancangan untuk penyewaan enam (6) unit skuter elektrik pada tahun 2023.
10.	Perkhidmatan menyewa skuter elektrik <i>C/W side car</i> untuk Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, Majlis Bandaraya Pulau Pinang.	Proses sebut harga.	Perancangan untuk penyewaan sepuluh (10) unit skuter elektrik pada tahun 2024.
11.	Membekal, menghantar, menguji, mendaftar dan mentauliahkan satu (1) unit <i>sport utility vehicle</i> elektrik untuk Majlis Bandaraya Pulau Pinang (Jabatan Pelesenan).	Proses sebut harga.	Perancangan pembelian satu (1) kereta (<i>SUV</i>) elektrik pada tahun 2024.
12.	Membekal, menghantar, menguji, mendaftar dan mentauliahkan satu (1) unit <i>sport utility vehicle</i> elektrik untuk Majlis Bandaraya Pulau Pinang (Unit Pusat Setempat).	Proses sebut harga.	Perancangan pembelian satu (1) unit kereta (<i>SUV</i>) elektrik pada tahun 2024.
13.	Membekal, menghantar, menguji, mendaftar dan mentauliahkan satu (1) unit kereta elektrik rasmi Setiausaha Bandaya untuk Majlis Bandaraya Pulau Pinang (Jabatan Khidmat Pengurusan).	Proses sebut harga.	Perancangan pembelian satu (1) unit kereta elektrik pada tahun 2024.
14.	Membekal, menghantar, menguji, mendaftar dan mentauliahkan satu (1) unit bas elektrik untuk Majlis Bandaraya Pulau Pinang (Jabatan Khidmat Pengurusan).	Proses tender.	Perancangan pembelian satu (1) unit bas elektrik pada tahun 2024.
15.	Perkhidmatan bas <i>shuttle</i> percuma di Pusat Bandar George Town, Pulau Pinang.	Dilaksanakan bermula tahun 2009 sehingga kini.	Lima (5) buah bas <i>shuttle</i> percuma disediakan di kawasan Pusat Bandar dengan panjang 8 km dan masa perselangan perjalanan bas adalah selama 10 minit. Pada masa sekarang, lebih kurang 3,200 orang menggunakan perkhidmatan bas CAT setiap hari. Di samping itu, bancian MBPP menunjukkan bahawa 40% daripada pengguna bas CAT mempunyai kenderaan persendirian.
16.	Penyediaan <i>Bicycle Lane Masterplan</i> .	Dilaksanakan bermula tahun 2010 sehingga kini.	Pelan Induk Laluan Basikal Pulau Pinang telah dirangka oleh Kerajaan Negeri dan MBPP pada tahun 2011 serta polisi-polisi diadakan untuk menggalakkan penggunaan basikal di

Bil	Butir-butir Pelaksanaan Program Hijau	Status	Ulasan
			Pulau Pinang. Seiring dengan ini, lorong-lorong basikal sama ada secara berasingan atau berkongsi dengan kenderaan bermotor telah disediakan di beberapa kawasandan koridor di bahagian pulau, Pulau Pinang. Setakat ini, 205 km laluan basikal telah disediakan di bahagian pulau, Pulau Pinang.
17.	<i>Foldies Bicycle on Rapid Bus.</i>	Dilaksanakan pada tahun 2019 sehingga kini.	MBPP juga bekerjasama dengan Syarikat Rapid Bus Sdn. Bhd. untuk membolehkan pengguna basikal dengan <i>foldable bikes</i> sertagolongan OKU menaiki bas Rapid. Setakat ini, lebih kurang 200 buah bas Rapid Penang dengan laluan yang merangkumi keseluruhankawasan di bahagian pulau dan Seberang Perai telah menyediakan ruang untuk meletak <i>foldable bikes</i> .
18.	Kemudahan menyewa basikal di kawasan pulau, Pulau Pinang termasuk di pusat bandar George Town (<i>Link Bike System</i>).	Dilaksanakan pada tahun 2016 sehingga kini.	Sebanyak 29 buah stesen <i>Link Bike</i> dengan 250 buah basikal sewa telah disediakan oleh MBPP. Untuk rancangan masa hadapan, bilangan stesen <i>Link Bike</i> juga akan ditambah untuk memudahkan orang awam menggunakannya dalam aktiviti harian serta laluan basikal untuk menghubungkan stesen-stesen tersebut akan dibina.
19.	Penyediaan laluan kenderaan mikromobiliti sebagai <i>First Mile & Last Mile</i> .	Dalam proses pelaksanaan.	MBPP sedang bekerjasama dengan MIROS dan MOT untuk menyediakan satu garis panduan pelaksanaan <i>Sandbox</i> Mikromobiliti (GPPSM). Satu RFP akan dipanggil selepas garis panduan GPPSM dimuktamadkan untuk melantik mana-mana operator <i>e-scooter</i> bagi menyediakan perkhidmatan <i>e-scooter</i> .
20.	Perkhidmatan <i>water taxi</i> sebagai pengangkutan awam di Pulau Pinang.	Dalam proses pelaksanaan.	MBPP dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan agensi-agensi lain yang berkaitan bercadang untuk mewujudkan perkhidmatan teksi air untuk bahagian pulau, Pulau Pinang.

Bil	Butir-butir Pelaksanaan Program Hijau	Status	Ulasan
			<p>Lokasi-lokasi jeti yang bersesuaian telah dikenal pasti oleh MBPP untuk dijadikan sebagai tempat mengambil dan menurunkan penumpang di mana sebanyak empat (4) lokasi jeti telah dicadangkan untuk perkhidmatan teksi air ini.</p> <p>MBPP telah mengeluarkan satu Surat Niat kepada Syarikat yang berjaya untuk menjalankan Projek Teksi Air ini. Sekiranya syarikat ini bersetuju dengan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Surat Niat ini, satu Surat Tawaran akan dikeluarkan kepada syarikat ini. Projek Teksi Air ini dijangka akan boleh mula beroperasi pada pertengahan tahun 2025.</p>
21.	Membina dan menaik taraf laluan pejalan kaki bagi menggalakkan orang awam untuk berjalan sebagai salah satu kaedah bagi menggantikan penggunaan kenderaan bermotor.		Bermula dari tahun 2012 sehingga tahun 2023, MBPP telah membina dan menaik taraf laluan pejalan kaki sepanjang 44.075 km di dalam kawasan pentadbirannya.
22.	Penyelarasan tempoh kitaran (<i>cycle time</i>) lampu isyarat untuk mewujudkan " <i>green wave</i> " seperti di Jalan Masjid Negeri, Jalan Ayer Itam, Jalan Permatang Damar Laut dan sebagainya.	Telah dilaksanakan.	Tujuan " <i>green wave</i> " adalah untuk mengurangkan tempoh perjalanan kenderaan bermotor supaya mengurangkan penghasilan carbon (<i>reduce carbon emission</i>).
23.	Menaik taraf lampu isyarat yang sedia ada kepada " <i>adaptive traffic light system</i> ".	Sedang dilaksanakan.	Sebanyak 33 buah persimpangan lampu isyarat akan dinaik taraf kepada " <i>adaptive traffic light system</i> " pada tahun 2024. Sistem lampu isyarat ini dapat mengurangkan tempoh perjalanan kenderaan bermotor untuk mengurangkan penghasilan karbon (<i>reduce carbon emission</i>).

LAMPIRAN B**SENARAI TETAP LOKASI DAN TARIKH PAMERAN *UPCYCLE* DAN KITAR SEMULA
OLEH MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)**

BIL	LOKASI	TARIKH
1	Pameran <i>Upcycle</i> Di <i>Car Free Morning</i> MBSP	Hari Ahad Minggu Pertama Setiap Bulan
2	Pameran Di Grow Market Autocity Juru	Hari Ahad Minggu Kedua Setiap Bulan
3	Karnival <i>Upcycle</i> Di Pusat Kitar Semula Bandar Tasek Mutiara	Hari Sabtu Minggu Kedua Setiap Bulan
4	Karnival <i>Upcycle</i> Kompleks Makanan Kota Permai	Hari Ahad Minggu Ketiga Setiap Bulan

2. Hidrogen karbon rendah.
 - (a) Terangkan rancangan atau dasar Kerajaan Negeri dalam menggunakan hidrogen untuk meningkatkan keselamatan tenaga serta pertumbuhan ekonomi.
 - (b) Bagaimanakah ia dapat membantu dari segi pertumbuhan ekonomi dan penyediaan peluang pekerjaan?
 - (c) Apakah rintangan dan risiko dalam penggunaan tenaga hidrogen dan usaha untuk mengatasinya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyokong dasar tenaga Malaysia seperti Dasar Tenaga Negara (DTN) 2022-2040, Pelan Hala Tuju Tenaga Boleh Baharu Malaysia (MyRER) 2022-2035, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR) dan cadangan-cadangan berkaitan Pelan Hala Tuju Ekonomi dan Teknologi Hidrogen (HETR).

Penggunaan tenaga boleh diperbaharui atau Tenaga Boleh Baharu (TBB) adalah merupakan salah satu tonggak utama kepada Agenda Hijau Pulau Pinang 2030 yang merangkumi pelan hala tuju dan rangka kerja bagi memastikan aktiviti pembangunan yang lebih hijau.

Kesan daripada penggunaan TBB akan dapat memastikan:

- (i) Pencapaian sasaran tenaga karbon sifar boleh diperbaharui dengan mengurangkan kepekatan karbon menjelang tahun 2030; dan
 - (ii) Penyediaan alternatif yang lebih baik dari segi masa depan tenaga lestari.
- (b) Adalah dijangkakan bahawa sektor ini berupaya untuk menyumbang sebanyak RM49.0 bilion hingga RM61.0 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara, dengan unjuran pendapatan sehingga RM12.1 bilion menjelang tahun 2030. Dasar HETR juga dijangka mewujudkan antara 8,000 hingga hampir 45,000 peluang pekerjaan dalam sektor tenaga bersih menjelang tahun 2030. Menjelang tahun 2050, angka ini dijangka akan meningkat secara signifikan, didorong oleh keberkesanan dan kematangan teknologi, peningkatan pengeluaran hidrogen, serta penggunaan hidrogen dan terbitannya yang meluas kepada sektor-sektor baharu.

Malaysia mampu menjadi pengeluar hidrogen utama di Asia Pasifik yang menjana pendapatan lebih daripada RM400.0 bilion dan mewujudkan lebih daripada 200,000 peluang pekerjaan serta mencapai pengurangan sebanyak 15% dalam pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG). Pulau Pinang yang merupakan sebuah negeri industri utama di Malaysia berupaya memanfaatkan peluang ini.

Terdapat elemen-elemen asas yang tersedia di dalam negara yang boleh dikembangkan dan ditingkatkan secara sistematik melalui Dasar HETR. Ini termasuk pelbagai sumber Tenaga Boleh Diperbaharui (RE) untuk menghasilkan hidrogen hijau seperti solar, biotenaga, kuasa hidro lestari, inovasi teknologi tempatan dan kepakaran yang boleh dipercayai serta potensi ekosistem inovasi Malaysia yang semakin berkembang.

- (c) Penggunaan hidrogen merupakan pendekatan baru yang sedang dilihat di seluruh dunia sebagai satu sumber tenaga untuk masa depan (*fuel for future*). Memandangkan ia adalah satu proses baru untuk penjanaan tenaga, cabaran masih dalam fasa pemerhatian dan akan ditangani untuk mencapai penggunaan hidrogen secara optimum.

Sebagai contoh, PETRONAS melalui Gentari dan kerjasama dengan Sarawak Energy Berhad (SEB) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) sedang melihat kepada penjanaan hidrogen hijau daripada kuasa hidro bagi memanfaatkan kelebihan kuasa hidro di Sarawak. Selain itu, Sime Darby merupakan sebuah syarikat gergasi

perladangan di Malaysia yang berpotensi menghasilkan hidrogen hijau daripada biojisim, terutamanya daripada Efluen Minyak Kelapa Sawit (*Palm Oil Mill Effluent – POME*) serta daripada Tandan Kosong Kelapa Sawit (*Empty Fruit Bunches – EFB*). Justeru, Negeri Pulau Pinang juga boleh membangunkan industri hijau yang serupa.

Usaha juga sedang dilakukan untuk mewujudkan rangka kerja pengawalseliaan yang komprehensif yang boleh menyokong dan menggalakkan pertumbuhan merentas keseluruhan rantaian nilai tenaga hidrogen. Selain itu, pengukuhan kerjasama adalah penting untuk mempercepatkan penggunaan tenaga hidrogen karbon rendah dan secara tidak langsung membawa negeri ini menuju ke arah pembangunan sosioekonomi karbon rendah dalam dekad yang akan datang yang adalah selaras dengan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR) untuk mencapai pengurangan emisi karbon kepada 45% menjelang tahun 2030 berbanding tahap emisi tahun 2005 seperti yang telah komited kepada UNDP Climate Promise.

3. Kemalangan jalan raya.

- (a) Senaraikan bilangan kemalangan jalan raya yang telah berlaku di Jalan Permatang Tinggi, Jalan Kulim dan Jalan Machang Bubuk 1 mengikut bulan sejak tahun 2022.
- (b) Sejauh manakah reka bentuk jalan dapat mengurangkan kemalangan berlaku?
- (c) Mengapakah kerajaan tidak mewajibkan setiap kenderaan perlu memasang 'dashcam' agar keselamatan lalu lintas dapat dipertingkatkan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 3. (a) Bilangan kemalangan jalan raya yang telah berlaku mengikut bulan sejak tahun 2022 di tiga (3) kawasan iaitu Jalan Permatang Tinggi, Jalan Kulim dan Jalan Machang Bubuk 1 adalah seperti jadual berikut

TAHUN 2022	JALAN PERMATANG TINGGI	JALAN KULIM	JALAN MACHANG BUBUK
JAN	6	4	0
FEB	4	6	0
MAC	5	4	2
APRIL	3	6	0
MEI	4	5	1
JUN	5	6	0
JULAI	3	4	1
OGOS	6	4	0
SEPT	5	2	2
OKT	6	5	1
NOV	6	5	0
DIS	6	6	1
JUMLAH	59	57	8

- (b) Reka bentuk jalan raya memainkan peranan penting dalam mengurangkan kemalangan jalan raya. Berikut adalah beberapa faktor yang perlu dipertimbangkan iaitu:
 - (i) **Sekatan kelajuan** – Reka bentuk jalan raya yang mengambil kira sekatan kelajuan adalah seperti di selekoh melengkung, penurunan curam dan penggunaan corak lintasan berkelajuan rendah. Penyelidikan menunjukkan bahawa beberapa perubahan dalam reka bentuk mampu mengawal risiko kemalangan jalan raya. Contohnya, sekatan kelajuan yang dilaksanakan

secara mendadak pada selekoh melengkung boleh memaksa pemandu mengurangkan kelajuan, seterusnya mengurangkan risiko kemalangan di kawasan tersebut;

- (ii) **Pengurusan trafik / lalu lintas** – Reka bentuk pengurusan trafik juga memberi kesan bagi mengurangkan kemalangan jalan raya dengan memasang lampu isyarat, tanda lalu lintas yang jelas, laluan lintasan pejalan kaki yang selamat serta mengadakan laluan yang jelas kepada penunggang motosikal.
- (iii) **Keterlihatan yang dipertingkatkan** – Reka bentuk yang mengambil kira jarak penglihatan membantu dalam mengurangkan kemalangan. Penambahan lampu jalan yang mencukupi, pemisahan Lorong yang jelas dan papan tanda lalu lintas yang mudah dibaca dan difahami dapat membantu pemandu melihat jalan raya dan juga pemandu yang berlawanan arah dengan baik.
- (iv) **Reka bentuk jalan/ laluan pejalan kaki dan penunggang basikal** – Dengan mengadakan lintasan pejalan kaki yang selamat dan juga lorong yang selamat bagi penunggang motosikal mampu membantu dalam mengurangkan kemalangan jalan raya seterusnya membantu mengurangkan kesesakan jalan raya juga; dan
- (v) **Kesedaran pemandu** – Selain daripada reka bentuk jalan raya menyumbang kepada pengurangan jumlah kemalangan kesedaran pemandu juga penting. Oleh itu, penguatkuasaan undang-undang yang ketat, alat pemantauan kenderaan seperti kamera serta kempen kesedaran awam boleh menyumbang kepada pengurangan jumlah kemalangan.
- (vi) Dalam usaha untuk meningkatkan keselamatan jalan raya, Audit Keselamatan Jalan Raya (RSA) diperkenalkan pada tahun 1994. Ia merupakan proses rasmi untuk mengenal pasti kekurangan dalam reka bentuk jalan pada peringkat yang berbeza bagi mengenal pasti dan menghapuskan ciri-ciri merbahaya di jalan yang sedia ada untuk menjadikan jalan tersebut lebih selamat untuk semua pengguna.

RSA dijalankan dalam lima (5) peringkat yang jelas iaitu:

- (i) Peringkat kelayakan dan perancangan (Stage 1);
 - (ii) Peringkat reka bentuk awal (Stage 2);
 - (iii) Peringkat reka bentuk terperinci (Stage 3);
 - (iv) Peringkat pra-pembukaan (Stage 4); dan
 - (v) Operasi/ audit jalan sedia ada (Stage 5).
- (c) Terdapat beberapa sebab Kerajaan tidak mewajibkan setiap kenderaan dipasang kamera papan pemuka atau 'dashcam'. Antara alasan yang diberi adalah seperti berikut:
- (i) **Privasi** – meletakkan *dashcam* dalam setiap kenderaan boleh menimbulkan isu privasi yang sensitif. Ini mungkin akan menimbulkan kebimbangan mengenai pengumpulan data peribadi dan kemungkinan penyalahgunaan maklumat tersebut;
 - (ii) **Kos** – jika mewajibkan pemasangan *dashcam* pada setiap kenderaan akan meningkatkan kos untuk pemilik kenderaan tersebut. Ini boleh menjadi beban kewangan yang besar bagi sesetengah pemandu yang tidak berkemampuan.
 - (iii) **Liabiliti undang-undang dan insurans** - Di sesetengah negara, terdapat soalan undang-undang tentang menggunakan rakaman *dashcam* sebagai

bukti dalam kes kemalangan atau pertikaian undang-undang. Selain itu, polisi insurans mungkin mempunyai keperluan dan prosedur tersendiri berkenaan penggunaan kamera papan pemuka (*dashcam*). Sebelum memerlukan pemasangan kamera pemuka, perlu ada rangka kerja undang-undang yang jelas dan pemahaman yang luas tentang implikasi undang-undang dan insurans yang berkaitan;

- (iv) **Penguatkuasaan undang-undang dan infrastruktur** - Pemasangan *dashcam* ini akan menimbulkan cabaran dari segi penguatkuasaan undang-undang dan infrastruktur yang diperlukan. Pemasangan ini memerlukan sistem yang cekap untuk mengurus, menyimpan dan menganalisis jumlah besar rakaman kamera *dashcam* yang dihasilkan. Selain itu, sistem yang cekap diperlukan bagi dasar perlindungan data, pengendalian data dan penyalahgunaan atau manipulasi rakaman *dashcam*; dan
- (v) **Pilihan dan kebebasan individu** - Seseorang mungkin tidak mahu memasang kamera papan pemuka dalam kenderaan mereka atas sebab tertentu atau pilihan peribadi. Mewajibkan pemasangan kamera papan pemuka (*dashcam*) boleh dianggap sebagai gangguan yang tidak diinginkan dalam hak peribadi dan kebebasan individu.

4. Fenomena air pasang merah.

- (a) Senaraikan kejadian air pasang merah di negeri Pulau Pinang sejak tahun 2023 mengikut tarikh, lokasi dan jumlah kerugian yang dihadapi.
- (b) Apakah puncanya serta usaha mitigasi yang boleh dilakukan oleh kerajaan demi keterjaminan makanan?
- (c) Sejauh manakah perubahan iklim mempengaruhi hidupan air khususnya di laut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Berikut adalah senarai kejadian air pasang merah di Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2023 mengikut tarikh, lokasi dan jumlah kerugian yang dihadapi:-

Bil	Tarikh	Lokasi	Jumlah kerugian
1	28 April 2023	Teluk Bahang	Tiada kejadian kematian ikan ternakan
2	27 Ogos 2023	Teluk Bahang	RM1,750,000.00 (perincian seperti di bawah)

Perincian RM1,750,000.00 adalah disebabkan kematian ikan di dalam sangkar yang melibatkan enam (6) penternak sangkar ikan laut seperti berikut:-

- (i) Leisure Boat = RM120,000.00 (6 MT)
 - (ii) Lim Soon Gian = RM180,000.00 (9 MT)
 - (iii) Lim Leang Seng = RM200,000.00 (10 MT)
 - (iv) Hing Moh York = RM450,000.00 (22.5 MT)
 - (v) Ooi Hye Hin = RM600,000.00 (30 MT)
 - (vi) Wong Tien Swee = RM200,000.00 (10 MT)
- (b) Air pasang merah atau *red tide bloom* juga dikenali sebagai *harmful algae bloom* (HAB). HAB terjadi apabila alga tumbuh di luar kawalan di sesuatu kawasan dan menghasilkan toksik atau kesan berbahaya kepada hidupan lain.

Selain itu, fenomena air pasang merah ini berlaku disebabkan perubahan cuaca yang tidak menentu. Kehadiran nutrient dari daratan juga boleh menggalakan pencambahan alga tersebut.

Antara langkah yang perlu diambil oleh penternak untuk menghadapi fenomena ini dengan cara mengurangkan kepadatan ikan, sentiasa memantau kandungan oksigen terlarut dan tuai ikan yang mengalami simpton kekurangan oksigen.

Manakala langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri adalah melalui usahama Jabatan Perikanan bersama Pengusaha sangkar dan nelayan untuk memantau kehadiran air pasang merah ini.

Selain itu, kajian lanjut berkaitan perkara ini juga boleh dicadangkan bersama agensi terlibat sebagai persediaan atau persiapan sekiranya berlakunya kehadiran fenomena air pasang ini.

- (c) Perubahan iklim turut mempengaruhi hidupan air khususnya laut seperti kehilangan air batu laut, kenaikan aras laut dan gelombang haba. Pemanasan global boleh mengubah iklim serantau dengan tiga cara utama yang berikut: kecairan air batu, perubahan pada kitaran air (yang berkaitan dengan penyejatan dan kerpasan) dan perubahan pada arus lautan.

Perubahan iklim yang panas telah menjejaskan sistem biologi semula jadi. Lebih banyak spesies di seluruh dunia sedang berhijrah ke kawasan yang lebih sejuk dan berdekatan dengan kutub.

Sekiranya suhu purata dunia meningkat sebanyak 2 hingga 3 °C berbanding dengan tahap praindustri, kira-kira 20 hingga 30% daripada spesies tumbuhan dan haiwan yang ditaksir setakat ini mempunyai risiko kepupusan yang semakin meningkat. Terumbu karang dan kerang-kerangan juga terdedah kepada ancaman pemanasan dan pengasidan lautan.

Bukan sekadar hidupan liar di laut, ikan ternakan sangkar turut terjejas dengan perubahan iklim ini antaranya berpunca dari fenomena air merah ini. Berdasarkan Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang, *Noctiluca scintillans* adalah spesies *fitoplankton* yang dikesan semasa fenomena air merah di perairan Teluk Bahang pada bulan Ogos 2023.

Spesies ini mempunyai saiz yang besar berbanding *dinoflagelat* lain (400-1000um diameter). *Noctiluca scintillans* adalah *dinoflagelat heterotrofik* yang biasa dijumpai di perairan tropika dan *temperate* di seluruh dunia dan sering dilaporkan menyebabkan *bloom* di kawasan muara. Walaupun dikategorikan sebagai spesies berbahaya, ia tidak menghasilkan fitotoksik atau toksin-toksin lain.

Walau bagaimanapun ia boleh menyebabkan zon *hypoxic* sementara serta membebaskan kandungan ammonia yang tinggi ke perairan sekitar apabila ledakan berakhir dan perkara ini boleh mendatangkan risiko terutamanya kepada ikan ternak.

5. Tanaman padi.

- (a) Senaraikan hasil dan nilai pengeluaran tanaman padi mengikut daerah sejak tahun 2020.
- (b) Terangkan secara terperinci tentang isu pengeluaran benih padi serta usaha kerajaan dalam menangani masalah tersebut.
- (c) Senaraikan penguatkuasaan ke atas penambakan tanah sawah padi mengikut keluasan serta tindakan pemuliharaan yang dilaksanakan sejak tahun 2020.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Hasil dan nilai pengeluaran tanaman padi mengikut daerah sejak tahun 2020 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Isu kekurangan benih padi di bawah bidang kuasa Jabatan Kawal Selia Padi & Beras dan Jabatan Pertanian. Isu kekurangan benih padi ini adalah disebabkan oleh

beberapa faktor. Antaranya ialah berlakunya pengurangan keluasan ladang benih padi di negeri Pulau Pinang pada setiap tahun. Pengeluar benih padi utama di Pulau Pinang adalah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lahar Bubu dan Syarikat Perniagaan MADA Sdn. Bhd. (Loji Pengeluaran Benih Padi di Bumbong Lima).

Prestasi Ladang Benih Padi Skim Pengesahan Benih Padi (SPBP) Pulau Pinang bagi tahun 2019 sehingga 2023 adalah seperti berikut:

TAHUN	2019	2020	2021	2022	2023
Tanam (ha)	1216.86	1285.54	1487.31	784.57	788.85
Lulus (ha)	554.14	667.42	703.51	358.06	259.97
Gagal (ha)	662.72	618.12	783.8	426.51	505.08
Pengesahan Benih Padi Sah (mtan)	2018.00	3260.80	3723.88	3658.64	3290.44

Faktor seterusnya adalah disebabkan kadar peratusan penolakan di peringkat pemeriksaan ladang adalah tinggi. Hal ini kerana serangan penyakit, rumpai dan padi angin selain penolakan akibat peserta ladang benih bertindak memilih untuk menjual padi benih kepada kilang beras.

Faktor yang ketiga adalah persaingan harga dengan kilang beras yang menawarkan harga yang lebih tinggi sehingga mencapai RM1,700.00/mtan. Hal ini menyebabkan peserta ladang benih menjual hasil benih padi di luar.

Faktor yang terakhir adalah kenaikan kos pengurusan ladang seperti kos racun dan upah menyebabkan peserta ladang benih tidak dapat melaksanakan penanaman padi mengikut *rice-check* yang sebenar sekaligus tidak mencapai standard piawai yang ditetapkan.

Pihak MMK Agroteknologi dan Keterjaminan Makanan juga telah mencadangkan kepada Jabatan Kawal Selia Padi dan Beras untuk turun membuat pemantauan terhadap kilang-kilang pengeluar benih sama ada benih kurang atau sebaliknya. Selain itu pihak MMK Agroteknologi dan Keterjaminan Makanan telah memohon secara bertulis kepada pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) agar dapat menaikkan insentif harga benih bagi membantu pengeluar menanggung kerugian disebabkan peningkatan harga padi benih di peringkat ladang.

Bagi masalah kekurangan kuota pengeluaran benih padi di negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri melalui MMK Agroteknologi dan Keterjaminan Makanan telah mengambil langkah menangani kekurangan pengeluaran benih padi pada masa hadapan dengan merangka satu pelan tindakan '*Private Partnership*' bersama syarikat swasta tempatan untuk mewujudkan Bank Benih Padi Pulau Pinang pada tahun 2024.

Cadangan awal sudah dihantar ke KPKM pada Oktober 2023 untuk mengambil alih kilang benih padi di Bumbung Lima berserta permohonan kuota sebanyak 5,000 metrik tan. Jika diteliti, Pusat Pengeluaran Benih Padi (PPBP) sedia ada di PPK Lahar Bubu mempunyai kuota benih sebanyak 4,000 metrik tan sahaja pada tahun 2023. Melalui penambahan 5,000 metrik tan ini akan menjadikan pengeluaran di Pulau Pinang bertambah sehingga 9,000 metrik tan pada 2024.

Permohonan awal yang telah dihantar ke KPKM melibatkan kuota pengeluaran benih padi varieti MR297 yang berasaskan permintaan yang paling tinggi di wilayah utara. Selain itu, varieti MR297 ini juga tidak rentan kepada penyakit karah daun,

karah tangkai, merah virus dan hawar seludang. Penjagaannya juga adalah lebih mudah.

Varieti MR297 ini antara yang tertinggi dalam mengeluarkan hasil per hektar iaitu antara 7 hingga 8 metrik tan dan mempunyai berat isi tertinggi iaitu 1000 biji bersamaan 29.2 gram.

- (c) Penguatkuasaan ke atas penambakan tanah sawah padi mengikut keluasan serta tindakan pemuliharaan yang dilaksanakan sejak tahun 2020 oleh pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah seperti berikut:

TAHUN	LOKASI	KELUASAN (m2)
2021	Lot 571, Mukim H, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	1,579.26

Berdasarkan kes di atas, pihak MBPP telah melaksanakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan Notis Menghendaki Kerja tanah Diberhentikan berdasarkan Seksyen 70 (A), Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133) serta mengarahkan pemilik tanah mengemukakan cadangan pelan mitigasi atau pemuliharaan lot tanah tersebut kerana telah menjalankan aktiviti kerja tanah tanpa mendapat kelulusan daripada MBPP pada 17 Februari 2021.

Selain itu, MBPP telah merujuk kes ini kepada Timbalan Pendakwa Raya (DPP) Pulau Pinang untuk MBPP melaksanakan Tawaran Mengkompoun Suatu Kesalahan berdasarkan Undang-Undang Kecil Mengkompoun Kesalahan (Majlis Bandaraya Pulau Pinang) Jalan, Parit Dan Bangunan 2020.

Selain itu, tiada tindakan pemuliharaan diambil oleh pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) terhadap kes penambakan tanah sawah padi sejak tahun 2020. Walau bagaimanapun, MBSP telah mengambil tindakan pendakwaan mahkamah dan pengeluaran kompaun bagi mengekang aktiviti penambakan sawah padi. Senarai penguatkuasaan ke atas penambakan tanah sawah padi serta status tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan sejak tahun 2020 adalah seperti di **LAMPIRAN B.**

LAMPIRAN A

Hasil dan Nilai Pengukuran Tahanan Pada Strategi Desain Gajah Tahun 2020

Kategori	Batas Atas	Kategori Rendah			Kategori Tinggi		
		2019	2020	2021	2019	2020	2021
BP	200	2.730,46	3.929,24	3.164,42	4.993,48.19	4.285,59.19	4.898,87.19
SP1	2.000	23.303,27	26.402,27	22.102,47	40.210.283,96	35.943.283,96	37.202.283,97
SP2	3.140	28.862,43	41.150,43	44.888,97	115.370.283,96	108.882.283,96	109.850.283,96
SP3	1.000	15.860,26	11.400,43	11.400,43	10.400.283,96	10.100.283,96	10.200.283,96

Hasil dan Nilai Pengukuran Tahanan Pada Strategi Desain Pohon Gajah Tahun 2020

Kategori	Batas Atas	Kategori Rendah	Kategori Tinggi	
BP	100	12.200,73	12.200	10.200.283,96
SP1	100	10.200,73	10.200	10.200.283,96
SP2	100	10.200,73	10.200	10.200.283,96

KLING

LAMPIRAN B

Berawal Pengualifan Ke Atas Penarahakan Tanah Sesah Padi
Sesah Tindakan Peneliharaan Yang Dilaksanakan Sejak Tahun 2020
Mengikut Daerah Di Sabrang Perak

Sekanan Perak Utara

No.	Lokek	No. Lot	Ukuran	Status Tindakan Pengualifan Yang Dilakukan
1.	Kampung Batu Pasang Mersawa	10880	13	Dalam proses penyediaan dokumen pendaftaran
2.	Pematang Bangor	1043	18	Dalam proses penyediaan dokumen pendaftaran
3.	Pematang Bangor	834	2	Tindakan pendaftaran
4.	Kampung Air Hitam	2042	11	Denda maksimum RM 1,500.00
5.	Jalan Kelang Mersawa	4260	12	Dalam proses penyediaan dokumen pendaftaran
6.	Kampung Pematang Indah	2013	12	Dalam proses penyediaan dokumen pendaftaran
7.	Kampung Padang Temat	4034	11	Dalam proses penyediaan dokumen pendaftaran
8.	Bandaralan Bihun Sup Mal Pemat	3881 & 5836	3	Dalam proses penyediaan dokumen pendaftaran
9.	Kampung Gunung Kapayang	0818	11	Dalam proses penyediaan dokumen pendaftaran

10.	Berhampiran Balai Bomba Pinang Tunggal	4668	3	Dalam proses penyediaan dokumen perancangan
11.	Pemasang Kerlang	2857	1	Dalam proses penyediaan dokumen perancangan
12.	Pemasang Kerlang	1169	1	Kerajaan RM25,000.00
13.	Pemasang Kerlang	1164	1	Kerajaan RM25,000.00
14.	Pemasang Kerlang	1868	1	Kerajaan RM25,000.00
15.	Jalan Raya Kuala	4886	3	Dalam proses penyediaan dokumen perancangan
16.	Pemasang Mergajit	5874	3	Dalam proses penyediaan dokumen perancangan
17.	Kampung Penaga Dua	2082	4	Dalam proses penyediaan dokumen perancangan
18.	Simpang Empat, Pemasang Bush	6748	3	Dalam proses penyediaan dokumen perancangan
19.	Tanak Selagar	314	13	Dalam proses penyediaan dokumen perancangan
20.	Pemasang Tiga	22252	3	Dalam proses penyediaan dokumen perancangan
21.	Pasir Gabu	1082	2	Kerajaan RM25,000.00

22.	Jalan Tok Bedu, Tasek Gelugor	3124	12	Dalam proses penyediaan dokumen pendahuluan
23.	Pemadang Tok Batin	4325	2	Dalam proses penyediaan dokumen pendahuluan
24.	Pemadang Tok Batin	4373	2	Dalam proses penyediaan dokumen pendahuluan
25.	Jalan Tok Bedu, Tasek Gelugor	3122	12	Dalam proses penyediaan dokumen pendahuluan
26.	Jalan Tok Bedu, Tasek Gelugor	3125	12	Dalam proses penyediaan dokumen pendahuluan
27.	Jalan Kota Air Pasaga	4843	2	Dalam proses penyediaan dokumen pendahuluan
28.	Jalan Kota Air Pasaga	4441	2	Dalam proses penyediaan dokumen pendahuluan
29.	Kampung Pemadang Bukit	7888	11	Dalam proses penyediaan dokumen pendahuluan
30.	Jalan Pokok Sena	2272	10	Dalam proses penyediaan dokumen pendahuluan
31.	Pemadang Tok Jaya	5227	10	Dalam proses penyediaan dokumen pendahuluan

22.	Jalan Persekutuan Kapala bratas	6173	6	Dalam proses penyediaan dokumen pendaftaran
23.	Jalan Tok Benda, Tasoh Malingar	1878	6	Dalam proses penyediaan dokumen pendaftaran
24.	Jalan Tok Benda, Tasoh Malingar	1914	12	Dalam proses penyediaan dokumen pendaftaran
25.	Kampung Air Hitam, Litar	6246	11	Dalam proses penyediaan dokumen pendaftaran

Selengkapnya, Mari Kita Telusuri

No.	Lokasi	No. Lot	Maksim	Status Tindakan Pengembangannya yang Dapat Dilakukan
1.	Kampung Guar Perahu	838 839	21	Dalam proses penyelesaian dokumen perizinan
2.	Bukit Indera Muda	357	3	Terdapat perizinan
3.	Perumahan Nibong	20001	6	Dalam proses penyelesaian dokumen perizinan
4.	Kampung Guar Jering	10180 (Lot Lama 1048)	21	Dalam proses penyelesaian dokumen perizinan
5.	Kampung Bukit Jelutong	1182, 1183, 1184, 1185, 1186	3	Terdapat perizinan
6.	Kampung Bukit Jelutong	1189	3	Terdapat perizinan
7.	Jalan Perumahan Nibong	837	6	Dalam proses penyelesaian dokumen perizinan
8.	Dewan Bukit Idarath	1821	4	Komplek RM25,000.00
10.	Jalan Perumahan Ara	1812	6	Dalam proses penyelesaian dokumen perizinan
11.	Sungai Sintak, Tanjung Putus	1822	2	Dalam proses penyelesaian dokumen perizinan

12.	Kampung Kola, Kubang Kemang	1621	3	Dalam proses penyelesaian dokumen pendakwaan
13.	Bungai Sintak, Tanjung Pauh	2240	2	Dalam proses penyelesaian dokumen pendakwaan

Sabrang Perai Selatan

Sn.	Lokasi	No. lot	Mukim	Status Tindakan Pengukuhan yang Dibahli
1.	Kampung Sungai Seber, Sungai Adrah	69	10	Dalam proses penyediaan dokumen pendakwaan

6. Nyatakan secara terperinci tentang perbelanjaan dan hasil lawatan kerja Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke Xiamen, China pada bulan September 2023.
- (a) Terangkan secara terperinci tentang program sambutan ulang tahun ke-50 hubungan 'sister city' Adelaide dan George Town.
 - (b) Apakah kelebihan untuk Pulau Pinang menjalin hubungan 'sister city' dengan bandaraya luar negara?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Perbelanjaan untuk lawatan kerja ke Xiamen telah dibiayai oleh pihak negara China. Perbelanjaan-perbelanjaan yang ditanggung oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah berjumlah sebanyak RM40,450 bagi (7) tujuh orang pegawai dan Ahli Majlis termasuk kos penerbangan, visa, insurans dan sebagainya.

Delegasi MBPP yang terdiri daripada Setiausaha Bandaraya, empat (4) orang Ahli Majlis MBPP dan (2) dua orang pegawai telah menyertai rombongan delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang diketuai oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang ke Xiamen, China pada bulan September 2023. Lawatan kerja ini adalah susulan daripada lawatan kerja dan kunjungan hormat delegasi Xiamen, China ke MBPP pada 2 Ogos 2023.

Semasa menerima kunjungan hormat delegasi Xiamen, China yang diketuai oleh Encik Li Weihua, Ahli Jawatankuasa Tetap Bandaraya Xiamen (*Member of the Standing Committee of the Xiamen Municipal Party Committee and Secretary of the Political and Legal Committee*) telah menjemput wakil-wakil dari MBPP untuk menghadiri *23rd China International Fair for Investment & Trade (CIFIT 2023)* di Xiamen, memandangkan tahun 2023 turut merupakan ulang tahun ke-30 bagi Bandaraya Berkembar antara Pulau Pinang dengan Xiamen. CIFIT 2023 memberi fokus kepada Inisiatif Pembangunan Global bagi mencapai misi pembangunan ekonomi yang mampan. Delegasi dari Pulau Pinang telah melawat pameran-pameran dari seluruh dunia yang mempamerkan pelbagai jenis produk merentas industri seperti kesihatan, pembuatan pintar, fesyen sukan, pertanian, teknologi hijau dan lain-lain.

Bersempena CIFIT 2023, satu pameran fotografi bersama bagi bandar-bandar berkembar Xiamen telah diadakan. Pulau Pinang turut mengambil bahagian dalam pameran fotografi tersebut. Gambar permandangan indah Negeri Pulau Pinang dan saat-saat kenangan bagi hubungan bandar berkembar Pulau Pinang dan Xiamen telah dipamerkan. Ketua Menteri Pulau Pinang dijemput sebagai tetamu kohormat serta memberi ucapan semasa Majlis Perasmian tersebut.

Delegasi Pulau Pinang turut mengadakan kunjungan hormat kepada Gabenor Fujian, Zhao Long, Datuk Bandar Bandaraya Xiamen, Huang Wenhui, dan lain-lain pegawai tertinggi kerajaan untuk membincangkan kolaborasi dua hala antara Bandaraya Xiamen dan Pulau Pinang.

Selain itu, delegasi Pulau Pinang turut berpeluang melawat ke pusat-pusat seni warisan Xiamen seperti *lacquer thread sculptures* dan *stone art sculptures*, serta pulau berwarisan Gulangyu untuk mempelajari cara-cara mempromosikan bahan-bahan warisan. Lawatan ke King Long United Automotive Industry Co. Ltd. pula membenarkan delegasi Pulau Pinang melihat perkembangan teknologi EV dan mobiliti pintar di negara China.

- (a) Antara program bersempena dengan sambutan ulang tahun ke-50 hubungan *sister city* Adelaide dan George Town adalah:
 - (i) MBPP telah mengadakan perbincangan dua hala bersama Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia, H.E. Dr. Justin Lee mengenai persiapan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Bandar Berkembar George Town – Adelaide pada 27 Februari 2023;

- (ii) Poster bagi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Bandar Berkembar George Town – Adelaide telah diiklankan melalui LED Screen dan papan iklan di sekitar pulau, Pulau Pinang mulai bulan Mac 2023;
 - (iii) MBPP dan *Adelaide Government* telah mengumumkan pertandingan mencipta Logo sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Bandar Berkembar George Town – Adelaide pada 22 Mac 2023;
 - (iv) Sebahagian Bus Rapid di bahagian George Town juga telah dibalut dengan poster Sambutan Perayaan Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Bandar Berkembar George Town – Adelaide mulai Mei 2023;
 - (v) MBPP telah mengadakan perbincangan dua hala bersama The Lord Mayor Dr Jane Lomax-Smith AM mengenai persiapan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Bandar Berkembar George Town – Adelaide pada 18 Mei 2023;
 - (vi) Majlis Penyampaian Hadiah dan Pengumuman Logo Rasmi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Bandar Berkembar George Town – Adelaide telah diadakan pada 20 Jun 2023;
 - (vii) Majlis Pelancaran Logo Rasmi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Bandar Berkembar George Town – Adelaide telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada 25 Jun 2023 bertempat di Rooftop Garden, Setia SPICE;
 - (viii) Banner lutsinar untuk Sambutan Perayaan Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Bandar Berkembar George Town – Adelaide telah dipasangkan di fasad hadapan bangunan Dewan Bandaraya dan Dewan Bandaran mulai bulan Ogos 2023;
 - (ix) MBPP telah menerima kunjungan daripada Her Excellency The Honourable Frances Adamson AC, Governor of South Australia bersama delegasi ke Pulau Pinang pada 29 dan 30 Ogos 2023. Lawatan ini juga turut bersempena meraikan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Bandar Berkembar George Town – Adelaide dan mengeratkan lagi hubungan akrab antara kedua-dua belah pihak;
 - (x) Bersempena kunjungan tersebut, upacara penanaman pokok *Mimusops Elengi* atau lebih dikenali dengan nama Pokok Bunga Tanjung telah dipilih sebagai tanda kenangan dan penghargaan kepada kunjungan oleh Her Excellency The Honourable Frances Adamson AC, Governor of South Australia bersama delegasi ke Pulau Pinang;
 - (xi) Sambutan *Adelaide Food Fair presented by Gourmet South Australia* bersempena dengan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Bandar Berkembar George Town – Adelaide telah diadakan dari 1 - 30 September 2023 di Queensbay Mall, Pulau Pinang;
 - (xii) Majlis Penyampaian Hadiah bagi *Adelaide Food Fair presented by Gourmet South Australia* bersempena dengan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Bandar Berkembar George Town – Adelaide telah diadakan di Dewan Bandaran, George Town, Pulau Pinang pada 26 Oktober 2023; dan
 - (xiii) Satu perayaan bersempena dengan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Bandar Berkembar George Town – Adelaide bersama Kerajaan Adelaide akan diadakan pada 8 Disember 2023 di Adelaide, Australia.
- (b) Hubungan *sister city* Adelaide dan George Town terjalin sejak 1973 dan kedua-dua bandaraya mempunyai banyak persamaan dari segi latar belakang sejarah. Selain itu, banyak peluang kerjasama telah terjalin kerana kedua-dua bandar ini bukan sahaja mempunyai hubungan persaudaraan dari segi latar belakang tetapi juga

mempunyai persamaan dalam fokus pada teknologi, warisan dan keamanan. Antara kelebihan untuk Pulau Pinang menjalin hubungan *sister city* dengan Bandaraya luar negara adalah:

- (i) Dapat memperkukuhkan hubungan dua hala serta mengeratkan hubungan strategik bersama-sama pelabur industri antara Pulau Pinang dengan Bandaraya luar negara;
- (ii) Dapat berkongsi pengalaman, pendidikan dan meneroka peluang perdagangan dan pelaburan di antara Pulau Pinang dengan Bandaraya luar negara;
- (iii) Dapat mengembang dan mempromosikan Malaysia, khususnya Pulau Pinang dan mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan melalui tarikan kepada tempat peranginan, ekopelancongan, warisan dan kepelbagaian budaya; dan
- (iv) Dapat mengeratkan kedua-dua Bandaraya melalui pelancongan, warisan, kebudayaan, pendidikan, perindustrian dan lain-lain yang berkaitan.

7. Mangsa sindiket penipuan pekerjaan.

- (a) Senaraikan bilangan orang Pulau Pinang yang menjadi mangsa sindiket mengikut bulan dan berapa yang berjaya diselamatkan.
- (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menangani isu pemerdagangan manusia serta buruh paksa?
- (c) Nyatakan bilangan siber 'scam' di Pulau Pinang mengikut daerah dan berapa kes berjaya diselesaikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (a) Berdasarkan rekod pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 15 orang penduduk negeri Pulau Pinang menjadi mangsa sindiket penipuan pekerjaan pada tahun 2023 (sehingga Oktober). Berikut adalah statistik mangsa sindiket mengikut bulan berdasarkan laporan yang diterima oleh pihak PDRM seperti di bawah:

- (i) Jan 2023 : 3 Orang;
- (ii) Feb 2023 : 1 Orang;
- (iii) Mac 2023 : 1 Orang;
- (iv) April 2023 : 1 Orang;
- (v) Mei 2023 : 2 Orang;
- (vi) Julai 2023 : 3 Orang;
- (vii) Ogos 2023 : 1 Orang; dan
- (viii) Oktober 2023 : 3 Orang.

Perincian mengikut negara adalah seperti berikut

- (i) Laos - 4 Orang;
- (ii) Vietnam - 1 Orang;
- (iii) Mynamar - 3 Orang;
- (iv) Kemboja - 2 Orang; dan
- (v) Thailand - 5 Orang.

Tiada mangsa sindiket penipuan yang berjaya diselamatkan oleh pihak PDRM pada masa ini. Namun usaha giat sedang dijalankan oleh Bahagian D3 Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman dalam usaha mengenal pasti kedudukan mangsa untuk tindakan selanjutnya.

- (b) Dalam usaha menangani isu pemerdagangan manusia serta buruh paksa, Kerajaan Negeri sentiasa menjalinkan hubungan baik dengan pihak PDRM dan agensi berkaitan.
- (c) Berdasarkan rekod pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), bilangan siber *scam* di Pulau Pinang mengikut daerah dan jumlah kes yang berjaya diselesaikan bagi tahun 2023 (sehingga 30 September 2023) adalah seperti berikut:

TAHUN 2023		
DAERAH	JUMLAH KES SIBER DI PULAU PINANG	SELESAI
Timur Laut	979	167
Seberang Perai Utara	297	272
Seberang Perai Tengah	392	47
Seberang Perai Selatan	312	51
Barat Daya	383	48
Jumlah	2,363	585

Statistik menunjukkan sejumlah 2,363 kes siber di Pulau Pinang telah dibuka kertas siasatan dan sebanyak 585 kes telah diselesaikan iaitu bersamaan dengan 24.7%.

- 8. Nyatakan bilangan pelajar cemerlang Pulau Pinang yang menerima biasiswa daripada universiti luar negara mengikut negara sejak tahun 2020.
 - (a) Berapakah graduan universiti luar negara tersebut akan balik ke negeri Pulau Pinang untuk bekerja dan berkhidmat?
 - (b) Nyatakan jumlah peruntukan biasiswa yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk menarik bakat dan menangani isu 'brain drain'.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 8. Mengikut rekod dari pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), terdapat seramai 18 orang pelajar Pulau Pinang yang ditaja belajar di universiti-universiti luar negara.
 - (a) Berhubung bilangan pelajar-pelajar ini pulang bertugas dan berkhidmat di Negeri Pulau Pinang setelah bergraduasi, KPT tidak menetapkan sebarang polisi supaya mereka perlu pulang bekerja dan berkhidmat di Pulau Pinang. Pihak Kerajaan Negeri juga tidak menyediakan biasiswa kepada pelajar-pelajar Pulau Pinang untuk belajar di luar negara. Justeru, tiada rekod mengenai bilangan graduan yang pulang bekerja dan berkhidmat di Pulau Pinang.
 - (b) Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Sistem Permohonan Bantuan Pendaftaran Pelajar ke Institut Pengajian Tinggi (iBITA) yang memberi bantuan kepada pelajar yang berjaya melanjutkan pengajian sepenuh masa di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di 20 Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), enam (6) Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan 36 Politeknik Malaysia yang telah disenaraikan sebagai Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang layak menerima bantuan ini. Kadar bantuan yang diberikan adalah sebanyak RM1,000.00 bagi IPTA/ IPTS di Semenanjung, RM1,200.00 bagi IPTA di Sabah dan Sarawak manakala RM300.00 bagi semua Politeknik Malaysia.

Bukan itu sahaja, antara inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mengatasi masalah *brain drain* adalah melalui program *Penang Future Foundation* (PFF), dimana program ini diwujudkan melalui kutipan derma daripada sektor swasta dan individu. Untuk makluman, kutipan derma ini telah dimulakan dengan dana atau sumbangan awal sebanyak RM40 juta kepada rakyat Malaysia yang cemerlang dan layak untuk melanjutkan pengajian di peringkat sarjana muda di Malaysia.

Ini adalah antara inisiatif Kerajaan Negeri untuk membendung *brain drain* dan menjadikan Pulau Pinang sebagai hab bakat. Walaupun biasiswa terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang layak tanpa mengira kaum, agama dan jantina, keutamaan akan diberikan kepada belia yang cemerlang dan layak daripada keluarga yang berpendapatan rendah hingga sederhana.

Setelah berjaya menamatkan pengajian sarjana muda, penerima biasiswa yang ditaja dikehendaki bekerja di Pulau Pinang dalam organisasi pilihan mereka, sama ada di sektor swasta atau awam.

Penang Future Foundation (PFF) bertujuan untuk menjadi pembuka peluang yang boleh dilalui oleh belia Malaysia kita, atau pemangkin yang mendorong anak muda Malaysia ke arah masa depan yang lebih baik

9. Digital ekonomi.

- (a) Terangkan usaha Kerajaan Negeri dalam membangunkan digital ekonomi di peringkat komuniti dan SME?
- (b) Terangkan isu dan cabaran dalam usaha membangunkan digital ekonomi di negeri Pulau Pinang.
- (c) Sejauh manakah usaha Kerajaan Negeri dapat membantu ekosistem 'digital startup' untuk berdepan dengan cabaran semasa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Antara usaha Kerajaan Negeri Digital Penang dalam merangsang pembangunan ekonomi digital di Pulau Pinang adalah penubuhan Digital Penang pada tahun 2020. Semenjak penubuhan Digital Penang, pelbagai program dan aktiviti telah dirancang dan dilaksanakan di pelbagai peringkat. Antaranya adalah program *Micro Enterprises LevelUP Programme 2023* yang bertujuan untuk membantu perusahaan mikro melibatkan diri dalam proses pendigitalan melalui kelas-kelas yang ditawarkan.

Selain daripada itu, Digital Penang juga telah melaksanakan program *SME Go Digital* yang menyasarkan perusahaan kecil dan sederhana (SME) dalam usaha membantu pengusaha memahami potensi penggunaan '*Internet of Things*' (IoT) dalam pengilangan dan analisis data.

Dua (2) buah syarikat iaitu PTS Industries dan Sunpaq telah menyertai program fasa pertama. Program fasa kedua yang akan melibatkan lima (5) buah SME lagi dijadualkan bermula pada pertengahan bulan November tahun 2023.

Digital Penang juga turut menjalankan pelbagai program e-dagang dengan kerjasama Lazada untuk membuka peluang perniagaan dalam talian terutamanya di kalangan pengusaha SME. Ini akan merancakkan lagi perkembangan ekonomi digital di Pulau Pinang.

Bagi menyokong pembentukan dan perkembangan syarikat pemula (*startup*), Digital Penang telah melaksanakan beberapa program berorientasikan kepada penyelesaian seperti program *IdeaPesta*, *Techstars Startup Weekend*, *Founders Meetup* dan pelbagai lagi. Usaha-usaha ini adalah sebahagian daripada inisiatif Digital Penang dalam mengatasi masalah sokongan modal yang dihadapi oleh golongan ini.

Dalam usaha meningkatkan kemahiran digital penduduk Pulau Pinang pula, Digital Penang telah melancarkan program DahDigital. Program ini dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan penggunaan teknologi digital dalam kehidupan seharian dengan menawarkan kelas-kelas pendedahan yang terbuka kepada semua. Sehingga kini, sebanyak 385 kelas telah diadakan yang disertai oleh seramai 7,537 peserta.

- (b) Cabaran utama yang dihadapi dalam membangunkan ekonomi digital di Pulau Pinang adalah ketersediaan infrastruktur yang terhad. Justeru, Kerajaan Negeri melalui Digital Penang akan melaksanakan projek pembinaan *Penang Internet Exchange* (PIX). Projek ini yang kini berada dalam fasa pembangunan akan meningkatkan kualiti sambungan Internet dan seterusnya meningkatkan pengalaman atas talian pengusaha dan pengguna di Pulau Pinang.

Selain daripada itu, faktor keselamatan transaksi atas talian juga menyebabkan sebahagian pengusaha dan pengguna enggan beralih ke medium digital. Bagi mengatasi cabaran ini, Digital Penang telah merancang dan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti seperti yang telah dinyatakan untuk meningkatkan keyakinan pengusaha dan pengguna dan membantu mereka bersedia dari aspek keselamatan digital.

- (c) Program-program dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan ini menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri dalam meningkatkan kemahiran digital, merencanakan penglibatan komuniti dan memupuk keusahawanan dalam era digital untuk merangsang perkembangan ekonomi digital di Pulau Pinang. Inisiatif-inisiatif kelas pendedahan dan penyediaan *platform* sokongan modal yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama pelbagai pihak akan memastikan syarikat pemula di Pulau Pinang bersedia untuk menghadapi cabaran semasa ekosistem digital.

Kerajaan Negeri sentiasa memantau perkembangan ekonomi digital di Pulau Pinang dan merangka pelan yang bersesuaian dari semasa ke semasa untuk memastikan pembangunan berterusan sektor ini.

10. 'Ulu Muda River Basin Authority' (UMBA).

- (a) Terangkan status cadangan PBA untuk menubuhkan satu pihak berkuasa untuk mengurus dan mengawal selia aktiviti di Ulu Muda.
- (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam merealisasikan cadangan tersebut?
- (c) Sejauh manakah peranan Kerajaan Persekutuan dalam memastikan bekalan air mentah kepada wilayah Utara tidak terjejas?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah mencadangkan supaya diwujudkan penubuhan *Ulu Muda Basin Authority* atau UMBA untuk menguruskan Ulu Muda Basin secara berkesan dan profesional kerana kedua-dua negeri Pulau Pinang dan Kedah sangat bergantung kepada Lembangan Sungai Ulu Muda, termasuk Sungai Muda, untuk bekalan air dan pengairan. UMBA perlu menjadi satu Badan Penguatkuasa Tindakan untuk melakukan penguatkuasaan tanpa gentar dan adil bagi melindungi Ulu Muda untuk kelangsungan generasi yang akan datang. Dengan penubuhan UMBA, Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa untuk mengawal segala aktiviti penerokaan hutan untuk tujuan pertanian, pembalakan serta perlombongan (REE). Kerajaan Negeri melalui PBAPP telah mencadangkan kepada YAB Perdana Menteri tentang kepentingan dan keperluan untuk memelihara Kawasan Tadahan Ulu Muda dan Lembangan Sg. Muda sebagai sumber utama bekalan air mentah dengan menubuhkan Lembaga Ulu Muda (UMBA) melalui surat bertarikh 30 Mac 2021 dan perkara ini juga telah disuarakan berulang kali oleh PBAPP semasa berlakunya

Insiden Sungai Muda pada bulan Mei 2023 baru-baru ini. Kerajaan Negeri telah menggunakan pelbagai platform untuk cadangan tersebut dan yang terkini kertas kerja telah dibentangkan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Wilayah bagi Negeri-Negeri di Utara Malaysia (Negeri Pulau Pinang, Kedah, Perak dan Perlis) (JPW PEKA) oleh PLANMalaysia@Pulau Pinang yang telah diadakan pada 15 September 2023 mencadangkan penubuhan UMBA untuk dipertimbangkan dan Mesyuarat bersetuju dengan pembentangan tersebut dan mengesyorkan supaya perkara ini dibincangkan bersama dengan Negeri Kedah untuk kepentingan dalam pemuliharaan Ulu Muda bersama. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha dalam memastikan kepentingan yang melibatkan sumber air sentiasa dipelihara dan sepertimana yang telah dimaklumkan perkara ini telah dibincangkan dan dibentangkan melalui pelbagai platform peringkat Negeri dan Persekutuan dan terkini adalah melalui JPW PEKA supaya semua pihak berkepentingan cakna dalam usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang memandangkan serius perkara ini berdasarkan insiden yang berlaku di Baling pada Julai 2022 telah memberi kesan kepada tahap kekeruhan Sungai Muda menyebabkan krisis bekalan air yang berpanjangan bukan sahaja kepada Pulau Pinang namun kepada Negeri Kedah.

- (c) Kerajaan Persekutuan sentiasa memainkan peranan dalam memberi khidmat nasihat dan menjadi pemudahcara yang baik kepada Kerajaan Negeri dalam memastikan bekalan air mentah kepada wilayah utara tidak terjejas melalui kajian-kajian yang telah dilaksanakan termasuk kajian Penilaian Opsyen dan Kajian Prarekabentuk Kejuruteraan Bagi Cadangan Projek *Sungai Perak Raw Water Transfer Scheme* (SPRWTS). Kajian-kajian ini akan dijadikan sumber rujukan dalam membantu Kerajaan Negeri mengadakan proses rundingan bersama serta membantu dalam merangka perancangan sumber air negeri.

11. Terangkan kesan kejatuhan nilai mata wang Ringgit Malaysia (RM) ke atas ekonomi negeri Pulau Pinang khasnya bagi sektor pembuatan E&E.
- (a) Senaraikan syarikat industri 'semiconductor' yang mendirikan kilang pembuatan mengikut negara dan nilai pelaburan.
- (b) Sejauh manakah usaha Kerajaan Negeri dalam usaha 'leverage' kelebihan Pulau Pinang sebagai 'Silicon Valley of the East'?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Berdasarkan kajian oleh Penang Institute, kejatuhan nilai mata wang Ringgit dijangka memberi kesan minimum kepada ekonomi tempatan apabila inflasi teras menjadi perlahan kepada 1.9% (Ogos 2023: 2%), dan inflasi makanan segar terus menurun pada 1.6% (Ogos 2023: 2%). Selain itu, pertumbuhan kukuh dalam kredit kepada sektor bukan kewangan swasta secara nasional sebanyak 4.2% (Ogos 2023: 3.8%), pinjaman perniagaan terkumpul sebanyak 1.6% (Ogos 2023: 0.7%) dan pinjaman PKS sebanyak 6.7% (Ogos 2023: 6.2%) bermakna keyakinan perniagaan kekal tinggi dan aktiviti ekonomi kekal berdaya tahan.

Khususnya, kejatuhan nilai Ringgit dijangka tidak akan memberi kesan material yang ketara ke atas sektor elektrik dan elektronik (E&E) negeri Pulau Pinang. Tambahan pula, perubahan nilai mata wang Ringgit bukanlah faktor utama yang menentukan prestasi sektor E&E Negeri Pulau Pinang memandangkan sektor ini amatlah dipengaruhi oleh peristiwa global.

- (a) Senarai pelabur baharu di industri semikonduktor sejak 2019 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Digelar sebagai *Silicon Valley of the East*, Pulau Pinang berbangga kerana ekosistem perindustrian yang dibangunkan dengan baik diiktiraf oleh pemimpin di seluruh industri elektrik dan elektronik (E&E). Bagi meningkatkan kedudukan Pulau Pinang dalam rangkaian bekalan global, Pulau Pinang akan terus menumpukan pada

aktiviti nilai tambah tinggi dalam produk semikonduktor termasuk *integrated circuit design*, E&E, mesin dan logam serta peranti perubatan.

Selain itu, strategi jangka panjang Pulau Pinang adalah untuk menjadi hab digital teknologi dan industri bernilai tinggi. Kerajaan Negeri telah memberi komitmen teguh terhadap evolusi infrastruktur dalam membentuk landskap pelaburan di negeri ini. Sehingga kini, 11 buah fasiliti pejabat dan prasarana telah dibina untuk memenuhi permintaan syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri ekonomi digital. Antaranya ialah GBS@ Mayang dan GBS@Mahsuri oleh Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Negeri Pulau Pinang (PDC) dan beberapa projek swasta seperti *One Precinct*, *Livingston Tower* dan sebagainya.

Selain itu, PDC juga sedang dalam pembinaan dua (2) ruang pejabat iaitu "*GBS By the Sea*" dan "*GBS Tech Space*" yang terletak di Bayan Lepas. Kedua-dua bangunan pejabat ini bakal menyediakan luas lantai sebanyak 360,000 kaki persegi, dilengkapi lebih daripada 800 lot parkir kereta bertingkat. Fasiliti yang dijangka siap pada penghujung tahun 2024 ini akan membuka lebih kurang 2,000 - 3,000 lagi peluang pekerjaan baharu.

LAMPIRAN A

SYARIKAT INDUSTRI SEMIKONDUCTOR YANG MENDIRIKAN KILANG PEMBUATAN MENGIKUT NEGARA DAN NILAI PELABURAN

TAHUN	SYARIKAT PELABURAN BAHARU	NEGARA	NILAI PELABURAN (RM JUTA)
2019	Micron	Singapura	4,700
2020	Sustio	Singapura	508
2021	TF-AMD Microelectronics	China	Tidak diumumkan
2022	TTM Technologies	Amerika Syarikat	550
2023	EMC	Taiwan	Tidak diumumkan

12. Skim Perumahan Sewa Khas untuk belia.
- (a) Terangkan secara terperinci tentang status pembinaan PPR Kota Giam khasnya bagi satu blok 45 tingkat berkeluasan 500 kaki persegi unit studio.
 - (b) Adakah kerajaan akan kaji semula syarat-syarat permohonan RMM A kerana status pendapatan pemohon bujang adalah lebih rendah daripada pemohon yang berkeluarga?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan pada tahun 2023 telah mengumumkan cadangan pembinaan satu (1) projek PPR di Jelutong, Daerah Timur Laut (DTL), Pulau Pinang. Cadangan komponen pembangunan PPR Jelutong, DTL melibatkan 500 unit rumah pangsa. Kerajaan Negeri telah memohon supaya sebahagian dari unit PPR tersebut dijadikan unit berkonsepkan studio satu bilik dengan keluasan 500 kaki persegi bagi memenuhi permintaan dan keperluan golongan belia dan bujang di Pulau Pinang.
- (a) Kerajaan Negeri dimaklumkan bahawa pelaksanaan projek PPR ini melibatkan pelaksanaan Makmal Pengurusan Nilai (*Value Assessment –VA*) yang dijangka akan diadakan pada 14-17 November 2023. Unjuran kerja pembinaan dijadualkan bermula September 2024 dan jangka siap projek adalah pada September 2027.
 - (b) Bagi permohonan rumah kos rendah (RMM A), had kelayakan maksima isi rumah adalah RM2,500.00 sebulan. Kerajaan Negeri sedang dalam proses untuk mengkaji semula had pendapatan isi rumah tersebut memandangkan had gaji minimum telah ditetapkan pada kadar RM1,500.00 selain menyelaraskan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dan had purata pendapatan B40 semasa Pulau Pinang.
13. Belanjawan 2024 "Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat".
- (a) Senaraikan projek-projek Persekutuan yang diluluskan dan akan dilaksanakan di Pulau Pinang.
 - (b) Nyatakan permohonan-permohonan projek yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri tetapi masih belum mendapat kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan.
 - (c) Senaraikan sumbangan Kerajaan Persekutuan dan geran populasi kepada Kerajaan Negeri sejak tahun 2018.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (a) Senarai projek-projek baharu yang telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* Ketiga (RP3) Tahun 2023 Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Kesemua permohonan projek di bawah *Rolling Plan* Ketiga (RP3) Tahun 2023 Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) telah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan berdasarkan garis masa permohonan yang ditetapkan.
- Sumbangan Kerajaan Persekutuan sejak tahun 2018 sehingga tahun semasa kepada Kerajaan Negeri adalah seperti di **LAMPIRAN B**

LAMPIRAN A

**PROJEK PEMBUATAN YANG DILULUSKAN MENGIKUT NEGERI
JANUARI 2023 SEHINGGA JUN 2023**

Negeri	Bilangan Projek	Jumlah Pekerjaan	Pelaburan Dalam Negeri (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Pelaburan (RM)
Pulau Pinang	67	4,738	1,434,007,604	2,823,933,572	4,257,941,176
Kedah	28	3,371	1,385,672,607	11,861,558,670	13,247,231,277
Selangor	114	6,042	3,503,012,937	11,248,382,301	14,751,395,238
Johor	121	6,394	1,152,706,489	2,193,992,234	3,346,698,723
Sabah	8	572	1,301,153,031	-	1,301,153,031
Sarawak	19	1,438	791,490,932	2,317,676,024	3,109,166,956
Pahang	8	304	196,400,000	390,870,186	587,270,186
Negeri Sembilan	14	1,075	337,399,843	365,928,366	703,328,209
Perak	18	809	358,802,161	126,747,852	485,550,013
Melaka	9	1,139	59,186,086	2,089,789,887	2,148,975,973
Terengganu	7	491	342,462,225	449,612,469	792,074,694
W.P. Kuala Lumpur	1	36	14,064,000	-	14,064,000
Kelantan	7	350	113,678,375	-	113,678,375
Jumlah	421	26,759	10,990,036,290	33,868,491,561	44,858,527,851

Sumber: Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)

RANGKAIAN DATA AKTIFITAS KEMERDEKAAN BERKUALITAS DAN BERKEMAJUAN BERKUALITAS DAN BERKEMAJUAN YASMER 2019

NO.	JENIS PENDANAAN	TANGGUNGJAWAB (Rp.000)					
		2018	2019	2020	2021	2022	2023
1	Pembelian Mergin K Gunung Kapur	24.000.000,00	24.000.000,00	25.000.000,00	24.000.000,00	25.000.000,00	25.000.000,00
2	Pembelian Program Pemeliharaan RPH	45.000.000,00	45.000.000,00	45.000.000,00	45.000.000,00	45.000.000,00	45.000.000,00
3	Pembelian Peralatan Kantor	11.000.000,00	11.000.000,00	11.000.000,00	-	11.000.000,00	-
4	Pembelian Berbagai Peralengkapan (Program IT, Kertas, Benda Lain-lain, GPP, AP, AS, APD, SPP)	25.000.000,00	25.000.000,00	25.000.000,00	25.000.000,00	25.000.000,00	25.000.000,00
5	Pembelian Peralengkapan	-	10.000.000,00	10.000.000,00	10.000.000,00	10.000.000,00	10.000.000,00
6	Pembelian Bagi Hasil Kuantitas dan Pembelian Hasil Usaha Kuantitas dan Hasil Usaha	-	-	-	-	-	20.000.000,00
7	Pembelian Peralengkapan (Mergin, Peralengkapan, Peralengkapan, Peralengkapan, Peralengkapan, Peralengkapan)	20.000.000,00	20.000.000,00	20.000.000,00	20.000.000,00	20.000.000,00	20.000.000,00
	Jumlah	105.000.000,00	105.000.000,00	105.000.000,00	105.000.000,00	105.000.000,00	105.000.000,00
8	Pembelian Program Pembelian Berbasis Masyarakat untuk Meningkatkan Kesejahteraan dan Kesejahteraan Masyarakat	100.000.000,00	100.000.000,00	100.000.000,00	100.000.000,00	100.000.000,00	100.000.000,00
9	Program Kerja Transfer Berbasis Masyarakat (PBBM)	-	-	-	-	100.000.000,00	100.000.000,00
	Jumlah	100.000.000,00	100.000.000,00	100.000.000,00	100.000.000,00	100.000.000,00	100.000.000,00

14. SJKC Lim Chong Eu di Alma.

- (a) Apakah status terkini berkenaan pembinaan sekolah tersebut?
- (b) Terangkan isu dan cabaran yang dihadapi dalam usaha merealisasikan pembinaan sekolah tersebut.
- (c) Senaraikan tanah-tanah rizab sekolah di KADUN Machang Bubuk mengikut lokasi dan keluasan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. (a) Berdasarkan semakan dan rekod di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP), tiada sebarang permohonan pembinaan sekolah baharu dikemukakan kepada pihak JPNPP seperti yang dinyatakan dan JPNPP tiada maklumat mengenai pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) yang baharu. Semua perancangan untuk pembinaan sekolah baharu adalah menjadi tanggungjawab pihak JPNPP dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
- (b) Penubuhan sekolah baharu adalah di bawah Kuasa Menteri Pendidikan sepenuhnya selaras dengan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), dan mana-mana sekolah baharu yang ditubuhkan adalah berstatus sekolah kerajaan (SK).

Senarai tanah-tanah rizab sekolah di KADUN Machang Bubuk mengikut lokasi dan keluasan seperti di bawah:

Bil.	No. Lot	Mukim	Daerah	Nama Sekolah	Luas
1	692 dan 693	16	Seberang Perai Tengah	Sekolah Kebangsaan Machang Bubuk	0.75 ha
2	911	14	Seberang Perai Tengah	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Permatang Tinggi	1.59 ha

15. Cadangan pelebaran Jalan Kulim dari sempadan Kulim sehingga Bandar Bukit Mertajam.
- (a) Terangkan status terkini termasuk jangkaan kos pembinaan serta kos pengambilan balik tanah untuk pelaksanaan projek.
 - (b) Bagaimanakah kerajaan menangani isu kos pengambilan balik tanah yang semakin tinggi disebabkan oleh nilai pasaran tanah semakin meningkat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. (a) Status semasa bagi projek cadangan pelebaran Jalan Kulim sehingga Sempadan Kulim adalah kerja-kerja ukur bagi tujuan penyediaan pelan Pengambilan Balik Tanah (PBT) telah siap dilaksanakan. Peringkat pembinaan projek pelebaran jalan ini akan dilaksanakan secara berperingkat melibatkan tiga (3) fasa.

Anggaran kos pembinaan bagi pelaksanaan projek ini adalah sebanyak RM55.0 juta manakala anggaran kos PBT masih belum diperolehi. Anggaran kos PBT hanya akan diperolehi setelah proses penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) selesai dilaksanakan.

- (b) Prinsip berkaitan penentuan pampasan melibatkan PBT adalah dipandu di bawah Jadual Pertama Akta Pengambilan Tanah 1960 (APT). Perkara 1A Jadual Pertama tersebut menyatakan:

“Dalam menilai nilai pasaran mana-mana tanah terjadual, penilai boleh menggunakan mana-mana kaedah penilaian yang sesuai untuk mencapai nilai pasaran dengan syarat mengambil kira harga yang dibayar untuk penjualan tanah terkini dengan ciri-ciri yang sama seperti tanah terjadual yang terletak di kawasan persekitaran tanah terjadual tersebut dan dengan pertimbangan khusus diberikan kepada transaksi terakhir di atas tanah terjadual dalam tempoh dua tahun dari tarikh tanah tersebut di wartakan di bawah APT.”

Peruntukan yang terdapat dalam APT adalah agak ketat dan Kerajaan Negeri tiada pilihan lain selain menyediakan peruntukan yang mencukupi sekiranya terdapat keperluan untuk dilaksanakan.

16. Terangkan usaha Kerajaan Negeri dalam menangani kesesakan lalu lintas di persimpangan Jalan Alma, Jalan Rozhan dan Jalan Seladang.
- (a) Apakah usaha jangka masa pendek dan panjang bagi mengurangkan kesesakan khususnya pada waktu kemuncak?
 - (b) Sejauh manakah 'Traffic Impact Assessment' (TIA) diguna pakai serta keberkesanannya dalam perancangan pembangunan di kawasan yang pesat membangun seperti Alma?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha dalam mencari penyelesaian bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Persimpangan Jalan Alma, Jalan Rozhan dan Jalan Seladang. Usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

- (i) Mensyaratkan di dalam Pelan Kebenaran Merancang (PKM) kepada pemaju Tetuan Tetuan Iconic Maison Sdn. Bhd untuk pelebaran Jalan Rozhan hingga R.O.W (Right of Way) jalan dari persimpangan Jalan Seladang hingga Lorong Alma Jaya 11 sebelum Sijil Layak Menduduki (CCC) dikeluarkan;
- (ii) Merancang kerja-kerja pelebaran Jalan Rozhan hingga R.O.W (Right of Way) jalan dari *Road Over Bridge* (ROB) Alma hingga persimpangan Jalan Kota Permai termasuk pembinaan pembahagi jalan oleh Jabatan Kerja Raya;

- (iii) Merancang kerja-kerja naiktaraf persimpangan Jalan Alma dengan Jalan Kota Permai kepada persimpangan bulatan oleh Penang Development Corporation (PDC).
- (a) Usaha jangka masa pendek dan panjang bagi mengurangkan kesesakan khususnya pada waktu kemuncak oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:
 - (i) Jangka masa pendek
 - (1) Melaksanakan jalan sehalu bagi melancarkan pergerakan aliran lalu lintas terutama di kawasan tumpuan dari semasa ke semasa;
 - (2) Melaksanakan jalan sehalu mengikut had masa di kawasan sekolah bagi melancarkan pergerakan aliran lalu lintas pada waktu masuk dan keluar sesi persekolahan;
 - (3) Melaksanakan aktiviti pelebaran jalan / menaiktaraf bahu jalan dengan tujuan mewujudkan tempat letak kenderaan di sepanjang jalan bagi mengelakkan peletakan kenderaan yang menghalang aliran lalu lintas;
 - (4) Menyusun semula aliran keluar masuk persimpangan dengan mengurangkan konflik lalu lintas bagi melancarkan pergerakan kenderaan;
 - (5) Mensyaratkan kepada pemaju pembangunan baharu untuk menjalankan Kajian Impak Lalu Lintas (TIA) termasuk melaksanakan penambahbaikan lalu lintas;
 - (6) Melaksanakan Kajian Impak Lalu Lintas (TIA) di kawasan Pekan Bukit Mertajam, Alma dan kawasan sekitarnya;
 - (7) Merancang pembinaan jambatan Valdor yang menghubungkan Jalan Persekutuan 1 dan Batu Kawan;
 - (8) Pelaksanaan *green wave* di kawasan Pekan Bukit Mertajam, Alma dan kawasan sekitarnya.
 - (9) Menyediakan bantuan daripada polis trafik Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dan warden trafik Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk melancarkan aliran lalu lintas dan mengurangkan kesesakan pada tahap minimum terutamanya waktu puncak yang melibatkan isipadu trafik melebihi kapasiti sistem lampu isyarat di setiap persimpangan; dan
 - (10) Menambah baik mutu perkhidmatan bas awam seperti menambah bilangan bas Rapid Penang secara berperingkat mengikut keperluan untuk penyediaan perkhidmatan yang lebih efisien dan berkualiti yang merangkumi laluan-laluan sosial lain;
 - (ii) Jangka masa panjang
 - (1) Merancang kerja-kerja menaik taraf persimpangan Jalan Rozhan, Jalan Alma dan Jalan Seladang;
 - (2) Merancang kerja-kerja menaik taraf jalan dari persimpangan Jalan Bukit Tengah dengan Jalan Bukit Minyak 2 hingga persimpangan Jalan Bukit Minyak dengan Jalan Kota Permai;
 - (3) Merancang kerja-kerja menaik taraf Jalan Kulim;
 - (4) Merancang kerja-kerja menaik taraf Jalan Permatang Tinggi; dan
 - (5) Merancang kerja-kerja pembinaan jalan sambungan dari Taman Bukit Minyak Utama ke Taman IKS Bukit Minyak;

- (b) *Traffic Impact Assessment (TIA)* adalah kaedah yang digunakan dalam membuat perancangan yang melibatkan aliran trafik dan penyambungan kepada jalan alternatif. Berdasarkan *REAM Guidelines for Traffic Impact Assessment, TIA (2011)* dan *Guideline for Traffic Impact Assessment, TIA (2018)*, menyatakan TIA digunapakai bagi setiap pembangunan yang mempunyai kriteria seperti penjanaaan perjalanan waktu puncak, penjanaaan perjalanan bukan pada waktu puncak, saiz pembangunan perumahan dan saiz pembangunan komersial. Keberkesanan TIA dalam perancangan pembangunan di kawasan yang pesat membangun seperti Alma adalah seperti berikut:
- (i) Merupakan kaedah penting yang digunakan untuk menentukan kesan lalu lintas yang dihasilkan daripada projek pembangunan yang dicadangkan (selepas pembangunan penuh) serta kesan kepada jalan dan sistem pengangkutan di sekitarnya;
 - (ii) Dapat mengenal pasti langkah-langkah keperluan dan mitigasi kepada sistem pengangkutan sedia ada bagi mengurangkan kesesakan dan juga untuk memastikan tahap keselamatan jalan raya di kawasan pembangunan tersebut dan kawasan sekitarnya dikekalkan atau perlu dipertingkatkan;
 - (iii) Dapat membantu menilai dan mengesahkan kecukupan kapasiti jalan raya yang dirancang dalam satu pemajuan dalam proses menyediakan sistem lalulintas yang lebih efektif; dan
 - (iv) Dapat dijadikan instrumen penilaian dalam mempertimbangkan permohonan kebenaran merancang (KM).

17. Senaraikan jumlah nilai pelaburan FDI yang masuk ke Pulau Pinang pada tahun 2023 serta bandingkan dengan negeri-negeri lain.
- (a) Senaraikan jumlah nilai pelaburan DDI di Pulau Pinang pada tahun 2023 serta bandingkan dengan negeri lain.
 - (b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri mengambil langkah agresif untuk menarik pelaburan daripada US dan Europe yang 'decoupling' dengan China?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. (a) Senarai jumlah nilai pelaburan *Foreign Direct Investment (FDI)* dan *Domestic Direct Investment (DDI)* di Negeri Pulau Pinang berbanding negeri-negeri lain dari Januari 2023 sehingga Jun 2023 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengalu-alukan pelaburan strategik dari semua negara bagi mewujudkan sebuah ekosistem dengan nilai tambah yang tinggi terhadap semua sektor industri di negeri ini tanpa adanya sebarang keutamaan khusus kepada mana-mana negara. Jalinan kerjasama dan bersepadu antara Kerajaan Negeri dan *Malaysian Investment Development Authority (MIDA)* sentiasa diperkukuhkan dalam memastikan negeri ini terus kekal sebagai destinasi pelaburan utama.

LAMPIRAN A

PROJEK PEMBUATAN YANG DILULUSKAN MENGIKUT NEGERI JANUARI 2023 SEHINGGA JUN 2023

Negeri	Bilangan Projek	Jumlah Pekerjaan	Pelaburan Dalam Negeri(RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Pelaburan(RM)
Pulau Pinang	67	4,738	1,434,007,604	2,823,933,572	4,257,941,176
Kedah	28	3,371	1,385,672,607	11,861,558,670	13,247,231,277
Selangor	114	6,042	3,503,012,937	11,248,382,301	14,751,395,238
Johor	121	6,394	1,152,706,489	2,193,992,234	3,346,698,723
Sabah	8	572	1,301,153,031	-	1,301,153,031
Sarawak	19	1,438	791,490,932	2,317,676,024	3,109,166,956
Pahang	8	304	196,400,000	390,870,186	587,270,186
Negeri Sembilan	14	1,075	337,399,843	365,928,366	703,328,209
Perak	18	809	358,802,161	126,747,852	485,550,013
Melaka	9	1,139	59,186,086	2,089,789,887	2,148,975,973
Terengganu	7	491	342,462,225	449,612,469	792,074,694
W.P. Kuala Lumpur	1	36	14,064,000	-	14,064,000
Kelantan	7	350	113,678,375	-	113,678,375
Jumlah	421	26,759	10,990,036,290	33,868,491,561	44,858,527,851

Sumber: Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)

18. 'Sungai Perak Raw Water Transfer Scheme' (SPRWTS).
- (a) Apakah status terkini tentang skim ini?
 - (b) Apakah isu dan cabaran untuk merealisasikan SPRWTS yang akan memberi manfaat kepada kawasan Bukit Merah dan Perak Utara?
 - (c) Terangkan peranan Kerajaan Persekutuan dan SPAN dalam memudah cara proses rundingan di antara Pulau Pinang dan Perak.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. (a) Kerajaan Negeri akan meneruskan rundingan bersama dengan Kerajaan Negeri Perak bagi memastikan Projek Air Perak-Pulau Pinang ini dapat dilaksanakan dengan segera untuk menampung kapasiti keperluan air mentah menjelang Tahun 2050 bagi negeri Pulau Pinang dan Utara Perak. YAB Ketua Menteri Pulau Pinang sendiri telah mengemukakan surat bertarikh 19 Mei 2023 kepada YAB Menteri Besar Perak untuk mengadakan rundingan semula bagi pembelian air terawat melalui pelaksanaan projek ini. Kerajaan Negeri melalui PLANMalaysia juga telah mengambil inisiatif membentangkan kertas kerja berkaitan dengan kebergantungan sumber air bagi Negeri Pulau Pinang kepada Negeri Kedah dan Perak melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Wilayah Bagi Negeri-Negeri di Utara Semenanjung Malaysia (JPW PEKA) Pertama pada 15 September 2023. Melalui Pembentangan kertas tersebut, Kerajaan Negeri telah memohon supaya proses rundingan ini dapat dipercepatkan untuk mendapatkan bekalan sumber bekalan air mentah dengan Kerajaan Negeri Perak melalui pelaksanaan projek SPRWTS dan Mesyuarat telah bersetuju supaya PLANMalaysia menjalankan pengumpulan data, kajian, isu-isu dan *way forward* berkaitan perkara ini dan dibentangkan semula di Mesyuarat JPW PEKA akan datang. Terkini, YAB Ketua Menteri juga telah mengemukakan surat bertarikh 3 Oktober 2023 kepada YAB Perdana Menteri memohon supaya Kerajaan Persekutuan menjadi pemudahcara dalam rundingan bersama Kerajaan Negeri Perak demi kepentingan sumber air kedua-dua negeri. Kerajaan Negeri juga sedang berusaha untuk mengadakan perbincangan awal di peringkat Setiausaha Kerajaan Negeri bagi membincangkan halatuju pelaksanaan dalam masa terdekat.
- (b) Antara isu dan cabaran yang dihadapi untuk pelaksanaan projek ini adalah untuk mendapat titik persetujuan bersama di antara dua negeri bagi merealisasikan pelaksanaan projek ini yang telah tertangguh sejak Tahun 2012 lagi. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk memastikan projek ini dapat dilaksanakan dengan segera dan terbuka untuk mengadakan perbincangan bersama Kerajaan Negeri Perak melalui mana-mana platform yang bersesuaian kerana projek ini bukan sahaja memberi manfaat kepada Negeri Pulau Pinang malahan kepada Negeri Perak sendiri dalam memastikan bekalan air mencukupi untuk menampung keperluan di kedua-dua negeri dengan mengambil kira hasil laporan akhir kajian yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC).

Kerajaan Persekutuan hanya berperanan sebagai pemudahcara dalam memberi khidmat nasihat teknikal kerana sumber air adalah di bawah bidang kuasa negeri yang termaktub di bawah Jadual Kesembilan, Senarai II, Perlembagaan Persekutuan dan Kementerian Persekutuan melalui NRECC berpendirian bahawa kedua-dua negeri perlu mencapai kata sepakat berhubung penjualan air terlebih dahulu sebelum ia boleh dilaksanakan. Manakala SPAN adalah badan pengawalseliaan kebangsaan untuk industri air dan pembentungan bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan dan beroperasi di bawah kerangka perundangan yang ditentukan dalam Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654) dan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655). SPAN

juga hanya berperanan sebagai agensi teknikal yang boleh memberi khidmat nasihat berkaitan dengan pembekalan air.

19. Fasa 2B MDEP Empangan Mengkuang.

- (a) Apakah status terkini projek yang sepatutnya jangka siap pada tahun 2022?
- (b) Apakah isu dan cabaran dalam melaksanakan projek tersebut?
- (c) Sejauh manakah usaha Kerajaan Negeri memastikan projek fasa 2B dapat disiapkan serta mempertingkatkan tahap daya tahan (resiliency) dalam menangani hujan lebat di Baling?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. (a) Kerajaan Persekutuan melalui agensi pelaksana Bahagian Bekalan Air di bawah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) telah memberi komitmen untuk menyiapkan projek pembinaan kerja-kerja penyaluran air mentah dari Stesen Pam Mak Sulong ke Terusan Sungai Dua (Fasa 2B) di bawah pakej projek pembesaran Empangan Mengkuang selewat-lewatnya pada akhir tahun 2023. Penyiapan projek ini akan meningkatkan kapasiti pengeluaran air mentah dari 300JLH kepada 600JLH menerusi Empangan Mengkuang.
- (b) Pelaksanaan projek ini adalah di bawah Bahagian Bekalan Air (BBA) NRECC dan Kerjaan Negeri telah mendapat penjelasan daripada BBA NRECC berkaitan dengan isu dan cabaran dalam penyiapan projek Fasa 2B ini. Isu dan cabaran utama yang menyebabkan projek ini tidak dapat disiapkan mengikut jadual sebenar pada tahun 2022 adalah disebabkan pandemik COVID-19 yang melanda negara dimana kerja-kerja pembinaan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana hanya kerja-kerja melibatkan *essential* sahaja dibenarkan oleh kerajaan untuk beroperasi dalam tempoh tersebut. Selain itu, isu melibatkan perubahan lokasi *Outflow Channel* di Lahar Yooi yang sepatutnya dibina atas lokasi Rumah Pam Lahar Yooi yang tidak lagi digunakan, terpaksa dianjak bagi membolehkan kerja-kerja penanaman cerucuk dibuat memandangkan keadaan tapak sebelum ini yang menggunakan asas *raked pile*. Isu terakhir yang dihadapi projek ini adalah berkaitan jajaran paip yang terpaksa melalui laluan paip gas PETRONAS yang melibatkan beberapa siri perbincangan sehingga kebenaran melaksanakan kerja diberikan pada September 2023. Kerajaan Persekutuan melalui BBA NRECC telah memaklumkan bahawa pengujian dan pentauliahan (T&C) bagi projek ini akan dilaksanakan sepenuhnya pada 9 November 2023 dan Latihan kepada kakitangan PBAPP akan dilaksanakan pada 10 November 2023. Projek ini dijadualkan siap sepenuhnya pada 13 November 2023 dan akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk digunakan.
- (c) Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) sentiasa memandang serius dalam memastikan projek ini dapat disiapkan dengan segera. Sepertimana semua sedia maklum, Empangan Mengkuang berfungsi sebagai empangan strategik untuk keperluan semasa musim kering atau kemarau yang akan memberi kesan kepada pengguna negeri Pulau Pinang. Sekiranya projek Fasa 2B ini disiapkan, kapasiti pengeluaran air mentah dapat dilepaskan sebanyak 600JLH berbanding sebelum ini hanya 300JLH sahaja dapat dilepaskan melalui Empangan Mengkuang untuk membantu menampung keperluan bekalan air sekiranya berlaku insiden di Sungai Muda seperti Banjir Kilat di Baling. Walau bagaimanapun, LRA Sungai Dua memerlukan kira-kira 1,100 JLH air mentah setiap hari untuk menghasilkan 1,000 JLH air terawat. Oleh yang demikian, Empangan Mengkuang masih memerlukan 400JLH lagi untuk melepaskan air secara maksimum sebanyak 1000JLH supaya LRA Sungai Dua dapat beroperasi secara optimum. Bagi membolehkan pelepasan air dilaksanakan secara maksimum sebanyak 1000JLH menerusi Empangan Mengkuang, Kerajaan Negeri telah memohon

kepada Kerajaan Persekutuan untuk meneruskan pelaksanaan projek Fasa 2C bagi melengkapkan pakej pembesaran Empangan Mengkuang supaya bekalan air di Negeri Pulau Pinang akan terjamin.

20. Pusat jagaan kanak-kanak.
- (a) Bagaimanakah kerajaan dapat menjadikan ia lebih 'accessible', kondusif dan mampu milik khususnya untuk kaum ibu kembali ke sektor pekerjaan?
 - (b) Nyatakan kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh (FLFPR) negeri Pulau Pinang.
 - (c) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menggalakkan wanita menyertai tenaga buruh?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. (a) Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), sedang giat merekabentuk dan melaksanakan program "*Mothers to Stay in the Workforce*". Program ini bertujuan untuk memastikan golongan ibu mempunyai akses kepada perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang berkualiti terutamanya kanak-kanak yang berumur empat (4) tahun ke bawah.

Program ini terdiri daripada empat (4) domain iaitu Ketersediaan (*Availability*), Mampu Bayar (*Affordability*), Keselamatan (*Safety*) dan Kurikulum (*Curriculum*). Sesi libat urus dengan pelbagai pemegang taruh telah dijalankan dan kini dalam proses penghalusan untuk pelan tindakan. Program ini dijangka akan memberi impak yang positif dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Peningkatan akses kepada perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang berkualiti akan memberi kemudahan kepada kaum ibu untuk kembali ke alam pekerjaan selepas cuti bersalin.

- (b) Berdasarkan Survei Tenaga Buruh (STB) yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kadar penyertaan tenaga buruh (KTPB) perempuan di Pulau Pinang pada tahun 2022 adalah sebanyak 56.7% iaitu peningkatan sebanyak 0.1% berbanding tahun 2021 iaitu sebanyak 56.6%.

- (c) Kerajaan Negeri sedia maklum bahawa salah satu unsur yang boleh membantu para wanita khususnya golongan ibu untuk kembali menjadi penyumbang tenaga dalam sektor buruh adalah dengan mewujudkan serta menambah baik pusat jagaan kanak-kanak ke tahap yang berkualiti. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan beberapa inisiatif dalam menggalakkan golongan wanita menceburi bidang pekerjaan. Perincian inisiatif-inisiatif tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Skim Bantuan Asuhan dan Didikan Kanak-Kanak Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) dan Taman Didikan Kanak-Kanak (TADIKA). Skim bantuan ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam meringankan beban kewangan ibu bapa daripada golongan pendapatan B40 untuk mendapatkan pendidikan awal yang baik untuk anak-anak mereka.

Bagi tahun 2023, sebanyak RM66,800.00 telah disalurkan kepada 26 buah TASKA melibatkan 68 orang kanak-kanak melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang. Manakala, peruntukan sebanyak RM394,400.00 telah diluluskan untuk 80 buah TADIKA yang akan disalurkan melalui Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang; dan

- (ii) Geran Penubuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) dan Pusat Jagaan Kanak-Kanak (PJKK) Baharu dan Geran Naik Taraf TASKA dan PJKK sedia ada di Pulau Pinang.

Geran ini merupakan salah satu usaha Kerajaan Negeri dalam memastikan lebih ramai ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke TASKA/PJKK serta memastikan kanak-kanak mendapat penjagaan yang berkualiti dan selamat. Inisiatif ini mendorong wanita untuk kembali bekerja dengan adanya TASKA/PJKK yang baik untuk menjaga anak-anak mereka semasa mereka bekerja.

Bagi tahun 2023, sebanyak tujuh (7) geran penubuhan yang melibatkan peruntukan berjumlah RM219,000.00 dan 11 geran naik taraf yang melibatkan peruntukan berjumlah RM166,000.00 telah disalurkan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang.

Selain ini, Kerajaan Negeri turut mementingkan pendidikan awal kanak-kanak serta memahami keperluan ibu bapa yang bekerja dalam sektor awam dan sektor swasta. Oleh itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui usaha sama PWDC dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah berjaya mengembangkan dan mewujudkan TASKA D' KOMTAR 2.0. Selain itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Talent Corporation Malaysia (TalentCorp) bersama PWDC telah memudah cara syarikat teknologi Micron Technology Incorporation untuk membangunkan sebuah pusat jagaan kanak-kanak. Penyediaan pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja sememangnya membantu mewujudkan persekitaran yang positif untuk ibu bapa yang bekerja sekali gus menggalakkan ibu untuk terus bekerja.

21. Pusat geriatrik.

- (a) Senaraikan pusat kemudahan geriatrik kerajaan dan swasta mengikut daerah, lokasi, kapasiti pusat serta yuran.
- (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam membina sistem kesihatan yang holistik, mampu milik serta mesra warga emas khususnya cabaran negeri tua?
- (c) Terangkan 'roadmap' Kerajaan Negeri untuk 'universal' akses kepada pusat geriatrik

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. (a) Berikut adalah kemudahan-kemudahan Geriatrik di bawah kerajaan:

- (i) Daerah Timur Laut
 - 1. Hospital Pulau Pinang
 - (a) Klinik Pesakit Luar Geriatrik
 - (b) Lawatan Pakar Geriatrik Pesakit Wad Perubatan
- (ii) Daerah Barat Daya
 - 1. Hospital Balik Pulau
 - (a) 2 Wad Geriatrik (jumlah katil 7)
- (iii) Daerah Seberang Perai Tengah
 - 1. Hospital Seberang Jaya
 - (a) 12 Katil Geriatrik dalam Wad Perubatan
 - (b) Klinik Pesakit Luar Geriatrik
 - 2. Hospital Bukit Mertajam
 - (a) 8 Katil Geriatrik dalam Wad Perubatan
 - (b) Klinik Pesakit Luar Geriatrik
- (iv) Daerah Seberang Perai Selatan
 - 1. Hospital Sungai Bakap

- (a) 1 wad Geriatrik (jumlah katil 4)
- (b) Klinik Pesakit Luar Geriatrik

Hospital swasta di Pulau Pinang dengan Pakar Geriatrik

- (i) Hospital Lam Wah Ee (Pakar Geriatrik *in-house*)
 - (ii) Sunway Medical Centre (Pakar Geriatrik *in-house*)
 - (iii) Loh Guan Lye Specialists Centre (Pakar Geriatrik lawatan)
- (b) Perkhidmatan Perubatan Geriatrik diperkembangkan ke hampir semua daerah negeri Pulau Pinang agar memudahkan akses kepada warga emas. Perancangan selanjutnya adalah untuk melihat kepada isu kekurangan tenaga manusia dari segi ahli multidisiplin memandangkan pendekatan Geriatrik adalah holistik dan multidisiplin.
- (c) Perkembangan dalam perkhidmatan Geriatrik termasuklah penambahan jumlah katil Geriatrik yang diwartakan, *step-down* dan rehabilitasi, *Fracture Liaison Service* bagi pesakit patah tulang, dan *Memory Clinic* bagi pesakit demensia. Sekiranya terdapatnya tenaga manusia multidisiplin yang mencukupi contohnya Jururawat, Fisioterapi, Pemulihan Cara Kerja, Farmasi, Pertuturan, Dietetik, Pakar Geriatrik dan lain-lain, perkhidmatan pada masa hadapan yang akan dapat dilaksanakan adalah termasuk *Seamless Geriatric Care* (kerjasama dengan Klinik Kesihatan), dan *Orthogeriatrics* (kerjasama dengan Pakar Othopedik). Perkhidmatan pesakit luar Geriatrik adalah percuma di fasiliti kerajaan.

22. Jerebu - pencemaran udara.

- (a) Sejauh manakah keberkesanan stesen pengawasan kualiti udara automatik yang mengambil kira parameter PM2.5 dalam menangani masalah jerebu?
- (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menangani masalah jerebu yang menjadi aktiviti tahunan?
- (c) Mengapakah 'drone' tidak diguna pakai untuk menguatkuasakan dan menangkap pembakaran secara terbuka di dalam negeri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. (a) Data kualiti udara melalui bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang dikeluarkan setiap jam dapat memberikan amaran awal kepada semua agensi terlibat dalam mengambil langkah sewajarnya bagi menangani masalah jerebu. Bagi Jabatan Alam Sekitar (JAS), pengaktifan rondaan pemantauan dan pemberitahuan larangan pembakaran terbuka akan dilaksanakan melalui Kempen Larangan Pembakaran Terbuka yang telah dilancarkan pada bulan Oktober 2023. Di samping itu, kerjasama bersama agensi negeri turut dijalinan untuk menguatkuasakan larangan pembakaran terbuka.
- (b) Masalah jerebu adalah disebabkan oleh aktiviti pembakaran terbuka berskala besar atau tidak terkawal. Misalnya, kebakaran hutan atau belukar. Namun, aktiviti pembakaran terbuka berskala kecil juga menjadi salah satu faktor yang menyumbang kepada jerebu setempat. Jerebu di Pulau Pinang juga turut disumbangkan oleh faktor rentas sempadan oleh jiran yang bersempadan dan bersebelahan tertakluk laluan angin semasa. Dalam menangani isu berkaitan pencemaran udara dan jerebu, Jabatan Alam Sekitar memainkan peranan aktif dengan menasihatkan Kerajaan Negeri melalui pelaksanaan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan dan Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan. Pelan ini menggariskan strategi bagi menangani isu berkenaan secara holistik. Di peringkat luar negara, ia diselesaikan secara diplomatik melalui Kementerian terbabit. Aktiviti

pembakaran terbuka sememangnya aktiviti yang dilarang oleh undang-undang sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Walau bagaimanapun, terdapat aktiviti pembakaran terbuka yang dibenarkan sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Diisytiharkan) (Pembakaran Terbuka) 2003, tertakluk syarat yang ditetapkan. Setiap kesalahan di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit (RM500,000.00) atau dipenjarakan tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya sekali. Kesalahan ini juga boleh dikompaun di bawah Seksyen 45, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, denda tidak melebihi dua ribu ringgit sahaja (RM2,000.00).

- (c) Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang menjalankan penguatkuasaan alam sekitar dengan pelbagai kaedah dan strategi. Ini termasuklah penggunaan *drone*. Bagi kes melibatkan pembakaran terbuka, *drone* digunakan bagi kawasan yang sukar diakses, intipan awal, kerja-kerja pemetaan/penandaan kawasan kes dan pembuktian.

23. Kajian tebatan banjir daerah Kulim dan Machang Bubuk.

- (a) Apakah status tentang kajian yang dikendalikan oleh JPS Persekutuan?
- (b) Senaraikan sesi libat urus yang dijalankan serta pencapaian bagi setiap sesi.
- (c) Sejauh manakah cadangan-cadangan kajian tersebut dapat dilaksanakan serta usaha kerajaan dalam memastikan tindakan susulan diambil bagi menangani isu banjir?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 23. (a) Kajian yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia adalah Kajian Keberkesanan Penyelesaian Banjir Jangka Panjang di negeri Pulau Pinang termasuk Daerah Kulim dan Bandar Baharu Di negeri Kedah. Kajian ini dilaksanakan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan dan kini berada di peringkat penyediaan Laporan Interim 2.
- (b) Sesi-sesi libat urus bersama pemegang taruh tempatan (Negeri Pulau Pinang) adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Input yang diperolehi dari sesi-sesi libat urus yang dilaksanakan akan di analisis bagi penyediaan output penilaian impak sosial dalam laporan akhir kajian ini yang dijangka akan selesai pada Mei 2024.
- (c) Secara amnya, kajian ini akan menganalisis keberkesanan projek-projek Tebatan Banjir yang telah siap dilaksanakan, projek-projek yang sedang dilaksanakan dan juga perancangan projek-projek yang akan dilaksanakan di negeri Pulau Pinang. Pihak perunding akan menyediakan cadangan-cadangan dan rumusan dari pelaksanaan projek ini dalam laporan akhir yang dijangka siap pada Mei 2024 dengan mengambil kira sesi pembentangan kepada pihak Kerajaan Negeri sebelum kajian akhir ini dimuktamadkan. Pelaksanaan cadangan-cadangan adalah tertakluk kepada ketersediaan peruntukan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri pada waktu tersebut.

**JADUAL 1: SENARAI SESI LIBAT URUS KAJIAN KEBERKESANAN
PENYELESAIAN BANJIR JANGKA PANJANG DI NEGERI PULAU PINANG
TERMASUK DAERAH KULIM DAN BANDAR BAHARU DI NEGERI KEDAH**

BIL.	SESI LIBAT URUS	DAERAH	TARIKH
1	Sesi Libat Urus Pihak Berkepentingan 1	Timur Laut	20 Julai 2022
2	Sesi Libat Urus Pihak Berkepentingan 2	Barat Daya	21 Julai 2022
3	Sesi Libat Urus Pihak Berkepentingan 3	Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Utara	15 Ogos 2022
4	Sesi Libat Urus Pihak Berkepentingan 4	Seberang Perai Selatan	16 Ogos 2022

24. Tanah 1MDB di Pulau Pinang.
- (a) Terangkan secara terperinci tentang status terkini tiga (3) lot tanah yang berkeluasan 95016 meter persegi atau 23.48 ekar.
 - (b) Selain daripada memasukkan kaveat untuk halang jual beli, terangkan jalan penyelesaian menang-menang untuk Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. (a) Melalui semakan dalam sistem pentadbiran tanah mendapati bahawa **tiada** tanah yang didaftarkan atas nama 1Malaysia Development Berhad (1MDB) di Pulau Pinang.
- (b) Tidak berkaitan kerana tiada tanah yang didaftarkan atas nama 1Malaysia Development Berhad (1MDB) di Pulau Pinang.

25. Tanah Taman Manggis.

- (a) Terangkan secara terperinci tentang status tanah tersebut dari aspek siapa pemilik, apakah perancangan pembangunan ke atas tanah tersebut serta permohonan Kebenaran Merancang.
- (b) Terangkan syarat dan perjanjian yang telah dikenakan ke atas KLIDC semasa membeli tanah tersebut daripada Kerajaan Negeri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. (a) Tanah Taman Manggis terletak di Lot 10011, Seksyen 16, Bandar George Town, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang yang merupakan tanah yang didaftarkan dengan pegangan pajakan negeri dengan status tanah adalah seperti **Jadual 1** berikut:

JADUAL 1

PERKARA	STATUS
Pemilik tapak	Kuala Lumpur International Dental Center Sdn. Bhd.
Tempoh pegangan	Pajakan 99 tahun dan akan tamat pada 22.4.2114.
Luas	4,061 meter persegi
Kategori kegunaan tanah	'Bangunan' dengan syarat nyata berikut: 'Tanah yang diberi milik ini hendaklah digunakan untuk tujuan hospital (66 peratus) dan untuk tujuan pembangunan <i>service suites</i> dan hotel (34 peratus) yang bukan untuk tujuan dijual kepada orang ramai'.
Sekatan kepentingan	Tanah yang diberi milik ini tidak boleh dipinda milik, cagar, pajak, pajakan kecil atau sebarang bentuk urusan melainkan setelah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.
Cukai tanah	RM10,478.00

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pernah memberi Kebenaran Merancang kepada Kuala Lumpur International Dental Corporation Sdn. Bhd. (KLIDC) pada 19.3.2019 untuk cadangan pemajuan di atas PT 23 (HSD 18867) (No. lot baharu - Lot 10011), Jalan Zainal Abidin/Lorong Selamat, Seksyen 16, Bandar George Town, Daerah Timur Laut Pulau Pinang seperti berikut: Cadangan membina satu (1) blok bangunan bercampur 21 tingkat yang mengandungi:

- (i) Satu (1) tingkat bawah tanah untuk ruang kemudahan hospital dan tempat letak kereta;
 - (ii) Satu (1) tingkat *sub-basement* tempat letak motosikal;
 - (iii) Satu (1) tingkat lif lobi utama untuk hospital, hotel dan tempat letak kereta di paras satu;
 - (iv) Satu (1) TMB *sub-station* di paras satu;
 - (v) Dua belas (12) tingkat hospital di paras 2-13;
 - (vi) Tujuh (7) tingkat tempat letak kereta mekanikal di paras 4-10;
 - (vii) Tujuh (7) tingkat hotel (264 bilik) di paras 14-20; dan
 - (viii) Bilik mekanikal dan elektrik di paras 21.
- (b) Penjualan tanah bagi projek ini telah dilaksanakan melalui tender terbuka dan berdasarkan surat daripada Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, yang bernombor rujukan PSUKPP/(S)/03/0765/12/24 Jld.6 (1) dan bertarikh 23 Julai 2010 yang menyatakan bahawa Lembaga Perolehan Negeri Pulau Pinang yang bermesyuarat pada 20 Julai 2010 telah bersetuju menerima tawaran tender Kuala Lumpur International Dental Centre Sdn. Bhd. dengan syarat-syarat tawaran seperti berikut:
- (i) Membina dan menguruskan pusat perubatan pakar di atas tanah di Lot 305, 306, 313 dan 314, (No. lot baharu - Lot 10011) Jalan Zainal Abidin/Lorong Selamat, Seksyen 16, Bandar George Town, Pulau Pinang yang berkeluasan 49,794 kaki persegi berdasarkan konsep pembangunan yang dipersetujui oleh Kerajaan Negeri.
 - (ii) Mengemukakan wang cagaran projek dalam bentuk Jaminan Bank oleh bank berlesen dan didaftarkan di Malaysia dengan jumlah bersamaan 5 peratus, dari jumlah pembelian tanah yang dipersetujui. Jaminan bank yang bernilai RM577,610.10 tersebut perlu dikemukakan kepada Kerajaan Negeri sebelum Perjanjian Penswastaan ditandatangani;
 - (iii) Menjelaskan baki harga tanah (selepas ditolak dengan jumlah wang cagaran) kepada Kerajaan Negeri dalam tempoh 3 bulan dari tarikh menandatangani Perjanjian Penswastaan;
 - (iv) Tempoh pajakan tanah adalah 99 tahun bermula dari tarikh yang dinyatakan di dalam perjanjian penswastaan yang akan ditandatangani;
 - (v) Semua hasil bumi yang terdapat di dalam tanah yang dipajakan adalah hak milik Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri berhak menggali dan mengambil hasil bumi tersebut sebelum pembangunan pusat perubatan pakar dijalankan;
 - (vi) Mengemukakan Pelan Merancang dan mendapatkan Kebenaran Merancang bagi pembangunan pusat perubatan pakar dari Majlis Perbandaran Pulau Pinang dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh Surat Setuju Terima;
 - (vii) Menyiapkan pembangunan pusat perubatan pakar dalam tempoh tiga (3) tahun daripada tarikh Surat Setuju Terima;

- (viii) Menyediakan tempat letak kereta dan menyerahkan 150 lot dari jumlah keseluruhan tempat letak kereta yang disediakan untuk kegunaan pusat perubatan pakar tanpa sebarang bayaran kepada Kerajaan Negeri;
- (ix) Mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia serta pihak berkuasa yang lain berhubung pembangunan pusat perubatan pakar dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh Surat Setuju Terima;
- (x) Memastikan pembangunan pusat perubatan pakar mematuhi piawaian, garis panduan, peraturan, undang-undang atau akta yang dikuatkuasakan dari masa ke masa oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan;
- (xi) Memulakan operasi pusat perubatan pakar dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh mendapat Sijil Layak Menduduki bagi bangunan pusat perubatan pakar;
- (xii) Mengurus keseluruhan operasi dan mengekalkan kualiti tinggi bagi pengurusan dan perkhidmatan yang ditawarkan di pusat perubatan pakar sepanjang tempoh pajakan 99 tahun;
- (xiii) Melaksanakan apa-apa arahan Kerajaan Negeri yang berkehendakkan sesuatu perubahan demi kebaikan ke atas pembangunan dan pengurusan pusat perubatan pakar, dan
- (xiv) Mematuhi semua syarat dan peraturan yang akan dimaktubkan di dalam perjanjian penswastaaan dan sekiranya gagal, ia boleh menyebabkan tawaran ini terbatal dan tanah berkenaan diambil balik oleh Kerajaan.

26. Tenaga buruh.

- (a) Senaraikan bilangan pekerja yang dibuang kerja, VSS mengikut bulan dan sektor sejak tahun 2022.
- (b) Senaraikan bilangan peluang pekerjaan dan kekurangan 'talent' mengikut sektor untuk masa yang terkini.
- (c) Terangkan usaha kerajaan dalam mengekalkan serta menarik 'talent' untuk memenuhi keperluan pembangunan industri di Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. (a) Berdasarkan kepada sumber maklumat daripada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTK) pada tahun 2022, sebanyak 3,360 orang pekerja dikenakan pemberhentian biasa manakala sebanyak 4,289 orang pekerja telah menerima Skim Pemisahan Sukarela (VSS). Data pemberhentian pekerja bulanan mengikut sektor yang telah dibekalkan kepada Kerajaan Negeri bagi tiga (3) bulan terpilih dalam tahun 2023 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Menurut penerbitan *Big Data Analytics: Job Market Insights* oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), bilangan kekosongan jawatan yang diiklankan dalam talian untuk negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 25,937 jawatan. Suku tahun pertama 2023 telah mencatatkan pertumbuhan bilangan jawatan kosong tahun ke tahun sebanyak 18.4%. Data bilangan kekosongan jawatan mengikut sektor dan perjawatan negeri Pulau Pinang tahun 2023 adalah seperti di **LAMPIRAN B**.
- (c) Kerajaan Negeri amat komited dalam mengiktiraf dan memandang serius terhadap kepentingan modal insan kepada ekonomi Pulau Pinang. Keperluan untuk mewujudkan ekonomi berteraskan pengetahuan serta pertumbuhan penduduk yang perlahan mewajibkan kewujudan dasar dan strategi khusus untuk menarik bakat

yang bersesuaian dengan keperluan industri ke Pulau Pinang. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) **Penang Internship Subsidy Programme (PISP)** ialah program latihan amali khas yang dimulakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2022 melalui InvestPenang untuk menyokong syarikat tempatan dalam menarik bakat dari negeri lain ke Pulau Pinang dan secara tidak langsung akan meningkatkan pertumbuhan ekosistem bakat Pulau Pinang. Program PISP ini menawarkan subsidi berjumlah RM400.00 sebulan yang mana terdiri daripada RM300.00 elaun subsidi pelatih dan RM100.00 subsidi bagi penginapan untuk setiap pelatih yang dilantik.
- (ii) **Penang Future Foundation (PFF)** merupakan sebuah program penawaran biasiswa daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada rakyat Malaysia khususnya anak jati negeri ini yang cemerlang dan layak untuk melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi tempatan. Ini adalah salah satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai hab bakat. Program PFF adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang layak tanpa mengira kaum, agama dan jantina. Setelah berjaya menamatkan pengajian yang ditaja, pemegang biasiswa dikehendaki bekerja di Pulau Pinang dalam organisasi pilihan mereka, sama ada di sektor awam mahupun swasta layak daripada keluarga bujang, rendah hingga sederhana. Setelah berjaya menamatkan pengajian, sarjana yang ditaja dikehendaki bekerja di Pulau Pinang dalam organisasi pilihan mereka, sama ada di sektor swasta atau awam.

Strategi Pembangunan Ekosistem Ekonomi Pulau Pinang (Penang SEED) mengiktiraf bakat sebagai salah satu pemangkin dasar utama untuk mencetuskan sebuah ekosistem ekonomi yang dinamik dan berdaya saing di Pulau Pinang. Beberapa inisiatif tertentu telahpun dikenal pasti bagi mengekalkan dan menarik bakat ke Pulau Pinang. Sebagai contoh, inisiatif penganugerahan insentif dari segi bentuk sokongan perumahan mahupun model perumahan alternatif seperti asrama untuk pelajar atau pelatih dan pekerja baharu untuk bekerja di Pulau Pinang.

LAMPIRAN A

TANAH MILIKAN PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI PULAU PINANG (SSI)

Bil.	Tanah	Tujuan	Keluasan (meter persegi)	Pemaju / Pengusaha	Hasil Tahunan (RM)
1	Lot 395, Bandar Bukit Bendera (Banglo Strawberry Hill)	Hotel dan restoran	3,800.00	Penang Hill Company Hotels & Restaurants	64,800.00
2	Lot 10004, Mukim 16	Tempat letak kereta dan perniagaan	2,585.00	Penang Development Corporation (PDC)	10,000.00
3	Lot 14820, Mukim 12	Muzium Perang	78,360.00	Penang War Museum Sdn.Bhd. (PWMSB)	135,600.00
4	PT 3689, Lorong Perwira 1, Permatang Tinggi, Mukim 14	Menara Telekomunikasi	25.00	PDC Telecommunication Services Sdn.Bhd.	4,500.00
5	PT 1222, Taman Duku, Perkampungan Juru, Mukim 13	Menara Telekomunikasi	25.12	PDC Telecommunication Services Sdn.Bhd.	4,500.00
6	PT 4518, Lorong Tembikai 1, Mukim 11	Menara Telekomunikasi	26.00	PDC Telecommunication Services Sdn.Bhd.	4,500.00
7	Lot 718, 719 &720 Mukim 12	Tempat Perlindungan Haiwan	22,384.14	SPCA, MBSP	14,925.00
8	Pusat Komuniti Kerajaan Negeri, Gat Lebuh Macallum	Dewan Serbaguna	713.90	Persatuan Ping Pong Pulau Pinang	12,000.00

TANAH MILIKAN PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG (CMI)**DAERAH TIMUR LAUT**

Bil.	Tanah	Tujuan	Keluasan (meter persegi)	Pemaju/ Pengusaha	Hasil Tahunan (RM)
1.	PT 61, Seksyen 3	Bangunan Warisan Suffolk House	6,055.41	Baba Success Sdn. Bhd.	172,800.00
2.	PT 1475 Seksyen 1, Bandar Tanjung Pinang	Pondok Pengawal	30.20	Persatuan Pemilik Rumah Ariza (PT1475, 1476 & 1477)	10,769.00
3.	PT 1476 Seksyen 1, Bandar Tanjung Pinang	Pondok Pengawal	36.60	E&O Customer Services Sdn. Bhd.	3,424.30
4.	PT 1477 Seksyen 1, Bandar Tanjung Pinang	Pondok Pengawal	36.60	Persatuan Penduduk AVA Pulau Pinang	8,179.60
5.	PT 32 Seksyen 10, DTL	Tapak Parkir Kenderaan	405.00	Gama Supermarket & Department Store Sdn. Bhd.	19,166.40
6.	PT 4, Seksyen 24 (Operasi Kota Cornwallis	Pembangunan Fort Cornwallis	33,586.57	Pierfront Sdn. Bhd.	180,000.00
7.	Lot 10008, Seksyen 1 (Stonyhurst)	Pelancongan Pendidikan	17,684.76	Lasallian Asia Partnership for International Schools (LAPIS)	1,020,000.00
8.	Lot 10000, Bandar Bukit Bendera	Pembangunan Hotel dan Aktiviti Pelancongan	31,120.00	Syarikat Sri Nisuh Sdn. Bhd.	480,000.00
9.	Lot 400, Mukim 17 (Titian Silara)	Pembangunan Projek Ekopelancongan	40,630.44	Syarikat Creative Quest Sdn. Bhd.	180,000.00
10.	PT 4, Seksyen 4, Bandar George Town (Fort Cornwallis)	Pembangunan Fort Cornwallis	33,586.57	The Esplanade Park Sdn. Bhd.	30,000.00
11.	PT 461, Seksyen 23	Tapak Terminal Bas	3,515.00	Prasarana Berhad	6,200.00

Bil.	Tanah	Tujuan	Keluasaan (meter persegi)	Pemaju/Pengusaha	Hasil Tahunan (RM)
12.	Plot 4, Berdekatan Lot 208, Pengkalan Weld, Seksyen 23, Bandar George Town	Tapak bengkel cat kereta	285	Heng Loong Auto Repair	12,600.00
13.	Plot 5, Berdekatan Lot 208, Pengkalan Weld, Seksyen 23, Bandar George Town,	Tapak Bengkel Kayu	117	Woodbiz enterprise	5,400.00
14.	Plot 6, Berdekatan Lot 208, Pengkalan Weld, Seksyen 23, Bandar George Town,	Tapak Bengkel Barang Luluh	125	Ok Scrap Trading	6,000.00
15.	Plot 2 Berdekatan Lot 208, Pengkalan Weld, Seksyen 23, Bandar George Town,	Tapak Bengkel Cenderamata	104	T.A.A Enterprise	4,920.00
16.	Plot 3 Berdekatan Lot 208, Pengkalan Weld, Seksyen 23, Bandar George Town,	Bengkel Aksesori Kereta	224	Leong Huat Auto Repairs	9,960.00
17.	Plot 1, Berdekatan Lot 208, Pengkalan Weld, Seksyen 23, Bandar George Town,	Tapak Bengkel Kereta	720	Chin Fook Car Service Center (PG) Sdn. Bhd.	30,000.00
18.	PT 258, Seksyen 9W	Tempat Parkir Kenderaan	401.00	Uni Paper Products Sdn. Bhd.	30,000.00
19.	Perpustakaan Digital Pulau Pinang No. 135, Jalan Masjid Negeri, DTL	Kafe	1,600.00	Love a Loaf Sdn. Bhd.	120,000.00
20.	PT 34 & PT 35, Seksyen 10, Bandar George Town	Tapak Parkir Kenderaan	2,067.99	Perbadanan Pengurusan Menara Perdana	24,000.00
21.	PT 71, Mukim 13	Badminton Akademi Pusat Pembelajaran Karpal Singh	10,656.00	i. STEM Corporation Sdn. Bhd. ii. Penang Badminton Association (PBA)	6,000.00 144,000.00

22.	PT 72, Bandar Gelugor	Tapak Menara Telekomunikasi	144.00	PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd.	23,940.00
23.	PT 28, Seksyen 2	Tapak Menara Telekomunikasi	25.00	PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd.	3,600.00
24.	PT11, JMB Prangin Mall	Tapak Penjaja	1,919	Prangin Mall JMB	24,000.00
25.	PT12, JMB Prangin Mall	Tapak Penjaja	2,625	Prangin Mall JMB & SNG Media Sdn. Bhd.	23,000.00

DAERAH BARAT DAYA

Bil.	Tanah	Tujuan	Keluasan (meter persegi)	Pemaju/ Pengusaha	Hasil Tahunan (RM)
1.	Lot 73, Mukim 3	Pertanian (Perusahaan Durian)	44,313.12	Encik Chin Ah Bong	6,600.00
2.	Perpustakaan Digital Batu Maung	Kafe	195.98	Frank Laurent Sdn. Bhd.	11,520.00
3.	PT 6712, Mukim 12	Hab Pengangkutan Awam	882.50	Syarikat Rapid Bus Sdn.Bhd.	11,502.00
4.	PT 6660, Mukim 12	Tempat Parkir Kenderaan	1,056.75	Syarikat AT Precision Tooling Sdn.Bhd.	36,000.00
5.	PT 6664, Mukim 12	Tempat Parkir Kenderaan dan Penyimpanan Barang	2,614.20	Syarikat Vivahill Auto Sdn. Bhd.	117,000. 00

DAERAH SEBERANG PERAI UTARA DAN SEBERANG PERAI SELATAN

Bil.	Tanah	Tujuan	Keluasan (meter persegi)	Pemaju/ Pengusaha	Hasil Tahunan (RM)
1.	PT 2401, Mukim 6, SPU	Tempat Parkir Kenderaan	853.00	Encik Ismail bin Aruf	6,000.00
2.	Perpustakaan Digital Butterworth, Lebuh Kampung Benggali, Butterworth, SPU	Kafe	114.7	Sofia Catering and Services Sdn. Bhd.	8,400.00
3.	PT 161, Mukim 16, SPS	Simpanan Lori dan <i>Hardware</i> Sahaja	5,985.30	i. Guan Chin Hin; ii. Weng Cheong Hardware; iii. Chin Chong Enterprise; dan iv. Pertubuhan Penganut Dewa Thong Yi.	78,000.00

DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH

Bil.	Tanah	Tujuan	Keluasan (meter persegi)	Pemaju/ Pengusaha	Hasil Tahunan (RM)
1.	PT 5032, Mukim 1	Stor Menyimpan Barang	506.00	Aru Insulation Sdn.Bhd.	7,200.00
2.	PT 12, Mukim 21	Akuakultur	33,078.00	Mega Arowana Sdn.Bhd.	3,600.00
3.	PT 5031, Mukim 1	Tempat Parkir Kenderaan	6,000.00	RHB Trustee Bhd.	87,595.20
4.	Lot 1441, Mukim 12	Perikanan	1,151,816.275	i. Eko Aquaculture Sdn. Bhd.; ii. Kim Tau Aquaculture; iii. Gourmet One Food Service Sdn. Bhd.; iv. WL Aquatic Sdn.Bhd.; v. Omega Direct Sdn. Bhd.; vi. CAB Cakaran Breeding Sdn.Bhd.; vii. KP Asli Sdn. Bhd.; viii. Encik Rossly Johari; ix. Tan Ah Ba @ Tan Ah Au; x. Nastani Enterprise; xi. EKO Agro Biotech Sdn. Bhd.; xii. Yi Sheng Tani Enterprise; xiii. Khor Eng Chun; dan	9,000.00 9,000.00 3,000.00 17,244.00 6,250.00 15,000.00 6,300.00 2,958.60 2,547.00 6,424.60 1,877.20 5,409.95 3,250.00

				xiv. Tan Seng Aik.	3,250.00
5.	Lot 311 & 498, Mukim 19	Pertanian (Agropark)	89030.8	i. Koperasi Mengkuang Bestari Bukit Mertajam Bhd.;	1,200.00
				ii. Yash PNT Enterprise;	1,200.00
				iii. Puan Sumathi a/p Jayabalan;	800.00
				iv. Pertubuhan Peladang Kampung Pelet;	2,400.000
				v. Jubli Rebak Baru Sdn. Bhd.; dan	800.00
				vi. Pertubuhan Kebajikan Kebudayaan & Sosial Kaum India Pulau.	
6.	PT 1225, Mukim 17	Tempat Parkir Kenderaan	6,140.00	Foo Yen Soo & Sons Sdn.Bhd.	17,220.00

D

27. Kesihatan mental.

- (a) Senaraikan hospital dan klinik serta bilangan pakar yang menyediakan perkhidmatan kesihatan mental secara 'accessible' dan mampu milik untuk semua rakyat.
- (b) Apakah usaha kerajaan dalam menangani isu kekurangan pakar dan profesional dalam bidang ini khasnya di kawasan desa?
- (c) Terangkan dasar dan program yang disediakan oleh kerajaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. (a) Setiap Klinik Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang ditempatkan Pakar-pakar Perubatan Keluarga yang telah dilatih mengendalikan kes-kes masalah kesihatan mental. Selain itu, Cawangan Penyakit Tidak Berjangkit menganjurkan bengkel-bengkel berkaitan kesihatan mental setiap tahun untuk melatih pakar-pakar serta paramedik untuk mengendalikan pesakit yang memerlukan rawatan dan kaunseling.

(b) Sejak tahun 2021, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang menyediakan perkhidmatan kaunseling di setiap Klinik Kesihatan dengan tawaran pekerjaan kepada Pegawai Psikologi Kaunseling yang bertauliah. Kini terdapat 15 orang Pegawai Psikologi Kaunseling di negeri Pulau Pinang di mana 10 orang adalah pegawai kontrak untuk mengendalikan kes-kes masalah kesihatan mental di 31 buah Klinik Kesihatan di negeri ini.

Dari pemantauan bebanan kerja, bilangan sesi kaunseling yang diberikan oleh Pegawai Psikologi Kaunseling adalah tinggi. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang memerlukan penambahan bilangan Pegawai Psikologi Kaunseling dan permohonan Pegawai Psikologi Kaunseling berjawatan tetap kepada KKM telah dikemukakan pada pertengahan tahun ini.

(c) Dasar KKM melalui Pelan Strategik Kesihatan Mental 2020 sehingga 2025 meliputi lapan (8) skop:

- (i) Menambah baik rangka kerja tadbir urus dan kawal selia;
- (ii) Memperkukuhkan sistem kawalan kesihatan mental;
- (iii) Memastikan ketersediaan dan kebolehcapaian perkhidmatan kesihatan mental yang komprehensif;
- (iv) Memperkukuhkan sumber kesihatan mental;
- (v) Meningkatkan kerjasama rentas sektor dan agensi;
- (vi) Menggalakkan kesejahteraan dan kesihatan mental;
- (vii) Memperkukuhkan kesiapsiagaan semasa kecemasan, krisis dan bencana; dan
- (viii) Pencegahan bunuh diri.

Antara inisiatif pelaksanaan adalah seperti berikut:

- (i) Meningkatkan penglibatan dengan Badan Bukan Kerajaan dalam menyokong kesihatan mental dan tingkah laku bunuh diri;
- (ii) Meningkatkan kesedaran kesihatan mental dan memajukan perkhidmatan mental melalui pendigitalan;
- (iii) Menyediakan perkhidmatan Pegawai Psikologi Kaunselor dan penempatan kaunselor di peringkat penjagaan primer dan komuniti;
- (iv) Menaiktaraf sumber manusia untuk menyampaikan penjagaan kesihatan mental dan sosial; dan
- (v) Meningkatkan peruntukan belanjawan dalam usaha promotif dan pencegahan serta pengagihan kepada Badan Bukan Kerajaan.

Pemeriksaan masyarakat melalui penglibatan pemimpin masyarakat dan pemimpin agama.

Satu jawatankuasa yang dinamakan sebagai Jawatankuasa Kesihatan Mental Pulau Pinang telah ditubuhkan pada 14 November 2023 di bawah Jawatankuasa MMK Kesihatan untuk menyelaras isu-isu yang berkait rapat dengan kesihatan mental. Antara anggota jawatankuasa ini adalah pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan seperti Befrienders Penang, I-Life Suicide Prevention Association, Kiwanis Penang Central, Persatuan Minda D'Home dan PG Care Society bagi menyelaraskan semua usaha sama ada dari awam dan swasta untuk menegenahkan isu kesihatan mental.

Antara tugas utama jawatankuasa ini adalah untuk melihat kepada kajian trend pesakit kesihatan mental agar bantuan secara bersasar dapat disampaikan secara berkesan.

28. 'African Swine Fever' (ASF).

- (a) Terangkan secara terperinci tentang status terkini kawalan wabak ASF di seluruh negeri Pulau Pinang dari segi bilangan khinzir yang dilupuskan mengikut penternak dan lokasi.
- (b) Apakah rancangan jangka masa panjang serta strategi 'sustainable' penternakan khinzir dalam mencegah wabak ASF pada masa akan datang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. African swine fever (ASF) adalah sejenis penyakit berjangkit yang disebabkan oleh virus. Virus ini menjangkiti babi ternakan dan babi hutan. Walau bagaimanapun, ia tidak menjangkiti manusia.

- (a) Sehingga 1 November 2023, terdapat 21 ladang ternakan khinzir seluruh Negeri Pulau Pinang yang terkesan dengan penyakit ASF dan telah menjalani pelupusan babi. Ia meliputi empat (4) daerah iaitu Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Daerah Seberang Perai Utara (SPU) dan Daerah Barat Daya (DBD). Namun satu (1) ladang positif di DBD telah dikosongkan sebelum tindakan pelupusan dijalankan dengan populasi babi sebanyak 200 ekor. Perincian pelupusan yang telah dijalankan mengikut penternak dan lokasi adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Pelupusan terakhir ternakan dari ladang yang telah disahkan positif selesai dijalankan pada 15 Mac 2023. Program pengawasan dan pemantauan serta pengambilan sampel di ladang dan rumah sembelih diteruskan oleh pihak jabatan bagi mengesan penyakit. Sehingga 2 November 2023, tiada lagi kes positif dikesan pada babi di Pulau Pinang.

- (b) Bagi memastikan kelestarian industri penternakan babi di Pulau Pinang, pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang (JPVPP) telah melaksanakan Enakmen Penternakan Babi 2016 (Enakmen 18) [Bersama-sama dengan Peraturan-Peraturan Pg. P.U. 32/2020].

Pihak JPVPP juga telahewartakan Perintah Kawasan Kawalan Penyakit ASF negeri Pulau Pinang 2022 di bawah subseksyen 36(1) Akta Binatang 1953 dan Perintah Kawalan Penyakit ASF negeri Pulau Pinang 2022 di bawah subseksyen 36(2) akta yang sama dan telah diluluskan pada 6 April 2022 dengan tarikh warta 23 Jun 2023. Pewartaan ini akan memberikan JPVPP kuasa yang lebih menyeluruh bagi mengawal penularan penyakit ASF dalam ternakan babi dengan segera seperti dinyatakan melalui Seksyen 36 Akta Binatang 1953 [Akta 647]. JPVPP juga telahewartakan Perintah Kawasan Pembasmian Penyakit ASF negeri Pulau Pinang 2023 sebaik kes pertama ASF dikesan di Pulau Pinang bagi memberi JPVPP kuasa dalam menjalankan pembasmian penyakit dengan berkesan.

Bagi tujuan kawalan penyakit dan daya jejak, pihak JPVPP telah membuat kawalan pergerakan ternakan dan produk hasilnya di mana setiap pemindahan perlu mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh jabatan. Pemain industri dan penternak perlu memohon kebenaran pindah (Akuin Kebenaran Pindah) ternakan atau produk hasil ternakan melalui sistem Evet Permit. Melalui sistem ini, kebenaran pindah perlu diperoleh dari negeri atau daerah penerima ternakan terlebih dahulu dengan menyatakan syarat-syarat yang dikenakan ke atas pemindahan tersebut dan kemudiannya kebenaran diperoleh dari negeri atau daerah pengeluar dengan menyatakan pematuhan kepada syarat yang dikenakan. Melalui sistem ini, pihak JPVPP dapat mengawal kemasukan ternakan atau produk hasil babi dari negeri-negeri atau daerah-daerah yang telah dijangkiti penyakit ASF. Pihak penguatkuasa JPVPP juga sentiasa membuat rondaan dan pemeriksaan ke atas lori-lori babi bagi mengesan pemindahan secara haram di samping menjalankan operasi bersepadu setelah menerima maklumat berkaitan pemindahan secara haram daripada pihak pelapor.

Pemeriksa daging yang bertauliah juga ditempatkan di enam (6) buah rumah sembelihan babi berlesen dan kerja-kerja pemeriksaan *ante mortem* semasa penerimaan babi dilaksanakan dan pemeriksaan *post mortem* dijalankan selepas penyembelihan. Semua babi hidup dan karkas diperiksa untuk mengenalpasti sebarang lesi dan gejala penyakit bagi memastikan keselamatan makanan terjamin.

LEJAKAN MINERAL UMUR 2013 DAN 2014

NO	KOD LEJAKAN	JENIS	NAMA PERUSAHAAN/LOKASI	Jumlah Mineral (kg)						
				SIKA	GRIT	ROSE	PARITE	YASPER	DIASPR	Jumlah (kg)
1	PT001	400	Pan. Bawitang	110	0	0	100	100	0	310
2	PT002	400	Indo G. P. 104	10	0	0	0	0	0	10
3	PT003	200	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
4	PT004	300	Kinoh P. 104	0	0	0	0	0	0	0
5	PT005	400	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
6	PT006	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
7	PT007	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
8	PT008	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
9	PT009	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
10	PT010	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
11	PT011	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
12	PT012	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
13	PT013	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
14	PT014	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
15	PT015	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
16	PT016	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
17	PT017	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
18	PT018	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
19	PT019	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
20	PT020	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
21	PT021	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
22	PT022	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
23	PT023	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
24	PT024	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
25	PT025	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
26	PT026	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
27	PT027	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
28	PT028	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
29	PT029	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
30	PT030	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
31	PT031	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
32	PT032	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
33	PT033	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
34	PT034	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
35	PT035	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
36	PT036	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
37	PT037	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
38	PT038	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
39	PT039	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
40	PT040	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
41	PT041	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
42	PT042	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
43	PT043	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
44	PT044	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
45	PT045	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
46	PT046	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
47	PT047	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
48	PT048	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
49	PT049	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
50	PT050	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
51	PT051	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
52	PT052	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
53	PT053	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
54	PT054	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
55	PT055	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
56	PT056	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
57	PT057	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
58	PT058	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
59	PT059	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
60	PT060	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
61	PT061	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
62	PT062	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
63	PT063	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
64	PT064	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
65	PT065	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
66	PT066	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
67	PT067	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
68	PT068	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
69	PT069	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
70	PT070	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
71	PT071	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
72	PT072	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
73	PT073	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
74	PT074	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
75	PT075	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
76	PT076	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
77	PT077	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
78	PT078	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
79	PT079	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
80	PT080	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
81	PT081	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
82	PT082	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
83	PT083	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
84	PT084	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
85	PT085	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
86	PT086	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
87	PT087	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
88	PT088	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
89	PT089	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
90	PT090	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
91	PT091	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
92	PT092	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
93	PT093	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
94	PT094	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
95	PT095	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
96	PT096	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
97	PT097	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
98	PT098	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
99	PT099	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
100	PT100	300	Indo G. P. 104	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah				1737	1580	112	4206	8250	5682	28245

29. Terangkan sejauh manakah pelaksanaan 'MyKADUN digital integrated service centre' dilaksanakan.
- (a) Apakah masalah dan cabaran yang dihadapi?
 - (b) Bagaimanakah kolaborasi di antara MyKADUN dengan MySynergy PERKESO dapat dilakukan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kepada rakyat?
 - (c) Terangkan keberkesanan Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) membantu urusan pemberian bantuan kepada rakyat Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Metneri:

29. Selaras dengan visi Penang2030 Tema: Memperkasakan rakyat bagi meningkatkan penyertaan masyarakat, Digital Penang telah membangunkan aplikasi digital MyKADUN bagi tujuan pengurusan maklumat pelanggan di pusat khidmat ADUN. Integrasi dengan sistem eAduan, iSejahtera, ePintas serta eRumah membolehkan urusan-urusan pencapaian maklumat secara digital yang lebih menyeluruh, cepat dan tepat.

Sesi libat urus telah dilaksanakan di kesemua pusat khidmat ADUN yang melibatkan sesi pengenalan sistem, demo dan pendaftaran akaun pegawai. Sesi latihan juga telah diadakan secara bersemuka dan juga secara latihan sendiri menggunakan bahan rujukan atas talian. Selain itu, satu (1) saluran Whatsapp juga telah diwujudkan atas nama Buletin MyKADUN untuk tujuan hebahan maklumat berkenaan dengan sistem MyKADUN. Setakat Oktober 2023, sebanyak 32 pusat khidmat (80%) telah mengakses dan menggunakan sistem MyKADUN.

- (a) Pelaksanaan sistem MyKADUN melibatkan proses transformasi digital di pusat-pusat khidmat ADUN yang selama ini menggunakan kaedah manual dalam proses pengurusan. Antara cabaran-cabaran yang telah pihak Digital Penang hadapi adalah:
 - (i) Pengurusan perubahan dan budaya organisasi: Memperkenalkan teknologi baru memerlukan peralihan budaya dalam organisasi pusat khidmat;
 - (ii) Kekurangan kemahiran dan kepakaran digital; dan
 - (iii) Kebimbangan terhadap keselamatan dan privasi data: Sistem MyKADUN melaksanakan penyulitan data (*data encryption*) bagi memastikan data yang disimpan adalah selamat. Selain itu, MyKADUN juga melaksanakan tahap kawalan capaian (*Access Control Level*) bagi memastikan akses ke data adalah terkawal.
- (b) Buat masa ini, sistem MyKADUN telah berintegrasi dengan sistem eAduan, ePintas, eRumah dan iSejahtera. Untuk pembangunan akan datang, Digital Penang mempunyai perancangan untuk mengintegrasikan sistem MyKADUN dengan Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Pihak Digital Penang ambil maklum akan cadangan pengintegrasian sistem dengan sistem MySynergy Perkeso. Satu (1) kajian kebolehlaksanaan akan dijalankan bagi melihat kesesuaian pelaksanaan cadangan tersebut.
- (c) Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) adalah inisiatif daripada Kerajaan Persekutuan. Objektif PADU adalah untuk mengurus bantuan dari kerajaan secara komprehensif dengan data yang sentiasa dikemaskini. Ini dapat mengelakkan keciciran dan ketidaktepatan dalam penyaluran bantuan. Kewujudan PADU membantu kerajaan menguruskan sumber negara dengan lebih cekap di samping dapat mengelakkan berlakunya ketirisan.

Pelaksanaan PADU di Pulau Pinang amat membantu Kerajaan Negeri untuk menguruskan bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan. Secara langsung, PADU berkemampuan untuk meningkatkan kecekapan dan pemantauan bantuan Kerajaan Persekutuan. Kewujudan sistem PADU adalah

selari dengan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menyelaraskan pemberian bantuan kerajaan dengan kewujudan sistem MyKADUN.

Integrasi antara sistem PADU dan MyKADUN adalah peluang kerjasama kerajaan kepada kerajaan (*government to government - G2G*) antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang akan meningkatkan kecekapan perancangan dasar dan pengurusan kewangan negeri. Akses kepada data penduduk Pulau Pinang dalam sistem PADU akan membolehkan Kerajaan Negeri melaksanakan dasar yang berimpak tinggi dengan lebih berkesan.

III. Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Wong Yuee Herng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. UN-Habitat memberikan dana adaptasi bernilai USD10 juta untuk menurunkan suhu di Pulau Pinang dengan menggunakan konsep bandar span. Huraikan perkara ini dan rancangan Kerajaan Negeri untuk mengguna pakai dana tersebut dengan tujuan mencapai matlamat ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. *Projek Nature-Based Climate Adaptation Programme for The Urban Areas of Penang Island, Malaysia (PNBCAP)* merupakan sebuah program lima (5) tahun yang dimulakan oleh Think City dan dibangunkan dengan Kerjasama UN-Habitat, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) serta Jabatan Pengairan dan Sungai (JPS).

Pada 23 Februari 2023, permohonan peruntukan berjumlah USD10.0 juta untuk menjalankan projek PNBCAP telah berjaya diluluskan oleh *World Bank Adaptation Fund*. Dana ini diberikan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang ditubuhkan di bawah Protokol Kyoto dalam Persidangan Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Perubahan Iklim (*Kyoto Protocol of the United Nations Framework on Climate Change*) untuk memastikan negara-negara membangun di bawah Protokol Kyoto mempunyai dana untuk membiayai program adaptasi perubahan iklim.

Tujuan PNBCAP adalah untuk menggunakan tatacara berdasarkan alam semula jadi yang komprehensif untuk menangani kesan haba dan banjir yang semakin kerap berlaku di kawasan bandar terutamanya di Pulau Pinang yang telah membawa kesan negatif kepada kehidupan dan mata pencarian penduduk tempatan. Hal ini juga akan disusuli dengan tatacara kolaboratif yang melibatkan masyarakat di kawasan yang terkesan di kawasan pelaksanaan. Pecahan komponen dan pembiayaan projek adalah seperti berikut:

(a) Komponen Projek 1: Penyesuaian kesan pulau haba bandar melalui penghijauan bandar (USD3.175 juta)

Fokus komponen ini adalah untuk mengurangkan kesan pulau haba bandar dengan fokus terhadap kawasan Tapak Warisan Dunia George Town dan Bayan Lepas. Projek ini akan dilaksanakan dengan menanam pokok di sepanjang jalan yang akan melengkapinya dengan pokok sedia ada, menukar kawasan lapang kepada taman poket yang berorientasikan iklim mikro dan memperkenalkan pokok teduhan di tempat letak kereta khususnya di Kawasan Perindustrian Bayan Lepas. Selain itu, geran akan diwujudkan untuk membangunkan *façade* dan bumbung hijau serta program agro-bandar.

(b) Komponen Projek 2: Projek pembinaan untuk larian air hujan dan pengurusan banjir (USD2.725 juta)

Fokus komponen ini adalah untuk mencipta pendekatan komprehensif bagi mengatasi peningkatan air hujan dan kekerapan kejadian banjir di Pulau Pinang, seperti banjir terburuk yang berlaku pada tahun 2017 yang mengakibatkan tujuh

(7) orang meninggal dunia, sebanyak 7,142 orang hilang tempat tinggal, dan kerugian lebih dari RM260.0 juta kepada sektor pembuatan, perikanan, dan pertanian. Ini juga termasuklah pembangunan laluan biru-hijau dan memastikan sungai bebas daripada mineral keras untuk membolehkan infiltrasi air hujan dengan mudah ke dalam takungan air bawah tanah dan mengurangkan kesan pulau haba di kawasan Bandar Pulau Pinang. Salah satu projek penting yang berkaitan dengan ini adalah Taman Jajaran Sungai Ara di Bayan Lepas.

Selain itu, kolam retensi di kawasan hulu yang baharu akan dibina untuk menyimpan air semasa hujan lebat kerana sistem saliran sedia ada boleh dibanjiri oleh air pasang dan gelombang ribut tinggi dan ini dapat mengurangkan risiko banjir serta membolehkan air hujan meresap perlahan ke dalam takungan air bawah tanah. Kolam ini akan terletak di ruang hijau yang berdekatan dengan sungai. Tambahan pula, *swale* dan sumuran infiltrasi akan dibangunkan untuk mengurangkan air hujan di hiliran dan membolehkan infiltrasi air hujan sepanjang panjang *swale* melalui beberapa lapisan agregat dengan dimensi yang berbeza di dalam sumuran infiltrasi.

(c) **Komponen Projek 3: Penilaian kerentanan / pelan tindakan komprehensif dan komuniti sasaran (USD0.160 juta)**

Komponen ini fokus kepada membina dan meningkatkan daya tahan komuniti dengan mengenal pasti kerentanan dan mewujudkan sebuah pelan tindakan bersasar untuk memahami isu-isu yang sedia ada dan memastikan intervensi polisi dapat diinstitusikan. Komponen ini akan didasarkan pada Kerangka Perancangan untuk Perubahan Iklim *Planning for Climate Change Framework*, P4CC dengan tumpuan pada kawasan George Town dan Bayan Lepas. Ini akan termasuk:

- (i) Penilaian kerentanan perubahan iklim;
- (ii) Pelan tindakan yang akan mengenal pasti peluang pelaburan dan keutamaan program; dan
- (iii) Hasil kewangan infrastruktur hijau yang boleh diperuntukkan semula dalam operasi, penyelenggaraan dan penaiktarafan dengan tinjauan khusus yang menyasarkan sektor swasta di Bayan Lepas.

(d) **Komponen Projek 4: Memperkukuh daya tahan sosial (USD0.975 juta)**

Komponen ini dibahagikan kepada dua (2) iaitu:

- (i) Program Wanita dan Kanak-Kanak Perempuan; dan
- (ii) Program Belia dan Sekolah.

Program Wanita dan Kanak-kanak Perempuan bertujuan untuk mengurangkan ketidaksamarataan jantina dan memperkuat agensi dengan bekerjasama dengan Pusat Wanita untuk Perubahan (*Women's Centre for Change, WCC*) dan merancang penglibatan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan pakar iklim untuk membina sebuah rangkaian pendidik rakan sebaya dan membina rangkaian sokongan sosial dengan tumpuan khas kepada golongan berpendapatan rendah dan penjaga. Untuk memperkuat lagi program ini, forum advokasi iklim dan alam sekitar akan dicipta untuk membincangkan risiko yang khusus kepada jantina serta dasar-dasar dan tindakan yang dapat dilakukan untuk menangani isu ini.

Program Belia dan Sekolah pula akan memberi tumpuan kepada pendidikan golongan muda dan memberi kesedaran mengenai risiko perubahan iklim dan keperluan strategi adaptasi iklim. Hal ini juga termasuklah menyediakan latihan dalam isu-isu khusus dan Forum Belia

Alam Sekitar. Pendidikan dan latihan ini akan dilakukan dalam bentuk bengkel, pertandingan, modul latihan, dan lawatan sambil belajar.

(e) Komponen Projek 5: Kapasiti institusi dan platform hab pengetahuan (USD1.382 juta)

Komponen ini adalah untuk memastikan bahawa hasil dan maklumat yang diperoleh dari program ini dapat digunakan bukan sahaja di negeri Pulau Pinang tetapi di kawasan bandar di seluruh negara dan rantau Asia Tenggara. Oleh itu, sebuah platform atas talian akan diwujudkan dengan sokongan dari NRECC dan Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (*National Water Research Institute of Malaysia*, NAHRIM) untuk memastikan maklumat dan strategi projek ini dapat diakses dengan mudah.

Selain itu, sebuah Lembaga Iklim Pulau Pinang (*Penang Climate Board*) akan diwujudkan sebagai unit khas di bawah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk mengutamakan tatacara dan pendekatan yang holistik, menyeluruh dan bersepadu mengenai isu-isu berkaitan perubahan iklim serta menjadi sebuah tempat simpanan maklumat mengenai kepakaran dan pengetahuan perubahan iklim.

Di samping itu, sebuah program kesihatan awam Pulau Pinang akan diadakan untuk memantau perubahan yang dapat membawa kepada penambahbaikan kesihatan masyarakat. Antara kajian yang akan dilakukan adalah kesan haba terik kepada kadar kemasukan hospital dan kadar kematian serta hubung kait di antara penyakit berjangkit yang dapat dipengaruhi perubahan iklim dan data iklim. Program ini diharap agar dapat meningkatkan kemahiran ahli profesional kesihatan dan perubatan supaya mereka lebih peka kepada hubungan antara kesihatan dan perubahan iklim.

2. Adakah sebarang rancangan bagi mengatasi isu kesesakan lalu lintas di kawasan Gat Lebu Macallum (persimpangan antara Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dengan Gat Lebu Cecil dan Gat Lebu Macallum)?
 - (a) Bilakah isu kesesakan lalu lintas ini dapat ditangani?
 - (b) Apakah cadangan yang bakal diberi kepada pemandu-pemandu yang menghadapi isu lama ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Kesesakan lalu lintas di kawasan Gat Lebu Macallum di persimpangan antara Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dengan Gat Lebu Cecil dan Gat Lebu Macallum sering berlaku pada waktu puncak iaitu pada waktu pagi dan petang. Penyuraian kesesakan lalu lintas di laluan tersebut dapat dilakukan melalui pelbagai tindakan dan perancangan seperti berikut:
 1. Tindakan Yang Dilaksanakan:
 - (i) Kawalan polis trafik daripada Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dan warden trafik Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bagi melancarkan aliran lalu lintas terutamanya waktu puncak petang yang melibatkan Isipadu trafik melebihi kapasiti sistem lampu isyarat di persimpangan tersebut;
 - (ii) Menambah baik mutu perkhidmatan bas awam seperti menambah bilangan bas Rapid Penang secara berperingkat mengikut keperluan bagi penyediaan perkhidmatan yang lebih efisien dan berkualiti yang merangkumi laluan-laluan sosial lain;
 - (iii) Menyediakan perkhidmatan bas *Shuttle* percuma dalam pusat bandar bahagian George Town bermula sejak tahun 2009 sehingga kini. Perkhidmatan bas yang telah memainkan peranan dalam usaha Kerajaan

Negeri untuk meningkatkan kualiti hidup di pusat bandar dan sekali gus dapat menjaga alam sekitar; dan

- (iv) menyediakan laluan basikal dan stesen-stesen *Link Bike* di sekitar pusat bandar George Town untuk menggalakkan orang awam mengguna basikal dan mengurangkan bilangan kenderaan bermotor;

2. Perancangan Jangka Masa Panjang:

- (i) Melaksanakan perbincangan bersama-sama dengan pihak MBPP, PDRM dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mengenai hala tuju berkaitan penggunaan kenderaan mikromobiliti di kawasan Pulau Pinang sebagai salah satu usaha dan inisiatif bagi meningkatkan darjah ketersampaian (*last mile*) pengangkutan di Pulau Pinang. Garis panduan penggunaan kenderaan mikromobiliti akan dirangka sebagai panduan kepada orang awam yang menggunakan kenderaan mikromobiliti ini;
 - (ii) Merancang melaksanakan projek pembinaan tanjakan berarah (*directional ramp*) dari Jalan Magazine ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dan pusingan 'U' bertingkat di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu untuk mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut di bawah peruntukan *Rolling Plan* Kelima (RP5), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12);
 - (iii) Melaksanakan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang yang memberi tumpuan kepada pengwujudan satu proses peralihan daripada penggunaan kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang termasuk penyediaan sistem LRT yang dicadangkan dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang dari George Town ke bahagian selatan pulau; dan
 - (iv) Merancang menyediakan perkhidmatan *Water Taxi* untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di bahagian pulau, Pulau Pinang melalui *Request for Proposal* (RFP) dengan melantik satu syarikat yang berminat untuk menjalankan perkhidmatan *Water Taxi* di bahagian pulau yang dijangka dapat beroperasi pada tahun 2025.
- (a) Isu kesesakan lalu lintas dapat ditangani atau dikurangkan setelah perancangan jangka masa panjang dapat dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Perancangan ini dapat mengurangkan bilangan kenderaan yang berada di atas jalan raya disebabkan proses peralihan daripada penggunaan kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam.
 - (b) Cadangan yang bakal diberi kepada pemandu-pemandu yang menghadapi isu lama ini kesesakan lalu lintas adalah seperti berikut:
 - (i) Menggalakkan penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas. Inisiatif seperti pemberian diskaun dan pengaturan jadual perkhidmatan yang lebih kerap dapat menjadikan pengangkutan awam sebagai pilihan yang lebih menarik dan efisien dalam usaha menggalakkan proses peralihan daripada penggunaan kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam; dan
 - (ii) Penggunaan teknologi dalam sistem pengurusan trafik seperti kamera pengesan trafik dan pemberitahuan trafik secara langsung dapat membantu mengawal dan mengarahkan aliran trafik dengan lebih baik. Penggunaan aplikasi telefon pintar dan sistem navigasi GPS juga boleh memberikan maklumat terkini tentang keadaan trafik kepada pengguna jalan raya. Penggunaan aplikasi telefon pintar yang menyediakan maklumat tentang keadaan trafik semasa sangat berguna bagi pengguna jalan raya untuk merancang laluan perjalanan mereka dengan lebih bijak.

3. Berapakah bilangan CCTV telah dipasang di Pulau Pinang?
 - (a) Apakah perancangan lanjut tentang pemasangan CCTV dan sama ada ia telah berjaya membanteras jenayah?
 - (b) Adakah rancangan untuk menaik taraf sistem CCTV ke taraf 'AI' dan 'facial recognition' dan mengambil tindakan penguatkuasaan terus terhadap sesiapa yang melanggar undang-undang kecil oleh Kerajaan Tempatan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Setakat kini, sebanyak 1,217 unit *Closed-circuit television* (CCTV) telah dipasang di Negeri Pulau Pinang. Jumlah ini merangkumi 1,019 unit di kawasan MBPP manakala 198 unit di kawasan MBSP. Kesemua kamera CCTV tersebut sedang beroperasi dan dipantau melalui bilik kawalan CCTV milik MBPP dan MBSP serta pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).

- (a) Kerajaan Negeri sememangnya prihatin terhadap isu-isu yang berlaku lebih-lebih lagi isu jenayah. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah merancang perkara-perkara seperti berikut:
 - (i) Menetapkan syarat kepada pihak pemaju supaya menyediakan CCTV behampiran dengan lokasi projek pembangunan bagi tujuan memantau aliran lalu lintas dan dapat meningkatkan tahap keselamatan awam; dan
 - (ii) Menambah bilangan CCTV jenis mudah alih bagi tujuan pemantauan dan penguatkuasaan masalah vandalisme, pembuangan sampah secara haram, kesesakan lalu lintas dan kajian trafik, kerja tanah di kawasan bukit, kawasan yang berisiko tinggi berlaku kemalangan jalan raya serta isu sosial seperti pembuangan haiwan seperti anjing dan kucing.

Hasil semakan bersama pihak PDRM, pemasangan CCTV yang dilengkapi dengan teknologi pengecaman wajah telah berjaya mengurangkan kes jenayah berbanding sebelum pemasangan CCTV. Hal ini dapat dilihat melalui kes yang telah berjaya diselesaikan oleh Bahagian Siasatan Khas (D) sebanyak 28 kes merangkumi 25 kes samun, dua (2) kes cuba bunuh dan satu (1) kes bunuh. Kesemua kes tersebut berjaya diselesaikan melalui bantuan CCTV persendirian yang diperolehi dari rumah dan premis perniagaan di kawasan berdekatan tempat kejadian.

- (b) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan sememangnya mempunyai perancangan untuk menaik taraf sistem CCTV ke taraf *AI* dan *facial recognition* serta mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap sesiapa yang melanggar undang-undang kecil seperti berikut:
 - (i) Menaik taraf *skrin video wall*, server dan kamera CCTV yang dilengkapi dengan program analitik video lebih canggih;
 - (ii) Menyediakan rancangan lima (5) tahun bagi melaksanakan kerja-kerja naiktaraf sistem CCTV secara berperingkat;
 - (iii) Menguatkuasakan undang-undang menerusi pemantauan CCTV bagi mengesan kesalahan penggunaan jalan raya dengan menghantar permohonan kepada Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) bagi pindaan peruntukan Seksyen 53A (1), Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] supaya warden lalu lintas PBT diberi kuasa untuk mengeluarkan notis kesalahan berdasarkan bukti-bukti yang dirakamkan melalui CCTV; dan

(iv) Mengambil tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan kompaun dan notis.

4. 'Banner' / iklan sewa beli dipasang pada bangunan kosong di kawasan George Town yang merupakan tapak pelancongan.
- (a) Adakah 'banner' / iklan sewa beli ini mempunyai permit?
 - (b) Jika tidak, adakah kerajaan bersiap sedia untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang menjejaskan imej bandaraya kita?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Berdasarkan prosedur MBPP *banner* / iklan yang dipasang pada bangunan kosong perlu mempunyai permit yang sah. Berdasarkan semakan yang dibuat oleh MBPP ada diantara *banner* / iklan tersebut mempunyai permit dan tiada mempunyai permit.

Sebagai langkah proaktif, MBPP telah mengadakan perjumpaan bersama pihak *Malaysian Institute Of Estate Agent* (MIEA) bagi menyelesaikan permasalahan ini dengan meminta semua agen hartanah untuk mendapatkan permit bagi paparan banner di bangunan. Sehingga kini, terdapat beberapa agen hartanah yang memohon permit untuk paparan banner di bangunan yang hendak dijual.

- (b) Bagi pemasangan *banner* yang tidak mempunyai permit, MBPP telah melaksanakan tindakan penurunan iklan / *banner* secara berterusan serta mengenakan kompaun kepada pelaku.
5. Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk memberi bantuan sumbangan i-Sejahtera kepada bapa tunggal selain daripada program ibu tunggal yang sedia ada? Kerajaan harus mempertimbangkan isu bapa tunggal yang juga menjadi satu masalah sosial dan perlu diberi perhatian oleh kerajaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Pada masa ini, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk memperluaskan bantuan i-Sejahtera kepada bapa tunggal. Walau bagaimanapun, cadangan ini akan dipertimbangkan sekiranya ada keperluan pada masa hadapan serta bergantung kepada kedudukan ekonomi Kerajaan Negeri.
6. Nyatakan bilangan dan lokasi tandas awam di sekitar George Town dan Pengkalan Kota.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk menambah tandas awam khususnya di kawasan tumpuan pelancong seperti Pengkalan Weld berdepan Clan Jeti, Terminal Feri dan Pasar Lebu Cecil?
 - (b) Berapakah bajet akan disediakan untuk projek penambahan bilangan tandas awam?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Terdapat sebanyak lapan (8) buah tandas awam di sekitar George Town dan Pengkalan Kota. Lokasi tandas awam yang berada di sekitar George Town dan Pengkalan Kota adalah seperti di jadual berikut :

BIL	TANDAS	DUN
1.	Pasar Lebu Cecil	Pengkalan Kota
2	Pengkalan Weld	Pengkalan Kota

3.	Astaka Medanika	Pengkalan Kota
4.	Astaka Lintang Macallum 2	Pengkalan Kota
5.	Tandas Awam Kompleks Lebu Pantai	Pengkalan Kota
6.	Astaka Medan Renong	Padang Kota
7.	Astaka Padang Kota Lama	Padang Kota
8.	Kampung Kolam	KOMTAR

- (a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tiada perancangan untuk membuat penambahan bilangan tandas awam mandangkan terdapat kekangan dari segi kawasan pembinaan tandas baharu khususnya di sekitar George Town dan Pengkalan Kota. Walau bagaimanapun, pihak MBPP sedang menambah baik keadaan tandas sedia ada secara berperingkat dengan membuat pembaikan kecil dan penyelenggaraan secara berkala ke atas semua tandas awam milik MBPP.
- (b) Buat masa ini, pihak MBPP tidak menyediakan peruntukan untuk projek penambahan tandas awam. Walau bagaimanapun, pihak MBPP menyediakan peruntukan sebanyak RM278,000.00 bagi tujuan penyelenggaraan ke atas 71 buah tandas awam yang diselenggara oleh MBPP pada tahun 2023.
7. Nyatakan rancangan Kerajaan Negeri atas peruntukan sebanyak RM50 juta yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan bertujuan pemuliharaan tapak warisan dunia.
- (a) Antaranya berapakah jumlah bajet akan diguna pakai untuk menaik taraf Jeti-jeti Clan dan sekitarnya yang merupakan tapak warisan dunia UNESCO?
- (b) Nyatakan cara dan syarat permohonan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Peruntukan yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan untuk tujuan Pemeliharaan dan Pengurusan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town adalah sebanyak RM25 juta sahaja. Keutamaan peruntukan ini adalah digunakan untuk mengukuhkan Nilai Keunggulan Sejagat Tapak Warisan Dunia melalui komponen projek seperti berikut:
- (i) Insentif Pembaikan dan Pemuliharaan Bangunan Warisan Kategori I
 - (ii) Insentif Pembaikan dan Pemuliharaan Bangunan Warisan Kategori II
 - (iii) Penyediaan Lukisan Terukur bagi Bangunan Kategori I
 - (iv) Penyediaan Laporan Kajian Dilapidasi dan Pernyataan Tatacara Kerja bagi Bangunan Kategori I
 - (v) Penaiktarafan Laluan Kaki-Lima
 - (vi) Penaiktarafan Sistem Pencarian Jalan (*Wayfinding Systems*)
 - (vii) Projek Pengurangan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti terhadap Warisan Budaya
 - (viii) Projek Pembinaan Kapasiti Warisan Budaya Tidak Ketara Berasaskan Komuniti
 - (ix) Pelaksanaan Aktiviti Warisan Kebudayaan dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town

- (x) Pelaksanaan projek-projek lain
 - (a) Kesemua pemilik bangunan warisan kategori I, pemilik bangunan warisan kategori II, penghuni dan peniaga yang berkelayakan boleh memohon komponen projek yang telah disediakan. Ini termasuk warga komuniti dalam kawasan jeti klan.
 - (b) George Town World Heritage Incorporated akan menyediakan borang permohonan bersama syarat permohonan. Maklumat ini akan dikemukakan kepada orang awam pada bulan Januari 2024.
8. Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif untuk menyekat pemberian makanan percuma oleh penderma makanan yang menimbulkan lagi banyak masalah masyarakat di KOMTAR. Selain daripada teguran anggota yang bertugas di KOMTAR sepanjang masa, apakah tindakan yang berterusan bakal diambil sekiranya penderma memulih operasi mereka sewaktu tiada anggota bertugas di tapak?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Kerajaan Negeri, dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), telah mengambil beberapa inisiatif seperti berikut:
- (i) Mengadakan pemantauan adhoc di kawasan stesen bas KOMTAR;
 - (ii) Memberi nasihat kepada pihak NGO atau individu yang mengedarkan makanan kepada gelandangan di stesen bas KOMTAR supaya mengagihkan makanan di Pusat Transit Gelandangan (PTG) yang terletak di Jalan Magazine; dan
 - (iii) JKM juga melaksanakan penguatkuasaan secara *ad hoc* dengan menghantar golongan gelandangan terus ke PTG. Langkah ini memudahkan pengendali pusat ini untuk melakukan pemantauan dan intervensi yang sesuai, dengan tujuan untuk menyelamatkan golongan ini dan membantu mereka menjadi berdikari serta berintegrasi kembali dalam masyarakat.
- Hasil pemantauan semasa menunjukkan bahawa NGO dan individu telah mula menghantar makanan terus ke PTG. Kerajaan Negeri melalui JKM bertekad untuk meneruskan operasi *ad hoc* dan kempen kesedaran supaya mencapai matlamat mengatasi isu gelandangan.
9. PBT telah berjaya dalam projek menaik taraf lorong belakang di sekitar kawasan George Town. Nyatakan lorong belakang yang ada dalam rancangan penaiktarafan masa depan.
- (a) Adakah lorong belakang di KADUN Pengkalan Kota tersenarai dalam rancangan ini? Huraikan.
 - (b) Pihak/Jabatan manakah yang bertanggungjawab atas kerja penyelenggaraan dan kebersihan lorong belakang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Projek Menaik taraf Lorong Belakang di kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah merangkumi lorong-lorong sisi dan laluan awam melibatkan sepanjang 9 kilometer dan 10 ekar kawasan hijau di sekitar Tapak Warisan Dunia George Town yang dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh 5 tahun sehingga tahun 2023. Projek Lorong Belakang di Lebuh Union adalah merupakan projek penaiktarafan lorong belakang yang dirancang oleh MBPP dan dijangka akan siap pada bulan April 2024.
- (a) Projek penaiktarafan lorong sisi dan lorong belakang di kawasan ADUN Pengkalan Kota yang terlibat adalah di kawasan Lebuh Pantai ke Lebuh Victoria yang merangkumi 123 meter dan siap sepenuhnya pada 3 Disember 2020.

- (b) Jabatan Kejuruteraan MBPP adalah agensi yang bertanggungjawab dalam membuat kerja-kerja penyelenggaraan di kawasan lorong belakang manakala Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBPP pula bertanggungjawab dalam perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan perkhidmatan pembersihan awam seperti pemungutan sampah dan pembersihan secara *pickers* bagi sampah-sampah yang dibuang di atas jalan serta longgokan sampah haram.
10. Apakah tindakan dan perancangan Kerajaan Negeri buat jangka masa panjang dalam menyelenggarakan sesetengah tapak pelancongan yang merupakan tempat *Instagrammable* seperti kawasan-kawasan payung berwarna-warni yang rosak seperti yang ditularkan di media sosial kebelakangan ini sungguhpun difahamkan ia telah diperbaiki pada baru-baru ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sentiasa menyelenggara dan memastikan semua kemudahan yang disediakan sentiasa dalam keadaan baik terutamanya di kawasan tarikan pelancong. Selain itu, terdapat kakitangan MBPP yang telah ditugaskan untuk membuat pemantauan dan memeriksa kemudahan-kemudahan yang terdapat di kawasan lorong-lorong belakang di sekitar bandar George Town.
11. Isu ketidakcukupan parkir di sekitar George Town semakin serius. Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah ini?
- (a) Penduduk-penduduk di sekitar Clan Jeti dan tanah tambun di Lebuhraya Merdeka menghadapi isu ketidakcukupan parkir sepanjang masa ini. Nyatakan hasrat Kerajaan Negeri dalam membantu mereka mengatasi masalah parkir.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Kerajaan Negeri sememangnya prihatin dan mengambil serius berhubung isu ketidakcukupan parkir di sekitar kawasan George Town. Antara perancangan Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bagi mengatasi masalah ini adalah seperti berikut:
- (i) Membangunkan tempat letak kenderaan bertingkat. Lokasi tempat letak kenderaan bertingkat ini adalah seperti di Lebu Pantai, Lebu Union, dan Jalan Hutton;
- (ii) Menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dengan menyediakan Perkhidmatan Bas Central Area Transit (CAT) secara percuma serta perkhidmatan Bas Bridge Express Shuttle Transit (BEST) dan BEST KOMTAR;
- (iii) Menggalakkan penggunaan basikal di sekitar Kawasan George Town dengan menyediakan laluan basikal sepanjang 205 km termasuk 27.9 km laluan basikal berdedikasi di sebelah pantai timur bahagian pulau. Terdapat juga perancangan untuk menyediakan laluan basikal berdedikasi di sepanjang Straits Quay, Tanjung Tokong ke Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas;
- (iv) Melaksanakan projek pelebaran jalan serta pelaksanaan sistem jalan sehalu sebagai satu alternatif untuk menambah bilangan petak letak kenderaan di bahagian Pulau; dan
- (v) Kerajaan Negeri juga telah meluluskan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang yang memberi tumpuan kepada pengwujudan satu proses peralihan daripada penggunaan kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang. Sistem LRT yang dicadangkan dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang dari George Town ke bahagian selatan pulau dijangka akan disiapkan pada tahun 2029 tertakluk kepada kelulusan Kerajaan Pusat.

- (a) Kerajaan Negeri sememangnya berhasrat untuk membantu mengatasi masalah parkir yang dialami oleh penduduk di sekitar Clan Jeti dan tanah tambun di Lebuhraya Merdeka. Antara tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri adalah dengan mengenakan syarat supaya pemaju pembangunan baharu menyediakan petak letak kenderaan untuk projek pembangunan yang dilaksanakan.

Berdasarkan syarat ini, pemajuan komersil di Lebuhraya Merdeka yang kini sedang dalam pembinaan akan menyediakan sebanyak 135 petak letak kereta dan 181 bilangan tempat letak motosikal yang juga boleh digunakan oleh orang ramai di kawasan Lebuhraya Merdeka dan Clan Jeti.

Kerajaan Negeri kini juga masih diperingkat kajian untuk membina tempat letak kereta di atas tanah Kerajaan Negeri di Pengkalan Weld berhadapan Pengkalan Raja Tun Uda. Tempat letak kereta akan menjadi tempat parkir alternatif yang boleh digunakan oleh semua penduduk sekitar kawasan tersebut termasuklah penduduk-penduduk di kawasan Clan Jeti dan Lebuhraya Merdeka.

12. Berapakah premis di bawah milikan Kerajaan Negeri / Tempatan masih dikosongkan di George Town?
- (a) Adakah Kerajaan berkenaan ada apa-apa rancangan terhadap premis yang dikosongkan tersebut?
- (b) Bolehkah premis ini diguna pakai untuk tujuan RIBI oleh pihak RIBI yang memohon? (c) Jika ya, nyatakan cara dan syarat permohonan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Setakat ini, sebanyak 95 unit premis milik Majlis Bandaraya Pulau Pinang manakala satu (1) unit premis di bawah milikan CMI yang masih kosong di George Town.
- (a) Pada ketika ini, pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang akan mengiklankan kesemua 95 unit premis tersebut secara tender terbuka dan ditawarkan kepada pemohon yang berminat. Manakala bagi satu (1) unit premis di bawah milikan CMI pula masih tiada perancangan memandangkan bangunan tersebut dalam keadaan tidak selamat untuk digunakan disebabkan oleh struktur bangunan tersebut rosak dimakan anai-anai. Walau bagaimanapun, bangunan tersebut masih sesuai untuk dijadikan sebagai projek pelancongan sekiranya pembaikan dan pemuliharaan dibuat pada bangunan tersebut.
- (b) Setakat ini, kesemua bangunan tersebut tidak boleh digunapakai untuk tujuan RIBI.
- (c) Tiada.
13. Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap bangunan usang di George Town?
- (a) Berapakah jumlah kos dibelanjakan sejak tahun 2018 bagi membaiki bangunan usang yang terbiar oleh pemilik persendirian?
- (b) Berapakah jumlah kos antaranya telah dibayar balik oleh pemilik-pemilik ini?
- (c) Apakah tindakan undang-undang terhadap mereka yang tidak membayar balik?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Setakat September 2023, terdapat sebanyak 88 buah bangunan usang manakala 92 buah bangunan tidak diselenggara dengan baik di dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Walau bagaimanapun, memandangkan pihak GTWHI merupakan agensi kerajaan bukan berkanun dan tiada kuasa untuk mengambil tindakan penguatkuasaan, perkara ini telah dilaporkan kepada Mesyuarat *Technical Review Panel* pada 14 Disember 2022 untuk tindakan daripada Jabatan Konservasi Warisan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri.

Lanjutan itu, beberapa siri mesyuarat telah diadakan bagi memohon tindakan penguatkuasaan daripada Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri ke atas pemilik tanah dan pemilik bangunan yang telah membiarkan bangunan milikan mereka dalam keadaan usang dan membahayakan keselamatan orang awam di bawah Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011. Namun, tiada tindakan diambil oleh Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang.

Sehubungan itu, bagi menyelamatkan bangunan warisan tersebut, pihak kerajaan akan menurunkan kuasa kepada Pengarah Konservasi Warisan Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Pengurus Besar GTWHI sebagai pegawai yang diberi kuasa memasuki tapak di bawah Seksyen 20 (1) Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 supaya langkah-langkah yang munasabah dapat diambil bagi tujuan pemuliharaan, pembaikan atau penyelenggaraan yang sewajarnya.

- (a) Jumlah kos yang dibelanjakan oleh MBPP sejak tahun 2018 bagi membaiki bangunan usang yang terbiar oleh pemilik persendirian di dalam Tapak Warisan Dunia George Town adalah sejumlah RM16,486.00. Perinciannya mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH KOS (RM)
2018	-
2019	1,753.75
2020	4,856.75
2021	-
2022	4,421.50
2023 (sehingga September)	5,454.00
JUMLAH KESELURUHAN	16,486.00

- (b) Jumlah kos yang telah dibayar balik oleh pemilik-pemilik dalam Tapak Warisan Dunia George Town adalah sejumlah RM14,888.80. Perinciannya adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH KOS (RM)
2018	-
2019	1,753.75
2020	3,259.55

2021	-
2022	4,421.50
2023 (sehingga September)	5,454.00
JUMLAH KESELURUHAN	14,888.80

Setakat ini, tiada tindakan undang-undang diambil sebaliknya hanya kos pembersihan bangunan usang tersebut dituntut oleh MBPP seperti dalam peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan seterusnya pihak MBPP boleh menuntut segala belanja mengenainya daripada individu yang gagal mematuhi notis pemulihan bangunan usang tersebut.

14. Pili bomba yang rosak ataupun dikeluarkan akibat kemalangan jalan raya tidak diganti baru. Isu ini mendatangkan kebimbangan orang ramai. Nyatakan pihak manakah yang menguruskan penggantian pili bomba dan memastikan ia berfungsi selalu.
- (a) Nyatakan berapa pili bomba di Pengkalan Kota berfungsi dan berapa pili bomba masih dalam keadaan yang tidak berfungsi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Kerja-kerja penyelenggaraan, pembaikan serta penggantian pili bomba awam adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). Pihak JBPM akan membuat pemeriksaan pili bomba awam secara berjadual setahun sekali.
- (a) Jumlah keseluruhan pili bomba awam di kawasan DUN Pengkalan Kota adalah sebanyak 235 unit. Perinciannya adalah seperti berikut:

BIL	KATEGORI	JUMLAH (unit)
1	Berfungsi	203
2	Tidak berfungsi	30
3	Terjejas	1
4	Hilang	1
JUMLAH		235

Pada ketika ini, jumlah keseluruhan unit pili bomba awam yang tidak boleh digunakan ketika kecemasan ialah sebanyak 32 unit dan kesemua unit ini telah dimasukkan ke dalam senarai pembaikan segera bergantung kepada bajet yang diperuntukkan oleh pihak Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT).

15. Sampah-sarap sangkut di bawah rumah berlesen pendudukan sementara di Clan Jeti akibat ombak laut yang menghantar sampah-sarap dari laut ke tanah tersebut. Nyatakan pihak manakah dan jadual pembersihan di sekitar kawasan tersebut.
- (a) Adakah sebarang cara penyelesaian bagi menangani isu yang berulang ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Perkhidmatan pembersihan di kawasan pesisiran pantai dan laut termasuk di Clan Jeti dilaksanakan oleh pihak kontraktor yang dilantik oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Jadual perkhidmatan pembersihan dilaksanakan seperti berikut:
- (i) Pembersihan secara manual - pembersihan sampah sebanyak dua (2) kali seminggu di kawasan boleh diakses dengan selamat ketika air laut surut.

- (ii) Pembersihan secara mekanikal - penggunaan bot katamaran dijalankan setiap hari untuk mengutip sampah yang terapung di perairan air laut terbuka.

Walau bagaimanapun, terdapat cabaran yang dihadapi oleh pihak MBPP dalam melaksanakan kerja-kerja pembersihan seperti berikut:

- (i) Halangan struktur tiang kayu perumahan di atas permukaan laut ;
 - (ii) Pembuangan sampah secara terus dari penduduk yang tiada kesedaran mengenai kepentingan menjaga kebersihan ;
 - (iii) Persekitaran kawasan yang berpotensi menjadi habitat haiwan yang berbahaya, permukaan tidak rata dan berlumpur yang tidak selamat kepada pekerja ; dan
 - (iv) Faktor pasang surut air laut dan arus juga menjadi punca lambakan sampah sarap yang dibawa ke persisiran pantai.
- (a) Tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan bagi menangani isu sampah sarap di kawasan tersebut adalah seperti berikut:
 - (i) Menjalankan kempen kesedaran kebersihan melalui pendidikan awam bersama penduduk ;
 - (ii) Menganjurkan aktiviti gotong-royong bersama penduduk setempat secara berkala ; dan
 - (iii) Memasang perangkap sampah *log boom* oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di muara sungai bagi memudahkan kutipan dan pembersihan sampah dilaksanakan.

- 16. Tanah tambun Lebuhraya Merdeka dimiliki oleh pihak PDC. Nyatakan usaha PDC dalam 10 tahun yang lepas serta kos perbelanjaan demi menaik taraf / menurap jalan-jalan di sekitar kawasan tersebut.
 - (a) Bekalkan jadual penurapan semula jalan dan lokasinya di sekitar tanah tambun Lebuhraya Merdeka untuk tahun 2024

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 16. PDC tiada rekod projek penaiktarafan / menurap jalan-jalan di sekitar kawasan tersebut dalam 10 tahun yang lepas.
 - (a) Setakat ini, PDC tidak ada perancangan untuk menurap semula jalan tersebut.
- 17. Nyatakan usaha Kerajaan Negeri dalam 10 tahun yang lepas (termasuk kos perbelanjaan) demi menaik taraf / menurap jalan-jalan di sekitar Pintasan Cecil.
 - (a) Pihak manakah yang harus bertanggungjawab atas permukaan jalan yang teruk di kawasan tersebut?
 - (b) Bekalkan jadual penurapan semula jalan dan lokasinya di sekitar Pintasan Cecil untuk tahun 2024.

Y.A.B. Ketua Menteri:


- 17. Kerajaan Negeri melalui PDC telah menyiapkan kerja-kerja rektifikasi di sekitar Pintasan Cecil iaitu kerja-kerja membaru muka jalan dan membaikpulih perparitan yang melibatkan kos berjumlah RM600,000.00 pada tahun 2013. Kedudukan lokasi jalan yang terlibat adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (a) Pembangunan di kawasan Pintasan Cecil telah dibangunkan oleh pihak PDC. Semakan mendapati bahawa infrastruktur yang dibina di kawasan tersebut tidak diserahkan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) selepas ianya disiapkan untuk diselenggara. Selain itu, jalan-jalan di sekitar Pintasan Cecil adalah

merupakan jalan-jalan *sub-standard* yang mana jalan-jalan tersebut tidak dapat didaftarkan di bawah sistem MARRIS untuk mendapatkan peruntukan penyelenggaraan kerana tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, perubahan garis panduan MARRIS 3.0 yang terbaru telah membolehkan jalan-jalan *sub-standard* ini didaftar untuk mendapatkan peruntukan MARRIS bagi tujuan penyelenggaraan.


Sehubungan itu, MBPP telah mendaftarkan jalan-jalan di kawasan Pintasan Cecil di dalam sistem MARRIS pada tahun 2023 untuk mendapatkan peruntukan MARRIS bagi tahun 2024.

- (b) Pada masa ini, pihak PDC dalam proses perolehan sebut harga bagi kerja membaru muka jalan dan membaiki parit sedia ada di Pintasan Cecil Satu dengan peruntukan daripada Kementerian Ekonomi. Projek ini dijangka bermula pada Disember 2023 dan siap pada penghujung Mac 2024 dengan anggaran kos sebanyak RM300,000.00. Keterangan lanjut berkenaan lokasi jalan yang terlibat adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

LAMPIRAN A



LAMPIRAN B



FRS

1. Kontraktor perlu menambak sisi 'perumahan' sedekat di belakang perumahan yang berhadapan untuk memastikan saliran air mengalir lancar ke 'Treci discharge culvert'.
2. Kontraktor perlu menggantikan, memperbaiki atau membina parti perimeter, 'crossing culvert', saliran final discharge untuk air hujan dalam ke parti utama.
3. Sebarang struktur halangan di lokasi hendaklah dibatalkan.
4. Membenarkan jalan di sisi dalam di (jalan 'Muzium Geck' (Service road)).

18. Nyatakan jumlah bajet disediakan untuk Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP atau tabung 80:20) untuk tahun 2024.
- (a) Senaraikan permohonan projek yang telah diterima oleh Kerajaan Negeri.
- (b) Senarai pendekkan antara projek yang akan dijalankan di bawah tabung 80:20 untuk tahun 2024.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Pembangunan Keusahawan pada 7 April 2022 telah melancarkan Kempen Keusahawanan Satu Budaya selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai Negeri Keusahawanan menjelang tahun 2030.

Antara objektif penganjuran Kempen Keusahawanan Satu Budaya adalah seperti berikut:

- (i) Membudayakan keusahawanan dalam kalangan rakyat Pulau Pinang melalui slogan '1 Keluarga 1 Usahawan';
- (ii) Membina daya kreativiti dan inovasi produk keluaran Pulau Pinang ke peringkat global dengan memaksimumkan penggunaan teknologi digital; dan
- (iii) Menjadikan bidang keusahawanan sebagai satu kerjaya.

Bagi membantu golongan usahawan termasuklah usahawan wanita untuk mengembangkan perniagaan mereka, Kerajaan Negeri melalui PDC mempunyai dua (2) skim mikrokredit seperti berikut:

(i) Skim Pinjaman Harapan (SPH)

Untuk usahawan Negeri Pulau Pinang yang berbentuk pinjaman perniagaan. Skim ini diwujudkan sebagai satu sistem penyaluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan peniaga dan penjaja kecil. Dua (2) skim pinjaman yang ditawarkan oleh SPH adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA	SKIM 1	SKIM 2
1	Jumlah Pinjaman	RM5,000.00 sehingga RM25,000.00	RM26,000.00 sehingga RM50,000.00
2	Tempoh Pinjaman	50 – 200 minggu	12 – 48 bulan
3	Kadar Caj Pengurusan	4% setahun (Caj Pengurusan akan dikenakan pada tahun kedua dan berikutnya)	6% setahun
4	Kaedah Kutipan	Mingguan	Bulanan

(ii) Tabung Usahawan Tani (TUT)

Merupakan kemudahan pinjaman yang disediakan khusus kepada pengusaha asas tani di bawah Jawatankuasa MMK Agroteknologi & Keterjaminan Makanan Dan Pembangunan Koperasi Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang.

Pinjaman yang ditawarkan oleh TUT adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA	PINJAMAN 1	PINJAMAN 2
1	Jumlah Pinjaman	RM5,000.00 (Berumur 40 tahun ke bawah) RM6,000.00 (Berumur 41 hingga 60 tahun)	RM10,000.00
2	Tempoh Pinjaman	24 bulan	
3	Kadar Caj Pengurusan	Tiada caj pengurusan	6% setahun
4	Kaedah Kutipan	Bulanan	

SENARAI PERMOHONAN TPM80PP SEHINGGA 30 OKTOBER 2023

BIL	KADUN	PERKARA	SKOP KERJA
1	Seri Delima	Kerja-Kerja Pembaikan Lif di Greenlane Heights (Block K)	Lif
2	Batu Lanchang	Kerja-Kerja Pembaikan Lif di Medan Hikmat	Lif
3	Bayan Lepas	Kerja-Kerja Mengecat di Taman Kumbar Permai	Sivil
4	Batu Lanchang	Kerja-Kerja Pembaikan Lif di Suteramas	Lif
5	Paya Terubong	Kerja-Kerja Pembaikan Lif di TTJ Apartment Blocks 9, 11 & 11A Paya Terubong	Lif
6	Paya Terubong	Kerja-Kerja Pembaikan Bumbung, Tangki Air dan Sistem Perpaipan di Taman Seri Relau, Blok C Pulau Pinang	Sivil
7	Seri Delima	Kerja- Kerja Mengecat di Desa Pinang Apartment Desa Pinang	Sivil
8	Batu Uban	Kerja-Kerja Pembaikan Lif di Mutiara Indah	Lif
9	Bayan Lepas	Kerja-Kerja Pembaikan Bumbung, sistem perpaipan dan lain-lain kerja yang berkaitan di Pangsapuri Kejora	Sivil
10	Air Itam	Kerja-Kerja Pembaikan Lif di Bukit BL	Lif
11	Sungai Pinang	Kerja-Kerja Pembaikan Tangki Air di Mutiara Idaman 2, Solok Tengku Jelutong	Sivil
12	Sungai Puyu	Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Perpaipan di Taman Merbau Jaya	Sivil
13	Bagan Jermal	Kerja-Kerja Pembaikan Lif di Pangsapuri Widuri	Lif
14	Bagan Jermal	Kerja-Kerja Pembaikan Bumbung di Pangsapuri Widuri	Sivil
15	Sungai Puyu	Kerja-Kerja Pembaikan Bumbung di Pangsa Sentral	Sivil
16	Batu Uban	Kerja-Kerja Pembaikan Sistem Perpaipan Di Mutiara Indah	Sivil
17	Datok Keramat	Kerja-Kerja Pembaikan Tangki Air di Seruan Emas	Sivil
18	Batu Lanchang	Kerja-Kerja Pembaikan Tangki Air di Suria Mutiara Apartment	Sivil
19	Bagan Dalam	Kerja-Kerja Pembaikan Concrete Window Awning	Sivil
20	Bayan Lepas	Kerja-Kerja Pembaikan Tangki Air di Halaman Murni	Sivil
21	Bayan Lepas	Kerja-Kerja Pembaikan Bumbung di Bayan Permai	Sivil
22	Tanjung Bungah	Kerja-Kerja Pembaikan Tangki Air di Pangsapuri Permai Ria	Sivil
23	Paya Terubong	Kerja-Kerja Pembaikan Lif di Lakeside Towers Tingkat Bukit Jambul	Lif
24	Tanjung Bungah	Kerja-Kerja Pembaikan Railing di Pinang Emas	Sivil

BIL	KADUN	PERKARA	SKOP KERJA
25	Batu Uban	Kerja-Kerja Pembaikan Tangki Air di Villa Sri Kenanga	Sivil
26	Sungai Pinang	Kerja-Kerja Pembaikan bumbung di Jelutong Villa (Lot 807)	Sivil
27	Datok Keramat	Kerja-Kerja Pembaikan Bumbung dan Tangki Air di Sri Indah Wonder	Sivil
28	Sungai Pinang	Kerja-Kerja Pembaikan Tangki Air, Perpaipan dan lain-lain kerja berkaitan di Rumah Pangsa Osman Kadir Lit	Sivil
29	Pulau Betong	Kerja-Kerja Pembaikan Tangki Air, Bumbung yang bocor dan pembaikan sistem kumbahan di Pangsapuri Rimbun	Sivil
30	Seri Delima	Kerja-Kerja Pembaikan Tangki Air di Greenlane Heights Blok 3	Sivil
31	Kebun Bunga	Kerja-Kerja Pembinaan Tembok di Villa Bunga Telang	Sivil
32	Datok Keramat	Kerja-Kerja Pembaikan Sistem Perpaipan, Mengecat dan Pembaikan Tembok di Taman Abidin	Sivil
33	Datok Keramat	Kerja-Kerja Pembaikan Lif, Tangki Air, Pagar, CCTV dan lain-lain	Lif
34	Batu Uban	Kerja-Kerja Pembaikan Bumbung dan Tangki Air di Desa Bistari	Sivil
35	Sungai Pinang	Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Pencegahan Kebakaran	Sivil
36	Sungai Pinang	Kerja-Kerja Pembaikan Tangki Air di Halaman Murni	Sivil
37	Paya Terubong	Kerja-Kerja Penurapan Jalan di Block Pearl- Desa Permata	Sivil
38	Paya Terubong	Kerja-Kerja Pembinaan Tembok di Wisma Taman Sri Relau	Sivil
39	Paya Terubong	Kerja-Kerja Pembaikan Lif di Asia Heights, Ayer Itam, Pulau Pinang	Lif
40	Batu Uban	Kerja-Kerja Pembaikan Bumbung dan Pengecatan di Wisma Sunway Ceria	Sivil
41	Batu Uban	Kerja-Kerja Pembaikan Bumbung dan Pengecatan di Wisma Sunway Ceria	Sivil
42	Paya Terubong	Kerja-Kerja Membaiki Tangki Air yang bocor	Sivil
43	Paya Terubong	Kerja-Kerja Membaiki Bumbung yang bocor	Sivil
44	Datok Keramat	Kerja-Kerja Mengecat Semula Blok A, Taman Han Chiang, DTL, Pulau Pinang	Sivil
45	Pantai Jerejak	Kerja-Kerja Tangki Air berserta pam air di Pangsapuri Mahsuri	Sivil
46	Paya Terubong	Kerja-Kerja Pembaikan Lif di Green Garden	Lif
47	Paya Terubong	Kerja-Kerja Pembaikan Tangki Air di Villa Kejora	Sivil
48	Bagan Dalam	Kerja-Kerja untuk menukar Tangki Air di Park View	Sivil

BIL	KADUN	PERKARA	SKOP KERJA
49	Batu Uban	Kerja- Kerja Pembaikan Lif di Taman Utama	Lif
50	Pantai Jerejak	Kerja-Kerja Pembaikan Tangki Air di Pangsapuri Nibong Indah	Sivil
51	Paya Terubong	Kerja-Kerja Pembaikan Kebocoran Bumbung dan Rembesan Dinding di Blok Aquamarine	Sivil
52	Paya Terubong	Kerja-Kerja Pembaikan Lif di TTJ Apartment	Lif
53	Sungai Pinang	Kerja-Kerja Pembaikan Lif di Taman Lita, Jelutong, Pulau Pinang	Lif
54	Tanjong Bunga	Kerja-Kerja Pengecatan di Hillside Gardens	Sivil
55	Pantai Jerejak	Kerja-Kerja Pembaikan Bumbung dan Sistem Perpaipan di Taman Mas	Sivil
56	Batu Uban	Kerja-Kerja Pembaikan Tangki Air dan Sistem Perpaipan di Taman Batu Uban Block 38	Sivil
57	Kebun Bunga	Kerja-Kerja Pembaikan Tangki Air dan Sistem Perpaipan di Taman Batu Bukit	Sivil
58	Air Putih	Kerja-Kerja Pembaikan Bumbung dan Pengecatan di Taman Sri Idaman	Sivil
59	Pantai Jerejak	Kerja-Kerja Pembaikan Tangki Air dan Sistem Perpaipan di Mawar Apartment	Sivil
60	Sungai Pinang	Kerja-Kerja Pembaikan Tangki Air dan Sistem Perpaipan di Bukit Dumbar Indah	Sivil
61	Paya Terubong	Kerja-Kerja Pengecatan Taman Relau Jaya	Sivil
62	Paya Terubong	Kerja-Kerja Pembaikan Bumbung di Suria Vista	Sivil
63	Paya Terubong	Kerja-Kerja Pembaikan Lif di Suria Vista	Lif
64	Air Putih	Kerja-Kerja Pembaikan Lif di Rumah Pangsa Lot 1816	Lif
65	Air Putih	Kerja-Kerja Pengecatan di Rumah Pangsa Lot 1816	Sivil
66	Tanjung Bungah	Kerja-Kerja Penurapan Jalan di Taman Sri Setia	Sivil
67	Batu Lanchang	Kerja-Kerja Pembaikan Lif di taman seri Damai	Lif
68	Batu Uban	Kerja-Kerja Pengecatan di U-Garden, Gelugor	Sivil
69	Batu Uban	Kerja-Kerja Pembaikan Lif di U-Garden	Lif
70	Paya Terubong	Kerja-Kerja Pembaikan Lif di Sri Aman, Relau	Lif
71	Batu Uban	Kerja-Kerja Pembaikan Lif di E-Park, Jalan Batu Uban	Lif
72	Paya Terubong	Kerja-Kerja Pengecatan di GL-Garden	Sivil
73	Batu Uban	Kerja-Kerja Pembaikan Lif di Taman Jade View	Lif
74	Jawi	Kerja-Kerja Penurapan Jalan di Taman Tekukur Indah	Sivil
75	Batu Maung	Kerja-Kerja Pembaikan Tangki Air di Mayang Pasir 4	Sivil
76	Batu Maung	Kerja-Kerja Pembaikan Tangki Air di Mayang Pasir 2	Sivil
77	Batu Lanchang	Kerja-Kerja Pembaikan Lif di Symphony Park dan Vantage Point	Lif
78	Bayan Lepas	Kerja-Kerja Pembaikan Lif di Taman Teluk Kumbar Permai	Lif
79	Air Putih	Kerja-Kerja Pembaikan Lif di Taman Sri Idaman	Lif

BIL	KADUN	PERKARA	SKOP KERJA
80	Sungai Pinang	Kerja-Kerja Pembaikan Tangki Air dan Sistem Perpaipan di Taman Sri Petani	Sivil
81	Paya Terubong	Kerja-Kerja Pemasangan CCTV di Green Garden Lot 10057	Sivil
82	Paya Terubong	Kerja-Kerja Pembaikan Tangki Air di Grandview Heights	Sivil
83	Sungai Pinang	Kerja-Kerja Mengecat dan Kerja-Kerja Berkaitan di Sinar Bukit Dumbar	Sivil
84	Pengkalan Kota	Kerja-Kerja Pembaikan Tangki Air dan Sistem Perpaipan yang Telah Berkarat di Blok U-Shaped Flat PDC	Sivil
85	Tanjung Bungah	Kerja-Kerja Penurapan Jalan di Pangsapuri Fasa 4A, Tanjung Tokong	Sivil
86	Batu Lanchang	Kerja-Kerja Pembaikan Tangki Air di Taman Koperasi	Sivil
87	Batu Lanchang	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dua (2) Unit Lif di Casa Impian	Lif
88	Batu Lanchang	Kerja-Kerja Pembaikan Bumbung Bocor di Blok A&B Taman Kheng Tian	Sivil
89	Tanjong Bunga	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dua (2) Unit Lif di Indah Bay Apartments	Lif
90	Batu Uban	Kerja-Kerja Mengecat Semula Lima(5) Blok Medan Mutiara	Sivil
91	Batu Uban	Kerja-Kerja Mengecat di Sri Bukit Jambul, DTL, Pulau Pinang	Sivil
92	Sungai Pinang	Kerja-Kerja Pembaikan Tiga (3) Unit Lif di Jelutong Park, DTL	Lif
93	Sungai Pinang	Kerja-Kerja Pembaikan Empat (4) Unit Lif di Sri Wangsa 1, DTL	Lif
94	Sungai Pinang	Kerja-Kerja Penurapan Jalan di Pinang Court 2, DTL	Sivil
95	Bagan Jermal	Kerja-Kerja Membaiki Tangki Air yang bocor	Sivil
96	Komtar	Kerja-Kerja Pembaikan Sistem Perpaipan Di Taman Lembah Sungai	Sivil
97	Bagan Dalam	Kerja Pembaikan Lif di Pangsapuri Ria Blok C	Lif
98	Paya Terubong	Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Perparitan di Desa Aman Blok 53 (A1)	Sivil
99	Paya Terubong	Kerja-Kerja Mengecat untuk Tiga(3) Blok 9,11&11A di Taman Terubong Jaya	Sivil
100	Paya Terubong	Kerja-Kerja Menaiktaraf Satu(1) Unit Lif di Blok 11 Taman Terubong Jaya	Lif
101	Pengkalan Kota	Kerja-Kerja Menaiktaraf Lif di Sri Saujana 42A, 42B dan 42C	Lif
102	Pengkalan Kota	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dua Belas (12) Unit Lif di Sri Saujana	Lif
103	Sungai Dua	Kerja-Kerja Pembaikan Enam (6) Unit Tangki Air Yang Bocor di Rumah Pangsa Sungai Dua Utama	Sivil

BIL	KADUN	PERKARA	SKOP KERJA
104	Tanjung Bungah	Kerja-Kerja Pembaikan Dua (2) Unit Lif di Indah Bay	Lif
105	Batu Uban	Kerja-Kerja Pembaikan Tangki Air di Jubilee Suites 1	Sivil
106	Paya Terubong	Kerja-Kerja Menaiktaraf Empat (4) Unit Lif di Taman Alor Vista	Lif
107	Bagan Dalam	Kerja-Kerja Pembaikan Lif di Taman Mewah	Lif
108	Pengkalan Kota	Kerja-Kerja Pembaikan Empat (4) Unit Lif di Taman Harbour View	Lif
109	Paya Terubong	Kerja-Kerja Menaiktaraf Enam (6) Unit Lif di Taman Alor Vista	Lif
110	Paya Terubong	Kerja-Kerja Mengecat di Taman Alor Vista	Sivil
111	Tanjung Bungah	Kerja-Kerja Pembaikan Dua (2) Unit Lif di Rumah Pangsa Uda	Lif
112	Air Putih	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dua (2) Unit Lif di Taman Sri Idaman	Lif
113	Sungai Pinang	Kerja-Kerja Menaiktaraf Tangki Air di Sri Wangsa 1	Sivil
114	Batu Uban	Kerja-Kerja Pembaikan Tangki Air dan Sistem Perpaipan di Desa Permai Indah	Sivil
115	Seberang Jaya	Kerja-Kerja Mengecat, Penurapan Jalan dan Lain-lain Yang Berkaitan di Taman Tun Hussein (Fasa 2B)	Sivil
116	Pengkalan Kota	Kerja-Kerja Membaiki Dua (2) Unit Lif di Blok 362 Gat Lebu Macallum	Lif
117	Air Itam	Kerja-Kerja Membaiki Bumbung di Fairy Heights, DTL, Pulau Pinang	Sivil
118	Paya Terubong	Kerja-Kerja Membaiki Tangki Air yang bocor di Vista Kondo	Sivil
119	Bagan Dalam	Kerja-Kerja Bumbung, Tangki Air, Sistem Perpaipan Dan Penurapan Jalan di Taman Bagan Sena	Sivil
120	Sungai Bakap	Kerja-Kerja Pembaikan Tangki Air Yang Bocor di Kondorakyat Taman Seruling Emas	Sivil
121	Bukit Tengah	Kerja-Kerja Pembaikan Dua(2) Unit Lif di Pangsapuri Nagasari Blok B	Lif
122	Sungai Puyu	Kerja-Kerja Mengecat di Taman Tanjung Indah	Sivil
123	Pulau Tikus	Kerja-Kerja Naiktaraf Tangki Air di Rumah Pangsa Jalan Kelawai	Sivil
124	Batu Uban	Kerja-Kerja Sistem Perpaipan di Taman Bunga Merah	Sivil
125	Machang Bubok	Kerja-Kerja Tangki Air di Kos Rendah Taman Sri Janggus	Sivil
126	Bagan Dalam	Kerja Membaiki Lantai Dewan di Taman Bagan	Sivil
127	Sungai Pinang	Kerja-Kerja Tangki Air dan Sistem Perpaipan di Sinar Bukit Dumber Blok 96	Sivil
128	Bagan Jermal	Kerja-Kerja Membaiki Bumbung Dan Sistem Perpaipan di PPR Mak Mandin	Sivil

BIL	KADUN	PERKARA	SKOP KERJA
129	Bayan Lepas	Kerja-Kerja Membaiki Dua(2) Unit Lif Yang Rosak di Mutiara Perdana 1	Lif
130	Tanjong Bunga	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dua (2) Unit Lif di Marine Mansion	Lif
131	Batu Lanchang	Kerja-Kerja Membaiki Enam(6) Unit Lif di Taman Kheng Tian	Lif
	RUMUSAN		
	SKOP KERJA	BILANGAN PERMOHONAN	
	Lif	44	
	Sivil	87	
	JUMLAH	131	

SENARAI PERMOHONAN TPM80PP SEHINGGA 30 OKTOBER 2023

	RUMUSAN		
	SKOP KERJA	BILANGAN PERMOHONAN	
	Lif	44	
	SIVIL	87	
	JUMLAH	131	

SENARAI PROJEK UNTUK DILULUSKAN TAHUN 2024

BIL	KADUN	PERKARA	SKOP KERJA
1	Seri Delima	Kerja-Kerja Pembaikan Lif di Greenlane Heights (Block K)	Lif
2	Batu Lanchang	Kerja-Kerja Pembaikan Lif di Medan Hikmat	Lif
3	Bayan Lepas	Kerja-Kerja Mengecat di Taman Kumbar Permai	Sivil
4	Batu Lanchang	Kerja-Kerja Pembaikan Lif di Suteramas	Lif

BIL	KADUN	PERKARA	SKOP KERJA
5	Paya Terubong	Kerja -Kerja Pembaikan Lif di TTJ Apartment Blocks 9, 11 & 11A Paya Terubong	Lif
6	Paya Terubong	Kerja-Kerja Pembaikan Bumbung, Tangki Air dan Sistem Perpaipan di Taman Seri Relau, Blok C Pulau Pinang	Sivil
7	Seri Delima	Kerja- Kerja Mengecat di Desa Pinang Apartment Desa Pinang	Sivil
8	Batu Uban	Kerja-Kerja Pembaikan Lif di Mutiara Indah	Lif
9	Bayan Lepas	Kerja-Kerja Pembaikan Bumbung, sistem perpaipan dan lain-lain kerja yang berkaitan di Pangsapuri Kejora	Sivil
10	Air Itam	Kerja-Kerja Pembaikan Lif di Bukit BL	Lif
11	Sungai Pinang	Kerja-Kerja Pembaikan Tangki Air di Mutiara Idaman 2, Solok Tengku Jelutong	Sivil
12	Sungai Puyu	Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Perpaipan di Taman Merbau Jaya	Sivil
13	Bagan Jermal	Kerja-Kerja Pembaikan Lif di Pangsapuri Widuri	Lif
14	Bagan Jermal	Kerja-Kerja Pembaikan Bumbung di Pangsapuri Widuri	Sivil
15	Sungai Puyu	Kerja-Kerja Pembaikan Bumbung di Pangsa Sentral	Sivil
16	Batu Uban	Kerja-Kerja Pembaikan Sistem Perpaipan Di Mutiara Indah	Sivil
17	Datok Keramat	Kerja-Kerja Pembaikan Tangki Air di Seruan Emas	Sivil
18	Batu Lanchang	Kerja-Kerja Pembaikan Tangki Air di Suria Mutiara Apartment	Sivil
19	Bagan Dalam	Kerja-Kerja Pembaikan Concrete Window Awning	Sivil
20	Bayan Lepas	Kerja-Kerja Pembaikan Tangki Air di Halaman Murni	Sivil
21	Bayan Lepas	Kerja-Kerja Pembaikan Bumbung di Bayan Permai	Sivil
22	Tanjung Bungah	Kerja-Kerja Pembaikan Tangki Air di Pangsapuri Permai Ria	Sivil
23	Paya Terubong	Kerja-Kerja Pembaikan Lif di Lakeside Towers Tingkat Bukit Jambul	Lif
24	Tanjung Bungah	Kerja-Kerja Pembaikan Railing di Pinang Emas	Sivil

BIL	KADUN	PERKARA	SKOP KERJA
25	Batu Uban	Kerja-Kerja Pembaikan Tangki Air di Villa Sri Kenanga	Sivil
26	Sungai Pinang	Kerja-Kerja Pembaikan bumbung di Jelutong Villa (Lot 807)	Sivil
27	Datok Keramat	Kerja-Kerja Pembaikan Bumbung dan Tangki Air di Sri Indah Wonder	Sivil
28	Sungai Pinang	Kerja-Kerja Pembaikan Tangki Air, Perpaipan dan lain-lain kerja berkaitan di Rumah Pangsa Osman Kadir Lit	Sivil
29	Pulau Betong	Kerja-Kerja Pembaikan Tangki Air, Bumbung yang bocor dan pembaikan sistem kumbahan di Pangsapuri Rimbun	Sivil
30	Seri Delima	Kerja-Kerja Pembaikan Tangki Air di Greenlane Heights Blok 3	Sivil
31	Kebun Bunga	Kerja-Kerja Pembinaan Tembok di Villa Bunga Telang	Sivil
32	Datok Keramat	Kerja-Kerja Pembaikan Sistem Perpaipan, Mengecat dan Pembaikan Tembok di Taman Abidin	Sivil
33	Datok Keramat	Kerja-Kerja Pembaikan Lif, Tangki Air, Pagar, CCTV dan lain-lain	Lif
34	Batu Uban	Kerja-Kerja Pembaikan Bumbung dan Tangki Air di Desa Bistari	Sivil
35	Sungai Pinang	Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Pencegahan Kebakaran	Sivil

19. Nyatakan senarai tabung 80:20 yang disalurkan bagi membantu projek perumahan di Pengkalan Kota sebelum ini.
- (a) Projek Perumahan Sri Saujana masih berbaki tiga (3) lif yang sepatutnya dinaik taraf tetapi belum dinaik taraf lagi dibawah tabung 80:20. Adakah kerja naik taraf tersebut akan dijalankan pada tahun 2024 memandangkan kerja naik taraf sebelum ini telah disempurnakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Sehingga Oktober 2023, Kerajaan Negeri telah meluluskan sebanyak RM1,615,186.40 melibatkan 7 bilangan projek perumahan swasta yang layak di KADUN Pengkalan Kota. Senarai projek yang telah diluluskan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Kerajaan Negeri telah menerima permohonan pada tahun ini bagi membaiki dan menyelenggara baki 3 unit lif di Pangsapuri Sri Saujana. Kerja-kerja menaiktaraf 3 unit lif di Pangsapuri Sri Saujana dijangka dapat dilaksanakan hanya pada tahun 2025 memandangkan kelulusan TPM80PP adalah berdasarkan sistem giliran permohonan yang diterima dahulu.

LAMPIRAN A

SENARAI PERMOHONAN TABUNG PENYELENGGARAAN MAKSIMA 80 PULAU PINANG
DILULUSKAN 2013-2023 KADUN PENKALAN KOTA

BIL STRATA	BIL PROJEK	DAERAH	PERKARA	AMAUN KERJA	TAHUN
1	KOMPLEKS PULAU MUTIARA				
	1	TIMUR LAUT	Kerja-kerja mengganti dan mengemas sebuah lif baru di blok A, kompleks Pulau Mutiara(kadun Pengkalan Kota)	RM262,500.00	2014
	2	TIMUR LAUT	Kerja-Kerja Menggantikan Lif Baru Kompleks Pulau Mutiara	RM127,200.00	2017
2	TAMAN HARBOUR VIEW				
	3	TIMUR LAUT	Kerja-Kerja Menukar Tangki Air Taman Harbour View	RM39,686.40	2017
	4	TIMUR LAUT	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dua (2) Unit Lif di Taman Harbour View, DTL, Pulau Pinang.	RM310,000.00	2022
3	SRI SAUJANA				
	5	TIMUR LAUT	Kerja-Kerja Menyelenggara dan Pembaikan Tiga (3) Unit Lif di Sri Saujana, Lebuhraya Macallum, DTL, Pulau Pinang	RM239,400.00	2021

BIL STRATA	BIL PROJEK	DAERAH	PERKARA	AMAUN KERJA	TAHUN
	6	TIMUR LAUT	Kerja-Kerja Menyelenggara dan Pembaikan Tiga (3) Unit Lif Di Sri Saujana Blok 42A. 42B & 42C, Lebu Maccalum, Pulau Pinang	RM236,400.00	2022
4	PANGSAPURI PELANGI				
	7	TIMUR LAUT	Kerja-Kerja Menaikataf Empat (4) Unit Lift Di Pangsapuri Pelangi Blok 3 & 5, DTL, Pulau Pinang	RM400,000.00	2023
JUMLAH KESELURUHAN				RM1,615,186.40	

20. Komuniti berkemampuan berjalan adalah penting di kawasan Macallum yang populasinya berdensiti tinggi . Nyatakan usaha-usaha dalam menjadikan kawasan tersebut sebuah komuniti berkemampuan berjalan.
- (a) Bolehkah PBT memastikan kesemua laluan pejalan kaki di sekitar kawasan tersebut disambungkan dan sentiasa dalam keadaan baik supaya warga emas dapat berjalan tanpa kekhawatiran terjatuh dan tercedera?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Komuniti berkemampuan berjalan adalah penting di kawasan yang populasinya berdensiti tinggi seperti di Macallum, George Town. Usaha-usaha bagi memastikan kawasan Macallum dan kawasan sekitarnya menjadi sebuah komuniti berkemampuan berjalan adalah dengan mempunyai jaringan laluan pejalan kaki yang baik, bersambungan dan selamat. Di samping itu, kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terhadap infrastruktur bahu jalan sedia ada sentiasa dijaga bagi memenuhi keperluan dan keselesaan penduduk serta yang paling penting adalah dapat menjamin keselamatan pengguna terutamanya bagi golongan kurang upaya dan warga emas di kawasan tersebut.
- (a) Pihak PBT sentiasa membuat pemantauan dan penyelenggaraan secara berkala terhadap infrastruktur laluan pejalan kaki supaya berada dalam keadaan baik dan memastikan kesemua laluan pejalan kaki di sekitar kawasan tersebut disambungkan supaya warga emas dapat berjalan tanpa risiko terjatuh dan tercedera. Selain itu, PBT juga telah mengenakan syarat yang ketat kepada pihak pemaju yang menjalankan kerja-kerja pemajuan di kawasan Macallum termasuk kawasan sekitarnya bagi menaiktaraf bahu jalan dan laluan pejalan kaki yang mematuhi keperluan reka bentuk sejagat supaya semua fasiliti mempunyai jaringan infrastruktur laluan pejalan kaki yang bersambungan, selesa dan selamat.
21. Nyatakan usaha Kerajaan Negeri dalam program *Active Aging*.
- (a) Bagi seseorang warga emas yang bujang, berkahwin atau duda / janda, apakah manfaat yang boleh diperolehi melalui program *Active Aging* ini?
- (b) Selain daripada Pusat Khidmat ADUN, di manakah golongan yang memerlukan kerusi roda, 'diaper' dan lain-lain barang dapat memperolehi bantuan sebegini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Kerajaan Negeri telah mengambil langkah melaksanakan Bandar Mesra Usia dalam memastikan kesejahteraan golongan warga emas tidak terabai. Komitmen Kerajaan Negeri terhadap perkara ini dilihat melalui usaha menjadi ahli *Global Network of Age-Friendly Cities and Communities yang diiktiraf oleh World Health Organisation (WHO)*. Inisiatif ini adalah hasil kerjasama Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Program-program penuaan aktif *active aging* seperti Sambutan Hari Keluarga 2023 Peringkat Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Karnival Warga Emas dan program-program khas untuk warga emas melalui Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga adalah antara usaha Kerajaan Negeri dalam memperkasakan golongan warga emas.

- (a) Program-program penuaan aktif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri telah membantu untuk merapatkan jurang antara generasi dalam keluarga. Program-program ini menitikberatkan *social inclusion* dalam kalangan warga emas supaya penglibatan mereka turut dihargai. Pelaksanaan program-program ini membuka peluang kepada golongan warga emas untuk meneroka aktiviti-aktiviti diminati yang dapat meningkatkan keterlibatan mereka dalam kehidupan sosial komuniti.

Karnival Warga Emas yang dianjurkan bersama Universiti Sains Malaysia sempena sambutan Hari Warga Emas Sedunia pada 1 Oktober 2023 memberi penekanan kepada elemen penuaan aktif iaitu penjagaan kesihatan, keselamatan dan penyertaan sosial. Penganjuran karnival ini juga berjaya mewujudkan interaksi rentas usia dan kemahiran berfikir melalui aktiviti permainan tradisional yang diadakan.

Selain ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut memperkenalkan konsep Bangkit Bersama bagi membolehkan rakyat termasuk warga emas menjalani kehidupan mereka secara aktif.

Selain daripada perkhidmatan kesihatan warga emas yang dijalankan di klinik kesihatan seperti saringan dan rawatan, terdapat juga dua klinik kesihatan yang mempunyai Kelab Warga Emas iaitu Klinik Kesihatan Kepala Batas dan Klinik Kesihatan Sungai Dua, Seberang Perai Utara.

Selain daripada Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli Parlimen, golongan yang memerlukan kerusi roda, *diaper* dan lain-lain barang keperluan dapat diperolehi melalui perkhidmatan bantuan yang disediakan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan menghubungi Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah yang berhampiran. Bantuan ini tertakluk kepada ketersediaan.

22. Bagi seseorang yang tidak mampu hadir ke hospital untuk temujanji perubatan berulang, adakah pihak Hospital Pulau Pinang ataupun Klinik Kesihatan dapat menghantar pegawai perubatan secara '*outreach*' bagi mengatasi masalah pengangkutan mereka yang tidak mampu berjalan dan tanpa ahli keluarga?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Pihak Klinik Kesihatan tidak menyediakan perkhidmatan lawatan ke rumah bagi mereka yang mempunyai masalah pengangkutan. Perkhidmatan lawatan ke rumah yang terdapat dalam polisi Kementerian Kesihatan Malaysia adalah bagi:

- (a) Ibu mengandung yang berisiko tinggi dan *postnatal*.
- (b) Perawatan domisiliari iaitu bagi pesakit yang terlantar (*bedridden*).

Kementerian Kesihatan Malaysia juga menyediakan Perkhidmatan Perawatan Domisiliari (PPD) di bawah Kesihatan *Primer*, Bahagian Kesihatan Awam, sebagai perkhidmatan perawatan holistik kepada kes stabil yang terlantar dan memerlukan kesinambungan penjagaan serta perawatan selepas discaj daripada hospital atau rujukan dari klinik kesihatan.

Peranan utama Pakar dan Pegawai Perubatan di hospital atau klinik kesihatan adalah untuk mengenalpasti dan merujuk pesakit yang memerlukan penjagaan berterusan di rumah mengikut kriteria dan kesesuaian yang ditetapkan.

Perawatan pesakit dijalankan di rumah sebagai kesinambungan dari rawatan hospital dan dijalankan oleh anggota kesihatan yang dilatih. Anggota kesihatan juga akan memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada penjaga supaya perawatan dan penjagaan dapat diteruskan oleh penjaga selepas tempoh tertentu.

23. Apakah rancangan lanjutan oleh Kerajaan Negeri bagi 'George Town Festival' dan 'Literary Festival' yang telah mengharumkan nama Pulau Pinang selama ini?
- (a) Berapakah bajet akan dibelanjakan dalam kedua-dua program tersebut?
 - (b) Pihak manakah yang akan menganjurkan kedua-dua program tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. George Town Festival 2024 akan meneruskan usaha memperkayakan warga kesenian dan kebudayaan tempatan melalui program antarabangsa. "Artists-in-Residence" akan dijalankan untuk mencungkil bakat dan membolehkan 5 artis warganegara Malaysia berpeluang mempersembahkan potensi mereka. Program kesenian dalam bentuk percuma (*non-ticketed*) dan berbayar (*ticketed*) akan terus dijalankan di pulau dan seberang Negeri Pulau Pinang, demi memastikan orang awam dari pelbagai latar belakang mempunyai peluang yang saksama dalam George Town Festival.

Georgetown Literary Festival (GTLF) kini merupakan ahli Global Association of Literary Festival (GAoLF), dengan GTLF dapat meluaskan rangkaian penulis, penerbit dan pengunjung lagi. GTLF bakal disusun semula dengan mengadakan program-program sepanjang tahun dan tidak tertumpu pada akhir tahun sahaja. Dengan ini, Pulau Pinang berpotensi menghidupkan kembali legasi penerbitan dan penulisannya. Antara program yang disarankan adalah *workshop* penulisan, penerbitan, dan terjemahan. Selain itu, program residensi selama 2- 4 bulan juga direncana dan karya penulis yang terpilih boleh diterbitkan dalam penerbitan George Town Literary Festival - MUARA.

- (a) Anggaran Bajet bagi George Town Festival untuk tahun 2024 adalah RM1.5 juta manakala bagi Literary Festival adalah sebanyak RM685,000.

George Town World Heritage Incorporated adalah penganjur George Town Festival manakala Penang Convention and Exhibition Bureau pula adalah penganjur Literary Festival.

24. Bagaimanakah persidangan dan pameran membawa manfaat kepada Pulau Pinang dari segi ekonomi?

- (a) Senaraikan tempat persidangan dan pameran sedia ada. Adakah ia dapat menampung keperluan dan permintaan bertaraf antarabangsa?
- (b) Apakah rancangan Kerajaan untuk mendapatkan lagi banyak persidangan demi pembangunan ekonomi negeri pada masa depan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Kerajaan Negeri telah menetapkan bahawa Segmen pelancongan *Meetings, Incentives, Conferences and Exhibitions* (MICE) dipertanggungjawabkan untuk penyediaan perkhidmatan berkaitan dengan acara mesyuarat, persidangan, konvensyen, pameran, insentif dan lain-lain acara berkaitan. Pelancongan MICE adalah komponen penting dalam ekonomi global di samping membantu pertumbuhan ekonomi, meningkatkan kerjasama antarabangsa dan rangkaian profesional.

Menurut kajian tahunan Biro Konvensyen dan Pameran Pulau Pinang (PCEB), Pulau Pinang telah menganjurkan 281 acara perniagaan dengan jumlah peserta sebanyak 57,812 (PCEB, 2023). Dari segi Anggaran Impak Ekonomi (EEl) daripada pelancongan berasaskan MICE di Pulau Pinang, terdapat peningkatan yang ketara. Pada tahun 2022, Anggaran Impak Ekonomi (EEl) sebanyak RM375.9 juta telah direkodkan, berbanding RM14.1 juta pada tahun 2021. Hal ini menunjukkan pemulihan yang ketara bagi industri ini pada tahun lepas dan dijangkakan akan terus berkembang bagi tahun yang mendatang.

Sektor MICE dapat memberi manfaat ekonomi kepada pelbagai organisasi dan perniagaan dalam industri-industri yang berkaitan di Pulau Pinang. Industri-industri seperti perhotelan, penerbangan dan pengangkutan dapat menikmati limpahan daripada kehadiran delegasi para pelancong. Sebagai contoh, industri perhotelan dapat menerima tempahan sebagai tempat untuk mengadakan acara dan menyediakan penginapan kepada para pelancong. Ini dapat mewujudkan peluang pekerjaan seperti pengurus acara dan kakitangan hotel.

Acara MICE dapat menjadi platform untuk berkongsi ilmu, pengalaman dan kerjasama antara pemain industri di Pulau Pinang dengan rakan niaga tempatan dan antarabangsa. Ini dapat membantu mewujudkan rangkaian profesional dan mendapat maklumat terkini tentang industri berkaitan. Sebagai contoh, pemain industri elektrik dan elektronik di Pulau Pinang dapat menjalinkan kerjasama dengan rakan niaga untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka. Ini dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti industri elektrik dan elektronik di Pulau Pinang.

Selain itu, MICE yang menghimpunkan para intelektual juga dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri. Melalui persidangan, para intelektual dan pemain industri dapat bertukar pandangan, pengalaman, dan pengetahuan tentang isu-isu dan penyelesaian yang berkaitan dengan Negeri Pulau Pinang. Ini dapat menjana idea-idea baharu dan inovatif yang dapat dimanfaatkan oleh pemegang taruh (*stakeholders*) untuk memajukan ekonomi negeri dan meningkatkan kesejahteraan, produktiviti dan daya saing Negeri Pulau Pinang.

Acara antarabangsa juga turut menarik pelabur asing untuk meneroka peluang pelaburan di Pulau Pinang. Kehadiran fizikal mereka di Pulau Pinang membolehkan Kerajaan Negeri menunjukkan kepada pelabur bahawa dasar dan kemudahan sedia ada dan akan datang menyokong dalam pelbagai sektor ekonomi.

- (a) Sehingga kini, tempat persidangan dan pameran sedia ada adalah:
- (i) *Setia Spice Convention Centre* di Bayan Baru;
 - (ii) *Penang International Convention Cultural & Arts (PICCA)* di Butterworth Arena; dan
 - (iii) *Vervea Trade and Exhibition Centre (VTEC)* di Batu Kawan.

Walau bagaimanapun, bilangan tempat persidangan secara keseluruhannya masih perlu ditambah. Ini adalah kerana permintaan bagi penganjuran acara perniagaan di Negeri Pulau Pinang semakin meningkat hasil daripada kerja-kerja pemasaran, promosi dan pembidaan yang dilaksanakan oleh pihak PCEB secara agresif. Sehingga kini, pihak PCEB telah mula menjalankan pembidaan sehingga tahun 2031.

- (b) Kerajaan Negeri sentiasa terbuka untuk menghadiri dan menyertai serta menganjurkan persidangan yang boleh memberikan impak yang positif kepada Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri bersama pihak berkepentingan akan menggunakan platform persidangan dan pameran bagi memberikan maklumat kepada pelabur tempatan dan antarabangsa melalui pelaksanaan projek di bawah *Penang Transport Master Plan (PTMP)* dan *Penang South Islands (PSI)*. Dalam masa yang sama, pameran-pameran berkaitan projek PTMP dan PSR akan diteruskan sekiranya terdapat keperluan.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui *Penang Halal International (PHI)* telah menganjurkan acara tahunan iaitu *Penang International Halal Expo & Conference (PIHEC)* sejak tahun 2010. Acara ini merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri dalam memartabatkan industri halal tempatan ke persada pasaran industri halal global. Antara objektif penganjuran PIHEC ialah mewujudkan satu platform bagi usahawan untuk mempromosikan serta memasarkan produk makanan halal, kosmetik dan farmaseutikal, logistik, kewangan Islam dan perkhidmatan halal ke peringkat domestik dan antarabangsa.

PHI telah menganjurkan acara PIHEC pada 23 – 25 Jun 2023. PIHEC telah menyaksikan penyertaan delegasi dari Chile (*Halal Certification Centre of Chile*), Philippines (*Philippines Economic Zone Authority, Department of Trade and Industry*), Spain (*Instituto Halal, Spain*), Indonesia (*Ministry of Tourism of*

Indonesia, West Sumatra Tourism Board, Banyuwangi Central Region) dan China (Henan Provincial Government).

Pada tahun 2025, *Penang Waterfront Convention Centre (PWCC)* oleh pihak IJM akan sedia beroperasi bagi membuka peluang dalam penganjuran persidangan dan pameran bertaraf antarabangsa.

Pihak PICEB juga telah mendaftar sebagai ahli *Union of International Fairs (UFI)* dan ahli *Society for Incentive Travel Excellence (SITE)* untuk memelopori dua (2) segmen baharu ini. Selain daripada itu, sasaran promosi pasaran juga akan meningkat bagi kawasan Asia Pasifik, Eropah dan Amerika, di samping menggalakkan penyertaan dan penganjuran persidangan dan pameran oleh pemain industri tempatan bagi meningkatkan ekonomi Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri bersama-sama Kerajaan Persekutuan serta pemegang taruh akan bekerjasama dalam menganjurkan pelbagai pameran dan persidangan bagi menarik minat pelabur tempatan dan antarabangsa untuk melabur di Pulau Pinang.

25. Apakah rancangan Kerajaan Negeri terhadap penggunaan "EV charging" memandangkan kereta elektrik telah kian diperluaskan kegunaannya di pasaran? (a) Senaraikan lokasi stesen "EV charging" yang disediakan oleh Kerajaan. (b) Adakah Kerajaan Negeri akan mengutip bayaran daripada pemilik kenderaan termasuk motor elektrik yang menggunakan stesen EV yang dipasang oleh Kerajaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Selaras dengan Visi Penang2030 untuk menjadi 'Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara', Kerajaan Negeri sememangnya mempunyai perancangan untuk penggunaan kenderaan elektrik sebagai usaha ke arah mencapai bandar rendah karbon.

Untuk membantu meningkatkan kadar penggunaan kenderaan elektrik (*Electric Vehicle - EV*) di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri bukan sahaja akan menumpukan kepada kenderaan empat (4) roda, kenderaan dua (2) roda juga akan diberikan perhatian. Antara perancangan yang akan atau telah diambil oleh Kerajaan Negeri dalam memupuk peningkatan penggunaan EV adalah menyediakan stesen pengecasan kenderaan elektrik di lokasi-lokasi yang strategik di seluruh Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri juga banyak mengadakan program usaha sama dengan organisasi swasta untuk penerapan penggunaan kenderaan elektrik. Antaranya adalah bersama Rapid Penang untuk pelaksanaan *Electric Bus Fleet* di Pulau Pinang dalam masa terdekat. Selain itu, Kerajaan Negeri juga amat mengalu-alukan pemasangan infrastruktur tempat pengecasan kenderaan elektrik bagi projek-projek pembangunan baharu.

Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga telah memulakan perolehan kenderaan dan motosikal elektrik semenjak tahun 2015 bagi kegunaan penguatkuasaan di sekitar Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, sebelum penggunaan kenderaan elektrik dapat dilaksanakan secara komersial, satu dasar harus digubal terlebih dahulu dengan mengambil kira pelbagai aspek supaya kepentingan pengguna dapat diutamakan serta pihak pengeluar dan Kerajaan Negeri tidak mengalami kerugian.

- (a) Senarai lokasi EV *charging* yang disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri melalui MBPP adalah seperti berikut:
- (i) Astaka Persiaran Gurney (Parkir motosikal awam);
 - (ii) Kompleks Makanan Medan Renong, Padang Kota Lama;
 - (iii) 1st Avenue Mall (Parkir motosikal awam) ;
 - (iv) Kompleks MBPP Lebuhraya Pantai (Parkir motosikal awam);

- (v) Kompleks Desiran Tanjung, Tanjong Tokong (Parkir motosikal awam);
- (vi) Astaka Batu Lanchang (Parkir motosikal awam);
- (vii) Kompleks Sri Selera Bayan Baru;
- (viii) Bukit Jambul Kompleks (Parkir motosikal awam); dan
- (ix) Kompleks Bukit Gedung (Parkir motosikal awam).

(b) Buat masa ini, Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk mengenakan sebarang bayaran bagi stesen pengecas motosikal elektrik yang telah dipasang.

26. Komuniti murid-murid / pelajar menghadapi masalah kekurangan tempat sesuai untuk belajar atau membuat kerja sekolah kerana saiz rumah flat di Pengkalan Kota adalah kecil dan dihuni sekeluarga besar. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina perpustakaan maya (*digital library*) di kawasan Pengkalan Kota yang berdensiti tinggi populasinya dalam jangka masa terdekat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Kerajaan Negeri telah membangunkan *Penang Digital Library* (PDL) yang pertama di Jalan Masjid Negeri, Daerah Timur Laut (DTL) pada Oktober 2016. PDL Fasa 2 pula telah dibangunkan berhampiran dengan PDL sedia ada memandangkan terdapat bangunan sedia ada yang kosong dan terbiar dan atas permintaan orang ramai bagi menampung lebih ramai pengguna. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah membangunkan sebuah PDL di Daerah Barat Daya (DBD) yang dikenali sebagai *Batu Maung Digital Library* (BMDL), terletak dalam Bangunan Southbay Plaza, Batu Maung, di mana ia telah mula beroperasi sejak 9 November 2019.

Manakala, bagi kawasan Seberang Perai, *Butterworth Digital Library* (BDL) telah dibangunkan di Daerah Seberang Perai Utara (SPU) pada 17 Oktober 2020 bagi membolehkan penduduk di kawasan Seberang Perai mendapat peluang untuk menggunakan perkhidmatan perpustakaan digital.

Kesemua PDL telah dibangunkan di bangunan lama yang telah terbengkalai, di mana PDL Fasa 1 dan Fasa 2 telah dibangunkan dengan mengubah suai dan menambah baik bangunan kuarters kerajaan yang telah terbengkalai lama. Manakala, bangunan Dewan Ria Kampung Benggali, Butterworth yang asalnya sebuah bangunan terbiar milik Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah diubah suai kepada PDL yang memberi manfaat kepada masyarakat.

Pada masa kini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang cadangan untuk membangunkan perpustakaan digital tambahan memandangkan konsep 'Perpustakaan Digital' adalah penggunaan atau akses bahan bacaan elektronik melalui sistem dari mana-mana lokasi atau bangunan. Misalnya, *Makerspace* yang terletak di Balik Pulau mempunyai satu ruang yang dikhaskan sebagai perpustakaan digital. Namun, Kerajaan Negeri sentiasa terbuka untuk menerima pandangan dan cadangan daripada mana-mana pihak untuk membangunkan perpustakaan digital yang baharu di mana-mana lokasi yang bersesuaian, sekiranya terdapat keperluan mendesak, tertakluk kepada kemampuan kewangan semasa Kerajaan Negeri.

Berkaitannya juga, Kerajaan Negeri melalui *Chief Minister Incorporated* (CMI) telah meneliti beberapa lokasi yang dilihat sesuai untuk disediakan sebuah ruang sebagai perpustakaan digital bagi kegunaan komuniti di sekitar kawasan tersebut iaitu di Armenian Park yang terletak di George Town dan pejabat *Penang Youth Development Corporation* (PYDC). Selain itu, dicadangkan juga supaya sebuah ruang disediakan khas untuk tujuan perpustakaan digital dalam projek *Makerspace* di Taman Harapan S.P Chellia oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Pentadbiran CMI juga mencadangkan supaya penyediaan dan pengoperasian perpustakaan digital ini

dilaksanakan dengan kerjasama syarikat/agensi swasta secara *Public-Private Partnership* (PPP) bagi mengurangkan kebergantungan peruntukan Kerajaan Negeri.

27. Apakah status terkini program pencerahan perhentian bas?
- (a) Berapakah perbelanjaan akan digunakan untuk program ini dan berapa perhentian bas akan dimanfaatkan daripada program ini?
 - (b) Nyatakan berapa perhentian bas yang kini berbumbung dan tidak berbumbung di negeri ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Status terkini program pencerahan perhentian bas di Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Sebanyak 332 daripada 923 buah perhentian bas telah dilaksanakan program pencerahan di kawasan Pulau; dan
 - (ii) Sebanyak 155 daripada 1,177 buah perhentian bas telah dilaksanakan program pencerahan di kawasan Seberang Perai.
- (a) Bagi tahun 2023, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah membelanjakan sebanyak RM120,000.00 untuk memasang lampu di 30 buah perhentian bas dan juga memperuntukan sebanyak RM74,000.00 untuk pembinaan empat (4) buah pondok perhentian bas termasuk pemasangan lampu pada tahun 2024. Bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pula, tiada peruntukan khusus untuk program pencerahan perhentian bas ini.

Selain itu, kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga telah menjalankan usaha-usaha berterusan bagi melaksanakan program pencerahan perhentian bas yang baharu dan sedia ada dari masa ke semasa dengan mensyaratkan dalam pelan Kebenaran Merancang bagi tujuan naik taraf perhentian bas kepada pihak pemaju pembangunan yang terlibat termasuk menjalankan usahasama dengan syarikat-syarikat penaja melalui *Request For Proposal* (RFP) bagi membina dan menaik taraf perhentian bas di seluruh Pulau Pinang.

Jumlah bilangan perhentian bas berbumbung adalah sebanyak 600 buah dan yang tidak berbumbung adalah sebanyak 323 buah di kawasan Pulau, manakala di kawasan Seberang Perai pula, jumlah bilangan perhentian bas berbumbung adalah sebanyak 1,157 buah dan tidak berbumbung adalah sebanyak 20 buah.

28. Nyatakan rancangan pembangunan 'Penang Art District' (PAD).
- (a) Adakah ia akan dikekalkan di tempat asal sepanjang Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu yang bakal menjadi stesen LRT atau akan dialihkan ke satu tempat lain bagi PAD ini?
 - (b) Berapakah bajet yang Kerajaan Negeri akan salurkan untuk menjayakan PAD ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Pejabat *Penang Art District* (PAD) kini dalam perancangan untuk dipindahkan ke lokasi yang dimiliki oleh Kerajaan.

Berkenaan pembinaan yang disebutkan sebelum ini di Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu, tiada kemaskini terkini pada masa ini.

Konsep pembangunan serta bajet untuk Projek *Penang Art District* masih belum dimuktamadkan.

29. Apakah status laluan basikal di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu (projek The Light)?
- (a) Apakah laluan alternatif yang selamat untuk berulang alik ke Persiaran Karpal Singh dan Queensbay Mall?
 - (b) Bilakah laluan basikal ini akan dibuka semula untuk tujuan rekreasi yang selamat dan bila kerja-kerja naik taraf jalan oleh IJM akan disiapkan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Status laluan basikal sedia ada di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu (Projek The Light) telah ditutup oleh pihak IJM pada 18 Mac 2023. Laluan basikal ini ditutup dan tidak dapat digunakan oleh orang awam bermula dari Persiaran Karpal Singh sehingga ke Queensbay Mall dan ke Jambatan Kedua Pulau Pinang.
- (a) Laluan basikal sedia ada ditutup kerana kawasan laluan basikal tersebut terlibat dengan kerja-kerja pembinaan tiang tanjakan berarah (*directional ramp*) dan pelebaran jalan oleh pihak IJM. Sebagai alternatif, pihak IJM telah membuka laluan basikal sementara sepanjang 1.65km di sebelah Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu kepada orang awam bermula pada 15 Oktober 2023 untuk berulang alik dari Persiaran Karpal Singh ke Queensbay Mall.
 - (b) Laluan basikal di sepanjang persiaran kawasan pembangunan *The Light Waterfront* menghadap laut (*promenade*) akan dibuka sepenuhnya dan selamat digunakan untuk tujuan rekreasi yang pada pertengahan tahun 2025 manakala kerja-kerja naiktaraf jalan di kawasan tersebut juga di jangka akan siap sepenuhnya pada pertengahan tahun 2025.
30. Projek *Bike Sharing System* atau dikenali sebagai '*Link Bike*' disambut baik oleh orang tempatan dan pelancong. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk memperluaskan projek ini termasuk penambahan bilangan basikal dan stesen basikal bagi memastikan perkhidmatan mikro mobiliti ini dapat menampung sistem pengangkutan jarak pertama dan terakhir?

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dengan kerjasama Link Bike (*Fast Rent Bike (PG) Sdn. Bhd.*) melalui perjanjian kontrak telah menyediakan stesen basikal *Link Bike* di kawasan-kawasan strategik tumpuan orang ramai dan pelancong asing. Setakat ini, jumlah keseluruhan stesen *Link Bike* yang telah dibina adalah sebanyak 29 buah dengan penyediaan sebanyak 250 buah basikal. Pada masa kini, kesemua stesen *Link Bike* tersebut beroperasi dengan sepenuhnya. Sekiranya ada keperluan tambahan, Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan untuk memperluaskan projek ini.

IV. Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan a/l Aramugam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Pulau Pinang di bawah Kerajaan Negeri dan PBT menyediakan pelbagai kemudahan asas dan infrastruktur demi keperluan dan kepentingan rakyat. Kita bangga kerana mempunyai kemudahan infrastruktur kelas pertama tetapi penyelenggaraan amat keterbelakangan.
 - (a) Apakah usaha yang diambil oleh pihak berwajib untuk memastikan semua infrastruktur ini sentiasa berada dalam keadaan selamat digunakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui semua pihak berwajib untuk memastikan semua infrastruktur ini sentiasa berada dalam keadaan selamat digunakan adalah seperti berikut:
 - (i) Menempatkan kakitangan untuk membuat pemantauan dan laporan harian di premis/kemudahan asas/infrastruktur milik Kerajaan Negeri;
 - (ii) Merancang pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan *minor* atau *major* berdasarkan penilaian keadaan semasa premis/kemudahan asas/infrastruktur di tapak;
 - (iii) Membuat pemeriksaan secara berkala berhubung struktur dan keupayaan sistem mekanikal dan elektrik bagi sesuatu premis/kemudahan asas/infrastruktur untuk memastikan ia berada dalam keadaan selamat dan dapat berfungsi secara optimum;
 - (iv) Memohon peruntukan kepada Kerajaan Persekutuan bagi menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan menaiktaraf premis/kemudahan asas/infrastruktur;
 - (v) Menyediakan kontrak tahunan bagi menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan premis/kemudahan asas/infrastruktur mengikut kawasan;
 - (vi) Melantik pihak ketiga sebagai pengurus premis/kemudahan asas/infrastruktur, dimana pengurus tersebut akan bertanggungjawab mengawal dan menyediakan jadual pengoperasian premis/kemudahan asas/infrastruktur;
 - (vii) Menggunapakai peralatan dan bahan binaan yang lebih tahan lasak, berkualiti dan kukuh dalam proses pembinaan premis/kemudahan asas/infrastruktur; dan
 - (viii) Menyediakan platform kepada rakyat bagi menyalurkan sebarang maklumat, maklum balas dan aduan terhadap premis/kemudahan asas/infrastruktur.
2. Apakah usaha jangka panjang dan jangka pendek yang diambil untuk mengurangkan atau mengatasi kesesakan jalan raya yang juga disebabkan oleh kerja-kerja pembinaan rangkaian jalan raya baharu di negeri Pulau Pinang di bawah 'Penang Transport Master Plan' terutamanya di waktu puncak?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Buat masa ini salah satu komponen projek jalan raya di bawah *Penang Transport Master Plan* (PTMP) yang sedang dijalankan adalah projek Pakej 2 iaitu Jalan Pintasan Dari Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu Ke Ayer Itam. Antara usaha jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kesesakan jalan raya adalah seperti berikut:

Jangka Masa Pendek

- (i) Membuka laluan alternatif di persimpangan utama bagi tujuan penyuaian trafik;
- (ii) Menempatkan *flagman* di sepanjang masa untuk mengawal lalu lintas di kawasan pembinaan bagi memastikan kelancaran trafik terutamanya di kawasan lencongan;
- (iii) Pemantauan berterusan daripada pihak *Emergency Response Team* bagi memastikan tiada halangan di sepanjang kawasan pembinaan; dan
- (iv) Membuat hebahan media cetak / elektronik kepada pejabat ADUN kawasan, penduduk sekitar dan pengguna jalan raya bagi setiap penutupan jalan ataupun lencongan yang diwujudkan.

Jangka Masa Panjang

- (i) Perbincangan dengan pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk menyelaraskan sistem lampu isyarat yang berkenaan supaya lebih efektif;
 - (ii) Mempercepatkan proses pembinaan projek ini terutamanya di kawasan yang mempunyai aliran trafik yang tinggi seperti di Lebuhraya Thean Teik;
 - (iii) Meneruskan perancangan dan pelaksanaan semua rangkaian lebuhraya dan jalan raya di bawah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) serta menambahbaik infrastruktur jalan raya dan persimpangan jalan sedia ada;
 - (iv) Memperkukuhkan strategi pengangkutan yang komprehensif, cekap dan bersepadu bermatlamat untuk mencapai penggunaan pengangkutan awam dan kenderaan persendirian masing-masing pada kadar 40% dan 60%;
 - (v) Melanjutkan pembiayaan perkhidmatan pengangkutan awam percuma bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam berbanding kenderaan persendirian;
 - (vi) Mempelbagaikan mod sistem pengangkutan dan perkhidmatan seperti LRT, bas, e-hailing, feri dan teksi air; dan
 - (vii) Melaksanakan sistem pengangkutan awam wilayah berintegrasi yang berpusat di Penang Sentral, Butterworth melibatkan semua jenis pengangkutan awam seperti bas, teksi, feri dan keretapi.
3. Apakah status terkini projek LRT Pulau Pinang?
- (a) Adakah proses bidaan tender telah dibuat dan jelaskan prosedur peringkat tersebut?
 - (b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memberi peluang kepada kontraktor-kontraktor tempatan mengambil bahagian dalam projek LRT ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Pada masa ini, pelaksanaan projek LRT sedang menunggu keputusan Kementerian Pengangkutan bagi memuktamadkan kaedah pelaksanaan dan perincian teknikal, iaitu dari segi jajaran dan lokasi stesen LRT.
- (a) Proses bidaan tender atau sebarang prosedur berkaitan tidak dapat ditentukan sehingga Kementerian Pengangkutan memuktamadkan kaedah pelaksanaan dan perincian teknikal.
- Kerajaan Negeri akan memohon untuk mempertimbangkan peluang kepada kontraktor-kontraktor tempatan kepada Kementerian Pengangkutan yang akan menjadi pemilik projek LRT ini tetapi ia bergantung kepada keputusan pemilik projek kelak.

4. Saya menyambut baik usaha Kerajaan Madani ke arah membantu golongan ibu / bapa tunggal untuk menempuh pelbagai cabaran hidup.
- (a) Apakah usaha-usaha proaktif yang dicadangkan untuk membantu golongan ini terutamanya di negeri yang pesat membangun seperti Pulau Pinang?
 - (b) Dari segi kerjaya, nyatakan perancangan atau program Kerajaan Negeri untuk golongan ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Kerajaan melalui pelbagai medium telah memperkenalkan skim-skim bantuan kepada kumpulan sasar yang memerlukan supaya dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan sempurna. Skim-skim ini diwujudkan untuk membantu rakyat ke arah pemulihan, pencegahan, pembangunan dan pengintegrasian. Antara usaha-usaha utama yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah seperti berikut:
- (i) Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES);
 - (ii) Bantuan Membaiki Rumah;
 - (iii) Bantuan Bencana; dan
 - (iv) Tabung Bantuan Segera.

Selain ini, Kerajaan Persekutuan turut menyediakan skim-skim bantuan kepada rakyat Malaysia yang berkeperluan. Antara bantuan-bantuan Kerajaan Persekutuan yang disampaikan melalui Jabatan Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:

- (i) Bantuan Persekutuan;
- (ii) Bantuan Kanak-kanak;
- (iii) Bantuan Warga Emas;
- (iv) Elaun Orang Kurang Upaya;
- (v) Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja;
- (vi) Penjagaan OKU: Terlantar/ Pesakit Kronik Terlantar;
- (vii) Bantuan Anak Pelihara;
- (viii) Bantuan Mangsa Serangan Binatang;
- (ix) Geran Pelancaran;
- (x) Bantuan Alat Tiruan/ Sokongan; dan
- (xi) Tabung Bantuan Segera.

Bantuan-bantuan ini turut melibatkan ibu/ bapa tunggal sekiranya mereka menepati syarat sesuatu skim bantuan tersebut. Selain ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut memberikan sumbangan penghargaan sebanyak RM100.00 kepada ibu tunggal dan suri emas di Negeri Pulau Pinang yang berbilang agama, kaum dan latar belakang sosioekonomi melalui Program i-Sejahtera.

- (b) Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) telah menjalankan program *Penang Women Entrepreneur Mentoring Programme* (PWEMP) & Wanita Jana Rezeki (WJR) yang memberi fokus kepada pembangunan usahawan wanita termasuk ibu tunggal. Ianya dapat membantu wanita terutamanya ibu tunggal menjana pendapatan keluarga dengan lebih efektif dan efisien.

Antara 2 program utama yang telah berjaya memanfaatkan golongan wanita adalah:

(i) **Program Wanita Jana Rezeki**

Sejumlah 49 peserta wanita B40 telah berjaya menjalankan aktiviti keusahawanan yang mampan dalam pasaran semasa melalui program ini sejak tahun 2020. Pada tahun ini, program ini telah menerima 2 orang ibu tunggal dalam memajukan perniagaan mereka.

(ii) **Penang Women Entrepreneurship Mentoring Programme (PWEMP)**

Penyertaan wanita dalam program PWEMP sehingga kini adalah 293 usahawan wanita dan mereka telah berjaya menimba ilmu keusahawanan bersama mentor-mentor yang berpengalaman dalam bidang tertentu. Daripada 63 peserta PWEMP 2023, 6 orang usahawan adalah ibu tunggal.

Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Pulau Pinang (PPWNPP) juga menyediakan pelbagai program dan latihan di bawah Modul Wanita dan Ekonomi di lima (5) Lawan Wanita (pusat latihan) yang terdapat di Pulau Pinang. Program ini memberi tumpuan kepada penjanaan pendapatan kepada golongan ibu tunggal dan suri rumah. Antara program yang dianjurkan adalah seperti Program kraf tangan, jahitan, seni kreatif dan kelas masakan yang diadakan secara berkala dengan kadar yuran yang mampu dibayar iaitu bawah RM50.00 setiap kelas.

Sehingga September 2023, PPWNPP telah menganjurkan lebih daripada 190 kelas/ program penjanaan pendapatan di bawah Modul Wanita dan Ekonomi.

Selain ini, laman sesawang Pusat CAT menjadi satu titik tumpuan kepada majikan dan juga pencari kerja. Melalui perkhidmatan percuma laman sesawang Pusat CAT ini, pihak majikan dapat mempromosi peluang pekerjaan yang ditawarkan manakala pencari kerja termasuk golongan ibu/ bapa tunggal juga dapat memohon pekerjaan menerusi laman sesawang tersebut.

Bagi individu yang kehilangan pekerjaan, mereka boleh membuat permohonan untuk mendapatkan Skim Insurans Pekerja dan akan memperoleh ID *MyFutureJobs* secara automatik. Seorang *caseworker* akan ditugaskan untuk mengendalikan setiap pencari kerja.

Kerajaan Negeri juga bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dalam mewujudkan peluang pekerjaan dan keusahawanan baharu di wilayah ini melalui inisiatif Penggalakan Kemasukan Pelaburan Asing/ Domestik serta meneruskan pelaksanaan Program Pembangunan Modal Insan Bersepadu Berteraskan Rakyat yang boleh memanfaatkan golongan ibu/ bapa tunggal.

5. Sejak kebelakangan ini, masalah pembersihan, kutipan sampah dan kualiti perkhidmatan kontraktor tidak memuaskan di KADUN Batu Uban.
- (a) Sudahkah Kerajaan Negeri mengenal pasti punca masalah ini?
 - (b) Apakah tindakan yang telah dilakukan setakat ini agar perkara ini tidak berulang?
 - (c) Nyatakan hasil siasatan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah mengenal pasti punca masalah pembersihan, kutipan sampah dan kualiti perkhidmatan kontraktor yang tidak memuaskan di KADUN Batu Uban berpunca daripada kegagalan syarikat dalam menyediakan keperluan jentera yang mencukupi.

- (a) Bagi memastikan perkara ini tidak berulang, MBPP telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:
 - (i) Perkhidmatan pemungutan sampah di kawasan tersebut diambil alih sepenuhnya oleh MBPP;
 - (ii) Menambah tenaga pekerja;
 - (iii) Membeli jentera serta penyewaan jentera bagi memastikan operasi perkhidmatan pemungutan sampah berjalan dengan lancar; dan
 - (iv) Mengiklankan tender perkhidmatan pemungutan sampah secara berperingkat.

MBPP juga mempertimbangkan rayuan penyambungan semula dua (2) syarikat yang telah ditamatkan untuk meneruskan perkhidmatan. Syarikat Nava Service Sdn Bhd telah menyambung semula perkhidmatan pemungutan sampah di kawasan Parlimen Bukit Gelugor yang meliputi kawasan DUN Air Itam dan DUN Seri Delima mulai 1 Oktober 2023 manakala Syarikat Excel Strength Venture Sdn Bhd di Zon Parlimen Bayan Baru yang meliputi kawasan DUN Batu Uban dan DUN Pantai Jerejak telah bermula 1 November 2023.

Hasil siasatan MBPP mendapati bahawa kelewatan penerimaan kenderaan baharu adalah punca utama yang menjejaskan operasi dua (2) syarikat ini dan perkara tersebut adalah di luar kawalan syarikat tersebut. Hasil penelitian menunjukkan bahawa kelewatan penerimaan kenderaan baharu telah berlaku kerana lima (5) syarikat daripada lantikan baharu telah membuat tempahan sebanyak 73 unit jentera baharu dari pembekal jentera yang sama secara serentak. Masalah kelewatan dalam penerimaan jentera baharu telah dialami oleh kesemua 8 syarikat yang dilantik mulai 1 Januari 2023.

- 6. Pelbagai usaha daripada Kerajaan Negeri telah membantu mengekalkan Pulau Pinang sebagai perintis dan peneraju dalam pelbagai bidang, yakni pembangunan pesat negeri dari segi sosio-ekonomi, pekerjaan, pelaburan, membasmi kemiskinan, penglibatan wanita dan belia.
 - (a) Senaraikan perancangan Kerajaan Negeri yang akan diteruskan sebagai agenda utama agar tidak terputus kesinambungan ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 6. (a) Terdapat pelbagai perancangan Kerajaan Negeri untuk mengekalkan Pulau Pinang sebagai perintis dan peneraju dalam pelbagai bidang, yakni pembangunan pesat negeri dari segi sosioekonomi, pekerjaan, pelaburan, pembasmian kemiskinan serta penglibatan wanita dan belia iaitu:

Pulau Pinang sebagai perintis dan peneraju dalam bidang pelaburan.

- (1) Memastikan Pulau Pinang mencapai sasaran untuk menjadi negeri yang berorientasikan Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (*Environmental, Social and Governance*).

Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan pelabur-pelabur untuk mengamalkan konsep hijau apabila mereka ingin membina kilang baharu atau pengubahsuaian bagi kilang sedia ada. Konsep hijau yang dimaksudkan ini adalah seperti reka bentuk bangunan yang menerapkan ciri-ciri Indeks Bangunan Hijau, bangunan ala kampus, sistem penuaian hujan, sistem pengudaraan semula jadi, penanaman pokok-pokok di sekitar kawasan kilang dan mengamalkan aktiviti kitar semula

- (2) Membangunkan taman-taman perindustrian baharu bertaraf antarabangsa melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

- (3) Pembangunan taman-taman perindustrian baharu seperti Taman Teknologi Bandar Cassia (*Bandar Cassia Technology Park*), Batu Kawan Timur (*East Batu Kawan*) dan Taman Sains Pulau Pinang Penang Selatan (*Penang Science Park South*) sedang giat dirancang dan dibangunkan. Taman-taman perindustrian baharu ini akan meningkatkan jumlah kawasan perindustrian melebihi 800 ekar bagi menampung jumlah permintaan tanah perindustrian yang tinggi oleh pelabur asing dan tempatan. Para pelabur baharu boleh memulakan projek pembinaan kilang mereka di Taman Teknologi Bandar Cassia seawal suku ketiga tahun 2023.
- (4) Memperkasakan promosi pelaburan yang menyasarkan pelabur baharu di luar negara serta pelabur sedia ada yang ingin mengembangkan operasi di Pulau Pinang.
- (5) Pada tahun 2023, terdapat beberapa siri mesyuarat secara bersasar telah diadakan di Singapura, Kesatuan Eropah, China dan Korea Selatan. Mesyuarat-mesyuarat ini memberi tumpuan kepada syarikat baharu yang mempunyai cadangan pelaburan dan syarikat sedia ada serta cadangan pengembangan perniagaan di Pulau Pinang. Negara-negara berpotensi seperti Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah, Jepun dan Taiwan sedang dalam pertimbangan untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan untuk melabur.
- (6) Memantapkan pelaksanaan *Hand Holding Program* oleh InvestPenang. Pelabur baharu yang ingin beroperasi di Pulau Pinang akan diberikan khidmat nasihat, sokongan dan fasilitasi untuk memudahkan penubuhan syarikat perniagaan, mendapatkan lesen-lesen yang berkaitan, membina/menyewa bangunan kilang yang baharu dan memulakan operasi pengilangan. Ini adalah untuk memastikan kemudahan proses menjalankan perniagaan (*ease of doing business*) di Pulau Pinang kekal tinggi berbanding dengan pesaing-pesaing yang lain seperti Singapura, Vietnam, Thailand, Indonesia dan sebagainya.
- (7) Menjadikan Pulau Pinang sebagai salah satu hab global dalam pelbagai bidang industri berteknologi tinggi.
- (8) Selain daripada memfokuskan kepada industri elektrik dan elektronik yang sedia ada, Kerajaan Negeri akan memberi fokus dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai hab teknologi perubatan (*medical technology*), membangunkan rantaian bekalan (*supply chain*) untuk peralatan pembuatan bahagian hadapan (*front-manufacturing equipment*) dan menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan dan reka bentuk dan pembangunan di Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri juga membantu dan menggalakkan lebih banyak syarikat tempatan terlibat dalam rantaian nilai global untuk menggerakkan rantaian nilai (*move up the value chain*) serta memantapkan ekosistem yang sedia ada.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga memupuk program penyelidikan dan pembangunan, penggunaan teknologi dan inovasi terutamanya yang berkaitan dengan aspek pendigitalan kerana langkah ini mampu mengubah struktur perindustrian bernilai tinggi, mampan dan memberi manfaat kepada peningkatan pekerjaan mahir serta pendapatan.

- ii. Pulau Pinang sebagai perintis dan peneraju dalam pembangunan sumber manusia, peningkatan sosioekonomi dan sekali gus membasmi kemiskinan rakyat.
1. Kempen "*My Penang, My Workplace*"

Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Pusat *Career Assistance and Talent* (CAT) memainkan peranan untuk meningkatkan pertumbuhan sumber manusia

melalui kempen “*My Penang, My Workplace*” yang bertujuan untuk membantu dalam meningkatkan pendapatan golongan yang sedang mencari pekerjaan. Antara usaha- usaha lain adalah melalui peranan Pusat CAT dalam memberi khidmat fasilitasi untuk padanan kerja (*job matching*) iaitu seperti berikut:

- (a) *Outreach Program* bersama Institusi Pengajian Tinggi bagi memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar dan juga pencari kerja di Malaysia tentang peluang- peluang pekerjaan yang terdapat di Pulau Pinang;
 - (b) Pengurus Projek kepada program subsidi latihan industri iaitu “*Penang Internship Subsidy Program*” (PISP) yang merupakan salah satu peluang bagi pelajar untuk mengikuti program latihan industri di syarikat-syarikat yang berkeelayakan sambil mendapatkan pengalaman dan menikmati kadar elaun bulanan yang berpatutan;
 - (c) Sekretariat kepada program biasiswa “*Penang Future Foundation*” (PFF) yang merupakan program biasiswa yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada rakyat Malaysia yang cemerlang dan layak untuk melanjutkan pengajian di Malaysia. Ini adalah salah satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai hab bakat. PFF terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang layak dan keutamaan diberikan kepada belia yang cemerlang dan layak, tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan. Setelah berjaya menamatkan pengajian sarjana yang ditaja, pemegang biasiswa dikehendaki bekerja di Pulau Pinang dalam organisasi pilihan mereka, sama ada di sektor swasta atau awam;
 - (d) Perkongsian kekosongan jawatan melalui laman sesawang dan media sosial;
 - (e) Pusat CAT dan TalentCorp bekerjasama mempromosikan “*MyNext, Career Comeback*” dan lain-lain melalui *Facebook* Pusat CAT; dan
 - (f) Kerjasama dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk membantu memberi peluang pekerjaan melalui program-program, insentif kewangan, latihan, kaunseling dan lain-lain.
2. Bagi industri perkhidmatan dan ekonomi digital, InvestPenang telah bekerjasama dengan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Penang Skills Development Centre (PSDC) dan Kumpulan Fokus GBS Pulau Pinang dengan menubuhkan Penang GBS Industry Academy (PGIA) pada tahun 2022. Akademi ini menawarkan peluang peningkatan kemahiran dan melatih semula individu bagi memberi nilai tambah serta melengkapkan mereka dengan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya dalam pekerjaan berasaskan teknologi yang amat diperlukan kini khususnya dalam bidang seperti sains data, pembangunan perisian, keselamatan siber dan sebagainya. Ini secara tidak langsung dapat membantu Kerajaan Negeri melahirkan lebih ramai bakat baharu pada masa hadapan dan meningkatkan tahap kebolehpasaran individu di negeri ini.
 3. Memastikan keperluan prasarana disediakan khusus untuk para pelabur baharu dan sedia ada dengan terus melabur dan membangunkan *Penang Cybercity*. Kerajaan Negeri telah meletakkan komitmen yang teguh terhadap evolusi infrastruktur dalam membentuk landskap pelaburan di negeri ini. Sehingga kini, 11 buah fasiliti pejabat dan prasarana telah dibina untuk memenuhi permintaan syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri ekonomi digital. Antaranya ialah GBS@Mayang dan GBS@Mahsuri oleh Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Negeri Pulau Pinang (PDC) dan beberapa projek swasta seperti One Precinct, Livingston Tower dan sebagainya. Selain itu, PDC juga sedang dalam pembinaan dua (2) bangunan pejabat iaitu “*GBS By The Sea*” dan “*GBS Tech Space*” yang terletak di Bayan Lepas. Kedua-dua bangunan pejabat ini bakal menyediakan luas lantai sebanyak 360,000 kaki persegi, dilengkapi lebih

daripada 800 plot parkir kereta bertingkat. Fasiliti yang dijangka siap pada penghujung tahun 2024 ini akan membuka tambahan lebih kurang 2,000 sehingga 3,000 peluang pekerjaan baharu.

4. Selain itu, sistem pengangkutan yang holistik mampu menjana pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan taraf kehidupan penduduk Pulau Pinang. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri terus komited untuk memperkasakan pengangkutan awam dengan meneruskan pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang – *Penang Transport Master Plan* (PTMP). Justeru, Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM10.0 bilion bagi pelaksanaan Projek *Light Rail Transit* (LRT) Pulau Pinang ke Seberang Perai dengan kaedah kerjasama awam swasta adalah amat dialu-alukan oleh Kerajaan Negeri yang akan meningkatkan kualiti hidup rakyat Pulau Pinang dari segi liputan pengangkutan awam, perkhidmatan dan hubungan antara kawasan kejiranan.
5. Melalui pelaksanaan Projek *Penang South Reclamation* (PSR) yang kini dikenali sebagai *Penang South Islands* (PSI), dijangkakan pelaburan dalam bidang baharu akan meningkat dan dapat merealisasikan impian untuk rakyat hidup di dalam persekitaran yang bersih, hijau dan selamat. Peluang pekerjaan baharu juga akan terbuka luas untuk rakyat. Kerajaan Negeri berhasrat untuk mempertingkatkan mutu hidup komuniti nelayan melalui projek ini. Pelbagai faedah dan bantuan akan diberikan kepada komuniti di sekitar selatan Pulau Pinang terutamanya komuniti nelayan termasuk peluang menceburi bidang-bidang ekonomi yang baharu seperti akuakultur, perikanan laut dalam, perikanan rekreasi dan lain-lain lagi.
- iii. Pulau Pinang sebagai perintis dan peneraju dalam memperkasakan golongan wanita dan belia.

Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) telah mewujudkan beberapa program bagi memperkasakan golongan belia iaitu seperti berikut:

- (1) Program Sidang Muda yang menawarkan pengalaman dalam proses pembuat polisi secara konstruktif dan holistik;
- (2) Program Sukarelawan Belia Pulau Pinang telah dibangunkan pada tahun 2020 dan bagi tahun 2024, disasarkan pendaftaran baharu seramai 4,000 orang sukarelawan belia;
- (3) Program Pembangunan Belia Luar Bandar diwujudkan bagi membantu golongan belia dikawasan luar bandar dalam usaha meningkatkan akses kepada pendidikan, peluang pekerjaan, teknologi, perumahan, dasar-dasar dan skim-skim kerajaan sama ada kerajaan tempatan, negeri ataupun persekutuan serta mempromosikan keusahawanan di kawasan luar bandar;
- (4) Skim Insentif Kecemerlangan Bakat Muda Pulau Pinang - BEST! Anak Penang merupakan skim insentif dengan tujuan memberi dorongan positif dan penghargaan kepada belia Pulau Pinang yang melonjakkan nama Negeri Pulau Pinang dalam kejohanan berbentuk akademik atau kokurikulum (selain sukan) di peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Dua (2) majlis penyampaian skim insentif telah dirancang pada tahun 2024 dan dijangka seramai 300 orang belia akan menerima insentif ini; dan
- (5) Pertandingan Keusahawanan Belia (*Youth Entrepreneurship Challenge*) telah diadakan pada setiap tahun bagi melahirkan lebih ramai usahawan belia Pulau Pinang.

7. Apakah kedudukan masalah penuaan di negeri Pulau Pinang iaitu 'ageing population'?
- (a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri selain membantu masalah gelandangan dalam kalangan warga emas?
 - (b) Apakah usaha atau cadangan serta pelan tindakan untuk membantu dan memanfaatkan pengalaman warga emas ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Menurut *United Nations World Population Prospects 2019: Methodology of the United Nations population estimates and projections*, negeri menua adalah sebuah negeri yang mempunyai 7% orang yang berumur 65 tahun dan ke atas daripada jumlah penduduk.

Berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia, komposisi penduduk Malaysia yang berumur 60 tahun dan lebih serta yang berumur 65 tahun dan lebih mencatatkan peningkatan pada setiap tahun. Berdasarkan unjuran penduduk 2010-2040, Malaysia dijangka mengalami penuaan penduduk pada 2030 dengan penduduk berumur 60 tahun dan lebih melebihi 15% daripada jumlah keseluruhan penduduk. Pada tahun 2023, penduduk berumur 60 tahun dan lebih telah meningkat kepada 3.8 juta orang (11.3%) berbanding 3.6 juta orang (11.1%) pada tahun 2022.

Pulau Pinang adalah antara negeri menua kerana peratusan penduduk berumur 65 tahun dan ke atas di Pulau Pinang adalah sebanyak 7.7%.

Sumber: Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia, 2023 - Jabatan Perangkaan Malaysia.

- (a) Selain membantu masalah gelandangan di kalangan warga emas, JKM turut menawarkan perkhidmatan di Bahagian Warga Emas untuk membantu pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam mewujudkan pusat aktiviti yang boleh menghimpunkan warga emas bersama dengan golongan yang lebih muda dari pelbagai bangsa dan latar belakang serta menjalankan aktiviti yang bersesuaian di situ.

Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) ialah tempat bagi warga emas menjalankan aktiviti harian dalam komuniti. Ia merupakan satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial (*reaching out*) dan pembangunan kepada warga emas melibatkan kerjasama strategik antara Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat dengan agensi kerajaan yang lain serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Pelbagai aktiviti / program disediakan di PAWE seperti berikut:

- (i) Program keagamaan;
- (ii) Program rekreasi;
- (iii) Program terapi dan pemulihan;
- (iv) Program ceramah kesihatan; dan
- (v) Latihan atau kursus yang bersesuaian

Warga Emas yang berminat menjadi ahli boleh mengisi borang pendaftaran ahli di PAWE berhampiran dengan tempat tinggal mereka. Setakat ini terdapat enam (6) buah PAWE di Pulau Pinang iaitu PAWE Bukit Mertajam, PAWE Sungai Dua, PAWE Permatang Pauh, PAWE Bayan Baru, PAWE Balik Pulau dan PAWE Batu Kawan.

Bagi isu kesihatan, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang juga menyediakan perkhidmatan kesihatan warga emas di klinik kesihatan meliputi saringan kesihatan dan juga rawatan kepada warga emas yang mempunyai penyakit.

- (b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang peka terhadap perubahan demografi yang berlaku bagi negeri ini dan telah mengambil langkah-langkah proaktif dalam menghadapi situasi ini dengan melancarkan Pelan Hala Tuju Penuaan Aktif pada tahun 2022 bagi mengiktiraf dan memperkasakan warga emas sebagai aset pembangunan negeri. Pelan ini merangkumi beberapa aspek perancangan seperti berikut:
- (i) Pelaksanaan program dan kempen untuk meningkatkan kesedaran tentang penuaan aktif;
 - (ii) Jaringan kerjasama melibatkan agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam usaha mempromosikan penuaan aktif;
 - (iii) Membuat kajian dan penyelidikan dalam mengenal pasti jurang serta kekangan yang sedia ada melalui pengumpulan data;
 - (iv) Penggubalan dasar yang mampan dengan bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan sosial, fizikal dan psikologi warga emas;
 - (v) Menggalakkan penyertaan sukarelawan serta *platform* kerjasama kepada orang ramai agar ia membolehkan mereka menyumbang kembali kepada komuniti;
 - (vi) Menyediakan pusat aktiviti yang menggalakkan penggunaan ruang aktiviti antara generasi bagi mempromosikan penuaan aktif diusia muda;
 - (vii) Mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk meningkatkan pencapaian yang lebih terangkum kepada sumber dan kemudahan; dan
 - (viii) Membuat pemantauan dan penilaian menyeluruh secara berterusan untuk penambahbaikan.

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan inisiatif Bandar Mesra Usia (*Age Friendly City*) yang dijalankan secara berperingkat. Tujuan inisiatif ini dilaksanakan adalah untuk mewujudkan satu persekitaran yang mesra kepada semua golongan terutamanya warga emas. Satu pelan tindakan strategik dan komprehensif akan diformulasikan pada bulan Disember 2023 untuk diguna pakai dan dilaksanakan pada tahun 2024 dalam mengiktiraf Negeri Pulau Pinang (bahagian pulau) sebagai Bandar Mesra Usia pada tahun 2025.

8. Memperkasakan aktiviti pertanian bagi menangani isu *food security*.
- (a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menggunakan sepenuhnya tanah-tanah terbiar atau kosong untuk aktiviti pertanian?
 - (b) Nyatakan jumlah stok makanan di negeri ini dan adakah ianya mencukupi.
 - (c) Apakah bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu mereka yang berminat dalam aktiviti pertanian?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Tanah terbiar didefinisikan sebagai darat atau tanah sawah yang mempunyai keluasan minima 0.4 hektar ke atas sama ada bersambungan atau bertaburan yang merupakan tanah milik yang tidak diusahakan selama tiga tahun berturut-turut.

Projek Pertanian Pembangunan Tanah Terbiar diwujudkan adalah bertujuan untuk membangunkan tanah terbiar supaya menjadi tanah yang produktif dan memberi pulangan kepada pengusaha selain dapat meningkatkan pengeluaran tanaman makanan memandangkan tanah baharu bagi tujuan pertanian kini adalah terhad.

Senarai bantuan yang diberikan melalui Projek Pertanian Pembangunan Tanah Terbiar adalah seperti berikut:

- (i) Bantuan secara terhad seperti input pertanian berupa benih, baja, racun, mesin dan peralatan kecil;
- (ii) Bantuan bagi pembersihan kawasan yang telah dikenalpasti seperti kerja-kerja meratakan tanah;
- (iii) Bantuan bagi pembangunan Infrastruktur seperti pemasangan sistem pengairan dan saliran serta pembinaan jalan ladang dengan kadar maksimum secara *one-off*;
- (iv) Memberikan khidmat nasihat dan perundingan khususnya aspek teknikal penanaman;
- (v) Pembangunan infrastruktur asas seperti pembersihan kawasan, sistem pengairan dan saliran serta pembinaan jalan ladang; dan
- (vi) Bantuan input pertanian berupa benih, baja, racun, mesin dan peralatan kecil.

Projek Pembangunan Tanah Terbiar pula adalah satu cara terbaik untuk memajukan sumber tanah secara optimum melalui pemulihan dan pembangunan tanah terbiar bagi meningkatkan pengeluaran makanan. Projek ini juga dapat memberi peluang perniagaan kepada usahawan individu dan syarikat yang ingin menceburkan diri di dalam bidang pertanian sebagai sumber pendapatan.

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang mengalu-alukan pemilik tanah yang terbiar untuk diusahakan. Kerajaan Negeri juga mengalu-alukan pengusaha untuk memajukan tanah-tanah Lesen Pendudukan Sementara (LPS) atau *Temporary Occupation License (TOL)* yang berpotensi untuk dimajukan sebagai kawasan projek tanaman / ternakan makanan atau tanaman makanan ternakan (tambahan).

- (b) Jumlah stok beras bagi menampung keperluan dalam negara ketika ini adalah mencukupi bagi tempoh empat hingga lima bulan. Berdasarkan stok bekalan beras yang direkodkan sehingga 3 Oktober 2023 iaitu sebanyak 820,482 tan metrik merangkumi 250,000 tan metrik stok penimbal kerajaan dan 570,482 tan metrik stok dagangan.

Jumlah stok makanan lain juga adalah mencukupi. Namun, tindakan pengguna yang membuat belian panik telah menyebabkan stok habis dan penawaran tidak dapat dilakukan dalam jangka masa yang pendek.

- (c) Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan kepada Jabatan Pertanian bagi membantu mereka yang berminat dalam aktiviti pertanian. Bantuan yang disediakan mengikut program adalah seperti berikut:
 - (i) Program Khidmat Pengembangan Tekno Pertanian menyediakan pakej latihan bagi penyediaan baja organik dan bahan penghalau serangga serta kaedah kawalan perosak bersepadu;
 - (ii) Program Pembangunan Industri Sayur memberikan bantuan input seperti baja, racun, benih dan peralatan mekanisasi pertanian;
 - (iii) Program Pembangunan Industri Buah-buahan memberikan bantuan input seperti baja, racun, benih dan peralatan mekanisasi pertanian;
 - (iv) Program Pembangunan Kejuruteraan Pertanian memberi bantuan jentera kecil pertanian dan peralatan mekanisasi ladang untuk kegunaan guna sama;
 - (v) Program Pembangunan Industri Tanaman Kontan, Kelapa memberikan bantuan input seperti baja, racun, benih dan peralatan mekanisasi pertanian;
 - (vi) Program Pembangunan Kelompok Tani / Kumpulan Pengembangan Wanita (KPW) memberikan kursus, taklimat, *roadshow*, seminar, bengkel dan lawatan;

- (vii) Program Pembangunan Industri Pemprosesan Makanan memberikan peralatan dan mesin pemprosesan makanan, naik taraf premis, pembungkusan dan latihan;
 - (viii) Penyediaan alatan dan bahan bagi merangsang petani dalam penyediaan pakej kawalan perosak bersepadu; dan
 - (ix) Mengadakan Program Kawalan Perosak Secara Gotong-Royong (contoh kawalan tikus).
9. Pembukaan kedai penjualan 'vape' di kawasan perumahan dan sekolah.
- (a) Apakah tindakan Kerajaan bagi memantau aktiviti penjualan 'vape' ini?
 - (b) Nyatakan syarat lesen untuk pembukaan kedai 'vape' ini.
 - (c) Nyatakan jumlah kedai 'vape' berserta lokasi di KADUN Batu Uban yang diberikan lesen operasi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) masih dalam proses pertimbangan bagi mewujudkan Akta atau peraturan yang khusus untuk memantau aktiviti penjualan *vape* di kawasan perumahan dan sekolah.
- (b) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan mempertimbangkan syarat lesen untuk pembukaan kedai *vape* ini sekiranya terdapat arahan yang tertakluk di dalam Akta atau peraturan khusus yang akan dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan.
- (c) MBPP tidak mengeluarkan sebarang lesen untuk pengoperasian kedai *vape* setakat ini. Justeru itu, tiada maklumat bagi jumlah kedai *vape* serta lokasi di KADUN Batu Uban. Walau bagaimanapun, terdapat juga kedai-kedai yang menjual *vape* sebagai barangan jualan sampingan.
10. Masalah banjir kilat masih berlaku di Halaman Sentosa, Lengkok Minden dan depan Alora Hostel, Medan Kampung Relau.
- (a) Apakah punca banjir kilat di kawasan ini?
 - (b) Apakah tindakan daripada agensi berkaitan?
 - (c) Senaraikan perancangan yang diambil bagi menangani isu ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Kejadian banjir kilat di Halaman Sentosa, Lengkok Minden dan Alora Hostel, Medan Kampung Relau adalah berpunca dari sistem perparitan yang tidak efisien. Saiz longkang di Halaman Sentosa tidak dapat menampung keperluan air larian hujan selain sampah sarap yang mengganggu aliran air longkang menyebabkan berlaku banjir kilat di kawasan tersebut.
- Manakala, kedudukan aras parit di kawasan Alora Hostel didapati berada dalam kedudukan lebih tinggi berbanding kedudukan jalan menyebabkan air larian hujan tidak dapat mengalir dengan sempurna dan menyebabkan berlakunya kejadian banjir kilat di kawasan tersebut.
- (b) Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP) mengambil maklum akan keadaan ini dan kajian tebatan banjir akan dilaksanakan bagi mencari penyelesaian terbaik dalam menangani kejadian banjir kilat di kawasan-kawasan tersebut.

- (c) Buat masa ini, perancangan JKRPP adalah untuk melaksanakan kajian penambahbaikan dan akan disusuli dengan kajian reka bentuk terperinci hasil dari dapatan kajian tebatan banjir tersebut. Projek penaiktarafan di tapak akan dilaksanakan tertakluk kepada ketersediaan peruntukan oleh Jabatan Kewangan Negeri (JKN).
11. Kerajaan Negeri sering menyambut baik tindakan orang awam sebagai 'stakeholders' untuk menyalurkan pendapat dan cadangan yang meneraju Pulau Pinang ke ambang kegemilangan.
- (a) Apakah saluran yang disediakan untuk memudahkan orang awam terus menyumbang tanpa kekangan?
 - (b) Senaraikan program-program 'engagement' yang telah dan akan dijalankan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyambut baik cadangan/ aduan yang diberikan oleh orang ramai dalam memastikan usaha penambahbaikan negeri Pulau Pinang. Sehubungan itu, orang awam boleh menyalurkan pendapat dan cadangan untuk negeri ini melalui platform ePintas (<https://epintas.penang.gov.my/login.php>) dan Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang (<https://www.penang.gov.my/index.php?lang=ms>)
- (b) Sebanyak 105 program telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023 sehingga kini dalam kesemua daerah di negeri Pulau Pinang. Maklumat lengkap bagi keseluruhan program adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

BIL.	PROGRAM / AKTIVITI LIBAT URUS	TARIKH
	MBPP	
1.	Hari Bertemu Pelanggan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	8 Disember 2022
2.	Sesi Townhall MBPP Bersama MPKK Parlimen Balik Pulau	26 Februari 2021
3.	Sesi Townhall MBPP Bersama MPKK Parlimen Jelutong	24 Mac 2021
4.	Sesi Townhall MBPP Bersama MBPP Parlimen Bayan Baru	17 Jun 2021
5.	Sesi Townhall MBPP Bersama MPKK Parlimen Bukit Gelugor	27 Julai 2021
6.	Sesi Townhall MBPP Bersama MPKK Parlimen Tanjung	24 Ogos 2021
7.	Sesi Townhall MBPP Bersama MPKK Parlimen Bukit Bendera	28 September 2021
8.	Sesi Taklimat E-Aduan @Seri Delima (Digital Clinic)	19 Februari 2022
9.	Sesi Townhall MBPP Bersama Jabatan Pendidikan Negeri	25 Jun 2022
10.	Taklimat Dan Pembentangan Garis Panduan Keselamatan Aktiviti Pertanian Dikawasan Balik Pulau	24 Julai 2022
11.	Sesi Taklimat Draf Rancangan Tempatan Pulau Pinang (Pulau) 2030	11 Disember 2022
12.	Sesi Town Hall Bersama Stakeholder Di Dalam Tapak Warisan Dunia George Town Pulau Pinang	15 April 2023
13.	Sesi Town Hall Bersama Ahli Majlis Dan Ketua Jabatan Di Dalam Tapak Warisan Dunia George Town Pulau Pinang	19 Mei 2023
14.	Dialog (Sesi Town Hall) Bersama Adun Batu Uban Dan Penduduk Perumahan Awam Majlis Bandaraya Pulau Pinang	4 November 2023
	MBSP	
15.	Soal Selidik Bajet MBSP 2021	19 April 2020
16.	Soal Selidik Bajet MBSP 2022	26 Februari 2021
17.	Soal Selidik Bajet MBSP 2023	Tahun 2022
18.	Soal Selidik Bajet MBSP 2024	Tahun 2023
19.	Soal Selidik Bajet MBSP 2025	Mac/April 2024

BIL.	PROGRAM / AKTIVITI LIBAT URUS	TARIKH
	Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Timur Laut	
	KADUN Batu Uban	
20.	Libat Urus YB Adun dan YB Parlimen bersama Penduduk Membincangkan Masalah Penduduk Batu Uban	17 Januari 2020
21.	Sesi Dialog Permasalahan Penduduk di Taman Brown	12 Februari 2023
22.	Libat Urus YB ADUN bersama Pihak Masjid Al Ittifaq untuk Membincangkan Isu Pencerohan Tanah Batu Uban	21 Julai 2020
23.	Sesi Dialog YB ADUN bersama Persatuan Ikan Sangkar	22 Oktober 2020
24.	Sesi Libat Urus bersama Penduduk Batu Uban Membincangkan Penutupan Laluan untuk Pembinaan Pencawang Elektrik Di Sungai Gelugor	28 Oktober 2023
25.	Sesi Dialog Penduduk bersama ADUN Batu Uban, Ahli Majlis dan MBPP	05 November 2023
	KADUN Pulau Tikus	
26.	Sesi Libat Urus Masalah Lalu Lintas Penduduk (MPKK) bersama YB ADUN	13 Mac 2023
	KADUN Tanjung Bunga	
27.	Sesi Dialog Meja Bulat Badan Pengurusan Bersama YB ADUN Tanjung Bunga dan YB Parlimen Bukit Bendera	03 Jun 2023
	Kadun Paya Terubong	
28.	Sesi Dialog bersama YB ADUN dan Persatuan Penduduk Persiaran Paya Terubong	21 Februari 2020
29.	Bersama Sesi Libat Urus YB Adun Berkenaan Peruntukan Projek Dan Bekalan Bersama Persatuan, Pertubuhan Dan MPKK	25 Mac 2023
30.	Bersama Sesi Libat Urus YB ADUN bersama Komuniti Di Paya Terubong (Relau)	19 Mac 2022
31.	Sesi Dialog KT Bersama Penduduk Di Pine Resident Jalan Bukit Kukus	14 Oktober 2022
	Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Seberang Perai Selatan	
32.	Hari Karnival Usahawan @ SPS Daerah Seberang Perai Selatan	10 Disember 2022 - 11 Disember 2022
33.	Pembukaan booth bayaran online di Pejabat Tanah Seberang Perai Selatan	26 Januari 2023 - 30 Januari 2023
34.	Hari Buletin anjuran Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang	18 Mac 2023
35.	Karnival "KITA MADANI 2023" Daerah Seberang Perai Selatan	27 Mei 2023

BIL.	PROGRAM / AKTIVITI LIBAT URUS	TARIKH
36.	Kembara Merdeka Jalur Gemilang Tahun 2023 (SPS)	17 Julai 2023
37.	Program Digital @ Seberang Perai Anjuran Majlis Bandaraya Seberang Perai.	30 September 2023
	Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Seberang Perai Utara	
38.	Sesi Dialog Di Antara Pusat Khidmat KADUN Bagan Dalam Bersama Agensi Dan Penduduk Kampung Sungai Nyior Berkenaan Isu Semasa-	23 Februari 2020
39.	Sesi Libat Urus Bersama Penduduk DUN Sungai Puyu bagi pelaksanaan program Pemberian vaksin Covid-19 melalui Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Bergerak di Dewan Ang Si Chong Soo, Kadun Sg Puyu.	04 September 2021
40.	Bengkel Pemantapan MPKK Daerah Seberang Perai Utara (penyediaan senarai projek infrastuktur awam dan asas bagi tahun 2022)	05 Disember 2021
41.	Sesi Perbincangan Berkaitan Keperluan Pusat Dialisis Bersama Bersama Agensi PDTSPU, JKM, Pusat Khidmat KADUN Bagan Dalam & NGO	09 Disember 2021
42.	Sesi Lawatan Tapak berkaitan isu peraritan yang menyebabkan banjir kilat di Kampung Permatang Binjai Bersama Pejabat Daerah SPU, JPS SPU, MPKK dan Wakil Penduduk.	19 Januari 2022
43.	Sesi Dialog/Perjumpaan Bersama Penduduk Kg Setol, Kepala Batas Berhubung Aduan Banjir Kilat Susulan Aduan Penduduk Kepada Ketua Menteri	11 April 2022
44.	Sesi Lawatan Tapak Bersama Penduduk, MPKK dan Tuan Tanah Serta Agensi Teknikal Bagi Menangani Isu Banjir Kilat di Kg Setol, Kepala Batas	08 Jun 2022
45.	Sesi Lawatan Tapak bagi Cadangan Penurapan Jalan dan Baik Pulih Jalan Pak Abu Bersama Agensi PDTSPU, JBPM, PBA, Pusat Khidmat KADUN Bagan Dalam & Penduduk	03 Ogos 2022
46.	Sesi Lawatan Tapak bagi cadangan Pembaikan Jalan Masuk Ke Sekolah St.Mark Bersama Agensi PDTSPU, MBSP dan penduduk setempat.	04 Ogos 2022
47.	Program gotong royong dan penerangan berhubung wabak denggi bersama penduduk di Permatang Lanjut, Kadun Sg Puyu.	18 September 2022
48.	Program gotong royong dan penerangan berhubung wabak denggi bersama penduduk di Taman Mesra, Kadun Sg Puyu.	25 September 2022

BIL.	PROGRAM / AKTIVITI LIBAT URUS	TARIKH
49.	Program gotong royong dan penerangan berhubung wabak denggi bersama penduduk di Taman Bagan Lalang, Kadun Sg Puyu.	09 Oktober 2022
50.	Sesi Latihan Bencana Banjir bersama APM, JKM, ATM (3 KAD), Bomba, JKD, PDRM dan Penduduk Kampung Labuh Banting	22 Oktober 2022 – 26 Oktober 2022
51.	Sesi Perbincangan Bersama Jurutera Daerah JPS, Penghulu dan Penduduk bagi mengatasi Masalah Limpahan Air Sungai Kulim yang Masuk Ke Kampung Desa Puri, Tasek Gelugor	12 November 2022
52.	Sesi Perbincangan Bersama Pegawai Daerah, JD JPS, Penghulu, Penolong Jurutera dan Penduduk Kampung Desa Puri, Tasek Gelugor Bagi mengatasi Banjir Termenung	16 November 2022
53.	Sesi Perjumpaan/Perbincangan Mengenai Isu Penutupan Jalan Keluar Masuk Taman Udara, Butterworth	30 November 2022
54.	Sesi Lawatan Tapak Bersama penduduk Kampung Lubok Meriam, Lahar Yooi Berkaitan Cadangan / Permohonan Longkang Bagi Mengurangkan Kesan Banjir Kilat Di Kawasan Sekitarnya	07 Januari 2023
55.	Sesi Libat Urus Bersama Universiti Sains Malaysia, PDTSPU, MPKK dan penduduk setempat bagi pelaksanaan projek tanaman cendawan Volvariella dibawah Program Peningkatan Ekonomi Komuniti Usahasama Universiti Sains Malaysia dan Pejabat Daerah dan Tanah SPU.	7 Februari 2023
56.	Sesi Lawatan Tapak berkaitan Aduan Pengorekan Pasir Laut secara haram di Kuala Muda bersama YB ADUN Penaga, Pegawai Penyelaras Kadun Penaga, agensi berkaitan, Persatuan Nelayan dan Penduduk	08 Februari 2023
57.	Sesi Lawatan Tapak Bersama YB EXCO Pertanian (Dr. Norlela bt Arifin) , PPK Penaga, MPKK dan penduduk setempat ke Permatang Keriang, Padang Temusu dan Kota Aur bagi memantau projek pertanian dan ternakan	09 Februari 2023
58.	Sesi Perjumpaan/Perbincangan berkaitan isu Penutupan Jalan Keluar Masuk di Taman Udara, Butterworth	26 Februari 2023
59.	Sesi Lawatan Tapak bersama Ketua Menteri Pulau Pinang, PPK Penaga dan agensi berkaitan serta wakil penduduk ke Kg Agung, Penaga bagi memantau produk pelancongan Kampung Agung.	25 Mac 2023

BIL.	PROGRAM / AKTIVITI LIBAT URUS	TARIKH
60.	Sesi Perjumpaan/Perbincangan Bersama Penduduk Dan Tuan Tanah Mengenai Aduan Berkaitan Jalan Rosak Di Kampung Tanah Lot Belakang Masjid Pmtg Rambai	30 Mac 2023
61.	Sesi Perjumpaan dan perbincangan Bersama penduduk Kampung Manggis, Butterworth dengan Ahli Parlimen Bagan dan PDTSPU mengenai cadangan projek menaiktaraf jalan-jalan di Kg Manggis, Butterworth.	31 Mac 2023
62.	Sesi Lawatan Tapak Bersama YB Ahli Parlimen Kepala Batas, YB ADUN Penaga, PPK Penaga, MPKK serta agensi berkaitan berhubung aduan rakyat mengenai isu ketiadaan penutup longkang, semak samun dan jalan runtuh di Taman Bongor Muda dan Taman Penaga.	03 Mei 2023
63.	Sesi Lawatan Tapak Bersama PPK Penaga, Agensi berkaitan serta penduduk setempat berkaitan aduan banjir kilat di Bakar Kapor	31 Mei 2023
64.	Sesi Outreach "Program Klinik Digital" anjuran Penang Digital Library bersama penduduk Kampung Bakau Tua	10 Jun 2023
65.	Sesi Lawatan Tapak Bersama YB ADUN Penaga, PPK Penaga dan agensi berkaitan serta penduduk setempat berhubung aduan Banjir dan longkang yang tidak selenggara di Permatang Keriang , Penaga	19 Jun 2023
66.	Sesi Lawatan Tapak bersama penduduk, Ahli Parlimen Bagan dan ADUN Sg Puyu bagi cadangan menaiktaraf jalan-jalan di Permatang Lanjut, Sungai Puyu.	23 Ogos 2023
67.	Sesi Lawatan Tapak Bersama Penduduk Kampung Permatang Bertam, ADUN Bertam, PDTSPU dan Agensi Teknikal Berkaitan Isu Perparitan Di Kampung Belakang Sekolah Kebangsaan Hashim Awang Kepala Batas	30 Ogos 2023
68.	Sesi Lawatan Dan Perbincangan Bersama Kariah Masjid Pmtg Rambai Berhubung Isu Perparitan Di Kawasan Masjid Pmtg Rambai	06 September 2023
69.	Sesi Lawatan Tapak bersama penduduk, Ahli Parlimen Bagan dan ADUN Sg Puyu berhubung cadangan menaiktaraf jalan-jalan di Bagan Lalang	06 September 2023
70.	Mesyuarat Penyelarasan bagi membincangkan pelaksanaan projek-projek kecil berimpak tinggi Kementerian Ekonomi Tahun 2023.	06 September 2023
71.	Sesi Perjumpaan Bersama Penduduk Kampung Perlis, Agensi & Pusat Khidmat KADUN Bagan	07 September 2023

BIL.	PROGRAM / AKTIVITI LIBAT URUS	TARIKH
	Dalam Bagi Program Gotong-Royong Mega Daerah Seberang Perai Utara	
72.	Sesi Outreach Bersama Pejabat Agama Daerah Kepala Batas dan Bahagian Tanah Daerah SPU serta penduduk setempat bagi misi pencarian kubur-kubur lama yang terbiar di Kawasan berdekatan perumahan Taman Mekar Sari, Kubang Menerong	20 September 2023
73.	Sesi Perjumpaan Dengan Penduduk Dan pemilik Tanah Mengenai Isu Jalan Keluar Masuk Di Kampung Permatang Bertam	23 September 2023
74.	Sesi perjumpaan bersama penduduk Kuala Muda berkaitan isu penjaja tepi jalan Pasar Bisik	11 Oktober 2023
75.	Sesi Lawatan Tapak Mengenai Longkang Bermasalah dihadapan Caltex Pokok Sena Tasek Gelugor Bersama Penduduk, MPKK, JKR, JPS, Ahli Majlis MBSP dan PDTSPU	26 Oktober 2023
76.	Sesi perbincangan Bersama Jawatankuasa Qaryah Masjid Pmtg Sintok, MPKK Pmtg Sintok, Jawatankuasa Surau Tmn Permatang Sintok, KRT Tmn Pmtg Sintok, NGO, Penduduk serta Pusat Khidmat ADUN Bertam berhubung isu bantahan penduduk ke atas premis pusat snooker haram di Pekan Pmtg Sintok	30 Oktober 2023
77.	Sesi Perbincangan Bersama Pengurusan Sekolah Kebangsaan Kg Selamat, MPKK, PIBG, Agensi berkaitan serta penduduk setempat berhubung cadangan mengadakan laluan sehalu di Jalan Kampung bersebelahan sekolah sebagai alternatif penyuraian masalah lalulintas semasa waktu pelajar sekolah masuk dan keluar sekolah.	02 November 2023
78.	Sesi Libat Urus Bersama semua Pejabat ADUN dan PPK berkaitan keperluan ke atas cadangan projek infrastruktur dan program bagi tahun 2024	Februari 2024
79.	Sesi Libat Urus Projek Kebun Kerang Fasa 1 bersama peserta- peserta Projek Kebun Kerang Fasa 1	20 Jun 2022
80.	Sesi Libat Urus Cadangan Penempatan Semula Penduduk di Lot 2763, Mukim 6, SPU Sesi I	25 Ogos 2022
81.	Sesi Libat Urus Projek Kebun Kerang Fasa 2 bersama peserta- peserta Projek Kebun Kerang Fasa 2	25 Mei 2023
82.	Sesi Libat Urus Cadangan Penempatan Semula Penduduk di Lot 2763, Mukim 6, SPU Sesi II (kerja- kerja pengukuran semula keluasan tapak dengan kerjasama penduduk)	4 September 2023 – 8 September 2023

BIL.	PROGRAM / AKTIVITI LIBAT URUS	TARIKH
83.	Sesi Libat Urus Cadangan Penempatan Semula Penduduk di Lot 2763, Mukim 6, SPU Sesi III	7 Februari 2024
BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN		
84.	PROMOSI PENGGUNAAN RADIO FREQUENCY IDENTIFICATION (RFID) KEPADA PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG	1 April 2021 – 9 April 2021
85.	SESI DIALOG BERSAMA PENDUDUK DI KAWASAN GAT LEBUH MACALLUM	06 Januari 2022
86.	KOMUNITI DIALOG DENGAN PERSATUAN PENDUDUK DESA RIA, SUNGAI ARA	26 Mac 2022
87.	SESI LIBAT URUS TEMPAT INAP PERSENDIRIAN DI NEGERI PULAU PINANG	28 Julai 2022
88.	MAJLIS PELANCARAN KEMPEN RFID “WALAO EH PENANG” MOBILE FITMENT ROADSHOW	15 Oktober 2023
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI TENGAH		
89.	PERBINCANGAN BERKAITAN BANJIR DI KAMPUNG SETOI BERSAMA MASYARAKAT SETEMPAT	2021
90.	TAKLIMAT KEPADA MPKK DUN BERAPIT BERKAITAN PROJEK KHAS EKONOMI MMK PEMBANGUNAN LUAR BANDAR	2022
91.	MAJLIS PERJUMPAAN PEGAWAI DAERAH BERSAMA MASYARAKAT (JELAJAH DO)	27 April 2022
92.	PROGRAM PENGURUSAN BENCANA BERSAMA MPKK	26 Jun 2022
93.	SESI BERTEMU PELANGGAN PDSPT SEMPENA PESTA PADI ANTARABANGSA TAHUN 2022	22 Julai 2022 – 24 Julai 2022
94.	SESI BERTEMU PELANGGAN (BOOTH HASIL) EKSPLO USAHAWAN & KARNIVAL RAKYAT PADANG SEMILANG SEBERANG JAYA	10 September 2022
95.	SESI BERTEMU PELANGGAN (BOOTH HASIL) LOTUS SEBERANG JAYA	19 September 2022 – 23 September 2022
96.	SESI BERTEMU PELANGGAN (BOOTH HASIL) AEON MALL BUKIT MERTAJAM	10 Oktober 2022 – 14 Oktober 2022
97.	SESI BERTEMU PELANGGAN SEMPENA PESTA BUKU ANJURAN SUK DI AEON MALL, BM	05 Mac 2023 – 06 Mac 2023
98.	SESI BERTEMU PELANGGAN (BOOTH HASIL) SUNWAY CARNIVALL MALL	06 Mac 2023 – 12 Mac 2023

BIL.	PROGRAM / AKTIVITI LIBAT URUS	TARIKH
99.	MAJLIS PERJUMPAAN PEGAWAI DAERAH BERSAMA MASYARAKAT (JELAJAH DO)	17 April 2023
	PEJABAT DAERAH DAN TANAH BARAT DAYA	
100.	Program Karnival Merdeka / Hari Malaysia 2023 & Hari Bertemu Pelanggan Jabatan / Agensi Kerajaan Daerah Barat Daya	1 September 2023
101.	Hari Bertemu Pelanggan Pejabat Daerah Tanah Barat Daya	2024
102.	Program Turun Padang Bersama MPKK	2024
103.	Pembukaan <i>Booth</i> Urusan Tanah PDTBD dalam program anjuran Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri/Persekutuan serta pihak swasta (atas jemputan)	2024
104.	Program Karnival Merdeka / Hari Malaysia 2023 & Hari Bertemu Pelanggan Jabatan / Agensi Kerajaan Daerah Barat Daya	1 September 2023
105.	Hari Bertemu Pelanggan Pejabat Daerah Tanah Barat Daya	2024

12. Program kitar semula.
- (a) Apakah status pencapaian negeri Pulau Pinang secara menyeluruh dan status di KADUN Batu Uban?
- (b) Adakah sasaran yang ditetapkan tercapai? (c) Senaraikan program yang telah dan akan dijalankan berserta kos bagi setiap program.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mencapai kadar kitar semula yang tertinggi di Malaysia iaitu 53.02 peratus. Walau bagaimanapun, maklumat peratus pencapaian program kitar semula tidak direkodkan mengikut KADUN.
- (b) Pencapaian kadar kitar semula 53.02% merupakan kejayaan Kerajaan Negeri dalam merealisasikan Visi Penang2030 yang menetapkan sasaran 50 peratus kadar kitar semula menjelang tahun 2030 dengan lebih awal dari tempoh ditetapkan selain mengatasi kadar kitar semula kebangsaan pada tahap 31.52 peratus bagi tahun yang sama. Susulan itu, Kerajaan Negeri telah meningkatkan sasaran kadar kitar semula kepada 70 peratus menjelang tahun 2030.
- (c) Bagi tahun 2023, MBPP telah memperuntukan sebanyak RM50,000.00 bagi melaksanakan program-program kitar semula dan pendidikan awam di kawasan Pulau. MBPP juga turut bekerjasama dengan beberapa agensi luar bagi program-program kesedaran kitar semula seperti projek pengkomposan sisa kebun komuniti bersama *The Habitat Foundation* di Kebun Komuniti Air Itam.

Di samping itu, sehingga September 2023 sebanyak RM20,060.00 telah dibelanjakan untuk kelengkapan fasiliti kitar semula, mencetak *flyers* hebahan awam, penghasilan video pendidikan awam berkaitan kitar semula dan program-program di komuniti setempat.

Antara program-program pendidikan kitar semula yang telah dilaksanakan oleh MBPP pada tahun 2023 (sehingga bulan Oktober 2023) adalah seperti berikut:

Bil.	Program	Lokasi
1.	Taklimat dan Pendidikan Kitar Semula pada Program Bulan Kesedaran Autism	Jabatan Belia dan Sukan, Jalan Sultan Azlan Shah
2.	Taklimat Berkaitan Kebun Komuniti dan Pengkomposan	Kebun Komuniti Jalan Permai, Gelugor
3.	Taklimat dan Pendidikan Kitar Semula Sempena Sambutan <i>Wellness Month</i> di Bawah Agenda Nasional Peringkat Negeri Pulau Pinang	Kolej Kemahiran Tinggi Mara, Balik Pulau
4.	Taklimat dan Pendidikan Kitar Semula Sempena Hari Tembakau Sedunia	SMK Teknik Balik Pulau
5.	Taklimat dan Pendidikan Kitar Semula di Karnival Rahmah Madani	Padang Bola Permatang Damar Laut
6.	Taklimat dan Pendidikan Kitar Semula pada Program Sambutan Hari Wanita Sedunia	Tanah Lapang Taman Sri Nibong
7.	Taklimat Berkaitan Kebun Komuniti dan Perkomposan	Kebun Komuniti Air Itam
8.	Taklimat dan Pendidikan Kitar Semula	SMK (P) Sri Mutiara

Bil.	Program	Lokasi
9.	Taklimat dan Pendidikan Kitar Semula pada Program Mewarna Sempena Hari Kebangsaan	Town Hall, Jalan Padang Kota Lama
10.	Taklimat dan Pendidikan Kitar Semula Sempena Karnival Kelab Program Pelancongan Pelajar (K3P) Anjuran MOTAC	Bertam Resort, Kepala Batas

Program-program yang dilaksanakan seperti di atas telah dijalankan secara usahasama dengan pihak penganjur dan tidak melibatkan kos kepada MBPP.

13. Apakah pencapaian usaha pengasingan sampah di punca terutama sampah domestik?
- Kemukakan statistik pencapaian.
 - Apakah fasiliti kitar semula yang ada sekarang dan perancangan masa depan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah melaksanakan pelbagai kaedah bagi memperkasakan Pengasingan Sisa di Punca seperti pengedaran risalah dan program pendidikan.

Usaha ini telah dicerminkan melalui pencapaian kadar kitar semula yang tertinggi di Malaysia iaitu 53.02 peratus. Pencapaian ini merupakan kejayaan Kerajaan Negeri dalam merealisasikan Visi Penang2030 yang menetapkan sasaran 50 peratus kadar kitar semula menjelang tahun 2030 dengan lebih awal dari tempoh ditetapkan selain mengatasi kadar kitar semula kebangsaan pada tahap 31.52 peratus bagi tahun yang sama. Susulan itu, Kerajaan Negeri telah meningkatkan sasaran kadar kitar semula kepada 70 peratus menjelang tahun 2030.

- (a) Statistik pencapaian adalah seperti di jadual berikut:-

TAHUN	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Kerajaan Negeri	38.37%	39.22%	42.69%	46.61%	45.23%	51.18%	53.02%

- (b) MBPP bercadang untuk mewujudkan sebuah pusat kitar semula bersepadu yang merangkumi pusat pengumpulan barangan kitar semula dan pusat pendidikan untuk orang awam di Kompleks Bayan Indah (kompleks makanan terbengkalai).

Manakala perancangan masa hadapan MBSP adalah seperti berikut:-

- Melantik kontraktor untuk melaksanakan kutipan barangan kitar semula secara lebih efektif dengan memperkenalkan aplikasi atas talian;
- Menyediakan Dasar Pengasingan Sisa Organik bagi mengurangkan kemasukan sisa ke tapak pelupusan akhir; dan
- Memajukan Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung yang berkebolehan memproses sehingga 90% sisa yang masuk.

SENARAI PUSAT KITAR SEMULA MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

Bil	Lokasi
1	Kompleks Taman Serena
2	Pusat Panggilan Nama JPP, Pesara Claimant
3	Pusat Panggilan Nama JPP, Jalan Bunga Raya
4	Pusat Kitar Semula Mount Erskine
5	Stesen Pemindahan Sampah Batu Maung
6	Perumahan Kuarters MBPP Jalan Irrawadi
7	Depoh Sampah Midlands Park

SENARAI PUSAT KITAR SEMULA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

Bil	Lokasi
<u>Daerah Seberang Perai Utara</u>	
<u>1</u>	Masjid Al-Taqwa, Bertam Indah
<u>2</u>	Tzu Chi Recycle Education Centre, Taman Pandan
<u>3</u>	Taman Bagan Lalang
<u>4</u>	Guar Kepayang
<u>5</u>	Taman Rupawan 1
<u>6</u>	Palm villas Butterworth
<u>7</u>	Pangsa Tanjung Indah
<u>8</u>	Butterworth Buddhist Association
<u>9</u>	Pangsapuri Taman Pandan
<u>Daerah Seberang Perai Tengah</u>	
10	Taman Sri Rambai IV
11	Taman Sri Rambai II & III
12	Taman Kota Permai
13	Taman Makok
14	Gereja St. Anne
15	Taman Keenways
16	Taman Bukit Indah
17	Taman Gemilang
18	Taman Duku
19	Permatang Nibong
20	Persatuan Buddhist Seberang Jaya
21	Pangsapuri BM Resident
22	Pangsapuri The Signature
23	Pangsapuri Sea View
24	Pangsapuri Ocean View
25	Pangsapuri Park View
26	Chi Tze Merit Society, Jalan Sg Rambai Bukit Mertajam
27	Chi Tzu Merit Society Taman Siakap Seberang Jaya
28	Taman Janggus Jaya
29	Rumah Pangsa Kos Rendah blok A, Kota Permai
<u>Daerah Seberang Selatan</u>	
30	Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Puteri Gunung
31	Pusat Kitar Semula Perkampungan Jawi (Dewan Serbaguna JKJK Jawi)

Bil	Lokasi
32	Pusat Kitar Semula JKKK Bukit Panchor (Dewan Orang Ramai Panthur Mutiara)
33	Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Tambun Jaya
34	Perkampungan Valdor
35	Taman Gemelan Indah
36	Kampung Sanglang, Nibong Tebal
37	Tambun Indah

14. Mengapakah usaha projek '*upcycling*' tidak diteruskan? Sekiranya berada dalam peringkat perancangan, apakah perkembangannya?
- (a) Apakah usaha penglibatan orang awam, NGO, pihak korporat, sekolah dan IPT dalam usaha kitar semula ini?
 - (b) Senaraikan insentif yang disediakan untuk pihak yang menyumbang ke arah ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. *Upcycling* merupakan salah satu cabang aktiviti dan langkah bagi menukar guna bahan/objek yang boleh dikitar semula menjadi satu bahan lain yang boleh diguna semula seperti kerusi, meja dan lain-lain. Projek *upcycling* di Negeri Pulau Pinang masih dijalankan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Penang Green Council (PGC).
- (a) MBPP dan MBSP sentiasa bekerjasama dengan badan-badan luar dalam usaha meningkatkan lagi pemahaman dan penglibatan orang awam, Badan Bukan Kerajaan (NGO), pihak korporat, sekolah atau Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam usaha kitar semula ini melalui:
 - (i) Kerjasama dalam mengadakan program kesedaran awam mengenai kitar semula bersama komuniti setempat;
 - (ii) Menjalinkan kerjasama dengan pihak swasta melalui konsep 4P (*Private, Public, Professional, People Partnership*) untuk menggalakkan amalan budaya pengasingan sisa;
 - (iii) Penglibatan orang awam dan NGO adalah melalui pusat-pusat kitar semula yang diuruskan oleh komuniti dan NGO;
 - (iv) Penglibatan pihak korporat adalah melalui program-program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), misalnya seperti Syarikat Fraser & Neave Holding (F&N) yang telah menaja Anugerah Kitar Semula Sekolah sejak tahun 2017 hingga 2023. Pada tahun 2023, sebanyak 49 buah sekolah telah menyertai Anugerah Kitar Semula Sekolah Anjuran Fraser & Neave Holding ini dan beratan kitar semula yang terkumpul ialah 79,612.27 kg; dan
 - (v) Penglibatan IPT adalah dengan menjalankan bengkel-bengkel *upcycle*, gotong-royong dan program *plogging* bagi menambahkan kesedaran warga IPT untuk mengitar semula.

Pihak PGC juga turut memainkan peranan penting dalam memastikan projek *upcycling* terus diadakan di Pulau Pinang dengan mengadakan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

i. Taklimat Pendidikan

Pihak PGC telah mengadakan beberapa siri sesi taklimat pendidikan yang bertujuan untuk memberi kesedaran tentang isu-isu alam sekitar dan menyediakan platform untuk membimbing dan melatih pemimpin setempat dan ahli komuniti dalam pemeliharaan alam sekitar. Kumpulan sasaran projek ini adalah orang awam, pemimpin komuniti, pihak swasta, sekolah dan golongan belia. Pihak PGC telah menerima sebanyak 122 jemputan daripada pihak sekolah, pihak korporat dan orang awam untuk menjalankan sesi taklimat dan jerayawara (*roadshow*) mengenai pengasingan sisa dan amalan kitar semula.

ii. Kem dan Bengkel Alam Sekitar

Selain itu, beberapa kem dan bengkel alam sekitar turut dianjurkan untuk para pelajar sekolah dan para belia di mana topik utama yang sering dibincangkan adalah mengenai pengurusan sisa dan amalan 5R dalam kehidupan seharian. Para pelajar turut berpeluang membuat aktiviti *hands-on* seperti membuat beg menggunakan baju terpakai, membuka dan mengenal pasti komponen sisa elektronik, serta pembersihan pantai.

iii. Stesen Kitar Semula dari Kotak Minuman (*Tetra Pak*)

Untuk menggalakkan orang awam dan pelajar mengamalkan amalan kitar semula dan pengasingan sisa, pihak PGC telah memperkenalkan program *Trash-Free Penang* kepada pihak sekolah. Sekolah yang diberi keutamaan adalah sekolah di bawah kategori Sekolah Kurang Murid (SKM) atau sekolah di mana kawasannya yang tidak mempunyai stesen kitar semula berdekatan. Stesen kitar semula telah diwujudkan di sekolah tersebut dan stesen tersebut 100% diperbuat daripada sisa kotak minuman (*Tetra Pak*). Antara sekolah yang terpilih adalah seperti SJKC Moh Ghee, SJKC Sin Chung, SJKC Mah Hua dan SJKC Pai Chai.

iv. Usaha *upcycling* plastik – Projek Perintis oleh PGC & *Prince of Wales Island International School* (POWIIS)

Projek *Precious Plastic* adalah inisiatif kepada komuniti dan menyokong perkembangan program kelestarian alam sekitar yang semakin berkembang di sekolah tersebut. PGC bersama dengan *Prince of Wales Island International School* (POWIIS) telah melancarkan projek perintis yang bertujuan menukar plastik yang dikumpulkan kepada produk-produk baharu dan bermakna seperti pemegang gelas, frisbee, karabiner, dan sebagainya dengan menggunakan '*upcycling concept*'. Projek ini memupuk kerjasama dan rasa tanggungjawab dalam kalangan pelajar dari pelbagai peringkat. PGC dan POWIIS telah bekerjasama di bawah projek *Precious Plastic* ini untuk meningkatkan kesedaran seperti menghasilkan cenderamata semasa persidangan pada tahun 2022. PGC menghargai usaha proaktif POWIIS dalam memerangi pencemaran plastik dan mempromosikan konsep ekonomi kitaran dalam projek ini.

- (b) Melalui pertandingan seperti F&N Kitar Semula dan Anugerah Sekolah Hijau, MBPP mengiktiraf mana-mana sekolah yang menyertai dan menunjukkan kesungguhan dari segi kreativiti dan jumlah pengumpulan sisa boleh dikitar semula yang tertinggi dengan hadiah berbentuk wang tunai dan juga sijil penghargaan. Bagi syarikat pengeluar produk-produk makanan atau minuman, tanggungjawab mereka melalui program *Extended Producer Responsibility* (EPR) juga dilaksanakan bagi mencapai matlamat supaya barangan atau produk yang boleh dikitar semula, tidak akan berakhir di tapak pelupusan akhir sisa.

MBSP juga menyediakan insentif kepada pihak yang menyumbang ke projek ini. Pemberian insentif kitar semula merupakan satu bentuk sokongan MBSP kepada penggiat pusat kitar semula (komuniti atau NGO) dan sekolah-sekolah di seluruh Seberang Perai yang giat menjalankan aktiviti kitar semula. Namun begitu, pemberian insentif kitar semula kepada penggiat pusat kitar semula dan sekolah-sekolah di Seberang Perai tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan seperti di bawah:

- (i) Semua jenis barang kitar semula wajib dijual kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dalam Sistem Pengurusan Sisa Pepejal Lestari MBSP;
- (ii) Semua urusan jualan akan diselia oleh Pegawai MBSP;
- (iii) Jualan barang kitar semula mestilah dijalankan mengikut kadar dan beratan yang ditetapkan; dan
- (iv) Tuntutan dan bayaran insentif kitar semula hanya boleh buat satu (1) kali bagi setiap bulan mengikut kadar seperti di bawah:

JADUAL KADAR BAYARAN PEMBERIAN INSENTIF KITAR SEMULA

BIL.	KATEGORI	KADAR BAYARAN MENGIKUT BERATAN (KG)
1	Plastik	RM20 setiap 100 kg
2	Kaca	RM20 setiap 500 kg
3	Minyak masak terpakai	RM20 setiap 100 kg
4	Kompos	RM20 setiap 25 kg

Di samping itu juga, pihak PGC turut menyediakan insentif berikut bagi menarik perhatian masyarakat untuk turut serta dalam projek ini. Antara insentif yang dibuat adalah seperti berikut:

i. Insentif Sisa Makanan Pulau Pinang

Insentif ini bertujuan untuk mengurangkan sisa makanan daripada dibuang ke tapak pelupusan sampah di samping mengurangkan pelepasan gas metana hasil daripada pembuangan sisa makanan. Di samping mengurangkan sisa makanan, hasil produk seperti *fertilizer* selepas pemprosesan sisa makanan akan digunakan sebagai baja untuk tumbuh-tumbuhan atau kegunaan landskap. Insentif ini adalah terbuka kepada kilang-kilang, hotel/resort, institusi dengan sistem pengurusan sisa makanan, dan projek komuniti.

ii. *Trash-Free Penang*

Trash-Free Penang merupakan program bertemakan HIJAU di bawah Inisiatif Pembinaan Komuniti yang diperkenalkan oleh Unit Penang2030 selaras dengan pelaksanaan Fasa 2 Penang2030 - Mempercepat Pencapaian Penang2030 (*Accelerating Penang2030*). Program yang melibatkan kerjasama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan pelbagai pihak berkepentingan ini bertujuan untuk menggalakkan pengasingan sisa di punca dan mengurangkan penggunaan plastik sekali guna. Program ini adalah usaha PGC dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menggalakkan masyarakat setempat dan pihak sekolah mengasingkan sisa mereka dengan cara yang betul selaras dengan dasar Pengasingan Sisa di Punca. Di samping itu, ia juga dapat membantu mewujudkan masyarakat yang prihatin terhadap alam sekitar di kawasan kejiranan mereka. Sehingga November 2023, sebanyak tujuh (7) buah stesen kitar semula telah dibina dan ditambah baik manakala dua (2) lagi stesen dalam fasa pembinaan:

- (1) *Tanjong Bungah Market & Food Complex* (bekerjasama dengan syarikat Riiicycle untuk program ganjaran);
- (2) Pusat Pengumpulan Bahan Kitar Semula Tingkat Erskine 1 (bekerjasama dengan syarikat Riiicycle untuk program ganjaran);
- (3) Pusat Kitar Semula MPKK Thamby Kecil;
- (4) Pusat Kitar Semula MPKK Taman Lucky;
- (5) SJKC Chin Hwa, Kepala Batas;
- (6) SJKC Moh Ghee Cawangan, Jelutong;
- (7) SJKC Sin Chung, Penaga;
- (8) SJKC Mah Hua, TaseK Gelugor (dalam pembinaan); dan
- (9) SJKC Pai Chai, Batu Feringgi (dalam pembinaan).

15. Tahun 2026 ditetapkan sebagai Tahun Melawat Malaysia dan dijangka 26.1 juta pelancong akan melancong ke Malaysia.
- (a) Apakah usaha dan produk pelancongan baharu yang akan ditawarkan oleh Kerajaan Negeri dalam usaha menarik minat pelancong memilih Pulau Pinang sebagai destinasi utama?
 - (b) Nyatakan status penerbangan terus dari Chennai ke Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. (a) Pulau Pinang menawarkan pelbagai tarikan pelancongan dan aktiviti pengalaman yang boleh memenuhi sasaran khalayak dan pasaran yang berbeza. Pulau Pinang memiliki pelbagai jenis permata tersembunyi yang masih belum ditemui contohnya, *The Other Side of the Island – Balik Pulau dan Teluk Bahang* dan *The Opposite Side of the Island – Seberang Perai*. Lokasi-lokasi ini dipenuhi dengan alam semula jadi dan *Theme Parks* berasaskan pertanian. Selain itu, beberapa hotel baru akan siap dalam masa 2 tahun di Pulau Pinang dan Seberang Perai. Penang Waterfront Convention Centre (PWCC), Muzium Negeri Pulau Pinang dan produk pelancongan sedia ada juga akan mempunyai beberapa peningkatan dan penambahbaikan untuk mengalu-alukan pelancong pada 2026.

Selain itu, produk pelancongan baharu yang sedang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri adalah Gurney Bay. Gurney Bay ialah taman pinggir laut yang terancang, dengan tanah untuk tujuan ini kini sedang ditebus di luar Gurney Drive, George Town, Pulau Pinang. Pembangunan ini bertujuan sebagai *new iconic waterfront destination for Penang*. Cadangan pelan induk konsep Gurney Bay merangkumi empat bidang yang berbeza iaitu *Seaside Retail F&B, Water Gardens, Beach* dan *Coastal Grove*. Projek Gurney Bay yang dianggarkan bernilai RM200 juta meliputi kira-kira 131 ekar tanah tebus guna dan akan siap sepenuhnya pada awal tahun 2025.

- (b) Pihak Kerajaan Negeri telah mengadakan rundingan dengan syarikat penerbangan di India dari tahun 2018 dan persetujuan telah pun dicapai pada tahun 2019. Namun pandemik COVID-19 yang melanda pada tahun 2020 menyebabkan proses seterusnya tergendala dan syarikat penerbangan telah membuat rombakan. Perbincangan seterusnya dengan syarikat-syarikat penerbangan perlu dilakukan untuk mendapatkan penerbangan terus dari India ke Pulau Pinang.
16. Pulau Pinang dibanjiri peniaga tanpa lesen dan peniaga asing yang tumbuh bagai cendawan selepas hujan.
- (a) Nyatakan statistik penjaja tanpa lesen di KADUN Batu Uban dan apakah perancangan.
 - (b) Adakah projek Kompleks Penjaja yang baru atau sementara (TPS) akan didirikan di KADUN Batu Uban? (c) Apakah tindakan terhadap penjaja asing?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Kerajaan Negeri sememangnya prihatin dan memandang serius berhubung isu penjaja tanpa lesen dan penjaja asing yang semakin ramai di Negeri Pulau Pinang.
- (a) Jumlah penjaja tanpa lesen di KADUN Batu Uban adalah sebanyak 124 orang dan perincian adalah seperti berikut:

Bil.	Lokasi	Bil. Penjaja Tanpa Lesen
1	Sunny Point (Batu Uban)	1
2	Sekitar Sg Dua <ul style="list-style-type: none"> • Jalan Sungai Dua • Jalan Helang(Flat Hamna) 	49
3	Jalan Pekaka	5
4	Lengkok Nipah	13
5	Lebuh Nipah	32
6	Jalan Rumbia	15
7	Taman Bukit Jambul	4
8	Persiaran Paya Terubong 1 (berdekatan Public Bank Relau)	5
Jumlah		124

Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah mendaftarkan peniaga-peniaga berkenaan dalam senarai penjaja tidak berlesen MBPP dan akan diberikan keutamaan dalam proses penempatan penjaja di kompleks-kompleks MBPP tertakluk kepada kekosongan unit sekiranya ada.

- (b) Setakat ini, Kerajaan Negeri tiada perancangan bagi mendirikan projek kompleks penjaja baharu atau sementara (TPS) di KADUN BatuUban. Walau bagaimanapun, perkara ini boleh dipertimbangkan pada masa hadapan.
- (c) Kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hanya membenarkan warganegara tempatan untuk memegang lesen atau mengendalikan perniagaan penjaja. Pemilik perniagaan penjaja perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berkenaan termasuk mempunyai permit / visa kerja yang sah daripada Jabatan Imigresen Malaysia sekiranya ingin mengupah warga asing sebagai pembantu atau pekerja. Antara tindakan yang boleh diambil terhadap perniagaan penjaja yang dikendalikan oleh warga asing adalah seperti berikut:
- (i) Tindakan rampasan barangan perniagaan tanpa lesen;
 - (ii) Mengambil tindakan pembatalan lesen perniagaan yang dimiliki oleh warga tempatan di atas kesalahan tidak mematuhi syarat-syarat pelesenan seperti menyewakan premis perniagaan kepada warga asing;
 - (iii) Mengeluarkan Notis Menghendaki Perniagaan Dihentikan kepada pemilik perniagaan dan warga asing yang tidak berlesen; dan
 - (iv) Mengeluarkan tawaran kompaun kepada pemilik yang tidak mematuhi syarat pelesenan berkaitan pengambilan pekerja atau pembantu warga asing.
17. Kementerian Belia dan Sukan telah memberi nafas baharu kepada program Rakan Muda.
- (a) Nyatakan perancangan program yang akan dijalankan.
 - (b) Apakah program khusus untuk pelajar IPTA dan IPTS?
 - (c) Nyatakan status peralatan 'gym' yang baru di pusat 'gym' KBS Batu Uban.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. (a) Perancangan program Rakan Muda melalui 10 gaya hidup yang diberikan nafas baharu akan menonjol semula inisiatif Rakan Muda kepada generasi kini berdasarkan kejayaan generasi sebelumnya. Inisiatif ini memberi fokus untuk membangunkan belia menerusi penterjemahan minat dan kecenderungan yang positif. Rancangan ini akan melaksanakan inisiatif/program/aktiviti berteraskan *fun, vibrant & meaningful* bersama rakan pelaksanaan dan rakan strategik.
- (b) Terdapat pelbagai program di bawah 10 gaya hidup yang dapat disesuaikan dengan keperluan pelajar di IPTA mahupun IPTS seperti:
- (i) *Skills For Life*: Kelas Asas Bahasa (Kemahiran Komunikasi Asas Dalam Bahasa Inggeris *Interview/Resume*)
 - (ii) Program Rakan Ekspresi: Pro Skil Komunikasi
 - (iii) *MyPreneur*
 - (iv) Rakan Ekspresi: Refleksi Rakan Muda
 - (v) Rakan Muzik: Bengkel Intensif Muzik
- (c) Gimnasium Kompleks Belia Dan Sukan Pulau Pinang sedang dalam proses kerja-kerja akhir naik taraf bangunan dan peralatan serta dijangka beroperasi sepenuhnya pada Januari 2024.
18. Persatuan Psikiatri Malaysia melaporkan kepentingan menangani isu tekanan di tempat kerja.
- (a) Sejauh manakah masalah ini menjadi isu dalam kalangan pekerja di Pulau Pinang?
 - (b) Senaraikan program atau latihan yang dianjurkan untuk menghadapi isu ini yang boleh menjejaskan produktiviti dan juga mengganggu tekanan emosi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak mempunyai data bagi isu tekanan yang dihadapi oleh pekerja secara keseluruhan di Negeri Pulau Pinang. Namun begitu, Kerajaan Negeri mempunyai data yang melibatkan penjawat awam di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri sejumlah 3,439 orang yang menghadapi masalah ini. Berdasarkan kajian yang dilaksanakan ke atas penjawat awam Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang menunjukkan bahawa tahap kesejahteraan berada di tahap sederhana sahaja.
- (b) Senarai program yang telah dijalankan pada tahun 2023 bagi menangani isu ini adalah:
- (i) Program Pengurusan Stres (3 siri)
 - (ii) Seminar *Work-Life Balance*
 - (iii) Program Kesedaran Kesihatan Mental
 - (iv) Program Pemantapan dan Pentauliahan Ahli Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam AKRAB
 - (v) Bengkel Pengukuhan Pasukan AKRAB
 - (vi) *Program Training of Trainers (TOTs)* Pementoran

Selain daripada itu, Ahli Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Negeri Pulau Pinang turut diberi latihan bagi membimbing penjawat awam mengurangkan tekanan emosi dan permasalahan yang boleh menjejaskan produktiviti mereka.

Satu jawatankuasa yang dinamakan sebagai Jawatankuasa Kesihatan Mental Pulau Pinang telah ditubuhkan pada 14 November 2023 di bawah Jawatankuasa MMK Kesihatan untuk menyelaraskan isu-isu yang berkait rapat dengan kesihatan mental. Antara anggota jawatankuasa ini adalah pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan seperti Befrienders Penang, I-Life Suicide Prevention Association, Kiwanis Penang Central, Persatuan Minda D'Home dan PG Care Society bagi menyelaraskan semua usaha sama ada dari awam dan swasta untuk mengetengahkan isu kesihatan mental.

Antara tugas utama jawatankuasa ini adalah untuk melihat kepada kajian *trend* pesakit kesihatan mental agar bantuan secara bersasar dapat disampaikan secara berkesan.

19. Pusat transit gelandangan di Pulau Pinang.
 - (a) Sejauh manakah matlamat penubuhan pusat ini tercapai di peringkat permulaan?
 - (b) Apakah kekangan-kekangan yang ditempuhi?
 - (c) Apakah perancangan jangka panjang untuk menyelesaikan isu gelandangan di Terminal Bas KOMTAR dan sekitar George Town?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. (a) Pusat Transit Gelandangan (PTG) di bawah kawal selia Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Pulau Pinang telah mulai beroperasi mulai pertengahan bulan Ogos 2023. PTG menyediakan ruang untuk penyumbang makanan dari badan bukan kerajaan (NGO) dan individu (NGI). Pada September 2023, PTG telah mula menerima masuk gelandangan dan sehingga 27 Oktober 2023 seramai 123 orang telah didaftarkan masuk dan menerima perkhidmatan di PTG.

Purata penghuni secara harian adalah seramai 50 hingga 60 orang. Selepas hampir 3 bulan beroperasi, PTG telah mencapai matlamat penubuhan di peringkat permulaan ini.

- (b) Cabaran-cabaran yang dialami pada peringkat awal pengoperasian PTG adalah dari segi kekurangan penyumbang makanan kepada gelandangan. Namun demikian, perkara ini telah diatasi dengan pendekatan melibatkan hebahan secara lisan dan media massa. PTG kini telah dikenali sebagai tempat "*food distribution*" dan telah mula menerima sumbangan makanan yang mencukupi.
- (c) Pihak JKM akan menjalankan operasi secara berjadual dan berkala di kawasan KOMTAR termasuk kawasan *hot spot* yang berhampiran untuk menangani isu gelandangan.

Selain itu, program-program berbentuk advokasi kepada masyarakat juga dijalankan dari masa ke semasa seperti Kempen Bijak Membantu, Elak Tertipu sebagai langkah menangani isu ini.

20. Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat menghargai jasa dan sumbangan pihak NGO dan badan-badan berkepentingan dalam usaha mengekalkan negeri Pulau Pinang antara negeri termaju di Malaysia.
 - (a) Apakah usaha terbaharu yang diambil dengan penglibatan NGO, terutamanya dalam bidang modal insan, pendidikan dan pembangunan masyarakat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Manifesto Pakatan Harapan 2023 ada menggariskan bahawa Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM2.0 juta setahun sebagai geran kepada Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO). Oleh itu, dalam usaha ini Kerajaan Negeri akan sedaya upaya melaksanakan manifesto tersebut berdasarkan kepentingan masyarakat dan seluruh

rakyat Pulau Pinang, di samping melihat kepada implikasi kewangan semasa Kerajaan Negeri.

Inisiatif-inisiatif ini adalah selaras dengan Visi Penang2030 iaitu Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara. Semoga momentum ke arah kejayaan negeri Pulau Pinang dalam bidang pendidikan, pembangunan modal insan, pembangunan masyarakat, sains dan teknologi akan kekal bagi tahun-tahun yang akan datang hasil kerjasama antara Kerajaan Negeri dan NGO, seterusnya Pulau Pinang menjadi aspirasi kepada seluruh Malaysia.

21. Apakah kerjasama yang wujud dengan Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan bidang sains dan teknologi?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Hubungan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dalam bidang sains dan teknologi buat masa ini adalah secara dua hala iaitu kerjasama berbentuk pemberian insentif atau geran daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri dan kerjasama dari segi pengadaptasian inisiatif atau program sama ada yang sedang mahupun yang telah dilaksanakan di peringkat negeri khususnya dalam pembentukan sesuatu dasar baharu oleh Kerajaan Persekutuan. Sebagai contoh, geran-geran penyelidikan yang disediakan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) ditawarkan kepada institusi-institusi pengajian tinggi di Negeri Pulau Pinang bagi menjalankan kajian berkaitan sains dan teknologi. Melalui saluran dan insentif ini, pembangunan sektor sains dan teknologi di negeri mampu ditambah baik dengan efektif. Hal ini dapat dibuktikan melalui pengadaptasian inisiatif atau program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri seperti program *German Dual Vocational Training (GDVT)* oleh *Penang Skills Development Centre (PSDC)* yang telah menjadi contoh dan diguna pakai oleh Kerajaan Persekutuan yang dijenamakan sebagai *Malaysia Meister Programme*.

Hubungan dua hala ini akan terus membantu membangunkan bidang sains dan teknologi di Negeri Pulau Pinang. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan agensi berkaitan seperti Penang STEM, *Penang Science Cluster* dan Tech Dome Penang untuk mempergiatkan lagi pembudayaan bidang sains dan teknologi. Justeru, hubungan yang lebih erat amat diperlukan supaya bidang sains dan teknologi di peringkat negeri terutamanya dalam sektor semikonduktor dan sektor-sektor lain yang berkaitan dapat dilonjakkan nilainya ke tahap rangkaian global yang lebih tinggi selaras dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan *Penang Strategy for Economic Ecosystem Development Plan (Penang SEED)*.

22. Apakah status terkini mengenai projek pembinaan Ibu Pejabat Kontinjen Polis Pulau Pinang (IPK) yang baru di Sungai Dua?
- (a) Adakah projek ini mendapat peruntukan sepenuhnya daripada Kerajaan Persekutuan?
 - (b) Nyatakan tindakan dan pemantauan yang akan diambil sepanjang pelaksanaan projek ini terutamanya melibatkan isu trafik.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Status terkini projek pembinaan Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Polis Pulau Pinang yang baharu di Sungai Dua adalah dalam proses pembinaan. Berikut merupakan perincian projek:

Kaedah Pelaksanaan: Konvensional Perunding

Jenis Perolehan : Tender Terbuka

Kontraktor : MK Services Sdn. Bhd.

Tarikh SST : 21 Disember 2022

Tarikh Milik Tapak : 4 Januari 2023

Tarikh Dijangka Siap Kerja : 30 Disember 2025

Tempoh Kontrak : 156 Minggu

Kos Kontrak : RM244,915,960.00

Kemajuan pembangunan projek sehingga 20 September 2023 adalah sebanyak 1.46% (berbanding dengan jadual asal iaitu 1.63%). Bilangan hari lewat adalah sebanyak satu (1) hari. Varian kemajuan menunjukkan perbezaan negatif iaitu -0.17%.

- (a) Projek ini mendapat peruntukan sepenuhnya daripada Kerajaan Persekutuan di bawah projek Rancangan Malaysia Ke-12 *Rolling Plan* Pertama (RMKe-12 RP1).

Pihak Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Kontinjen Pulau Pinang akan mengaturkan penugasan pemantauan kawalan lalu lintas secara berkala di tempat tersebut.

23. Senaraikan tanah RIBI yang baru atau dalam cadangan di KADUN Batu Uban yang belum diberikan kepada mana-mana pihak.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menambah peruntukan Tabung RIBI dari maksimum RM50,000 kepada jumlah yang lain?
 - (b) Senaraikan jumlah peruntukan Tabung RIBI yang telah diberikan kepada rumah ibadat sepanjang tahun 2020 sehingga kini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Berdasarkan rekod Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang, terdapat lima (5) tokong Cina dan satu (1) kuil Hindu yang telah ditempatkan semula di Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Uban bersebelahan lot 10235 susulan projek pembangunan Ibu Pejabat Kontinjen Polis.

Bagi perancangan tanah RIBI baru, Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk membangunkan projek Tanah RIBI seperti Ampang Jajar di daerah Timur Laut atau Barat Daya pada masa akan datang.

- (a) Satu (1) jawatankuasa telah diwujudkan di bawah YB Pengerusi Jawatankuasa MMK Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam bagi meneliti dan menyediakan garis panduan khusus bagi proses permohonan dan kadar peruntukan bagi Tabung Amanah Rumah Ibadat Bukan Islam (TARIBI) agar lebih

efisien. Had maksimum bantuan RIBI yang diguna pakai semasa adalah RM50,000.00.

- (b) Jumlah peruntukan TARIBI yang telah disalurkan kepada persatuan/pertubuhan RIBI dari tahun 2020 sehingga Oktober 2023 adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH BAYARAN (RM)
2020	634,163.20
2021	1,429,925.00
2022	663,280.00
2023 (sehingga Oktober 2023)	1,357,030.00
JUMLAH (RM)	4,084,398.20

24. Apakah prosedur untuk menyimpan barangan kitar semula khususnya di kawasan perumahan?
- (a) Nyatakan tindakan yang boleh diambil oleh PBT dan agensi yang lain terhadap aktiviti penyimpanan secara haram.
- (b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengazetkan kawasan untuk menjalankan aktiviti ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Penyimpanan barangan kitar semula khususnya di premis kediaman sebagai perniagaan adalah tidak dibenarkan.

Bagi penyimpanan barangan yang boleh dikitar semula di atas inisiatif individu sekiranya ada, individu tersebut perlu melakukan langkah-langkah ini:

- (i) Mengasingkan sisa yang boleh dikitar semula;
- (ii) Membilas dengan air bagi membuang kekotoran;
- (iii) Memasukkan ke dalam bekas mengikut pengasingan atau beg plastik; dan
- (iv) Mengikat dan letak di sebelah tong sampah baki bagi kutipan pekerja atau kontraktor pengurusan sisa pepejal PBT atau menjual barangan kitar semula tersebut.
- (a) Tindakan yang boleh diambil oleh PBT terhadap aktiviti penyimpanan secara haram adalah melalui tindakan penguatkuasaan menggunakan peruntukkan undang-undang seperti berikut:
- (i) Seksyen 28, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172);
- (ii) Seksyen 109, Akta Kerajaan Tempatan 1976;
- (iii) Seksyen 82, Akta Kerajaan Tempatan 1976;
- (iv) Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan Dan Perindustrian MPPP 1991 sekiranya terdapat aktiviti perniagaan barangan lusuh/kitar semula di kawasan perumahan; dan
- (v) Undang-undang Kecil Pengasingan Sampah dan Pelesenan Perkhidmatan Pemungutan Sampah yang Boleh Dikitar Semula (MPSP) 2016.
- (b) Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mengazetkan mana-mana kawasan bagi menjalankan aktiviti kitar semula.

25. Isu 'parking' di Hospital Pulau Pinang.
- (a) Apakah tindakan daripada pihak yang berkaitan khususnya KKM bagi menyelesaikan isu kekurangan tempat letak kereta?
 - (b) Nyatakan jumlah aduan yang diterima oleh pihak hospital berkenaan isu ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. (a) Jumlah parkir di Hospital Pulau Pinang secara keseluruhan adalah 2,054. Daripada jumlah tersebut, parkir awam adalah sebanyak 1,153 lot dan parkir kakitangan sebanyak 901 lot.

Kawasan lapang di dalam kawasan hospital yang belum diguna pakai seperti tapak Pusat Sumber yang lama dan kawasan sekitar Blok Dental telah dikenal pasti dan dijadikan ruang parkir baru. Projek pembangunan baru seperti Blok Stem Cell, Blok Pakar dan Wad juga akan mempunyai ruang parkir baru.

Selain itu, terdapat dua (2) buah syarikat swasta menyatakan hasrat untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan tempat letak kereta bertingkat Hospital Pulau Pinang (secara *outsourcing*). Pihak pengurusan Hospital Pulau Pinang akan memperhalusi kebolehlaksanaan cadangan tersebut untuk dipanjangkan ke Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam masa terdekat.

- (b) Dari tahun 2021 sehingga 2023 sebanyak 4 aduan rasmi berkaitan isu parkir telah diterima daripada orang awam seperti berikut:

Tahun	Bilangan
2021	0
2022	1
2023	3
JUMLAH	4

26. Kes bunuh diri.
- (a) Apakah program yang diadakan oleh Kerajaan Negeri bagi membendung kes bunuh diri di Pulau Pinang?
 - (b) Berikan statistik kes bunuh diri dan cubaan bunuh diri mengikut jantina, umur dan bangsa.
 - (c) Apakah tindakan yang diambil bagi membendung peningkatan kes bunuh diri di Jambatan Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Bagi membendung kes bunuh diri di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah mengadakan Bengkel Khas Mekanisma Pencegahan Bunuh Diri Di Jambatan Pulau Pinang pada 21 Julai 2022. Bengkel ini telah dihadiri oleh semua pihak berkepentingan dengan sesi pembentangan dan soal jawab bagi mencari solusi agar kes bunuh diri terutama di Jambatan Pulau Pinang dapat ditangani dengan berkesan.

Berdasarkan kes yang dilaporkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 391 kes bunuh diri telah direkodkan pada tahun 2020 sehingga 2023 (Oktober). Statistik kes bunuh diri mengikut jantina, umur dan bangsa dari tahun 2020 sehingga 2023 (Oktober) adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Manakala bagi kes cubaan bunuh diri, terdapat sebanyak 100 kes cubaan bunuh diri dilaporkan. Berikut adalah statistik kes cubaan bunuh diri yang dilaporkan mengikut jantina, umur dan bangsa:

TAHUN	JANTINA		JUMLAH KESELURUHAN	JUMLAH CUBAAN BUNUH DIRI DI JAMBATAN PULAU PINANG
	LELAKI	PEREMPUAN		
2020	20	4	24	2
2021	17	14	31	6
2022	21	10	31	12
2023 (JAN – OKT)	10	4	14	4
JUMLAH	68	32	100	24

STATISTIK KES CUBAAN BUNUH DIRI SEKSYEN 309 KANUN KESEKSAAN BAGI TEMPOH TAHUN 2020 HINGGA 2023(JAN – OKT) MENGIKUT JANTINA

BAGI TEMPOH TAHUN 2020 HINGGA 2023 (JAN – OKT) MENGIKUT BANGSA DAN JANTINA

TAHUN	TAHUN 2020		TAHUN 2021		TAHUN 2022		TAHUN 2023 (JAN-OKT)		KESELURUHAN	
	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P
MELAYU	4	1	3	4	4	3	1	1	12	9
CINA	6	1	9	6	13	5	5	1	33	13
INDIA	6	2	4	2	4	2	1	2	15	8
LAIN BANGSA	-	-	-	-	-	-	-	-	0	0
W/ASING	4	-	1	2	-	-	3	-	8	2
JUMLAH	20	4	17	14	21	10	10	4	68	32

STATISTIK KES CUBAAN BUNUH DIRI SEKSYEN 309 KANUN KESEKSAAN BAGI TEMPOH TAHUN 2020 HINGGA 2023 (JAN – OKT) MENGIKUT BANGSA, UMUR DAN JANTINA

TAHUN	BAWAH 18 TAHUN		19 – 45 TAHUN		46 TAHUN KEATAS		JUMLAH KESELURUHAN	
	L	P	L	P	L	P	L	P
MELAYU	-	-	11	9	1	-	12	9
CINA	-	2	16	8	17	3	33	13
INDIA	-	2	12	6	3	-	15	8
LAIN BANGSA	-	-	-	-	-	-	0	0
W/ASING	-	-	8	1	-	1	8	2
JUMLAH	0	4	47	24	21	4	68	32

- (c) Bagi membendung peningkatan kes bunuh diri di Jambatan Pulau Pinang, PDRM telah meningkatkan rondaan dan pemantauan terutamanya membabitkan kawasan *hotspot* di Jambatan Pulau Pinang.

TABLE 1: THE FIRST PRINCIPAL COMPONENT ANALYSIS OF THE DATA SET

VARIABLE	EIGENVALUES										TOTAL		PERCENT						
	1		2		3		4		5		TOTAL	PERCENT	1	2	3	4	5	TOTAL	
	EV	SD	EV	SD	EV	SD	EV	SD	EV	SD									
1	10.5	3.2	4.2	2.1	2.8	1.5	1.2	0.8	0.6	0.4	20.8	48.1	19.7	15.6	10.5	8.1	5.4	4.2	20.8
2	4.8	2.1	3.5	1.8	2.2	1.4	1.1	0.7	0.5	0.3	10.3	22.6	4.0	3.1	2.1	1.6	1.0	0.8	10.3
3	3.2	1.5	2.8	1.3	1.9	1.2	0.9	0.6	0.4	0.2	6.8	15.0	3.0	2.3	1.5	1.1	0.7	0.5	6.8
4	2.1	1.0	1.8	0.9	1.4	1.1	0.8	0.5	0.3	0.1	4.5	9.9	2.0	1.5	1.0	0.7	0.5	0.3	4.5
5	1.5	0.7	1.3	0.6	1.1	0.9	0.6	0.4	0.2	0.1	3.2	7.1	1.5	1.1	0.7	0.5	0.3	0.2	3.2
TOTAL	20.8	10.3	6.8	3.2	2.1	1.5	1.1	0.8	0.5	0.3	42.8	94.7	19.7	15.6	10.5	8.1	5.4	4.2	42.8

TABLE 1

27. Perumahan mampu milik.

- (a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membina lebih unit RMM di kawasan Timur Laut dan juga di kawasan yang pesat membangun?
- (b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengkaji semula siling harga bagi rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan RMM?
- (c) Berapakah tempoh masa untuk penawaran kepada pembeli?

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. (a) Kerajaan Negeri sedang mengenal pasti beberapa tanah milik Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan di seluruh Pulau Pinang bagi pembangunan rumah mampu milik (RMM) termasuk tanah-tanah di Daerah Timur Laut dan kawasan sekitar yang sedang pesat membangun. Selain itu, Kerajaan Negeri di bawah sasaran *Penang2030* Inisiatif Strategik A1T3 iaitu 3,000 keluarga bakal mendapat faedah daripada Projek Pembaharuan Semula Bandar (URC). Melalui Projek URC ini, kawasan-kawasan urban dapat dibangunkan semula bagi mengoptimalkan penggunaan tanah serta dapat meningkatkan keluasan kediaman semasa yang hanya berkeluasan 240 kaki persegi hingga 527 kaki persegi dengan kemudahan fasiliti yang lebih baik seperti kemudahan tempat letak kereta bagi setiap unit rumah, kawasan rekreasi dan persekitaran yang lebih terancang. Skim perumahan Taman Free School dan Mahsuri merupakan projek perintis URC dan sedang dalam fasa pelaksanaan. Kerajaan Negeri juga memberikan lebih densiti bagi pembinaan RMM B dan RMM C iaitu sehingga nisbah plot maksima 1:4.
- (b) Sehingga kini, Kerajaan Negeri masih mengekalkan harga maksima rumah kos rendah (RMM A) pada harga RM42,000.00, rumah kos sederhana rendah (RMM B) pada harga RM72,500.00 dan rumah kos sederhana (RMM C) dengan harga maksimum RM300,000.00 di kawasan Pulau dan RM250,000.00 di kawasan Seberang Perai. Kerajaan Negeri mengambil maklum isu yang dibangkitkan oleh pemaju-pemaju RMM di Pulau Pinang terutamanya melalui *Real Estate and Housing Developers' Association (REHDA)* berkaitan keperluan kajian semula harga siling unit RMM A, RMM B dan RMM C. Hal ini adalah berkaitan peningkatan kos pembinaan yang meningkat saban tahun iaitu anggaran kos pembinaan semasa bagi RMM A adalah pada harga RM140,000.00, manakala RMM B pula pada harga RM150,000.00. Selain itu, kos tanah di Pulau Pinang juga menjadi faktor utama kepada keperluan kajian semula kepada harga siling RMM di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri sedang mendapatkan input dari pelbagai pihak berhubung perkara ini dan akan meneliti asas-asas yang akan dijadikan pertimbangan dalam membuat sebarang pindaan kepada dasar dan polisi semasa Kerajaan Negeri.
- (c) Tiada tempoh khusus bagi penawaran unit RMM A dan RMM B kepada pembeli potensi yang telah mengisi dan mendaftarkan permohonan kepada Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang melalui Sistem eRumah. Proses tawaran unit RMM A dan RMM B adalah berdasarkan bilangan projek dan unit yang tersedia serta pemohon jumlah senarai menunggu. Semua proses pemilihan adalah dilaksanakan secara atas talian iaitu setiap pemohon yang layak akan dipilih berdasarkan keutamaan pendaftaran dan kemaskini di atas talian Sistem Maklumat Perumahan (SMP). Pemohon adalah bertanggungjawab untuk mengemaskini permohonan setiap tiga (3) tahun sekiranya masih belum menerima sebarang tawaran. Kempen pengemaskinian pendaftaran RMM telah dibuat melalui hebahan radio dan media sosial mulai 1 Ogos 2022 hingga 31 Disember 2022. Berdasarkan rekod dan data terkini sehingga tarikh berakhir 23 Oktober 2023, sebanyak 7,811 pemohon telah mengemaskini permohonan. Pengemaskinian ini merupakan merit yang digunakan untuk dijadikan kekananan pemilihan penawaran.

28. Apakah perancangan, persiapan dan sasaran Kerajaan Negeri untuk menghadapi SUKMA 2024?
- (a) Nyatakan peruntukan yang disediakan untuk setiap kontinjen yang mengambil bahagian.

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Bertemakan misi "Untuk Melangkaui Jangkaan 2024: *Expect the Unexpected - Beyond Expectation*", Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang kini dalam rangka persiapan bagi menyiapsediakan atlet-atlet SUKMA negeri untuk dipertandingkan di Sukan Malaysia 2024 yang bakal dilangsungkan pada 17 sehingga 24 Ogos 2024 di Wilayah Sarawak.

Sasaran kontinjen negeri adalah untuk melihatkan kepada keupayaan pasukan SUKMA negeri meraih sejumlah 40 butir pingat emas dari 37 jenis sukan yang dipertandingkan. Setiap Persatuan Sukan Negeri, Jurulatih Sukan Negeri dan atlet-atlet yang terpilih dalam sukan-sukan yang dipertandingkan telah disasarkan untuk menyumbang sekurang-kurangnya sebutir pingat emas dalam setiap acara sukan jenis kategori individu yang disertai dan berusaha untuk melayakkan pasukan ke peringkat separuh akhir bagi sukan-sukan berpasukan dalam sukan yang dipertandingkan kelak.

Bagi merealisasikan hasrat ini, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang telah menggariskan strategi tumpuan utama pelaksanaan sukan berprestasi tinggi yang berteraskan kepada empat (4) teras utama iaitu:

- (i) **Teras 1:** Memperbanyakkan kemenangan pingat emas di Sukan Kebangsaan serta Sukan Terbuka yang disertai mulai tahun 2023 sehingga 2024 dengan memberi tumpuan penuh dan fokus terhadap program latihan dan anjakan prestasi pembangunan yang dilaksanakan bagi atlet-atlet dari kategori sukan-sukan individu.
- (ii) **Teras 2 :** Pemerksaan berterusan kepada Jurulatih Sukan Negeri khususnya kepada mereka yang terbabit dengan sukan-sukan yang dipertandingkan dalam kejohanan SUKMA (Sukan Fokus) dan lain-lain sukan dengan memberikan pendedahan terhadap penambahan ilmu-ilmu kesukanan terkini, perluasan dalam pendedahan kemajuan taktikal & teknikal permainan serta perkongsian berterusan melibatkan penggunaan elemen-elemen sains sukan terkini yang berupaya untuk meningkatkan potensi dan prestasi atlet yang menjalani latihan secara berlipat ganda.
- (iii) **Teras 3:** Meningkatkan jumlah bilangan atlet-atlet dalam latihan skuad pelapis SUKMA/Pembangunan/Akar Umbi secara berterusan dan tanpa henti bagi memperluaskan bakat-bakat sukan negeri yang berkebolehan untuk mewakili negeri Pulau Pinang ke sukan-sukan bertemasya peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa menjulang nama Pulau Pinang dan Malaysia.
- (iv) **Teras 4:** Mengukuhkan Urus Tadbir dan Penglibatan Langsung Persatuan Sukan Negeri dalam pembangunan sukan negeri serta memastikan berlakunya transformasi positif yang berkekal dalam pengurusan pentadbiran persatuan-persatuan sukan negeri yang merumus kepada usaha-usaha untuk merencanakan pembangunan sukan yang diterajui mereka serta meramaikan bilangan-bilangan pegawai teknikal sukan, jurulatih sukan dan atlet-atlet dalam latihan.

Usaha-usaha serta tindakan pengukuhan pasukan yang sedang dilaksanakan kini secara menyeluruh di peringkat Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang bakal memperlihatkan kepada usaha-usaha untuk mendorong keberadaan dan jalinan kerjasama antara persatuan sukan-sukan negeri bersama Kerajaan Negeri dalam menggandakan kejayaan-kejayaan dalam penyediaan pasukan berasaskan kepada kemenangan dan menduduki podium juara.

- (a) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM3 juta untuk penyediaan Kontinjen SUKMA Sarawak 2024 yang merangkumi pembekalan peralatan pertandingan untuk pasukan negeri dan pelbagai perbelanjaan yang merangkumi perbelanjaan kos penerbangan, penginapan urusetia, sewaan kenderaan, pembekalan pakaian kontinjen negeri dan lain-lain.

29. Apakah peranan secara langsung dan tidak langsung yang dimainkan oleh MPKK?

- (a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menubuhkan Ketua Komuniti Cina dan India seperti terdapat di negeri Selangor dan Negeri Sembilan?
 (b) Apakah fungsi dan peranan KRT dan Komuniti Madani?

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. MPKK berperanan sebagai pemudahcara dan penghubung antara Kerajaan dengan masyarakat setempat dan menjadi perantara di peringkat akar umbi yang akan menyalurkan sebarang permasalahan atau aduan kepada pihak yang berkaitan.

MPKK juga secara tidak langsung mempunyai peranan sosial bagi memastikan kawasan komuniti dijauhi daripada sebarang masalah sosial. Dalam masa yang sama, MPKK memainkan peranan dalam aspek keselamatan bagi membantu dan memberikan kerjasama kepada pihak keselamatan, jabatan dan agensi Kerajaan yang berkaitan untuk memelihara ketenteraman di kampung. Penglibatan komuniti setempat yang menggunakan pendekatan *bottom-up approach* ini penting ke arah mewujudkan kampung kawasan yang bersifat madani dan sejahtera.

- (a) Pada masa ini, terdapat beberapa orang Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari terdiri daripada kaum Cina dan India di dalam organisasi MPKK seluruh negeri Pulau Pinang seperti berikut:

Pengerusi Cina India	139 orang 29 orang
Setiausaha Cina India	129 orang 43 orang
Bendahari Cina India	139 orang 29 orang

Fungsi dan peranan KRT adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Justeru peranan jentera perpaduan khususnya Rukun Tetangga tidak termasuk dalam skop kawal selia oleh Pentadbiran Kerajaan Negeri. Manakala, bagi Komuniti MADANI, ianya merupakan inisiatif baharu Kerajaan yang diperkenalkan di bawah seliaan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri bagi mendokong usaha memartabat ekonomi komuniti membabitkan lima sektor tumpuan, iaitu pertanian dan makanan, jahitan dan kraf tangan, herba dan kesihatan, pelancongan dan hospitaliti serta aktiviti hijau dan kitar semula.

30. Apakah status permohonan bantuan kewangan bagi membina padang permainan untuk SJKT Subramaniya Barathee, Gelugor?

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Kerajaan Negeri telah menerima peruntukan daripada Kementerian Kewangan (MOF) di bawah skim Projek Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) pada tahun 2020. Kerajaan Negeri mempunyai baki peruntukan daripada pelaksanaan projek dibawah

skim ini dan telah mengemukakan permohonan pelaksanaan projek tersebut menggunakan peruntukan ini. Kerajaan Negeri sedang menunggu kelulusan daripada MOF untuk pelaksanaan projek itu menggunakan projek tersebut.

V. Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. On AhTeong) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Apakah perkembangan penggunaan 'Internet of Things' (IoT) di bilik kawalan CCTV MBPP?
 - (a) Nyatakan pelan tindakan bagi mengatasi masalah rakaman CCTV yang tidak berfungsi dengan baik.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Pada ketika ini, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sedang melaksanakan kerja-kerja pemasangan gentian optik untuk memperkembangkan penggunaan IoT di Bilik Kawalan *Closed-circuit television* (CCTV) serta mengatasi masalah rakaman CCTV yang sentiasa menghadapi gangguan isyarat tanpa wayar radio (*radio wireless signal*).
 - (a) Dalam usaha untuk mengatasi masalah rakaman CCTV yang tidak berfungsi dengan baik, pelan tindakan yang telah dirancang dan dibuat oleh pihak MBPP adalah dengan melaksanakan pemasangan gentian optik di kawasan-kawasan seperti berikut:
 - (i) George Town ke Batu Maung yang telah disiapkan pada bulan Mac 2023;
 - (ii) George Town ke Batu Feringghi serta jajaran dari Batu Maung ke Balik Pulau yang sedang dilaksanakan dan dijangka akan disiapkan pada bulan Mei 2024; dan
 - (iii) Balik Pulau ke Batu Feringghi yang dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2025.
2. Apakah status penggunaan CCTV jenis '*facial recognition*' dalam memerangi jenayah?
 - (a) Nyatakan faedah dan pencapaian pemasangan CCTV jenis ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Menurut pihak PDRM, penggunaan Closed Circuit Television (CCTV) jenis *facial recognition* telah berjaya mengurangkan kes jenayah berbanding sebelum pemasangan CCTV. Penggunaan CCTV jenis *facial recognition* ini dapat mengenal pasti individu yang terlibat dalam melakukan jenayah atau tindakan yang mencurigakan dengan lebih pantas dibandingkan dengan cara manual. Selain itu, masalah ketepatan wajah individu dengan warna kulit yang berbeza atau dalam keadaan pencahayaan yang tidak jelas boleh menyebabkan berlaku kesilapan dalam mengesan suspek dapat dielakkan melalui penggunaan CCTV jenis *facial recognition* ini.

Setakat Oktober 2023, Bahagian Siasatan Khas (D) telah berjaya menyelesaikan sebanyak 28 kes merangkumi 25 kes samun, dua (2) kes cuba bunuh dan satu (1) kes bunuh. Kesemua kes tersebut berjaya diselesaikan melalui bantuan CCTV persendirian yang diperolehi dari rumah dan premis perniagaan di kawasan berdekatan tempat kejadian.

- (a) Penggunaan CCTV dengan teknologi pengenalan wajah (*facial recognition*) dapat memberikan beberapa manfaat dan pencapaian seperti berikut:
 1. Keamanan meningkat
 - (i) Dapat membanteras jenayah dengan lebih berkesan dan mengenal pasti suspek dengan cepat serta memberi impak yang minimum dari berlakunya kejadian jenayah; dan

- (ii) Membantu dalam mengesan suspek yang terdapat dalam rekod *database* PDRM serta dapat mencegah kejadian jenayah yang akan berlaku.
2. Pemantauan *Real-time*
 - (i) Dapat digunakan untuk pemantauan masa sebenar (*real-time*) kejadian jenayah yang berlaku ditempat awam. Pihak PDRM dapat mengambil tindakan yang lebih pantas terhadap kejadian jenayah.
 3. Indentifikasi orang hilang atau diculik
 - (i) *Facial recognition* juga dapat digunakan dalam membantu siasatan mencari orang hilang atau diculik. Dengan membandingkan gambar dalam *database* wajah yang ada, individu yang hilang dapat dikesan jika mereka terlihat di tempat awam.
 4. Penggunaan dalam siasatan jenayah
 - (i) Menjimatkan masa dan membantu siasatan berjalan dengan lebih cekap dan tepat dalam mengesan penjenayah / suspek; dan
 - (ii) Waran tangkap yang mudah dikesan dan dibawa ke muka pengadilan dengan lebih cepat dan berkesan.
 5. Keterlibatan orang awam
 - (i) Pemasangan *CCTV* dengan *facial recognition* dapat meningkatkan penglibatan masyarakat dalam memerangi jenayah. Masyarakat dapat melaporkan aktiviti jenayah atau mencurigakan kepada pihak PDRM.
3. Nyatakan bentuk atau jenis latihan yang diperlukan bagi meningkatkan kepakaran petugas di bilik *CCTV* MBPP.
 - (a) Apakah rancangan jangka panjang MBPP untuk penubuhan 'Intelligent Operation Centre'?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sentiasa menjalankan latihan bagi meningkatkan kepakaran petugas di Bilik Kawalan *closed-circuit television* (*CCTV*) MBPP. Pada ketika ini, MBPP telah mengadakan sesi latihan teknikal penggunaan sistem *CCTV* (*technology transfer*) oleh pembekal kepada kakitangan MBPP termasuk petugas di Bilik Kawalan *CCTV* MBPP. Selain itu, pihak MBPP juga telah mengambil pendekatan seperti berikut:
 - (i) Mengadakan latihan teknikal dalam bidang Information Technology (IT), sistem *CCTV* dan operasi tindakan keselamatan;
 - (ii) Mengadakan sesi perkongsian ilmu dan pengalaman melalui lawatan sambil belajar ke Bilik Kawalan lain seperti Kuala Lumpur Command & Control Centre (KLCCC); dan
 - (iii) Melaksanakan latihan-latihan yang berkaitan dengan teknologi terkini di dalam Bilik Kawalan *CCTV* MBPP.
- (a) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sememangnya telah mempunyai perancangan jangka panjang bagi Bilik Kawalan *CCTV* yang juga merupakan sebuah '*Intelligent Operation Centre*' (IOC). Antaranya adalah seperti berikut:

- (i) Menaik taraf skrin video wall, server dan kamera CCTV yang dipasang dengan program analitik video yang lebih canggih untuk meningkatkan keberkesanan fungsi sistem IOC;
- (ii) Mewujudkan satu platform bersepadu (*integrated platform*) untuk memaparkan semua data, maklumat dan peta sedia ada di MBPP di *dashboard* IOC bagi memudahkan pemantauan, analisa data dan membuat keputusan oleh pihak atasan; dan
- (iii) Menjalinkan hubungan kerjasama yang lebih erat dengan agensi lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta agensi lain yang berkenaan dengan melaksanakan kerja pemantauan dan mengadakan operasi bersepadu di IOC MBPP.

4. Apakah perkembangan pemasangan '*fibre optic*' MBPP?

- (a) Nyatakan jumlah penjimatan bil utiliti dari bulan Januari hingga Oktober 2023 selepas pemasangan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. MBPP telah memulakan kerja-kerja pemasangan fiber optik semenjak bulan April 2022 lagi. Pelaksanaan projek ini dibuat secara berperingkat yang melibatkan sebanyak empat (4) fasa. Perkembangan setiap fasa pelaksanaan adalah seperti berikut:

- (i) Fasa 1: Pemasangan fiber optik dari George Town ke Batu Maung yang bermula pada April 2022 telah disiapkan pada bulan Mac 2023.
- (ii) Fasa 2: Pemasangan fiber optik dari George Town ke Batu Feringgi sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan Mei 2024
- (iii) Fasa 3: Pemasangan fiber optik dari Batu Maung ke Balik Pulau sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan Mei 2024
- (iv) Fasa 4: Pemasangan fiber optik dari Balik Pulau ke Batu Feringgi, MBPP sedang dalam proses kajian jajaran yang bersesuaian. Projek dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2025.

Pada masa kini, penjimatan bil utiliti masih tidak dapat dinikmati memandangkan pelaksanaan pemasangan ini masih berjalan. Setelah pemasangan ini siap sepenuhnya, penjimatan kos jangka masa panjang akan dapat dinikmati oleh pihak MBPP dengan mengelakkan kos sewaan perkhidmatan Telco bagi penyediaan rangkaian di setiap premis MBPP (35 lokasi) sedia ada. Jumlah anggaran penjimatan kos dalam penyewaan perkhidmatan telekomunikasi bagi semua premis MBPP dan kamera CCTV selepas semua fasa pemasangan ini disiapkan adalah dianggarkan berjumlah RM5.11 juta setahun.

5. Berapakah kos penggunaan dan penyelenggaraan kenderaan elektrik termasuk motosikal yang digunakan oleh Kerajaan Negeri dan PBT?

- (a) Adakah ini menjimatkan perbelanjaan awam? Jelaskan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) melaksanakan penggunaan kenderaan elektrik (EV) seperti motorsikal elektrik mesra alam bagi tujuan pelaksanaan perkhidmatan di bawah kedua-dua PBT terlibat. Butiran terperinci kos penggunaan dan penyelenggaraan motorsikal elektrik dan motorsikal petrol adalah seperti berikut:

PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	JENIS KENDERAAN	KOS PENGGUNAAN	KOS PENYELENGGARAAN
MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG	Motorsikal Elektrik	100KM=RM2.00	termasuk dalam kos sewaan bulanan RM990.00 (Ditanggung Pembekal)
	Motorsikal Petrol	100KM=RM3.50	RM6,000.00 (tahunan)
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI	Motorsikal Elektrik	RM550.00 (tahunan)	RM5,000.00 (tahunan)
	Motorsikal Petrol	RM3,136.30 (tahunan)	RM6,250.00 (tahunan)

Berdasarkan butiran terperinci kos penggunaan dan penyelenggaraan kenderaan elektrik termasuk motorsikal elektrik yang dinyatakan di atas, perbelanjaan awam dapat dijimatkan melalui penggunaan motosikal elektrik bagi jangka masa yang panjang memandangkan kos penggunaan dan penyelenggaraan adalah lebih jimat berbanding dengan motorsikal petrol yang mana kos penggunaan dan penyelenggaraan adalah lebih tinggi.

6. MBPP telah melancarkan pakej SmiDat pada bulan Mei 2023.
 - (a) Nyatakan kos pembangunan aplikasi berkenaan.
 - (b) Nyatakan bentuk pulangan dan aspek kewangan dan lain-lain.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. (a) Pakej *Smart Island Digital Twin* (SmiDat), khususnya *Project Virtual Island of Penang* merangkumi empat (4) fasa seperti berikut:

Fasa Pertama

Melibatkan kerja-kerja menaik taraf infrastruktur sedia ada melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM4,290,280.00 yang bertujuan untuk menyediakan satu sistem berasaskan informasi GIS untuk digunakan dengan lebih efektif dalam memacu operasi bandar;

Fasa Kedua

Merangkumi pembangunan transformasi operasi bandar melalui *3D City Map Modeling* yang berjumlah RM10,696,277.00;

Fasa Ketiga

Merangkumi aplikasi *Climate Resilience, Intelligent Traffic Management, Operational Excellence & Carbon Neutral* yang dianggarkan berjumlah RM1.8 juta; dan

Fasa 4

Merangkumi aplikasi *Landfill Diversion, Economic Catalyst, Healthy Safety & Security & Connectivity - Physical & Digital* dianggarkan berjumlah RM1.0 juta.

- (b) Perincian bentuk pulangan/faedah dan aspek kewangan (ROI) bagi keempat-empat fasa adalah seperti di **Lampiran A**.

LAMPIRAN A

Fasa	Penerangan	Tarikh Mula – Tarikh Tamat	Kos Pembangunan (RM)	ROI/FAEDAH
1	<p>Framework Foundation</p> <p>Menaik taraf infrastruktur semasa (Platform GIS) Pimap Pusat Data berpusat di PDSA Kulim Pemindahan Data (Pimap ke VIP) Dashboard Pimap 2.0</p>	<p>November 2022 - Julai 2023</p> <p>(Penyelenggaraan sehingga Julai 2024)</p>	4,290,280.00	<p>Kerangka yang telah ditetapkan pada Fasa 1 adalah asas kepada fasa-fasa berikutnya, dimana segala maklumat akan digunakan dengan lebih efektif untuk meningkatkan pembangunan operasi bandar.</p> <p>Penjimatan kos bagi Pengkalan Data yang berpusat di PDSA KULIM adalah dianggarkan berjumlah RM 2.55 juta (<i>Data Center Setup</i>) + RM500,000.00 bagi penyelenggaraan tahunan.</p>
2	<p>Driving Digital Transformation of City Operation</p> <p><i>3D City Map Modeling</i> Imej Satelit 3 “key area” untuk menjalankan analisis dan simulasi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemuliharaan Warisan • <i>Livable Urban Planning (e-Submission</i> – bagi memudahkan proses kelulusan) • Perubahan Iklim (Aplikasi banjir dan tanah runtuh) <p>25 sensor cuaca IOT Integrasi data (agensi dalaman dan luaran)</p> <p><i>Lab Virtual Island of Penang</i> (Makmal penyelidikan dan pembangunan untuk pengurusan bandar dalam penggunaan <i>Big Data Analytics</i>)</p>	<p>Oktober 2023 – Februari 2025</p>	10,696,277.00	<ul style="list-style-type: none"> • 3D DIGITAL CITY MAP – Menambahbaik simulasi dan analisis perancangan bandar dengan menangani keselamatan awam, permasalahan alam sekitar dan maklumbalas dari orang awam. • SELARAS PROSES KELULUSAN PELAN PEMBANGUNAN – Mengurangkan masa yang diambil untuk kelulusan pelan pembangunan. • MENINGKATKAN PENDAPATAN MBPP – Menjalankan pemacuan data untuk mengenalpasti harta yang tidak dikenakan cukai, papan tanda dan perniagaan yang tidak berlesen. • MEMPERCEPATKAN KERJASAMA ANTARA JABATAN – Meningkatkan kecekapan operasi dengan kerjasama data melalui <i>Common Spatial Data Infrastructure (CSDI)</i>. • ARTIFICIAL INTELLIGENCE- Mengemudi Inovasi Digital dengan <i>Geo-Artificial Intelligence (AI)</i> dan <i>Machine</i>

Fasa	Penerangan	Tarikh Mula – Tarikh Tamat	Kos Pembangunan (RM)	ROI/FAEDAH
				<p><i>Learning</i> untuk mempercepat dan meningkatkan produktiviti MBPP.</p> <ul style="list-style-type: none"> • REAL-TIME ANALYTICS- Membolehkan MBPP menjalankan pengurangan risiko, tindakan operasi pantas dan proaktif beserta maklumat segera yang lengkap dan tepat. • KEPUASAN ORANG AWAM – Mengurangkan masa dari hari ke saat untuk menyelesaikan kes oleh pegawai aduan (eAduan). • PENGLIBATAN ORANG AWAM – Penglibatan orang awam melalui MBPP VIP GeoHub untuk meningkatkan kesedaran.
3	<p><i>Driving Digital Innovation with Smart Initiatives & services</i></p> <p>Lain-lain Aplikasi <i>Intelligent Traffic Management</i> <i>Carbon Neutral</i> Keunggulan Operasi</p>	April 2025 - Disember 2025 (Sasaran)	Anggaran RM1.8 juta	-
4	<p><i>Driving Digital Innovation with Smart Initiatives & services</i></p> <p>Lain-lain Aplikasi <i>Economic Catalyst</i> Kesihatan, Keselamatan & Sekuriti <i>Connectivity layout</i> <i>(Physical & Digital)</i></p>	Januari 2026 - Jun 2026 (Sasaran)	Anggaran RM1.0 juta	-

7. Senaraikan pegawai dan negara yang dilawati bagi tujuan rasmi mulai tahun 2022 hingga bulan Oktober 2023.
 - (a) Senaraikan faedah dan pulangan kepada penduduk Pulau Pinang hasil lawatan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Senarai pegawai dan negara yang dilawati bagi tujuan rasmi mulai tahun 2022 hingga bulan Oktober 2023 serta faedah dan pulangan kepada penduduk Pulau Pinang hasil lawatan tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

SENARAI PEGAWAI DAN NEGARA YANG DILAWATI BAGI TUJUAN RASMI MULAI TAHUN 2022 HINGGA OKTOBER 2023

BIL.	NAMA PEGAWAI	NEGARA DILAWATI	NAMA DAN TARIKH PROGRAM	FAEDAH, PULANGAN DAN HASIL LAWATAN
1)	YBhg. Datin Bharathi A/P Suppiah, Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI)	Poland	Lawatan ke Persidangan WUF 11 di Pusat Kongress Antarabangsa Katowice, Poland dari 26 hingga 30 Jun 2022	<p>Persidangan ini melibatkan sesi pembentangan, perbincangan meja bulat dan perkongsian amalan terbaik (<i>best practices</i>) untuk meperkasakan budaya dan inovasi dalam proses perbandaran yang lestari, mampan dan berdaya saing melibatkan bandar Matlamat Pembangunan Mampan (SDGS) yang kini diusahakan dengan inisiatif <i>Penang Bay</i> sebagai projek perintis.</p> <p>Hasil persidangan tersebut, Kerajaan Negeri (Jabatan Pengairan dan Saliran), Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Think City Sdn. Bhd. telah menerima USD 10 juta bagi program atau projek <i>Climate Adaptation Fund</i>. Perjanjian telah ditandatangani oleh semua pihak bersama UN Habitat.</p> <p>Usaha ini dijangka akan membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan bagi bandar SDGS yang terlibat dan mengurangkan jurang kualiti kehidupan di antara bandar dan luar bandar dengan berfokuskan kepada keperluan rakyat.</p>
2)	<p>Delegasi dari Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang seperti berikut:</p> <p>i) Encik Ooi Soon Lee</p> <p>ii) Encik Ahmad Kamil Bin Jamaludin</p> <p>iii) Ir. Ts. Haslinda Binti Mohamad Hamran</p>	Singapura	Lawatan Kerja Jawatankuasa MMK Tebatan Banjir Ke CPG Corporation, Singapura dari 13 hingga 15 Julai 2022	<p>Lawatan ini telah memberikan manfaat kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memperoleh idea baharu mengenai pengurusan sumber air, pelan mitigasi banjir dan rawatan air secara semula jadi. Di samping itu, lawatan kerja ini juga telah mencapai objektif berikut:</p> <p>(a) Membina hubungan kerjasama diplomatik dalam bidang pengurusan sumber air di antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan 159 kerajaan Singapura;</p> <p>(b) Membuka ruang kepada Pulau Pinang untuk meneroka dan memahami pengurusan sumber air alternatif dan pengurusan tebatan banjir yang dilaksanakan oleh kerajaan Singapura; dan</p> <p>(c) Menggalakkan percambahan idea kepada para delegasi untuk menaik taraf infrastruktur berkaitan sumber air dan pelan mitigasi banjir yang lebih holistik.</p>
3)	Puan Hasma Binti Hashim, Setiausaha Bahagian, Bahagian DUN	Kanada	Persidangan tahunan bagi negeri yang menganggotai Persatuan Parlimen Komanwel (CPA) dari 20 hingga 26 Ogos 2022	<p>Pegawai pengiring kepada delegasi daripada CPA <i>Penang Small Branch</i> untuk menghadiri Persidangan Tahunan Persatuan Parlimen Komanwel (CPA).</p> <p>Persidangan Persatuan Parlimen Komanwel (CPC) menjadi landasan untuk perkongsian maklumat dan pendapat serta meningkatkan jalinan kerjasama antara negara yang menjadi anggota Persatuan Parlimen Komanwel (CPA).</p>

BIL.	NAMA PEGAWAI	NEGARA DILAWATI	NAMA DAN TARIKH PROGRAM	FAEDAH, PULANGAN DAN HASIL LAWATAN
				CPC merupakan platform untuk para delegasi Kerajaan Negeri berinteraksi dengan delegasi dari negara-negara komanwel yang lain untuk bertukar pendapat dan pandangan serta mempelajari kaedah untuk memastikan fungsi dan peranan Dewan Undangan Negeri selaku badan perundangan tertinggi di peringkat negeri dapat dikendalikan dengan lebih efektif.
4)	i) Tuan Zuhair Bin Jamaludin, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri ii) Encik Jeremy Low Boon Hoe, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri	Thailand	Mesyuarat Menteri-Menteri Kawasan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) ke-28 dan Mesyuarat-Mesyuarat lain berkaitan di Phuket, Thailand dari 13 hingga 16 September 2022	Penyertaan delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke Mesyuarat Menteri-Menteri Kawasan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) ke-28 dan mesyuarat-mesyuarat lain berkaitan telah membolehkan Kerajaan Negeri menambah pengetahuan dan meneroka peluang kerjasama antara negara anggota IMT-GT khususnya di antara Kerajaan Negeri dan wilayah di bawah IMT-GT.
5)	i) Puan Ambika Devi A/P Daran, Ketua Unit Pengurusan Bencana (UPB) ii) Puan Wan Solehah binti Wan Ahmad, UPB	Australia	Lawatan delegasi Pulau Pinang ke seminar di Brisbane, Australia dari 19 hingga 22 September 2022	Pihak Unit Pengurusan Bencana mewujudkan 160erjasama dengan Universiti Sains Malaysia bagi membuat analisis risiko bencana berdasarkan data-data yang sedang dikumpul dan juga bagi mewujudkan Pelan Tindakan Pengurusan Bencana Negeri Pulau Pinang.
6)	i) Puan 'Ainul Fadhilah Binti Samsudi (Pengurus Besar Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP)) ii) Nur 'Aishah Binti Md Norodin Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan iii) Dato' Ir. Rajendran a/l P. Anthony Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Pulau Pinang	United Kingdom	Lawatan kerja ke Camden London Borough Council & King's Cross, London, United Kingdom pada September 2022	Lawatan kerja ini adalah untuk meninjau serta mempelajari pendekatan dan pengalaman King's Cross Central Partnership selaku pelaksana dan Camden London Borough Council selaku pihak berkuasa merancang berkaitan isu-isu berikut: (a) Strategi dan program memulakan pembaharuan semula bandar; (b) Rekabentuk, kos dan perundangan berkaitan pembaharuan semula; (c) Penentuan konsep kediaman, komersial dan bercampur bagi kemampuan kos; dan (d) Penglibatan awam swasta dalam mengatasi birokrasi perancangan.
7)	i) Encik Surentharan a/l Ramadas, Penolong Setiausaha Kanan BKT ii) Encik Faris Aiman Bin Norashiddin, Ketua Unit Unit Pengurusan Sisa Pepejal (UPSP) BKT	Singapura	Lawatan dan perbincangan ke National Environment Agency (NEA) pada September 2022	Lawatan dan perbincangan ke National Environment Agency (NEA) untuk berkongsi pandangan dan belajar tentang pelaksanaan pengurusan sisa pepejal di Singapura.

BIL.	NAMA PEGAWAI	NEGARA DILAWATI	NAMA DAN TARIKH PROGRAM	FAEDAH, PULANGAN DAN HASIL LAWATAN
8)	i) Puan Nur 'Aishah Binti Md Norodin, Setiausaha Bahagian, Bahagian Kerajaan Tempatan ii) Encik Mohd Rizwan bin Rozi, Penolong Setiausaha Kanan, Bahagian Kerajaan Tempatan iii) Encik Kamarulzaman Bin Elias, Penolong Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan iv) Puan Fatin Nurhazirah Binti Ismail, Penolong Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan	Indonesia	International Convention on QC Circles (ICQCC) 2022 pada November 2022	Menyertai International Convention on QC Circles (ICQCC) 2022 dan mewakili Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan mempertandingkan Projek Penang Smart Parking Projek Penang Smart Parking telah mengharumkan nama Malaysia dengan memenangi Anugerah Emas di dalam International Convention on QC Circles (ICQCC) 2022.
9)	i) Encik Faris Aiman Bin Norashiddin Ketua Unit Unit Pengurusan Sisa Pepejal (UPSP) BKT	Thailand	Lawatan dan perbincangan di Loji Biogas Municipal Solid Waste (MSW) di Chiang Mai University (CMU) pada Disember 2022	Lawatan dan perbincangan di Loji Biogas Municipal Solid Waste (MSW) di Chiang Mai University (CMU). Projek ini adalah berkaitan dengan Projek Naiktaraf Stesen Pemindahan Sampah Ampang Jajar di bawah seliaan MBSP.
10)	i) YB Dato' Dr. Mohamad Farazi Bin Johari, Pegawai Kewangan Negeri ii) YBhg. Dato' Azhar Bin Arshad, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai iii) Encik Mohd Syaiful Bin Patolga, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri iv) Puan Masayu Azreen Binti Md Said, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Delegasi dari Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang seperti berikut: v) Encik Aziz Bin Bakar	United Arab Emirates (UAE)	Ekspo Dubai 2020, UAE (Minggu Pulau Pinang) dari 16 hingga 23 Januari 2023	Menandatangani lima (5) Memorandum Persefahaman (MOU) dan dua (2) Memorandum Perjanjian (MOA) yang bernilai USD4,355,228,272 atau RM18,150,000,000.00 Mendapatkan 110 "business lead" yang melibatkan pelbagai program yang diadakan sepanjang Minggu Pulau Pinang seperti "business matching" dan mesyuarat yang dihadiri berjumlah USD16,295,034.70 atau RM68,458,747.60 Jumlah keseluruhan "potential value" yang diperoleh sepanjang Minggu Pulau Pinang Ekspo 2020 Dubai adalah berjumlah USD4,371,523,306.70 atau RM18,218,458,747.60

BIL.	NAMA PEGAWAI	NEGARA DILAWATI	NAMA DAN TARIKH PROGRAM	FAEDAH, PULANGAN DAN HASIL LAWATAN
	vi) Puan Ku Zaleha Binti Ku Iskandar vii) Encik Mohammad Azhar Bin Hamdan viii) Encik Rozailizam Bin Mat Isa ix) Puan Zurahanim Binti Abdul Hamid x) Encik Azahar Bin Mohd Zamri Khoo xi) Encik Muthukumaran A/L Lohganathan xii) Encik Muhammad Hanif Bin Abdul Barik xiii) Encik Amran Bin Ahmad			
11)	i) YBhg. Datin Bharathi A/P Suppiah, Pengurus Besar CMI ii) Puan Nurul Amira Binti Md Isa, Kurator CMI	Belanda	Lawatan ke The Hague dan Collection Center Netherlands ("CCNL"), Belanda dari 22 hingga 24 Mac 2023	Lawatan kerja ini adalah untuk menyelaraskan proses membawa pulang aset warisan kerajaan negeri iaitu 41 rangka manusia Guar Kepah zaman Neolitik yang kini tersimpan di CCNL, Belanda. Hasil lawatan tersebut telah menyakinkan kerajaan Belanda berkenaan kepentingan peninggalan Guar Kepah tersebut untuk dipulangkan kepada pihak Malaysia khususnya Pulau Pinang pada suku kedua 2024 dan akan dipamerkan di satu-satunya galeri lapangan (<i>on-site gallery</i>) di Guar Kepah.
12)	Encik Mohamad Muhaimi Bin Ibrahim, Bahagian DUN	Gibraltar	<i>Mid-Year CPA Executive Committee Meeting 2023</i> di John Mackintosh Square, Gibraltar dari 18 hingga 19 April 2023	Pegawai pengiring kepada YB Dato' Law Choo Kiang, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Yang di-Pertua DUN Pulau Pinang merupakan Ahli Exco bagi CPA yang mewakili <i>Southeast Asia Region</i> bersama wakil daripada parlimen Malaysia dan Singapura. Barisan exco CPA yang dilantik bertindak mengawal serta menguruskan aktiviti dan program Persatuan Parlimen Komanwel.
13)	Encik Surentaran a/l Ramadas, Penolong Setiausaha Kanan, Bahagian Kerajaan Tempatan	United Kingdom dan Jerman	Lawatan kerja delegasi ke London, United Kingdom Dan Dusseldorf pada April 2023	Lawatan kerja delegasi ini adalah penting bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengetahui tentang pelaksanaan kaedah kitar semula dan teknologi termasuk WtE dan pengurusan tapak pelupusan yang efisien yang telah dilaksanakan di negara-negara tersebut dan sebagai rujukan serta panduan terutamanya bagi penyediaan Request for Proposal (RFP) Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung (TPSPB).
14)	i) Encik Jayanandhan a/l M.Vivekanandan,	Cambodia	Temasya Sukan Asia Tenggara, Cambodia 2023 di	Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang sedang dalam perancangan untuk pembedaan Penganjuran

BIL.	NAMA PEGAWAI	NEGARA DILAWATI	NAMA DAN TARIKH PROGRAM	FAEDAH, PULANGAN DAN HASIL LAWATAN
	<p>Timbalan Pengerusi 2, Jawatankuasa Pengurusan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP)</p> <p>ii) Puan Lim Lay Sim, Ahli Jawatankuasa Pengurusan MSNPP</p> <p>iii) Encik Harry Chai Heng Hua, Pengarah MSNPP</p> <p>iv) Encik Mohamad Hafizi bin Mazain, MSNPP</p> <p>v) Encik Mohd Suhaimi bin Md Salleh, MSNPP</p>		Phnom Penh, Cambodia dari 5 hingga 9 Mei 2023	Sukan Malaysia (SUKMA) pada tahun 2030 atau 2032. Untuk maklumat, kali terakhir negeri Pulau Pinang menganjurkan Sukan Malaysia adalah pada tahun 2000 iaitu 23 tahun sebelum ini. Lawatan rasmi ini telah memberi satu pendedahan yang baik kepada delegasi MSNPP berkenaan dengan persediaan fizikal, pengurusan penganjuran dan logistik sebagai satu persediaan awal untuk bidaan SUKMA nanti. Dengan pengurusan penganjuran yang sistematik dan rapi, rakyat negeri Pulau Pinang dapat menikmati penganjuran SUKMA yang berjaya nanti supaya mengharumkan nama negeri Pulau Pinang pada masa depan nanti.
15)	<p>i) Puan Nur 'Aishah Binti Md Norodin SUB, BKT</p> <p>ii) Encik Faris Aiman Bin Norashiddin Ketua Unit, Unit Pengurusan Sisa Pepejal (UPSP) BKT</p>	Thailand	Lawatan dan perbincangan di Integrated Solid Waste Disposal & Recycling Facility di Rayong, South Bangkok, Thailand pada Mei 2023	Lawatan dan perbincangan di Integrated Solid Waste Disposal & Recycling Facility di Rayong, South Bangkok, Thailand. Fasilitas tersebut berfokuskan kepada penggunaan RDF sebagai bahan tenaga. Lawatan ini adalah berkaitan Projek Rehabilitasi Fasa 1, Tapak Pelupusan Sampah di bawah seliaan MBSP.
16)	Tuan Asrul Nizam Bin Yahya, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang	Thailand	Lawatan Kerja Dan Diskusi Isu Pernikahan Yang Berlawanan Dengan Akta/ Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Nikah Sindiket) Warganegara Malaysia di Selatan Thailand bersama Majlis Agama Islam Wilayah Selatan Thailand dari 19 hingga 23 Jun 2023	<p>Lawatan dan diskusi ini telah memberi manfaat dan penyelesaian berkaitan isu-isu yang timbul dalam pengurusan pendaftaran dan pengesahan pernikahan rakyat Malaysia yang beragama Islam di Thailand yang melibatkan hukum syarak dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang 2004 serta Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Pulau Pinang 2004.</p> <p>Selain itu, kunjungan ke Pejabat Konsul Jeneral Malaysia di wilayah Songkhla juga turut diadakan untuk mendapatkan gambaran tentang status dokumen atau surat pengesahan yang dikeluarkan kepada pasangan yang berkahwin di selatan Thailand. Delegasi lawatan juga diberikan taklimat oleh pegawai di Pejabat Konsul Jeneral Malaysia berkaitan proses dan tatacara pengeluaran surat pengesahan tersebut.</p> <p>Isu-isu semasa yang timbul dari segi pengurusan, pengesahan dan pendaftaran pernikahan yang dilangsungkan di selatan Thailand oleh pasangan Islam dari Malaysia yang berlawanan dengan akta atau enakmen undang-undang juga telah diselesaikan.</p>
17)	Puan Masliana Binti Mohamad Ali, Bahagian DUN	Indonesia	Medan Fair dari 1 hingga 4 Julai 2023	Petugas Pavillion Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang semasa penyertaan Medan Fair mempromosikan Negeri Pulau Pinang di peringkat antarabangsa.

BIL.	NAMA PEGAWAI	NEGARA DILAWATI	NAMA DAN TARIKH PROGRAM	FAEDAH, PULANGAN DAN HASIL LAWATAN
18)	Puan Ambika Devi A/P Daran, Ketua Unit Pengurusan Bencana	Jepun	Delegasi Pulau Pinang ke kursus dari 9 hingga 22 Julai 2023	Borang pengisian pendaftaran Rakan UPB telah diwujudkan dan sedang diselaraskan bagi diedarkan kepada sukarelawan-sukarelawan.
19)	Delegasi dari Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang seperti berikut: i) YAA Dato' Muhamad Abdul Karim Bin Wahab ii) Tuan Mohd Hafiz Bin Idris	Oman	Kursus Jangka Pendek Luar Negara Mengenai Pelaksanaan <i>Alternative Dispute Resolution</i> ("ADR") di Oman dari 23 hingga 29 Julai 2023	<p>Kursus ini telah memberi impak positif kepada hubungan kerjasama dua hala antara kerajaan Malaysia dengan kerajaan kesultanan Oman dan menguatkan lagi hubungan diplomatik antara kedua-dua negara. Ini sekaligus dapat merealisasikan hasrat Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang (JKSNPP) dalam membantu memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam sistem keadilan Syariah di Malaysia khususnya di Negeri Pulau Pinang.</p> <p>Antara manfaat dan potensi kerjasama masa hadapan adalah seperti berikut:</p> <p>(a) Menerima layanan balas dan kerjasama lanjutan serta sambutan dan layanan pegawai-pegawai kehakiman di kesultanan Oman kepada delegasi dari Malaysia adalah sangat baik dan terhormat. Banyak yang telah dipelajari oleh delegasi Malaysia sepanjang berada di Oman sama ada secara formal melalui lawatan-lawatan, syarahan dan diskusi, atau secara tidak formal melalui perbualan tidak rasmi dengan masyarakat setempat dan juga kedutaan Malaysia di Oman. Susulan dari kursus ini, pihak kesultanan Oman telah memberi maklumbalas awal tentang kesediaan mereka untuk membuat kunjungan balas ke Malaysia dan melanjutkan kerjasama dalam bentuk latihan perundangan, bahasa dan lain-lain bidang berkaitan.</p> <p>(b) Pembudayaan dan advokasi <i>Alternative Dispute Resolution</i> (ADR) kepada masyarakat dan memperluas usaha pemerksaan ke arah memahami <i>Sulh</i> dan mempraktikkan penyelesaian pertikaian secara perdamaian. Pembudayaan dalam kehidupan masyarakat seharian sehingga mereka memahami dan cenderung mengendalikan dan menyelesaikan pertikaian tanpa melibatkan institusi mahkamah. Masyarakat Oman diperhatikan bergerak ke arah <i>conflict avoidance</i> dengan cara menyelesaikan pertikaian dalam masyarakat oleh orang yang dihormati terlebih dahulu, sekiranya ia tidak berjaya diselesaikan, barulah pertikaian tersebut dibawa ke mahkamah.</p> <p>(c) Pemerksaan sistem kehakiman dan perundangan Syariah dalam pelaksanaan penyelesaian pertikaian secara damai di Malaysia khususnya di Negeri Pulau Pinang sewajarnya terus digalakkan dengan kaedah penyelesaian ADR yang lebih komprehensif bukan sahaja dalam kes-kes tertentu atau dalam hal-hal</p>

BIL.	NAMA PEGAWAI	NEGARA DILAWATI	NAMA DAN TARIKH PROGRAM	FAEDAH, PULANGAN DAN HASIL LAWATAN
				<p>kekeluargaan sahaja, malahan juga dalam kes-kes jenayah Syariah yang dikenalpasti sesuai diselesaikan melalui jalan perdamaian.</p> <p>(d) Pemakaian ADR atau perdamaian dalam <i>Sulh</i> di setiap peringkat dalam dan luar mahkamah terus berkembang pesat seperti isu-isu yang membabitkan bidang kuasa mahkamah Syariah yang melibatkan nilai harta yang tinggi, kes-kes yang kompleks serta pihak dari pelbagai lapisan masyarakat. Dengan pelaksanaan ADR atau perdamaian memerlukan penyelesaian kes yang cepat dan dalam masa yang sama masih mengekalkan kualiti dalam penyelesaian kes yang adil dan bersistematik. Justeru, ADR perlu menjadi pilihan utama dalam penyelesaian pertikaian pihak-pihak dengan prosedur yang lebih kreatif dan fleksibel dalam memastikan perdamaian dapat dicapai sebaiknya.</p> <p>(e) Peningkatan kompetensi dan kemahiran hakim, pegawai <i>Sulh</i> dan pendakwa Syarie dalam ADR melalui latihan dan modul khusus kompetensi dan kemahiran dalam mengendalikan sesuatu sesi penyelesaian pertikaian. Kemahiran ini sangat penting dan perlu dikuasai oleh semua pegawai Syariah meskipun ia bukan saranan baharu dalam konteks organisasi, latihan berstruktur dan sistem pentadbiran yang cekap. Kepakaran dalam kalangan pegawai syariah yang baharu dan lama juga dapat diwujudkan. Kemahiran <i>Sulh</i> sangat penting dan boleh dipraktikkan bukan sahaja ketika sesi majlis <i>Sulh</i> tetapi juga ketika sesi perbincangan dan pengurusan kes.</p>
20)	<p>i) Encik Lai Hon Meng, Setiausaha Sulit Kepada YAB Ketua Menteri</p> <p>ii) Cik Yeoh Yin Yin</p> <p>iii) Encik Eng Kok Wei</p> <p>Delegasi dari Majlis Bandaraya Pulau Pinang seperti berikut:</p> <p>iv) Puan Lim Chooi Ping</p> <p>v) Cik Crystal Chiam Shiyong</p>	China	<p>Lawatan delegasi Ketua Menteri Pulau Pinang ke Bandar Xiamen bagi menyertai <i>China International Fair For Investment & Trade</i> serta meraikan ulang tahun ke-30 jalinan Bandar Berkembar Pulau Pinang-Xiamen di Xiamen, Republik Rakyat China pada 5 hingga 9 September 2023</p>	<p>Lawatan ini telah meningkatkan keterlihatan Pulau Pinang sebagai lokasi pilihan pelaburan bagi sektor elektrik dan elektronik (E&E), jentera dan peralatan, peranti perubatan dan industri-industri lain yang berkaitan dengan syarikat-syarikat dari China yang berpotensi. Kerajaan Negeri telah berjaya mengeratkan hubungan dengan pihak berkepentingan di negara China di samping mempromosikan pertukaran budaya, pelancongan dan pembangun industri.</p>
21)	<p>Delegasi dari Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang seperti berikut:</p> <p>i) Encik Roslan Bin Esa, Ketua Penolong Mufti</p>	Mesir	<p>Kajian Lapangan Kefatwaan dan Hukum Isu-Isu Fiqh Semasa di Kedutaan Malaysia Kaherah, pihak Universiti Al-</p>	<p>(a) Membuat tinjauan dan pemerhatian aktiviti kesufian di sekitar Kaherah di samping mengenal pasti tatacara pengawalan yang dilakukan oleh pihak "<i>Jilsah Tariqah</i>" (Bahagian Pengawalan Tariqat) di bawah</p>

BIL.	NAMA PEGAWAI	NEGARA DILAWATI	NAMA DAN TARIKH PROGRAM	FAEDAH, PULANGAN DAN HASIL LAWATAN
	ii) YBr. Dr. Haji Mohamad Zaki Bin Haji Abdul Halim, Penolong Mufti Kanan		Azhar dan Darul Ifta', Mesir dari 23 hingga 27 September 2023	<p>Kementerian Waqaf Mesir serta garis panduan yang dilaksanakan;</p> <p>(b) Membuat tinjauan dan pemerhatian serta temu bual isu-isu akidah dan isu global berkaitan pemikiran semasa;</p> <p>(c) Membuat tinjauan dan pemerhatian serta temu bual berkaitan isu muamalat dan kewangan serta fiqh kontemporari;</p> <p>(d) Membuat tinjauan dan pemerhatian serta temu bual berdasarkan pengalaman Darul Ifta' Misr membangunkan institusi fatwa semasa yang menjadi pusat rujukan seluruh dunia;</p> <p>(e) Membuat tinjauan dan pemerhatian serta temu bual berkaitan kajian Kitab Turath Islami yang menjadi sumber utama pendalilan bagi mengenal pasti kaedah berdasarkan Fiqh Al-Shafieyyah; dan</p> <p>(f) Hasil daripada kajian lapangan ini akan menjadi bahan rujukan utama bagi membantu menyelesaikan pelbagai isu semasa yang dirujuk ke jabatan ini serta akan menjadi pemangkin kepada penghasilan fatwa yang bersifat semasa dan madani.</p>
22)	<p>i) YB Dato' Zabidah Binti Safar, Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang</p> <p>ii) YBhg. Dato' Mohd Zakuan Bin Haji Zakaria, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)</p> <p>iii) Puan Zahidah Binti Abd Jalil, Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang</p> <p>iv) Ir. Ahmad Nadzri Bin Abdul Majid, Pengarah Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang</p> <p>v) Ir. Goh Kiet Rhee, Jurutera Awam Penguasa (Jalan), Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang</p>	Republik Czech	Kongres Jalan Sedunia Ke-27 di Congress Centre, Prague, Republik Czech dari 2 hingga 6 Oktober 2023	<p>(a) Penggunaan teknologi terkini dalam kerja-kerja pemuliharaan aset rangkaian jalan negeri dan pengumpulan data akan dikongsi bersama-sama dengan kakitangan teknikal kerajaan negeri secara latihan berstruktur (<i>transfer technology</i>);</p> <p>(b) Mempunyai rangkaian jalan negeri yang lebih baik tanpa bebanan kewangan kepada kerajaan negeri Pulau Pinang; dan</p> <p>(c) <i>Lesson learnt</i> berkaitan maklumbalas di antara pemain industri jalan raya di peringkat global dan secara tidak langsung akan menambah pengetahuan ahli kongres ke arah meningkatkan lagi kualiti pembinaan, penyelenggaraan dan pengurusan jalan raya di Malaysia untuk kebaikan dan kesejahteraan rakyat.</p>
23)	Delegasi dari <i>Penang Women's Development</i>	Korea Selatan	Lawatan Penanda Aras Gender <i>Responsive</i>	Lawatan Penanda Aras Bajet Penyertaan Rakyat dan Responsif Gender atau <i>Gender Responsive and Participatory Budgeting</i> ("GRPB") ke Korea

BIL.	NAMA PEGAWAI	NEGARA DILAWATI	NAMA DAN TARIKH PROGRAM	FAEDAH, PULANGAN DAN HASIL LAWATAN
	<p><i>Corporation</i> (PWDC) adalah seperti berikut:</p> <p>i) Puan Ong Bee Leng, Ketua Pegawai Eksekutif</p> <p>ii) Puan Haziqah Nasirah Binti Zol Bahari, Ketua Bahagian Keterangkuman Gender</p> <p>iii) Puan Roopinder Kaur Pritam Singh, Ketua Bahagian Komunikasi</p> <p>iv) Puan Nur Hasanah Binti Ahmad Akhir, Ketua Bahagian Hal Ehwal Keluarga dan Kanak-Kanak</p> <p>Delegasi dari Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah seperti berikut:</p> <p>v) Encik Mohamad Muashraf Bin Mohamed, Pengarah Pengurusan Korporat dan Komuniti</p> <p>vi) Encik Lee Tit Kun, Pengarah Konservasi Warisan</p> <p>vii) Encik Khairul Anaz Bin Murat, Penolong Pengarah Kanan (Penilaian)</p> <p>viii) Puan Bhavytira Prem Anand, Pegawai Perubatan, Jabatan Kesihatan Persekitaran</p> <p>ix) Encik Mohd Nasrul Nizam bin Nasri,</p>		<p><i>Budgeting</i> (“GRB”) 2023 ke Pulau Jeju dan Seoul, Korea Selatan dari 7 hingga 14 Oktober 2023</p>	<p>Selatan dari 9 Oktober 2023 hingga 13 Oktober 2023 yang diketuai oleh YB Lim Siew Khim dan YB Jason H'ng serta delegasi dari Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) yang bersifat serampang tiga mata iaitu untuk menanda aras amalan terbaik bagi pelaksanaan <i>Gender Responsive Budgeting</i> (“GRB”) dan <i>Participatory Budgeting</i> (“PB”) oleh Jeju Special Self-Governing Province dan Seoul Metropolitan Government, menjalin kerjasama di peringkat kerajaan tempatan dan mengukuhkan pelaksanaan GRPB di Pulau Pinang.</p> <p>Lawatan Ini telah menunjukkan hasil awal yang memberangsangkan apabila Jeju Special Self-Governing Province menjemput wakil dari Pulau Pinang (diwakili oleh Pengarah Perkhidmatan Perbandaran MBSP) dalam sesi forum bertajuk "<i>Local Government Collaboration for Energy Transition</i>" pada 2023 Green Hydrogen Global Forum yang diadakan di Pulau Jeju pada 24 Oktober 2023 (dua minggu selepas lawatan ke Jeju Government). Terdapat syarikat di Korea Selatan yang berminat untuk menyertai RFP Pengurusan Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung. Jeju Special Self-Governing Province turut menyatakan hasrat bagi menjadikan MBPP dan MBSP sebagai 'Sister City' dan mengharapkan pertukaran idea serta perkongsian yang aktif antara Pulau Pinang dengan Pulau Jeju. Cadangan ini akan diketepikan sementara waktu selaras dengan halatuju kerajaan negeri Pulau Pinang. Amalan terbaik dan penambahbaikan GRPB akan disusuli selepas analisis dapatan siap dalam masa terdekat.</p>

BIL.	NAMA PEGAWAI	NEGARA DILAWATI	NAMA DAN TARIKH PROGRAM	FAEDAH, PULANGAN DAN HASIL LAWATAN
	<p>Jurutera Kanan Jalan</p> <p>Delegasi dari Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) adalah seperti berikut:</p> <p>x) Encik Mohd Ibrahim Bin Md Nor, Pengarah Perkhidmatan Kesihatan</p> <p>xi) Puan Asma Binti Othman, Ketua Unit Audit Dalaman</p> <p>xii) Puan Norshazila Binti Alias, Timbalan Pengarah, Jabatan Perbendaharaan</p> <p>xiii) Encik Abd Latif Bin Yaman, Ketua Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta</p> <p>xiv) Encik Mohd Hazrul Bin Hassan, Ketua Penolong Pengarah, Jabatan Kejuruteraan</p> <p>xv) Puan Rosmalinda Binti Rosli, Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan</p> <p>xvi) Puan Nor Asyiqin Binti Abdul Mukti, Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Informasi Dan Komunikasi</p> <p>Delegasi-delegasi lain adalah seperti berikut:</p>			

BIL.	NAMA PEGAWAI	NEGARA DILAWATI	NAMA DAN TARIKH PROGRAM	FAEDAH, PULANGAN DAN HASIL LAWATAN
	xvii) Puan Noorhazlina Binti Ishak, Penolong Pegawai Kewangan Negeri			
	xviii) Puan Siti Sakiinah Binti Mohd Sharif, Penolong Setiausaha Kanan BPEN			
	xix) Puan Michelle Wee, Pegawai Khas kepada EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam			
	xx) Puan Low Vin Yin, Pegawai Khas kepada EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa			
24)	Puan Ambika Devi A/P Daran, Ketua Unit Pengurusan Bencana	Korea Selatan	<i>Eighth Asia-Pacific Urban Forum</i> (APUF-8) di Gyeonggi-do, Korea Selatan dari 22 hingga 26 Oktober 2023	Sebagai Ahli Panel di Persidangan antarabangsa Eighth Asia-Pacific Urban Forum (APUF-8). Pencalonan dibuat dengan ambil kira komitmen kerajaan negeri terhadap agenda pengurangan risiko bencana akibat impak perubahan iklim, menyokong usaha mengangkat kepimpinan wanita dalam pentadbiran kerajaan dan mempertingkatkan kapasiti pengurus bencana dengan pendedahan amalan terbaik pengurusan bencana di peringkat Asia Pasifik, serta menerokai strategi baru ke arah memperkukuhkan komitmen negara terhadap pencapaian sasaran global yang ditetapkan UN Sendai Framework for Disaster Risk Reduction 2015-2030.
25)	Ir. Ts. Haslinda Binti Mohamad Hamran, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang	Korea Selatan	<i>Kursus Building Urban Climate Resilience Through Ecosystem-Based Adaptation</i> Di UN-Habitat International Urban Training Centre, Korea Selatan dari 24 Oktober hingga 2 November 2023	Sejajar dengan objektif program PNBCAP iaitu menangani isu perubahan iklim secara alam semulajadi untuk menyelesaikan isu banjir kilat serta kesan pulau haba bandar di Pulau Pinang, JPS Pulau Pinang yakin penyertaan program ini akan membantu kerajaan Pulau Pinang dalam mempertingkatkan daya ketahanan iklim negeri Pulau Pinang.
26)	Tuan Muhammad Haniff Bin Baderun, Penolong Mufti Kanan, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang	United Kingdom	Special Courses Malaysia Religious Officer (Leadership Engagement) 2023 di London, United Kingdom dari 24	Kursus ini merupakan kursus tahunan anjuran JAKIM yang diiktiraf oleh JPA sebagai Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) kepada Pegawai Hal Ehwal Islam (PHEI) yang memenuhi syarat; Kursus ini berjaya meningkatkan kompetensi PHEI dari segi kepimpinan, pengurusan dan

BIL.	NAMA PEGAWAI	NEGARA DILAWATI	NAMA DAN TARIKH PROGRAM	FAEDAH, PULANGAN DAN HASIL LAWATAN
			Oktober hingga 23 November 2023	kemahiran meliputi perhubungan luar dan dialog antara pelbagai kepercayaan dan PHEI juga telah membuat pembentangan akhir kursus berkaitan perjalanan fungsi parlimen melalui perbandingan di antara Malaysia dan United Kingdom.

8. Jelaskan mengenai projek solar di laluan basikal Jambatan Harapan.
- (a) Adakah projek ini tidak diteruskan? Jelaskan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Lawatan kerja delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke London adalah untuk mengadakan perbincangan dan perkongsian dengan beberapa agensi serta lawatan ke beberapa fasiliti rawatan sisa pepejal bagi mempelajari kaedah pelaksanaan sistem pengurusan sisa pepejal di negara-negara tersebut. Dalam usaha mewujudkan sebuah sistem pengurusan sisa pepejal yang berkesan, kos efektif dan mesra alam yang dilengkapi dengan teknologi rawatan sisa pepejal terkini, Kerajaan Negeri telah memilih beberapa lokasi lawatan di London yang terbukti keberkesanannya dalam pengurusan sisa pepejal untuk dijadikan inspirasi atau penanda aras kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Lawatan tersebut telah melibatkan kunjungan ke beberapa tempat seperti *Department For Environment, Food and Rural Affairs (DEFRA) London; Oxfordshire Country Council, Oxfordshire;* dan *Ardley Energy Recovery Facility (ERF), Bicester, Oxfordshire*. Inisiatif-inisiatif yang telah berjaya dilaksanakan di tempat-tempat tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Penganjuran program-program berkaitan kitar semula dan ekonomi kitaran yang menyebabkan kadar kitar semula negara tinggi di samping sisa yang dipungut mudah untuk dirawat kerana telah diasingkan;
- (ii) Pengwujudan fasiliti pengurusan sisa pepejal seperti *anaerobic digester (AD)*, pusat pengomposan dan ERF yang dapat memproses dan merawat sisa yang dijana. Proses tersebut juga dapat menghasilkan biogas dan tenaga yang boleh mendatangkan aliran pendapatan baharu; dan
- (iii) Penguatkuasaan dasar dan polisi berkaitan pengurusan sisa pepejal seperti skim deposit dan EPR yang mewajibkan sektor pengilang untuk membantu dalam menguruskan sisa tersebut. Tanggungjawab tersebut secara tidak langsung telah mengurangkan beban kewangan kepada kerajaan dan mengurangkan jumlah sisa pepejal yang perlu dilupuskan di tapak pelupusan.

Inisiatif-inisiatif yang sesuai untuk dilaksanakan di negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- (i) United Kingdom (UK) telah mencapai pengurangan pelupusan sisa ke tapak pelupusan sebanyak 15% di mana kadar kitar semula isi rumah adalah sebanyak 44% dan dijangka meningkat kepada 65% menjelang 2035. UK telah melaksanakan *Extended Producer Responsibility (EPR)* untuk pembungkusan, skim pemulangan deposit untuk bekas minuman dan mengekalkan konsistensi dalam pengutipan sampah;
- (ii) Delegasi Kerajaan Negeri juga telah ke fasiliti *Loji Waste to Energy (WTE)* yang boleh menghasilkan sumber tenaga boleh diperbaharui yang mampan berbanding bahan api fosil serta membantu menyelesaikan masalah pelupusan sampah ke tapak pelupusan sampah yang dihadapi ketika ini; dan
- (iii) Inisiatif pintar seperti *Digital Waste Tracking* sesuai untuk dilaksanakan di negeri Pulau Pinang bagi memantau semua aktiviti pemungutan sampah dan pelupusan sampah. Inisiatif tersebut juga akan dapat mengurangkan pelupusan sampah secara haram di Pulau Pinang.

Kesimpulan daripada lawatan di London, UK adalah Kerajaan Negeri bersama kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu melaksanakan pelbagai program kesedaran dan pendidikan yang berkaitan dengan kitar semula, ekonomi kitaran dan perancangan untuk menyediakan infrastruktur yang bersesuaian bagi mengurangkan bebanan sisa pepejal ke tapak pelupusan serta menjadikan sisa pepejal sebagai sumber kepada

industri lain dan pada masa yang sama memastikan kelestarian alam sekitar diutamakan.

9. Apakah status cadangan projek 'waste to energy' sebagai salah satu langkah mengurangkan pembuangan sampah di Pulau Burong?

(a) Nyatakan pelan tindakan untuk memastikan kejayaan cadangan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyiapkan sebuah kajian Roadmap Pengurusan Sisa Pepejal Negeri Pulau Pinang 2050. Dalam kajian tersebut, telah dinyatakan beberapa pilihan kaedah bagi mentransformasikan pengurusan sisa pepejal di negeri ini. Antara pilihan tersebut termasuklah beberapa jenis teknologi *Waste to Energy* (WtE) seperti *incinerator*, *anaerobic digester*, *pyrolysis*, *mass burn* dan *gasification*. Hasrat Kerajaan Negeri dalam melaksanakan teknologi WtE di negeri ini akan bergantung kepada beberapa faktor termasuk kos dan kesesuaian dengan komposisi sisa yang dijana di negeri ini adalah seperti berikut:

(a) Antara pelan tindakan yang dirancang oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan kejayaan cadangan tersebut adalah:

(i) Melaksanakan sesi libat urus dengan pemegang taruh bagi mendapatkan input dan idea mengenai hala tuju sistem pengurusan sisa pepejal di Pulau Pinang;

(ii) Menyediakan satu kajian *Roadmap* Pengurusan Sisa Pepejal Negeri Pulau Pinang 2050 terhadap komposisi sisa pepejal di Pulau Pinang bagi melihat kesesuaian teknologi WtE yang sesuai digunapakai; dan

(iii) Mengadakan lawatan teknikal ke pusat-pusat pengurusan sisa pepejal di dalam dan luar negara seperti Singapura, Thailand, United Kingdom (UK) dan Germany yang telah mengguna pakai teknologi WtE dan lain-lain teknologi bagi melihat kaedah dan cara pengurusan, cabaran serta perkara lain yang perlu diambilkira semasa mempertimbangkan kelebihan dan kelemahan setiap teknologi yang dicadangkan.

Bagi pembangunan teknologi rawatan sisa pepejal di Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burong, cadangan garis masa adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Relevansi Tindakan Perencanaan (tindakan Group (WTE) Di Tengah Pelaksanaan Group) Pokok Gunung

Tindakan	2018			2019												2020	2021	2022	2023
	Jan	Feb	Maret	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12				
Penyusunan Rencana Kerja	■	■																	
Penyusunan			■	■															
Penyusunan				■	■														
Penyusunan					■	■													
Penyusunan																			
Penyusunan																			
Penyusunan																			
Penyusunan																			
Penyusunan																			
Penyusunan																			

2018/2019

10. MBPP telah mengadakan lawatan ke England, Jerman, Singapura, China dan Jepun bagi pengurusan sisa pepejal. Senaraikan pelaksanaan inisiatif tersebut dan kejayaan yang dicapai mulai tahun 2018 hingga kini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Lawatan kerja delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke negara-negara berkenaan adalah untuk mengadakan perbincangan dan perkongsian dengan beberapa agensi serta lawatan ke fasiliti-fasiliti pengurusan sisa pepejal bagi mempelajari kaedah pelaksanaan sistem pengurusan sisa pepejal yang berjaya diamalkan.

Dalam usaha mewujudkan sebuah sistem pengurusan sisa pepejal yang berkesan, kos efektif dan lestari yang dilengkapi teknologi rawatan sisa pepejal yang terkini, Kerajaan Negeri telah memilih beberapa lokasi lawatan yang terbukti keberkesanannya dalam pengurusan sisa pepejal untuk dijadikan inspirasi dan sebagai penanda aras kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Tujuan lawatan tersebut adalah untuk mempelajari kaedah meningkatkan kadar kitar semula, teknologi rawatan sisa organik dan kaedah pelaksanaan *Waste to Energy* (WTE) diamalkan di negara-negara tersebut.

Ringkasan pelaksanaan inisiatif pengurusan sisa pepejal daripada hasil lawatan yang dicapai dari tahun 2018 hingga 2023 adalah seperti berikut:

- (i) Mensyaratkan pemaju menyediakan *Waste Management Plan* bagi pengurusan dan pengasingan sisa perobohan dan binaan di tapak pemajuan;
- (ii) Pelaksanaan polisi *Waste Generator Pay* kepada pihak industri;
- (iii) Mewujudkan pusat pendidikan dan pengumpulan kitar semula di peringkat komuniti bagi meningkatkan kesedaran berkaitan 5R;
- (iv) Perneriksaan pembersihan awam melalui penambahan jentera terkini seperti *Road Sweeper, All Terrain Litter Vehicle* (ATLV); dan
- (v) (v) Pelaksanaan kempen pengasingan sisa di punca dan *no plastic bag, no single used plastic, no single use straw*.

Antara cadangan yang sedang dalam proses perancangan MBPP untuk dilaksanakan adalah:

- (i) Pemantauan dan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal melalui aplikasi dan penggunaan teknologi terkini seperti *RFID* dan *mobile CCTV*; dan
- (ii) Pemasangan *underground-bin* menggunakan *portable compactor* di kawasan *hotspot* pelancongan.

Kejayaan yang dicapai dari tahun 2018 hingga 2023 adalah seperti berikut:

- (i) Peningkatan jumlah kadar kitar semula di kawasan MBPP bagi tahun 2022 kepada 32.02%; dan
- (ii) Pengiktirafan ASEAN Tourism Clean City Award (2018-2020), ASEAN Tourism Clean City Award (2020-2022) dan ASEAN Tourism Clean City Award (2022-2024).

11. Apakah inisiatif pengurusan sisa pepejal di London serta senaraikan inisiatif tersebut yang sesuai dilaksanakan di Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Lawatan kerja delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke London adalah untuk mengadakan perbincangan dan perkongsian dengan beberapa agensi serta lawatan ke beberapa fasiliti rawatan sisa pepejal bagi mempelajari kaedah pelaksanaan sistem pengurusan sisa pepejal di negara-negara tersebut. Dalam usaha mewujudkan sebuah sistem pengurusan sisa pepejal yang berkesan, kos efektif dan mesra alam yang dilengkapi dengan teknologi rawatan sisa pepejal terkini, Kerajaan Negeri telah memilih

beberapa lokasi lawatan di London yang terbukti keberkesannya dalam pengurusan sisa pepejal untuk dijadikan inspirasi atau penanda aras kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Lawatan tersebut telah melibatkan kunjungan ke beberapa tempat seperti *Department For Environment, Food and Rural Affairs (DEFRA) London; Oxfordshire Country Council, Oxfordshire*; dan *Ardley Energy Recovery Facility (ERF), Bicester, Oxfordshire*. Inisiatif-inisiatif yang telah berjaya dilaksanakan di tempat-tempat tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Penganjuran program-program berkaitan kitar semula dan ekonomi kitaran yang menyebabkan kadar kitar semula negara tinggi di samping sisa yang dipungut mudah untuk dirawat kerana telah diasingkan;
- (ii) Pengwujudan fasiliti pengurusan sisa pepejal seperti *anaerobic digester (AD)*, pusat pengomposan dan ERF yang dapat memproses dan merawat sisa yang dijana. Proses tersebut juga dapat menghasilkan biogas dan tenaga yang boleh mendatangkan aliran pendapatan baharu; dan
- (iii) Penguatkuasaan dasar dan polisi berkaitan pengurusan sisa pepejal seperti skim deposit dan EPR yang mewajibkan sektor pengilang untuk membantu dalam menguruskan sisa tersebut. Tanggungjawab tersebut secara tidak langsung telah mengurangkan beban kewangan kepada kerajaan dan mengurangkan jumlah sisa pepejal yang perlu dilupuskan di tapak pelupusan.

Inisiatif-inisiatif yang sesuai untuk dilaksanakan di negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- (i) United Kingdom (UK) telah mencapai pengurangan pelupusan sisa ke tapak pelupusan sebanyak 15% di mana kadar kitar semula isi rumah adalah sebanyak 44% dan dijangka meningkat kepada 65% menjelang 2035. UK telah melaksanakan *Extended Producer Responsibility (EPR)* untuk pembungkusan, skim pemulangan deposit untuk bekas minuman dan mengekalkan konsistensi dalam pengutipan sampah;
- (ii) Delegasi Kerajaan Negeri juga telah ke fasiliti *Loji Waste to Energy (WTE)* yang boleh menghasilkan sumber tenaga boleh diperbaharui yang mampan berbanding bahan api fosil serta membantu menyelesaikan masalah pelupusan sampah ke tapak pelupusan sampah yang dihadapi ketika ini; dan
- (iii) Inisiatif pintar seperti *Digital Waste Tracking* sesuai untuk dilaksanakan di negeri Pulau Pinang bagi memantau semua aktiviti pemungutan sampah dan pelupusan sampah. Inisiatif tersebut juga akan dapat mengurangkan pelupusan sampah secara haram di Pulau Pinang.

Kesimpulan daripada lawatan di London, UK adalah Kerajaan Negeri bersama kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu melaksanakan pelbagai program kesedaran dan pendidikan yang berkaitan dengan kitar semula, ekonomi kitaran dan perancangan untuk menyediakan infrastruktur yang bersesuaian bagi mengurangkan bebanan sisa pepejal ke tapak pelupusan serta menjadikan sisa pepejal sebagai sumber kepada industri lain dan pada masa yang sama memastikan kelestarian alam sekitar diutamakan.

12. Apakah perkembangan 'Gigabit city' yang dilaksanakan oleh MBPP?

- (a) Nyatakan manfaat yang telah dan akan dinikmati oleh MBPP dan rakyat Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Projek (MBPP) *Gigabit City* yang dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang bertujuan bagi menyediakan rangkaian digital utama bagi penghantaran segala data dan

maklumat dengan laju, berkapasiti tinggi serta tanpa halangan (*seamless*). Projek ini melibatkan pembangunan infrastruktur digital iaitu pemasangan gentian optik di kawasan pulau secara berperingkat.

Pemasangan gentian optik oleh MBPP ini dibahagikan kepada empat (4) fasa seperti berikut:

Fasa 1 : Pemasangan gentian optik dari George Town ke Batu Maung. Projek ini telah disiapkan pada bulan Mac 2023;

Fasa 2 : Pemasangan gentian optik dari George Town ke Batu Ferringhi. Projek ini sedang dilaksanakan dan dijangka akan siap pada bulan Mei 2024;

Fasa 3 : Pemasangan gentian optik dari Batu Maung ke Balik Pulau. Projek ini sedang dilaksanakan dan dijangka akan siap pada bulan Mei 2024; dan

Fasa 4 : Pemasangan gentian optik dari Balik Pulau ke Batu Ferringhi. Projek ini dijangka siap pada tahun 2025.

Sehingga kini, MBPP telah memasang gentian optik sepanjang 22.7 km dari George Town ke Batu Maung yang menghubungkan 141 tiang (*Closed-Circuit Television*) CCTV dengan 423 unit kamera. Kualiti paparan video daripada kamera CCTV tersebut telah ditambahbaik dengan tayangan video yang lebih lancar, resolusi yang lebih tinggi dan tiada paparan biru (*blue screen*).

Antara manfaat yang akan dinikmati oleh MBPP dan rakyat Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- (i) Mewujudkan pusat data infrastruktur komunikasi yang lebih laju dan stabil;
- (ii) Menambah baik fungsi sistem CCTV MBPP dengan meningkatkan keberkesanan video analitik di Pusat Operasi Pintar (IOC) MBPP;
- (iii) Menyediakan rangkaian penghubungan untuk lain-lain *Internet of Things* (IoT) seperti *Penang Smart Parking* (PSP), sistem lampu isyarat, lampu jalan, alat pengesan (*sensor*) seperti *water sensor* dan *environmental sensor*;
- (iv) Mewujudkan jaringan kesalinghubungan (*interconnectivity network*) di antara semua premis dan aset MBPP di seluruh pulau, Pulau Pinang dengan lebar jalur bertaraf Gigabit (*Gigabit bandwidth*);
- (v) Memusatkan pemantauan CCTV premis MBPP di Bilik Kawalan CCTV Majlis;
- (vi) Menyediakan akses secara lancar (*seamless access*) oleh semua pihak termasuk kakitangan MBPP dan orang awam (*digital inclusivity*) terhadap segala perkhidmatan atas talian Majlis yang diintegrasikan dalam satu platform yang bersepadu seperti OSC 3.0 Plus, Penang Island MAP (PiMAP), Digital Twin dan sebagainya;
- (vii) Menaik taraf sistem CCTV seperti menukar semua kamera jenis *analog* kepada jenis *Internet Protocol* (IP) dengan resolusi yang lebih tinggi; dan
- (viii) Menjimatkan kos untuk jangka masa panjang tanpa perlu bergantung kepada kos sewaan perkhidmatan telco.

13. Nyatakan jumlah kenderaan yang dikapit dan ditunda oleh MBPP dan MBSP sejak tahun 2018 hingga 2023.

- (a) Adakah tindakan ini menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Jumlah kenderaan yang dikapit dan ditunda oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sejak tahun 2018 sehingga 2023 adalah seperti jadual berikut:-

TAHUN	MBPP		MBSP	
	KAPIT	TUNDA	KAPIT	TUNDA
2018	22,346	4,020	4,069	216
2019	22,338	4,175	3,515	361
2020	16,767	4,143	2,923	231
2021	8,013	2,655	3,969	280
2022	10,629	3,790	6,983	487
2023	7,426	3,836	5,477	346
JUMLAH	87,519	22,619	26,936	1,921

Tindakan penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui tindakan mengunci tayar (kapit) dan menunda kenderaan (tunda) terutamanya di jalan sempit serta berdekatan persimpangan tidak dapat menyelesaikan sepenuhnya masalah kesesakan lalulintas. Walau bagaimanapun, tindakan penguatkuasaan ini dapat membantu meningkatkan kesedaran orang awam bagi mematuhi peraturan lalu lintas dengan sebaiknya serta mengurangkan kesesakan lalu lintas dan melancarkan aliran lalu lintas.

14. Tindakan penguatkuasaan sedia ada tidak dapat menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di Pulau. Nyatakan perancangan masa hadapan bagi meningkatkan 'traffic carrying capacity' di Pulau.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dalam mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang terutamanya di bahagian pulau. Antara perancangan masa hadapan bagi meningkatkan *traffic carrying capacity* adalah seperti berikut:-
- (i) Membuat pelebaran jalan bagi membantu kelancaran lalulintas;
 - (ii) Melarang pembelokan ke kanan dan pelaksanaan jalan sehalu di kawasan-kawasan yang kerap berlaku kesesakan;
 - (iii) Membina jalan-jalan baru dan naik taraf jalan-jalan utama serta pembinaan tanjakan untuk pembelokan kanan;
 - (iv) Mewujudkan lebih banyak parking kenderaan awam bertingkat yang mana dapat mengurangkan kenderaan parking di bahu jalan;
 - (v) Membuat penyelarasan sistem lampu isyarat bagi mewujudkan *green wave*;
 - (vi) Memasang CCTV yang dinaik taraf dengan sistem analisis video (*video analytics*) bagi meningkatkan keselamatan orang awam dan meningkatkan keupayaan pengurusan lalu lintas;
 - (vii) Meningkatkan tindakan penguatkuasaan bersama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk mengawal lalu lintas di persimpangan-persimpangan jalan yang mengalami kesesakan;
 - (viii) Mengalakkan penggunaan basikal melalui penyediaan laluan basikal baru dan menaik taraf laluan basikal sedia ada serta pembinaan jambatan dan jejantas basikal seperti yang telah disediakan dan sedang diperluaskan di kawasan persisiran pantai timur pulau dari George Town ke Bayan Lepas;

- (ix) Menggiatkan aktiviti promosi tentang perkhidmatan pengangkutan awam di Pulau Pinang melalui program bas percuma iaitu *Central Area Transit (CAT) George Town* dan *Congestion Alleviation Transport (CAT) Bridge*;
 - (x) Menjalinkan kerjasama dengan pihak Rapid Penang untuk menambah baik perkhidmatan bas awam di Pulau Pinang dengan menambah bilangan bas secara berperingkat mengikut keperluan untuk penyediaan perkhidmatan yang lebih efisien dan berkualiti yang dapat meliputi laluan-laluan sosial;
 - (xi) Menggalakkan penggunaan bas awam dengan menaja Pas Mutiara My50 bagi menjadikan semua perkhidmatan bas di Pulau Pinang milik Kumpulan Prasarana adalah percuma;
 - (xii) Menaiktaraf kemudahan infrastruktur di mana terminal, hub dan perhentian bas berbumbung baharu telah dilaksanakan manakala bagi kemudahan infrastruktur sediaada sedang dinaiktaraf secara berperingkat; dan
 - (xiii) Melaksanakan Projek Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) yang merangkumi pelbagai mod sistem pengangkutan dan perkhidmatan seperti LRT, bas rapid transit, trem, *e-hailing*, feri dan teksi air.
15. Berapakah jumlah saman yang telah dikeluarkan oleh MBPP dan MBSP bagi kesalahan tempat letak kereta?
- (a) Nyatakan jumlah saman tertunggak dan jumlah tunggakan hasil dari pengeluaran saman tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Jumlah saman bagi kesalahan tempat letak kereta yang telah dikeluarkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk tempoh lima (5) tahun adalah seperti berikut:-

Tahun / PBT	2019	2020	2021	2022	2023
MBPP	241,181	368,082	322,353	423,728	326,498 (sehingga September 2023)
MBSP	127,122	135,193	157,178	225,296	237,977 (sehingga Oktober 2023)
Jumlah	368,303	503,275	479,531	649,024	564,475

- (a) Jumlah saman tertunggak dan jumlah tunggakan hasil daripada pengeluaran saman bagi kesalahan tempat letak kereta adalah seperti berikut:-

PBT / Tahun	MBPP		MBSP	
	Kompaun yang belum dijelaskan		Kompaun yang belum dijelaskan	
	Bil. (Keping)	Amaun (RM)	Bil. (Keping)	Amaun (RM)
2019	159,189	7,091,555.00	35,066	1,126,571
2020	152,122	8,156,495.00	32,335	1,016,890
2021	131,278	5,345,890.00	38,946	1,253,580
2022	175,824	6,382,855.00	67,260	2,133,280
2023	144,398 (sehingga Sept 2023)	5,289,135.00 (sehingga Sept 2023)	115,654 (sehingga Okt 2023)	3,670,690 (sehingga Okt 2023)
Jumlah	762,811	32,265,930	289,261	9,201,011

16. Bolehkah saman tertunggak yang melebihi lima (5) tahun akan dihapus kira oleh PBT bagi semua kesalahan di bawah PBT?

- (a) Apakah teguran Audit Negara berhubung hasil yang tidak dituntut ini serta tindakan PBT ke atas teguran tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sememangnya boleh menghapuskan saman tertunggak yang dikeluarkan. Walau bagaimanapun, PBT tidak berhasrat untuk berbuat demikian memandangkan tunggakan tersebut boleh dituntut melalui pendakwaan kes-kes quasi jenayah di mahkamah serta tidak tertakluk kepada suatu tempoh had masa.

- (a) Hasil semakan mendapati kedua-dua PBT di Pulau Pinang tidak pernah menerima teguran Audit Negara berhubung hasil yang tidak dituntut ini memandangkan tunggakan saman ini tidak diklasifikasikan sebagai penghutang.

17. Nyatakan kejayaan-kejayaan yang telah diperolehi oleh PBT dalam mendapatkan semula tunggakan saman yang tidak dibayar.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Setakat Ogos 2023, pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah berjaya mengutip semula tunggakan saman sebanyak RM28,695,707.33 manakala pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pula berjaya mengutip semula tunggakan saman sebanyak RM23,875,981.00. Perinciannya mengikut tahun adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

JUMLAH KUTIPAN SEMULA SAMAN OLEH MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

TAHUN	JUMLAH KUTIPAN SEMULA (RM)	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)
2019	4,640,842.45	32,709,557
2020	6,031,119.45	41,410,562
2021	5,394,251.12	47,237,337
2022	7,358,767.20	53,933,477
Setakat Ogos 2023	5,270,727.11	58,808,732
JUMLAH KESELURUHAN	RM28,695,707.33	RM234,099,665

JUMLAH KUTIPAN SEMULA SAMAN OLEH MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TAHUN	JUMLAH KUTIPAN SEMULA (RM)	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)
2019	2,712,566.00	1,126,571.00
2020	2,548,045.00	1,016,890.00
2021	3,836,010.00	1,253,580.00
2022	7,176,040.00	2,133,280.00
Setakat Ogos 2023	7,603,320.00	3,670,690.00
JUMLAH KESELURUHAN	RM23,875,981.00	RM9,201,011.00

18. Apakah produk-produk pelancongan yang akan diperkenalkan oleh Pulau Pinang bagi tahun 2024 hingga 2029?
- (a) Nyatakan unjuran kemasukan pelancong antarabangsa dan domestik bagi tempoh tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Antara produk-produk pelancongan yang akan diperkenalkan oleh Pulau Pinang bagi tahun 2024 hingga 2029 adalah:
- (i) Gurney Bay sebuah taman pinggir laut yang terancang, dengan tanah untuk tujuan ini kini sedang ditebus di luar Gurney Drive di George Town, Pulau Pinang. Projek ini adalah *new iconic waterfront destination for Penang*. Cadangan pelan induk konsep Gurney Bay merangkumi empat bidang ciri yang berbeza iaitu: *Seaside Retail F&B, Water Gardens, Beach* dan *Coastal Grove*. Projek Gurney Bay yang dianggarkan bernilai RM200 juta meliputi kira-kira 131 ekar tanah tebus guna dijangka siap sepenuhnya pada awal tahun 2025;
 - (ii) Projek Kereta Kabel di Bukit Bendera;
 - (iii) Ferringi Bay - *longest beachfront container boulevard* di Malaysia;
 - (iv) Penang Waterfront Convention Centre;
 - (v) Straits City;
 - (vi) Hotel baru seperti Crowne Plaza Penang Straits City, Le Meridien Hotel, Mutiara Beach Resort dan lain-lain;
 - (vii) Projek kerja-kerja pemuliharaan Fort Cornwallis, struktur bersejarah utama di Pulau Pinang dan salah satu struktur tertua di Malaysia dijangka siap menjelang suku pertama 2025. Projek itu diusahakan oleh George Town Conservation and Development Corporation (GTCDC); dan
 - (viii) Muzium Negeri Pulau Pinang, salah satu bangunan tertua di Pulau Pinang, akan dibuka semula pada tahun 2024 sebagai muzium negeri yang baharu selepas kerja-kerja pengubahsuaian siap. Muzium ini mempunyai status harta Kategori Satu di bawah UNESCO World Heritage Site, dan pengubahsuaian bahagian dalamnya dilakukan dengan perancangan yang teliti. Bangunan di sepanjang Jalan Farquhar amat penting kepada sejarah Pulau Pinang.
- (a) Penang Global Tourism (PGT) membuat unjuran kemasukan pelancong antarabangsa dan domestik dianggarkan meningkat sebanyak 5%.
19. Nyatakan rancangan untuk memajukan kawasan tapak warisan dunia UNESCO George Town.
- (a) Apakah manfaat yang diperolehi dari peniaga-peniaga kecil di kawasan berkenaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town adalah dipelihara di bawah *UNESCO Convention Concerning the Protection of the World Cultural and Natural Heritage* dengan 82 bangunan warisan kategori I dan 3771 bangunan warisan kategori II adalah dipelihara sebagai aset warisan dunia. Rancangan pemuliharaan dan pemeliharaan telah dijalankan sejak tahun 2008, dengan Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town telah diwartakan pada 1 September 2016. Pemajuan dalam kawasan Tapak Warisan Dunia ini adalah dijalankan dari segi pengukuhan Nilai Keunggulan Sejagat, termasuk perkembangan dan peningkatan kapasiti komuniti tempatan untuk hidup secara harmoni antara satu sama lain, penghargaan dan pemuliharaan bangunan warisan dalam tapak melalui cara pembaikan yang teratur, dan

peningkatan kemudahan awam dalam tapak untuk kegunaan orang awam dan pelancong.

Dengan pewartaan Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia George Town (RKKTWDGT), secara dasarnya telah membantu meningkatkan fungsi bandaraya dalam pemacuan kemajuan ekonomi, kelestarian dan pemuliharaan ketulenan serta integriti bandar bersejarah George Town. Perkara ini dapat dilihat melalui beberapa aspek dari segi pelancongan, pembangunan, kebudayaan dan kemudahan awam. Ini adalah selaras dengan tujuan pelan pengurusan ini iaitu untuk meningkatkan kualiti hidup dan kecekapan pengeluaran tanpa menjejaskan keutuhan Nilai Keunggulan Sejagat (NKS) atau *Outstanding Universal Value* (OUV) Tapak Warisan Dunia (TWD) George Town.

Antara rancangan untuk memajukan kawasan TWD UNESCO George Town adalah dengan memastikan pembangunan sosio-ekonomi di TWD UNESCO George Town adalah menyeluruh dan melibatkan semua sektor ekonomi yang berpotensi. Antara cadangan awal adalah seperti berikut:

- (i) Menjadikan TWD George Town destinasi pelancongan bandar dengan meningkatkan aktiviti nilai tambah sektor pelancongan;
- (ii) Menjadikan TWD George Town bandar yang mesra pejalan kaki, berbasikal dan menggalakkan penggunaan pengangkutan awam/*e-hailing*; dan
- (iii) Kemudahan sokongan yang lebih progresif disediakan bagi pengukuhan pembangunan ekonomi setempat serta mempromosikan aktiviti industri kreatif dan kraftangan warisan serta memartabatkan warisan seni budaya.

Selain itu, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) juga sedang dalam pelaksanaan Projek *Nature-Based Climate Adaptation Programme For The Urban Areas of Penang Island*, Malaysia yang merupakan satu program penghijauan kawasan bandar yang sedang dilaksanakan di dalam TWD GeorgeTown. Projek ini melibatkan skop kerja seperti menaiktaraf dan mengindahkan laluan dengan penanaman pokok di sepanjang jalan, menghijaukan tempat letak kereta, mewujudkan lebih banyak *pocket parks*, *urban farming* dan reruang hijau yang melibatkan kawasan di antara Persiaran King Edward, Pengkalan Weld, Lebu Pantai dan Gat Lebu Chulia.

Sesungguhnya, dengan mengambil kira pembangunan sosio-ekonomi di TWD UNESCO George Town dan penambahbaikan infrastruktur sedia ada, ianya dapat memberi peluang kepada penduduk tempatan dan peniaga-peniaga kecil untuk terus meningkatkan penjanaan ekonomi setempat selain dapat memartabatkan lagi warisan seni budaya yang ada di TWD George Town.

- (a) Tarikan Nilai Keunggulan Sejagat Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town telah menarik perhatian banyak pelancong (domestik dan antarabangsa) untuk mengunjungi tapak warisan setiap hari. Bilangan pengunjung yang banyak telah menyumbang kepada peningkatan pendapatan peniaga dalam kawasan (dan di luar kawasan tapak). Peniaga di dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town juga diberikan keutamaan untuk menyertai pelbagai projek yang dijalankan dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO..

20. Berapakah pendapatan per kapita Pulau Pinang bagi tahun 2018 hingga 2022?

- (a) Nyatakan jumlah sumbangan sektor perindustrian, perkhidmatan dan pertanian kepada KDNK negeri dari tahun 2018 hingga 2022.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Berdasarkan rekod Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah pendapatan per kapita Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2018 sehingga 2022 adalah seperti berikut:

TAHUN	KDNK PER KAPITA (RM)
2018	52,921
2019	55,202
2020	55,783
2021	59,733
2022	69,591

Jumlah sumbangan sektor perindustrian, perkhidmatan dan pertanian kepada KDNK negeri berdasarkan rekod Jabatan Perangkaan Malaysia dari tahun 2018 sehingga 2022 adalah seperti berikut:

SEKTOR/ TAHUN	2018 (RM JUTA/%)	2019 (RM JUTA/%)	2020 (RM JUTA/%)	2021 (RM JUTA/%)	2022 (RM JUTA/%)
Pembuatan	39,458 (43.2%)	40,510 (42.8%)	41,627 (44.9%)	46,768 (47.2%)	54,182 (48.3%)
Perkhidmatan	46,120 (50.6%)	48,662 (51.4%)	45,979 (49.6%)	47,064 (47.5%)	52,371 (46.7%)
Pertanian	1,969 (2.2%)	2,068 (2.2%)	2,049 (2.2%)	2,002 (2.0%)	2,069 (1.8%)

21. MBPP telah menerima dana dari UN Habitat di atas kecemerlangan projek-projek rejuvenasi bandar.

(a) Jelaskan projek 'Nature Base Adaptation' di bawah dana berkenaan dan tarikh siap projek.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. (a) Penyelesaian berasaskan alam semula jadi atau Nature-based Solutions (NbS) semakin menjadi tumpuan dan panduan bagi pengurusan sumber yang mampan. NbS telah diiktiraf sebagai sebahagian daripada "Pelan Tindakan" di Persidangan Tindakan Iklim PBB pada bulan September 2019 dan peranannya diperakui dalam usaha sejagat bagi mengatasi perubahan dan krisis iklim.

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) turut dalam perancangan untuk melaksanakan NbS dalam menguruskan isu-isu berkaitan krisis iklim.

Kerajaan Negeri telah menerima kelulusan peruntukan berjumlah USD10 juta dari Bank Dunia di mana pembiayaan dana akan dilaksanakan mengikut perjanjian rasmi di antara Lembaga *Adaptation Fund* dan UN-Habitat selaku "*Multi-lateral Implementing Entity*". Pengagihan dana daripada UN-Habitat adalah kepada tiga (3) entiti pelaksana "*Executing Entities*" iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang dan Think City bagi melaksanakan program-program di bawah lima (5) komponen berikut:

- (i) *Urban Greening*;
- (ii) *Storm Water Management*;
- (iii) *Baseline Data*;
- (iv) Memperkasakan sosial dan pendidikan di kalangan generasi muda mengenai kesedaran iklim; dan
- (v) Kapasiti Pembangunan *Penang Climate Board* dan pertukaran ilmu.

Dana yang diluluskan ini akan digunakan bagi pelaksanaan '*Penang Nature-Based Climate Adaptation Programme*' yang diusulkan pada tahun 2019 dan telah diluluskan

oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) selaku Pihak Berkuasa Negara dengan sokongan agensi-agensi kerajaan berkaitan. Program ini akan dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun di George Town sebagai perintis dan demonstrasi keberkesanan penggunaan *Nature-Based Solutions* di Malaysia.

Daripada USD10 juta yang diluluskan oleh Bank Dunia, MBPP telah menerima sebanyak USD2.75 juta dan akan melaksanakan program penghijauan kawasan bandar di kawasan Lebuh Pantai, Gat Lebu Chulia, Pengkalan Weld dan Pesara King Edward dalam Tapak Warisan Dunia George Town (TWDGT). Skop kerja bagi projek ini adalah seperti menaik taraf dan mengindahkan laluan dengan penanaman pokok di sepanjang jalan, menghijaukan tempat letak kereta, mewujudkan lebih banyak *pocket parks*, *urban farming* dan reruang hijau. Pelaksanaan projek ini akan membantu menurunkan suhu pamanasan dan juga dapat mengurangkan pelepasan gas karbon yang mencemarkan udara. Tempoh pelaksanaan yang ditetapkan oleh UN Habitat bagi projek ini adalah dalam tempoh 5 tahun dan dijangka siap pada tahun 2027.

22. Jelaskan status pembangunan semula Tapak Pelupusan Sampah Jelutong.
- (a) Apakah usaha yang telah diterokai bagi mencari tenaga diperbaharui di kawasan berkenaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Pihak PLB Engineering Berhad (PLBE) sedang dalam proses mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkaitan bagi memulakan kerja-kerja rehabilitasi. Setakat ini, kelulusan yang telah diperolehi adalah bagi Pelan Induk, Laporan Kajian *Coastal Hydraulic* dan Laporan *Traffic Impact Assessment* (TIA). Laporan *Fish Impact Assessment* (FIA), Laporan Geoteknikal, Laporan *Social Impact Assessment* (SIA) dan Pelan Kebenaran Merancang telah dikemukakan kepada pihak berkuasa berkaitan untuk kelulusan. *Environmental Impact Assessment* (EIA) dan Pelan Kerja Tanah akan dikemukakan setelah kelulusan FIA, SIA dan Kebenaran Merancang diperolehi.

Setelah tapak ini siap direhabilitasi, pembangunan bercampur akan dibina di kawasan tersebut dan tiada lagi tapak pelupusan sampah di tapak tersebut. Justeru, tiada usaha akan dilakukan bagi mencari tenaga diperbaharui di kawasan berkenaan.

23. Apakah status projek Pusat Pengedaran Ayam Batu Lancang?
- (a) Walaupun belum digunakan terdapat kerosakan pada lif penumpang. Apakah tindakan MBPP bagi menjamin keselamatan pengguna?

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Pusat Pengedaran Ayam Batu Lancang terletak di Lot 1576, Seksyen 2, Bandar Jelutong, Daerah Timur Laut Pulau Pinang. Pada ketika ini MBPP telah mengiklankan *Request For Proposal* (RFP) mengenai cadangan mengurus dan menyelenggara Pusat Penyimpanan dan Pengedaran Ayam berserta tempat letak kereta.

Tindakan yang telah diambil oleh pihak MBPP bagi menjamin keselamatan penggunaan yang menggunakan perkhidmatan lif penumpang yang disediakan adalah dengan memastikan penyelenggaraan lif secara berkala iaitu setiap bulan dilakukan. Bagi sebarang kerosakan lif yang berlaku pada lif tersebut pula akan diambil tindakan dalam tempoh 24 jam.

24. Huraikan pelan tindakan Kerajaan Negeri bagi menjamin keselamatan dan bekalan makanan di negeri ini terjamin.
- (a) Apakah perancangan untuk memastikan rakyat negeri ini tidak terputus bekalan makanan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi menjamin keselamatan dan bekalan makanan di negeri ini adalah seperti berikut:
- (i) Kerajaan Negeri melalui MMK Agroteknologi dan Keterjaminan Makanan merancang untuk menubuhkan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) bagi melaksanakan perancangan keterjaminan makanan negeri dalam jangka masa pendek dan panjang. GLC ini akan memainkan peranan yang besar di dalam sektor pertanian, penternakan dan perikanan negeri. Ini merupakan usaha Kerajaan Negeri di dalam mencapai matlamat keterjaminan makanan menjelang 2030.
 - (ii) Selain itu, Kerajaan Negeri melalui MMK Agroteknologi dan Keterjaminan Makanan juga sedang merangka “Pelan Induk Keterjaminan Makanan Pulau Pinang 2030” yang merangkumi pemfokusan kepada peningkatan produktiviti dan hasil pengeluaran sektor pertanian, penternakan dan perikanan. Antara bidang tumpuan termasuk pengadaptasian konsep “*smart farming*”, pengajian dan penyelidikan benih padi yang berdaya tahan tinggi terhadap cuaca ekstrem, peningkatan pengeluaran ternakan ruminan, penetasan benih ikan dan projek gudang keterjaminan makanan.
 - (iii) Memperkukuhkan kerjasama antara jabatan, agensi serta institusi pendidikan dan penyelidikan berkaitan pertanian di Negeri Pulau Pinang untuk memperkasakan pertanian moden dan penyelidikan ke atas peningkatan proses penanaman, pengeluaran, peningkatan hasil dan pemasaran sumber makanan; dan
 - (iv) Memantapkan bekalan makanan lestari di kesemua Taman Pengeluaran Kekal Makanan (TKPM) di Negeri Pulau Pinang melalui pelaksanaan projek pertanian berskala besar, komersil dan berteknologi tinggi oleh usahawan termasuk sektor swasta.

Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0) bagi tempoh 2021 sehingga 2025 telah menggariskan inisiatif bagi menjamin bekalan makanan yang mencukupi, selamat dan mampu dibeli melalui pelbagai program peningkatan pengeluaran dan produktiviti. Inisiatif jaminan bekalan makanan akan ditumpukan kepada pengeluaran beras, daging, buah-buahan, sayur-sayuran dan ikan bagi mencapai tahap sara diri (*self sufficient level*) yang disasarkan. Antara perancangan jangka panjang yang akan diberi tumpuan adalah seperti berikut:

- (i) usaha meningkatkan pengeluaran dan bekalan makanan;
- (ii) meningkatkan akses kepada makanan;
- (iii) menstabilkan harga makanan; dan
- (iv) menjamin keselamatan makanan dan pemakanan.

Selain itu, pihak Jabatan Pertanian juga memberi penekanan kepada dasar jaminan bekalan makanan dengan memastikan keperluan makanan negara mencukupi dan mencapai tahap sara diri yang optima bagi setiap tanaman makanan.

- (a) Bermula tahun 2020, Kerajaan Negeri telah menambah peruntukan pembangunan dalam sektor tanaman makanan dan Industri Asas Tani kepada Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang sebanyak RM2 juta setahun kepada RM5 juta setahun bagi pelaksanaan projek-projek di bawah RMKe-12. Program-program Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang telah dipergiat dan difokuskan bagi peningkatan pengeluaran, kualiti serta keselamatan makanan.

Pada tahun 2023, Jabatan Pertanian Negeri telah menerima peruntukan pembangunan negeri sebanyak RM6.19 juta bagi 14 projek dan program pembangunan yang memberi manfaat secara langsung kepada kumpulan sasar iaitu petani, usahawan Industri Asas Tani (IAT) dan belia tani. Insentif yang

disalurkan melalui program dan projek pembangunan ini dapat membantu para petani, usahawan IAT dan para belia tani dalam meningkatkan produktiviti hasil pertanian masing-masing dan seterusnya mengukuhkan lagi rantai bekalan makanan agar lebih berdaya tahan dan mampan dalam menghadapi pelbagai situasi luar jangka.

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian dalam tindakan melaksanakan program-program pembangunan yang telah dirancang serta mewujudkan petani-petani baru melalui program *Farmer To Farmer* dan *Farm To Farm* serta memastikan tanah-tanah pertanian khususnya tanah sawah tidak diubah status.

Jabatan Pertanian juga berusaha memastikan tiga (3) Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) iaitu TKPM Ara Kuda, TKPM Mayfield, TKPM Juru dan Taman AgroPertanian DOA-PERDA Ara Kuda terus beroperasi bagi memastikan pengeluaran sayur-sayuran dapat memenuhi keperluan penduduk di Negeri Pulau Pinang.

Pihak Kerajaan Negeri dan Persekutuan sentiasa menyalurkan peruntukan bagi memastikan pengeluaran hasil padi di Negeri Pulau Pinang akan terus meningkat. Sebagai rekod, hasil pengeluaran padi di negeri ini adalah yang tertinggi di Malaysia dengan hasil purata pada tahun 2021 sebanyak 5.656mt/ha dan tahun 2022 sebanyak 5.053mt/ha. Kerajaan Negeri turut memberi jaminan bahawa kawasan pertanian tidak diluluskan bagi tujuan pembangunan terutamanya kawasan jelapang padi dan kawasan pengeluaran sayur utama di Negeri Pulau Pinang.

Selain itu, Jabatan Perikanan sentiasa mengambil berat dalam memastikan bekalan makanan untuk rakyat di negeri ini tidak terputus. Antara langkah yang diambil adalah dengan memberi latihan dan Kursus Pemprosesan Produk Perikanan Berasaskan Surimi dan Otoshimi kepada nelayan, usahawan, suri rumah dan golongan sasar lain untuk menceburi bidang ini. Objektif penganjuran kursus ini adalah untuk melahirkan ramai usahawan di negeri ini untuk mengeluarkan produk perikanan sebagai salah satu sumber bekalan makanan kepada orang ramai. Dari tahun 2020 sehingga 2023, sebanyak 17 siri Kursus Pemprosesan Produk Perikanan telah dijalankan oleh Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang. Jabatan Perikanan juga memberi bantuan geran peralatan kepada usahawan bagi meningkatkan pengeluaran produk masing-masing.

25. Isu air di negeri Pulau Pinang dapat diatasi dengan memelihara kawasan tadahan air. Nyatakan tindakan yang telah dan sedang diambil bagi memastikan kawasan tadahan air tidak terjejas.

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Kerajaan Negeri memandang serius dalam pemuliharaan dan pemeliharaan kawasan tadahan air yang menyumbang kepada sumber air mentah negeri. Sehingga kini Kerajaan Negeri telahewartakan sebanyak 6292.261 hektar kawasan tadahan air dan perincian lot adalah seperti di **Lampiran A** dan semua pembangunan di dalam kawasan tadahan air yang telah diwartakan adalah tertakhluk di bawah Perintah Pembekalan Air (kawasan tadahan) 2004 pindaan 2009 Jadual Ketiga. Kerajaan Negeri juga dalam usaha melaksanakan kajian serta libat urus bersama dengan pihak berkepentingan untuk mewujudkan satu polisi/enakmen sumber air baru supaya pengurusan sumber air termasuk kawasan tadahan air dapat dilaksanakan dengan lebih menyeluruh dan penguatkuasaan dapat dilaksanakan melalui perundangan yang khusus supaya kawasan tadahan air tidak terjejas.

LAMPIRAN A

**RINGKASAN LUAS KAWASAN TADAHAN AIR
MENGIKUT DAERAH DI PULAU PINANG**

BIL	DAERAH	KELUASAN (HEKTAR)	STATUS TANAH / BIL LOT / KELUASAN HEKTAR
1.	DAERAH TIMUR LAUT	3927.95	TANAH MILIK / 164 LOT / 551.863 IR / 14 LOT / 136.641 LAIN-LAIN / 87 LOT / 2213.392 TANAH KERAJAAN / 4 LOT / 347.109
2.	DARAH BARAT DAYA	1234.87	TANAH MILIK / 153 LOT / 523.031 IR/ 4 LOT / 117.561 LAIN-LAIN / 62 LOT / 1265.129 TANAH KERAJAAN / 7 LOT / 11.465
3.	DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN	444.88	TANAH MILIK / 1 LOT / 157.681 TANAH KERAJAAN / 1 LOT / 287.198
4.	DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH	680.60	TANAH MILIK / 3 LOT/ 369.629 LAIN-LAIN / 3 LOT / 310.961
JUMLAH		6288.30	TANAH MILIK / 321 LOT / 1602.204 IR / 18 LOT / 254.803 LAIN-LAIN / 152 LOT / 3789.482 TANAH KERAJAAN / 12 LOT / 645.772 [503 LOT] / 6292.261

- Telah wartakan di bawah Enakmen Pembekalan Air 1998 dan Warta Kerajaan Pulau Pinang 27 Februari 1999

Sumber Rujukan: ID 367 MESYUARAT KETIGA PENGGAL KELIMA DUN PULAU PINANG KEEMPAT BELAS

26. Adakah Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Pusat Kajian Samudera dan Pantai USM bagi memulih dan memelihara sumber marin negeri demi menjamin keberlangsungan hidup nelayan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang akan sentiasa menjalinkan kerjasama dengan semua pihak termasuk Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS), badan korporat, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan sebagainya bagi memulih dan memelihara sumber marin negeri. Aktiviti-aktiviti yang sering dilaksanakan adalah seperti program pelepasan benih ikan dan udang ke perairan marin serta program membina dan melabuhkan tukun tiruan serta unjam bagi tujuan meningkatkan sumber perikanan marin demi menjamin kelangsungan hidup nelayan di negeri ini.

27. Adakah akuakultur di Pulau Pinang menjadi punca 'algae' merah di perairan Pulau Pinang yang juga menyebabkan kehidupan marin yang lain terjejas?

(a) Nyatakan pelan tindakan pencegahan yang telah dan akan diambil.

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Punca terjadi *algae* merah di perairan negeri Pulau Pinang bukan disebabkan aktiviti ternakan akuakultur. Gejala ini berlaku adalah disebabkan fenomena semula jadi.

Pihak Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang telah mengambil tindakan awal dengan menjalankan kajian ke atas sampel air di kawasan terjejas secara berkala dan turut meningkatkan kawalan mutu air. Pemantauan dan khidmat nasihat secara berterusan juga turut diberikan kepada penternak yang terlibat.

28. Inisiatif pelaksanaan Teksi Air merupakan salah satu cara mengurangkan kesesakan lalu lintas di bandar.

(a) Apakah status projek ini dan adakah ia dapat dilaksanakan pada tahun 2025? Jelaskan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Kerajaan Negeri berhasrat untuk memperkenalkan perkhidmatan Water Taxi di bahagian pulau, Pulau Pinang. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan agensi-agensi lain telah menjalankan kajian awal dan telah mengenalpasti lokasi-lokasi jeti yang bersesuaian untuk dijadikan sebagai tempat mengambil dan menurunkan penumpang. Sebanyak empat (4) lokasi jeti telah dicadangkan untuk perkhidmatan Teksi Air ini.

Sehubungan itu, MBPP telah memanggil satu Request For Proposal (RFP) bagi melantik syarikat yang berminat untuk menyediakan perkhidmatan Teksi Air ini. Dokumen RFP telah diiklankan pada 12 Disember 2022 dan ditutup pada 27 Februari 2023. Sebanyak dua (2) syarikat telah mengemukakan cadangan melalui RFP ini dan beberapa siri pembentangan kepada Jawatankuasa Penilaian Teknikal RFP telah dilaksanakan.

MBPP telah mengeluarkan satu Surat Niat kepada syarikat yang berjaya untuk melaksanakan projek Teksi Air ini. Sekiranya syarikat ini bersetuju dengan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Surat Niat tersebut, satu Surat Tawaran akan dikeluarkan kepada syarikat berkenaan. Projek Teksi Air ini dijangka akan mula beroperasi pada pertengahan tahun 2025.

29. Landskap dan pencahayaan Pulau Pinang kurang menarik.
- (a) Adakah MBPP bercadang untuk menanam pokok berbunga?
- (b) Nyatakan projek pencahayaan bagi meningkatkan aura bandar George Town.

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Terdapat sebanyak lapan (8) buah tandas awam di sekitar George Town dan Pengkalan Kota. Lokasi tandas awam yang berada di sekitar George Town dan Pengkalan Kota adalah seperti di jadual berikut :

BIL	TANDAS	DUN
1.	Pasar Lebuh Cecil	Pengkalan Kota
2	Pengkalan Weld	Pengkalan Kota
3.	Astaka Medanika	Pengkalan Kota
4.	Astaka Lintang Macallum 2	Pengkalan Kota
5.	Tandas Awam Kompleks Lebuh Pantai	Pengkalan Kota
6.	Astaka Medan Renong	Padang Kota
7.	Astaka Padang Kota Lama	Padang Kota
8.	Kampung Kolam	KOMTAR

- (a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tiada perancangan untuk membuat penambahan bilangan tandas awam memandangkan terdapat kekangan dari segi kawasan pembinaan tandas baharu khususnya di sekitar George Town dan Pengkalan Kota. Walau bagaimanapun, pihak MBPP sedang menambah baik keadaan tandas sedia ada secara berperingkat dengan membuat pembaikan kecil dan penyelenggaraan secara berkala ke atas semua tandas awam milik MBPP.

Buat masa ini, pihak MBPP tidak menyediakan peruntukan untuk projek penambahan tandas awam. Walau bagaimanapun, pihak MBPP menyediakan peruntukan sebanyak RM278,000.00 bagi tujuan penyelenggaraan ke atas 71 buah tandas awam yang diselenggara oleh MBPP pada tahun 2023.

VI. Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tan Hooi Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri

1. Penularan masalah Mat Rempit yang meliar di kawasan Jalan Tunku Kudin telah menimbulkan isu kacau ganggu dan keselamatan terhadap penduduk dan pengguna jalan raya. Walaupun PDRM telah bertindak, tetapi masalah ini berulang. Apakah tindakan yang akan diambil seterusnya?

(a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri ingin membasmi gejala sosial remaja ini?

Y.A.B. Ketua Menteri

1. Berdasarkan maklumat pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), lokasi kawasan Jalan Tunku Kudin merupakan salah satu lokasi *hot spot* samseng jalanan, yang mana pihak Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Pulau Pinang dan Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Daerah Timur Laut sentiasa memberi tumpuan penguatkuasaan dalam mencegah kegiatan samseng jalanan terutamanya pada hari minggu dan Cuti Umum. Kegiatan samseng jalanan sering kali dilakukan di antara jam 1.30 pagi hingga 5.30 pagi terutamanya pada malam hari Jumaat dan Sabtu.

Tindakan penguatkuasaan secara berkala dalam mencegah kegiatan tersebut telah dijalankan oleh Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Pulau Pinang dan Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Daerah Timur Laut. Antaranya dengan menubuhkan pasukan risikan dan tangkapan berpreman, Sekatan Jalan Raya (SJR) secara berkala dan Operasi Bersepadu bersama agensi luar seperti JPJ dan JAS telah dilakukan dari semasa ke semasa.

Statistik penguatkuasaan samseng jalanan bermula 1 Januari 2023 sehingga 10 September 2023 menunjukkan terdapat dua (2) tangkapan di bawah Sek. 42 (1) APJ 1987 di lokasi aduan serta telah menyita sebanyak 166 buah motosikal di bawah Sek. 64 (1) APJ 1987 di mana sejumlah 449 saman Pol. 257 telah dikeluarkan ke atas penunggang motosikal atas pelbagai kesalahan di lokasi aduan. Tindakan penguatkuasaan akan diteruskan untuk mengekang aktiviti yang tidak bermoral ini.

(a) Pihak JSPT Pulau Pinang mencadangkan tiga (3) perkara bagi membasmi gejala ini seperti berikut:

- i. Mewujudkan *speed bumps* di kawasan tersebut;
- ii. Mewujudkan *speed breaker* di kawasan tersebut; dan
- iii. Pencahayaan lampu jalan di kawasan tersebut dikurangkan bermula jam 1.30 pagi hingga 5.30 pagi terutamanya pada hari Sabtu dan Ahad.

2. Apakah langkah-langkah yang Kerajaan Negeri rancang untuk menggalakkan lebih ramai penduduk beralih ke penggunaan kenderaan awam memandangkan masalah kesesakan semakin meruncing?

Y.A.B. Ketua Menteri

2. Langkah- langkah Kerajaan Negeri untuk menggalakkan lebih ramai penduduk beralih ke penggunaan pengangkutan awam bagi mengurangkan kesesakan lalulintas adalah seperti berikut :

1. Pihak MBPP telah menyediakan perkhidmatan Bas Shuttle Percuma George Town (CAT) dalam pusat bandar George Town bagi mengurangkan kesesakan di dalam bandar. Perkhidmatan bas ini telah bermula pada 23 Januari 2008 dengan bilangan bas sebanyak 3 buah bas. Namun, bermula November 2014 MBPP telah menambah kepada 5 buah bas memandangkan permintaan pengguna yang semakin meningkat dari masa ke semasa.

2. Kerajaan Negeri juga telah melancarkan program insentif Pas Mutiara (My50) bermula pada Mac 2021 sehingga kini. Pas Mutiara (My50) di mana Kerajaan Negeri akan menanggung sebanyak RM50 untuk seorang penumpang. Melalui subsidi ini, rakyat Pulau Pinang boleh menikmati perkhidmatan bas secara

percuma di seluruh Negeri Pulau Pinang serta menggalakan rakyat untuk menggunakan pengangkutan awam seterusnya mengurangkan kesesakan.

3. Pada 1 September 2020 Kerajaan Negeri telah memperkenalkan perkhidmatan bas percuma menerusi program *Congestion Alleviation Transit (CAT) Bridge* (CT13) yang beroperasi sehingga kini. Perkhidmatan CAT Bridge ini bermula dari Seberang Jaya melalui Jambatan Pulau Pinang sehingga ke kawasan FIZ Bayan Lepas.
 4. Pada 1 Januari 2023, laluan Bukit Mertajam – Komtar (CT14) telah diperkenalkan. Sehingga kini, sambutan daripada pengguna amat menggalakan.
 5. Kerajaan Negeri turut menyediakan perkhidmatan bagi program Bridge Express Shuttle Transit (BEST) Komtar untuk pekerja yang bekerja di Komtar terutama kepada penjawat awam.
 6. Merangka untuk mewujudkan lorong bas di sebahagian jalan di pusat bandar bagi memendekkan waktu perjalanan bas serta menarik lebih ramai orang untuk menggunakan bas.
3. Laluan bawah tanah Jalan Tunku Kudin-Masjid Negeri merupakan 'hotspot' kemalangan, apakah statistik kemalangan di laluan tersebut sejak tahun 2018 sehingga kini?
- (a) Apakah tindakan atau cadangan masa hadapan untuk memperketatkan keselamatan di lokasi tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri

3. Statistik kemalangan yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Laluan bawah tanah Jalan Tunku Kudin-Masjid Negeri sejak tahun 2018 sehingga kini adalah seperti jadual berikut:

JENIS KEMALANGAN	2018	2019	2020	2021	2022	2023 Sehingga 29 Oktober
MAUT	1	2	0	0	1	1
PARAH	0	0	0	0	0	0
RINGAN	0	0	1	0	2	1
ROSAK SAHAJA	31	27	14	9	19	10
JUMLAH	32	29	15	9	22	12

- (a) Tindakan atau cadangan masa hadapan untuk memperketatkan keselamatan di lokasi tersebut adalah seperti berikut:
- (i) Memasang semula *tranverse rumble strips* yang telah terhakis di dalam kawasan laluan bawah bagi memperlahankan kenderaan yang melalui kawasan tersebut serta menambah papan tanda amaran untuk meningkatkan keselamatan di laluan ini;
 - (ii) Meningkatkan pencahayaan di laluan ini dengan melibatkan kos sebanyak RM45,000.00; dan
- Merancang kerja-kerja membaru muka semula laluan tersebut pada tahun ini.
4. Senaraikan negara utama yang melabur di Pulau Pinang mengikut nilai pelaburan langsung asing (FDI) secara terperinci dari tahun 2018 hingga 2023.
- (a) Nyatakan lima (5) sektor utama yang menerima FDI terbesar secara keseluruhannya.

Y.A.B. Ketua Menteri

4. Negara-negara utama yang melabur di Pulau Pinang mengikut nilai pelaburan langsung asing (FDI) berdasarkan rekod Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia dari tahun 2018 sehingga 2023 adalah seperti berikut:

TAHUN	5 NEGARA UTAMA YANG MELABUR DI PULAU PINANG	NILAI PELABURAN LANGSUNG ASING (RM JUTA)
2018	1. Jepun	1,479.3
	2. China	754.6
	3. Amerika Syarikat	585.4
	4. Taiwan	247.9
	5. Switzerland	182.8
2019	1. Amerika Syarikat	8,652.5
	2. Singapura	1,840.0
	3. United Kingdom	1,513.0
	4. Taiwan	890.1
	5. China	710.0
2020	1. Singapura	3,247.5
	2. Switzerland	2,590.8
	3. Amerika Syarikat	2,057.7
	4. Hong Kong	1,909.2
	5. Netherlands	248.2
2021	1. Netherlands	71,197.5
	2. China	1,279.5
	3. Singapura	1,038.0
	4. Amerika Syarikat	450.8
	5. Hong Kong	149.2
2022	1. Singapura	3,333.2
	2. Hong Kong	2,920.9
	3. Amerika Syarikat	1,561.7
	4. Switzerland	384.6
	5. China	284.0
Suku Kedua 2023	1. Netherlands	882.0
	2. Singapura	734.0
	3. Amerika Syarikat	642.2
	4. Pulau Cayman	177.7
	5. Jepun	87.3

- a. Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia melaporkan bahawa lima (5) sektor utama yang menerima FDI terbesar secara keseluruhannya adalah seperti berikut:

- (i) Barangan Elektrikal dan Elektronik;
- (ii) Mesin & Peralatan;
- (iii) Peralatan Sainifik dan Pengukur;
- (iv) Produk Logam Fabrikasi; dan

(iv) Produk Mineral Bukan Logam.

5. Menteri KPKT telah berjanji untuk memberi peruntukan sebanyak RM 1 juta untuk menaik taraf Astaka Taman Tun Sardon. Apakah status perancangan ini?
- (a) Apakah langkah yang diambil Pihak Berkuasa Tempatan untuk memastikan projek ini dapat direalisasikan?

Y.A.B. Ketua Menteri

5. Menteri Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), YB Tuan Nga Kor Ming telah mengadakan lawatan kerja ke Pulau Pinang pada 23 & 24 Jun 2023. Dalam lawatan tersebut, YB Menteri telah mengumumkan pemberian peruntukan sebanyak RM 1 juta kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bagi menaik taraf Astaka Taman Tun Sardon. Status semasa perancangan projek menaik taraf Astaka Taman Tun Sardon ini masih diperingkat reka bentuk bagi kompleks makanan.
- (a) Langkah yang diambil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam memastikan projek ini dapat direalisasikan adalah melalui pelantikan juru perunding bagi proses mereka bentuk astaka dan seterusnya kerja-kerja pembinaan ini dijangka akan dilaksanakan pada April 2024.
6. Senaraikan bilangan kes keganasan rumah tangga yang berlaku di Pulau Pinang dari tahun 2018 hingga 2023.
- (a) Bilangan kes bercerai yang berlaku di Pulau Pinang dari tahun 2018 hingga 2023.
- (b) Bilangan kes rogol yang berlaku di Pulau Pinang dari tahun 2018 hingga 2023.

Y.A.B. Ketua Menteri

6. Berdasarkan data Polis Diraja Malaysia (PDRM), jumlah kes jeganasan rumah tangga yang direkodkan di Pulau Pinang bagi tempoh 2018 hingga September 2023 adalah sebanyak 2,074 kes. Perincian bilangan kes mengikut tahun adalah seperti berikut:

Jumlah Kes Keganasan Rumah Tangga Yang Direkodkan Di Pulau Pinang Bagi Tempoh 2018 Hingga September 2023

DAERAH	TAHUN						JUMLAH
	2018	2019	2020	2021	2022	2023	
Timur Laut	39	111	82	116	162	114	624
Barat Daya	42	38	58	73	66	57	334
Seberang Perai Utara	52	60	81	82	81	52	408
Seberang Perai Tengah	36	86	112	110	96	44	484
Seberang Perai Selatan	57	48	35	18	45	21	224
JUMLAH	226	343	368	399	450	288	2074

Sumber: Polis Diraja Malaysia Negeri Pulau Pinang

- (a) Berdasarkan data Jabatan Pendaftaran Negara, jumlah pendaftaran perceraian dan pembatalan perkahwinan bukan Islam di Pulau Pinang bagi tempoh 2018 hingga Oktober 2023 adalah sebanyak **5,954 kes**. Manakala, berdasarkan data Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP), jumlah kes perceraian orang Islam yang telah didaftarkan di

JHEAIPP bermula tahun 2018 hingga Oktober 2023 adalah sebanyak **9,249 kes**. Perincian bilangan kes mengikut tahun adalah seperti di berikut:-

Jumlah Pendaftaran Perceraian Di Pulau Pinang Bagi Tempoh 2018 Hingga Oktober 2023

Tahun	Bilangan Pendaftaran Perceraian Orang Islam	Bilangan Pendaftaran Perceraian Orang Bukan Islam	Jumlah
2018	1,566	1,067	2,633
2019	1,800	1,079	2,879
2020	1,484	887	2,371
2021	1,152	1,121	2,273
2022	1,824	1,249	3,073
2023	1,423	551	1,974
JUMLAH	9,249	5,954	15,203

Sumber: Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang

- (b) Berdasarkan data Polis Diraja Malaysia (PDRM), jumlah kes rogol yang direkodkan di Pulau Pinang bagi tempoh 2018 hingga September 2023 adalah sebanyak 522 kes. Perincian bilangan kes mengikut tahun adalah seperti berikut:-

Jumlah Kes Rogol Yang Direkodkan Di Pulau Pinang Bagi Tempoh 2018 Hingga September 2023

DAERAH	TAHUN						JUMLAH
	2018	2019	2020	2021	2022	2023	
Timur Laut	16	19	25	17	33	28	138
Barat Daya	7	5	10	10	14	4	50
Seberang Perai Utara	24	7	19	20	33	14	117
Seberang Perai Tengah	12	32	17	24	34	18	137
Seberang Perai Selatan	15	17	17	11	10	10	80
JUMLAH	74	80	88	82	124	74	522

Sumber: Polis Diraja Malaysia Negeri Pulau Pinang

7. Senaraikan lima (5) kewarganegaraan pelancong utama tertinggi untuk negeri Pulau Pinang dari tahun 2018 hingga 2023.
- (a) Apakah objektif dan perancangan yang akan dilakukan untuk mempromosikan dan meningkatkan bilangan pelancong di negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri

7. Rujuk **LAMPIRAN A** bagi senarai lima (5) kewarganegaraan pelancong utama tertinggi untuk negeri Pulau Pinang dari tahun 2018 hingga 2023.
- (a) Antara perancangan dan usaha yang dilakukan untuk mempromosi dan meningkatkan bilangan pelancong di negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Menjenama dan memperkenalkan semula kempen *Re Experience Penang* bagi merangsang, mengukuhkan serta menarik perhatian pelawat untuk melawat ke Pulau Pinang;
 - (ii) Meningkatkan penggunaan media sosial untuk mempromosikan Pulau Pinang;
 - (iii) Menggiatkan sesi webinar / pameran perdagangan dalam talian;
 - (iv) Kempen pemasaran juga akan diadakan dengan syarikat penerbangan dan kapal persiaran untuk mempromosikan kesinambungan laluan antarabangsa ke Pulau Pinang;
 - (v) Bekerja rapat dengan *Online Travel Agents* (OTA) dan ejen-ejen pelancongan untuk memperkukuhkan jenama Pulau Pinang;
 - (vi) Menyertai *roadshow* dan *tradeshow* ke peringkat antarabangsa dan penganjuran bersama Tourism Malaysia untuk mempertingkatkan penjenamaan Pulau Pinang;
 - (vii) Meningkatkan penghasilan video-video promosi;
 - (viii) Penyediaan risalah dan brosur baharu;
 - (ix) Bekerjasama dengan KOL (*key opinion leader*).
8. Syabas dan tahniah diucapkan kepada MBPP atas usaha 'trap-neuter-return' (TNR) yang dilakukan untuk mengurangkan pembiakan anjing liar di Pulau. Adakah tindakan yang sama akan dilaksanakan oleh MBPP atau Jabatan Perkhidmatan Veterinar terhadap kucing memandangkan populasi kucing liar di Pulau sudah di tahap tidak terkawal?

Y.A.B. Ketua Menteri

8. Sejak penguatkuasaan Akta Kebajikan Haiwan 2015, pengendalian kucing terbiar harus dilaksanakan secara berhati-hati kerana di peringkat Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tiada Undang-undang Kecil khusus yang memperuntukkan bidang kuasa pengendalian kucing terbiar.
- MBPP juga masih dalam pertimbangan untuk menggunakan kaedah *trap-neuter-return* (TNR) bagi mengawal populasi kucing terbiar. Kajian dan penilaian khusus juga sedang dilakukan oleh MBPP termasuklah mengadakan lawatan teknikal ke Taman Kucing Cyberjaya. Kajian dan penilaian ini penting bagi menentukan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang berkesan dan tepat dalam pengendalian kucing terbiar.
9. KADUN Seri Delima mempunyai 16 taman kejiranan di bawah MBPP yang membolehkan penduduk setempat untuk berekreasi. Namun, taman yang popular dan bertema hanyalah dua (2) sahaja. Adakah MBPP berhasrat untuk menjadikan setiap taman di Seri Delima bertema dan mempunyai ciri-ciri tarikannya yang tersendiri?

Y.A.B. Ketua Menteri

9. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sentiasa berusaha untuk menambah baik taman kejiranan sedia ada di KADUN Seri Delima. Bagi memastikan taman kejiranan ini mempunyai keunikan dan ciri-ciri tarikannya yang tersendiri, MBPP akan turut melibatkan komuniti setempat, YB ADUN, MPKK dan Ahli Majlis dalam memberi input bagi pelaksanaan konsep taman yang bersesuaian. Buat masa ini, MBPP sentiasa berusaha untuk mengekalkan keadaan kejiranan tersebut dalam keadaan terjaga dan menarik dengan menyediakan perabot taman landskap kejur dan landskap lembut sebagai kemudahan rekreasi setempat di samping melakukan penyelenggaraan secara berjadual.
10. Apakah strategi yang akan digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk menarik lebih banyak aktiviti rantaian ekonomi bernilai tinggi untuk bertapak di negeri ini untuk menghentikan masalah 'brain drain'?

Y.A.B. Ketua Menteri

10. Terdapat pelbagai perancangan Kerajaan Negeri untuk menarik lebih banyak aktiviti rantaian ekonomi bernilai tinggi untuk bertapak di Pulau Pinang bagi menghentikan masalah 'brain drain' iaitu:
 - (i) Memastikan Pulau Pinang mencapai sasaran untuk menjadi negeri yang berorientasikan Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (*Environmental, Social and Governance*).

Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan pelabur-pelabur untuk mengamalkan konsep hijau apabila mereka ingin membina kilang baharu atau pengubahsuaian bagi kilang sedia ada. Konsep hijau yang dimaksudkan ini adalah seperti reka bentuk bangunan yang menerapkan ciri-ciri Indeks Bangunan Hijau, bangunan ala kampus, sistem penuaian hujan, sistem pengudaraan semula jadi, penanaman pokok-pokok di sekitar kawasan kilang dan mengamalkan aktiviti kitar semula.
 - (ii) Membangunkan taman-taman perindustrian baharu bertaraf antarabangsa melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

Pembangunan taman-taman perindustrian baharu seperti Taman Teknologi Bandar Cassia (*Bandar Cassia Technology Park*), Batu Kawan Timur (*East Batu Kawan*) dan Taman Sains Pulau Pinang Selatan (*Penang Science Park South*) sedang giat dirancang dan dibangunkan. Taman-taman perindustrian baharu ini akan meningkatkan jumlah kawasan perindustrian melebihi 800 ekar bagi menampung jumlah permintaan tanah perindustrian yang tinggi oleh pelabur asing dan tempatan. Para pelabur baharu boleh memulakan projek pembinaan kilang mereka di Taman Teknologi Bandar Cassia seawal suku ketiga tahun 2023.
 - (iii) Memperkasakan promosi pelaburan yang menyasarkan pelabur baharu di luar negara serta pelabur sedia ada yang ingin mengembangkan operasi di Pulau Pinang. Pada tahun 2023, terdapat beberapa siri mesyuarat secara bersasar telah diadakan di Singapura, Kesatuan Eropah, China dan Korea Selatan. Mesyuarat-mesyuarat ini memberi tumpuan kepada syarikat baharu yang mempunyai cadangan pelaburan dan syarikat sedia ada serta cadangan pengembangan perniagaan di Pulau Pinang. Negara-negara berpotensi seperti Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah, Jepun dan Taiwan sedang dalam pertimbangan untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan untuk melabur.
 - (iv) Memantapkan pelaksanaan *Hand Holding Programme* oleh InvestPenang.

Pelabur baharu yang ingin beroperasi di Pulau Pinang akan diberikan khidmat nasihat, sokongan dan fasilitasi untuk memudahkan penubuhan syarikat perniagaan, mendapatkan lesen-lesen yang berkaitan, membina/menyewa bangunan kilang yang baharu dan memulakan operasi pengilangan. Ini adalah untuk memastikan kemudahan proses menjalankan perniagaan (*ease of doing business*) di Pulau Pinang kekal tinggi berbanding dengan pesaing-pesaing yang lain seperti Singapura, Vietnam, Thailand, Indonesia dan sebagainya.

- (v) Menjadikan Pulau Pinang sebagai salah satu hab global dalam pelbagai bidang industri berteknologi tinggi.

Selain daripada memfokuskan kepada industri elektrik dan elektronik yang sedia ada, Kerajaan Negeri akan memberi fokus dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai hab teknologi perubatan (*medical technology*), membangunkan rantai bekalan (*supply chain*) untuk peralatan pembuatan bahagian hadapan (*front-end manufacturing equipment*) dan menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan dan reka bentuk dan pembangunan di Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri juga membantu dan menggalakkan lebih banyak syarikat tempatan terlibat dalam rantai nilai global untuk menggerakkan rantai nilai (*move up the value chain*) serta memantapkan ekosistem yang sedia ada.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga memupuk program penyelidikan dan pembangunan, penggunaan teknologi dan inovasi terutamanya yang berkaitan dengan aspek pendigitalan kerana langkah ini mampu mengubah struktur perindustrian bernilai tinggi, mampan dan memberi manfaat kepada peningkatan pekerjaan mahir serta pendapatan.

- (vi) Kempen “*My Penang, My Workplace*”

Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Pusat *Career Assistance and Talent* (CAT) memainkan peranan untuk meningkatkan pertumbuhan sumber manusia melalui kempen “*My Penang, My Workplace*” yang bertujuan untuk membantu dalam meningkatkan pendapatan golongan yang sedang mencari pekerjaan. Antara usaha-usaha lain adalah melalui peranan Pusat CAT dalam memberi khidmat fasilitasi untuk padanan kerja (*job matching*) iaitu seperti berikut:

- (a) *Outreach Programme* bersama Institusi Pengajian Tinggi bagi memberi kesedaran kepada pelajar dan juga pencari kerja di Malaysia tentang peluang-peluang pekerjaan yang terdapat di Pulau Pinang;
- (b) Pengurus Projek kepada program subsidi latihan industri iaitu “*Penang Internship Subsidy Programme*” (PISP) yang merupakan salah satu peluang bagi pelajar untuk mengikuti program latihan industri di syarikat-syarikat yang berkelayakan sambil mendapatkan pengalaman dan menikmati kadar elaun bulanan yang berpatutan;
- (c) Sekretariat kepada program biasiswa “*Penang Future Foundation*” (PFF) yang merupakan program biasiswa yang dianugerahkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada rakyat Malaysia yang cemerlang dan layak untuk melanjutkan pengajian di Malaysia. Ini adalah salah satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai hab bakat. PFF terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang layak dan keutamaan diberikan kepada belia yang cemerlang dan layak, tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan. Setelah Berjaya menamatkan pengajian yang ditaja, pemegang biasiswa dikehendaki bekerja di Pulau Pinang dalam organisasi pilihan mereka, sama ada di sektor swasta atau awam;

- (d) Perkongsian kekosongan jawatan melalui laman sesawang dan media sosial;
 - (e) Pusat CAT dan TalentCorp bekerjasama mempromosikan *MyNext, Career Comeback* dan lain-lain melalui *Facebook* Pusat CAT; dan
 - (f) Kerjasama dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk membantu memberi peluang pekerjaan melalui program-program, insentif kewangan, latihan, kaunseling dan lain-lain.
- (v) Bagi industri perkhidmatan dan ekonomi digital, InvestPenang telah bekerjasama dengan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Penang Skills Development Centre (PSDC) dan Kumpulan Fokus GBS Pulau Pinang dengan menubuhkan Penang GBS Industry Academy (PGIA) pada tahun 2022. Akademi ini menawarkan peluang peningkatan kemahiran dan melatih semula individu bagi memberi nilai tambah serta melengkapkan mereka dengan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya dalam pekerjaan berasaskan teknologi yang amat diperlukan kini khususnya dalam bidang seperti sains data, pembangunan perisian, keselamatan siber dan sebagainya. Ini secara tidak langsung dapat membantu Kerajaan Negeri melahirkan lebih ramai bakat baharu pada masa hadapan dan meningkatkan tahap kebolehpasaran individu di negeri ini.
- (viii) Memastikan keperluan prasarana disediakan khusus untuk para pelabur baharu dan sedia ada dengan terus melabur dan membangunkan "*Penang Cybercity*". Kerajaan Negeri telah meletakkan komitmen yang teguh terhadap evolusi infrastruktur dalam membentuk landskap pelaburan di negeri ini. Sehingga kini, 11 buah fasiliti pejabat dan prasarana telah dibina untuk memenuhi permintaan syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri ekonomi digital. Antaranya ialah GBS@Mayang dan GBS@Mahsuri oleh Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Negeri Pulau Pinang (PDC) dan beberapa projek swasta seperti One Precinct, Livingston Tower dan sebagainya. Selain itu, PDC juga sedang dalam pembinaan dua bangunan pejabat iaitu "GBS By The Sea" dan "GBS Tech Space" yang terletak di Bayan Lepas. Kedua-dua bangunan pejabat ini bakal menyediakan luas lantai sebanyak 360,000 kaki persegi, dilengkapi lebih daripada 800 plot parkir kereta bertingkat. Fasiliti yang dijangka siap pada penghujung tahun 2024 ini akan membuka tambahan lebih kurang 2,000 sehingga 3,000 peluang pekerjaan baharu.
- (ix) Selain itu, sistem pengangkutan yang holistik mampu menjana pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan taraf kehidupan penduduk Pulau Pinang. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri terus komited untuk memperkasakan pengangkutan awam dengan meneruskan pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang – *Penang Transport Master Plan* (PTMP). Justeru, Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM10.0 bilion bagi pelaksanaan Projek *Light Rail Transit* (LRT) Pulau Pinang ke Seberang Perai dengan kaedah kerjasama awam swasta adalah amat dialu-alukan oleh Kerajaan Negeri yang akan meningkatkan kualiti hidup rakyat Pulau Pinang dari segi liputan pengangkutan awam, perkhidmatan dan hubungan antara kawasan kejiranan.
- (x) Melalui pelaksanaan Projek *Penang South Reclamation* (PSR) yang kini dikenali sebagai *Penang South Islands* (PSI), dijangkakan pelaburan dalam bidang baharu akan meningkat dan dapat merealisasikan impian untuk rakyat hidup di dalam persekitaran yang bersih, hijau dan selamat. Peluang pekerjaan baharu juga akan terbuka luas untuk rakyat. Kerajaan Negeri berhasrat untuk mempertingkatkan mutu hidup komuniti nelayan melalui projek ini. Pelbagai faedah dan bantuan akan diberikan kepada komuniti di sekitar selatan Pulau Pinang terutamanya komuniti nelayan termasuk peluang menceburi bidang-

bidang ekonomi yang baharu seperti akuakultur, perikanan laut dalam, perikanan rekreasi dan lain- lain lagi.

- (xi) Selain itu, Kerajaan Negeri memberi penekanan terhadap Pembangunan Modal Insan dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang berasaskan industri elektronik dan pembuatan. Maka, Pulau Pinang memerlukan lebih ramai bakat teknikal yang terlatih untuk menyokong industri sedia ada dan menarik pelaburan langsung asing (FDI) baharu. Selain itu, banyak syarikat multinasional (MNC) di Pulau Pinang mempunyai matlamat kepelbagaian dan inklusi (DEI) dalam tenaga kerja mereka. Bagi memenuhi permintaan ini, Kerajaan Negeri melalui Pusat STEM seperti *Penang Science Cluster* telah melancarkan Program *Girls in Engineering & Technology* (GET) untuk menggalakkan pelajar perempuan sekolah menengah atas untuk menceburi pengajian dan kerjaya dalam bidang teknikal dan kejuruteraan. Setiap tahun, seramai 150 hingga 200 orang pelajar perempuan dari Pulau Pinang mengambil bahagian dalam program selama sembilan (9) bulan yang disokong oleh 15 buah syarikat yang menaja program dan menyediakan profesional wanita sebagai mentor. Program GET ini akan diperluas ke seluruh negara. Program-program pra-GET telah dilancarkan untuk menyokong GET, misalnya seperti *Girls in STEM* untuk pelajar sekolah menengah rendah dan *Girls in STEM Jr.* untuk pelajar sekolah rendah. Seramai 500 orang pelajar sekolah menengah rendah dan 500 orang pelajar sekolah rendah mengambil bahagian dalam program-program ini setiap tahun di Pulau Pinang.

Selain itu, peranan Tech Dome Penang yang telah melaksanakan program-program seperti Ahli Teknologi Muda AI, Robomania, *Penang Digital Literacy Camp*, *Innospark Penang*, *Women in Zceince* membantu menyemarakkan pengetahuan STEM. Sejak penubuhan Tech Dome Penang pada tahun 2016, Tech Dome Penang telah menjalankan sebanyak 2,050 buah bengkel STEM yang melibatkan lebih daripada 400,000 orang pelajar dari 200 buah sekolah di Pulau Pinang dan 200 buah sekolah dari seluruh Semenanjung Malaysia.

Pada tahun 2022, Tech Dome Penang telah menyelaras penyertaan peserta dari Pulau Pinang ke pertandingan Techlympics yang dianjurkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kontinjen Pulau Pinang telah memenangi Anugerah Kontinjen Terbaik di Malaysia. Selain itu, dua (2) pasukan yang bertanding dalam Pertandingan *Codeavour 2022*, masing-masing telah berjaya memenangi anugerah iaitu *Best AI (Artificial Intelligence) & ML (Machine Learning) Project Award* dan hadiah saguhati. Sebanyak 100,000 buah pasukan dari 65 buah negara telah menyertai pertandingan berprestij ini.

Penang Skills Development Centre (PSDC) juga telah menawarkan pelbagai kursus jangka pendek dan panjang serta seminar dalam bidang teknikal, *soft skills* dan teknologi maklumat (IT) bagi mewujudkan pasaran tenaga kerja yang berkualiti dan berkemahiran tinggi.

- (xii) Pada waktu yang sama, Kerajaan Negeri juga telah melancarkan Penubuhan Perpustakaan Digital dengan kemudahan jalur lebar 5G di 88 buah sekolah di Negeri Pulau Pinang. Projek ini adalah satu usahasama pelbagai pihak terutamanya Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pihak industri. Objektif utama projek ini adalah untuk mewujudkan Perpustakaan Digital Sekolah di mana akses jalur lebar tanpa wayar yang baik dibekalkan kepada sekolah berserta peranti yang berkaitan bagi Pembangunan Modal Insan dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

11. Pertanian bandar (urban farming) merupakan kaedah yang mungkin dapat mengatasi isu keterjaminan makanan (food security) di Pulau Pinang. Sejauh manakah kaedah ini telah dilaksanakan?

(a) Apakah perancangan kerajaan seterusnya untuk menggiatkan cara pertanian ini?

Y.A.B. Ketua Menteri

11. Program pertanian bandar merupakan program yang dapat membantu isi rumah bandar dalam meringankan kos sara hidup melalui pengeluaran sendiri sebahagian daripada bahan makanan yang diperlukan melalui bimbingan Jabatan Pertanian. Program ini melibatkan penduduk di kawasan bandar dan pinggir bandar dengan kerjasama dan penglibatan pelbagai jabatan dan agensi yang berkaitan di peringkat Negeri dan Persekutuan.

Program pertanian bandar dilaksanakan bertujuan menggalakkan penduduk bandar menanam sendiri sayur-sayuran atau tanaman makanan di sekitar kediaman mereka supaya beban kenaikan kos sara hidup dapat dikurangkan.

Projek dijalankan mengikut kategori dan aktiviti iaitu di kawasan perumahan (komuniti) serta di institusi seperti syarikat swasta, pejabat kerajaan, premis sekolah dan lain-lain. Hasil pelaksanaan program dijangka seperti berikut:

- i. (i) Mengurangkan perbelanjaan keperluan dapur peserta projek;
- (ii) Memanfaatkan kawasan lapang di sekeliling rumah;
- (iii) Mengindahkan landskap kawasan;
- (iv) Menimbulkan minat untuk bertani dan menjadikan bertani sebagai hobi yang berfaedah; dan
- (v) Membantu menjamin keselamatan makanan.

Dalam usaha untuk menggiatkan lagi pertanian bandar selain khidmat nasihat teknikal, pemberian insentif dipertimbangkan sebagai galakan awal. Insentif diberi dalam bentuk benih dan bahan tanaman, input, peralatan kecil pertanian serta kerja-kerja penyediaan kawasan. Bagi tahun 2023, peruntukan yang telah disalurkan bagi pemberian insentif adalah berjumlah RM665,000.00. Bilangan projek yang dilaksanakan dan perincian penyaluran peruntukan bagi pemberian insentif pada tahun 2023 adalah seperti berikut:-

SELAKSIAN PROJEKSI PERTAMAKAN BERANAKI BANGSA TALIAN 2020

WILAYAH	KAWALAN	MURID										MURID BERKESKORAN	
		LEWAT/UNDANG		MURID BERKESKORAN		MURID BERKESKORAN		MURID BERKESKORAN		MURID BERKESKORAN		Jumlah	Peratus
		LEWAT	UNDANG	LEWAT	UNDANG	LEWAT	UNDANG	LEWAT	UNDANG				
KUALA LUMPUR	SEKOLAH SAINS DAN TEKNOLOGI					5	10	5	10				
	SEKOLAH SAINS DAN TEKNOLOGI					5	10	5	10	5	10	2	20
	SEKOLAH SAINS DAN TEKNOLOGI	5	10			5	10	5	10	5	10	2	20
	Jumlah Keseluruhan	5	10			15	30	15	30	10	20	4	40
Jumlah	5	10	5	10	35	70	37	74	15	30	6	60	

PERKUMPULAN PROJEKSI PERTAMAKAN BERANAKI BANGSA TALIAN 2020

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI	KAWALAN	MURID					MURID BERKESKORAN	Jumlah
		LEWAT	UNDANG	LEWAT	UNDANG	LEWAT		
KUALA LUMPUR	SEKOLAH SAINS DAN TEKNOLOGI			28,800.00	140,000.00	34,000.00		200,000.00
	SEKOLAH SAINS DAN TEKNOLOGI			24,000.00	120,000.00	16,000.00	100,000.00	260,000.00
	SEKOLAH SAINS DAN TEKNOLOGI			20,000.00	100,000.00			120,000.00
	SEKOLAH SAINS DAN TEKNOLOGI			20,000.00	100,000.00	10,000.00		130,000.00
	Jumlah Keseluruhan			92,800.00	460,000.00	60,000.00		512,800.00
Jumlah Peratus Keseluruhan (2020)	5	10	92,800.00	460,000.00	60,000.00	100,000.00	612,800.00	

12. Isu kesihatan mental dan isu buli dalam kalangan murid-murid semakin bertambah, apakah tindakan dan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri dan Jabatan Kesihatan Negeri untuk mengatasi masalah ini?

Y.A.B. Ketua Menteri

12. JABATAN PENDIDIKAN NEGERI

Isu atau masalah kesihatan mental serta tekanan emosi merupakan antara isu kesihatan awam yang menjadi semakin penting terutamanya selepas pandemik COVID-19. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri melalui Kementerian Pendidikan Malaysia/Jabatan Pendidikan Negeri telah melaksanakan program Saringan Minda Sihat dan Laman Minda Sihat. Bagi pelaksanaan Saringan Minda Sihat, murid akan menjawab item yang terkandung di dalam Senarai Semak Keperluan Murid, Saringan *Whooley PHQ2* dan Saringan Pengurusan Emosi. Murid yang dikenal pasti mempunyai isu berkaitan emosi, perlu menjalani intervensi menggunakan Modul Minda Sihat Kementerian Pendidikan Malaysia, Modul Penguasaan Emosi Secara Dalam Talian KPM dan Modul Kesihatan Mental Remaja Kementerian Kesihatan Malaysia.

Program yang bertemakan “Minda Sihat: Emosi Terjaga, Kehidupan Sejahtera” ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pelajar mengenai kepentingan penjagaan kesejahteraan diri dan kesihatan mental.

Objektif pelaksanaan Program Minda Sihat ini adalah untuk:

- (i) Meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan penjagaan kesejahteraan diri dan kesihatan mental;
- (ii) Memugurkan emosi murid bagi menyokong kesejahteraan diri;
- (iii) Mengenal pasti gejala awal yang memberi kesan kepada minda akibat pandemik atau yang berlaku;
- (iv) Melaksanakan intervensi bagi meningkatkan kemampuan murid meregulasi emosi dengan baik;

- (v) Meningkatkan kemahiran daya tindak murid dalam mengendalikan masalah emosi dan tingkah laku;
- (vi) Merujuk murid yang mengalami masalah emosi, psikologi dan mental kepada pihak yang bertanggungjawab dengan prosedur yang betul; dan
- (vii) Program ini menggunakan empat (4) pendekatan utama iaitu pencegahan, perkembangan, pemulihan dan krisis.

Beberapa **aktiviti pencegahan masalah mental** ini turut dilaksanakan iaitu seperti berikut:

- (i) Mengenal pasti isu murid berdasarkan analisis senarai semak keperluan murid dalam kebiasaan baharu;
- (ii) Mempromosikan kepentingan menjaga kesejahteraan, kesihatan dan mencegah penyakit mental;
- (iii) Membimbing murid menguruskan emosi bagi meningkatkan gaya daya tindak; dan
- (iv) Melaksanakan saringan minda sihat untuk pengesanan awal masalah mental.

Selain itu, **aktiviti-aktiviti perkembangan murid** turut dilaksanakan seperti berikut:

- (i) Meningkatkan keupayaan murid berfikir secara sihat, rasional dan kreatif melalui aktiviti seperti bimbingan kelompok, mentor mentee dan Pembimbing Rakan Sebaya;
- (ii) Meningkatkan kawalan diri, konsep sendiri positif dan daya tahan; dan
- (iii) Meningkatkan kemahiran mengawal emosi melalui sesi bimbingan berterusan.

Aktiviti-aktiviti perkembangan murid ini akan disusuli dengan pelaksanaan **aktiviti-aktiviti pemulihan murid** iaitu seperti berikut:

- (i) Melaksanakan intervensi minda sihat kepada murid yang dikenal pasti; dan
- (ii) Melaksanakan sesi kaunseling secara berterusan dan berfokus kepada penyelesaian isu menggunakan pendekatan kaunseling seperti *Solution Focus Brief Therapy, Cognitive Behavioral Therapy, Choice Theory Reality Therapy* dan sebagainya.

Juga turut dilaksanakan **aktiviti-aktiviti menangani krisis** iaitu seperti berikut:

- (i) Mengenal pasti murid yang mengalami tanda kemurungan dan tanda awal kecelaruan/gangguan mental contoh skizofrenia, kecelaruan bipolar, cubaan dan perancangan psikososial negatif;
- (ii) Melapor kes krisis kepada Guru Besar atau Pengetua;
- (iii) Mengadakan konsultasi dengan ibu bapa untuk merujuk murid kepada pegawai kesihatan di klinik dan hospital berdekatan.

Oleh yang demikian, pihak-pihak yang berperanan dan bertanggungjawab dalam Program Minda Sihat ini ialah:

1. Pentadbir Sekolah
 - 1.1 Melaksanakan program dengan lancar dan berkesan;
 - 1.2 Memantau pelaksanaan program secara berterusan;
 - 1.3 Merujuk kes krisis murid kepada ibu bapa/penjaga; dan
 - 1.4 Melaporkan dan mengambil tindakan intervensi ke atas kes krisis dan psikososial negatif murid ke Pejabat Pendidikan daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) mengikut Surat Pekeliling Ikhtisas

Bilangan 7/2011: Pelaksanaan *Standard Operating Procedure* (SOP)
1:3:7 – Pelaporan dan Tindakan Menangani Isu Disiplin Murid.

2. Guru Bimbingan dan Kaunseling
 - 2.1 Menyelaraskan pelaksanaan program kepada guru dan murid;
 - 2.2 Melaksanakan penataran program kepada guru;
 - 2.3 Menyebarkan maklumat promosi kesihatan mental kepada guru, ibu bapa dan murid;
 - 2.4 Menyediakan panduan dan bahan program kepada guru;
 - 2.5 Melaksanakan saringan minda sihat melalui Sistem ePerkhidmatan Kaunseling Murid (SePKM) di laman sesawang <http://sepkm.com/msihat/>;
 - 2.6 Menyediakan profil murid dari segi isu kesejahteraan emosi;
 - 2.7 Melaksanakan program pencegahan, pengembangan, pemulihan dan krisis mengikut keperluan murid;
 - 2.8 Memantau perkembangan murid dari semasa ke semasa;
 - 2.9 Melaporkan kes krisis dan psikososial negatif kepada Guru Besar atau Pengetua;
 - 2.10 Melaksanakan intervensi umum, khusus dan krisis kepada sasaran murid yang dikenal pasti; dan
 - 2.11 Menjalinkan kerjasama dengan Pejabat Kesihatan yang berdekatan untuk mendapatkan khidmat nasihat dan bantuan kepakaran.
3. Guru
 - 3.1 Memastikan program dilaksanakan dengan lancar;
 - 3.2 Memantau perkembangan perubahan tingkah laku dan emosi murid;
 - 3.3 Merujuk murid yang dikenal pasti mengalami perubahan tingkah laku dan emosi kepada GBK; dan
 - 3.4 Meningkatkan kesedaran kepentingan kesejahteraan diri dan kesihatan mental merentas kurikulum.

JABATAN KESIHATAN NEGERI

Selain melalui Jabatan Pendidikan Negeri, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) juga turut mengambil tindakan dalam menangani isu kesihatan mental dan isu buli.

Pada setiap tahun, JKNPP akan mengadakan bengkel berkaitan kesihatan mental termasuk isu buli dan pengendalian kes bagi melatih anggota kesihatan untuk mengesan dan mengendalikan isu-isu masalah kesihatan dan isu buli. Setiap klinik kesihatan mempunyai anggota kesihatan yang terlatih untuk mengendalikan kes-kes kesihatan mental dan kes buli. Setiap daerah juga diberikan sasaran mengendalikan ceramah di klinik-klinik kesihatan kepada orang ramai.

Perkhidmatan kaunseling juga ditawarkan di setiap klinik kesihatan. Perkhidmatan kaunseling ini dikendalikan oleh Pegawai Psikologi Kaunselor.

JKNPP bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri mengadakan pendidikan kesedaran kesihatan mental di sekolah-sekolah. Taklimat dan aktiviti disampaikan oleh pakar-pakar perubatan dan Pegawai Psikologi Kaunselor JKNPP kepada murid-murid di sekolah.

Saringan kesihatan mental dijalankan di klinik kesihatan melalui Program Remaja dan juga melalui saringan Borang Saringan Status Kesihatan Remaja (BSSK). Saringan

kesihatan mental bukan sahaja dijalankan di klinik kesihatan dan sekolah, tetapi juga semasa mengendalikan program khidmat masyarakat (*outreach*).

Kesedaran kepentingan kesihatan dan isu buli dilaksanakan melalui pelancaran minggu kesedaran dan Sambutan Hari Kesihatan Mental. Selain daripada itu, maklumat kesihatan mental dan isu buli juga disampaikan melalui media massa, penyertaan melalui pertandingan-pertandingan yang berkaitan, forum dan edaran risalah.

JKPP juga menyediakan perkhidmatan dan anggota yang terlatih oleh JKNPP bagi membantu mengatasi masalah kesihatan mental dan buli dalam kalangan murid-murid. Namun begitu, penglibatan dan sokongan keluarga dan komuniti juga amat diperlukan.

Cawangan Pembangunan Kesihatan Keluarga (Primer), JKNPP menyediakan perkhidmatan kesihatan remaja di klinik-klinik kesihatan meliputi saringan kesihatan serta saringan minda sihat. Remaja-remaja yang mempunyai masalah kesihatan mental juga boleh mendapatkan rawatan perubatan. Di samping itu, terdapat juga kaunselor di klinik kesihatan bagi menjalankan sesi kaunseling kepada remaja yang memerlukan. Bagi mencegah masalah kesihatan mental dalam kalangan remaja, pelbagai sesi ceramah dan program telah dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri bagi memupuk pembudayaan penjagaan kesihatan mental dalam diri mereka.

13. Pejabat KADUN Seri Delima sering menerima aduan tentang isu parit rosak, apakah projek infrastruktur yang akan dijalankan di KADUN Seri Delima untuk tahun 2024? Projek infrastruktur yang dimaksudkan termasuk penurapan jalan, pelebaran parit dan sebagainya.

(a) Senaraikan juga perincian tempoh pelaksanaan projek.

Y.A.B. Ketua Menteri

13. Kerajaan Negeri mengambil maklum akan isu parit rosak di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Seri Delima dan akan mengambil tindakan sewajarnya melalui agensi / jabatan kerajaan yang berkaitan.

Bagi tujuan tersebut, Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP) kini dalam peringkat perancangan bagi mengenal pasti keadaan infrastruktur dan tahap kerosakan di kawasan tersebut untuk dimasukkan ke dalam program penyelenggaraan tahun 2024. Program penyelenggaraan yang dilaksanakan secara tahunan ini adalah melibatkan kerja-kerja penyelenggaraan jalan, penyelenggaraan parit, penyelenggaraan bahu jalan dan penyelenggaraan pejalan kaki.

Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) akan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan yang akan melibatkan kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan tebing, pembaikan struktur tebing yang runtuh serta pengorekan mendapan sungai.

Bagi memastikan jalan di kawasan DUN Seri Delima berada dalam keadaan terbaik, Kerajaan Negeri akan melaksanakan kerja-kerja penurapan jalan sepanjang tahun 2024 yang akan dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Antara lokasi yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:

- (i) Jalan Mas (simpang Jalan Besi – Lorong Batu Lancang);
- (ii) Persiaran Mas (simpang Jalan Mas – Jalan Servis /Jalan Masjid Negeri);
- (iii) Tingkat Mas (simpang Jalan Mas – Lintang Mas);
- (iv) Lebuhraya Mas (simpang Jalan Mas – Jalan Masjid Negeri);
- (v) Lintang Mas (simpang Persiaran Mas – Lebuhraya Mas); dan
- (vi) Jalan Gangsa (simpang Jalan Tembaga – Solok Tembaga).

- (a) Perincian tempoh pelaksanaan projek hanya akan diketahui setelah proses pelantikan pihak kontraktor dimuktamadkan.
14. Apakah perancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk meningkatkan keusahawanan tempatan?
- (a) Adakah kerajaan menyediakan geran yang boleh dipinjam oleh usahawan yang berpotensi untuk membangunkan perniagaan mereka khususnya untuk golongan wanita?

Y.A.B. Ketua Menteri

14. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Pembangunan Keusahawan pada 7 April 2022 telah melancarkan Kempen Keusahawanan Satu Budaya selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai Negeri Keusahawanan menjelang tahun 2030.

Antara objektif penganjuran Kempen Keusahawanan Satu Budaya adalah seperti berikut:

- i. Membudayakan keusahawanan dalam kalangan rakyat Pulau Pinang melalui slogan '1 Keluarga 1 Usahawan';
- ii. Membina daya kreativiti dan inovasi produk keluaran Pulau Pinang ke peringkat global dengan memaksimumkan penggunaan teknologi digital; dan
- iii. Menjadikan bidang keusahawanan sebagai satu kerjaya.

Bagi membantu golongan usahawan termasuklah usahawan wanita untuk mengembangkan perniagaan mereka, Kerajaan Negeri melalui PDC mempunyai dua (2) skim mikrokredit seperti berikut:

i. **Skim Pinjaman Harapan (SPH)**

Untuk usahawan Negeri Pulau Pinang yang berbentuk pinjaman perniagaan. Skim ini diwujudkan sebagai satu sistem penyaluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan peniaga dan penjaja kecil. Dua (2) skim pinjaman yang ditawarkan oleh SPH adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA	SKIM 1	SKIM 2
1	Jumlah Pinjaman	RM5,000.00 sehingga RM25,000.00	RM26,000.00 sehingga RM50,000.00
2	Tempoh Pinjaman	50 – 200 minggu	12 – 48 bulan
3	Kadar Caj Pengurusan	4% setahun (Caj Pengurusan akan dikenakan pada tahun kedua dan berikutnya)	6% setahun
4	Kaedah Kutipan	Mingguan	Bulanan

ii. **Tabung Usahawan Tani (TUT)**

Merupakan kemudahan pinjaman yang disediakan khusus kepada pengusaha asas tani di bawah Jawatankuasa MMK Agroteknologi & Keterjaminan Makanan Dan Pembangunan Koperasi Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang.

Pinjaman yang ditawarkan oleh TUT adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA	PINJAMAN 1	PINJAMAN 2
		RM5,000.00 (Berumur 40 tahun ke bawah)	
1	Jumlah Pinjaman	RM6,000.00 (Berumur 41 hingga 60 tahun)	RM10,000.00
2	Tempoh Pinjaman		24 bulan
3	Kadar Caj Pengurusan	Tiada caj pengurusan	6% setahun
4	Kaedah Kutipan		Bulanan

15. Terdapat banyak tanah lapang di bawah seliaan pejabat daerah yang menghadapi masalah pokok liar dan semak samun, misalnya di Block AH Taman Tun Sardon dan Cangkat Tembaga. Apakah tindakan pejabat-pejabat daerah untuk memastikan masalah tanah lapang terbiar ini dapat diatasi tanpa kekangan kewangan?

Y.A.B. Ketua Menteri

15. Tanah lapang yang boleh dikategorikan di bawah bidang kuasa Pejabat Daerah adalah membabitkan tanah seperti berikut :
- i. Belum Dilupuskan, atau;
 - ii. Tanah yang terkembali menjadi tanah kerajaan akibat rampasan / pelucuthakan, atau
 - iii. Tanah yang tamat tempoh pajakan atau;
 - iv. Lesen pendudukan sementara tamat tempoh / tidak diperbaharui atau;
 - v. Tanah yang tidak dibangunkan dalam tempoh 7 tahun dan tindakan perampasan diambil (Seksyen 352, KTN) dan;
 - vi. Tanah Kerajaan di luar daripada mana-mana kawasan yang digazetkan / sempadan mana-mana daerah.

Setakat ini pejabat daerah tidak ada sebarang cadangan untuk mengatasi tanah lapang terbiar tanpa melibatkan implikasi kewangan. Pejabat daerah tidak mempunyai peruntukan yang khusus bagi kerja-kerja penyelenggaraan ke atas mana-mana tanah terbiar tetapi hanya diberi peruntukan bagi kerja-kerja kecemasan bersifat *one-off* bagi tanah-tanah kerajaan yang tiada agensi khusus yang bertanggungjawab menyelenggara tanah tersebut.

Berdasarkan kepada semakan status tanah terhadap tanah lapang yang berada di Blok AH Taman Tun Sardon, tanah lapang tersebut berada di atas tanah milik yang didaftarkan atas nama *Penang State Secretary* yang merupakan Harta Bersama. Oleh yang demikian, penyelenggaraan tanah lapang dalam kawasan harta bersama ini tertakluk kepada Perbadanan Pengurusan (MC) atau Badan Pengurusan Bersama (JMB).

Bagi tanah lapang di Cangkat Tembaga pula, semakan mendapati bahawa tanah ini mempunyai dokumen hakmilik yang didaftarkan atas nama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang digunakan sebagai tanah lapang. MBPP mendapati sebahagian

daripada tanah lapang tersebut juga terdapat pembinaan struktur Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI). MBPP mengambil perhatian terhadap pokok liar dan semak samun di tanah lapang Cangkat Tembaga dan akan mengambil tindakan sewajarnya

16. Pulau Pinang mempunyai bilangan rumah tidak terjual yang amat tinggi di Malaysia, apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil Kerajaan Negeri untuk menangani isu ini?

Y.A.B. Ketua Menteri

16. Istilah *overhang* yang digunakan Pusat Maklumat Harta Tanah Negara / *National Property Information Center* (NAPIC) adalah merujuk kepada hartanah siap belum terjual melebihi sembilan (9) bulan dari tarikh memperolehi Perakuan Siap dan Pematuhan / *Certificate of Completion and Compliance* (CCC). Sehingga sukuan kedua tahun 2023 (Q2 2023), Pulau Pinang merekodkan sebanyak 2,901 unit siap belum terjual merangkumi 502 unit dengan harga bernilai kurang RM300,000.00 dan 2,399 unit melebihi harga RM300,000.00 dikategorikan sebagai *overhang* dan berada di tempat kelima selepas Johor, Selangor, Perak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sehubungan itu, unit tidak terjual bagi Rumah Mampu Milik (RMM) iaitu pada julat harga RM300,000.00 dan ke bawah adalah relevan (17.30%) berbanding keseluruhan segmen pada julat harga RM300,000.00 ke atas iaitu 82.69%.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menangani isu ini adalah dengan melancarkan Kempen Pemilikan Rumah atau *Home Ownership Campaign* (HOC) dan Dasar Rangsangan Sektor Hartanah Peringkat Negeri Pulau Pinang pada tahun 2020. Dasar ini telah dilanjutkan sebanyak tiga (3) kali mulai 10 Jun 2020 hingga 31 Disember 2023. Antara insentif yang diberikan untuk menyelesaikan masalah pemilikan dan penjualan unit-unit kediaman bernilai RM300,000.00 dan ke bawah adalah dengan memberi pengurangan sebanyak 10% dari harga jualan unit-unit tersebut. Selain itu, pemaju-pemaju hartanah juga akan mendapat beberapa manfaat daripada kempen ini seperti pengurangan kadar bayaran pemajuan, pengurangan kadar sumbangan perparitan dan sebagainya. Ini akan memberi keseimbangan kepada pemain-pemain industri tempatan dan dapat memberikan galakan kepada pemaju untuk membina lebih banyak unit RMM dengan harga RM300,000.00 ke bawah.

Selain itu juga, bagi mengatasi isu *overhang* melibatkan hartanah bernilai tinggi pasca pandemik khusus dalam sektor hartanah, pemberian insentif-insentif seperti berikut dilaksanakan:

- i. Pengurangan harga had siling pembelian hartanah dibenarkan untuk warga asing seperti **Jadual 1** berikut:

Jenis Hartanah	Lokasi	Had Siling Semasa (RM)	Had Siling HOC (RM)
Hartanah Berstrata (<i>Stratified Properties</i>)	Kawasan Pulau	1,000,000.00	800,000.00
	Kawasan Seberang Perai	500,000.00	400,000.00
Hartanah Landai (<i>Landed Properties</i>)	Kawasan Pulau	3,000,000.00	1,800,000.00
	Kawasan Seberang Perai	1,000,000.00	750,000.00

Jadual 1: Had Siling Pembelian Hartanah untuk Warga Asing

- ii. Pengurangan Fi Kelulusan (*State Consent Fees*) sebanyak 50% secara menyeluruh seperti **Jadual 2** berikut:

Jenis Permohonan	Kadar Semasa	Kadar HOC
Permohonan untuk Kediaman	<ul style="list-style-type: none"> • RM10,000.00 per plot (individu) • RM20,000.00 per plot (syarikat) • RM2,000.00 per plot(PR) 	<ul style="list-style-type: none"> • RM5,000.00 per plot (individu) • RM10,000.00 per plot (syarikat) • RM1,000.00 per plot (PR)
Permohonan untuk Perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> • RM20,000.00 per plot (individu) • RM40,000.00 per plot (syarikat) • RM4,000.00 per plot(PR) 	<ul style="list-style-type: none"> • RM10,000.00 per plot (individu) • RM20,000.00 per plot (syarikat) • RM2,000.00 per plot (PR)
Permohonan untuk Pertanian	<ul style="list-style-type: none"> • RM20,000.00 per plot (individu) • RM40,000.00 per plot (syarikat) • RM4,000.00 per plot (PR) 	<ul style="list-style-type: none"> • RM10,000.00 per plot (individu) • RM20,000.00 per plot (syarikat) • RM2,000.00 per plot (PR)

Jadual 2: Pengurangan Fi Kelulusan (State Consent Fees)

Berdasarkan maklumat daripada Pejabat Tanah dan Galian (PTG), sebanyak 460 permohonan hartanah oleh warga asing / syarikat asing yang telah dikeluarkan di bawah Kempen HOC dari 10 Jun 2020 hingga 3 November 2023. Perincian senarai permohonan seperti di **seperti berikut**:

Gambaran bilangan permohonan permohonan tanah oleh warga asing / syarikat asing yang telah dibenarkan di bawah Kempen HOC berkuatkuasanya pada 10 Jun 2020 hingga 3 November 2023

Jenis Tanah	2020		2021		2022		2023	
	Jumlah permohonan dibenarkan HOC	Jumlah permohonan dibenarkan HOC	Jumlah permohonan dibenarkan HOC	Jumlah permohonan dibenarkan HOC	Jumlah permohonan dibenarkan HOC	Jumlah permohonan dibenarkan HOC	Jumlah permohonan dibenarkan HOC	Jumlah permohonan dibenarkan HOC
Marah Tanah Laut	210	25	194	24	178	21	270	247
Marah Bukit Jalil	57	6	28	15	41	23	157	16
Marah Selayang (Kawasan)	2	0	2	0	0	2	4	1
Marah Selayang (Kawasan)	15	2	4	3	14	7	16	5
Marah Selayang (Kawasan)	17	3	9	7	14	17	15	26
Jumlah	245	36	247	59	247	70	482	315

17. Budaya kitar semula masih perlu dipupuk secara lebih giat dalam kalangan rakyat bagi mengurangkan pembuangan pepejal secara banyak, apakah langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan pembudayaan kitar semula di Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri

17. Antara langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan pembudayaan kitar semula di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

a. **Pembelajaran & Pernerksaan Kepimpinan (Learning & Leadership Empowerment (2LE))**

Program ini terbahagi kepada dua (2) segmen iaitu sesi taklimat pendidikan dan *Trash-Free Penang* yang direka untuk menarik minat masyarakat terhadap masalah persekitaran di samping menggalakkan amalan lestari dalam kehidupan seharian.

- i. **Taklimat pendidikan:** 122 sesi taklimat pendidikan telah diadakan merangkumi topik impak perubahan iklim, pengurusan sisa, penjimatan air, inisiatif hijau Pulau Pinang, tips pejabat Hijau Pulau Pinang, dan kehidupan Lestari.

- ii. **Trash-Free Penang:** tujuh (7) buah stesen kitar semula telah dibina dan ditambah baik manakala dua (2) lagi stesen dalam fasa pembinaan:

1. Tanjung Bungah Market & Food Complex (bekerjasama dengan syarikat Riiicycle untuk program ganjaran);
2. Pusat Pengumpulan Bahan Kitar Semula Tingkat Erskine 1 (bekerjasama dengan syarikat Riiicycle untuk program ganjaran);
3. Pusat Kitar Semula MPKK Thamby Kekik;
4. Pusat Kitar Semula MPKK Taman Lucky;
5. SJKC Chin Hwa, Kepala Batas;
6. SJKC Moh Ghee Cawangan, Jelutong;
7. SJKC Sin Chung, Penaga;
8. SJKC Mah Hua, TaseK Gelugor (dalam pembinaan); dan
9. SJKC Pai Chai, Batu Feringgi (dalam pembinaan).

b. **Bengkel & Kem Pendidikan Alam Sekitar**

Penang Green Council (PGC) turut menganjurkan bengkel, kem dan lawatan sambil belajar di mana golongan pelajar dan belia adalah kumpulan sasaran utama. Pendidikan awal mengenai alam sekitar harus disemai dalam kalangan kanak-kanak sejak kecil bagi mendorong perubahan tingkah laku diteruskan. Program ini termasuklah pendidikan di dalam kelas, perbincangan, permainan, aktiviti *do-it-yourself* (DIY) serta aktiviti luar yang dapat membantu para peserta membina hubungan sosial, budaya dan hubungan antara alam semula jadi di samping bergembira dan berseronok. Program ini merangkumi beberapa kem dan bengkel yang melibatkan para pelajar seawal umur 5 tahun sehingga ke 35 tahun. Program ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang perlindungan alam sekitar dan membina keyakinan para peserta untuk membantu mencari penyelesaian bagi masalah alam sekitar. Di samping itu, ia juga bertujuan mendidik mereka untuk mengamalkan gaya hidup yang lebih mampan.

c. Anugerah & Insentif Hijau

Penang Green Council (PGC) turut menyediakan pelbagai insentif dan anugerah bagi merakamkan penghargaan kepada pihak sekolah, swasta dan komuniti dalam usaha untuk mengalakkan kecekapan sumber dan pengurangan penggunaan beg plastik. Hal ini juga termasuklah Anugerah Sekolah Hijau Pulau Pinang, Insentif Tadika Hijau Pulau Pinang dan Pensijilan Pejabat Hijau.

- i. Anugerah Sekolah Hijau Pulau Pinang adalah program pengauditan alam sekitar yang telah membantu sekolah-sekolah di Pulau Pinang mewujudkan persekitaran sekolah yang lestari;
- ii. Insentif Tadika Hijau Pulau Pinang telah memupuk semangat cinta terhadap alam sekitar dalam kalangan kanak-kanak di Pulau Pinang; dan
- iii. Pensijilan Pejabat Hijau Pulau Pinang ialah program pensijilan untuk membantu pejabat menguna pakai prinsip-prinsip mampan untuk mewujudkan persekitaran kerja yang lebih lestari.

d. Jaringan Sisa Sifar (Zero Waste Network)

Jaringan Sisa Sifar (*Zero Waste Network*) merupakan pangkalan data yang membolehkan orang awam mencari lokasi dan cara menghubungi pusat kitar semula dan pusat pembelian balik (*buyback centre*) yang terdekat di kawasan kediaman mereka di Negeri Pulau Pinang. Sehingga kini, terdapat sebanyak 161 buah lokasi pusat kitar semula dan pusat pembelian balik (*buyback centre*) telah direkodkan.

e. Projek SEAcircular

Projek SEAcircular merupakan inisiatif daripada *United Nations Environment Programme* (UNEP) dan *Coordinating Body on the Seas of East Asia* (COBSEA) yang turut mendapat pembiayaan Kerajaan Sweden. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Penang Green Council (PGC) telah dilantik sebagai Rakan Strategik oleh Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) dan *Malaysian Green Technology and Climate Change Centre* (MGTC) untuk melaksanakan projek perintis SEAcircular bersama-sama dengan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Projek perintis 'Pengasingan Sisa di Punca: Penyelesaian terhadap Pencemaran Sisa Plastik di Pulau Pinang' telah dilaksanakan di Taman Bagan Lalang dan Kampung Permatang Nibong. Fokus projek adalah untuk mengurangkan penggunaan plastik sekali guna, menggalakkan pengasingan sisa di punca, meningkatkan penggunaan semula dan pemulihan plastik, dan menggalakkan pendekatan konsep Ekonomi Kitaran.

f. Warga Hijau Pulau Pinang – Program Ganjaran

Program ini melibatkan semua warga Pulau Pinang untuk mengamalkan inisiatif hijau dalam kehidupan seharian mereka. Ia telah dilancarkan pada tahun 2009 dan mempunyai seramai 24,045 orang ahli setakat ini. Sejak tahun 2020, program Warga Hijau Pulau Pinang telah bekerjasama dengan pelbagai jenama korporat terkenal yang juga mempraktikkan inisiatif hijau sedia ada dalam usaha untuk mengenal pasti ahli yang aktif dalam amalan 10 inisiatif hijau seperti yang diikrarkan. Rakan kerjasama yang terlibat adalah *L'Occitane*, *Riicycle*, *Lush*, *Kiehl's*, *The Habitat* dan *OWL Zero Waste Grocer Penang*.

g. Pameran dan Jerayawara Kesedaran Alam Sekitar

PGC menganjurkan dan mengambil bahagian dalam pelbagai acara berkaitan alam sekitar untuk mempromosikan budaya 5R. PGC juga memastikan sebelum menghadiri sesuatu jerayawara, penganjur acara perlu mematuhi *Waste Wise Agreement* di mana PGC meletakkan syarat pada jemputan pameran bagi memastikan setiap acara di Pulau

Pinang sebagai *Waste Wise Event* iaitu program yang meminimumkan penghasilan sisa/tidak menghasilkan sisa.

h. Penang Green Hub

Penang Green Hub diwujudkan sebagai medium untuk perniagaan hijau mencipta lebih banyak peluang dan pendedahan melalui laman web dan media sosial PGC. Ia berfungsi sebagai hab dalam talian untuk menyatukan dan membawa masuk idea untuk sektor hijau di Pulau Pinang. Antara kategori yang terdapat di dalam hab ini termasuklah Kediaman & Gaya Hidup, Makanan & Pembungkusan, Pendidikan, Bengkel, Ekopelancongan, NGO, Komuniti, Perkhidmatan dan lain-lain. Semua vendor mesti memenuhi sekurang-kurangnya 2-3 kriteria yang ditetapkan oleh PGC, contohnya kurangkan sisa/jangan gunakan plastik sekali guna/produk buatan tangan/produk mesra alam/ penyelesaian hijau dan lain-lain.

i. Thursday Coffee Reads

Ia adalah sebuah blog yang mempunyai pengisian yang lebih santai tentang isu alam sekitar untuk bacaan orang awam. Maklumat yang berkaitan juga terdapat dalam bentuk infografik, fakta, *life hacks*, soal selidik, gambar, video dan sebagainya untuk menarik minat pembaca. Isi kandungan adalah lebih mudah untuk difahami dan diterima pembaca.

j. Kad permainan Ecoweco.

EcoweCo. adalah sebuah kad permainan interaktif yang direka bertujuan untuk memberi kesedaran tentang kaedah dan alternatif mesra alam sekitar dengan cara yang lebih menyeronokkan. Kad permainan ini akan berfungsi untuk mendidik dan mendorong teknik pemikiran yang berbeza dalam pendidikan alam sekitar dalam kalangan generasi muda. Bukan itu sahaja, kad ini juga turut membantu pemain meningkatkan kefahaman mereka tentang konsep alam sekitar sambil bermain.

k. Kempen media sosial sempena sambutan acara alam sekitar sepanjang tahun

Sempena sambutan tahunan *Earth Hour*, Hari Bumi Sedunia, Hari Alam Sekitar Sedunia dan beberapa lagi sambutan acara alam sekitar yang penting, PGC menganjurkan kempen media sosial untuk memberi lebih banyak pendedahan dan menggalakkan penglibatan orang awam bukan sahaja untuk mengambil bahagian malah menyuntik ilmu baharu untuk memberi kesedaran alam sekitar yang lebih baik.

l. Promosi melalui video pendek alam sekitar dalam pelbagai platform

PGC giat menghasilkan video pendek pendidikan alam sekitar dalam pelbagai platform seperti *Youtube*, *Instagram* dan *Tiktok*. Sasaran projek ini ialah orang awam, komuniti tempatan dan generasi muda yang lebih aktif menggunakan media sosial. Pelbagai video pendek (*short clips*) telah dihasilkan bagi memupuk kesedaran tentang isu alam sekitar seperti pengurusan sisa makanan, plastik sekali guna, krisis air, pengasingan sisa di punca dan sebagainya.

18. Dengan jumlah warga emas yang bertambah, pengangkutan awam Rapid Mobiliti berperanan penting untuk menggerakkan golongan ini dari satu tempat ke tempat yang lain. Senaraikan jumlah pengguna perkhidmatan Rapid Mobiliti setakat ini.

(a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk meluaskan perkhidmatan pengangkutan awam mesra warga emas misalnya Rapid Mobiliti?

Y.A.B. Ketua Menteri

18. Usaha Kerajaan Negeri memberi kemudahan yang selesa bagi kegunaan warga emas untuk ke sesuatu tempat dengan perkhidmatan Rapid Mobiliti yang disediakan oleh pihak Rapid Penang. Rapid Mobiliti merupakan perkhidmatan point-to-point akses terutamanya kepada warga emas dan berkerusi roda. Terdapat dua (2) buah van Rapid Mobiliti yang

beroperasi di bahagian pulau, Pulau Pinang. Berikut merupakan jadual bagi jumlah penumpang bagi tahun 2016 sehingga Oktober 2023:

Tahun	Jumlah Penumpang
2016	1,746
2017	1,857
2018	1,586
2019	2,465
2020	4,829
2021	4,097
2022	4,972
Tahun	Jumlah Penumpang
2023 (sehingga Oktober 2023)	3,906

- (a) Langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk meluaskan perkhidmatan Rapid Mobiliti ini adalah dengan menambah jumlah van supaya boleh dinikmati bukan sahaja untuk warga emas tetapi untuk orang awam yang lain juga. Melalui Perancangan Tahun 2024 Rapid Bus merancang untuk menambah jumlah van untuk perkhidmatan Rapid Mobiliti ini kepada negeri Pulau Pinang. Van baharu dijangka akan diterima pada suku terakhir tahun 2024.

19. Bagi memastikan lebih banyak acara konvensyen dan kesenian bertaraf antarabangsa diadakan di Pulau Pinang, fasiliti-fasiliti bidang MICE perlu ditingkatkan. Apakah pusat-pusat konvensyen dan kesenian yang bakal dibangunkan sepanjang penggal lima (5) tahun ini?

- (a) Apakah strategi-strategi PETACH untuk meningkatkan jumlah acara konvensyen, konsert dan kesenian bertaraf antarabangsa?

Y.A.B. Ketua Menteri

19. Pusat-pusat konvensyen yang bakal dibangunkan sepanjang penggal lima (5) tahun ini adalah:

- i. *Penang Waterfront Convention Centre (PWCC)* yang terletak di The Light.
 - ii. *Penang International Commercial City (PICC)*, Bayan Baru.
- a. PCEB adalah agensi yang menguruskan promosi dan memasarkan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan acara perniagaan bagi pasaran domestik dan antarabangsa. Strategi-strategi PETACE untuk meningkatkan acara konvensyen bertaraf antarabangsa di Pulau Pinang adalah:
- i. **Rangkaian Antarabangsa (Network):** menguatkuasa rangkaian antarabangsa dengan persatuan-persatuan tempatan atau antarabangsa dan ini dilaksanakan secara kolaborasi;
 - ii. **Sokongan kerajaan:** Menambah baik pakej sokongan Kerajaan Negeri seperti *subvention* dan sokongan acara perniagaan untuk bersaing dengan biro-biro antarabangsa lain terutama dalam proses pembidaan. Adalah dimaklumkan bahawa proses pembidaan selalu dilaksanakan bagi kalendar masa hadapan (*future calendar bidding*). Setakat ini, pihak PICEB dalam proses membida konvensyen antarabangsa sehingga tahun 2031;

- iii. **Kerjasama dengan pemain industri tempatan:** Melibatkan industri tempatan seperti pihak berkepentingan (*stakeholder*) untuk mewujudkan rangkaian perkhidmatan yang lengkap bagi peserta;
- iv. **Promosi dan Pemasaran:** Penglibatan dalam acara *tradeshow* dan *roadshow* di luar negara juga bertujuan untuk memastikan kehadiran Pulau Pinang sebagai destinasi acara perniagaan dikenali secara global. Selain itu, kempen pemasaran yang berkesan juga dilakukan melalui media sosial, laman web rasmi, dan kerjasama dengan media di peringkat antarabangsa;
- v. **Memperluaskan dan meningkatkan kualiti infrastruktur:** Pembinaan pusat konvensyen yang moden dan besar adalah kunci untuk menarik perhatian acara perniagaan bertaraf antarabangsa. Pusat konvensyen yang baik harus dilengkapi dengan kemudahan seperti bilik mesyuarat, ruang pameran dan infrastruktur teknologi yang canggih;
- vi. **Kelestarian dan kesinambungan (sustainability):** Isu *sustainability* perlu diberi perhatian dan penguatkuasaan daripada pihak Kerajaan Negeri bagi memastikan pihak yang terlibat dalam acara perniagaan mengambil langkah untuk memperkasakan isu *sustainability*.

20. Dengan peruntukan signifikan sebanyak RM150 juta yang telah diperuntukkan dalam Bajet 2024 bagi menaik taraf tandas awam, apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil Kerajaan Negeri untuk menaik taraf tandas awam serta menggalakkan penjagaan kebersihan tandas premis swasta di seluruh negeri?

Y.A.B. Ketua Menteri

20. Langkah-langkah yang sedang dan akan diambil Kerajaan Negeri untuk menaik taraf tandas awam serta menggalakkan penjagaan kebersihan tandas premis swasta di seluruh negeri adalah seperti berikut:

- i. Merancang Pelan Hala tuju Tandas yang bertemakan Bersih, Menawan dan Wangi (BMW) selaras dengan inspirasi Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT);
- ii. Melaksanakan penggredan tandas milik kerajaan & swasta secara berkala melalui penarafan bintang diberikan mengikut tahap kebersihan dan kemudahan yang disediakan kepada orang awam;
- iii. Melaksanakan pendekatan berbentuk *Communication, Educational and Public Awareness (CEPA)* secara kumpulan kecil semasa lawatan penggredan kepada pemilik atau wakil premis;
- iv. Menjalankan tindakan penguatkuasaan melalui notis dan kompaun terhadap tandas yang tidak mematuhi undang-undang kebersihan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- v. Menyediakan reka bentuk tandas awam yang lebih praktikal untuk penyelenggaraan dan mengurangkan aktiviti vandalisme sebagai panduan kepada pihak pemaju;
- vi. Memberi keutamaan bagi melaksanakan kerja-kerja menaik taraf tandas awam yang mendapat penarafan 3 bintang dan ke bawah;
- vii. Menjalinkan kerjasama bersama pihak Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dengan memberikan hak pengurusan tandas awam sepenuhnya kepada pihak MPKK; dan

viii. Melaksanakan pemantauan secara berkala oleh PBT terutamanya tandas-tandas awam yang terletak di kawasan tumpuan orang ramai seperti premis perniagaan, pasar raya, stesen-stesen minyak dan lain-lain lagi.

21. Kerajaan Negeri harus dipuji kerana telah mengambil langkah proaktif mengenai isu gelandangan, adakah terdapat cadangan pusat-pusat seumpamanya di Seberang?
- (a) Apakah cadangan untuk menambah baik (uplift) keupayaan hidup para gelandangan supaya mereka boleh menyumbang kepada ekonomi kita?

Y.A.B. Ketua Menteri

21. Pusat Transit Gelandangan (PTG) di Jalan Magazine merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk membantu dan mendaya upayakan golongan gelandangan di Pulau Pinang. Di bawah program ini, gelandangan akan ditempatkan di sebuah bangunan di mana mereka dibekalkan dengan keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal yang selesa sebagai permulaan. Jumlah kos yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi pembinaan pusat ini adalah sebanyak RM4,440,440.00. PTG telah mula beroperasi sejak bulan Ogos 2023. Pada bulan September 2023, PTG telah mula menerima masuk gelandangan dan sehingga kini seramai 123 orang telah didaftar masuk dan menerima perkhidmatan di PTG.

Pengoperasian PTG di Jalan Magazine baru sahaja bermula dan belum digunakan secara optimum. Keberkesanan PTG ini akan dikaji dalam mengenali isu-isu dan penambahbaikan yang perlu dibuat sebelum inisiatif seumpama dilaksanakan di kawasan lain bergantung kepada keupayaan kewangan Kerajaan Negeri.

- (a) Bagi mendaya upayakan golongan gelandangan supaya mereka juga boleh turut menyumbang kepada ekonomi, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berkolaborasi dengan jabatan kerajaan lain seperti Jabatan Tenaga Kerja dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam memberi penempatan pekerjaan yang bersesuaian. Selain ini, JKM turut memberi perkhidmatan kaunseling dalam proses pepadanan pekerjaan. Selain ini, gelandangan yang dihantar ke Desa Bina Diri (Institusi JKM) akan menerima latihan kemahiran untuk menjana pendapatan.
22. Terdapat aduan mengenai kesesakan dan masa menunggu yang lama di Hospital Pulau Pinang. Berapakah jumlah orang pesakit jantung yang menerima rawatan di GH Pulau Pinang?
- (a) Adakah fasiliti sedia ada untuk pesakit jantung mencukupi serta bagaimanakah kerajaan mengatasi masalah ini?

Y.A.B. Ketua Menteri

22. Jabatan Kardiologi Hospital Pulau Pinang merupakan pusat rujukan kardiologi bagi seluruh negeri Pulau Pinang dan negeri-negeri di Zon Utara (Kedah, Perlis, Perak). Jabatan menerima seramai 400–500 orang pesakit bagi kes rujukan baru dan 1480 - 1850 orang pesakit bagi kes susulan pada setiap bulan.

Perkhidmatan diberikan termasuklah Perkhidmatan Rawatan Pesakit Dalam, Klinik Pesakit Luar dan Perkhidmatan Makmal Kardiovaskular atau *Invasive Cardiac Catheterization Lab* (ICL / Cath Lab). Pada masa sekarang pihak jabatan mempunyai 2 buah ICL / Cath Lab yang beroperasi sepenuhnya bagi prosedur terancang dan kecemasan.

Sehubungan dengan itu, Pembangunan Blok Pakar dan Wad 17 tingkat beserta tambahan sebuah lagi ICL / Cath Lab (projek dalam proses tender semula) dijangka akan dapat membantu mengurangkan kesesakan dan senarai menunggu pesakit jantung di Hospital Pulau Pinang di masa terdekat. Pihak Jabatan juga sentiasa mengemaskini dan

memohon peralatan tambahan dan gantian seperti telemetri, mesin echocardiografi, mesin Holter dan sebagainya untuk kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia (melalui system MPIS) agar perkhidmatan tidak terganggu.

(b) Antara isu dan tindakan penambahbaikan:

- (i) Kekangan katil dalam menerima kes rujukan pesakit jantung dari hospital-hospital daerah di negeri Pulau Pinang.

Tindakan: Rancangan penambahan katil rasmi / operasi bagi pesakit dalam (*inpatient*) sebanyak 30-40 buah katil dalam Projek Blok Pakar dan Wad baharu.

- (ii) Peralatan yang telah usang dan kerap rosak

(BER/*beyond economic repair*).

Tindakan: Permohonan penggantian atau penambahan segera kepada KKM seperti:

1. 2 Unit Sistem Telemetry bersama 16 *recorders*.
2. 1 Unit Mesin *Biplane Angiogram with Haemodynamics and upgrade of server to 100TB (Cardiology Image Management Solution for cath lab)*.
3. 9 *Bedside Monitors with Central Station*.

- (iii) Tempoh masa menunggu pesakit luar bagi pemeriksaan echocardiografi (Mac 2025)

Tindakan: Permohonan penggantian segera 3 unit mesin *High End ECHO*.

- (iv) Tempoh masa menunggu pesakit luar bagi pemasangan Holter Disember 2024

Tindakan: Permohonan penambahan segera 1 unit sistem Holter.

- (v) (Tempoh masa menunggu kes baru untuk berjumpa doctor adalah 4 sehingga 5 bulan, dan tempoh masa menunggu kes susulan adalah 8 sehingga 9 bulan. Manakala bilangan bilik konsultasi doktor tidak mencukupi dan tempat menunggu pesakit klinik juga sempit serta tidak kondusif untuk pesakit dan pengiring pesakit.

Tindakan: Permohonan mengubahsuai dan menambah bilik konsultasi doktor dan memperluaskan kawasan menunggu pesakit di klinik pakar.

23. Pulau Pinang tersohor sebagai destinasi pelaburan sektor pembuatan. Namun, masalah penginapan untuk warga asing dalam sektor tersebut telahpun menjadi isu majikan memandangkan asrama sedia ada yang terhad. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengatasi masalah ini?

Y.A.B. Ketua Menteri

23. Kerajaan Negeri sememangnya memberi perhatian serius berhubung masalah penginapan pekerja asing yang bekerja di sektor pembuatan di negeri Pulau Pinang. Justeru, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang (PLAN Malaysia Pulau Pinang) telah mewujudkan satu Garis Panduan Perancangan Pembinaan Penginapan Pekerja Negeri Pulau Pinang 2022 yang diluluskan pada 28 April 2022 bagi memenuhi keperluan semasa di dalam sektor perindustrian dan pembinaan. Kerajaan Negeri juga menggalakkan pemaju atau pemain industri menyediakan penginapan pekerja secara berpusat atau *Centralise Labour Quarters* (CLQ) yang mempunyai kemudahan asas dan kemudahan sokongan lengkap.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) sedang menyelaraskan ketetapan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan memperincikan syarat-syarat permohonan perancangan penginapan pekerja sementara (TLQ) di empat (4) zon yang utama iaitu zon kediaman strata, zon kediaman bertanah, zon perniagaan dan perindustrian di kawasan pentadbiran PBT masing-masing. Ketetapan ini kelak akan membantu melancarkan proses kelulusan di peringkat PBT bagi permohonan TLQ oleh pihak majikan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri menasaskan pembinaan penginapan pekerja secara berpusat (CLQ) sebagai langkah penyelesaian jangka masa panjang bagi menyokong pertumbuhan perindustrian di negeri Pulau Pinang.

24. Apakah usaha-usaha yang diambil oleh kerajaan di peringkat komuniti untuk meningkatkan mutu sukan Pulau Pinang?
- (a) Dari segi prasarana, apakah tindakan-tindakan yang diambil untuk menaik taraf mutu prasarana sukan negeri ini?

Y.A.B. Ketua Menteri

24. Selaras dengan usaha untuk mengutamakan gaya hidup sihat dan aktif bagi mencapai visi Penang2030, inisiatif Program Sukan Untuk Semua atau lebih dikenali sebagai *Sports For All* di bawah Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Sukan Negeri Pulau Pinang yang bermula pada tahun 2019 terus menjadi pemangkin kepada pewujudan program sukan peringkat komuniti kepada seluruh penduduk Negeri Pulau Pinang.

Selain itu, dari Januari sehingga Oktober 2023, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama pelbagai Persatuan Sukan Negeri Pulau Pinang dan Pertubuhan Sukan & Rekreasi telah melaksanakan 42 klinik sukan dan program sukan berk komuniti yang disertai oleh seramai 34,845 orang peserta secara keseluruhannya.

- (a) Bagi meningkatkan mutu sukan di peringkat komuniti, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah telah menyediakan peruntukan tahunan untuk tujuan bina baru dan naik taraf prasarana sukan antaranya naik taraf gelanggang bola keranjang, membina gelanggang sepak takraw, membina trek jogging, pemasangan lampu limpah dan baik pulih di padang awam. Semua cadangan pembangunan prasarana sukan yang dikemukakan akan melibatkan ulasan teknikal daripada Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang agar piawai pembangunan prasarana sukan ini selaras dengan piawai yang ditetapkan oleh pertubuhan induk sukan berkenaan di peringkat antarabangsa misalnya FIFA, FIBA, FINA dan sebagainya.
25. Senaraikan bandar luar negara yang mempunyai penerbangan terus (*direct flight*) sedia ada dari Pulau Pinang.
- (a) Senaraikan apakah faktor yang terlibat dalam pertimbangan kewujudan penerbangan terus.
- (b) Apakah perancangan seterusnya untuk menambah penerbangan terus demi kebaikan ekonomi tempatan?

Y.A.B. Ketua Menteri

25. Bandar luar negara yang mempunyai penerbangan terus (*direct flight*) sedia ada dari Pulau Pinang ialah Bangkok, Phuket, Hong Kong, Guangzhou, Xiamen, Taipei, Singapore, Medan, Jakarta, Surabaya, Banda Aceh, Ho Chi Minh City dan Doha.
- (a) Faktor yang terlibat dalam pertimbangan kewujudan penerbangan terus ialah:
- (i) Permintaan untuk perjalanan antara dua bandar: Syarikat penerbangan biasanya hanya mengendalikan penerbangan terus antara dua bandar jika

- terdapat permintaan yang mencukupi daripada pengembara untuk menjadikan laluan itu menguntungkan;
- (ii) Rangkaian dan perkongsian syarikat penerbangan: Syarikat penerbangan selalunya akan mengendalikan penerbangan terus antara dua bandar jika mereka adalah sebahagian daripada pakatan syarikat penerbangan yang sama atau mempunyai perjanjian perkongsian kod, kerana ini membolehkan mereka memanfaatkan rangkaian penumpang satu sama lain;
 - (iii) Keuntungan syarikat penerbangan: Syarikat penerbangan lazimnya hanya akan mengendalikan penerbangan terus antara dua bandar jika mereka boleh berbuat demikian pada keuntungan. Faktor seperti kos bahan api, ketersediaan pesawat dan persaingan dengan syarikat penerbangan lain semuanya boleh memainkan peranan dalam menentukan sama ada laluan itu menguntungkan;
 - (iv) Peraturan kerajaan: Sesetengah kerajaan mempunyai sekatan ke atas syarikat penerbangan yang dibenarkan untuk mengendalikan penerbangan antara bandar tertentu, dan ini juga boleh menjejaskan laluan yang tersedia;
 - (v) Secara umum, penerbangan terus lebih berkemungkinan tersedia antara ibu negeri dengan populasi besar dan ekonomi kukuh, kerana bandar ini cenderung mempunyai permintaan yang lebih tinggi untuk perjalanan;
 - (vi) Selepas wabak industri penerbangan sedang menghadapi kekurangan kapal terbang susulan lonjakan permintaan untuk beroperasi laluan penerbangan ke negara barat yang telah membuka sempadan lebih awal berbanding dengan Malaysia;
 - (vii) Wabak COVID-19 masih belum berakhir jadi ia juga menjadi faktor yang menyebabkan kelewatan sementara pelan penerbangan terus ke destinasi;
 - (viii) Syarikat penerbangan menumpukan pada laluan untung lebih tinggi, jadi mereka memperoleh keuntungan dengan menaikkan harga tiket;
 - (ix) Apabila negara jiran mempunyai polisi visa yang lebih mesra (seperti visa semasa ketibaan atau tiada visa diperlukan) ia akan menarik lebih ramai pelancong ke negara mereka. Pada masa ini kita akan menghadapi masalah persaingan;
 - (x) Kerjasama kakitangan lapangan terbang juga sangat penting, seperti menyediakan perkhidmatan berkualiti tinggi, menyediakan platform maklumat yang komprehensif, dan menambah baik kaunter daftar masuk; dan
 - (xi) Bagi meningkatkan kemasukan pelancong asing melalui udara, Kerajaan Negeri telah melaksanakan program pemberian insentif kepada syarikat penerbangan yang menawarkan laluan penerbangan terus ke lapangan terbang tertakluk kepada syarat-syarat seperti laluan penerbangan terus yang terpilih, tempoh aktif laluan dan kekerapan penerbangan. Kerajaan juga mengadakan perbincangan dan kerjasama dengan syarikat penerbangan dan agensi pelancongan secara berterusan bagi meningkatkan jumlah laluan penerbangan terus dan kekerapan penerbangan.
- (b) Perancangan untuk menambah penerbangan terus demi kebaikan ekonomi tempatan akan terhasil dengan:
- (i) Projek Pembesaran Lapangan Terbang Antarangsa Pulau Pinang disegerakan dengan peningkatan kemudahan lapangan terbang;
 - (ii) Promosi destinasi Pulau Pinang secara berterusan diperhebatkan untuk mewujudkan lebih banyak permintaan; dan

- (iii) Kerjasama erat dengan pemain industri, Syarikat penerbangan dan Tourism Malaysia diperkukuhkan.

26. Kawasan Seri Delima masih dibelenggu masalah tempat parkir di mana bahu-bahu jalan dipenuhi kenderaan. Walaupun pembelian kereta yang banyak menyebabkan masalah ini, tempat parkir masih perlu memadai bagi saiz penduduk kawasan. Apakah cadangan kerajaan untuk menyelesaikan masalah tempat parkir terutamanya di Island Glades, Menara Greenview dan Taman Tun Sardon?

Y.A.B. Ketua Menteri

26. Langkah-langkah yang diambil oleh pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bagi mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta (TLK) di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi seperti di Island Glades, Menara Greenview dan Taman Tun Sardon adalah seperti berikut :

- (i) Melaksanakan sistem jalan sehalu dan pelebaran jalan di Lorong Delima 3 dan Lorong Delima 6 bagi menambah bilangan petak TLK jenis *on-street parking*;
- (ii) Menyediakan TLK di jalan-jalan yang baharu dibina bagi menambah tempat letak kenderaan;
- (iii) Memasang sensor bagi TLK di kawasan Batu Lancang dalam fasa 2 *Penang Smart Parking (PSP)* bagi membantu pemandu merancang perjalanan dengan memastikan destinasi yang ditujui mempunyai tempat letak kereta kosong;
- (iv) Menggalakkan pengguna - pengguna jalan raya di kawasan tersebut menggunakan pengangkutan awam sebagai alternatif bagi mengelakkan lambakan kenderaan di atas jalan raya hingga menyebabkan masalah kekurangan TLK; dan
- (v) Mensyaratkan bagi setiap pemajuan projek perumahan hendaklah disediakan TLK yang mencukupi dalam tapak pemajuan untuk kegunaan para penghuni projek perumahan tersebut sahaja.

27. Sektor kesenian tempatan mempunyai banyak potensi, namun tidak dititikberatkan sehingga berlaku 'brain drain' tenaga kreatif. Apakah perancangan masa hadapan Kerajaan Negeri untuk membangkitkan semula industri kreatif negeri ini?

Y.A.B. Ketua Menteri

27. Untuk menangani *brain drain* dalam kalangan bakat kreatif, Kerajaan Negeri telah melaksanakan rancangan masa hadapan melalui Penang Art District (PAD) seperti berikut :

- (i) Program Insentif: Menyediakan insentif kewangan atau pelepasan cukai untuk syarikat seni dan individu kreatif yang berjaya menarik dan mengekalkan bakat tempatan.
- (ii) Pembangunan Pendidikan Seni: Melabur dalam pendidikan seni tempatan, termasuk program yang memupuk pembangunan bakat muda. Ini mungkin melibatkan kerjasama dengan institusi pendidikan seni dan program latihan kreatif.
- (iii) Penubuhan Hab Kreatif: Menubuhkan hab kreatif yang menyediakan ruang kerja bersama, kemudahan peralatan seni dan sokongan lain untuk menggalakkan kerjasama dan inovasi dalam komuniti artistik.
- (iv) Program Sokongan Kewangan: Menyediakan program sokongan kewangan dalam bentuk geran atau pinjaman mudah diakses untuk projek seni dan kreatif yang berpotensi tinggi.

- (v) Promosi Seni Tempatan: Melancarkan kempen promosi yang aktif untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap seni tempatan dan pengiktirafan terhadap pencapaian artis tempatan.
- (vi) Kerjasama Industri: Membina hubungan kukuh antara sektor seni dan industri lain, seperti teknologi dan perniagaan, untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.
- (vii) Inisiatif Kerjasama Antarabangsa: Mencari dan memupuk perkongsian secara aktif dengan organisasi seni antarabangsa, festival dan komuniti kreatif. Ini boleh membuka peluang untuk program pertukaran budaya, projek bersama, dan pendedahan di pentas global. Mewujudkan program yang memudahkan pertukaran bakat kreatif antara senario tempatan dan rakan sejawat antarabangsa. Ini boleh membawa perspektif baharu, pengaruh yang pelbagai dan memperkayakan landskap kreatif tempatan.
- (viii) Penyertaan dalam Acara Kreatif Global: Menyokong penyertaan artis tempatan dalam acara kreatif antarabangsa dan pameran. Pendedahan ini bukan sahaja mempromosikan artis individu tetapi juga meletakkan agenda kreatif tempatan pada peta secara global.

Selain itu, bangunan kuarters Kerajaan Negeri di No.6 Sepoy Lines akan dibuka sebagai cawangan galeri Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang. Ini merupakan usaha tepat ke arah memartabatkan serta memperkembangkan industri seni kreatif di negeri ini. Dengan pembukaan cawangan galeri seni tampak ini, industri seni visual akan menjadi ruang alternatif bagi menarik minat golongan pelapis muda untuk menceburi industri kreatif. Ruang ini juga bakal menjadi lokasi alternatif kepada para pencinta seni, pelukis, pengumpul seni untuk berkumpul dan bertemu selain daripada Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang di Dewan Sri Pinang.

VII. Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Lee Boon Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri

1. 'Penang Transport Master Plan' (PTMP).
 - (a) Secara keseluruhannya, berapakah projek yang telah dijalankan bawah PTMP? Berikan perincian projek.
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri akan mengkaji semula PTMP supaya selaras dengan perubahan zaman?

Y.A.B. Ketua Menteri

1. (a) Projek *Penang Transport Master Plan* (PTMP) merupakan strategi pengangkutan jangka masa panjang bagi negeri Pulau Pinang yang sedang dilaksanakan secara berfasa. Komponen projek dalam fasa 1 pelaksanaan projek di bawah PTMP ini adalah seperti berikut:

(i) Pakej 2 - Jalan Pintasan Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu ke Ayer Itam.

Projek Pakej 2 - Jalan Pintasan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Ayer Itam sepanjang 6 km merupakan salah satu komponen Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong di bawah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP). Reka bentuk jajaran Pakej 2 melibatkan pembinaan jejambat (viaduct), terowong, *Reinforced Earth Wall* dan tiga (3) persimpangan (interchange) di Lebuhraya Thean Teik, Kg. Kastam dan di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu. Setakat September 2023, status kemajuan di tapak adalah 31% berbanding jadual 48%. Kelewatan berpunca daripada isu-isu pengambilan balik tanah serta pelepasan tanah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan yang telah mengambil masa yang

lama untuk diselesaikan. Jadual kemajuan ini akan diselaraskan balik setelah permohonan EOT dibuat.

(ii) **Projek Penang Light Rail Transit (LRT).**

Pada masa ini, pelaksanaan bagi projek Penang LRT masih menunggu keputusan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) bagi memuktamadkan kaedah pelaksanaan dan perincian teknikal iaitu dari segi jajaran dan lokasi stesen. Tarikh permulaan projek juga bergantung kepada keputusan pihak MOT.

(iii) **Projek Pan Island Link 1 (PIL1)**

Fasa pembinaan bagi Projek PIL 1 masih tidak dapat dilaksanakan pada masa ini memandangkan Kerajaan Negeri masih mempunyai kekangan peruntukan walaupun, reka bentuk awal dan beberapa kelulusan wajib seperti *Environmental Impact Assessment* (EIA), *Traffic Impact Assessment* dan sebagainya telah diperolehi. Kerajaan Negeri masih dalam tindakan untuk mendapatkan peruntukan untuk menjayakan komponen ini.

(iv) Selain itu, komponen-komponen lain di bawah PTMP masih diperingkat perancangan untuk pelaksanaan pada masa hadapan di mana setiap komponen ini sememangnya akan dikaji semula mengikut keperluan semasa.

(b) PTMP menggariskan perkara-perkara strategik yang perlu dikaji dan diperincikan mengikut fasa pelaksanaan yang akan ditentukan kelak. Kajian ini akan mengambil kira perubahan semasa dari segi keperluan dan juga teknologi terkini sewaktu tempoh pelaksanaan nanti.

2. **Projek jalan bawah tanah (underpass) di Jalan Mount Erskine ke Jalan Burma.**

(a) Projek ini telah diumumkan oleh MBPP pada tahun 2019, apakah status terkini projek ini?

(b) Selain projek ini, apakah rancangan Kerajaan Negeri atau MBPP untuk mengurangkan kesesakan di Jalan Gotlieb?

Y.A.B. Ketua Menteri

2. (a) Proses pengambilan tanah untuk semua lot yang terlibat bagi Cadangan Pembinaan Jalan Bawah (*underpass*) dari Jalan Mount Erskine ke Jalan Burma telah siap dilaksanakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut (PDTDTL). Reka bentuk terperinci untuk projek ini juga telah disiapkan oleh perunding yang dilantik oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Pada bulan Oktober 2023, permohonan peruntukan dalam *Rolling Plan* Kelima Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP5 RMKe-12) bagi projek ini telah dihantar kepada Kementerian Ekonomi. Sekiranya permohonan tersebut diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan, pengiklanan tender projek ini dapat dilaksanakan dengan segera kerana proses pengambilan tanah dan reka bentuk terperinci telah selesai dilaksanakan. Jangka masa pembinaan jalan bawah (*underpass*) ini adalah selama tiga setengah tahun.

(b) Antara rancangan Kerajaan Negeri dan pihak MBPP untuk mengurangkan kesesakan di Jalan Gotlieb adalah seperti berikut:

i. Menjalinkan kerjasama dengan Syarikat Rapid Penang bagi menambah baik mutu perkhidmatan bas awam di kawasan Pulau Pinang;

ii. Menambah baik tempoh kitaran sistem lampu isyarat bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas pada waktu puncak di jalan tersebut; dan

- iii. Meluluskan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang yang melibatkan cadangan Projek *Pan Island Link* iaitu lebuh raya yang akan menghubungkan kawasan selatan ke kawasan utara Pulau dari Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah melalui Bayan Baru, Sungai Ara, Paya Terubong, Ayer Itam dan Jalan Gottlieb/Jalan Bagan Jermal ke Persiaran Gurney sebagai rancangan jangka masa panjang.

3. Flat-flat Padang Tembak.

- (a) Berapakah unit rumah yang terdapat di sembilan (9) buah Flat Padang Tembak? Perincikan unit yang bertuan dan unit yang dikawal selia LPNPP.
- (b) Adakah pihak lembaga mempunyai data lengkap penduduk di Flat-flat Padang Tembak terutama warga emas yang tinggal berseorangan?

Y.A.B. Ketua Menteri

3. (a) Rumah Pangsa Padang Tembak terletak di atas Lot 1275 - Lot 1283, Seksyen 2, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang yang berkeluasan 18.25 ekar milikan *State Secretary, Penang Incorporated* (SSI) telah mula didiami sejak tahun 1969. Skim perumahan tersebut terdiri dari sembilan (9) blok bangunan 16 dan 17 tingkat yang menempatkan sebanyak 3,653 unit kediaman melibatkan 522 unit merupakan unit sewaan milik Kerajaan Negeri, manakala 3,131 unit adalah milikan individu serta 65 lot kedai milikan individu.
 - (b) Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) hanya mempunyai data berkaitan maklumat asas pemilik unit sewaan tersebut, namun data berkaitan warga emas yang tinggal berseorangan tidak dinyatakan dalam pangkalan data seliaan LPNPP. Seiring usia Rumah Pangsa Padang Tembak yang telah menjangkau 54 tahun, pemilik asal unit di perumahan tersebut sememangnya terdiri dari mereka yang berusia dan warga emas selain generasi kedua dan ketiga yang terus mendiami unit. LPNPP melalui Syarikat Pengurus Harta yang dilantik terus mengurus keseluruhan skim perumahan berkenaan berikutan tiada Perbadanan Pengurusan yang berjaya ditubuhkan sejak diduduki.
4. Apakah perancangan jangka panjang pihak Lembaga Perumahan Pulau Pinang terhadap flat di Padang Tembak?
- (a) Adakah pelantikan syarikat swasta yang menjaga pengurusan flat di Padang Tembak memberi impak positif?

Y.A.B. Ketua Menteri

4. Dalam perancangan jangka masa panjang untuk Rumah Pangsa Padang Tembak Daerah Timur Laut, Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) telah meletakkan Rumah Pangsa Padang Tembak sebagai projek perintis Pembaharuan Semula Bandar (URC) di bawah *Rolling Plan 5* (RP5) Tahun 2025.

Pembaharuan Semula Bandar ini penting bagi mewujudkan pembangunan bandar yang mampan, berdaya huni dan inklusif di kawasan-kawasan perbandaran yang usang, terbiar dan suram yang akan dapat menangani isu hak milik strata yang tidak dapat dikeluarkan, saiz yang kecil dan tiada kemudahan masyarakat yang komprehensif.

- (a) Pelantikan syarikat swasta yang bertindak sebagai Pengurus Harta LPNPP di skim Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) dan Rumah Sewa Kerajaan Negeri (RSKN) Padang Tembak telah bermula 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2025 (bagi tempoh 3 tahun).

Pengoperasian syarikat pengurus harta ini telah mengubah corak pengurusan perumahan awam di negeri Pulau Pinang. Impak positif yang paling ketara adalah pengurangan nilai tunggakan iaitu melibatkan tunggakan sewa dan senggara Kerajaan Negeri yang berjaya dikurangkan sebanyak 7.08% dalam tempoh kurang sembilan (9) bulan pengoperasian. Ini dapat dilihat dengan penurunan nilai tunggakan di skim Rumah Pangsa Padang Tembak dari RM5,094,257.96 (data sehingga 31 Disember 2022) ke RM4,733,419.89 (data sehingga 30 September 2023).

Selain itu, pengurusan aduan pada masa kini adalah lebih teratur dan efisien mana sehingga 23 Oktober 2023 sebanyak 275 aduan telah berjaya diselesaikan berbanding 140 aduan pada tahun sebelumnya dalam tempoh yang sama di Rumah Pangsa Padang Tembak. Penyusunan serta perangkaan strategi baru pengurusan perumahan awam oleh LPNPP sedikit sebanyak telah berjaya meningkatkan perkhidmatan yang lebih cekap kepada semua golongan sasaran selaras dengan hasrat serta visi Kerajaan Negeri untuk mendayahunikan kehidupan rakyat menjelang tahun 2030.

5. Berapakah rombongan perniagaan atau pertubuhan dari negara luar yang mengadakan pameran, perjumpaan atau persidangan di Pulau Pinang pada tahun 2023 dan perinciannya?
 - (a) Apakah impak kepada ekonomi dan pendapatan Pulau Pinang dengan kemasukan mereka?

Y.A.B. Ketua Menteri

5. Jumlah rombongan perniagaan atau pertubuhan dari negara luar yang mengadakan pameran, perjumpaan atau persidangan di Pulau Pinang pada tahun 2023 oleh Penang *Convention & Exhibition Bureau* (PCEB) ialah sebanyak 302 aktiviti. Perincian adalah seperti berikut:

LAMPIRAN A

DATA ROMBONGAN PERNIAGAAN ATAU PERTUBUHAN DARI NEGARA LUAR YANG MENGADAKAN PAMERAN, PERJUMPAAN ATAU PERSIDANGAN DI PULAU PINANG OLEH PENANG CONVENTION & EXHIBITION BUREAU (PICEB) BAGI TAHUN SEMASA SEHINGGA OGOS 2023

NO	EVENTS	NO OF DAYS	NO OF PAX	ESTIMATED ECONOMIC IMPACT (EEI)
1	Malaysia Education Fair	3	4,000	RM21,758,220.00
2	Star Education Fair	3	4,000	RM21,758,220.00
3	V-Conference Malaysia	10	18,000	RM259,916,580.00
4	SEMICON Southeast Asia: Home (SEMICON SEA 2023)	5	13,000	RM122,629,650.00
5	IAA World Congress 2023 - International Advertising Association	5	1,000	RM10,020,450.00
6	37th Annual Congress of Malaysia Society of Nephrology	4	800	RM6,507,072.00
7	Penang Signature Gold Fair 2023	5	3,800	RM34,450,515.00
8	Asia-Pacific Hernia Society (APHS) 2023	3	500	RM2,829,915.00
9	MATTA Fair Penang 2023	3	4,000	RM21,758,220.00
10	Penang Halal International	1	20	RM35,970.00
11	Penang Halal International	1	20	RM35,970.00
12	Astrazeneca Sdn. Bhd.	1	30	RM53,955.00
13	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	1	35	RM62,947.50
14	Schott Glass Malaysia Components Sdn. Bhd.	2	29	RM104,313.00
15	Speed Tech ICT Sdn. Bhd.	1	30	RM53,955.00
16	HE&ME Righteous Group Perai	1	100	RM179,850.00
17	Olylife International Sdn. Bhd.	1	50	RM89,925.00
18	Mattel (Malaysia) Sdn. Bhd.	2	28	RM100,716.00
19	Steelamour Management Sdn. Bhd.	1	28	RM50,358.00
20	Persatuan Pegawai Kanan Kastam Negeri Pulau Pinang	1	190	RM341,715.00
21	Travelog Malaysia Sdn. Bhd.	1	350	RM629,475.00
22	Phlip Morris (Malaysia) Sdn. Bhd.	2	39	RM140,283.00
23	Jetcan Engineering Sdn. Bhd.	1	50	RM89,925.00
24	Dahua Security Malaysia	1	70	RM125,895.00
25	Icon Trans Sdn. Bhd.	1	30	RM53,955.00
26	CromwellTools Sdn. Bhd.	1	44	RM79,134.00
27	Xcellearn Resources Sdn. Bhd.	1	36	RM64,746.00
28	Majlis Bandaraya Seberang Perai	1	60	RM107,910.00
29	Avares (M) Sdn. Bhd.	1	40	RM71,940.00
30	L&P Global Berhad	1	80	RM143,880.00
31	Nipro Malaysia Sdn. Bhd.	1	63	RM113,305.50
32	Institut Teknikal Jepun Malaysia (JMTI)	1	70	RM125,895.00
33	Travelers Hub Tours Sdn. Bhd.	1	90	RM161,865.00
34	Penang Halal Expo & Conference	3	10,000	RM58,360,500.00
35	Pusat Khidmat Adun Penanti	1	120	RM215,820.00

NO	EVENTS	NO OF DAYS	NO OF PAX	ESTIMATED ECONOMIC IMPACT (EEI)
36	Grandpine Capital Sdn. Bhd.	1	150	RM269,775.00
37	MBSB Bank George Town	1	20	RM35,970.00
38	Excellent Household Resources (M) Sdn. Bhd.	1	30	RM53,955.00
39	Epic Valley Holdings	1	600	RM1,079,100.00
40	MARA Pulau Pinang	2	25	RM89,925.00
41	Pembangunan Sosial & Hal Ehwal Bukan Islam	1	140	RM251,790.00
42	Prudential Assurance Malaysia Berhad	2	80	RM287,760.00
43	Lembaga Kemajuan Wilayah (PERDA)	1	20	RM35,970.00
44	Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang	3	60	RM323,730.00
45	Lembaga Kemajuan Wilayah (PERDA)	1	20	RM35,970.00
46	Institut Koperasi Malaysia Zon Utara	1	150	RM269,775.00
47	Sejati Solutions Sdn. Bhd.	1	10	RM17,985.00
48	Agensi Anti Dadah Kebangsaan Negeri Pulau Pinang	1	30	RM53,955.00
49	Human Resource Development Corporation (HRD CORP)	1	50	RM89,925.00
50	Chevron Malaysia Limited	3	50	RM269,775.00
51	Watson Personal Care Stores Sdn. Bhd.	1	26	RM46,761.00
52	Majlis Bandaraya Seberang Perai	2	66	RM237,402.00
53	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	2	27	RM97,119.00
54	Prudential Assurance	2	48	RM172,656.00
55	Telekom Malaysia	1	50	RM89,925.00
56	Faire Education Sdn. Bhd.	1	80	RM143,880.00
57	Gerbang Alaf Sdn. Bhd.	1	100	RM179,850.00
58	Nestle Products Sdn. Bhd.	1	36	RM64,746.00
59	Penang Global Tourism	1	225	RM404,662.50
60	Robert Bosch Automotive Steering Sdn. Bhd.	2	26	RM93,522.00
61	Persatuan Kuari Penang	1	80	RM143,880.00
62	Triple 3 Business Academy	3	50	RM269,775.00
63	Primec Sales & Services	1	35	RM62,947.50
64	Petronas Dagangan Berhad	3	25	RM134,887.50
65	Politeknik Seberang Perai (PSP)	1	50	RM89,925.00
66	Universiti Sains Malaysia	1	41	RM73,738.50
67	Malaysia Sugar Manufacturing Co. Bhd	1	26	RM46,761.00
68	Hospital Seberang Jaya	1	30	RM53,955.00
69	Paradigm Precision Components Sdn. Bhd.	1	32	RM57,552.00
70	Grandpine Capital Sdn. Bhd.	1	200	RM359,700.00
71	YB Dr Hajah Norlela, Pusat Khidmat ADUN Penanti	1	100	RM179,850.00

NO	EVENTS	NO OF DAYS	NO OF PAX	ESTIMATED ECONOMIC IMPACT (EEI)
72	CG Computer Sdn. Bhd.	1	30	RM53,955.00
73	Jabatan Agama Islam Pulau Pinang	2	40	RM143,880.00
74	BH Petrol Marketing Sdn. Bhd.	1	70	RM125,895.00
75	MetroQem Sdn. Bhd.	1	50	RM89,925.00
76	Petronas Dagangan Berhad	1	110	RM197,835.00
77	Cosway (M) Sdn. Bhd.	1	50	RM89,925.00
78	Tenaga Nasional Tasek Gelugor	1	60	RM107,910.00
79	Dplatform Resources and Solutions Sdn. Bhd.	1	18	RM32,373.00
80	Paradigm Precision Components Sdn. Bhd.	1	35	RM62,947.50
81	Partners Lubricant Industries Sdn. Bhd.	1	100	RM179,850.00
82	Akademi Suruhanjaya Koperasi Malaysia	3	50	RM269,775.00
83	Airwastewater Management Sdn. Bhd.	5	44	RM395,670.00
84	Dommal Food Services Sdn. Bhd.	2	64	RM230,208.00
85	Jabatan Pengaliran dan Saliran	1	67	RM120,499.50
86	Jabatan Mufti Malaysia Bahagian Falak	2	20	RM71,940.00
87	Fulkrum Interactive Media Sdn. Bhd.	2	50	RM179,850.00
88	UC Resources Sdn. Bhd.	3	12	RM64,746.00
89	UMNO Bahagian Bukit Mertajam	1	150	RM269,775.00
90	Hospital Pulau Pinang Unit Rekod Perubatan	3	40	RM215,820.00
91	NIOSH	5	10	RM89,925.00
92	Kementerian Pendidikan Malaysia	3	120	RM647,460.00
93	SK Taman Inderawasih	1	32	RM57,552.00
94	Construction Industry Development Board Malaysia (CIDB)	1	170	RM305,745.00
95	Bright Insight Consultancy	2	20	RM71,940.00
96	Persatuan Pengawal Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja Wilayah Utara	1	30	RM53,955.00
97	Maybank Berhad Penang Kedah Perlis	1	75	RM134,887.50
98	E M POWER Sdn. Bhd.	1	18	RM32,373.00
99	Inspirit Solution	1	80	RM143,880.00
100	Jabatan Pengangkutan Jalan Pulau Pinang	1	50	RM89,925.00
101	Pejabat Timbalan Ketua Menteri 1	1	70	RM125,895.00
102	Padiberas Nasional Berhad (BERNAS)	1	32	RM57,552.00
103	Risda FLEET Sdn. Bhd.	3	162	RM874,071.00
104	Armstrong Auto-Parts Sdn. Bhd.	1	16	RM28,776.00
105	Aused Consultants Sevices Sdn. Bhd.	1	100	RM179,850.00
106	Yayasan Didik Negara Dengan Kerjasama Jabatan	1	240	RM431,640.00
107	Mattel (Malaysia) Sdn. Bhd.	2	28	RM100,716.00
108	OTC Training Centre Sdn. Bhd.	2	26	RM93,522.00

NO	EVENTS	NO OF DAYS	NO OF PAX	ESTIMATED ECONOMIC IMPACT (EEI)
109	J&T Express	2	23	RM82,731.00
110	Dahua Security Malaysia	1	50	RM89,925.00
111	JNE Travel & Tour Sdn. Bhd.	1	140	RM251,790.00
112	Mattel (M) Sdn. Bhd.	2	28	RM100,716.00
113	Boon Siew Honda	2	20	RM71,940.00
114	Malaysian Productivity Corporation	1	10	RM17,985.00
115	Mattel (M) Sdn. Bhd.	1	28	RM50,358.00
116	DOSH Penang	1	35	RM62,947.50
117	Institut Kemahiran Tinggi Perda	1	16	RM28,776.00
118	Southern Steel Berhad	1	50	RM89,925.00
119	Jabatan Alam Sekitar	1	120	RM215,820.00
120	Dentacademy	1	7	RM12,589.50
121	Boon Siew Honda	1	19	RM34,171.50
122	QL Maxicome Sdn. Bhd.	1	85	RM152,872.50
123	Sains Medika Sdn. Bhd.	1	40	RM71,940.00
124	Global Infoskills Sdn. Bhd.	1	35	RM62,947.50
125	Mattel (M) Sdn. Bhd.	2	28	RM100,716.00
126	Matrix HSE Resources Sdn. Bhd.	3	30	RM161,865.00
127	USA ABA International Associates (M) Sdn. Bhd.	1	12	RM21,582.00
128	Mattel (M) Sdn. Bhd.	1	28	RM50,358.00
129	Malaysian Productivity Corporation	2	30	RM107,910.00
130	RICOH (MALAYSIA) Sdn. Bhd.	2	100	RM359,700.00
131	Hitachi High Tech IPC (M) Sdn. Bhd.	1	20	RM35,970.00
132	P.I.E Industrial Berhad	1	30	RM53,955.00
133	Persatuan Pengamal Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Wilayah Utara	1	50	RM89,925.00
134	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	3	20	RM107,910.00
135	Vii Nutrition	1	70	RM125,895.00
136	Boon Siew Honda	2	30	RM107,910.00
137	Etiqa Insurance & Takaful	1	35	RM62,947.50
138	Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara	3	30	RM161,865.00
139	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	1	40	RM71,940.00
140	UITM Shah Alam	1	110	RM197,835.00
141	Xcellearn Resources Sdn. Bhd.	1	15	RM26,977.50
142	Jabatan Agama Islam Pulau Pinang	1	40	RM71,940.00
143	Prima Link Training & Consultancy	2	20	RM71,940.00
144	Ameba Mgmt Academy Sdn. Bhd.	1	70	RM125,895.00
145	HRD Corp	1	60	RM107,910.00
146	Max Saham	2	20	RM71,940.00
147	Just 4U Beauty	1	100	RM179,850.00
148	Mattel (M) Sdn. Bhd.	1	28	RM50,358.00
149	Mattel (M) Sdn. Bhd.	1	19	RM34,171.50
150	Greenvell (M) Sdn. Bhd.	5	20	RM179,850.00
151	Zakat Pulau Pinang	2	17	RM61,149.00
152	Meen Tech Network Sdn. Bhd.	1	100	RM179,850.00

NO	EVENTS	NO OF DAYS	NO OF PAX	ESTIMATED ECONOMIC IMPACT (EEI)
153	Miracle Success KL Academy	1	15	RM26,977.50
154	Penang Port	1	60	RM107,910.00
155	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri	1	20	RM35,970.00
156	Greenvell (M) Sdn. Bhd.	5	53	RM476,602.50
157	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri PP	2	60	RM215,820.00
158	Hospital Bukit Mertajam	3	100	RM539,550.00
159	Alam Teknik Sdn. Bhd.	2	15	RM53,955.00
160	Jabatan Agama Islam	11	320	RM6,330,720.00
161	Actiforce Mechatronics Technology	1	26	RM46,761.00
162	Excellent Household Resources (M) Sdn. Bhd.	1	20	RM35,970.00
163	Majlis Pimpinan Keadilan Negeri Pulau Pinang	1	45	RM80,932.50
164	Garden International School	5	38	RM341,715.00
165	Institute of Quarrying Malaysia	3	25	RM134,887.50
166	TE Connectivity Operations Sdn. Bhd.	1	26	RM46,761.00
167	CBM Technology	1	14	RM25,179.00
168	GS Yuasa Battery Malaysia Sdn. Bhd.	2	14	RM50,358.00
169	Jabatan Perhubungan Perusahaan Pulau Pinang	1	60	RM107,910.00
170	PadiBeras Nasional Berhad (BERNAS)	2	25	RM89,925.00
171	Grandpine Capital Sdn. Bhd.	1	100	RM179,850.00
172	Universiti Utara Malaysia	2	70	RM251,790.00
173	Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit	1	140	RM251,790.00
174	SGS Malaysia Sdn. Bhd.	5	6	RM53,955.00
175	Excellent Skills Training & Consultancy	2	25	RM89,925.00
176	Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian	3	65	RM350,707.50
177	Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan	1	60	RM107,910.00
178	Actiforce Mechatronics Technology	2	26	RM93,522.00
179	Boon Siew Honda	2	13	RM46,761.00
180	Megamal Pinang JMB	1	70	RM125,895.00
181	SGS Malaysia Sdn. Bhd.	3	6	RM32,373.00
182	Persatuan Setiausaha Syarikat Bumiputera Wilayah Utara	1	25	RM44,962.50
183	Boon Siew Honda	1	13	RM23,380.50
184	Jabatan Kastam Diraja Malaysia	2	200	RM719,400.00
185	Bizgif Marketing Resources	1	115	RM206,827.50
186	Micron Memory Malaysia Sdn. Bhd.	1	180	RM323,730.00
187	Zakat Pulau Pinang	1	120	RM215,820.00
188	Federation Of Malaysia Manufacturing (FMM)	1	200	RM359,700.00
189	Jabatan Kastam Diraja Malaysia	1	200	RM359,700.00

NO	EVENTS	NO OF DAYS	NO OF PAX	ESTIMATED ECONOMIC IMPACT (EEI)
190	Bizgif Marketing Resources	1	115	RM206,827.50
191	Micron Memory Malaysia Sdn. Bhd.	1	180	RM323,730.00
192	Zakat Pulau Pinang	1	120	RM215,820.00
193	Federation Of Malaysia Manufacturing (FMM)	1	200	RM359,700.00
194	Boon Siew Honda Sdn. Bhd.	2	24	RM86,328.00
195	Hospt Seberang Jaya	1	123	RM221,215.50
196	Tadika Sri Pintar	2	52	RM187,044.00
197	Newrise Learning Sdn. Bhd.	2	26	RM93,522.00
198	Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd	1	30	RM53,955.00
199	Agensi Antidadah Kebangsaan Pulau Pinang	1	45	RM80,932.50
200	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang	2	50	RM179,850.00
201	University Sains Malaysia	1	30	RM53,955.00
202	Afcona Chemicals Sdn. Bhd.	1	50	RM89,925.00
203	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	2	30	RM107,910.00
204	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang	1	40	RM71,940.00
205	Yenher Agro Products Sdn. Bhd.	1	40	RM71,940.00
206	Danai Wellness Boutique	2	35	RM125,895.00
207	VAT Manufacturing Malaysia Sdn. Bhd.	2	30	RM107,910.00
208	Panasonic Automotive Systems Malaysia Sdn. Bhd.	2	31	RM111,507.00
209	Barentz PC (M) Sdn. Bhd.	1	35	RM62,947.50
210	Stream Environment Sdn. Bhd.	1	46	RM82,731.00
211	Xcellearn Resources Sdn. Bhd.	1	33	RM59,350.50
212	UOB Intergration Program	3	70	RM439,362.00
213	Allergan SMP 2023	5	45	RM470,745.00
214	C&C Singapore - Puratos	3	30	RM175,081.50
215	UOB PFS Overseas Event	4	27	RM225,957.60
216	DGF APAC Security & OHS Conference	6	36	RM451,915.20
217	JCI Elite 12th Installation & Award Banquet	1	60	RM111,434.40
218	28th AIA Annual National Convention (ANC) 2023	3	1200	RM6,474,600.00
219	2023 JCI Malaysia Area North Convention	2	200	RM719,400.00
220	Boston Scientific ASEAN Channel Partners Conference	2	220	RM920,568.00
221	2023 JCI Asia-Pacific Conference in Jakarta	4	6000	RM49,860,360.00
222	Edu X - Penang Education & Career Expo	2	5000	RM17,985,000.00

NO	EVENTS	NO OF DAYS	NO OF PAX	ESTIMATED ECONOMIC IMPACT (EEI)
223	Taiwan Incentive Group - The National Union Chinese Medicine of ROC	2	100	RM418,440.00
224	Taiwan Incentive Group - The National Union Chinese Medicine of ROC	2	100	RM418,440.00
225	Infors Partners Meeting 2023	3	30	RM188,298.00
226	Global World Environment Day	6	120	RM1,506,384.00
227	WFCMC 10th Worship Liturgy & Music Conference	3	300	RM1,750,815.00
228	Inaugural Congress of the College of Otorhinolaryngologists - Head & Neck Surgeons, Academy of Medicine of Malaysia & 43rd Annual General Meeting of the MSO-HNS & 1st Annual General Meeting of CORLAMM	3	400	RM2,158,200.00
229	PWGS Trade Fair 2023	3	10000	RM55,717,200.00
230	52nd Malaysian Orthopaedic Association Annual Scientific Meeting/ Annual General Meeting Conference 2023	3	2400	RM13,054,932.00
231	13th Asia Pacific International Academy of Pathology Congress 2023	3	100	RM627,660.00
232	Penang International Halal Expo & Conference 2023 (PIHEC)	3	300	RM1,697,949.00
233	World Congress of Marine Biodiversity 2023	4	400	RM3,347,520.00
234	Electronics Manufacturing Expo Asia (EMAX) 2023 & Penang Manufacturing Expo (PMAX) 2023	3	8000	RM45,983,520.00
235	My Patient Blood Management 1st Scientific Conference	2	400	RM1,485,792.00
236	ABCs of Inflammatory Bowel Disease	1	100	RM179,850.00
237	Northern Surgical Update 2023	2	300	RM1,096,722.00
238	Malaysia International Conference on Languages, Literatures and Cultures (MICOLLAC) 2023	3	200	RM1,167,210.00
239	Brain Awareness Month 2023	1	200	RM359,700.00
240	Brain Awareness Month 2023	1	200	RM359,700.00
241	Brain Awareness Month 2023	1	200	RM359,700.00
242	Chemsain Penang Trip & Annual Dinner	4	326	RM2,345,244.00
243	48th National Convention of Apex Club of Malaysia 2023	2	300	RM1,123,155.00
244	Malaysian-Singaporean Nephrology Forum	1	100	RM194,535.00
245	The 6th International Innovation, Design and Articulation (i-IDeA) 2023 The International Sciences, Technology and Engineering (ISTEC)	3	159	RM885,903.48

NO	EVENTS	NO OF DAYS	NO OF PAX	ESTIMATED ECONOMIC IMPACT (EEI)
	which are Global Advanced Materials & Surfaces (GAMS) and Computer Sciences & Quantitative Analytics (CoSQA) and International Sports Sciences Conference (ISSC)			
246	12th International Conference on Robotics, Vision, Signal Processing and Power Applications (RoViSP) 2023	2	100	RM383,196.00
247	34th DEXA INTERNATIONAL CONFERENCE AND WORKSHOPS	3	150	RM848,974.50
248	Taiwan Incentive group 立心慈善基金会 Lishin Charity Foundation	2	26	RM108,794.40
249	Congress of the Asia Pacific Hernia Society (APHS) 2023	3	1000	RM6,276,600.00
250	3rd Penang International Conference on Hospitality (PltCH) 2023	2	150	RM627,660.00
251	48th Persatuan Dermatologi Malaysia (PDM) Annual General Meeting & Annual Dermatology Conference	4	400	RM2,971,584.00
252	Taiwan Incentive group 立心慈善基金会 Lishin Charity Foundation	2	52	RM217,588.80
253	The 11th International Conference on Multidisciplinary Research (iCMR 2023)	3	200	RM1,167,210.00
254	International Conference on Nanotechnology & Materials Research (IconMAR 2023) and International Conference on Biomedical Engineering and Bioscience (ICOBEB)	2	60	RM222,868.80
255	International Lime Association (ILA) General Assembly	4	150	RM1,114,344.00
256	Taiwan Incentive group 立心慈善基金会 Lishin Charity Foundation	2	34	RM142,269.60
257	APSDA General Assembly & Reka Campus 2023	3	60	RM376,596.00
258	IEEE Industrial Electronics and Application Conference (IEACon) 2023	2	100	RM389,070.00
259	9th Asian Biomaterials Congress 2023 (ABMC2023)	2	150	RM601,227.00
260	PENSMA 9th Biennial Congress 2023	2	300	RM1,096,722.00
261	Kide International Sdn. Bhd.	1	35	RM62,947.50
262	Straits Orthopaedics (MFG) Sdn. Bhd.	2	31	RM111,507.00
263	Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia	1	78	RM140,283.00
264	Honor Technology (Malaysia) Sdn. Bhd.	1	55	RM98,917.50

NO	EVENTS	NO OF DAYS	NO OF PAX	ESTIMATED ECONOMIC IMPACT (EEI)
265	Chemico Asia Pacific (M) Sdn. Bhd.	1	33	RM59,350.50
266	Alliance Bank Malaysia Berhad	1	31	RM55,753.50
267	Jetcan Engineering Sdn. Bhd.	1	50	RM89,925.00
268	Straits Orthopaedics (MFG) Sdn. Bhd.	2	31	RM111,507.00
269	Jabatan Taman Botani Pulau Pinang	2	30	RM107,910.00
270	Inskan (Group 2)	1	33	RM59,350.50
271	Wealthy Homes Expert Solutions Sdn. Bhd.	1	45	RM80,932.50
272	Petron	1	62	RM111,507.00
273	Af Travel Lufthansa City Centre	1	44	RM79,134.00
274	Penang Port Sdn. Bhd.	1	110	RM197,835.00
275	Ministry Of International Trade & Industry (MITI)	1	100	RM179,850.00
276	Malaysian Timber Industry Board (MTIB)	1	100	RM179,850.00
277	Umno Bagan Negeri Pulau Pinang	1	200	RM359,700.00
278	Flextronics Technology Penang	1	100	RM179,850.00
279	Persatuan Pembedahan Am Seberang Jaya	2	200	RM719,400.00
280	Pejabat Menteri Kementerian Pendidikan Tinggi	1	110	RM197,835.00
281	Pibg Highschool Bukit Mertajam	1	220	RM395,670.00
282	Faculty Of Economics, Universiti Kebangsaan Malaysia	1	315	RM566,527.50
283	Chevron Malaysia Limited	1	100	RM179,850.00
284	Haier Electrical Appliances (M) Sdn. Bhd.	1	100	RM179,850.00
285	SUK (Seksyen Kaunseling and Psikology)	1	50	RM89,925.00
286	Armstrong Auto Parts Sdn. Bhd.	2	47	RM169,059.00
287	Pendidikan Pulau Pinang	1	150	RM269,775.00
288	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang	1	130	RM233,805.00
289	Zakat Pulau Pinang	1	40	RM71,940.00
290	Maxis Broadband Sdn. Bhd.	1	140	RM251,790.00
291	Boon Siew Honda	1	33	RM59,350.50
292	MacDermid Alpha Film & Smart Surface Solutions	1	130	RM233,805.00
293	Huawei Technologies (Malaysia) Sdn. Bhd.	1	40	RM71,940.00
294	Global Entrepreneur Xchange Sdn. Bhd.	1	30	RM53,955.00
295	Greenzone Capital Sdn. Bhd.	2	35	RM125,895.00
296	Felement Sdn. Bhd.	1	60	RM107,910.00
297	Jabatan Perdana Menteri	1	49	RM88,126.50
298	Jabatan Veterinar Pulau Pinang	1	70	RM125,895.00
299	YBS International Berhad	1	60	RM107,910.00
300	High 10 Group	2	45	RM161,865.00

NO	EVENTS	NO OF DAYS	NO OF PAX	ESTIMATED ECONOMIC IMPACT (EEI)
301	Jabil Kulim	2	30	RM107,910.00
302	SUK Pulau Pinang	2	60	RM215,820.00
JUMLAH			115,709	RM834,165,442.00

Sehingga Ogos 2023, impak kepada ekonomi atau *Estimated Economic Impact* (EEI) kepada komuniti Pulau Pinang ialah sebanyak RM834.1 juta yang melibatkan pusat persidangan, tempat-tempat pelancongan, syarikat pengangkutan dan ejen pelancongan, hotel seperti bilik penginapan dan bilik mesyuarat serta peniaga-peniaga restoran, pembekal-pembekal seperti syarikat audio video dan lain-lain.

6. Pembinaan rumah simpan abu mayat (*columbarium*) semakin rancak di Pulau Pinang.
- Adakah Kerajaan Negeri mempunyai garis panduan terhadap pembinaan 'columbarium' ini? Jika ada, perincikan.
 - Penjualan petak 'columbarium' ini kadangkala mencecah puluhan ribu Ringgit Malaysia. Adakah kerajaan bercadang melakukan pengawalan?

Y.A.B. Ketua Menteri

6. a. Ketika ini, Negeri Pulau Pinang masih belum mempunyai Garis Panduan terhadap pembinaan rumah simpan abu mayat *columbarium*. Walau bagaimanapun, PLANMalaysia Negeri Pulau Pinang sedang melaksanakan Kajian Perancangan Kemudahan Tapak Perkuburan Agama Islam Dan Agama Selain Islam Negeri Pulau Pinang. Antara output kajian ini adalah merangka Garis Panduan Perancangan Kemudahan Tapak Perkuburan Agama Islam Dan Agama Selain Islam Bagi Negeri Pulau Pinang. Kajian ini juga akan melihat secara terperinci terhadap aspek kawalan perancangan yang terlibat dengan panduan pembinaan *columbarium*.

Selain ini, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada masa ini mengguna pakai Garis Panduan Kawalan Perletakan Kolumbarium, Krematorium, *Funeral Parlour*, Pembuatan Dan Penjualan Keranda di Kawasan MBPP yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri pada 19.01.2006 (pindaan terkini 22.02.2018).

Tujuan garis panduan ini adalah untuk mengawal perletakan *columbarium*, krematorium, *funeral parlour*, pembuatan dan penjualan keranda di kawasan MBPP seperti berikut :

- Peletakan *columbarium*, krematorium dan *funeral parlour* boleh dibenarkan di kawasan yang dizonkan sebagai tanah perkuburan seperti yang dinyatakan di dalam Rancangan Pemajuan samada Rancangan Struktur atau Rancangan Tempatan. Jarak zon penampakan peletakan *columbarium* dan krematorium di atas tanah perkuburan dari perumahan dan pembangunan terdekat ialah minimum 30 meter; dan
 - Pembuatan keranda dan penjualan keranda hanya boleh dibenarkan di kawasan tanah perkuburan sahaja dan di premis perniagaan keranda sedia ada sahaja seperti yang diperincikan dalam garis panduan.
- b. Sehingga kini, Kerajaan Negeri belum melaksanakan kawalan harga jualan petak *columbarium*. Namun begitu, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya

Seberang Perai (MBSP) sedang mengusahakan Pembinaan Krematorium Awam di Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Krematorium awam ini adalah inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menyediakan perkhidmatan pembakaran mayat kepada penganut agama selain Islam pada kadar pembayaran yang lebih rendah dan mesra rakyat. Penawaran kemudahan dan perkhidmatan sedemikian adalah untuk meringankan beban waris B40.

7. Senaraikan dengan terperinci projek-projek rumah kos rendah dan kos sederhana yang akan dibina di Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri

Jenis Daerah/RMM	RMM A	RMM B
Daerah Timur Laut	1,867	4,646
Daerah Barat Daya	2,855	3,250
Daerah Seberang Perai Utara	1,702	723
Daerah Seberang Perai Tengah	2,612	2,296
Daerah Seberang Perai Selatan	720	3,223
JUMLAH	9,756	14,138

7. Sebanyak 9,756 unit rumah kos rendah (kini dikenali sebagai RMM A) dan 14,138 unit rumah kos sederhana rendah (kini dikenali sebagai RMM B) berada dalam peringkat perancangan dan dijangka dapat disiapkan menjelang tahun 2030. Perincian unit RMM A dan RMM B ini mengikut pecahan di setiap daerah adalah seperti berikut;

DATA PECAHAN RMM A DAN B YANG AKAN DIBINA DI PULAU PINANG

(Dalam Peringkat Perancangan)

SENARAI RMM A DAN B DALAM PERINGKAT PERANCANGAN DI PULAU PINANG

DAERAH TIMUR LAUT					
Bil.	Tahun	Projek	Pemaju	Jenis RMM	Bil. Unit
1.	2017	Di Atas Lot 1555 (Lot Baru 6400), Persiaran Bukit Gambir 1, Mukim 13, DTL	Tetuan MPSB Venture Sdn. Bhd.	A	85
2.	2018	Warisan Tanjung Fasa 4C, Tanjong Tokong Lama, Seksyen 1, Bandar Tanjung Tokong	Tetuan UDA (North) Sdn Bhd	A	650
3.	2018	Kampung Mutiara, Batu Feringghi	Tetuan UDA (North) Sdn Bhd (Kerajaan Pusat)	A	566
4.	2023	Di atas No15, Lot 76, Jalan Batu Ferringgi, Bandar Batu Ferringgi, Pulau Pinang	Epic Gateway Sdn Bhd	A	66

DAERAH TIMUR LAUT					
Bil.	Tahun	Projek	Pemaju	Jenis RMM	Bil. Unit
5.	2023	PPR Kota Giam , Jelutong	Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT)	A	500
JUMLAH					1,867
6.	2017	62, Seksyen 2 Batu Feringgi, Batu Feringgi, DTL	Malim Jaya (Melaka) Sdn. Bhd	B	15
7.	2017	Di Atas Lot 2920, Pt 3986, Dan Sebahagian Lot 2921 & Lot 292, Jalan Bukit Gambier, Sungai Dua, Mukim 13, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	Gambier Sanctuary Sdn Bhd	B	194
8.	2018	Wakaf Shaik Eusoff, Jalan Air Itam	Tetuan UDA (North) Sdn Bhd JV MAINPP	B	1,248
9.	2018	Kota Giam	LPNPP	B	895
10.	2018	Jalan Perak	MBPP	B	200
11.	2020	Lot 728, Batu Gantung, Seksyen 2, DTL	Tetuan Berjaya Land Development SB	B	70
12.	2019	Lot 11312, 11314, 11315, 11316, 11317, Plot D, Sbhg Lot 11311 & 11313, Jalan Bukit Kukus, Mukim 13	Aspen Park Hills	B	464
13.	2020	Lot 6388-6390, Mukim 13, Jalan Masjid DTL	Lengkap Impresif	B	27
14.	2022	Lot 3196 (Parcel 4C), Seksyen 1, Tanjung Tokong	UDA Land North	B	930
15.	2023	Di atas Lot 42, Jalan Sungai Batu, Seksyen 1, Bandar Batu Ferringgi, Pulau Pinang	UDA Land North	B	78
16.	2023	Di atas tanah kerajaan tebusguna jelutong (tapak pelupusan sampah sediaada), Seksyen 8, Bandar Jelutong, Pulau Pinang	PLB Engineering Sdn Bhd	B	525
JUMLAH					4,646

DAERAH BARAT DAYA					
Bil.	Tahun	Projek	Pemaju	Jenis RMM	Bil. Unit
1.	2016	Lot No. 84, Mukim D Bagan Air Itam, Lorong Prestij 10, Jalan Baru, George Town, DTL	Alamkhas Sdn. Bhd.	A	192
2.	2018	Pembangunan Bercampur Di Lot 289, 290, 291, 752, 768, 770, 1050 dan 1144, Mukim 11, Sungai Batu, DBD Pulau Pinang	Perda Ventures Incorporated Sdn. Bhd.	A	645
3.	2017	Sbhg. 728 & 1551, Mukim 4 Batu Itam, Jalan Sungai Air Putih 6, Daerah Barat Daya	MTT Properties. & Dev. Sdn. Bhd.	A	160

DAERAH BARAT DAYA

4.	2018	Di Jalan Pondok Upeh, Mukim 6	Tetuan Plenitude Estates SB	A	327
5.	2019	Lot-lot 20252, 20253, 20283 & 1804 (sebahagian Lot Lama 202, 236, 403, 516, 511, 711, 712, 713, 714, 715, 761, 765, 980, 981, 982 & 983), Mukim 11	Tetuan Wisma Dayamas Sdn. Bhd.	A	115
6.	2019	Di Atas Lot 237,439,440 dan 441, Jalan Pulau Betong, Mukim J, DBD	Tetuan Jernih Prospektif Sdn.Bhd.	A	1,224
7.	2021	Jalan Sungai Pinang, DBD	JKP Sdn. Bhd.	A	192
8.	2016	Lot No. 84, Mukim D Bagan Air Itam, Lorong Prestij 10, Jalan Baru, George Town, DTL	Alamkhas Sdn. Bhd.	B	192
9.	2017	Sbhg. 728 & 1551, Mukim 4 Batu Itam, Jalan Sungai Air Putih 6, Daerah Barat Daya	MTT Properties. & Dev. Sdn. Bhd.	B	288
10.	2017	Di Atas Lot 1053, 1054 dan sebahagian Simpanan Laluan (Pelot A), Mukim C	Tetuan JKP Sdn. Bhd.	B	108
11.	2019	Lot-lot 422, 423 & 424, Mk. 10	Tetuan Iconic Landmark Sdn. Bhd.	B	357
12.	2019	Lot-lot 20252, 20253, 20283 & 1804 (sebahagian Lot Lama 202, 236, 403, 516, 511, 711, 712, 713, 714, 715, 761, 765, 980, 981, 982 & 983), Mukim 11	Tetuan Wisma Dayamas Sdn. Bhd.	B	115
13.	2019	Di Atas Lot 237,439,440 dan 441, Jalan Pulau Betong, Mukim J, DBD	Tetuan Jernih Prospektif Sdn.Bhd.	B	360
14.	2019	Di Atas Lot 256, Jalan Teluk Kumbar, Mukim 11, Daerah Barat Daya	Tetuan Definite Hamony Development Sdn. Bhd.	B	129
15.	2021	Jalan Sungai Pinang, DBD	JKP Sdn. Bhd.	B	192
16.	2021	bersebelahan Lot 8471, Jalan Mayang Pasir	LPNPP	B	287
17.	2022	Lot 2323, 2324,2325	LPNPP	B	340
18.	2023	Di atas lot lot Pt 1962-1965 serta tanah kerajaan 'Petak A', 'Petak B', 'Petak C', Mukim 13, serta 'Petak E', Mukim 12, Pulau Pinang	Tropical Island Resorts Sdn Bhd	B	360
19.	2023	Di atas sebahagian 586 & 675, Mukim 10	Icon Attractions Sdn. Bhd	B	150
20.	2023	Di atas lot 316, Lorong Perak Seksyen 1, Bandar Jelutong Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	Morning Dew Development Sdn. Bhd	B	372
JUMLAH					3,250

SEBERANG PERAI UTARA					
Bil.	Tahun	Projek	Pemaju	Jenis RMM	Bil. Unit
1.	2018	Di atas Lot-lot 2499, 195, 2502, 2570, 270, 189, 190, 2569, 2626, 197, 199, 1420187, 268 & 362, Seksyen 4, Butterworth	STC Property Management Sdn. Bhd.	A	225
2.	2018	Di Atas Lot 20084 (Sebahagian Lot Lama 3261) & Lot 20086 (Sebahagian Lot Lama 3264), Mukim 12, Jalan Kubang Menerong	Tetuan Pavilion Everise Sdn. Bhd	A	119
3.	2018	Pembangunan Bercampur Di Atas Sebahagian Lot 15461 (Lot Lama 5687), Jalan Gelugor, SPU	Perda Ventures Incorporated Sdn Bhd	A	439
4.	2018	Pembangunan Bercampur Di Atas Lot 2770, 2771, 2772, 2773, 2776, 2777 dan 2480, Mukim 12, Tasek Gelugor	Perda Ventures Incorporated Sdn Bhd	A	70
5.	2018	Pembangunan Bercampur Di Atas Lot 1640, Mukim 13, Ara Kuda, SPU	Perda Ventures Incorporated Sdn Bhd	A	349
6.	2023	PPR Kepala Batas	LPNPP	A	500
JUMLAH					1,702
7.	2022	Ampang Jajar	LPNPP	B	723
JUMLAH					723

SEBERANG PERAI TENGAH					
Bil.	Tahun	Projek	Pemaju	Jenis RMM	Bil. Unit
1	2017	Bukit Mertajam	LPNPP	A	100
2	2017	Bersebelahan Taman Markisah, Mukim 14, SPT.	Total Vista Dev. S/B	A	420
3	2017	Seksyen 4, Bukit Mertajam, SPT.	Avongold City S/B	A	230
4	2017	Bersebelahan Taman Tan Sai Gin, Sek.3, SPT.	Rank City S/B	A	84
5	2021	Di atas Lot 1291, Jalan Markisah, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 1)	Total Vista Development Sdn Bhd	A	74
6	2021	Di atas Lot 1291, Jalan Markisah, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 2)	Total Vista Development Sdn Bhd	A	182

7	2021	Di atas Lot 1291, Jalan Markisah, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 3)	Total Vista Development Sdn Bhd	A	182
8	2021	Di atas Lot PT16, PT 17, PT 18, PT 10000, Bandar Prai, dan PT 301, PT 302, Mukim 4, Kampung Bagan Serai, Seberang Perai Tengah (Fasa 1)	JKP Sdn Bhd	A	400
9	2021	Lot 1056,1057,1058,1059 Mukim 21, SPT	Spirit of Perai Sdn Bhd	A	350
10	2021	LOT 712,713,1839,,1841,1843,2206, &PT274 LOT 683,684,726,727,1838, 1840 DAN 1842 Mukim 16, SPT	Quality Frontier Sdn Bhd	A	190
11		Perai (Unit gantian)	LPNPP	A	100
12	2022	Di Atas Lot 189 Dan 665 Mukim 19 SPT	Waz Lian Holding Sdn Bhd	A	300
JUMLAH					2,612
13	2017	Juru	LPNPP	B	800
14	2021	Di atas Lot PT16, PT 17, PT 18, PT 10000, Bandar Prai, dan PT 301, PT 302, Mukim 4, Kampung Bagan Serai, Seberang Perai Tengah (Fasa 2)	JKP Sdn Bhd	B	694
15	2021	Di atas Lot 10067 (PT 2997), Mukim 6, Jalan Pematang Pauh, Daerah Seberang Perai Tengah	JKP Sdn Bhd	B	395
16	2021	Perai (Kg Main)	LPNPP	B	407
JUMLAH					2,296

SEBERANG PERAI SELATAN					
Bil.	Tahun	Projek	Pemaju	Jenis RMM	Bil. Unit
1	2018	Di Atas Lot 8019 (Lot Lama PT 841) & Lot 8020 (Lot Lama PT 1369), Jalan Ilmu, Mukim 9, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan	Tetuan JKP Sdn. Bhd.	A	360
2	2022	Di Atas Lot 10609, Mukim 11, Jalan Nibong Tebal, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	Chen Yu Land Sdn. Bhd.	A	152
3	2023	GUH Development Sdn. Bhd.	SPC	A	208
JUMLAH					720
4	2018	Bandar Cassia Fasa 4 – 25	PDC Properties	B	3,223
JUMLAH					3,223

8. Projek LRT di Pulau Pinang telah diumumkan dalam Bajet 2024 oleh YAB Perdana Menteri.
- Agensi manakah yang akan menjadi pelaksana projek ini dan kos keseluruhan yang terlibat?
 - Adakah jajaran baru untuk LRT akan diwujudkan atau menggunakan jajaran lama yang dirancang sebelum ini?

Y.A.B. Ketua Menteri

8. a. Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pengangkutan telah memutuskan MRT Corporation Sdn. Bhd yang merupakan anak syarikat kerajaan milik Kementerian Kewangan akan berperanan sebagai agensi pelaksana, pemilik aset serta operator yang akan melaksanakan projek LRT Pulau Pinang fasa 1 iaitu daripada Lapangan Terbang Pulau Pinang ke Penang Sentral melalui KOMTAR.

Setakat ini, seperti yang dibentangkan dalam belanjawan 2024 pada 13 Oktober 2023 yang lalu, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM10 bilion bagi pelaksanaan Projek *Light Rail Transit* (LRT) Pulau Pinang ke Seberang Perai.

- b. Pada masa ini, pelaksanaan projek LRT sedang menunggu keputusan Kementerian Pengangkutan bagi memuktamadkan kaedah pelaksanaan dan perincian teknikal, iaitu dari segi jajaran dan lokasi stesenya.
- 9.. Berapakah tan metrik beras yang diperlukan di Pulau Pinang setiap tahun untuk menampung bekalan makanan kepada penduduk di negeri ini?
- Adakah langkah intervensi pengedaran bekalan beras di Pulau Pinang perlu dilakukan untuk jangka masa yang panjang?

Y.A.B. Ketua Menteri

9. Keperluan beras di negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

TAHUN	Penggunaan Per Kapita (kg)	Jumlah Keperluan Setahun (kg)	Jumlah Keperluan Setahun (mt)
2019	74.50	114,763,600	114,764
2020	78.50	122,500,660	122,501
2021	82.80	130,848,509	130,849
2022	78.00	124,785,726	124,786

- Langkah intervensi pengedaran beras di Pulau Pinang hanya untuk jangka masa pendek sahaja. Ini kerana kerajaan negeri Pulau Pinang melalui MMK Agroteknologi & Keterjaminan Makanan telah pun merancang bagi melaksanakan *Private Fund Initiative - Private Partnership* bersama syarikat tempatan untuk Projek Gudang Keterjaminan Makanan negeri Pulau Pinang. Projek ini melibatkan beras putih tempatan, minyak masak dan juga gula di bawah seliaan kerajaan negeri Pulau Pinang.

Cadangan awal sudah pun dihantar ke Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM). Maklumbalas yang diberikan adalah sangat baik. Langkah seterusnya adalah menandatangani perjanjian persefahaman bersama syarikat yang terpilih dan permohonan kuota beras akan dihantar melalui Jabatan Kawal Selia Padi Beras negeri Pulau Pinang ke KPKM. Jangkaan pelaksanaan projek ini adalah pada awal 2024.

10. Berapakah jumlah pesawah padi di Pulau Pinang?
- (a) Berapakah hektar sawah padi di negeri ini dan juga jumlah pengeluaran setiap tahun?

Y.A.B. Ketua Menteri

10. Jumlah pesawah padi di negeri Pulau Pinang adalah seramai 5,262 orang pesawah.
- (a) Keluasan sawah padi di negeri ini adalah sebanyak 12,105 hektar (ha) dan jumlah pengeluaran padi setiap tahun dari tahun 2019 hingga tahun 2023 adalah seperti berikut:

TAHUN	PENGELUARAN	JUMLAH PENGELUARAN PADI
2019	5.012 tan/ha x 12,105ha x 2 musim	121,340.52 tan
2020	5.0225 tan/ha x 12,105ha x 2 musim	121,594.73 tan
2021	5.656 tan/ha x 12,105ha x 2 musim	136,931.76 tan
2022	5.053 tan/ha x 12,105ha x 2 musim	122,333.13 tan
2023	5.224 tan/ha x 12,105ha x 2 musim	126,473.04 tan

11. Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam pengurangan emisi karbon?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri terlibat dengan program karbon tersimpan di hutan?

Y.A.B. Ketua Menteri

11. a. Secara umumnya, karbon diperdagangkan menerusi bilangan atau jumlah penurunan emisi kadar pelepasan gas rumah kaca (*Green House Gas – GHG*) atau pemencilan karbon (*carbon sequestration*) kepada mana-mana pihak atau pun pemberi dana. Manakala, perdagangan karbon *offset* melibatkan sistem *baseline-and-credit* yang juga lebih dikenali sebagai *project-based-system* iaitu urus niaga pengurangan emisi melalui perbelanjaan suatu projek penurunan emisi yang dituntut kepada mana-mana pihak sebagai pembeli atau pemberi dana. Perniagaan Karbon ini merupakan inisiatif Program *Reducing Emissions from Deforestation and Degradation* (REDD+) di bawah Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim PBB (UNFCCC).

Dalam pelaksanaan mekanisme REDD+ ini di Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri juga mengambil maklum bahawa Mekanisme REDD+ dilaksanakan secara peringkat nasional (*national level*) mengikut keperluan UNFCCC. Perancangan dan pelaksanaan REDD+ juga dipantau oleh Jawatankuasa Kebangsaan dan Teknikal REDD+ yang dianggotai, kerajaan-Kerajaan Negeri, Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri dan agensi-agensi berkaitan. Mekanisme ini adalah berasaskan prinsip pembiayaan bagi jumlah pengurangan pelepasan gas GHG untuk mendapatkan imbuhan dari *Results Base Payment* (RBD). Bagi melayakkan untuk mengakses RBD, ini beberapa syarat UNFCCC perlu dipatuhi melalui beberapa proses yang melibatkan pembangunan aras rujukan hutan (*forest reference level- FRL*), penilaian oleh pihak UNFCCC ke atas FRL tersebut selain syarat-syarat lain untuk dipenuhi. Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan

Perubahan Iklim (NRECC), masih dalam rangka memuktamadkan Strategi Nasional REDD+.

Negeri Pulau Pinang mempunyai sekurang-kurangnya 6.9% litupan kawasan berhutan yang diwartakan iaitu seluas 7,245.25 hektar. Daripada jumlah ini, seluas 6,063.25 hektar ialah Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang diwartakan di bawah Akta Perhutanan Negara (APN) 1984 [Akta 313], manakala seluas 1,182 hektar lagi ialah Taman Negara Pulau Pinang yang diwartakan di bawah Akta Taman Negara 1980 [Akta 226]. Berdasarkan kajian oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia menerusi Inventori Hutan Nasional Kelima, keluasan semasa kawasan berhutan di Negeri Pulau Pinang ini mampu menyerap dan menyimpan sekurang-kurangnya 1.1 juta tan metrik karbon.

Jumlah keluasan HSK ini adalah meningkat sebanyak 15.8% iaitu daripada seluas 5,100.93 hektar pada tahun 2019 kepada seluas 6,063 hektar pada tahun 2022. Ini bermakna pertambahan pewartaan Hutan Simpanan ini sekali gus telah menambahkan jumlah penyerapan karbon sekurang-kurangnya sebanyak 145 ribu tan metrik karbon. Walau bagaimanapun kajian terperinci masih dijalankan oleh Jabatan Perhutanan Negeri susulan keupayaan Hutan Paya Laut untuk menyerap karbon lebih tinggi berbanding jenis hutan yang lain.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri bersedia untuk menjelajah dan peluang pelaksanaan *Carbon Offset Trading* ini di kawasan Hutan Simpanan Kekal di Pulau Pinang seperti di Hutan Paya Laut dilihat berpotensi tinggi untuk dilaksanakan. Walau bagaimanapun, mekanisme *Carbon Offset Trading* ini memerlukan syarikat-syarikat korporat atau badan-badan luar lain yang bersedia untuk melabur dalam *Carbon Offset Trading* ini.

Pada masa kini Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), telah memilih Negeri Pulau Pinang untuk melaksanakan projek perintis *Malaysia Forest Conservation Certification Protocol* (MFCC) yang dibangunkan oleh pihak NRECC seiring dengan keperluan REDD Plus (*Reducing Emissions From Deforestation And Forest Degradation+*) di bawah *The United Nations Framework Convention on Climate Change* (UNFCCC). MFCC ini dibentuk untuk mengiktiraf mana-mana Kerajaan Negeri atau badan lain yang melaksanakan amalan terbaik yang menyumbang ke arah pemeliharaan kawasan berhutan sebagai penyimpanan karbon. Pelaksanaan projek ini bakal memberi impak positif bukan sahaja di dalam negara malah di peringkat antarabangsa khususnya dalam melaksanakan usaha mitigasi perubahan iklim susulan tindakan Kerajaan Negeri yang telah menambahkan keluasan HSK sebanyak 15.8%. Jabatan Perhutanan Negeri bersama pihak MFC sedang memperincikan kemajuan pelaksanaan projek perintis tersebut.

12. Isu monyet yang berkeliaran di Taman Botani, Taman Belia, penempatan di Ladang Hong Seng, Ladang Lada dan Perkampungan Mount Erskine memberi kesan kepada pengunjung dan juga penduduk di sana. Apakah rancangan Jabatan Perhilitan dalam usaha menangani masalah ini?

Y.A.B. Ketua Menteri

12. Pihak Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) telah menerima beberapa aduan daripada penduduk di kawasan Taman Botani dan Ladang Hong Seng berkaitan isu monyet yang berkeliaran. Jabatan Perhilitan telah mengambil tindakan memasang perangkap di beberapa kawasan sekitar. Namun, sikap segelintir masyarakat setempat yang suka memberi makan membuatkan populasi monyet di kawasan ini tidak berkurang dan mengganggu orang awam.
 - (a) Bagi mengatasi masalah ini, Jabatan Perhilitan telah melaksanakan beberapa program kesedaran dan memasang papan tanda larangan memberi

makan kepada monyet. Pihak Perhilitan juga akan memasang perangkap di beberapa kawasan yang bersesuaian dan membuat pemantauan semasa ke semasa di sekitar kawasan Taman Botani, Taman Belia, Ladang Hong Seng dan Mount Erskine.

13. Apakah perancangan jangka panjang MBPP terhadap Tapak Penjaja Sementara (TPS) Mount Erskine?

Y.A.B. Ketua Menteri

13. Pada masa kini, MBPP tidak mempunyai perancangan jangka masa panjang untuk Tapak Penjaja Sementara (TPS) Mount Erskine kerana telah wujud Pasar Tanjong Bungah dan Pasar Pulau Tikus yang berdekatan dengan TPS tersebut. Walau bagaimanapun, demi memberi keselesaan kepada penduduk setempat dan kemudahan peniagaan, kerja-kerja menaik taraf dan penyelenggaraan kecil TPS dilaksanakan oleh MBPP dari semasa ke semasa.
14. Adakah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) mengalami sebarang kerugian susulan pembatalan perjanjian usaha sama dengan UMECH Land Sdn Bhd atas penjualan tanah di Byram Batu Kawan?
- (a) Apakah usaha penambahbaikan yang akan dilakukan PDC bagi mengelak isu ini berlaku di masa hadapan?

Y.A.B. Ketua Menteri

14. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) tidak mengalami sebarang kerugian secara langsung ke atas pembatalan perjanjian usaha sama bersama pihak UMECH Land Sdn. Bhd. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa implikasi terhadap pembatalan ini iaitu:
- i. PDC kehilangan peluang untuk melupuskan aset yang kurang bernilai dan tidak menjana hasil, serta mendapat keuntungan yang dianggarkan berjumlah RM100.0 juta;
 - ii. Sebahagian besar kos pengambilan tanah ini dibiayai melalui pinjaman bank, maka PDC perlu menanggung kos pinjaman/faedah yang tinggi;
 - iii. Kos pegangan tanah ini semakin meningkat dan menjejaskan kedudukan aliran tunai PDC;
 - iv. Unjuran aliran tunai PDC bagi tahun 2023 mengalami tambahan defisit berjumlah RM64.0 juta dan ini menjadikan defisit keseluruhan adalah anggaran sejumlah RM117.0 juta; dan
 - v. Defisit tambahan ini akan mengurangkan rizab tunai dan jumlah pinjaman PDC akan meningkat.
- (a) Bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang pada masa akan datang, pihak PDC telah mengambil langkah dan tindakan proaktif seperti berikut:
- i. Menyedia dan mengguna pakai kertas dasar projek-projek katalis dan berimpak tinggi yang diluluskan oleh Lembaga PDC; dan
 - ii. Membuat pindaan serta-merta ke atas semua surat tawaran dengan meletakkan klausa berkaitan perubahan saham syarikat sebelum menandatangani perjanjian.
15. Penempatan rumah di Ladang Hong Seng dan Ladang Lada adalah di atas tanah swasta, adakah kerajaan akan memberi keutamaan kepada keluarga di dua (2) penempatan ini bagi mendapatkan rumah kos rendah atau sederhana rendah dalam

usaha memastikan penduduk di kedua-dua penempatan ini dapat hidup di persekitaran yang lebih elok?

Y.A.B. Ketua Menteri

15. Kerajaan Negeri menekankan agihan dan penawaran Rumah Mampu Milik (RMM) kepada mereka yang layak dan benar-benar memerlukan. Proses pemilihan turut mengambil kira kekananan senarai menunggu aktif dan dikemaskini mengikut daerah dan kategori RMM yang dijana dari Sistem Maklumat Perumahan (SMP) Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri juga telah menetapkan empat (4) kategori pemohon untuk diberi keutamaan penawaran segera mengambilkira kebajikan mereka iaitu:

- (a) Orang Kelainan Upaya (OKU);
- (b) Ibu/bapa tunggal;
- (c) Penjawat awam; dan
- (d) Kes setinggan/perintah.

Merujuk kepada penempatan di Ladang Hong Seng dan Ladang Lada (*Pepper Estate*), penduduk di situ boleh memohon dan mendaftar RMM dari Kerajaan Negeri mengikut kelayakan permohonan ditetapkan. Dalam kes-kes perintah pindah oleh tuan tanah milikan swasta, tanggungjawab penyelesaian adalah kepada tuan tanah.

16. Untuk tempoh bulan Ogos, September dan Oktober, terdapat empat (4) kes kematian warga emas yang tinggal berseorangan di Flat Padang Tembak tanpa disedari, apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam mengatasi isu ini serta langkah bagi berhadapan dengan isu penuaan penduduk (*population ageing*)?

Y.A.B. Ketua Menteri

16. Kerajaan Negeri Pulau Pinang peka terhadap perubahan demografi yang berlaku dan telah mengambil langkah-langkah proaktif dalam menghadapi situasi ini dengan melancarkan Pelan Hala Tuju Penuaan Aktif pada tahun 2022 bagi mengiktiraf dan memperkasakan warga emas sebagai aset pembangunan negeri. Pelan ini merangkumi beberapa aspek perancangan seperti berikut:

- i. Pelaksanaan program dan kempen untuk meningkatkan kesedaran tentang penuaan aktif;
- ii. Jaringan kerjasama melibatkan agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam usaha mempromosikan penuaan aktif;
- iii. Membuat kajian dan penyelidikan dalam mengenal pasti jurang serta kekangan yang sedia ada melalui pengumpulan data;
- iv. Penggubalan dasar yang mampan dengan bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan sosial, fizikal dan psikologi warga emas;
- v. Menggalakkan penyertaan sukarelawan serta platform kerjasama kepada orang ramai agar ia membolehkan mereka menyumbang kembali kepada komuniti;
- vi. Menyediakan pusat aktiviti yang menggalakkan penggunaan ruang aktiviti antara generasi bagi mempromosikan penuaan aktif di usia muda;
- vii. Mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk meningkatkan pencapaian yang lebih terangkum kepada sumber dan kemudahan; dan
- viii. Membuat pemantauan dan penilaian menyeluruh secara berterusan untuk penambahbaikan.

Selain ini, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan inisiatif Bandar Mesra Usia (*Age Friendly City*) yang dijalankan secara berperingkat. Tujuan inisiatif ini dilaksanakan

adalah untuk mewujudkan satu persekitaran yang mesra kepada semua golongan terutamanya warga emas. Pelan Hala Tuju ini akan dilaksanakan dalam tiga (3) fasa. Fasa pertama adalah pelaksanaan program kesedaran dan juga kajian bagi memahami jurang yang dihadapi oleh rakyat. Fasa kedua adalah pelaksanaan program berdasarkan polisi dan inisiatif hasil daripada dapatan kajian. Seterusnya, fasa ketiga pula adalah fasa terakhir di mana konsep bandar mesra usia akan dilaksanakan.

Lapan (8) domain utama yang difokuskan inisiatif ini adalah selaras dengan kerangka kerja *World Health Organisation*. Setiap rakyat tanpa mengira umur, status perkahwinan atau keadaan hidup akan mendapat manfaat daripada pelaksanaan inisiatif Bandar Mesra Usia ini.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui perkhidmatan komuniti memperkenalkan aktiviti Sukarelawan Khidmat Bantu Di Rumah (KBDR) yang merupakan Program kolaborasi strategik antara JKM dengan Majlis Pusat Kebajikan Se-Malaysia (MPKSM) bagi pelaksanaan di negeri Pulau Pinang. Ia merupakan satu program yang memberi khidmat sokongan kepada warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU) terutama bagi mereka yang tinggal bersendirian atau bersama ahli keluarga di rumah yang kurang penjagaan dan kurang berkemampuan. Ia bercorak pendampingan sosial (*social outreach*) oleh sukarelawan yang dilatih dan melaksanakan tugas mereka berdasar konsep dan prinsip kesukarelaan. Ia juga berkonsepkan kebajikan sebagai tanggungjawab bersama.

Program ini bertujuan memberi bantuan dan sokongan sosial kepada warga emas dan OKU untuk menjalani kehidupan seharian mereka dengan lebih selesa, dihormati dan tidak merasa mereka disisihkan. Seorang sukarelawan akan memberi khidmat kepada empat (4) orang klien JKM melalui sesi lawatan ke rumah sekurang-kurangnya dua (2) jam sekali lawatan. Lawatan dibuat sebanyak sekali setiap minggu. Khidmat bantuan yang boleh diberikan oleh sukarelawan-sukarelawan ini adalah seperti berikut:

- i. Penyediaan makanan dan minuman;
- ii. Pembersihan diri (memandikan, memotong kuku) menyikat rambut dan sebagainya);
- iii. Menjadi rakan berbual;
- iv. Menjalankan aktiviti riadah;
- v. Mengemas atau membersihkan tempat tinggal, persekitaran;
- vi. Membasuh, menyidai dan melipat pakaian;
- vii. Mengeluarkan wang dari bank;
- viii. Membuat pembayaran bil;
- ix. Memberikan perkhidmatan fisioterapi berkeelayakan;
- x. Memberi latihan praktikal tentang teknik-teknik penjagaan kepada penjaga;
- xi. Memberi galakan dan latihan praktikal ke arah gaya hidup sihat;
- xii. Membawa ke hospital/klinik untuk tujuan rawatan dan mengambil ubat;
- xiii. Mengajar warga emas/OKU/penjaga mengambil ubat dengan betul;
- xiv. Menemani warga emas dan OKU ke tempat beribadat; dan
- xv. Bantuan-bantuan lain yang dirasakan perlu.

Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang turut juga menyediakan perkhidmatan kesihatan warga emas di klinik kesihatan meliputi saringan kesihatan dan juga rawatan kepada warga emas yang mempunyai penyakit. Selain itu, bagi warga emas yang terlantar, perawatan domisiliari juga disediakan iaitu dengan anggota kesihatan membuat lawatan

ke rumah bagi memberi pendidikan kesihatan tentang penjagaan kepada penjaga warga emas tersebut.

Kerajaan Negeri akan menjalinkan kerjasama melalui pihak JKM dan agensi berkaitan dengan komuniti setempat seperti MPKK, JPWK, JBPP, Rukun Tetangga (RT), Persatuan Penduduk, Badan Pengurusan Bersama (JMB), Perbadanan Pengurusan (MC), serta NGO untuk menghasilkan senarai warga emas yang tinggal bersendirian, supaya kita dapat memantau kesejahteraan mereka.

17. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk melakukan pengezonan semula di tapak tanah Kelab Lumba Kuda untuk membenarkan pembangunan perumahan atau hartanah?

(a) Jika ya, perincikan pembangunan yang akan dibenarkan.

Y.A.B. Ketua Menteri

17. Berdasarkan rekod Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), terdapat sebahagian dari tapak tanah Kelab Lumba Kuda telah diperlingkungkan semula kepada:

i. Zon 'Perumahan Am' di atas Lot 28, sebahagian Lot 403 dan sebahagian Lot 728 untuk Tetuan Berjaya Land Development Sdn. Bhd.; dan

ii. Zon 'Perniagaan Am' dengan nisbah plot dibenarkan 1:1 dan maksimum 3:1 di atas sebahagian Lot 403 dan Lot 728 untuk Tetuan Penang Turf Club.

18. Taman Botani Pulau Pinang merupakan antara taman tercantik di dunia. Dalam memastikan kesinambungan taman ini, apakah perancangan jangka panjang Kerajaan Negeri?

(a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menambahkan peruntukan penyelenggaraan kepada Jabatan Taman Botani?

Y.A.B. Ketua Menteri

18. Bagi perancangan jangka masa panjang, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Taman Botani Pulau Pinang sedang dalam perancangan untuk membangunkan sebahagian kawasan di Taman Botani Pulau Pinang untuk projek kereta kabel Bukit Bendera. Pelaksanaan projek tersebut diharap akan dapat memberi nilai tambah kepada Taman Botani Pulau Pinang selain terus kekal menjadi sebahagian dari kawasan Rizab Biosfera Bukit Bendera yang berperanan dalam aktiviti konservasi, pembangunan, perkhidmatan ekosistem, pemantapan identiti budaya, pelancongan dan sosio-ekonomi.

(a) Kerajaan Negeri sememangnya telah menambah peruntukan kepada Jabatan Taman Botani Pulau Pinang. Bagi memastikan Taman Botani Pulau Pinang dapat terus memelihara kelestarian alam semula jadi dan kekal relevan sebagai salah satu destinasi eko-pelancongan tempatan, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah peruntukan pembangunan tahunan kepada Jabatan Taman Botani Pulau Pinang. Pada tahun 2023, Jabatan Taman Botani Pulau Pinang telah menerima peruntukan sebanyak RM1.7 juta berbanding RM1.22 juta pada tahun 2022 bagi pelaksanaan projek pembangunan dan baik pulih kemudahan taman. Jumlah peruntukan tersebut meliputi 17 projek dengan agihan peruntukan mengikut butiran projek seperti berikut:

	Butiran Projek	Peruntukan Diluluskan (RM)
01	Membangunkan dan Menaik taraf Kemudahan Infrastruktur Pelancongan Dan Rekreasi	550,000.00
02	Membangunkan dan Menaiktaraf Kemudahan Botani, Landskap Dan Hortikultur	140,000.00
03	Projek Pengindahan dan Landskap	250,000.00
05	Program Pembangunan Saintifik, Konservasi, Landskap, Hortikultur dan Sumber Manusia	140,000.00
06	Program Eko-Pelancongan (Eco-Tourism) dan Pendidikan Alam Sekitar	120,000.00
08	Menaiktaraf dan Membaiki Bangunan / Kompleks / Kuarters	500,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		1,700,000.00

Bagi kerja-kerja penyelenggaraan seperti perkhidmatan pemotongan rumput, pembersihan kawasan taman dan tandas awam dan kerja-kerja pembaikan kecil pula, Jabatan Taman Botani Pulau Pinang menerima peruntukan sekitar RM640,000.00 setiap tahun. Isu vandalisme, kecurian pokok, kerosakan akibat masalah haiwan liar dan faktor cuaca yang tidak menentu, menyebabkan kos penyelenggaraan meningkat setiap tahun. Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam menyalurkan peruntukan kepada pihak Jabatan Taman Botani Pulau Pinang bagi memastikan Taman Botani Pulau Pinang sentiasa bersih dan selamat untuk kegunaan awam.

19. Bagi memastikan penduduk Pulau Pinang terus mendapat bekalan air bersih tanpa gangguan, apakah perancangan jangka panjang Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBA)?
- (a) Adakah PBA bercadang memberi pampasan dalam pelbagai bentuk kepada penghuni yang mengalami gangguan air untuk tempoh lebih 24 jam?

Y.A.B. Ketua Menteri

19. Kerajaan Negeri bersama-sama dengan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah mengambil inisiatif merangka perancangan jangka masa panjang bagi memastikan penduduk Pulau Pinang terus mendapat bekalan air bersih tanpa gangguan. Antara perancangan yang sedang dilaksanakan adalah menerusi peruntukan di bawah Kerajaan Persekutuan yang sedang dalam fasa pembinaan bagi melengkapkan pakej Projek Empangan Mengkuang di bawah projek penyaluran air mentah dari Pam Mak Sulong ke Terusan Sungai Dua (Fasa 2B) dengan kos projek sebanyak RM72.4 juta. Projek ini dijangka akan siap pada akhir tahun 2023 dan penyiapan projek ini akan membantu meningkatkan tahap kapasiti pelepasan air mentah dari 300JLH kepada 600JLH menerusi Empangan Mengkuang. Walaubagaimanapun, LRA Sungai Dua memerlukan kira-kira 1,100 JLH air mentah setiap hari untuk menghasilkan 1,000 JLH air terawat. Oleh yang demikian, Empangan Mengkuang masih memerlukan 400JLH lagi untuk melepaskan air secara maksimum sebanyak 1000JLH supaya LRA Sungai Dua dapat beroperasi secara optimum. Bagi membolehkan pelepasan air dilaksanakan secara maksimum sebanyak 1000JLH menerusi Empangan Mengkuang, Kerajaan Negeri telah memohon kepada Kerajaan Persekutuan untuk meneruskan pelaksanaan projek fasa 2C bagi melengkapkan pakej pembesaran empangan mengkuang supaya bekalan air di negeri Pulau Pinang akan terjamin.

Selain itu, Kerajaan Negeri menerusi inisiatif PBAPP telah merangka pelan kontigensi Water Contingency Plan (WCP 2030) melibatkan projek menaik taraf infrastruktur Loji Rawatan Air (LRA) Bukit Panchor Baru, Pakej 12A LRA Sungai Dua, LRA Empangan Mengkuang, LRA Sungai Kerian dan Skim Bekalan Air Sungai Perai yang melibatkan pelaburan sebanyak RM1.1836 billion dalam tempoh lima (5) tahun. Sekiranya kerja-kerja membina dan menaik taraf infrastruktur bekalan air di bawah WCP 2030 ini disiapkan sepenuhnya ianya akan menyumbang kepada penambahan kapasiti air mentah sekurang-kurangnya 600JLH.

Kerajaan Negeri juga akan terus berusaha untuk mengadakan rundingan bersama dengan Kerajaan Negeri Perak bagi mempercepatkan Projek Air Pulau Pinang-Perak (PAPP) sebagai sumber air tambahan bagi menampung keperluan bekalan air menjelang Tahun 2050. Kerajaan Negeri juga dalam usaha untuk meneroka sumber-sumber baru yang dapat memberi impak yang tinggi kepada sumber air untuk memenuhi permintaan air yang semakin tinggi melalui kolaborasi bersama dengan Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan kajian-kajian lanjut secara terperinci bagi penerokaan sumber baru untuk mengenalpasti potensi terhadap sumber air kepada negeri Pulau Pinang.

Bagi tindakan jangka masa pendek sekiranya terdapat gangguan bekalan air berlaku disebabkan oleh bencana alam di luar jangka melibatkan kawasan Ulu Lembangan Sungai Muda yang menyebabkan air mentah tercemar dengan teruk dan kekeruhan tinggi, ianya bukanlah kerana ketidakcekapan pihak PBAPP dalam menguruskan operasi bekalan air. PBAPP telah mengambil langkah berwaspada dengan mengawasi kadar kekeruhan air mentah secara *online* selain menguji secara manual dengan mengambil sampel air mentah dari muka sauk di Lahar Tiang setiap 2 jam.

- (a) PBAPP ialah sebuah syarikat bekalan air berlesen di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (AIPA). PBAPP adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang AIPA dan perundangan subsidiarinya. Kewajipan dan tanggungjawab PBAPP untuk membekalkan air kepada pengguna dinyatakan di dalam AIPA dan perundangan subsidiarinya. Dalam melaksanakan tanggungjawabnya, AIPA dan perundangan subsidiarinya memperuntukkan kehendak-kehendak yang perlu dipenuhi oleh PBAPP terutamanya mengenai kualiti bekalan air. AIPA dan perundangan subsidiarinya juga menggariskan kewajipan dan tanggungjawab pengguna contohnya mengenai kewajipan untuk mempunyai tangki simpanan air untuk tempoh yang ditetapkan di bawah undang-undang.

Selain daripada pampasan mengenai kerosakan harta benda yang diakibatkan oleh kecuaian PBAPP, AIPA dan perundangan subsidiarinya TIDAK memperuntukkan PBAPP untuk membayar pampasan kepada pengguna sekiranya bekalan air terjejas melebihi tempoh tertentu. Oleh yang demikian, di bawah undang-undang sedia ada, PBAPP tidak bertanggungjawab untuk membayar pampasan kepada pengguna berikutan kegagalan PBAPP untuk membekalkan air. Seperti amalan sedia ada, PBAPP akan menyediakan bekalan sementara melalui lori tangki air ke kawasan yang mengalami krisis bekalan air sementara bekalan dipulihkan.

20. Senaraikan tapak RIBI yang terdapat di kawasan DUN Kebun Bunga.

Y.A.B. Ketua Menteri

20. Berdasarkan maklumat yang dipaparkan pada SMARTPLAN Geospatial Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD), terdapat sebanyak 18 buah rumah ibadat bukan Islam (RIBI) di DUN Kebun Bunga. Usaha pengumpulan data dan maklumat inventori RIBI masih dilaksanakan bawah Pelaksanaan Sistem eRIBI.

Taburan RIBI mengikut kategori agama adalah seperti berikut:

BIL	JENIS	JUMLAH
1	Tokong Buddha	1 RIBI
2	Kuil Hindu	9 RIBI
3	Tokong Tao	8 RIBI

Senarai rumah ibadat bukan Islam (RIBI) di DUN Kebun Bunga adalah seperti berikut:

Bil	No Pertubuhan	Nama Pertubuhan	Alamat	Agama
1	-	Tokong Buddha Heong Giam Si Georgetown	262, Jalan Air Itam, Taman Lumba Kuda, 11400 Jelutong, Pulau Pinang	Buddha
2	-	Tokong Cina Jalan Padang Tembak	Jalan Padang Tembak	Tao
3	-	Tokong Cina Hock Teik Soo	199, Jalan Boundary, Taman Ayer Itam. 11400 George Town, Pulau Pinang	Tao
4	-	Tokong Cina Tuah Pek Kong	Hadapan 151, Jalan Batu Gantung, Air Itam	Tao
5	-	Tokong Cina Chip Hock Tong Georgetown	35A, Jalan Mount Erskine, Taman Evergreen, 10470 George Town, Pulau Pinang	Tao
6	PPM-004-07-02061985	Rumah Berhala Tua Peh Kong Evergreen Road 4 Mount Erskine Pulau Pinang	No-656 H, Elsiedale Estatemount Erskine, 10470 George Town	Tao
7		Tokong Cina Kuan Yin See	667 Mt. Erskine 18, Tanjong Tokong	Tao
8	PPM-008-07-19022019	Persatuan Penganut Thean Ling Keong Nan Shan Chin Shan Pek Gong 2 Pulau Pinang	Hadapan 24, Taman Tanjong 2, Mountain Erskine, 10470 George Town	Tao
9	PPM-004-07-12092013	Persatuan Penganut Dewa Tua Pek Kong Dan Perayaan Teong Guan Chek, Pepper Estate, Pulau Pinang	No . 71-363, Jalan 9 Pepper Estate, 11200 George Town	Tao
10	PPM-001-07-20061979	Jawatankuasa Pengurusan Kuil Sri Sivasakthi Ayyappa Swamy Jalan Mount Erskine Pulau Pinang	Lot 307, Jalan Mount Erskine, 10470 George Town	Hindu

Bil	No Pertubuhan	Nama Pertubuhan	Alamat	Agama
11	PPM-017-07-21052010	Persatuan Penganut Dewa Sri Aathi Muneeswarar Mount Erskine, Pulau Pinang	No. 679-G, Hong Seng Est, Mount Erskine, 10470 George Town	Hindu
12	-	Kuil Hindu Ganesha, Tanjung Bungah	17, Jalan Kebun Bunga (Waterfall), Pulau Tikus, 10350 Georgetown, Pulau Pinang	Hindu
13	-	Kuil Arulmigu Thanneermalai Shree Balathandayuthapani Devasthanam	17, Jalan Kebun Bunga (Waterfall), Pulau Tikus, 10350 Georgetown, Pulau Pinang	Hindu
14	PPM-004-07-03051991	Kuil Ayira Vaisyar Sri Meenakshi Sundaraesvarar Pulau Pinang	No 49, Jalan Kebun Bunga, 10350 George Town	Hindu
15	-	Kuil Hindu Muniswarar, Tanjung Bungah	Jalan Kebun Bunga, 10450 George Town, Pulau Pinang	Hindu
16	PPM-027-07-29032019	Persatuan Penganut Devi Sri Maha Kaliamman Jalan Batu Gantong, Georgetown, Pulau Pinang	No. 702N, Jalan Mount Erskine, Mount Erskine, Tanjung Tokong, 10450 George Town	Hindu
17	-	Kuil Hindu Sri Ahera Veeepathira Batu Gantong	728, Jalan Batu Gantong, 10450 George Town	Hindu
18	-	Kuil Hindu Kaliamman Batu Gantong	728, Jalan Batu Gantong, 10450 George Town	Hindu

21. Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam memartabatkan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK)?

(a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang mengurangkan jumlah AJK MPKK supaya lebih kompeten?

Y.A.B. Ketua Menteri

21. Dalam usaha memartabatkan MPKK, Kerajaan Negeri telah mewujudkan jawatan Bendahari dan memberi Elaun Bendahari sebanyak RM300.00 setiap bulan mulai Julai 2022 dengan implikasi kewangan tambahan sebanyak RM1,350,000.00. Struktur organisasi ini ditambah baik bagi memastikan pengurusan kewangan MPKK mematuhi tatacara kewangan yang baik dan teratur. Selain itu, pelbagai program di peringkat daerah telah dilaksanakan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan/ swasta agar peranan MPKK sebagai perantara masyarakat diketengahkan.

- (a) Pada masa ini, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mengurangkan jumlah Ahli MPKK sedia ada memandangkan setiap Jawatankuasa MPKK yang diwujudkan mempunyai keperluan dan saling melengkapi antara satu sama lain.

22. Apakah perancangan jangka panjang Kerajaan Negeri dan JPS dalam menyelesaikan isu banjir di Taman Perumahan Lumba Kuda?

Y.A.B. Ketua Menteri

22. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSP) mempunyai perancangan untuk melaksanakan Fasa 2 Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang yang merangkumi kawasan Taman Lumba Kuda untuk mengurangkan risiko banjir jangka panjang di kawasan tersebut. Permohonan peruntukan telah dibuat kepada Kerajaan Persekutuan dalam Rolling Plan Keempat Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP4 RMKe-12).

23. Apakah sasaran pingat kontinjen Pulau Pinang di SUKMA 2024 Sarawak?

- (a) Dalam usaha memperkasakan atlet sukan peringkat negeri, apakah perancangan jangka panjang kerajaan?

Y.A.B. Ketua Menteri

23. Sasaran kontinjen negeri adalah untuk meraih sejumlah 40 butir pingat emas dari 37 jenis sukan yang dipertandingkan di SUKMA 2024 Sarawak.

- a. Berpaksakan kepada usaha untuk memartabatkan kualiti pembangunan sukan negeri Pulau Pinang, pelbagai usaha bagi meningkatkan kemajuan dalam sukan serta kebajikan atlet dan elemen perkhidmatan yang berlandaskan konsep *Out-of-the-Box* telah dilaksanakan sejak tahun 2018.

Dalam langkah ini, beberapa usaha penambahbaikan dan pembaharuan yang diperkenalkan adalah seperti berikut:-

- i. Mencadangkan pelantikan Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang sebagai Penaung kepada Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang;
- ii. Melaksanakan program Klinik Pengenalan Sukan yang dikenali sebagai 'Klinik Sukan Untuk Semua' (*SportsForAll*) secara bulanan mulai tahun 2019;
- iii. Mewujudkan program yang dikenali sebagai *Penang Athlete Career & Education* (PACE) bermula pada tahun 2020 yang menyokong ke arah pembentukan kejayaan atlet di dalam bidang pendidikan, kerjaya dan kebajikan selain dari bersukan. PACE berfungsi sebagai platform asas yang mewujudkan keyakinan dan jaminan masa hadapan kepada atlet-atlet negeri berteraskan '3' teras utama menerusi program PENDIDIKAN, KERJAYA dan KEBAJIKAN;
- iv. Dalam memastikan masyarakat Pulau Pinang dan atlet-atlet Pulau Pinang mempunyai pusat latihan yang kondusif dan sesuai penggunaannya, inisiatif untuk membina baharu, menaik taraf dan memperbaiki gelanggang-gelanggang sukan, kemudahan sukan yang rosak telah dilaksanakan secara menyeluruh di pelbagai lokasi sekitar negeri Pulau Pinang;
- v. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang juga, mulai tahun 2021 telah mula menyalurkan peruntukan bantuan berjumlah RM800,000.00 kepada persatuan-persatuan sukan untuk memperoleh peralatan latihan yang mencukupi bagi memastikan jurulatih-jurulatih sukan negeri serta atlet-atlet

negeri dapat menjalani latihan harian sebaik yang mungkin tanpa sebarang kekangan terhadap peralatan-peralatan latihan;

- vi. Tahun 2023, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang juga telah menetapkan bahawa setiap sukan yang akan dipertandingkan di Sukan Malaysia akan diperuntukan dengan bantuan subsidi kewangan berjumlah sebanyak RM45,000.00 setahun sebagai pembiayaan untuk penyertaan pasukan sukan negeri;
- vii. Skim Bantuan Pentadbiran dan Pengurusan Sukan (SBPP) yang diperkenalkan mulai tahun 2022 merupakan sebuah inisiatif galakan yang bertujuan untuk mendorong kemajuan kepada setiap Persatuan Sukan Negeri yang bernaung dibawah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang untuk terus cemerlang dalam membangunkan sukan-sukan yang diwakili olehnya bermula dari peringkat akar umbi sehinggalah ke peringkat tertinggi;
- viii. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui skim *Penang Career Athlete & Education* (PACE) MSNPP telah melaksanakan penawaran Skim Sukan Awam Pulau Pinang 2030 (SAP2030) mulai bulan Januari 2023. Skim SAP2030 ini merupakan satu skim sukan tambahan yang dikenali bagi tujuan meraikan kecemerlangan dan pencapaian individu-individu dari negeri Pulau Pinang dalam kejohanan sukan, selain daripada kejohanan bertemasya antarabangsa seperti yang telah ditetapkan dalam Skim Insentif Kebangsaan Sukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SKIMAS);
- ix. Pewujudan inisiatif pembangunan bidang kejurulatihan muda *Penang Junior Coaches* dan penawaran atlet-atlet didikan usia muda *Penang Junior Champions* secara bersekali telah dilaksanakan pada tahun 2021 untuk memangkin usaha penjanaan jurulatih-jurulatih muda negeri yang ditubuhkan khas kepada atlet-atlet SUKMA Negeri Pulau Pinang; dan
- x. Dalam memastikan setiap pendidik sukan yang dikenali sebagai Jurulatih Sukan Negeri tidak ditinggalkan dalam arus transformasi pembangunan sukan negeri, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang juga mulai tahun 2022 telah menyemak, mengemaskini dan menambah baik skim elaun dan tangga gaji jurulatih lantikan negeri agar diselarikan dengan taraf pencapaian kejurulatihan sukan mereka yang dipadankan dengan tahap Skim Pelesenan Kejurulatihan Kebangsaan mengikut kategori Tahap 1, 2 dan 3.

24. Isu gelandangan.

- (a) Berapakah bilangan penghuni di Pusat Transit Gelandangan?
- (b) Selain pusat ini, apakah perancangan jangka panjang kerajaan dalam mengatasi isu ini?

Y.A.B. Ketua Menteri

- 24. (a) Pusat Transit Gelandangan (PTG) di Jalan Magazine telah mula beroperasi sejak pertengahan bulan Ogos 2023. Sehingga 27 Oktober 2023, seramai 123 orang gelandangan telah diterima masuk ke PTG merangkumi 106 orang lelaki dan 17 orang wanita. Pecahan penghuni PTG mengikut kaum adalah seperti berikut:

KAUM	BILANGAN PENGHUNI
Melayu	45
Cina	33
India	44
Lain-lain	1

- (b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat akan menjalankan operasi secara berjadual dan berkala di kawasan KOMTAR termasuk kawasan *hot spot* yang berhampiran bagi menyelamatkan gelandangan. Program-program berbentuk advokasi kepada masyarakat juga dijalankan dari masa ke semasa seperti Kempen Bijak Membantu, Elak Tertipu untuk menangani isu ini.
25. Apakah perancangan jangka panjang MBPP dalam memastikan bahawa pengurusan sampah dapat dijalankan dengan sempurna?
- (a) Adakah MBPP mempunyai 'blue print' untuk menangani isu kuantiti sisa pepejal atau sampah yang semakin banyak?

Y.A.B. Ketua Menteri

25. Bagi memastikan pengurusan sampah dapat dilaksanakan dengan efisien dan berkesan, MBPP telah merangka satu perancangan jangka panjang. Antara perancangan-perancangan tersebut adalah seperti berikut :-
- i. Memperkasakan sistem pengurusan sisa pepejal bersepadu dengan menggunakan teknologi pintar untuk memantau operasi pengurusan sisa pepejal secara *real-time*. Usaha ini termasuklah penggunaan *Internet of Things* (IoT) untuk memantau kenderaan perkhidmatan pemungutan sampah dan mengoptimumkan kutipan dengan perancangan laluan kutipan;
 - ii. Menambah baik dan mewujudkan infrastruktur pengurusan sisa pepejal seperti tapak pelupusan sanitari dan loji rawatan sisa bagi menampung jumlah sisa pepejal yang semakin meningkat;
 - iii. Melaksanakan program kitar semula dan pemulihan sisa dengan lebih meluas dengan kerjasama pihak industri agar dapat mengurangkan jumlah sisa yang perlu dilupuskan ke tapak pelupusan;
 - iv. Meningkatkan aktiviti penguatkuasaan undang-undang dan peraturan berkaitan penjanaan sisa pepejal domestik dan perniagaan seperti mengenakan fi atau caj kepada penjana sisa bagi menggalakkan pengurangan sisa; dan
 - v. Menjalankan kempen kesedaran awam secara berterusan berkaitan amalan pengurusan sisa yang mampan seperti kitar semula dan pengurangan sisa makanan.

MBPP telah merangka Pelan Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu (*Integrated Solid Waste Management Plan* (ISWMP)) sejak tahun 2015 sebagai pelan jangka panjang dan dikemaskini setiap lima (5) tahun. Kerangka kerja pelan ini menjadi panduan utama MBPP dalam membuat perancangan bagi pengurusan sisa pepejal secara bersepadu, holistik, kos efektif dan mesra alam melalui pendekatan pengurangan sisa seiring ke arah prinsip Sifar Sisa (*Zero Waste*).

Di samping itu, Dokumen *Roadmap* Pengurusan Sisa Pepejal Negeri Pulau Pinang 2050 yang telah disediakan oleh Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT), Pejabat Setiusaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP) akan menjadi rujukan dalam mengemaskini ISWMP setiap lima (5) tahun oleh MBPP bagi memperkasakan pengurusan sisa pepejal di negeri Pulau Pinang terutama di bahagian Pulau.

26. Peraturan untuk individu yang memberikan makanan kepada burung merpati telah ada di Pulau Pinang di mana individu yang berbuat demikian akan dikenakan denda sebanyak RM250. Sehingga hari ini berapakah tangkapan telah dibuat dan berapa jumlah denda telah diperoleh?

Y.A.B. Ketua Menteri

26. Kerajaan Negeri tidak mempunyai peruntukan undang-undang yang khusus bagi mendenda mahupun menangkap individu yang memberi makan kepada burung merpati. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa Badan Pengurusan Bersama (JMB) sahaja yang telah mengenakan peraturan di mana individu yang memberi makanan kepada burung merpati akan dikenakan denda sebanyak RM250.00.

Bagi mencegah dan mengawal isu orang awam memberi makanan kepada burung merpati, Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- i. Menasihati orang awam supaya tidak mengotorkan keadaan persekitaran dengan tindakan membuang sisa makanan di merata-rata yang menjadi punca kehadiran burung merpati. Denda boleh dikenakan tidak melebihi RM1,000.00 mengikut Seksyen 47(1), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) bagi mengotorkan kawasan;
- ii. Memasang papan tanda sebagai peringatan kepada orang awam agar tidak memberi makanan kepada haiwan. Mengeluarkan Notis Mengkehendaki Kacau Ganggu Dihapuskan di bawah Seksyen 82 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171);
- iii. Menganakan tawaran kompaun di bawah Seksyen 82(5) Akta 171 sekiranya berlaku ketidakpatuhan pada notis (1) berjumlah RM1,000.00; dan
- iv. Melaksanakan pendekatan berbentuk Community Education and Awareness (CEPA) seperti edaran risalah dan hebahan awam.

Sejak tahun 2018 hingga 29 Oktober 2023, sebanyak 35,529 burung merpati telah ditangkap diseluruh negeri Pulau Pinang. Perincian mengikut tahun adalah seperti di jadual berikut:

Tahun	Bilangan burung merpati yang ditangkap (Ekor)
2018	3,819
2019	5,389
2020	7,314
2021	7,217
2022	5,803
2023 (Setakat 29hb Oktober)	5,987
JUMLAH	35,529

Statistik notis dan kompaun yang telah dikenakan di bawah Akta 171 sejak tahun 2022 hingga 31 Oktober 2023 adalah seperti di jadual berikut:

Tahun	Notis	Kompaun/(RM)
2022	9	-
2023 (sehingga 31 Oktober 2023)	8	2 (RM300)
JUMLAH	17	2 (RM300)

27. Apakah rasional MBPP menutup tempat letak kereta yang sedia ada di Taman Belia?

Y.A.B. Ketua Menteri

27. Kini, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah mengisytiharkan Taman Bandaraya yang dahulunya dikenali sebagai Taman Belia sebagai taman bebas kenderaan memandangkan taman tersebut merupakan kawasan tumpuan bagi pelbagai aktiviti dan program rakyat di bawah anjuran pihak swasta dan kerajaan pada 6 Mei 2021. Walau bagaimanapun, kenderaan hanya dibenarkan memasuki Taman Bandaraya bagi tujuan "loading" dan "unloading" sahaja.

Namun begitu, bagi mengisi keperluan kepada tempat letak kereta di kawasan tersebut, Kerajaan Negeri dengan kerjasama pihak MBPP sedang mengkaji bagi penambahbaikan kawasan tempat letak kereta berhampiran Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Azad.

29. Terdapat banyak tapak penjaja yang dibina oleh pemaju dan diserahkan kepada MBPP seperti hidup segan mati tak mahu. Senaraikan tapak penjaja yang masih tidak digunakan.

(a) Apakah perancangan jangka panjang MBPP dalam isu ini?

Y.A.B. Ketua Menteri

29. Terdapat sebanyak 11 lokasi tapak penjaja yang masih tidak digunakan di kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Senarai tapak penjaja tersebut adalah seperti berikut:

BIL.	SEKSYEN/ MUKIM	DAERAH	LOKASI	KELUASAN (kaki persegi)	CATATAN
1.	Mk. C	DBD	Jalan Sungai Rusa	3,358	Tapak Kosong
2.	Mk. D	DBD	Lorong Prestij 1	1,650.26	Tapak Kosong
3.	Mk. 8	DBD	Jalan Gertak Sanggul	2,476	Tapak Kosong
4.	Mk. 9	DBD	Lintang Kampong Masjid	1,173	Tapak Kosong (dalam kawasan Flat Taman Teluk)
5.	Mk.12	DBD	Jalan Dato Ismail Hashim	3,165	Tapak Kosong (dalam kawasan Pearl Garden Condominium)
6.	Mk.12	DBD	Solok Kekabu 2	3,100	Tapak Kosong

7.	Mk.13	DBD	Cangkat Bukit Gambir 2	3,402	Tapak Kosong
8.	Mk.13	DTL	Persiaran Bukit Gambir 1	3,897	Tapak Kosong (bawah Blok 330, Taman Gambir)
9.	Sek.2	DTL	Persiaran Sungai Emas	1,926	Tapak Kosong
10.	Sek.1	DTL	Jalan Pokok Ceri	1,388	Tapak Kosong
11.	Sek.5	DTL	Lintang Delima 14	4,359	Tapak Kosong

- (a) MBPP sememangnya mempunyai perancangan jangka panjang dalam menangani isu tapak penjaja yang tidak digunakan. Antaranya adalah seperti berikut:
- i. Melaksanakan *Request for Proposal* (RFP) untuk penjenamaan semula tapak penjaja;
 - ii. Melaksanakan penswastaan pengurusan tapak penjaja; dan
 - iii. Melaksanakan aktiviti-aktiviti sampingan bagi menarik minat orang awam ke tapak penjaja.

VIII Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Azmi bin Alang) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri

1. Peniaga-peniaga di hadapan Taman Pantai Bersih (sepanjang persisiran pantai).
 - (a) Adakah pihak agensi kerajaan memberi kebenaran / lesen berniaga?
 - (b) Apakah tindakan pihak berkuasa berhubung perkara ini memandangkan kawasan tersebut adalah rizab pantai?
 - (c) Apakah tindakan yang diambil kerana berlaku kesesakan kenderaan pada hujung minggu akibat perniagaan ini?

Y.A.B. Ketua Menteri

1.
 - (a) Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri Bil. 1/2017 yang telah dipengerusikan oleh Ketua Menteri pada 3.1.2017, telah memutuskan untuk membenarkan binaan sedia ada sahaja (dibina sebelum tahun 2017) untuk beroperasi. Jumlah keseluruhan gerai di kawasan tersebut adalah sebanyak 20 buah.
 - (b) Sehingga kini, pihak MBSP telah mengeluarkan Notis Tawaran Kompaun kepada peniaga-peniaga tersebut di atas kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen perniagaan MBSP yang sah.
 - (c) Setakat ini, pihak Bahagian Siasatan Dan Penguatkuasaan Trafik Daerah Seberang Perai Utara, PDRM telah menjalankan pemantauan secara berkala dan membuat kawalan lalu lintas jika berlaku kesesakan.
2. Permohonan garisan kuning di atas jalan raya hadapan Masjid Bagan Lebai Tahir yang ditujukan kepada pihak JKR.
 - (a) Apakah status permohonan tersebut kerana penduduk setempat pernah memohon kepada pihak JKR pada lima (5) tahun yang lalu?
 - (b) Bilakah pelaksanaan ini akan dijalankan setelah mendapat kelulusan daripada pihak yang berkenaan?

Y.A.B. Ketua Menteri

2. Jabatan Kerja Raya (JKR) telah siap melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan termasuk kerja-kerja mengecat semula garisan jalan, garisan putih melintang dan petak kuning di hadapan Masjid Bagan Lebai Tahir pada 30 Oktober 2022. Kerja-kerja tersebut dilaksanakan oleh pihak konsesi THB Maintenance Sdn. Bhd. Gambar-gambar semasa garisan jalan, garisan putih melintang dan petak kuning di hadapan Masjid Bagan Lebai Tahir adalah seperti berikut:



Gambar 1: Garisan jalan, garisan putih melintang dan petak kuning yang telah siap dilaksanakan di hadapan Masjid Bagan Lebai Tahir.



Gambar 2: Garisan jalan, garisan putih melintang dan petak kuning yang telah siap dilaksanakan di hadapan Masjid Bagan Lebai Tahir.



Gambar 3. Garisan jalan, garisan putih melintang dan petak kuning yang telah siap dilaksanakan di hadapan Masjid Baglan Lobai Tahir.



Gambar 4. Garisan jalan, garisan putih melintang dan petak kuning yang telah siap dilaksanakan di hadapan Masjid Baglan Lobai Tahir.



Gambar 5. Garisan jalan, garisan putih melintang dan petak kuning yang telah siap dilaksanakan di hadapan Masjid Baglan Lobai Tahir.



Gambar 8: Garisan jalan, garisan putih melintang dan petak kuning yang telah siap dilaksanakan di hadapan Masjid Bagan Lebai Tahir.

3. Pemotongan dahan-dahan pokok di sepanjang pinggir jalan besar Telok Air Tawar.
 - (a) Berapa kalikah kerja-kerja pembersihan / pemotongan dahan-dahan pokok diselenggarakan oleh pihak MBSP?
 - (b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak berkuasa sekiranya menerima aduan daripada pihak awam / ADUN?
 - (c) Berapa lamakah tempoh yang diambil untuk pelaksanaan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri

3. Jalan Besar Telok Air Tawar merupakan Jalan Persekutuan di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya (JKR) manakala penyelenggaraan pokok-pokok di jalan tersebut adalah di bawah seliaan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).
 - (a) Bagi tahun 2023, tindakan pangkasan pokok – pokok di Jalan Telok Air tawar telah dilaksanakan sebanyak tiga (3) kali iaitu pada bulan Februari, Mei dan Ogos. Tindakan pangkasan pokok-pokok di Jalan Teluk Air Tawar dilaksanakan secara berkala dan berperingkat mengikut keadaan semasa dan tahap risiko pokok-pokok di jalan tersebut.
 - (b) Langkah-langkah yang diambil oleh MBSP sekiranya menerima aduan daripada orang awam atau ADUN adalah seperti berikut:
 - i. Menjalankan siasatan tapak ke atas aduan yang diterima;
 - ii. Mengenal pasti tahap risiko pokok-pokok dan;
 - iii. Menganalisa tindakan yang perlu dilaksanakan.
 - (c) Sekiranya melibatkan pokok yang risiko dan merbahaya kepada orang awam, tindakan penyelenggaraan akan dijadualkan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja manakala jika melibatkan pokok-pokok yang telah mati, tindakan menebang akan dilaksanakan dalam tempoh 24jam dari tarikh aduan yang diterima. Sekiranya pokok-pokok tersebut memerlukan kerja-kerja penyelenggaraan rutin, ianya akan dimasukkan dalam jadual penyelenggaraan secara berkala.

IX. Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Huraikan permohonan Kebenaran Merancang yang dikemukakan kepada MBSP bagi tahun 2023.
 - (a) Senaraikan permohonan TIA dan SIA sepanjang tahun 2023.
 - (b) Senaraikan permohonan Pelan Bangunan untuk pemajuan industri.
 - (c) Senaraikan pemajuan yang mendapat CCC sepanjang tahun 2023.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Jumlah permohonan kebenaran merancang yang diterima oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sehingga September 2023 adalah sebanyak 204 permohonan. Perincian permohonan tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (a) Jumlah permohonan Laporan Kajian Kesan Lalulintas (TIA) yang telah diterima oleh MBSP bagi tahun 2023 adalah sebanyak 53 permohonan. Senarai permohonan adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

Bagi permohonan Penilaian Impak Sosial (SIA) pula, permohonan yang telah diterima oleh PLANMalaysia adalah sebanyak 13 permohonan. Senarai permohonan adalah seperti di **LAMPIRAN C**.
 - (b) Jumlah permohonan pelan bangunan untuk pemajuan industri yang telah diterima oleh MBSP sehingga Oktober 2023 adalah sebanyak 68 permohonan. Perincian permohonan tersebut adalah di **LAMPIRAN D**.
 - (c) Jumlah permohonan pemajuan yang mendapat CCC daripada MBSP bagi tahun 2023 adalah sebanyak 193 permohonan. Ringkasan permohonan tersebut adalah seperti berikut:
 - (i) Rancangan perumahan - 19 permohonan
 - (ii) Bangunan/Rumah individu - 87 permohonan
 - (iii) Komersial/Kilang/Pejabat/Bengkel - 57 permohonan
 - (iv) Bangunan-bangunan lain - 30 permohonan.

Perincian permohonan tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN E**.

LAMPIRAN A

**SENARAI PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG YANG DIKEMUKAKAN
KEPADA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI SEHINGGA SEPTEMBER
2023**

BIL	TAJUK	TARIKH LULUS / TOLAK PKM
1	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Menukar Kegunaan Bangunan Kediaman Rumah Berkembar 2 Tingkat Sediada Kepada Tadika Di Atas Lot 20777, No. 11 Persiaran Seksyen 2/2 Bandar Putra Bertam Mukim 6, Kepala Batas, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang Untuk Tetuan : Tadika Cerdik Ilmu	OSC Lulus pada 10 Mei 2023
2	Permohonan Rayuan Mengemukakan Jaminan Bank Bagi Rumah Pangsa Kos Rendah Dan Kos Sederhana Rendah Yang Belum Dibina:- a) 303 Unit Rumah Teres 2 Tingkat (Pemilikan Strata) b) 1 Blok Rumah Pangsa Kos Sederhana Rendah 5 Tingkat(61 Unit) c) 1 Blok Rumah Pangsa Kos Rendah 5 Tingkat (61unit) Di Atas Sebahagian Lot 10577 & 812, Jalan Tun Hamdan Sheikh Tahir, Mukim 6, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. Untuk : Tetuan Bandar Kepala Batas Sdn. Bhd.	OSC Tolak Rayuan pada 12 Jan 2023, OSC Lulus pada 1 December 2016
3	Permohonan Kebenaran Merancang Binaan Tanpa Kebenaran Bagi Meroboh Dan Membina Semula Seperti Berikut: I) Meroboh Dan Membina Semula Kilang Bihun (Pelot A) Ii) Tambahan Tingkat Pejabat Sedia Ada (Pelot B) Iii) 1 Unit Setor Kicap Dan Bawang Goreng (Pelot C) Iv) 3 Unit Bangsal Terbuka (Pelot D,E & F) V) Kolam Rawatan Air (Pelot G) Vi) Kafeteria Pekerja (Pelot H) Di Atas Lot 2991, 2992, 2993, 5928 (Lot Lama 2990), 5929 (Lot Lama 1250), 5932 (Lot Lama 1251), 5935 (Lot Lama 1252), 5939 (Lot Lama 1725), 5942 (Lot Lama 1244), Mukim 5, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. Kepala Batas Bihun Sdn Bhd	OSC Lulus pindaan pada 13 Oktober 2023, OSC Lulus pada 9 Mei 2019
4	Permohonan Pindaan Pembahagian Sempadan Fasa Bagi Cadangan Pelan Berlulus No. Rujukan (24a)Dlm.Mpsp/70/39-6/39 B.2 Yang Mengandungi Seperti Berikut :- (A) Perumahan 'Gated Community' (Jenis Hak Milik Strata) (Fasa 1 – Fasa 3) Yang Mengandungi :- Fasa 1a 1) 1 Unit Rumah Sesebuah 3 Tingkat (Jenis A1) 2) 4 Unit Rumah Sesebuah 3 Tingkat (Jenis A) 3) 19 Unit Rumah Sesebuah 3 Tingkat (Jenis B) 4) 11 Unit Rumah Sesebuah 3 Tingkat (Jenis C) 5) 2 Unit Rumah Berkembar 3 Tingkat (Jenis A) 6) 6 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat (Jenis C) 7) 1 Unit Rumah Kelab/Dewan/Pencawang Tnb/Tadika & Pejabat Pengurusan 2 Tingkat 8) 2 Unit Pondok Pengawal 9) 1 Unit 'Compact Sub Station' Fasa 1b 1) 2 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat (Jenis A) 2) 11 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat (Jenis B) 3) 13 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat (Jenis C) 4) 2 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat (Jenis A) 5) 18 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat (Jenis C) 6) 1 Unit 'Compact Sub-Station'	OSC Lulus pindaan fasa pada 20 Oktober 2022, OSC Lulus pada 11 Julai 2019

BIL	TAJUK	TARIKH LULUS / TOLAK PKM
	<p>Fasa 2</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) 2 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat (Jenis A) 2) 11 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat (Jenis B) 3) 9 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat (Jenis C) 4) 32 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat (Jenis C) 5) 1 Unit 'Sub-Station' <p>Fasa 3</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) 4 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat (Jenis A) 2) 8 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat (Jenis B) 3) 29 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat (Jenis C) 4) 2 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat (Jenis A) 5) 24 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat (Jenis C) 6) 1 Unit Surau 7) 1 Unit 'Compact Sub Station' 8) 1 unit Pusat Pengutatan Sampah <p>Fasa 4a (Bukan Hakmilik Strata)</p> <p>Di Atas Lot 24249 (Sebahagian Lot Lama 20017) Jalan Tun Hamdan Sheikh Tahir Mukim 6, Seberang Perai Utara</p> <p>Untuk Tetuan : Uda Land (North) Sdn Bhd</p>	
5	<p>Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Cadangan 167 Unit Rumah Teres 1 Tingkat Dan 1 Unit Pencawang Elektrik Tnb Di Atas Pt 5075-Pt 5241 Dan Pt 5243, Mukim 12, Jalan Kubang Menerong, Seberang Perai Utara. (Pelan Pindaan Daripada 167 Unit Rumah Teres Kos Rendah 1 Tingkat Kepada 167 Unit Rumah Teres 1 Tingkat.) Untuk Tetuan : Pavilion Everise Sdn Bhd</p>	<p>OSC Lulus rayuan pindaan dan terima sumbangan pada 6 Julai 2023. OSC Lulus pada 29 Nov 2019</p>
6	<p>Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Mendirikan 1 Blok Bangunan 19 Tingkat (Hakmilik Strata) Yang Mengandungi</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Pangsapuri Perkhidmatan 13 Tingkat (293 Unit) Dengan 2 Tingkat Ruang Rekreasi 2) Tempat Letak Kereta 6 Tingkat 3) Basemen Tempat Letak Kenderaan Setingkat (Bawah Tanah) <p>Di Atas Lot 10115 (Lot Lama 10106), Jalan Bagan Jermal, Seksyen 1, Bandar Butterworth, Daerah SPU, Pulau Pinang.</p> <p>Pindaan Kepada Pelan Lulus Bil.(39a)Dlm.Mpsp/70/39-21/30 Bertarikh 17.02.2016 Dan Pelan Bil.(74a)Dlm.Mbsp/70/39-21/30 Bertarikh 23.01.2020.</p> <p>(Permohonan Hak Kebenaran Merancang/ 'Assignment Of Planning Permission' Daripada Tetuan Star Sanctuary Land Sdn Bhd Kepada Tetuan Bukit Punchor Development Sdn. Bhd)</p> <p>Mematuhi Dan Selari Dengan Pelan Kelulusan Asal Kebenaran Merancang Seperti Pelan Susunatur Yang Diluluskan Oleh Mbsp Melalui Pelan Bil.(74a)Dlm.Mpsp/70/39-21/30 Bertarikh 23.01.2020.</p>	<p>OSC Lulus Assignment Of Planning Permission pada 17 April 2023, OSC Lulus pada 23 Januari 2020</p>
7	<p>Permohonan Pindaan Pembahagian Fasa Bagi Cadangan Pelan Yang Mengandungi Seperti Berikut :-</p> <p>Fasa 3 (1)</p> <ol style="list-style-type: none"> A) 4 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat B) 18 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat C) 44 Unit Rumah Teres 2 Tingkat D) 40 Unit Rumah Teres 1 Tingkat 	<p>OSC Lulus pindaan fasa pada 20 Julai 2023, OSC Lulus pada 10 Feb 2021</p>

BIL	TAJUK	TARIKH LULUS / TOLAK PKM
	<p>E) 1 Unit Surau F) 1 Unit Tadika G) 1 Unit Pencawang Tnb (Single Chamber)</p> <p>Fasa 3 (2) A) 4 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat B) 65 Unit Rumah Teres 2 Tingkat C) 1 Unit Pencawang Tnb (Compact)</p> <p>Fasa 3 (3) A) 10 Unit Rumah Bekrmebar 2 Tingkat B) 71 Unit Rumah Teres 2 Tingkat</p> <p>Fasa 3 (4) A) 13 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat B) 6 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat</p> <p>Fasa 3 (5) A) 10 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat B) 16 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat C) 74unit Rumah Teres 2 Tingkat D) 1 Unit Pencawang Tnb (Compact)</p> <p>Fasa 3 (6) A) 14 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat B) 55 Unit Rumah Teres 2 Tingkat</p> <p>Fasa 3 (7) A) 14 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat B) 20 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat C) 1 Unit Tadika D) 1 Unit Pencawang Tnb (Single Chamber)</p> <p>Di Atas Sebahagian Lot Pt 3007, Mukim 6, Kepala Batas Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.</p> <p>Untuk Tetuan : Bertam Properties Sdn Bhd</p>	
8	<p>Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pembangunan Sekim Perumahan Yang Mengandungi:-</p> <p>a) 48 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Jenis A b) 59 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Jenis B c) 1 Unit Pencawang Elektrik Tnb d) 1 Unit Dewan Orang Ramai e) 1 Unit Surau</p> <p>Di Atas Lot 936, Mukim 6, Bertam, Kepala Batas, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.</p> <p>Untuk Tetuan : Billion Site Sdn Bhd</p>	OSC Lulus pada 25 Mei 2023
9	<p>Permohonan Pembahagian Fasa Untuk Cadangan Sekim Perumahan Bagi Pelan Berlulus Bil.(30a)Dim.Mbsp/70/39-13/11 Yang Mengandungi Seperti Berikut :- Fasa 1 A. 468 Unit Rumah Kos Rendah 2 Tingkat "Town House" Hak Milik Strata (650kp /Unit) Dengan Kemudahan Masyarakat. (Dewan Orang Ramai Tadika / Pejabat Pengurusan Dan Pondok Pengawal) B. Tapak Loji Kumbahan C. 1 Tapak Ppu D. 3 Unit Pencawang Tnb E. 1 Tapak Sekolah</p>	OSC Lulus pembahagian fasa pada 12 Jan 2023, OSC Lulus pada 13 Jan 2022

BIL	TAJUK	TARIKH LULUS / TOLAK PKM
	<p>F. 1 Unit Surau Fasa 2 A. 247 Unit Rumah Teres 1 Tingkat Jenis A (Termasuk 2 Unit Pelbagai Guna) B. 247 Unit Rumah Teres 1 Tingkat Jenis B (Termasuk 2 Unit Pelbagai Guna) C. 40 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat D. 1 Unit Dewan Orang Ramai E. 1 Unit Surau F. 1 Stor Mbsp G. 3 Unit Pencawang Tnb H. 1 Tapak Penjaja Dan Pasar Fasa 3 A. 144 Unit Rumah Teres 1 Tingkat Jenis A (Termasuk 2 Unit Pelbagai Guna) B. 242 Unit Rumah Teres 1 Tingkat Jenis B (Termasuk 4 Unit Pelbagai Guna) C. 34 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat D. 1 Tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (Ribi) E. 1 Unit Pencawang Tnb</p> <p>Fasa 4 A. 77 Unit Kedai Pejabat 2 Tingkat B. 188 Unit Rumah Teres 1 Tingkat Jenis A (Termasuk 4 Unit Pelbagai Guna) C. 341 Unit Rumah Teres 1 Tingkat Jenis B (Termasuk 2 Unit Pelbagai Guna) D. 41 Unit Rumah Teres 1 Tingkat Jenis C (Termasuk 1 Unit Pelbagai Guna) E. 1 Unit Pencawang Tnb F. 1 Unit Pencawang Tnb Padat</p> <p>Fasa 5 A. 3 Tapak Kemajuan Masa Hadapan (Perniagaan)</p> <p>Di Atas Lot 1640, Jalan Ara Kuda, Mukim 13, Seberang Perai Utara. Untuk : Tetuan Qualified Management Consortium Sdn Bhd</p>	
10	<p>Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Cadangan Sekim Perumahan Yang Mengandungi : Fasa 5 A. 576 Unit Rumah Teres I Tingkat (Termasuk 7 Unit Pelbagai Guna) B. 114 Unit Rumah Teres 2 Tingkat C. 94 Unit Kedai 1 Tingkat D. 2 Unit Pencawang Tnb & 1 Unit Pencawang Tnb Jenis Padat E. 1 Unit Surau F. 1 Unit Dewan Orang Ramai Di Atas Sebahagian Lot 21328 (Lot Lama 15641), Jalan Kubang Menerong, Mukim 12, Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang Secara Serentak Dengan Penyerahan Balik Dan Pemberimilikan Semula Di Bawah Seksyen 204(D) Ktn. Untuk : Tetuan Maple Meadow Sdn.Bhd.</p>	OSC Lulus Kmh Fasa 5 pada 13 Oktober 2023, OSC Lulus pada 27 Jan 2022
11	<p>Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Mendirikan Skim Perumahan Terdiri Daripada: 1) 66 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat 2) 1 Unit Pencawang Tnb 3) Loji Kumbahan Di Atas Lot 10239 Mukim 2 Daerah Seberang Perai Utara Pulau Pinang Untuk Tetuan: Jin Yi Development Sdn. Bhd.</p>	OSC Lulus pada 26 Jan 2023
12	<p>Pemakluman Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (Spc) Rayuan Untuk :</p> <p>1) Penangguhan Rumah Pangsa Kos Rendah Dan Rumah Pangsa Kos Sederhana Rendah Serta Memohon Sokongan Bagi Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (Ccc). 2) Mengemukakan Jaminan Bank Bagi Rumah Pangsa Kos Rendah Dan Kos</p>	OSC Lulus pemakluman keputusan SPC pada 22 Jun 2023, OSC Lulus rayuan

BIL	TAJUK	TARIKH LULUS / TOLAK PKM
	<p>Sederhana Rendah Yang Belum Dibina Bagi Skim Perumahan Berikut :-</p> <p>a) 303 Unit Rumah Teres 2 Tingkat (Pemilikan Strata)</p> <p>b) 1 Blok Rumah Pangsa Kos Rendah 5 Tingkat (61unit)</p> <p>c) 1 Blok Rumah Pangsa Kos Sederhana Rendah 5 Tingkat (61 Unit)</p> <p>Di Atas Sebahagian Lot 10577 & 812, Jalan Tun Hamdan Sheikh Tahir, Mukim 6, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.</p> <p>Untuk Tetuan : Bandar Kepala Batas Sdn Bhd</p>	<p>pada 26 April 2022</p>
13	<p>Permohonan Pindaan Pembahagian Sempadan Fasa Bagi Cadangan Pelan Berlulus No. Rujukan (9a)DIm.Mbsp/70/30-6/3 Yang Mengandungi Seperti Berikut :-</p> <p>Fasa 1</p> <p>i. 5 Unit Pencawang Elektrik Tnb</p> <p>ii. 9 Unit Tnb Compact Substation</p> <p>iii. Jalan, Pintu Gerbang Dan Pylon</p> <p>iv. Kolam Takungan Air</p> <p>Fasa 2</p> <p>i. 1 Unit Pencawang Pembahagian Utama Tnb 33kv</p> <p>Fasa 3</p> <p>i. 1 Unit Tangki Air</p> <p>Fasa 4</p> <p>i. 49 Unit Pelot Industri</p> <p>Fasa 5</p> <p>i. 1 Unit Pencawang Pembahagian Utama Tnb 33kv</p> <p>Fasa 6</p> <p>i. 4 Unit Kilang Berkembar 3 Tingkat (Pelot 16, 17, 40, Dan 41)</p> <p>ii. 2 Unit Kilang Sesebuah 5 Tingkat (Pelot 15 Dan 42)</p> <p>Fasa 7</p> <p>i. 4 Unit Kilang Berkembar 3 Tingkat (Pelot 12, 13, 43a, Dan 45)</p> <p>ii. 2 Unit Kilang Sesebuah 5 Tingkat (Pelot 13a Dan 43)</p> <p>Fasa 8</p> <p>i. 10 Unit Kilang Berkembar 3 Tingkat (Pelot 2-11)</p> <p>ii. 1 Unit Kilang Sesebuah 5 Tingkat (Pelot 1)</p> <p>Fasa 9</p> <p>i. 10 Unit Kilang Berkembar 3 Tingkat (Pelot 18-27)</p> <p>ii. 1 Unit Kilang Sesebuah 5 Tingkat (Pelot 28)</p> <p>Fasa 10</p> <p>i. 10 Unit Kilang Berkembar 3 Tingkat (Pelot 46-55)</p> <p>ii. 1 Unit Kilang Sesebuah 5 Tingkat (Pelot 56)</p> <p>Fasa 11</p> <p>i. 10 Unit Kilang Berkembar 3 Tingkat (Pelot 30-39)</p> <p>ii. 1 Unit Kilang Sesebuah 5 Tingkat (Pelot 29)</p> <p>Di Atas Sebahagian Lot 12453, Mukim 6, Jalan Tun Hamdan Sheikh Tahir, Seberang Perai Utara,</p>	<p>OSC Lulus pindaan pembahagian sempadan pada 6 Julai 2023, OSC Lulus pada 12 Mei 2022</p>

BIL	TAJUK	TARIKH LULUS / TOLAK PKM
	Untuk Tetuan : Lestari Duta Sdn Bhd	
67	PBT0397303104012 50520220002	Kee Neng Development Sdn. Bhd.	159,100.00
68	PBT0397303104012 60820220001	Lifetime Property Sdn. Bhd.	80,880.00
69	PBT0397303104012 70520220001	Millennium Collection Sdn. Bhd.	60,000.00

2022			
70	PBT0397303104012 70520220002	Tetuan Chuan Hin Packaging Industries Sdn. Bhd.	70,000.00
71	PBT0397303104012 70520220003	Tetuan IMR (Malaysia) Sdn. Bhd.	150,935.00
72	PBT0397303104012 70920220001	Bagan Printers Sdn. Bhd.	56,200.00
73	PBT0397303104012 71220220003	Metrio Development Sdnb Hd	57,720.00
74	PBT0397303104012 80320220001	Tetuan Power Portal Sdn. Bhd.	477,360.00
75	PBT0397303104012 90720220003	SHH Wise Industries Sdn. Bhd.	120,000.30
76	PBT0397303104013 00520220001	Sungguh Gemilang Development Sdn. Bhd.	17,544.00
77	PBT0397303104013 01220220001	Marajati Sdn. Bhd.	75,150.00
78	PBT0397303104013 01220220002	N.H. Development Sdn. Bhd.	242,940.00
79	PBT0397303104013 01220220003	Tetuan Uni Alliance Resources Sdn. Bhd.	23,820.00
80	PBT0397303104021 60320220001	Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (Perda)	123,000.00
81	PBT0397303104021 61120220008	Jurutera Perunding Cahaya Sdn. Bhd.	13,200.00
82	PBT0397303104021 90520220001	Bandar Kepala Batas Sdn. Bhd.	669,075.00
83	PBT0397303104022 91120220001	Tetuan Chemlite Industries Sdn. Bhd.	75,070.00
JUMLAH (RM)			16,821,116.97

2023			
1	PBT0397303104010 10620230001	Perunding YAA Sdn. Bhd.	30,000.00
2	PBT0397303104010 20220230001	Tetuan Hock Teoh Huat Holdings Sdn. Bhd.	163,620.00
3	PBT0397303104010 20820230001	Tetuan Seri Dunia Hartanah Sdn. Bhd.	133,000.00
4	PBT0397303104010 30220230001	Uni-Vessel Engineering (Butterworh) Sdn. Bhd.	67,050.00
5	PBT0397303104010 30320230001	Ghee Hiang Manufacturing Co Sdn. Bhd.	70,080.00
6	PBT0397303104010 30420230001	Setia Fontaines Sdn. Bhd.	977,750.00

2023			
7	PBT0397303104010 30420230002	Tetuan Bertam Properties Sdn. Bhd.	707,000.00
8	PBT0397303104010 30720230001	Buildnberg Sdn. Bhd.	5,000.00
9	PBT0397303104010 40720230001	Tetuan Sunrise Manner Sdn. Bhd.	271,950.00
10	PBT0397303104010 40820230001	KW Aquatic Supplies Sdn. Bhd.	37,000.00
11	PBT0397303104010 41020230001	Green World Recycling Sdn. Bhd.	61,650.00
12	PBT0397303104010 50520230001	Jurutera Perunding Cahaya Sdn. Bhd.	74,500.00
13	PBT0397303104010 60620230002	Tetuan Nexon Property Sdn. Bhd.	287,630.00
14	PBT0397303104010 70220230006	Maritime Waterfront Suites Sdn. Bhd.	322,600.00
15	PBT0397303104010 80320230029	Khor Chong Heng	47,700.00
16	PBT0397303104010 90120230001	Tetuan Petronas Dagangan Berhad	49,225.00
17	PBT0397303104010 90220230001	NE Integrated Sdn. Bhd.	64,350.00
18	PBT0397303104011 00420230002	Tetuan Persatuan Beng Ghee Sean Siah	13,050.00
19	PBT0397303104011 01020230002	Poly M & E Industries Sdn. Bhd.	1,336,700.00
20	PBT0397303104011 10820230003	Tetuan THW Consultants Sdn. Bhd.	580,000.00
21	PBT0397303104011 10820230004	Rubicon Sapphire Technology (Malaysia) Sdn. Bhd.	120,950.00
22	PBT0397303104011 10920230004	RGT Industries Sdn. Bhd.	25,000.00
23	PBT0397303104011 30920230002	Jaya AGD Enterprise Sdn. Bhd.	16,500.00
24	PBT0397303104011 40420230002	Tetuan Klitz Vibrant Imported Kitchens Sdn. Bhd.	75,040.00
25	PBT0397303104011 60220230007	Pavillion Everise Sdn. Bhd.	1,399,500.00
26	PBT0397303104011 70320230001	Seng Kong Fishery Sdn. Bhd.	42,165.00
27	PBT0397303104011 70420230001	Bertam Properties Sdn. Bhd.	8,900.00
28	PBT0397303104011 70820230003	BKNT Resources Sdn. Bhd.	100,500.00

2023			
29	PBT0397303104011 80420230001	Gooi Kok Boo	39,600.00
30	PBT0397303104012 01020230003	Tetuan LEM Malaysia Sdn. Bhd.	150,000.00
31	PBT0397303104012 10220230001	Wsh Development Sdn. Bhd.	353,360.00
32	PBT0397303104012 30620230001	Tetuan Primawangsi Sdn. Bhd.	195,600.00
33	PBT0397303104012 40320230002	Q-Plas Sdn. Bhd.	65,500.00
34	PBT0397303104012 40320230003	Tetuan Ekar & Hektar Sdn. Bhd.	231,500.00
35	PBT0397303104012 41020230012	Tetuan Harta Intan Builders Sdn. Bhd.	13,600.00
36	PBT0397303104012 50720230002	Ghee Hiang Manufacturing Co. Sdn. Bhd.	51,330.00
37	PBT0397303104012 50820230002	Tetuan Eng IBS Manufacturing Sdn. Bhd.	294,690.00
38	PBT0397303104012 50920230001	Tetuan IOI Acidchem Sdn. Bhd.	303,900.00
39	PBT0397303104012 60720230002	Tetuan LTS Cold Storage Supplies (M) Sdn. Bhd.	85,510.00
40	PBT0397303104012 60920230001	Palmington Sdn. Bhd.	71,400.00
41	PBT0397303104012 70620230002	PTL Properties Sdn. Bhd.	322,470.00
42	PBT0397303104012 70920230001	Fujiware Sdn. Bhd.	78,780.00
43	PBT0397303104013 00320230001	Dnp Land Sdn. Bhd.	55,094.00
44	PBT0397303104013 00520230001	Asas Dunia Berhad	446,161.00
45	PBT0397303104020 31020230002	Continental Automotive Components Malaysia Sdn. Bhd.	8,650.00
46	PBT0397303104020 40720230002	Tetuan Sunrise Manner Sdn. Bhd.	15,480.00
47	PBT0397303104021 10420230001	CAA Engineering Consultancy	111,150.00
48	PBT0397303104021 11020230001	Tetuan TID Development Sdn. Bhd.	178,416.00
49	PBT0397303104021 20620230002	Manda'Rina Sdn. Bhd.	266,910.00
50	PBT0397303104021 40620230001	Khor Lai Heng	63,600.00

2023			
51	PBT0397303104022 10720230001	HNK Engineering Sdn. Bhd.	31,250.00
52	PBT0397303104022 30620230002	Tetuan Great Marvel Sdn. Bhd.	204,600.00
JUMLAH (RM)			10,726,961.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)			35,847,425.27

**JADUAL 1: SENARAI PROJEK DARI PERUNTUKAN CARUMAN PERPARITAN
BAGI TAHUN 2021-2023**

BIL.	SENARAI PROJEK
2021	
1	Kerja-kerja membaik pulih hakisan tebing Sungai Rambai di Taman Sungai Duri Permai
2	Kerja-kerja mendalam parit keretapi bagi mengurangkan risiko banjir di Taman Cenderawasih
3	Kerja-kerja persediaan bagi menghadapi banjir bagi mendalam dan membaiki borrowpit di kawasan Sungai Aceh
4	Kerja-kerja persediaan bagi menghadapi banjir bagi mendalam parit-parit kawasan Bukit Tambun
5	Kerja-kerja persediaan bagi menghadapi banjir bagi mendalam dan membaiki Sungai Buaya
6	Kerja-kerja persediaan bagi menghadapi banjir bagi mendalam dan membaiki Sungai Jawi
7	Kerja-kerja persediaan bagi menghadapi banjir bagi mendalam dan membaiki Sungai Duri
8	Kerja-kerja menaik taraf generator 100KVA di Rumah Pam (Tidal Control Gate) di Parit D kawasan Valdor
9	Kerja-kerja menaik taraf outlet parit Jalan Jawi Jaya di Sungai Jawi berhampiran Econsave
10	Kerja-kerja kecemasan akibat banjir bagi penyelenggaraan dan baik pulih pam di Kampung Masjid
11	Kerja-kerja kecemasan akibat banjir bagi penyelenggaraan dan baik pulih di Tanjung Ketupat
12	Kerja-kerja penyiasatan tanah akibat runtuh tebing sungai di CH 15350 Projek Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Kerian
13	Kerja-kerja membaik pulih hakisan tebing Sungai Duri di Kampung Masjid
2022	
1	Kerja-kerja menaik taraf tebing ban Sungai Jawi bersebelahan Econsave Jawi bagi mengurangkan risiko banjir
2	Kerja-kerja membaik pulih hakisan tebing ban Sungai Kerian di Byram bagi mengurangkan risiko banjir
3	Kerja-kerja mendalam dan membina ban banjir di Parit A2 (Parit Siam) bagi mengurangkan risiko banjir
4	Kerja-kerja menaik taraf sistem perparitan di Kampung Sungai Chenaam bagi mengurangkan risiko banjir
5	Perkhidmatan ukur kejuruteraan bagi runtuh tebing sungai di Kampung Seri Ampangan
6	Kerja-kerja menaik taraf sistem perparitan bagi mengurangkan masalah banjir kilat di Taman Belibis

7	Kerja-kerja menaik taraf sistem perparitan bagi mengatasi banjir kilat di Taman Puyu
8	Cadangan menaik taraf sistem perparitan dan membina rumah pam bagi mengatasi banjir kilat di kawasan Taman Sukun
9	Menaik taraf sistem perparitan dan membina rumah pam bagi mengatasi banjir kilat di kawasan Taman Permai Jaya dan Kampung Baru
10	Cadangan memasang tembok penahan untuk mengatasi masalah banjir di Taman Macang Manis
11	Cadangan menaik taraf parit sedia ada serta membina parit pintasan di Taman Sepadu
12	Kajian reka bentuk terperinci bagi Rancangan Tebatan Banjir Sanglang
2023	
1	Cadangan kerja-kerja mengatasi masalah banjir kilat di Taman Bunga Raya dan kawasan sekitarnya
2	Cadangan menaik taraf sistem perparitan dan memasang pam di Taman Merak
3	Cadangan menaik taraf sistem perparitan dan kolam tadahan di Taman Sejahtera
4	Cadangan pemasangan dua pintu air di Taman Markisah
5	Cadangan membina rumah pam dan naik taraf parit di Taman Inderawasih
6	Cadangan menaik taraf sistem perparitan di Taman Machang Bubok
7	Perkhidmatan perunding bagi reka bentuk terperinci menaik taraf sistem saliran utama Kampung Chenaam
8	Perkhidmatan kerja ukur kejuruteraan bagi menaik taraf sistem saliran utama Kampung Chenaam

5. Huraikan status proses pemutihan ladang ternakan babi dan reban ayam.
 - (a) Huraikan status stesen janakuasa biogas dan biomas sisa ternakan di Perkampungan Valdor.
 - (b) Huraikan pusat-pusat penyembelihan babi di Seberang Perai.
 - (c) Huraikan status cadangan pusat penyembelihan ayam di TKPM Batu Kawan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Program Pengecualian Kebenaran Merancang bagi ladang babi telah tamat pada 31 Disember 2020 dan Program Pengecualian Kebenaran Merancang bagi ladang unggas telah tamat pada 31 Disember 2022.

- (a) Status janakuasa biogas di Perkampungan Valdor telah siap 80 peratus dan menunggu kelulusan untuk kerja-kerja *piping* daripada Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan (PDTSPS) dan kerja-kerja *upgrading substation* daripada pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB). Syarikat Timeless Green akan mula mengumpul sisa najis babi pada pertengahan November 2023 dan dijadualkan untuk mula beroperasi pada penghujung Disember 2023.
- (b) Terdapat empat (4) buah rumah sembelihan babi yang berlesen di Seberang Perai dan semua karkas akan diperiksa oleh Pegawai Pemeriksa Daging bagi memastikan keselamatan daging terjamin. Senarai rumah sembelih adalah seperti berikut:
 - i. Tiga (3) buah rumah sembelihan Seberang Perai Utara iaitu Hi Good Corporation di Kampung Selamat dan dua (2) buah rumah sembelihan di Butterworth YSH Food Supplies dan TCS Global Venture; dan
 - (ii) Satu (1) buah rumah sembelihan di Kampung Valdor iaitu Soon Seng Meat Sdn. Bhd.
- (c) Pihak Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) telah menerima permohonan daripada Syarikat KP Asli Sdn. Bhd. bagi Pembangunan Rumah Sembelihan Ayam Tertutup Dan 'Cold Room' Untuk Tujuan 'Stockpiling' Ayam di Lot 1441, Mukim 12, Juru, Seberang Perai Tengah (SPT), Pulau Pinang (Taman Kekal Pengeluaran Makanan Juru, Batu Kawan) pada 14 Oktober 2022.

Susulan itu, pihak CMI telah memohon ulasan daripada Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang memandangkan tapak yang dimohon adalah di bawah zon pertanian. Kedua-dua jabatan tersebut tiada halangan dengan syarat pihak syarikat perlu memastikan tapak yang ditawarkan diusahakan dengan baik dan mengikut garis panduan jabatan teknikal termasuk berkenaan isu saliran, kebersihan dan tidak mengganggu operasi pertanian sedia ada serta mematuhi keperluan dalam pensijilan *Veterinary Health Mark* (VHM).

Terkini, Kerajaan Negeri melalui pihak CMI telah menandatangani perjanjian bersama syarikat KP Asli Sdn. Bhd. pada 2 November 2023 untuk tujuan tersebut sebagai usaha bagi menjamin keselamatan makanan. Pihak syarikat sedang dalam perangkaan pelan rumah penyembelihan ayam tersebut.

6. Huraikan status pemilikan tanah di Pulau Aman dan Pulau Gedung.
 - (a) Senaraikan rumah-rumah yang didiami dan pengusaha 'homestay'.
 - (b) Huraikan status penyewa-penyewa premis Pejabat Tanah dan Daerah SPS.
 - (c) Senaraikan nelayan-nelayan berdaftar dan bot-bot nelayan berlesen di Pulau Aman.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Berdasarkan rekod Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Aman dan Pulau Gedung terletak di dalam Mukim 16, Daerah Seberang Perai Selatan (SPS). Terdapat sebanyak 63 lot yang merupakan tanah milik persendirian dan 42 Lesen Pendudukan Sementara (LPS) telah dikeluarkan meliputi rumah kediaman, rumah inap desa dan ternakan siput di Pulau Aman manakala terdapat sebanyak tujuh (7) lot tanah milik persendirian di Pulau Gedung.
- (a) Terdapat sebanyak 63 buah kediaman di Pulau Aman. 28 buah daripadanya turut dijadikan *homestay* dan chalet. Perincian maklumat seperti **Jadual 1** berikut:

JADUAL 1

JENIS	BILANGAN	STATUS PEMILIKAN
Kediaman	35	Persendirian
Kediaman - <i>Homestay</i>	15	Persendirian (Berdaftar dengan MOTAC untuk tujuan <i>homestay</i>)
Kediaman - Chalet	13	Persendirian
Hotel	1	Persatuan Nelayan Seberang Perai

- (b) Terdapat empat buah (4) premis di bawah seliaan Pejabat Daerah dan Tanah SPS di Pulau Aman. Perincian status penyewa-penyewa adalah seperti di **Jadual 2** berikut:

JADUAL 2

JENIS	BILANGAN	STATUS
Gerai	2	Sewa kepada individu
	1	Kosong (Dalam proses permohonan peruntukan untuk tujuan pembaikan dan naik taraf)
Dewan	1	Sewaan bergantung kepada permohonan dan permintaan semasa

- (c) Senarai nelayan-nelayan berdaftar dan bot-bot nelayan berlesen di Pulau Aman adalah seperti di **Jadual 3** berikut:

JADUAL 3

Bil	No Vesel	Nama Pemilik
1	PPS3055	Omar bin Md Zain
2	PPS7353	Baharom bin Said
3	PPS5185	Mohd Nazri bin Mohamad Yusof
4	PPS5187	Md Noor bin Harun
5	PPS5189	Mohamad Anuar bin Mahtar

6	PPS5190	Ahmad Zuki bin Saad
7	PPS5193	Mohd Rizal bin Mahtar
8	PPS5194	Khalid bin Ahmad
9	PPS5196	Ahmad bin Puteh
10	PPS5198	Zulkplee bin Yusoff
11	PPS5199	Mohd Haris bin Ahmad
12	PPS5200	Mat Sidi bin Mat Saad
13	PPS5202	Zakaria bin Mohammad Yusof
14	PPS5327	Ghazali bin Said
15	PPS5832	Sanusi bin Ismail
16	PPS5833	Mohd Khairul bin Mohd Yusoff
17	PPS5955	Noor Talib bin Yaacob
18	PPS6125	Mohd Azmir bin Ishak
19	PPS6126	Mohd Nasir bin Mohd Yusoff
20	PPS775	Adam bin Said
21	PPS5792	Umar bin Ismail
22	PPS6338	Mohd Rosdi bin Abdul Hamid
23	PPS7339	Yusnizam bin Ramli
24	PPS6339	Mohammad Hafiz bin Mohamed
25	PPS6816	Hizer bin Mohamed Hasan
26	PPS7332	Mohamad Danial Fahmi bin Baharom
27	PPS7333	Mohamad Shamsul Amri bin Hizar
28	PPS7336	Muhamad Akram bin Sanusi
29	PPS7337	Muhamad Faiz bin Baharom
30	PPS7335	Khor Choon Yean
31	PPS7330	Khairul Azhar bin Hussin
32	PPS7328	Hamizi bin Ibrahim
33	PPS7329	Hidzer bin Nor
34	PPS5204	Asrul Ridaus bin Refin

7. Huraikan status projek-projek perumahan mampu milik bawah Lembaga Perumahan Pulau Pinang.
- Huraikan status penjualan rumah di Pangsapuri Suria 1 dan 2.
 - Apakah perancangan baki kawasan perumahan mampu milik di Batu Kawan?
 - Huraikan status pembinaan dan peruntukan sewa beli perumahan mampu milik Taman Murai Jaya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Di bawah Pelan Induk Perancangan Pembangunan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) dari tahun 2021 hingga 2025 yang dikenali sebagai RMMPg, terdapat 14 projek pembangunan yang membekalkan sebanyak 32,992 unit Rumah Mampu Milik (RMM) dengan pecahan 4,066 unit RMM A, 8,326 unit RMM B dan 20,600 unit RMM C. Daripada 14 projek RMMPg tersebut, sembilan (9) projek melibatkan pembangunan RMM dan baki lima (5) projek melibatkan pembangunan semula bandar (URC) dalam rangka kerja pelan lima (5) tahun seperti berikut:

RANCANGAN PEMBANGUNAN RMMPg TAHUN 2021 HINGGA 2025				
RP1 2021	RP2 2022	RP3 2023	RP4 2024	RP5 2025
RMM Bukit Gedung	URC Free School	RMM Perai	RMM Ujong Batu	RMM Juru
URC Mahsuri 5 Point Block	RMM Ampang Jajar	RMM Bukit Mertajam		RMM Kota Giam
RMM Kampung Tongkang	URC Mak Mandin	URC Siakap		URC Padang Tembak
		RMM Batu Kawan		

Sehingga tarikh berakhir 23 Oktober 2023, sebanyak tiga (3) projek yang dijadualkan pada tahun 2021 iaitu RMM Bukit Gedung, URC Mahsuri 5 Point Block dan RMM Kampung Tongkang telah selesai proses pelantikan pemaju secara *Request For Proposal* (RFP). Permohonan Kebenaran Merancang kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dijangka akan dibuat pada 2024.

Tiga (3) projek yang dijadualkan pada tahun 2022 iaitu URC Free School, RMM Ampang Jajar dan URC Mak Mandin telah selesai pelantikan Perunding Pengurusan Projek (PMC). Kini, projek-projek tersebut di peringkat proses perolehan pelantikan pemaju serta proses rundingan bersama penduduk terlibat.

- (a) Pangsapuri Suria 1 dan 2 adalah projek RMM yang dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC). Pangsapuri Suria 1 yang mengandungi 149 unit RMM B dan 371 unit RMM C telah siap dibina pada tahun 2018 dan telah habis dijual. Bagi Pangsapuri Suria 2, proses pelantikan kontraktor telah selesai dan pihak kontraktor yang dilantik telah memulakan kerja-kerja pembinaan di tapak. Pangsapuri Suria 2 masih belum dilancarkan dan dibuka untuk jualan, namun permohonan boleh dibuat kepada Kerajaan Negeri melalui LPNPP secara atas talian.
- (b) Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Bil. 24 Tahun 2020 pada 8 Julai 2020 telah bersetuju dan meluluskan pelaksanaan pembangunan baki kawasan RMM di Batu Kawan diambil alih oleh LPNPP yang terdiri dari Fasa 5, Fasa 6 dan Fasa 8 hingga Fasa 25. LPNPP kini sedang dalam fasa perundingan dengan pihak PDC berhubung isu penyerahan keseluruhan tanah bagi pembangunan tersebut dan LPNPP akan membangunkan keseluruhan tapak tersebut berdasarkan konsep baharu yang akan ditentukan tanpa menggunakan pelan induk asal yang disediakan oleh PDC.

Rumah Pangsa Kos Rendah Taman Murai Jaya dibangunkan di atas tanah kerajaan berkeluasan 2.2 ekar. Konsep pembangunan ini adalah rumah pangsa 3 tingkat mengandungi 36 unit berkeluasan 700 kaki persegi. PDC telah dilantik oleh Kerajaan Negeri sebagai Pengurus Projek. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 8 Ogos 2022 dan dijangka siap pada April 2024. Sehingga tarikh

berakhir 23 Oktober 2023, kemajuan semasa di tapak adalah 86% berbanding jadual sebanyak 80%. Kerajaan Negeri telah menetapkan agar kesemua 36 unit tersebut ditawarkan melalui skim sewa beli (*rent to own - RTO*). Inisiatif ini dapat memberi peluang memiliki kediaman sebagai alternatif kepada pembiayaan konvensional melalui bank komersial. LPNPP akan menawarkan unit-unit tersebut berdasarkan syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan iaitu kepada senarai menunggu mengikut daerah.

8. Huraikan status pengoperasian pusat pelupusan Pulau Burung.
 - (a) Huraikan premis-premis yang tidak mendapat perkhidmatan pengutipan sampah oleh MBSP.
 - (b) Senaraikan pengusaha pengutipan sampah industri, sisa binaan dan tumbuhan.
 - (c) Huraikan kadar bayaran pelupusan sampah di Pulau Burung.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Syarikat konsesi bagi pembangunan dan pengoperasian Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung (TPSPB) iaitu Syarikat PLB Terang Sdn. Bhd. (PLBT) telah ditamatkan pengoperasiannya pada 31 Julai 2022. Bermula 1 Ogos 2022, pengurusan dan pengoperasian TPSPB diuruskan sepenuhnya oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sehingga kontraktor baharu dilantik.
 - (a) Premis-premis yang tidak mendapat perkhidmatan pengutipan sampah oleh MBSP adalah seperti berikut :
 - (i) Kilang/ Industri;
 - (ii) Premis perdagangan dalam kawasan konsesi Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM);
 - (iii) Premis *Hypermarket*/ Pasar Raya/ Hotel/ Hospital swasta/ Kolej swasta (Bangunan sesebuah);
 - (iv) Perniagaan barang lusuh/ kitar semula;
 - (v) Skim pembangunan bercampur perniagaan dan hotel;
 - (vi) Pusat penyembelihan; dan
 - (vii) Skim Perdagangan Luar Skim.
 - (b) Senarai pengusaha pengutipan sampah industri, sisa binaan dan tumbuhan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (c) Kadar bayaran atau *tipping fee* bagi pelupusan sampah di Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung adalah sebanyak RM32.00 bagi setiap tan dan RM10.00 bagi permit untuk setiap kemasukan.

BIL.	NAMA SYARIKAT	ALAMAT SYARIKAT
1	TYB TRADING & TRANSPORT SDN BHD	1 LRG INDUSTRI RINGAN 2 KAW INDUSTRI RINGAN 2 KAW INDUSTRI RINGAN JURU SIMPANG AMPAT JURU 14100 PENANG MALAYSIA
2	TM SEJAHTERA ENTERPRISE	1-2-1 JALAN PEKAKA DUA SUNGAI DUA PENANG 11700 PENANG MALAYSIA
3	TM SEJAHTERA ENTERPRISE	1-2-1, JALAN PEKAKA DUA SUNGAI DUA GEORGE TOWN 11700 PENANG MALAYSIA
4	LIM YEW CHOW	10 LORONG TASEK INDAH 5 TAMAN TASEK INDAH NIBONG TEBAL 14120 PENANG MALAYSIA
5	A.M.S METALS SDN.BHD.	105, JALAN ROZHAN, KAMPUNG KIJANG ALMA, BUKIT MERTA JAM 14000 PENANG MALAYSIA
6	ONE GLORY PROPERTY AND CONSTRUCTION SDN BHD	11-1 (ROOM A), FIRST FLOOR JALAN DAGANGAN 11, BERTAM WALK PUSAT BANDAR BERTAM PERDANA PENANG 13200 PENANG MALAYSIA
7	NGIAH LEONG COMMERCIAL SDN.BHD.	1158 , MK 15 , JALAN TASEK, LIMA KONGSI , SUNGAI BAKAP , 14200 SUNGAI JAWI ,PENANG ,MALAYSIA . BUTTERWORTH 14200 PENANG MALAYSIA
8	LAGENDA MESRA SDN BHD	1339 JALAN MENGGUANG BERAPIT BUKIT MERTA JAM 14000 PENANG MALAYSIA
9	LIM CHIN JOO SAWMILL SDN BHD	1416, JALAN DATUK HJ AHMAD BADAWI 13200 KEPALA BATAS, S.P.U. , PULAU PINANG KEPALA BATAS 13200 PENANG MALAYSIA
10	PG LEAN HWA TRADING SDN BHD	1486 MK 12 JALAN SERUNAI LADANG VALDOR SUNGAI BAKAP NIBONG TEBAL 14200 PENANG MALAYSIA

ID 207

9. Senaraikan destinasi dan syarikat penerbangan terus dari Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP).
- (a) Nyatakan jumlah bulanan penumpang domestik dan antarabangsa ke LTAPP tahun 2023.
 - (b) Apakah status penaiktarafan LTAPP? (c) Huraikan cadangan pembangunan Mitsui Outlet di Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Senarai destinasi dan syarikat penerbangan terus dari Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Jumlah bulanan penumpang domestik dan antarabangsa ke LTAPP tahun 2023 adalah seperti di **LAMPIRAN B**.
 - (b) Kementerian Pengangkutan (MOT) dengan kerjasama MAHB sedang melaksanakan proses pengambilan tanah selaras dengan kelulusan yang diperolehi di bawah *Rolling Plan 4* Rancangan Malaysia Ke-12 (RP4 RMK12) dengan peruntukan sebanyak RM93 juta. Pada masa yang sama, kerajaan sedang melaksanakan penggantian kuarters kerajaan yang mana cadangan pembelian pangsapuri bagi menggantikan bangunan kuarters kakitangan kerajaan telah diluluskan oleh pihak Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Setakat ini, pihak MAHB telah memperolehi kelulusan Kebenaran Merancang (KM) dan Pelan Bangunan (BP) daripada pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Pihak MAHB juga sedang dalam proses untuk menentukan kaedah pelaksanaan dan mekanisme pembiayaan projek tersebut. Buat masa ini, anggaran kos keseluruhan pembangunan bagi projek menaik taraf LTAPP belum dapat ditentukan kerana masih sedang diperincikan.

(c) Mitsui Outlet Park (MOP) Pulau Pinang dibiayai sepenuhnya oleh Syarikat Mitsui Fudosan dan konsepnya adalah sama dengan konsep MOP KLIA Sepang. Projek ini telah memperolehi kelulusan Perintah Pembangunan (DO) dan kelulusan Pelan Bangunan (BP) pada 2021. Kedua-dua dokumen akan diperbaharui sehingga pembinaan boleh dimulakan. Syarat bagi DO dan BP adalah perlu memastikan jalan di sekitar MOP dinaik taraf bagi menangani kesesakan lalu lintas di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP).

Pada ketika ini, projek pembangunan MOP PIA masih dalam peringkat *status quo* berikutan dari perancangan MAHB untuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) dan infrastruktur di sekitarnya.

**DESTINASI DAN SYARIKAT PENERBANGAN TERUS DARI LAPANGAN TERBANG
ANTARABANGSA PULAU PINANG (LTAPP).**

Penerbangan Domestik:

NO.	DARI	SYARIKAT PENERBANGAN	JUMLAH PENERBANGAN SEMINGGU	
			SEP 23'	
1	Johor Bahru (JHB)	AIRASIA (AXM)	28	48
		FIREFLY (FFM)	20	
2	Kota Kinabalu (BKI)	AIRASIA (AXM)	-	14
		FIREFLY (FFM)	14	
3	KLIA (KUL)	AIRASIA (AXM)	55	118
		MAS	42	
		BATIK AIR (MXD)	14	
		MYAIRLINE (MYM)	7	
4	Kuching (KCH)		-	14
		FIREFLY (FFM)	14	
5	Kota Bharu (KBR)	FIREFLY (FFM)	7	7
6	Subang (SZB)	FIREFLY (FFM)	63	78
		BATIK AIR (MXD)	15	
7	Langkawi (LGK)	AIRASIA (AXM)	21	31
		FIREFLY (FFM)	10	
8	Melaka (MKZ)		-	-
TOTAL/WEEK			310	

Remarks: According to Penang International Airport, the flight frequency is constantly changing, hence flight schedule will be review by monthly.

Sumber: *Malaysia Airports Holding Berhad* (Dikemaskini 6 October 2023)

Penerbangan Antarabangsa:

NO.	DARI	SYARIKAT PENERBANGAN	JUMLAH PENERBANGAN SEMINGGU	
			SEP 23'	
1	Bangkok (BKK)	THAI SMILE (THD)	7	7
2	Hong Kong (HKG)	CATHAY PACIFIC (CPA)	4	7
		AIRASIA (AXM)	3	
3	Medan (KNO)	AIRASIA (IDX, AWQ & AXM)	20	69
		LION AIR (LNI)	21	
		CITILINK (CTV)	7	
		FIREFLY (FFM)	7	
		BATIK AIR (BTK)	14	
4	Singapore (SIN)	AIRASIA (AXM)	35	105
		JETSTAR (JSA)	7	
		TIGER AIRWAYS (TGW)	21	
		SINGAPORE AIR (SIA)	28	
		FIREFLY (FFM)	14	
5	Jakarta (CGK)	AIRASIA (IDX & AWQ)	11	18
		BATIK AIR (BTK)	7	
6	Surabaya (SUB)	AIRASIA (IDX, AWQ & AXM)	6	6

Penerbangan Antarabangsa:

NO.	DARI	SYARIKAT PENERBANGAN	JUMLAH PENERBANGAN SEMINGGU	
			SEP 23'	
7	Banda Aceh (BTJ)	FIREFLY (FFM)	4	11
		BATIK AIR (BTK)	7	
8	Phuket (HKT)	FIREFLY (FFM)	4	4
9	Guangzhou (CAN)	CHINA SOUTHERN AIRLINE (CSN)	7	7
10	Taipei (TPE)	CHINA AIRLINE (CAL)	7	11
		STARLUX (SJX)	4	
11	Don Meung (DMK)	AIRASIA (AIQ)	15	22
		THAI LION AIR (TLM)	7	
12	HCMC (SGN)	AIRASIA (AXM)	5	5
13	Xiamen (XMN)	XIAMEN AIRLINES (CXA)	3	3
TOTAL/WEEK			275	

Remarks: According to Penang International Airport, the flight frequency is constantly changing, hence flight schedule will be review by monthly.

Sumber: *Malaysia Airports Holding Berhad (Dikemaskini 6 October 2023)*

JUMLAH BULANAN PENUMPANG DOMESTIK DAN ANTARABANGSA KE LTAPP TAHUN 2023.
Penang International Airport:

TOTAL AIRPORT INTERNATIONAL ARRIVALS JAN – SEP 2023	
MONTH	2023 (JAN – SEP)
JAN	112,612
FEB	98,006
MAR	123,456
APR	118,917
MAY	126,020
JUN	146,945
JUL	138,913
AUG	131,655
SEP	132,980
TOTAL	1,129,504

***International Arrivals: Number of passengers come in through international arrivals.*
 Sumber: *Malaysia Airports Holding Berhad* (Dikemaskini 6 October 2023)

10. Huraikan perkhidmatan Feri Pulau Pinang dari segi kapasiti, jadual perjalanan dan tambang.
- Nyatakan jumlah kutipan tambang mengikut kategori.
 - Huraikan kos pembelian feri dan pengoperasian bulanan.
 - Adakah perancangan jangka panjang mengenai perkhidmatan feri ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Perkhidmatan feri baharu Pulau Pinang telah bermula pada 6 Ogos 2023. Kapasiti feri baharu ini adalah sebanyak 200 penumpang di mana feri ini mampu memuatkan sebanyak 150 orang penumpang pejalan kaki serta 50 penumpang motosikal dan basikal pada satu-satu masa.

Perkhidmatan feri ini bermula pada jam 6.30 pagi di Pengkalan Sultan Abdul Halim (PSAH), Butterworth dan feri terakhir berlepas pada jam 10.00 malam di Pengkalan Tun Raja Uda (PRTU), Weld Quay. Perincian jadual perjalanan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Manakala tambang bagi perkhidmatan feri mengikut kategori adalah seperti berikut:

Kategori Tambang	Harga Tambang (RM)
Pejalan kaki dewasa	2.00
Pejalan kaki kanak-kanak (5-12 tahun)	1.00
Motosikal	2.50
Basikal	2.00

- Jumlah kutipan tambang sepanjang tahun 2023 mulai 1 Januari hingga 6 Ogos 2023 adalah sebanyak RM200,518.00. Bersempena dengan pelancaran feri baharu, tambang percuma telah diberikan selama sebulan iaitu mulai 7 Ogos hingga 6 September 2023. Bermula 7 September 2023 sehingga kini transaksi pembayaran tiket feri adalah menggunakan mod pembayaran tanpa tunai dan pas bulanan. Sehubungan itu, pihak Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) masih belum mempunyai jumlah kutipan tambang sebenar. Perincian kutipan tambang mengikut kategori adalah seperti di **LAMPIRAN B**.
- Kos perolehan/pembelian empat (4) buah feri baharu adalah sebanyak RM75 juta manakala kos pengubahsuaian kedua-dua terminal melibatkan kos sebanyak RM29 juta. Buat masa ini, kos operasi bulanan bagi empat (4) buah feri adalah sebanyak RM1.3 juta.
- Perancangan jangka masa panjang perkhidmatan feri adalah seperti berikut:
 - Penambahan tambatan kedua dikedua-dua terminal dan penambahan satu (1) unit feri berdasarkan peningkatan dalam penggunaan feri menjelang tahun 2028 bergantung kepada unjuran peningkatan jumlah penumpang; dan
 - Pembinaan limbungan feri baharu di kawasan yang bersesuaian dan berdekatan dengan pangkalan feri di bahagian Butterworth. Walau bagaimanapun, perancangan ini tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa yang berkaitan.

LAMPIRAN A

Jadual Perjalanan Feri

PANGKALAN SULTAN ABDUL HALIM (PSAH) BUTTERWORTH

BERLEPAS	BERLEPAS
6:30:00 AM	7:00:00 AM
7:20:00 AM	7:40:00 AM
8:00:00 AM	8:20:00 AM
8:40:00 AM	9:00:00 AM
9:30:00 AM	10:00:00 AM
10:30:00 AM	11:00:00 AM
11:30:00 AM	12:00:00 PM
12:30:00 PM	1:00:00 PM
1:30:00 PM	2:00:00 PM
2:30:00 PM	3:00:00 PM
3:30:00 PM	4:00:00 PM
4:30:00 PM	5:00:00 PM
5:20:00 PM	5:40:00 PM
6:00:00 PM	6:30:00 PM
7:00:00 PM	7:30:00 PM
8:00:00 PM	8:30:00 PM
9:00:00 PM	9:30:00 PM

PANGKALAN RAJA TUN UDA (PRTU) GEORGETOWN

BERLEPAS	BERLEPAS
7:00:00 AM	7:30:00 AM
7:40:00 AM	8:00:00 AM
8:20:00 AM	8:40:00 AM
9:00:00 AM	9:30:00 AM
10:00:00 AM	10:30:00 AM
11:00:00 AM	11:30:00 AM
12:00:00 PM	12:30:00 PM
1:00:00 PM	1:30:00 PM
2:00:00 PM	2:30:00 PM
3:00:00 PM	3:30:00 PM
4:00:00 PM	4:30:00 PM
5:00:00 PM	5:20:00 PM
5:40:00 PM	6:00:00 PM
6:30:00 PM	7:00:00 PM
7:30:00 PM	8:00:00 PM
8:30:00 PM	9:00:00 PM
9:30:00 PM	10:00:00 PM

LAMPIRAN B

Jumlah kutipan tambang feri (bukan warganegara) sepanjang tahun 2023

Kategori	Pejalan Kaki Dewasa	Pejalan Kaki Kanak-kanak (5-12 tahun)	Warga Emas / OKU	Motosikal	Basikal
Januari	29,910.00	461.40	Nil		
Februari	23,131.20	393.60	3.60		
Mac	23,696.40	397.80	1.20		
April	32,620.80	549.60	3.00		
Mei	24,438.00	309.00	3.00		
Jun	26,815.60	447.60	1.80		
Julai	30,907.20	650.40	2.40		
Ogos (1-6 Ogos)	5,674.80	99.60	Nil		
Ogos (7-31 Ogos)	PERCUMA	PERCUMA		PERCUMA	PERCUMA
September (1-6 Sep)	PERCUMA	PERCUMA		PERCUMA	PERCUMA
September (7-30 Sep)*	NIL	NIL		NIL	NIL
Oktober	NIL	NIL		NIL	NIL

Nota:

* Tambang baharu mula dikenakan pada 7 September 2023 untuk dua (2) hala dan transaksi menggunakan mod pembayaran tanpa tunai dan pas bulanan

11. Huraikan penanaman padi Pulau Pinang dari segi keluasan, jumlah pesawah dan hasil keluaran tahunan.
 - (a) Huraikan peratusan hasil keluaran padi yang dijadikan benih dan harga semasa.
 - (b) Senaraikan kilang beras dan jumlah pengeluaran tahunan.
 - (c) Huraikan masalah pengairan, penyakit, pencemaran air dan tanah lembut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Jumlah keluasan kawasan penanaman padi di Negeri Pulau Pinang adalah 12,105 hektar dengan jumlah pesawah seramai 5,262 orang.

Hasil keluaran tahunan dari tahun 2019 sehingga 2023 adalah seperti berikut:-

TAHUN	HASIL KELUARAN	HASIL KELUARAN TAHUNAN (matrik tan)
2019	5.012 tan/ha x 12,105ha x 2 musim	121,340.52
2020	5.0225 tan/ha x 12,105ha x 2 musim	121,594.725
2021	5.656 tan/ha x 12,105ha x 2 musim	136,931.76
TAHUN	HASIL KELUARAN	HASIL KELUARAN TAHUNAN (matrik tan)
2022	5.053 tan/ha x 12,105ha x 2 musim	122,333.13
2023	5.224 tan/ha x 12,105ha x 2 musim	126,473.04

- (a) Peratus hasil keluaran padi yang dijadikan benih ialah 6.52% iaitu 788.85 ha. Harga semasa stok benih padi adalah RM45.00/20kg.
- (b) Senarai kilang beras di Negeri Pulau Pinang dan jumlah pengeluaran tahunan adalah seperti berikut:-

BIL.	NAMA PELESEN	HASIL KISARAN BERAS (matrik tan)	
		TAHUN 2021	TAHUN 2022
1	Kim Thye Leong Rice Mill Sdn. Bhd	8,314.565	6,495.790
2	Choo Seng Rice Mill	2,678.500	2,490.500
3	Sin Guan Hup Oil & Rice Mill Sdn Bhd	8,668.050	6,870.990
4	Kilang Beras Bernas Paya Keladi	12,526.090	9,726.725
5	Ban Chin Hong Rice & Coconut Oil Millers Co Sdn Bhd	15,810.000	12,637.00
6	Hongseng Rice Mill Sdn Bhd	5,211.000	3,942.940
7	Ghee Seng Hong Rice Mill Sdn Bhd	1,087.490	901.990
8	Soon Bee Chan Rice Mill Sdn Bhd	16,591.570	15,702.270
9	Ban Chuan Seng Rice & Oil Mills Sdn Bhd	16,533.000	14,588.000
9	Kilang Beras Leong Guan Sdn Bhd	13,098.150	11,610.500
JUMLAH		100,518.415	86,966.705

- (c) Masalah pengairan, penyakit, pencemaran air dan tanah lembut adalah seperti berikut:-

BIL.	MASALAH PENGAIRAN	LANGKAH PENYELESAIAN	SKIM PENGAIRAN
1	Sumber air sawah daripada luar iaitu negeri bersebelahan di Kedah dan Perak. Keutamaan air masih kepada negeri pemilik sumber air tersebut.	Kajian Sumber Air sedang dilaksanakan oleh Bahagian Pengairan & Saliran Pertanian (BPSP).	<ol style="list-style-type: none"> 1. Skim Pengairan Sungai Muda; 2. Skim Pengairan Pinang Tunggal; 3. Skim Pengairan Sungai Jarak; 4. Skim Pengairan Sungai Kulim; dan 5. Skim Pengairan Sungai Acheh.
2	Musim kemarau yang panjang berikutan perubahan cuaca global.	Menambah kuantiti <i>tube well</i> (telaga air bumi) untuk membantu petani ketika musim kemarau.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Skim Pengairan Sungai Muda; 2. Skim Pengairan Pinang Tunggal; 3. Skim Pengairan Sungai Jarak; 4. Skim Pengairan Sungai Kulim; 5. Skim Pengairan Sungai Burung; dan 6. Skim Pengairan Sungai Acheh.
3	Pengambilan tanah yang belum selesai menyebabkan projek	Memulakan proses pengambilan balik lot-lot tanah yang tertinggal.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Skim Pengairan Sungai Muda;

BIL.	MASALAH PENGAIRAN	LANGKAH PENYELESAIAN	SKIM PENGAIRAN
	baharu sukar dilaksanakan.		<ol style="list-style-type: none"> 2. Skim Pengairan Pinang Tunggal; 3. Skim Pengairan Sungai Jarak; 4. Skim Pengairan Sungai Kulim; 5. Skim Pengairan Sungai Burung; dan 6. Skim Pengairan Sungai Acheh.
4	Kekerapan vandalisme dan struktur yang telah usang menyebabkan air lambat sampai ke petak sawah.	Memohon tambahan peruntukan duit penyelenggaraan dan pembangunan.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Skim Pengairan Sungai Muda; 2. Skim Pengairan Pinang Tunggal; 3. Skim Pengairan Sungai Jarak; 4. Skim Pengairan Sungai Kulim; 5. Skim Pengairan Sungai Burung; dan 6. Skim Pengairan Sungai Acheh.
5	Peruntukan yang diterima tidak mencukupi. Peruntukan sedia ada hanya dapat digunakan untuk menyelesaikan	Memohon peruntukan tambahan bagi tujuan penyelenggaraan dan pembangunan.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Skim Pengairan Sungai Muda; 2. Skim Pengairan Pinang Tunggal;

BIL.	MASALAH PENGAIRAN	LANGKAH PENYELESAIAN	SKIM PENGAIRAN
	aduan mengikut keutamaan.		3. Skim Pengairan Sungai Jarak; 4. Skim Pengairan Sungai Kulim; 5. Skim Pengairan Sungai Burung; dan 6. Skim Pengairan Sungai Aceh.

Sementara itu, bagi

BIL.	MASALAH PENYAKIT	LANGKAH PENYELESAIAN	SKIM PENGAIRAN
1	Tahun 2023 (musim utama 2022/2023) i. Bena perang (23.77ha); ii. Ulat pengorek batang (106.70ha); iii. Tikus (47.57ha); iv. Hawar bulir bakteria (3.17ha); v. Siput gondang <i>pomaceae</i> (25.82ha); vi. Ulat gulung daun (47.01ha); • vii. Hawar seludang (19.55ha); viii. Karah (1ha); dan ix. Kesing (12.95ha).	i. Pemantauan yang berkesan; ii. Amalan pertanian baik oleh pesawah; iii. Aktiviti pengembangan pertanian dipergiatkan; dan iv. Program kawalan kemerebakan penyakit.	1. Skim Pengairan Sungai Muda; 2. Skim Pengairan Pinang Tunggal; 3. Skim Pengairan Sungai Jarak; 4. Skim Pengairan Sungai Kulim; 5. Skim Pengairan Sungai Burung; dan 6. Skim Pengairan Sungai Aceh.

penyelesaian masalah tanah jerlus, pihak IADA akan melakukan kerja-kerja membina parit ladang, menambun lubang, membaiki batas, perataan dan pengapuran serta penggunaan mesin yang bersesuaian. Penggunaan *microgel* bagi memperbaiki hadapan tanah juga turut digunakan. Senarai kawasan yang mengalami masalah tanah jerlus di seluruh Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

BIL.	DAERAH	KAWASAN	KELUASAN (HA)	BILANGAN PETANI
1	SEBERANG PERAI UTARA	PERMATANG BINJAI	978	467
2		TELUK AIR TAWAR		
3		PERMATANG TOK GELAM		
4		PERMATANG TOK JAYA		
5		PEKAN DARAT		
6		GELUNG BUBU		
7		PERMATANG PAK MARAS		
8		PERMATANG KERIANG		
9		PASIR GEBU		
10		PERMATANG RAWA		
11		PERMATANG TOK LABU		
12		PERMATANG KUANG		
13	SEBERANG PERAI TENGAH	PERMATANG NIBONG	236	176
14		PADANG TEMUSU		
15		PERMATANG ARA		
16	SEBERANG PERAI SELATAN	JALAN BARU SUNGAI BAKAU	300	140
17		BATAS MENTERI		

BIL.				DAERAH	KAWASAN	KELUASAN (HA)	BILANGAN PETANI
BIL.	MASALAH PENCEMARAN AIR	LANGKAH PENYELESAIAN	SKIM PENGAIRAN				
1	Pencemaran air berlaku di kawasan Kelompok Padi Air Melintas dan Tok Bedu Tasek Gelugor dengan keluasan 188.00 hektar dan bilangan pesawah seramai 90 orang. Sisa kumbahan babi menyebabkan tumbesaran padi terbantut dan tercemar di Sungai Kreh.	Pihak Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Pulau Pinang telah membina rumah pam baru di kawasan yang jauh dari sumber pencemaran. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Seberang Perai Utara (SPU) pula telah membantu dalam pembinaan <i>weir</i> bagi menghalang air tercemar mengalir ke kawasan pam.	Skim Pengairan Sungai Jarak.		BATAS PINANG		
	18						
	19				SUNGAI TOK TUNTONG		
	20				BATU 3		
	21				BATU 4		
	22				PARIT KASA		
	23			BARAT DAYA	FASA 2	25	7
JUMLAH						1,539	790

12. Senaraikan program yang dilaksanakan oleh JPWK mengikut KADUN bagi tahun 2023.
 - (a) Senaraikan program yang telah dimuktamadkan oleh PWDC bagi tahun 2024.
 - (b) Huraikan 'success story' Sidang Wanita sejak diadakan.
 - (c) Huraikan bantuan PWDC dalam pembangunan usahawan wanita.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) memainkan peranan penting dalam pelaksanaan program serta aktiviti yang berteraskan peningkatan kesedaran, pembangunan dan pemerkasaan wanita dan keluarga. Program/aktiviti yang dilaksanakan menekankan aspek seperti hak wanita, kesihatan, kekeluargaan, keibubapaan, pembangunan kanak-kanak serta peluang penjana pendapatan. Perincian program yang dilaksanakan oleh JPWK bagi tahun 2023 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

- (a) Perincian program yang telah dirancang oleh Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) bagi tahun 2024 adalah seperti berikut:
 - (i) Pelaksanaan Pelan Tindakan Dasar Keterangkuman Gender di peringkat Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dengan tumpuan terhadap *Gender Responsive and Participatory Budgeting (GRP)* dan Pengurusan Gender Seimbang (*Gender Balanced Management*);
 - (ii) Pelaksanaan Dasar Keluarga Selamat yang digubal dan dilaksanakan untuk menangani masalah keganasan rumah tangga. *First Support Points* yang terdiri daripada jabatan/agensi kerajaan, Pusat Khidmat ADUN, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan pertubuhan agama telah ditubuhkan untuk menangani kes-kes keganasan rumah tangga. Pelbagai program kesedaran juga akan dijalankan untuk meningkatkan kesedaran rakyat negeri ini tentang gejala keganasan rumah tangga supaya negeri ini menjadi negeri yang selamat dan harmoni;
 - (iii) Sidang Wanita merupakan platform khas untuk golongan wanita di Negeri Pulau Pinang mengasah dan mengetengahkan bakat mereka dalam bidang kepimpinan terutamanya dalam arena politik;
 - (iv) Pembinaan usahawanan wanita melalui program *Penang Women Entrepreneur Mentoring Programme (PWEMP)* & Wanita Jana Rezeki (WJR) yang memberi fokus kepada pembangunan usahawan wanita termasuk ibu tunggal. Ianya dapat membantu wanita menjana pendapatan untuk keluarga dan secara langsung meringankan beban kewangan keluarga;
 - (v) Program "*Mother's Stay in the Workforce*" yang dirangka dengan rapi berlandaskan data dan kajian lepas untuk menyediakan pusat jagaan kanak-kanak bagi meningkatkan kadar tenaga buruh wanita. Objektif projek ini adalah memastikan golongan ibu mempunyai akses kepada perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang berkualiti terutamanya kanak-kanak yang berumur 4 tahun ke bawah. Projek ini terdiri daripada empat (4) domain iaitu Ketersediaan (*Availability*), Mampu Bayar (*Affordability*), Keselamatan (*Safety*) dan Kurikulum (*Curriculum*);
 - (vi) Kempen-Kempen Kesedaran peringkat Negeri Pulau Pinang iaitu Hari Wanita Sedunia yang bertujuan untuk meraikan sumbangan dan bakti wanita terhadap pembangunan negeri, Hari Keluarga demi menyahut Visi Penang 2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara serta meraikan keluarga di Pulau Pinang untuk terus selamat, cekal dan memupuk generasi baru untuk menjadi modal insan yang berguna, dan Program *Penang Goes Orange* dijalankan setiap tahun

untuk meningkatkan kesedaran serta mencari penyelesaian berkenaan jenayah keganasan terhadap wanita; dan

- (vii) Pelaksanaan Pelan Tindakan Bandar Mesra Usia, berlandaskan kerangka kerja *World Health Organisation*, dalam menyediakan persekitaran dan kemudahan yang mesra kepada setiap lapisan masyarakat dengan mengambil kira semua umur. Inisiatif ini adalah di bawah naungan Majlis Bandaraya Pulau Pinang.

- (b) Sidang Wanita yang dilaksanakan pada tahun 2023 merupakan edisi keempat dan penambahbaikan terhadap format dan pengisian program telah dilakukan setiap tahun bagi memenuhi keperluan semasa. Sehingga kini, seramai 623 wanita dilatih dengan asas kepimpinan, 120 wanita telah dilatih secara khusus tentang persidangan Dewan Undangan Negeri dan 40 orang wanita bakal dilatih pada persidangan yang dirancang diadakan pada 2 Disember 2023.

Antara kejayaan Sidang Wanita adalah seramai 44 orang peserta Sidang Wanita telah menjadi Calon Pilihanraya di Pulau Pinang dan Kedah. Salah seorang daripada mereka iaitu Yang Berhormat Puan Connie Tan Hooi Peng, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kawasan Seri Delima telah memenangi pilihanraya negeri yang diadakan pada 12 Ogos 2023. Selain itu, lapan (8) daripada sembilan (9) Ahli Majlis Wanita Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) kini merupakan peserta yang telah menyerta Sidang Wanita. Sehingga ini, seramai 12 orang alumni Sidang Wanita telah berjaya menjadi Ahli Majlis bagi MBPP dan MBSP.

- (c) Dalam usaha membangunkan usahawan wanita Pulau Pinang, PWDC telah melaksanakan dua (2) program iaitu:

- (i). *Penang Women Entrepreneur Mentoring Programme (PWEMP)*

Program ini merupakan sebuah program yang direka khusus untuk membantu usahawan wanita baharu atau yang ingin mengembangkan perniagaan untuk mendapat sokongan dan peluang perniagaan serta membina jaringan. Para mentor memberi bimbingan dan nasihat kepada usahawan wanita supaya peluang berjaya akan meningkat dan perniagaan dapat berjalan dengan lebih efisien dan efektif.

Peserta diberi peluang menyertai Karnival Keusahawanan yang memberikan pengalaman sebenar menjalankan perniagaan. Sehingga ini, jumlah penyertaan ialah seramai 293 mentee yang merangkumi pelbagai jenis perniagaan.

- (ii) Wanita Jana Rezeki (WJR) 4.0

WJR4.0 merupakan sebuah program untuk meningkatkan kapasiti usahawan wanita dalam pengeluaran produk yang mampan dalam pasaran semasa. Usahawan wanita dilengkapi dengan kursus-kursus kemahiran dalam bidang yang diterajui agar ilmu pengetahuan memenuhi keperluan pasaran masa kini. Program baharu ini telah berjaya menarik 21 orang pengusaha wanita baharu.

LAMPIRAN A

Senarai program yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) bagi tahun 2023

NO.	JPWK KADUN	NAMA PROJEK
1	Air Itam	<i>Air Itam Prosperity Tu Gather 2023 -Calligraphy and Colouring Contest</i>
2	Air Itam	Meraikan Rumah Terbuka Tahun Baru Cina 2023 KADUN Air Itam
3	Air Itam	Haria Mega Zumba Sempena Hari Wanita Sedunia 2023
4	Air Itam	<i>Swing That Racket with Chan Peng Soon Badminton Training Camp</i>
5	Air Itam	Pengedaran Bunga Carnation Kepada Wanita di Sekitar Air Itam dan Air Putih Sempena Hari Wanita 2023
6	Air Itam	<i>Women! This Is the Time! Let's Step Forward and We Make the Change!</i>
7	Air Itam	Pertandingan Mereka Cipta Sampul Duit Raya 2023
8	Air Itam	Biskut Raya Kasih Ramadan 2023
9	Air Itam	Program Kursus Keselamatan Asas serta Kesedaran CPR KADUN Air Putih dan Air Itam
10	Air Itam	<i>Free Talk: Know Your Child Through Dermatoglyphics Multiple Intelligence Test (DMIT)</i>
11	Air Itam	Pengedaran Towel dan <i>Handcream Pack</i> Kepada Ibu Bapa di Sekitar Pasar Air Itam Sempena Hari Ibu Bapa 2023
12	Air Itam	Kempen Pembaikan dan Penyelenggaraan Motorsikal Honda Secara Percuma Anjuran Pusat Khidmat ADUN Air Itam dan Air Putih Bersama Honda
13	Air Itam	<i>Program SME-Small Medium Entrepreneurs-Design with Canva</i>
14	Air Itam	<i>Program SME-Small Medium Entrepreneurs-Content Creation and Copy Writing</i>
15	Air Itam	Jom Singgah Air Itam
16	Air Itam	Pertandingan Gubahan Bunga di Program Jom Singgah Air Itam
17	Air Itam	<i>Program SME-Small Medium Entrepreneurs-Building From 0-1 Facebook Ads</i>
18	Air Itam	<i>Program SME-Small Medium Entrepreneurs-Building From 0-1 Tik-Tok Ads</i>
19	Air Itam	<i>Program SME-Small Medium Entrepreneurs-Google My Business</i> dan Majlis Penutupan Serta Penyampaian Sijil Penghargaan
20	Air Itam	<i>2023 Blood Donation Drive Campaign 3.0</i>
21	Air Itam	<i>Lantern Making Contest 2023</i>
22	Air Itam	<i>Pesta Tanglung KADUN Air Itam Tahun 2023 -Kids Autumn Carnival</i>
23	Air Itam	<i>2023 Air Itam Basketball Skills Camp</i>
24	Air Itam	<i>2023 Air Itam 3X3 Basketball Tournament</i>

NO.	JPWK KADUN	NAMA PROJEK
25	Air Putih	<i>2023 New Year Charity Fun Hike</i>
26	Air Putih	Rumah Terbuka Tahun Baru Cina ADUN Air Putih
27	Air Putih	<i>Earth Hour 2023 @Penang Hill</i>
28	Air Putih	Haria! Mega Zumba
29	Air Putih	Program Kursus Keselamatan Asas Serta Kesedaran CPR KADUN Air Putih dan Air Itam
30	Air Putih	Pertandingan Boling Tertutup Piala KADUN Air Putih 2023
31	Air Putih	<i>Mother's Day D.I.Y Lipstick Workshop</i>
32	Air Putih	<i>Mother's Day Appreciation High Tea</i>
33	Air Putih	<i>Family Day 2023</i>
34	Air Putih	<i>Soap Making Workshop</i>
35	Air Putih	Tanglung D.I.Y
36	Air Putih	Pesta Tanglung <i>Cum Voice of Air Putih</i>
37	Air Putih	<i>Self-Motivation Exploration Project</i>
38	Bagan Dalam	Kesedaran Pertolongan Cemas Dan Latihan CPR
39	Bagan Dalam	Program Haria Mega Zumba 2023
40	Bagan Dalam	Sambutan Hari Wanita Sedunia JPWK Bagan Dalam
41	Bagan Dalam	Sukaneka Hari Keluarga Penang 2023
42	Bagan Dalam	Program Kempen Wanita Bangkit
43	Bagan Jermal	Bengkel Tanglung D.I.Y Sempena Tahun Baharu Cina
44	Bagan Jermal	Zumba Dan Tabata Sempena Perayaan Chap Goh Meh
45	Bagan Jermal	Menonton Wayang di Pawagam Cineplex Bagi Keluarga B40
46	Bagan Jermal	Pertandingan Mewarna Sempena Perasmian Taman Trafik Bersama Sambutan Hari Wanita Sedunia
47	Bagan Jermal	Haria Mega Zumba Sambutan Wanita Sedunia 2023
48	Bagan Jermal	Program Gunting Rambut Amal untuk Pelajar Sekolah Rendah dan Menengah
49	Bagan Jermal	<i>Zumba And Tabata Sports for All at The Beach</i>
50	Bagan Jermal	Aktiviti Menunggang Basikal dan Bercerita Sempena Hari Buke Sedunia 2023
51	Bagan Jermal	<i>Zumba and Tabata Sport for All Sempena Hari Raya Aidilfitri</i>
52	Bagan Jermal	Zumba dan Tabata Sempena Hari Ibu Dan Bapa
53	Bagan Jermal	Wanita Bangkit
54	Batu Lancang	Haria Mega Zumba - 11 Mar 2023
55	Batu Lancang	Lipstick Making Workshop
56	Batu Lancang	<i>Coloring Contest</i>
57	Batu Lancang	<i>Chinese Brush Painting Class</i>
58	Batu Lancang	Kempen Derma Darah 2023
59	Batu Lancang	<i>Baking Workshop - Rainbow Yogurt Cheese</i>

NO.	JPWK KADUN	NAMA PROJEK
60	Batu Lancang	<i>Mother's Day Walkabout at KADUN Batu Lancang Wet Markets - 12 May 2023</i>
61	Batu Lancang	Prog Bawa Tumbler dan Bag Sendiri untuk Budak Sekolah (Golongan B40)
17. Terdapat tiga (3) kerja penaiktarafan yang dilaksanakan di Jalan Persekutuan FT001 dari tahun 2018 hingga 2023 seperti berikut:
- (i) Menaik taraf laluan FT001 dari persimpangan Permatang Keling (Sek.720) ke jambatan di atas Sg. Junjung, Simpang Ampat (Sek.740). Projek ini selesai dilaksanakan pada 24 Februari 2021;
 - (ii) Menaik taraf jalan dan persimpangan kepada empat (4) lorong dua hala di CH14,800 – 15,800 dan CH16,600 – 17,600 Fasa 5. Projek ini selesai dilaksanakan pada 26 Februari 2022; dan
 - (iii) Menaik taraf jambatan FT001/724/5 merentasi Sungai Kerian dan membina jambatan merentasi persimpangan Jalan Persekutuan ke Jalan Transkrian FT001/FT283 Fasa 6. Projek ini dijangka selesai pada 1 Ogos 2025.

Permohonan peruntukan bagi penaiktarafan jalan bagi Persimpangan Jalan Bukit Minyak ke Permatang Tinggi, JPJ Valdor ke Kompleks V3 Sungai Bakap dan Econsave Jawi hingga ke Persimpangan Tol Jawi telah dibuat oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP) dalam *Rolling Plan* Keempat Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP4 RMKe-12). Permohonan-permohonan ini kini sedang menunggu kelulusan dari pihak Kementerian Ekonomi.

18. Senaraikan kekosongan unit-unit RMM Jenis A dan B mengikut lokasi.
- (a) Huraikan senarai pemohon RMM dalam sistem Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP).
 - (b) Huraikan skim sewa beli rumah (RTO) oleh LPNPP.
 - (c) Huraikan RTO yang diperkenalkan oleh KPKT dan bantuan peruntukan kepada Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Terdapat sebanyak 245 unit RMM A dan RMM B di Pulau Pinang dilaporkan masih kosong. Perincian mengikut daerah dan kategori RMM adalah seperti **Jadual 1** berikut:

Daerah	RMM A	RMM B	JUMLAH
SPU	10	-	10
SPT	-	-	-
SPS	235	-	235
DTL	-	-	-
DBD	-	-	-
JUMLAH	245	-	245

Jadual 1: Perincian kekosongan unit RMM mengikut daerah dan kategori RMM.

- (a) Sehingga tarikh berakhir 23 Oktober 2023, rekod pemohon yang telah dikemas kini dan aktif dalam senarai menunggu adalah sebanyak 7,811 meliputi RMM A (1,835), RMM B (1,970) dan RMM C (4,006). Ini merupakan sebahagian

daripada keseluruhan rekod 43,154 senarai menunggu dengan pecahan RMM A (12,040), RMM B (15,084) dan RMM C (16,030). Pemohon yang tidak mengemas kini dalam Sistem Maklumat Perumahan (SMP) bagi tiga (3) tahun terakhir masih kekal dalam SMP, namun nama pemohon kekal sebagai *dormant* dan bertaraf tidak aktif.

- (b) Kerajaan Negeri yang sentiasa cakna kepada permasalahan rakyat dan telah mewujudkan Skim Sewa Beli (*Rent To Own - RTO*) bagi menangani masalah pinjaman perumahan melalui *Penang2030* di bawah Inisiatif Strategik A1T2: pembekalan 22,000 unit Sewa Beli. Skim RTO ini ditawarkan kepada pemohon yang layak mengikut syarat yang telah ditetapkan dan telah mendapat penolakan dari institut perbankan sekurang-kurangnya dua (2) kali. Pemohon akan ditawarkan terus untuk skim RTO dan seterusnya akan diikat dengan perjanjian sewa beli selama 15 ke 20 tahun. Setelah tamat tempoh tersebut dan bayaran penuh telah dibuat, unit tersebut akan dipindah milik kepada penyewa beli tersebut.
- (c) Di Pulau Pinang, skim RTO ini adalah proses tawaran yang diberikan di peringkat awalan dan terus dimuktamadkan dengan perjanjian sewa beli. Di peringkat KPKT pula, skim tersebut tidak ditawarkan di peringkat awalan. Pemohon akan diberikan unit sewaan terlebih dahulu dan diberikan tempoh percubaan selama dua (2) tahun sebelum penyewa tersebut layak diberikan pilihan untuk menukar unit sewa tersebut kepada skim RTO manakala tempoh skim RTO yang ditawarkan adalah antara 20 hingga 25 tahun.

KPKT melalui Pelan Rancangan Malaysia Ke-12 telah meluluskan dua (2) projek PPR di Pulau Pinang yang dapat membekalkan sekitar 1,000 unit PPR di Jelutong, daerah Timur Laut dan Pongsu Seribu, daerah Seberang Perai Utara. Unit PPR ini melalui persetujuan awalan akan ditawarkan dengan skim RTO. Ini akan meningkatkan jumlah penawaran unit bagi skim RTO di Pulau Pinang.

Lampiran A

**DATA PECAHAN RMM A, B DAN C YANG DIBINA PIHAK KERAJAAN DARI
TAHUN 2018 HINGGA 2023 DI DUN SUNGAI BAKAP**

Jenis RMM/Status	DALAM PERANCANGAN	SEDANG DIBINA	SIAP DIBINA	JUMLAH
RMM A	152	782	252	1,186
RMM B	0	0	334	334
RMM C	0	315	0	315
JUMLAH	152	1,097	586	1,835

**SENARAI PROJEK RMM A,B DAN C YANG SIAP DIBINA PIHAK KERAJAAN DARI
TAHUN 2018 HINGGA 2023 DI DUN SUNGAI BAKAP**

Bil.	Tahun	Projek	Pemaju	Status	Jenis RMM	Bil. Unit
1	2018	Taman Halaman Indah	UDA Properties Sdn Bhd	Lot-Lot 200, 448 Dan 449, Mukim 6, Jawi, Seberang Perai Selatan	A	211
2	2018	Taman Halaman Indah	UDA Properties Sdn Bhd	Lot-Lot 200, 448 Dan 449, Mukim 6, Jawi, Seberang Perai Selatan	B	249
3	2018	Panchor Residence	Panchor Residence Sdn Bhd	Lot PT873 hingga PT 1088 (Lot lama 542,591 dan 1867) Jalan Bukit Panchor, Mukim 7, SPS	B	85
4	2021	Taman Sejahtera Rakyat	PDC Properties Sdn. Bhd.	Siap	A	41
				JUMLAH		586

**SENARAI PROJEK RMM A,B DAN C YANG SEDANG DIBINA PIHAK KERAJAAN
DARI TAHUN 2018 HINGGA 2023 DI DUN SUNGAI BAKAP**

Bil.	Tahun	Projek	Pemaju	Status	Jenis RMM	Bil. Unit
1	2021	Bandar Tasik Mutiara B	Palmington Sdn. Bhd.	Di atas Lot No. 8746 dan Sebahagian Lot No. 2473 , Jalan Tasek Mutiara 8, Simpang Ampat , Mukim 15,	A	391
2	2021	Bandar Tasik Mutiara C	Palmington Sdn. Bhd.	Di atas Lot No. 8746 dan Sebahagian Lot No. 2494(Lot Lama No. 8747), Jalan Tasek Mutiara 8, Simpang Ampat , Mukim 15,	A	391
3	2020	Di Atas Lot 402,461,752, 753,754,899 dan 900, Mukim 5, SPS	Tetuan Asas Dunia Berhad	Lingkungan Semula SPC	C	315
				JUMLAH		1,097

**SENARAI PROJEK RMM A,B DAN C YANG DALAM PERANCANGAN PIHAK
KERAJAAN DARI TAHUN 2018 HINGGA 2023 DI DUN SUNGAI BAKAP**

Bil.	Tahun	Projek	Pemaju	Status	Jenis RMM	Bil. Unit
1	2022	Di Atas Lot 10609, Mukim 11, Jalan Nibong Tebal, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	Chen Yu Land Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	A	152
				JUMLAH		152

19. Senaraikan peserta-peserta TKPM Ara Kuda dan TKPM Juru.

- (a) Huraikan pencapaian dan hasil pengeluaran sejak pelancaran kedua-dua TKPM.
- (b) Huraikan Taman Agroteknologi Pertanian PERDA.
- (c) Huraikan status Pusat Pertanian Relau.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Senarai peserta Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Ara Kuda dan TKPM Juru adalah seperti berikut:-

Senarai Peserta TKPM Ara Kuda		
BIL.	NAMA SYARIKAT	KELUASAN(HEKTAR)
1	ZAITON BINTI MOHD YUSOP	2
2	TEOW AH BA @TEOW HAN WENG	2
3	RAHEMY BIN ABD. RAHIM	2
4	CHU WEI PENG	2
5	MUHAMAD ARIF BIN RAZALI	2
6	RAZALI BIN MUSA	2
7	MAHARAM BIN TAHIR	2
8	MOHD NOOR BIN ABD AZIZ	2
9	MUHAMMAD ZIYADI BIN IDRIS	2
10	MUHAMMAD BIN ABDULLAH	2
11	MOHD NOOR RAIS BIN HAJI AHMAD	2
12	MOHAMAD AMIN BIN MOHAMAD ZAKARIA	2
13	ASMIDA BINTI MOHAMAD	2
14	MAHARAM BIN MOHD TAHIR	4
15	MOHAMMAD KHAIRI BIN MOHD NOOR RAIS	2
16	JAMIL BIN AWANG KECHIK	2
17	TEOW CHUN TONG	2
18	CHU WEI CHONG	2
19	MOHD FADLI BIN ZAKARIA / MOHD FIKRI BIN ZAKARIA	2
20	TAN KOOI WENG	2
21	ROSLAN BIN ARSHAD	2
22	MOHD ZAKI BIN AHMAD	2
23	MOHD PAUZI BIN JUSOH	2
24	ASMAN BIN SAAD	2
25	MOHD HAIZUB.CHE HASSAN	10
26	MOHD NAZIMAN BIN MOHD NASIR	
27	KHAIRIZAM BIN AHMAD	2
28	ZULKIFLI BIN SHOHID	2
29	MUHD AFIROL AIZAD BIN KAMARUDIN	2
30	KAMARUDIN BIN BAHAROM	2
31	MOHAMAD ZAMRI BIN HARUN	2
32	MUHAMAD NURZAFI BIN RAMLI	2
JUMLAH		72

Senarai Peserta TKPM Juru (Batu Kawan Agropark)

BIL.	NAMA PENGUSAHA	KELUASAN (HEKTAR)
1	KHOR ENG CHUN	2.02
2	TANG SENG AIK	2.02
3	NASTANI ENTERPRISE	4.00
4	KP ASLI	3.16
5	YI SHENG TANI ENTERPRISE	3.37
6	LEE SEE HAI	3.76
7	ROSSLY BIN MOHD JOHARI	2.00

8	TAN AH BA @ TAN AH AU	1.72
9	ZOOL MOKHTAR ENTERPRISE	4.03
10	EKO AGRO BIOTECH SDN BHD	1.16
JUMLAH		27.24

(a) Hasil pengeluaran peserta TKPM Ara Kuda adalah seperti berikut:-

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	3895 MT	3446 MT
	RM4,305,600.00	RM4,579,125.85
2019	3895 MT	3601 MT
	RM4,305,600.00	RM4,974,178.49
2020	3896 MT	3260 MT
	RM4,409,625.00	RM4,857,018.00
2021	3896 MT	3034 MT
	RM4,409,610.00	RM4,482,316.60
2022	3896 MT	2997 MT
	RM4,409,610.00	RM4,740,819.40
2023 (SEHINGGA SEPTEMBER)	3900 MT	2487.43 MT
	RM4,000,000.00	RM3,911,960.94

Manakala, hasil pengeluaran peserta Batu Kawan Agropark (TKPM Juru) adalah seperti berikut:-

TAHUN	JENIS TANAMAN	PENGELUARAN (MT)	PENGELUARAN (RM)
2019	Nanas	224.25	448,500.00
	Cendawan	53.66	536,580.00
2020	Nanas	191.22	382,440.00
	Cendawan	53.71	537,120.00
2021	Nanas	179.40	358,800.50
	Cendawan	42.24	422,400.00
2022	Nanas	82.87	165,740.00
	Cendawan	35.88	358,800.50
2023	Nanas	12.00	24,000.00
	Cendawan	45.36	453,600.00

(b) Taman Agro Teknologi Pertanian PERDA seluas 147 ekar adalah tapak milik Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) yang sebelum ini disewa kepada pihak Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) untuk tujuan pertanian moden. Walau bagaimanapun projek ini tidak berjaya diteruskan dan terbengkalai. Pada tahun 2020, tapak tersebut telah diserahkan kepada Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang untuk tujuan disewakan kepada usahawan dan syarikat. Status semasa tapak merekodkan terdapat seramai 25 usahawan dan syarikat di tapak tersebut. Pada tahun 2021, memorandum persefahaman (MOU) di antara Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang bersama dengan pihak PERDA telah ditandatangani bagi tempoh 10 tahun untuk tanaman melon PERDA di Ladang Mayfield. Tujuan MOU ini adalah untuk pembangunan pertanian di tanah tersebut.

- (c) Sehingga kini, Pusat Pertanian Relau masih di peringkat pelaksanaan Pelan Terperinci *Senematic Plan* yang telah ditawarkan kepada Syarikat Artikel Urbanisma Sdn. Bhd. Pembangunan Projek Pusat Pertanian Relau telah diangkat ke peringkat Kerajaan Persekutuan melalui *Rolling Plan 4 (RP4) 2024* kepada pihak Kementerian Ekonomi oleh pihak Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) sebagai projek sambungan. NCIA bakal membangunkan Projek Sedusun Tech Valley yang merupakan kesinambungan daripada Pusat Pertanian Relau ini dengan peruntukan berjumlah RM50 juta.

Projek tersebut merupakan salah satu projek di bawah pembangunan 'Lembah Silikon Pertanian' di Pulau Pinang yang akan memfokuskan kepada industri pertanian pintar bagi meningkatkan hasil pertanian secara optimum. Projek ini akan dibangunkan dengan mengadaptasikan penggunaan teknologi dan bakal menjadi lokasi agroteknologi dan agropelancongan yang menarik. Pada tahun ini, peruntukan RM1 juta digunakan bertujuan untuk reka bentuk dan kemudian disusuli dengan proses perolehan secara tender pada tahun hadapan.

20. Huraikan Projek Agro Pelancongan Paya Terubong.
- (a) Adakah projek ini melibatkan hutan dan huraikan kaedah pelupusan pokok-pokok yang bakal ditebang?
- (b) Adakah projek ini melibatkan pembangunan perhotelan dan komersial?
- (c) Huraikan baki tanah bawah ketinggian 70 meter yang tidak dipajak sekiranya masih ada.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Projek Agro Pelancongan Paya Terubong merupakan projek *Request For Proposal* yang diiklankan pada 31 Mac 2022 sehingga 1 Ogos 2022.

Projek ini meliputi kawasan pembangunan seluas 407 ekar, secara pajakan untuk tempoh 45 tahun yang merangkumi cadangan pembangunan berkonsepkan agro pelancongan. Perjanjian RFP ini juga telah ditandatangani pada 14 September 2023 antara PDC dan petender berjaya iaitu KAT Resources Sdn. Bhd.

- (a) Projek ini melibatkan kawasan dengan purata ketinggian 120 meter sehingga 520 meter dan merupakan zon kawasan tanah bukit berdasarkan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030. Kaedah pelupusan yang akan digunakan oleh petender ke atas pokok yang akan ditebang akan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh agensi teknikal berkaitan dalam memastikan segala pelaksanaan projek mematuhi semua peruntukan perundangan dan garis panduan yang telah ditetapkan. Perkara ini juga dikawal dan dipantau sepenuhnya oleh PDC dan dinyatakan dengan jelas dalam perjanjian yang telah ditandatangani.
- (b) Pembangunan projek meliputi penginapan berkonsepkan *glamping* (aktiviti percutian berkonsep perkhemahan) dan *farm stay/ house* (rumah ladang) yang menggunakan struktur sementara.

Pembangunan komersial meliputi cadangan pembinaan *food & beverage*, bangunan *agriculture R&D facility*, *farmer market* dan aktiviti-aktiviti yang lain seperti *flying fox*, kolam memancing, *horse trail* dan *buggy/ bike trail*.

- (c) Tiada baki tanah milik PDC yang tidak dipajak bagi projek berkaitan.

21. Nyatakan jumlah penumpang bulanan bagi setiap laluan bas CAT.
- Huraikan kos pengoperasian dan peruntukan Kerajaan Negeri.
 - Huraikan jumlah pelajar di UOW Malaysia, KDU Penang Malaysia University College, The Ship Campus dan SMK Batu Kawan.
 - Adakah kerajaan berhasrat mengadakan laluan baru di Seberang Perai terutamanya Batu Kawan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Jumlah penumpang bagi setiap laluan bas CAT untuk tahun 2023 bermula Januari 2023 sehingga Oktober 2023 adalah seperti jadual di bawah:

Tahun 2023	CAT13 (Seberang Jaya- Bayan Lepas)	CAT14 (Bukit Mertajam - KOMTAR)
Jan	17,249	5,873
Feb	16,545	6,455
Mac	18,992	7,187
April	18,100	8,008
Mei	17,809	8,523
Jun	18,150	8,152
Julai	20,090	9,045
Ogos	19,933	9,974
Sept	20,579	9,746
Okt	21,474	10,880

- Kos pengoperasian dan peruntukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk CAT Bridge bagi tahun semasa adalah berjumlah RM4,380,000.00 dengan 15 buah bas yang beroperasi. Jumlah penumpang telah menunjukkan peningkatan sebanyak 40% pada bulan Oktober 2023 berbanding bulan Januari 2023.

- Jumlah pelajar adalah seperti berikut :

Institusi Pendidikan	Jumlah Pelajar
UOW Malaysia KDU Penang Malaysia University College	1659
The Ship Campus	450
SMK Batu Kawan	595

- Kerajaan Negeri pernah menyediakan perkhidmatan bas percuma sebanyak 12 laluan untuk setiap daerah di Pulau Pinang termasuk laluan Batu Kawan pada tahun 2018. Laluan Batu Kawan telah dilancarkan pada 6 Julai 2018. Sebanyak empat (4) buah bas telah disediakan bagi laluan Batu Kawan dengan 32 trip setiap hari.
- Walau bagaimanapun, pada tahun 2019 ketika pandemik Covid-19 melanda, perkhidmatan bas ini terpaksa dihentikan memandangkan permintaan penumpang yang sangat tidak memberangsangkan. Buat masa ini, Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk mengembalikan semula perkhidmatan bas percuma di laluan Batu Kawan.

22. Huraikan Agenda Negeri Pintar Pulau Pinang.
- (a) Huraikan status pelaksanaan infrastruktur digital.
 - (b) Adakah 'Penang Smart Delivery Unit' (PSDU) masih berfungsi?
 - (c) Nyatakan status dokumen *Penang Connection Master Plan*.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Pulau Pinang kini mengorak langkah ke arah pembentukan negeri pintar bertaraf antarabangsa menjelang tahun 2030, dengan tema '*Data is King, Talent is Everything*'. Berlandaskan kepada tema tersebut terhasillah dokumen Agenda Negeri Pintar Pulau Pinang. Agenda Negeri Pintar Pulau Pinang ini merupakan hasil daripada input, idea serta usahasama semua jabatan dan agensi kerajaan persekutuan, negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pihak berkepentingan. Kerjasama ini diselaraskan dan diterajui oleh Unit Pembangunan Bandar Pintar (UPBP) di Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Dokumen Agenda Negeri Pintar Pulau Pinang ini merupakan kompilasi inisiatif-inisiatif pintar yang telah dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang. Selain itu, dokumen ini turut menyediakan rangka kerja bagi pembangunan negeri pintar di Pulau Pinang dalam merealisasikan Visi Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Yang Menginspirasi Negara. Dokumen ini juga adalah selaras dengan hasrat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi melahirkan Bandar Pintar di Malaysia ketika pelancaran Kerangka Bandar Pintar Malaysia pada September 2018 dengan menekankan cabaran berhadapan dengan populasi besar penduduk di kawasan bandar terhadap agensi kerajaan.

Kini, Pulau Pinang telah menerajui peralihan teknologi dan infrastruktur ke arah sebuah negeri pintar bertaraf antarabangsa bagi menyokong ekonomi yang kukuh dan meningkatkan kualiti hidup rakyat. Dokumen Agenda Negeri Pintar Pulau Pinang menggariskan lima (5) domain yang terdiri daripada Kerajaan Pintar, Komuniti Pintar, Persekitaran Pintar, Mobiliti Pintar dan Ekonomi Pintar yang akan memacu negeri ke arah mencapai tahap pembangunan lestari selaras dengan Agenda Pembangunan Mampan (SDG), khususnya Agenda 11 yang bermatlamatkan "Menjadikan Bandar-Bandar dan Penempatan Manusia Lebih Inklusif, Selamat, Berdaya Tahan Dan Mampan". Seajar dengan perkembangan teknologi maklumat dan Revolusi Industri ke-4, perkhidmatan kepada rakyat perlu disampaikan dengan lebih cepat dan cekap dengan penggunaan teknologi yang berkonsepkan '*end to end*' berasaskan *Artificial Intelligence* (AI) dan *Internet of Things* (IoT). Oleh yang demikian, jabatan dan agensi Kerajaan Negeri harus cakna dengan penggunaan teknologi pintar bagi meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan terhadap kumpulan sasar masing-masing. Kerajaan Negeri amat menggalakkan pelaksanaan inisiatif pintar oleh pelbagai jabatan dan agensi melalui pengetahuan dan pendedahan yang diperolehi daripada simposium atau seminar berkaitan pembangunan bandar / negeri pintar yang disertai di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Agenda Negeri Pintar Pulau Pinang merupakan suatu dokumen yang memaparkan perancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadikan Negeri ini sebuah Negeri Pintar Bertaraf Antarabangsa menjelang tahun 2030 selaras dengan Visi Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Yang Menginspirasi Negara. Berikut merupakan pelan Tindakan Agenda Negeri Pintar Pulau Pinang:

- (i) Melaksanakan Hala Tuju Negara
- (ii) Menterjemah dasar-dasar diperingkat global, nasional dan negeri kepada pelan tindakan jangka panjang diperingkat tempatan
- (iii) Platform Kerjasama Dan Kolaborasi

- (iv) Menjalinkan kerjasama antara agensi, pihak berkepentingan dan pemain industri terutama berkaitan integrasi dan perkongsian data serta teknologi berkaitan smart solution
- (v) Meningkatkan Kualiti Hidup Penduduk
- (vi) Mengatasi isu dan cabaran perbandaran melalui penyelesaian smart solution dan penggunaan teknologi
- (vii) Menjimatkan Kos Jangka Panjang
- (viii) Mengurangkan kos pembangunan bagi pelaksanaan inisiatif bandar pintar jika dilaksanakan secara komprehensif
- (ix) Panduan dan Rujukan Utama Pelaksanaan Bandar Pintar
- (x) Menjadi panduan dan rujukan agensi pelaksana, pihak berkepentingan terutamanya kepada pihak PBT dalam merancang dan melaksanakan pembangunan bandar pintar
- (xi) Ke Arah Mencapai Bandar Pintar
- (xii) Mempercepatkan pelaksanaan agenda bandar pintar bagi mencapai manifestasi negara ke arah negeri pintar (smart nation) agar setanding dengan bandar bandar di peringkat antarabangsa.

Selain itu, dokumen ini mempunyai rangka garis masa pelan implementasi bagi mencapai hasil yang disasarkan berdasarkan penambahbaikan dan naik taraf program, dasar, urus tadbir dan infrastruktur digital yang boleh dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri dari tahun 2020 hingga 2030.

- (a) Status pelaksanaan infrastruktur digital di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

Rangkaian	Pencapaian semasa
4G	Sehingga suku ketiga 2023, peratusan liputan 4G adalah sebanyak 99.85% di kawasan berpenduduk. Sebanyak 116 struktur pemancar baharu telah siap dibina dan beroperasi serta sebanyak 2,044 pemancar sedia ada telah siap dinaik taraf ke rangkaian 4G.
5G	Sehingga suku ketiga 2023, peratusan liputan 4G adalah sebanyak 73.4% di kawasan berpenduduk. Sebanyak 316 struktur pemancar telah tersedia dengan rangkaian 5G daripada jumlah keseluruhan 469 lokasi oleh pihak Digital Nasional Berhad (DNB) di seluruh Negeri Pulau Pinang yang dijangka akan disiapkan menjelang penghujung tahun 2023.

- (b) *Penang Smart Delivery Unit* (PSDU) ditubuhkan pada 7 Jun 2017 di Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP) bagi menguruskan hal ehwal berkaitan dasar dan polisi Kerajaan Negeri berkaitan inisiatif Negeri Pintar di Negeri Pulau Pinang. Kini, PSDU telah dinamakan sebagai Unit Pembangunan Bandar Pintar (UPBP) dan diletakkan dibawah Seksyen Kesejahteraan Bandar dan Komuniti (SKBK) bagi memastikan pembangunan negeri pintar sejajar dengan kelestarian sejagat dan menangani isu-isu perbandaran di Pulau Pinang. Penubuhan UPBP ini adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Bil. 21/2017 pada 7 Jun 2017 dan disahkan pada 13 Jun 2017 dengan memberi mandat kepada UPBP mengetuai inisiatif Negeri Pintar di Pulau Pinang. Penubuhan UPBP terus diperkasakan melalui pelaksanaan inisiatif Negeri Pintar di Pulau Pinang dan diberikan tanggungjawab penting sebagai urusetia

Jawatankuasa Pemandu Negeri Pintar Pulau Pinang dan Jawatankuasa Teknikal Negeri Pintar Pulau Pinang.

UPBP bertanggungjawab untuk mengawal selia dan menyelaras urusan pelaksanaan dasar dan polisi Kerajaan Negeri berkaitan inisiatif-inisiatif Negeri Pintar. UPBP berperanan sebagai urusetia Jawatankuasa Pemandu Negeri Pintar Pulau Pinang dalam memastikan penetapan dasar dan polisi berkaitan inisiatif negeri pintar diangkat untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK), selain menilai dan mengesyorkan cadangan bagi penambahbaikan kepada inisiatif pintar dan memantau pelaksanaan inisiatif Negeri Pintar serta memastikan pelaksanaan inisiatif pintar di Pulau Pinang adalah selari dengan kehendak Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Selain itu, sebagai urusetia Jawatankuasa Teknikal Negeri Pintar Pulau Pinang, UPBP turut terlibat secara langsung untuk membincangkan, meneliti dan mengesyorkan sebarang cadangan daripada pelbagai pihak berkaitan cadangan pelaksanaan inisiatif Negeri Pintar di Pulau Pinang. UPBP juga menjadi platform perantara bagi pelbagai jabatan dan agensi yang melaksanakan inisiatif Negeri Pintar untuk membentangkan serta membincangkan inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan serta membantu memberikan input dalam menyiapkan dokumen Agenda Negeri Pintar Pulau Pinang.

Dalam mencapai hasrat untuk menjadi sebuah Negeri Pintar Bertaraf Antarabangsa selaras dengan Visi Penang 2030: *A Family-Focused, Green & Smart State that Inspires the Nation*, Kerajaan Negeri amat komited dalam membangunkan pelaksanaan inisiatif-inisiatif pintar di Negeri Pulau Pinang. Seperti semua sedia maklum, Negeri Pulau Pinang merupakan negeri yang mempunyai bilangan inisiatif pintar tertinggi di Malaysia iaitu sebanyak 113 inisiatif pintar dengan pecahan 51 inisiatif telah dilaksanakan, 38 inisiatif sedang dilaksanakan dan 24 lagi inisiatif sedang dalam perancangan. Kebanyakan usaha-usaha ini dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sendiri melalui peruntukan Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan *Private Funding Initiatives* (PFI). Mesyuarat Majlis Bandar Pintar Negara (MBPN) telah meluluskan cadangan Penarafan Bandar Pintar Malaysia sebagai sebahagian daripada pelaksanaan Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia 2019-2025. KPKT memaklumkan penarafan ini bertujuan mengiktiraf peranan PBT yang telah melaksanakan inisiatif Bandar Pintar berpandukan indikator dalam Malaysia Standard (MS) ISO 37 122:2019. Penarafan Bandar Pintar Malaysia terdiri daripada empat (4) tahap iaitu *Smart City Early Adopter*, *Developing Smart City*, *Leading Smart City* dan *Visionary Smart City*. Pada tahun 2023, penarafan dimulakan dengan tahap permulaan bandar pintar iaitu *Smart City Early Adopter*, *Developing Smart City*, *Leading Smart City* dan *Visionary Smart City*. Keberkesanan fungsi UPBP dapat dilihat apabila kedua-dua PBT di Pulau Pinang iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah berjaya mencapai taraf bandar pintar bagi Tahap 1 iaitu *Smart City Early Adopter* seperti yang telah diumumkan oleh Menteri Pembangunan dan Kerajaan Tempatan pada 9 November 2023 yang lalu.

UPBP juga telah menganggotai Malaysia Smart Cities Alliance Association (MSCA). MSCA merupakan platform yang telah ditubuhkan dan dilancarkan semasa World Urban Forum 9 pada 13 Februari 2018 dan didaftarkan di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS). MSCA merupakan satu (1) platform bagi membincangkan mengenai isu serta cabaran Pembangunan bandar pintar di Malaysia selain dapat mewujudkan peluang untuk membina rangkaian dalam kalangan pihak berkepentingan melalui pertukaran idea dan maklumat terkini mengenai pelaksanaan dan perkembangan bandar pintar.

Penang Urban Observatory Platform (PUOP) merupakan satu sistem pemantauan perbandaran di peringkat negeri yang mengintegrasikan pelbagai platform data analitik agar pengurusan data negeri lebih komprehensif, inklusif

dan berkesan bagi mencapai pembangunan mampan untuk kesejahteraan masyarakat. Sistem ini juga akan memantau trend perbandaran mampan di peringkat negeri terutamanya bagi aspek pengurusan sumber dan pembangunan negeri yang seimbang. UPBP terlibat secara langsung bagi memperincikan indikator Pembangunan Sistem PUOP.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga sedang dalam perancangan untuk menubuhkan *Penang Centre of Excellence* (Penang CoEx) yang akan menjadi sebuah pusat kecemerlangan dalam latihan, penyelidikan dan inovasi yang bertaraf dunia terutamanya dalam pembangunan bandar pintar di Pulau Pinang. Penubuhan Penang CoEx dijangka memberi tumpuan kepada perkhidmatan pengurusan dan penyelesaian bandar pintar, selain membantu membangun serta melengkapkan bakat tempatan dengan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya dalam norma baharu.

- (c) *Penang Connectivity Master Plan* (PCMP) merupakan satu inisiatif Kerajaan Negeri melalui Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) selaras dengan perancangan Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang diaspirasikan oleh Kerajaan Persekutuan telah dimulakan pada tahun 2019 bagi menambahbaik pembangunan infrastruktur komunikasi di Negeri Pulau Pinang. PCMP terbahagi kepada tiga (3) komponen utama iaitu pembangunan infrastruktur komunikasi yang melibatkan projek-projek fizikal di tapak, pengurusan tadbir urus yang melibatkan polisi, garis panduan serta jawatankuasa yang terlibat untuk proses pemantauan dan advokasi masyarakat yang memberikan penerangan secara tepat dan terperinci berkenaan projek infrastruktur komunikasi yang terlibat.

Pada masa kini, Kerajaan Negeri sedang menilai dan mengemaskini dokumen PCMP bersama dengan pemain industri komunikasi bagi sebarang cadangan perancangan projek-projek baharu di Negeri Pulau Pinang sehingga tahun 2030.

23. Nyatakan jadual pelaksanaan tebus guna untuk 'Silicon Island'.

- (a) Terangkan pelan konsep dan cadangan pemajuan di *Silicon Island*.
- (b) Huraikan model pembangunan dan kepentingan yang bakal diperolehi Kerajaan Negeri.
- (c) Nyatakan pihak yang bersetuju menerima bayaran 'ex-gratia' dan jadual pembayaran.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Penambakan *Silicon Island* iaitu Pulau A telah bermula pada 1 September 2023. Penambakan pulau berkeluasan 2,300 ekar tersebut dibahagikan kepada fasa pertama (1) yang berkeluasan 1,260 ekar dan fasa kedua (2) yang berkeluasan 1,040 ekar dan dijangka siap pada tahun 2032.

(a) Pelan induk *Silicon Island* adalah lanjutan daripada kawasan perindustrian bebas Bayan Lepas. Maka, pelan induk tersebut tertumpu pada aktiviti industri berteknologi tinggi di pembangunan taman perindustrian *Green Tech Park* (GTP). Selaras dengan Visi *Penang2030*, GTP direka bentuk untuk mengembangkan sektor Elektrik dan Elektronik (E&E) digital, *medical devices*, *Artificial Intelligence* (AI), robotik, perkhidmatan perniagaan global (GBS) dan sebagainya. Pembangunan yang berteraskan perindustrian akan disokong oleh pembangunan perumahan, komersial dan kemudahan awam, mempromosikan konsep "*live, work, play and learn*". Selain itu, reka bentuk dan perancangan *Silicon Island* juga mengutamakan kelestarian yang selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNSDGs), objektif pengalihan mod pengangkutan awam:persendirian dengan nisbah 70:30, pengurangan pengeluaran karbon, pemeliharaan dan pemuliharaan kepelbagaian biodiversiti dan lain-lain yang dirujuk dalam Polisi

Pembangunan Bandar (*Urban Development Policy*) *Silicon Island* untuk pelaksanaan dan penguatkuasaan.

(b) *Silicon Island* merupakan pembangunan strategik inklusif yang terdiri daripada kawasan perindustrian, komersial serta perumahan yang akan membawa perubahan kepada bahagian zon Selatan Pulau Pinang dan seterusnya menjana transformasi kepada Negeri Pulau Pinang secara keseluruhan. *Silicon Island* yang direkabentuk sebagai bandar pintar karbon rendah akan menaikkan taraf negeri Pulau Pinang sebagai negeri paling progresif dengan menekankan kepentingan konsep alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*Environmental, Social and Governance, “ESG”*) yang menjadi fokus industri antarabangsa. Di samping itu juga, tumpuan pembangunan kegiatan ekonomi melalui industri pembuatan dan perkhidmatan di *Silicon Island* akan mengukuhkan kedudukan negeri Pulau Pinang sebagai salah satu hab industri E&E bertaraf global. Mengikut kajian penilaian impak ekonomi pembangunan yang dijalankan oleh Deloitte Tax Services Sdn Bhd, projek *Silicon Island* dijangka akan menyumbangkan:

- (i) Impak Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak RM1.1 trilion;
- (ii) Jumlah pelaburan sebanyak RM74.7 bilion; dan
- (iii) 220,000 peluang pekerjaan melalui pelbagai sektor.

Model pembangunan adalah berdasarkan konsep penjualan tanah kepada pelabur.

(c) Untuk makluman, senarai nama nelayan yang digunakan untuk pendaftaran skim Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) adalah melalui pengesahan daripada Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang (DOF). Manakala, bagi proses pembayaran pula dibuat secara berkumpulan untuk membolehkan pihak Jabatan Perikanan menyemak perincian dokumen sokongan yang dikemukakan oleh nelayan-nelayan sebelum pembayaran diproses oleh Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya (PDTDBD) berdasarkan perincian jadual pembayaran seperti berikut:

Kategori Nelayan	Nilai Kuantum Yang Dipersetujui Oleh MMKN (RM)			
	Tahap 1 (Tier 1)		Tahap 2 (Tier 2)	
Tekong	20,000.00		13,200.00	
	Fasa 1 (75%)	Fasa 2 (25%)	Fasa 1 (75%)	Fasa 2 (25%)
	15,000.00	5,000.00	9,900.00	3,300.00
Awak-Awak	12,960.00		5,400.00	
	Fasa 1 (75%)	Fasa 2 (25%)	Fasa 1 (75%)	Fasa 2 (25%)
	9,720.00	3,240.00	4,050.00	1,350.00

Nelayan akan menerima *ex-gratia* secara dua peringkat bayaran, iaitu peringkat pertama sebanyak 75 peratus dan peringkat kedua sebanyak 25 peratus. Bagi nelayan yang telah mendaftar dengan SIMP, pembayaran 75 peratus telah bermula pada bulan September 2023 dan pembayaran diteruskan secara berfasa sehingga selesai. Pembayaran bagi baki 25 peratus dijadualkan untuk bermula pada suku pertama tahun 2024 dan dijangka selesai pada suku kedua tahun 2024.

Bagi nelayan kes istimewa yang tidak berdaftar bagi pakej SIMP Kerajaan Negeri yang dibuka pada tahun 2021 dan jika layak, pembayaran 75 peratus dijangka akan dibuat mulai hujung suku kedua tahun 2024 manakala baki 25 peratus akan dibayar pada penghujung tahun 2024. Walau bagaimanapun, keputusan pembayaran bagi kes istimewa ini akan diputuskan oleh Kerajaan Negeri dalam masa terdekat ini dengan pengumpulan data yang lengkap serta selepas mendapat pengesahan daripada agensi-agensi yang berkaitan.

Setakat 31 Oktober 2023, seramai 266 nelayan yang layak telah menerima pembayaran *ex-gratia* yang pertama sebanyak 75 peratus berdasarkan kategori masing-masing.

(Nota: Jumlah RM500.00 akan ditolak daripada jadual pembayaran fasa kedua (25 peratus) bagi nelayan-nelayan yang telah menerima bayaran *ex-gratia* sebanyak RM500.00 pada tahun 2021.)

24. Huraikan status terkini cadangan projek LRT.

- (a) Adakah projek PSI masih berhubung kait dengan pemajuan LRT?
- (b) Adakah projek LRT telah memperolehi kelulusan bertulis daripada Kementerian Pengangkutan dan kelulusan peruntukan dana daripada Kementerian Kewangan?
- (c) Apakah peranan MRT Corp dalam projek LRT Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Pada masa ini, pelaksanaan projek LRT sedang menunggu keputusan Kementerian Pengangkutan bagi memuktamadkan kaedah pelaksanaan dan perincian teknikal, iaitu dari segi jajaran dan lokasi stesenya. Tarikh permulaan pembinaan juga bergantung kepada keputusan pihak kementerian.

- (a) Susulan pengumuman YAB Perdana Menteri pada Mei tahun ini bahawa projek LRT di Pulau Pinang akan menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telahpun bersetuju dengan cadangan beliau untuk mengecilkan saiz pembangunan *Penang South Islands* (PSI) dari tiga pulau kepada satu pulau iaitu pelaksanaan untuk Pulau A.

Walaupun PSI tidak menjadi modal pembiayaan projek LRT, pembangunan tersebut masih berperanan penting dalam pertumbuhan ekonomi negeri. PSI berperanan menjamin perkembangan sektor pembuatan berteknologi tinggi dan memperkukuhkan kedudukan Pulau Pinang sebagai pengeluar Elektrik dan Elektronik (E&E) yang utama di rantau ini, selain mewujudkan ribuan pekerjaan yang berkualiti untuk rakyat.

- (b) Setakat ini, Kerajaan Negeri masih belum memperolehi kelulusan atau pemakluman bertulis berkenaan Projek LRT Pulau Pinang daripada Kementerian Pengangkutan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah mengadakan beberapa siri mesyuarat bersama Kementerian Pengangkutan dan direkodkan secara minit mesyuarat dan Kerajaan Persekutuan juga telah membuat pengumuman melalui Belanjawan 2024. Manakala bagi urusan surat-menyurat berkenaan kelulusan peruntukan dana pula akan dimaklumkan dan disalurkan terus kepada Kementerian Pengangkutan sebagai pemilik projek.
- (c) Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pengangkutan telah memutuskan MRT Corporation Sdn. Bhd yang merupakan anak syarikat kerajaan milik Kementerian Kewangan akan berperanan sebagai agensi pelaksana, pemilik aset serta operator yang akan melaksanakan projek LRT Pulau Pinang fasa 1 iaitu daripada Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang ke Penang Sentral melalui KOMTAR.

25. Huraikan jajaran, reka bentuk, kos dan jadual pelaksanaan projek pembinaan Jalan Pintasan Pakej 2.

- (a) Huraikan risiko ketidakstabilan sepanjang tapak binaan.
- (b) Nyatakan kerja-kerja pengukuhan cerun.
- (c) Apakah status Laluan Berkembar Pesisir Pantai Utara (Pakej 1) dan Jalan Pintasan Persiaran Gurney (Pakej 3)?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Projek Pakej 2 - Jalan Pintasan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Ayer Itam sepanjang 6 km merupakan salah satu komponen Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong di bawah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) yang melibatkan kos sebanyak RM851 juta. Reka bentuk jajaran Pakej 2 melibatkan pembinaan jejambat (*viaduct*), terowong, *Reinforced Earth Wall* dan tiga (3) persimpangan (*interchange*) di Lebuhraya Thean Teik, Kg. Kastam dan di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu. Setakat September 2023, status kemajuan di tapak adalah 31% berbanding jadual 48%. Kelewatan berpunca daripada isu-isu pengambilan balik tanah serta pelepasan tanah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan yang telah mengambil masa yang lama untuk diselesaikan. Jadual kemajuan ini akan diselaraskan balik setelah permohonan EOT dibuat.
- (a) Risiko ketidakstabilan cerun sepanjang tapak binaan adalah melibatkan batuan (*boulders*) yang berbahaya dan boleh menyebabkan kejadian tanah runtuh. Pihak kontraktor telah mengambil langkah awal dengan mengenalpasti kawasan-kawasan berisiko tinggi dan melaksanakan kerja-kerja mengeluarkan batuan-batuan yang berbahaya bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku di tapak.
 - (b) Kerja-kerja pengukuhan cerun yang dijalankan di tapak adalah seperti *soil nailing*, *rock bolt* dan *guniting* dengan menggunakan *cement screed*, *wire mesh* dan *hydroseeding*. Reka bentuk jajaran dengan konsep pembinaan *Reinforced Earth Wall* juga merupakan salah satu kaedah pengukuhan cerun yang lebih baik.
 - (c) Status terkini bagi Projek Pakej 1 - Lebuhraya Dari Tanjung Bungah Ke Teluk Bahang adalah Kerajaan Negeri kini dalam peringkat perbincangan antara pihak kontraktor dan *Independent Checking Engineer* (ICE) bagi memuktamadkan kos pembinaan projek ini. Buat masa ini, pihak kontraktor masih dalam tindakan penyediaan maklumat tambahan bagi menyokong cadangan kos pembinaan yang dikemukakan kepada Kerajaan Negeri. Kos pembinaan akan dimuktamadkan setelah semua maklumat yang dikemukakan memenuhi kehendak dan keperluan yang ditetapkan serta disahkan oleh pihak ICE.

Manakala bagi projek Pakej 3 - Lebuhraya Dari Persiaran Gurney Ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil.11/2022 pada 6 April 2022 dan disahkan pada 13 April 2022 bersetuju untuk menangguhkan pelaksanaan projek ini sehingga diputuskan kesesuaian masa pelaksanaannya. Penangguhan ini juga adalah disebabkan cadangan jajaran yang tidak bersesuaian dan melibatkan kesan impak sosial yang sangat tinggi.

26. Senaraikan pemilik dan lokasi TOL ternakan kerang sedia ada.
- (a) Huraikan status penstrukturan semula TOL kerang.
 - (b) Huraikan perkembangan Projek Kebun Kerang.
 - (c) Huraikan projek-projek pembinaan jeti pendaratan kerang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Senarai pemilik *Temporary Occupation License* (TOL) bagi Projek Kebun Kerang di Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A**, manakala lokasi projek sedia ada adalah terletak di kawasan berikut:
- (i) Daerah Seberang Perai Utara (SPU): sepanjang pantai dari Telok Air Tawar ke Kota Kuala Muda;
 - (ii) Daerah Seberang Perai Tengah (SPT): Kuala Juru, Sungai Semilang dan Sungai Belanak;

- (iii) Daerah Seberang Perai Selatan (SPS): Bukit Tambun, Changkat, Sungai Udang, Sungai Chenaam.
- (a) Penstrukturan semula *Temporary Occupation License* (TOL) kerang telah bermula pada tahun 2021 dan dilaksanakan dalam dua (2) fasa. Status Fasa 1 adalah telah selesai pemberian TOL kepada semua penternak manakala bagi Fasa 2 pula sedang dalam proses pemberian TOL oleh pihak Pejabat Tanah dan Daerah di daerah masing-masing.
- (b) Perkembangan Projek Kebun Kerang bagi Fasa 1 adalah positif dan terdapat hasil tuaian kerang dari lot-lot yang telah di struktur semula. Terdapat 13 lot baharu di Daerah Seberang Perai Utara (SPU), 21 lot di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) dan 16 lot di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT).

Terdapat dua (2) jeti pendaratan kerang baharu yang telah dibina di SPU dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri iaitu di Lahar Endin, Penaga dan di Teluk Air Tawar. Manakala bagi daerah SPS dan SPT menggunakan jeti pendaratan kerang yang sedia ada.

SENARAI NAMA PEMEGANG LPS TERNAKAN KERANG SEBERANG PERAI UTARA (FASA 1)

BIL	NAMA	LOT		MUKIM
1	ROSHIDAN BIN LONG (KETUA)	KPU 6	A	1
2	ABD MAJID BIN HAMZAH	KPU 6	B	1
3	MOHD FARIT BIN MOHD ZOKHE	KPU 6	C	1
4	AHMAD NIZAM BIN MAT ZAIN	KPU 6	D	1
5	NURUL YAQIN BIN MD SHAFFAR	KPU 6	E	1
6	MUHAMMAD FAZHIL BIN MD SUBHIE	KPU 6	F	1
7	NORAZMI BIN MD SHAFFAR	KPU 6	G	1
8	ZULKIFLI BIN AHMAD	KPU 6	H	1
9	ALIAS BIN OTHMAN (KETUA)	KPU 7	A	4
10	HAYATI BINTI SAARI	KPU 7	B	4
11	ARIZAN BIN RAMLI	KPU 7	C	4
12	ABDUL RAHMAN BIN MAT ISA	KPU 7	D	4
13	SA'AIDIN BIN ABDUL SAMAD	KPU 7	E	4
14	MOHD SHAFRIZAL BIN SAFARDEEN	KPU 7	F	4
15	MOHAMAD HELMI HUZAIMI BIN RAMLI	KPU 7	G	4
16	MOHAMAD NAZIM BIN YAHAYA	KPU 7	H	4
17	NOOR AZWAN BIN RAMLI (KETUA)	KPU 8	A	4
18	PENGGANTI FASA 2	KPU 8	B	4
19	MUHAMAD HUZAIFAH BIN CHE SULONG	KPU 8	C	4
20	PENGGANTI FASA 2	KPU 8	D	4
21	MUHAMMAD AZLAN BIN SAAD	KPU 8	E	4
22	NOOR AZIZAN BIN RAMLI	KPU 8	F	4
23	PENGGANTI FASA 2	KPU 8	G	4
24	PENGGANTI FASA 2	KPU 8	H	4
25	AHMAD FUAD BIN MOHAMMAD (KETUA)	KPU 9	A	4
26	MOHD KHALID BIN OTHMAN	KPU 9	B	4
27	NAZIM BIN ISMAIL	KPU 9	C	4
28	MOHD MUSTAQIM BIN OTHMAN	KPU 9	D	4
29	ROSLI BIN YUNUS	KPU 9	E	4
30	MUHAMAD FIRDAUS BIN OTHMAN	KPU 9	F	4
31	MUHAMAD ARIF BIN ROSLI	KPU 9	G	4
32	AHMAD FURQAN BIN MOHAMMAD	KPU 9	H	4
33	ZAINOL BIN KAMEH	KPU 10	A	4
34	ARIFIN BIN MAT	KPU 10	B	4
35	MOHD KHOZAINI BIN HUSIN	KPU 10	C	4
36	YAHAYA BIN MOHAMED ISMAIL	KPU 10	D	4
37	MOHAMAD ADARI BIN PAWAN CHIK	KPU 10	E	4
38	MOHAMAD ASRUL BIN MOHAMAD ASRI	KPU 10	F	4
39	MUHAMAD HANIZAM BIN ZAINOL	KPU 10	G	4
40	ABDUL JALAL BIN DARUS	KPU 10	H	4
41	AZLI BIN REJAB (KETUA)	KPU 11	A	4
42	SHAHRUL RIDZUAN BIN MUSA	KPU 11	B	4
43	MOHD AKHIR BIN SOPBEKI	KPU 11	C	4
44	MUHAMAD AZMAN BIN ALI	KPU 11	D	4
45	MOHAMAD SAIFUL BIN MOHAMAD YUSOP	KPU 11	E	4
46	MD SAAD BIN MEHAT	KPU 11	F	4
47	MOHD SALIM BIN ABDUL MUTALIB	KPU 11	G	4
48	MUHAMAD NASRI BIN DARUS	KPU 11	H	4
49	JAMIL BIN SHAFIE (KETUA)	KPU 12	A	4
50	MOHD NASIR BIN MOHD HARUN	KPU 12	B	4
51	AZZUYADI BIN ISMAIL	KPU 12	C	4
52	ABDULLAH BIN HASHIM	KPU 12	D	4
53	MUHAMMAD SAIFUL BIN JAMIL	KPU 12	E	4
54	ZAKARIA BIN DARUS	KPU 12	F	4
55	MUHAMMAD RIZUAN BIN JAMIL	KPU 12	G	4
56	MUHAMAD SAFWAN BIN PADZIL	KPU 12	H	4
57	ABDUL LATIF BIN TEHA (KETUA)	KPU 13	A	4
58	KHUSIN BIN ABDUL HAMID	KPU 13	B	4
59	MOHD KAMAL BIN NOORDIN	KPU 13	C	4
60	CHE AT BIN DARUS	KPU 13	D	4

BIL	NAMA	LOT		MUKIM
61	MOHD SHAHARUDIN BIN MD RODZEY	KPU 13	E	4
62	MUHAMAD KHAIRUL IKHWAN BIN ABDUL LATIF	KPU 13	F	4
63	MOHAMAD ZAIDI BIN IBRAHIM	KPU 13	G	4
64	PENGGANTI FASA 2	KPU 13	H	4
65	CHE AZIZ BIN ALI (KETUA)	KPU 14	A	4
66	MOHD FUAD BIN MAT NOOR	KPU 14	B	4
67	MAHADI BIN MD. RODZI	KPU 14	C	4
68	BASIR BIN JOHARI	KPU 14	D	4
69	ZAHIR BIN MOHAMED	KPU 14	E	4
70	SAZALI BIN ISMAIL	KPU 14	F	4
71	ABU BAKAR BIN MOHD NOOR	KPU 14	G	4
72	ROSLI BIN MD. RADZI	KPU 14	H	4
73	SYAMSUL RIZAL BIN ABDULLAH (KETUA)	KPU 15	A	4
74	MOHAMAD ZAIDI BIN AWANG MD ISA	KPU 15	B	4
75	NORHISHAM BIN AHMAD	KPU 15	C	4
76	MOHAMAD RAZI BIN AWANG MD ISA	KPU 15	D	4
77	KEFLI MOHAMAD BIN AHMAD	KPU 15	E	4
78	MUHAMAD ABBASHAH BIN JAMIL	KPU 15	F	4
79	AZLI BIN SAID	KPU 15	G	4
80	MOHAMAD NOOR BIN ISMAIL	KPU 15	H	4
81	MANSOR BIN OTHMAN (KETUA)	KPU 16	A	4
82	MOHD ZAINI BIN MD SAAD	KPU 16	B	4
83	MD FAIROS BIN SABDIN	KPU 16	C	4
84	MAZRI BIN OTHMAN	KPU 16	D	4
85	MAZNI BIN OTHMAN	KPU 16	E	4
86	MAZLAN BIN OTHMAN	KPU 16	F	4
87	AHMAD BIN SAID	KPU 16	G	4
88	ARIS BIN MD. ISA	KPU 16	H	4
89	MUHAMAD MUJAHID BIN MOHD RAFI	KPU 17	A	4
90	BAHRIN BIN ABDUL AZIZ	KPU 17	B	4
91	MOHAMAD ZAMRI BIN REJAB	KPU 17	C	4
92	MUHAMAD AL HAFIZ BIN MAZLAN	KPU 17	D	4
93	MOHAMAD IZZUAN BIN MOHD RADZI	KPU 17	E	4
94	MUHAMMAD LUTFI BIN ABDULLAH	KPU 17	F	4
95	MOHD MASRI BIN ABD HAMID	KPU 17	G	4
96	MOHAMAD ZULKIFLI BIN AZIZ	KPU 17	H	4
97	MAZLAN BIN ABDUL (KETUA)	KPU 18	A	4
98	MOHD RUSLI BIN HASSAN	KPU 18	B	4
99	HUSAINI BIN YOUP	KPU 18	C	4
100	MOHAMMAD FADZLY SHAH BIN MAZLAN	KPU 18	D	4
101	MOHAMMAD HAFIZI BIN MAZLAN	KPU 18	E	4
102	ABDULLAH BIN MAT SAAD	KPU 18	F	4
103	ZAINUDIN BIN YOUP	KPU 18	G	4
104	MOHAMAD SHAFIZAL BIN MOHAMAD NOOR	KPU 18	H	4

27. Huraikan garis panduan penyediaan tapak RIBI di MBPP dan MBSP.
- (a) Senaraikan pemohon yang berjaya menerima tawaran tapak RIBI sejak tahun 2018.
 - (b) Senaraikan baki lokasi tapak RIBI di MBPP dan MBSP.
 - (c) Senaraikan RIBI yang menerima dana daripada Tabung Amanah RIBI sejak tahun 2018.

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Mengikut Garis Panduan Untuk Penyediaan Kemudahan Masyarakat Di Kawasan Pemajuan Perumahan Baru yang diguna pakai oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada 14.12.1989 (pindaan terkini 15.12.2017), Tapak Lain-Lain Ibadat (RIBI) adalah sebahagian keperluan kemudahan masyarakat yang perlu disediakan oleh pemaju sebagai syarat pematuhan Permohonan Kebenaran Merancang bagi semua skim perumahan yang dikemukakan kepada MBPP.

Selain daripada Tapak RIBI, lain-lain tapak kemudahan masyarakat antaranya kawasan lapang, pusat masyarakat/dewan, surau dan tapak penjaja/pasar turut perlu disediakan dalam Permohonan Kebenaran Merancang setiap skim perumahan.

Piawaian perancangan bagi Tapak RIBI adalah pada kadar 0.10 meter persegi tanah bagi setiap penduduk. Oleh yang demikian, cadangan Tapak RIBI dikira berdasarkan cadangan unit perumahan yang dikemukakan oleh pemaju untuk kegunaan penduduk skim tersebut.

Garis panduan penyediaan tapak RIBI di Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) adalah merujuk kepada dasar Rancangan Struktur Negeri iaitu 0.10 meter persegi/orang di mana setiap pembangunan perumahan perlu menyediakan tapak RIBI mengikut garis panduan tersebut.

- (a) Senarai pemohon yang menerima tapak-tapak RIBI Milik MBPP dan MBSP adalah seperti perincian di **LAMPIRAN A**.
- (b) Senarai baki lokasi tapak RIBI di MBPP dan MBSP yang belum dipajak adalah seperti perincian di **LAMPIRAN B**.
- (c) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui peruntukan Tabung Amanah RIBI telah menyalurkan sebanyak **RM8,678,928.12** kepada RIBI dari tahun 2018 hingga kini. Senarai RIBI yang telah menerima dana tersebut adalah seperti perincian di **LAMPIRAN C**.

LAMPIRAN A

**SENARAI PEMOHON YANG MENERIMA TAPAK-TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (RIBI)
MILIK MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP) DARI TAHUN 2018 SEHINGGA 31
OKTOBER 2023**

Bil.	KEDUDUKAN / LOKASI	NO LOT	DAERAH	PEMOHON
1	Lengkok Lumba Kuda	2136	Timur Laut	Disewakan Sebagai Pejabat JKKK Lumba Kuda
2	Lebuhraya Thean Teik	4811	Timur Laut	United Hokkien Cemeteries
3	Lintang Delima 14	4844	Timur Laut	Persatuan Penganut Dewa Tua Pek Kong Yew Bee Estate Island Glades Pulau Pinang
4	Solok Thean Teik 2	10098	Timur Laut	Persatuan Meditasi Aathi Sakthi Periyachi Ambigai
Bil.	No Lot/PT/ Lokasi LPS	Mukim	Daerah	Nama Pemegang LPS	No. K/P:	Tempoh LPS (Tarikh Tamat LPS)	KELUASAN (MP)
				BHD.			
98	PLOT 205	10	S.P.S	SYARIKAT STL CENTURY AQUACULTURE SDN. BHD.	-	31 DISEMBER 2021 - 2024	6,000
99	PLOT 235	10	S.P.S	HAI SON FISHERY SDN. BHD.	1024302-K	31 DISEMBER 2021 - 2024	4,000
100	PLOT 123	10	S.P.S	LIM KAI SENG	711126-07- 5253	31 DISEMBER 2019 - 2022	2,000
101	PLOT 251	10	S.P.S	KHOO KWANG CHOON	750828-07- 5161	31 DISEMBER 2019 - 2022	1,000
102	PLOT 180	10	S.P.S	TEOH TIANG MENG	770615-07- 6097	31 DISEMBER 2021 - 2024	8,000
103	PLOT 275	10	S.P.S	TY FARM & TRADING SDN. BHD.	1247457-V	31 DISEMBER 2019 - 2022	8,000
104	PLOT 273	10	S.P.S	CH'NG HUNG PING	890318-07- 5027	31 DISEMBER 2019 - 2022	3,000
105	PLOT 200 i	10	S.P.S	KHOR JE SON	851203-07- 5017	31 DISEMBER 2019 - 2022	1,500
106	PLOT 200 ii	10	S.P.S	KHOR WEI PING	861024-35- 5469	31 DISEMBER 2021 - 2024	3,000
107	PLOT 190	10	S.P.S	KHOR TIANG HWA	640325-07- 5947	31 DISEMBER 2020 - 2023	5,000
108	PLOT 269	10	S.P.S	SIN HUP CHUAN FISH FARM SDN. BHD.	1100414-A	31 DISEMBER 2022 - 2025	8,000
109	PLOT 16	10	S.P.S	CHAN YAW TING	511027-08- 5177	31 DISEMBER 2021 - 2024	8,000
110	PLOT 48	10	S.P.S	HENG YOKE TEE	420629-71- 5099	31 DISEMBER 2021 - 2024	4,000
111	PLOT 219(2)	10	S.P.S	PHEH WEI JIAN	911215-07- 5067	31 DISEMBER 2022 - 2025	900
112	PLOT 280	10	S.P.S	PHEH SAI TIT	670218-07- 5447	31 DISEMBER 2022 - 2025	4,000
113	PLOT 54	13	S.P.S	ASRUL RIDAUS BIN REFIN	910524-07- 5795	31 DISEMBER 2021 - 2024	1,000
114	PLOT 9	13	S.P.S	TAN BOON THONG	740411-07- 5247	31 DISEMBER 2022 - 2025	7,000
115	PLOT 31	13	S.P.S	AZMAN BIN AHMAT	670326-07- 5399	31 DISEMBER 2022 - 2025	3,000
116	PLOT 34	13	S.P.S	GO CHENG HOE	620713-07- 5019	31 DISEMBER 2020 - 2023	6,000
117	PLOT 34(i)	13	S.P.S	GO CHENG HOE	620713-07- 5019	31 DISEMBER 2020 - 2023	6,000
118	PLOT 34(ii)	13	S.P.S	GO ZHI HAO	891129-07- 5161	31 DISEMBER 2020 - 2023	3,000
119	PLOT 33	13	S.P.S	ONG BENG SOON	490320-07- 5111	31 DISEMBER 2021 - 2024	3,000
120	PLOT 6	13	S.P.S	TAN KHENG CHOON	640125-07- 5387	31 DISEMBER 2019 - 2022	4,000

Bil.	No Lot/PT/ Lokasi LPS	Mukim	Daerah	Nama Pemegang LPS	No. K/P:	Tempoh LPS (Tarikh Tamat LPS)	KELUASAN (MP)
121	PLOT 44	13	S.P.S	HENG SENG CHEW	721025-07- 5085	31 DISEMBER 2021 - 2024	8,000
122	PLOT 47	13	S.P.S	TAN CHOOI FUNG	780516-07- 5338	31 DISEMBER 2021 - 2024	8,000
123	PLOT 52	13	S.P.S	YUNIZAM BIN RAMLI	750802-02- 6257	31 DISEMBER 2020 - 2023	1,000
124	PLOT 14	13	S.P.S	MNPA ADVENTURE ENTERPRISE	PG 0225716-P	31 DISEMBER 2020 - 2023	2,000
125	PLOT 53	13	S.P.S	MUHAMMAD RIDUAN BIN YAACOB	970816-07- 5097	31 DISEMBER 2020 - 2023	1,000
126	PLOT 8	13	S.P.S	TAN KIAN HUAT	531215-07- 5353	31 DISEMBER 2020 - 2023	5,000
127	PLOT 30	13	S.P.S	SOLID TAT FISH FARM	177094-A	31 DISEMBER 2020 - 2023	5,000
128	PLOT 49	13	S.P.S	SUPREME NEPTUNE AQUACULTURE SDN. BHD.	1022311-U	31 DISEMBER 2020 - 2023	8,000
129	PLOT 45	13	S.P.S	HENG SENG HARP	790407-07- 5557	31 DISEMBER 2021 - 2024	8,000
130	PLOT 29	13	S.P.S	KUAH ANG MING	551023-07- 5189	31 DISEMBER 2021 - 2024	8,000
131	PLOT 43	13	S.P.S	ONG BENG TEAK	700521-07- 5639	31 DISEMBER 2022 – 2025	5,000
132	PLOT 12	13	S.P.S	TAN BOON LENG	721008-07- 5235	31 DISEMBER 2020 - 2023	7,000
133	PLOT 56	13	S.P.S	MOHAMAD KHAIRI BIN ISMAIL	730726-07- 5007	31 DISEMBER 2022 – 2025	1,000
134	PLOT 28	13	S.P.S	LEE SEONG CHIUN	750319-07- 5585	31 DISEMBER 2022 – 2025	3,000
135	PLOT 38	13	S.P.S	TAN HI SENG	580402-07- 5157	31 DISEMBER 2020 - 2023	3,000
136	PLOT 20(i)	13	S.P.S	KIM TAU AQUACULTURE SDN. BHD.	1042587-K	31 DISEMBER 2020 - 2023	2,000
137	PLOT 20	13	S.P.S	KIM TAU AQUACULTURE SDN. BHD.	1042587-K	31 DISEMBER 2020 - 2023	8,000

**SENARAI PEMILIK LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (LPS)
TERNAKAN SANGKAR IKAN, DI DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG**

BIL	PEMEGANG LPS TERNAKAN IKAN DALAM SANGKAR DI DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG	
	Nama Pemegang LPS	Lokasi
1	J Ocean World Aquaculture Sdn Bhd	Petak 2 Perairan Batu Maung, Mukim 12
2	Tan Hong Loon	Perairan Batu Maung, Mukim 12
3	Chin Guan Fish Industry Sdn. Bhd.	Perairan Batu Maung, Mukim 12
4	Teoh Lay Suan	Petak 9 Perairan Batu Maung, Mukim 12
5	Foo Nyok Leong	Bersebelahan Lot 745, Mukim 12
6	Tang Chin Boon	Perairan Batu Maung, Mukim 12
7	Ong Ah Ba @ Ong Kok Heong	Petak 2 berhampiran Lot 14820, Mukim 12
8	HLY Ocean Aquaculture Sdn. Bhd.	Perairan Batu Maung, Mukim 12

**SENARAI PEMILIK LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (LPS)
TERNAKAN SANGKAR IKAN, DI DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG**

BIL	NAMA PEMEGANG LPS	TEMPAT (LOKASI) YANG DIPOHON	KELUASAN
1	TEOH LAY SUAN	PETAK T13, PERAIRAN PULAU JEREJAK, MUKIM 13, DTL, P.PINANG	6,000 MP (64,583.46 KP)
2	OCEANIC AQUACULTURE VENTURE SDN. BHD.	PETAK T17, PERAIRAN PULAU JEREJAK, MUKIM 13, DTL, PULAU PINANG	4,000 MP (43,055.64 KP)
3	YC AQUACULTURE SDN. BHD.	PETAK S6, PERAIRAN PULAU JEREJAK, MUKIM 13, DTL, PULAU PINANG	8,000 MP (86,111.28 KP)
4	PENFISH AQUACULTURE SDN. BHD.	PETAK U19, PERAIRAN PULAU JEREJAK	5,000 MP (53,819.55 KP)
5	PENSHRIMP FISHERY SDN. BHD.	PERAIRAN PULAU JEREJAK	6,039 MP (65,000 KP)
6	AQUA FISH FARM SDN BHD	PETAK T3, PERAIRAN PULAU JEREJAK	8,000 MP (86,111.28 KP)
7	LOON GLOBAL MARINE SDN. BHD.	PETAK U3, PERAIRAN PULAU JEREJAK	8,000 MP (1.98 EKAR)
8	LIM HOOI CHAI	PETAK U15, PERAIRAN PULAU JEREJAK	8,000 MP (1.976843 EKAR)
9	PENAGA AQUA SDN BHD	PETAK U2, PERAIRAN PULAU JEREJAK	8,000 MP (86,111.28 KP)
10	OCEANIC PRODUCTS SDN. BHD.	PETAK T17(i), PERAIRAN PULAU JEREJAK, MUKIM 13, DTL, PULAU PINANG	5,000 MP (53,819.55 KP)
11	OMEGA FISH SDN BHD	PETAK T16, PERAIRAN PULAU JEREJAK, MUKIM 13, DTL, P.PINANG	7,000 MP (75,347.37)
12	LOON GLOBAL MARINE SDN. BHD.	PETAK U22, PERAIRAN PULAU JEREJAK	5,000 MP (53,819.55 KP)
13	LENG CHING KIAM	PETAK T10, PERAIRAN PULAU JEREJAK	8,000 MP (86,111.28 KP)
14	LENG CHING KIAM	PETAK T20, PERAIRAN PULAU JEREJAK	5,000 MP (53,819.55 KP)

BIL	NAMA PEMEGANG LPS	TEMPAT (LOKASI) YANG DIPOHON	KELUASAN
15	JADE GOLDHILL SDN BHD	PETAK U7, PERAIRAN PULAU JEREJAK	2,400 MP (25,833.39 KP)
16	JADE GOLDHILL SDN BHD	PETAK U8, PERAIRAN PULAU JEREJAK	2,400 MP (25,833.39 KP)
17	OGW AQUATIC SDN BHD	PETAK T11, PERAIRAN PULAU JEREJAK	8,000 MP (86,111.28 KP)
18	OCEANIC PRODUCTS SDN. BHD.	PETAK T2, PERAIRAN PULAU JEREJAK, MUKIM 13, DTL, PULAU PINANG	8,000 MP (86,111.28 KP)
19	OCEAN EXPERT SDN BHD	PETAK T18, PERAIRAN PULAU JEREJAK, MUKIM 13, DTL, PULAU PINANG	8,000 MP (86,111.28 KP)
20	MOHAMED GANY BIN MOHD IBRAHIM	PETAK T6, PERAIRAN PULAU JEREJAK, MUKIM 13, DTL, PULAU PINANG	5,000 MP (53,819.55 KP)
21	YING LI FISHTECH SDN BHD	PETAK U6, PERAIRAN PULAU JEREJAK, MUKIM 13, DTL, PULAU PINANG	2,400 MP (25,833.38 KP)
22	LIM HOOI CHAI	PETAK U1, PERAIRAN PULAU JEREJAK, MUKIM 13, DTL, PULAU PINANG	8,000 MP (86,111.28 KP)
23	WHITE AQUACULTURE SDN BHD	PETAK U14, PERAIRAN PULAU JEREJAK, MUKIM 13, DTL, PULAU PINANG	8,000 MP (86,111.28 KP)
24	CHUEN SHIN AQUACULTURE SDN.BHD	PETAK U12, PERAIRAN PULAU JEREJAK, MUKIM 13, DTL, PULAU PINANG	8,000 MP (86,111.28 KP)
25	GABUNGAN ASIA SDN.BHD	PETAK U23, PERAIRAN PULAU JEREJAK, MUKIM 13, DTL, PULAU PINANG	8,000 MP (86,111.28 KP)
26	TAN HONG LOON	PETAK U5, PERAIRAN PULAU JEREJAK, MUKIM 13, DTL, PULAU PINANG	8,000 MP (86,111.28 KP)
27	TYE SIET CHOO	PETAK U4, PERAIRAN PULAU JEREJAK, MUKIM 13, DTL, PULAU PINANG	8,000 MP (86,111.28 KP)
28	MIYA SEVEN SEAS SDN BHD	PETAK T14, PERAIRAN PULAU JEREJAK, MUKIM 13, DTL, PULAU PINANG	5,000 MP (53,819.55 KP)
29	CHUEN SHIN AQUACULTURE SDN.BHD	PETAK U13, PERAIRAN PULAU JEREJAK, MUKIM 13, DTL, PULAU PINANG	8000 MP (86,111.28 KP)

BIL	NAMA PEMEGANG LPS	TEMPAT (LOKASI) YANG DIPOHON	KELUASAN
30	CHONG THIAN SEONG	PETAK T19, PERAIRAN PULAU JEREJAK, MUKIM 13, DTL, P.PINANG	8,000 MP (86,111.28 KP)
31	OCEANIC AQUACULTURE VENTURE SDN. BHD.	PETAK T12, PERAIRAN PULAU JEREJAK, MUKIM 13, DTL, P.PINANG	8000 MP (86,111.28 KP)
32	ONE AQUACULTURESDN. BHD.	PETAK S2, PERAIRAN PULAU JEREJAK, MUKIM 13, DTL, P.PINANG	8,000 MP (86,111.28 KP)
33	ONG SIEW SEE	PETAK U9, PERAIRAN PULAU JEREJAK, MUKIM 13, DTL, P.PINANG	8,000 MP (86,111.28 KP)
34	TAN LIANG WOEI	PETAK S8, PERAIRAN PULAU JEREJAK, MUKIM 13, DTL, P.PINANG	3,105 MP (33,421.94 KP)
35	YC AQUACULTURESDN. BHD.	PETAK S7, PERAIRAN PULAU JEREJAK, MUKIM 13, DTL,P.PINANG	8,000 MP (86,111.28 KP)
36	TAN KIAN HUAT	PETAK S10, PERAIRAN PULAU JEREJAK, MUKIM 13, DTL,P.PINANG	8,000 MP (86,111.28 KP)
37	TAN KIAN HUAT	PETAK S1, PERAIRAN PULAU JEREJAK, MUKIM 13, DTL,P.PINANG	5,000 MP (53,819.55 KP)
38	PRO ACTIVE MARINESDN BHD	PETAK S9, PERAIRAN PULAU JEREJAK, MUKIM 13, DTL,P.PINANG	7,000 MP (75,347.37)
39	PRO ACTIVE MARINESDN BHD	PETAK S3, PERAIRAN PULAU JEREJAK, MUKIM 13, DTL,P.PINANG	3,200 MP (34,444.51 KP)
40	CHONG THIAN SEONG	PETAK T7, PERAIRAN PULAU JEREJAK, MUKIM 13, DTL, P.PINANG	8,000 MP (86,111.28 KP)
41	PENSHRIMP FISHERY SDN. BHD.	PETAK S12, PERAIRAN PULAU JEREJAK, MUKIM 13	8,000 MP (86,111.28 KP)
42	LIGHT BLUE AQUACULTURE SDN. BHD.	PETAK U20, PERAIRAN PULAU JEREJAK, MUKIM 13	8,000 MP (86,111.28 KP)

X. Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Chee Yeeh Keen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Apakah langkah yang akan diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk menangani masalah lepak di taman rekreasi sehingga lewat malam yang kadang-kadang menyebabkan kacau ganggu kepada penduduk sekitar?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sememangnya memandang serius berhubung isu lepak di taman rekreasi yang boleh menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk sekitar terutamanya pada waktu lewat malam.

Sehubungan itu, PBT bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan menjalankan pemeriksaan dan pemantauan serta mengambil tindakan undang-undang sekiranya perlu jika terdapat aduan kacau ganggu kepada penduduk sekitar di kawasan taman-taman rekreasi.

Selain itu, pihak PBT juga telah mengambil beberapa inisiatif bagi membendung isu lepak ini seperti berikut:

- (i) Membuat pemasangan papan tanda pemberitahuan dan larangan aktiviti;
- (ii) Menyediakan poster kepada orang awam berkenaan larangan aktiviti; dan
- (iii) Membuat hebahan pemakluman tempoh masa penggunaan Taman Rekreasi Awam.

2. Adakah Kerajaan Negeri atau melalui Kerajaan Persekutuan mempunyai perancangan untuk melebarkan jambatan sedia ada di Ampang Jajar yang menghubungkan kedua-dua sempadan antara Bagan dan Permatang Pauh?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Buat masa ini, Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk melebarkan jambatan sedia ada di Ampang Jajar yang menghubungkan kedua-dua sempadan antara Bagan dan Permatang Pauh. Walau bagaimanapun, perkara ini sentiasa diberikan perhatian oleh Kerajaan Negeri dan dilihat semula dari masa ke masa berdasarkan kepada perkembangan dan keperluan semasa.
3. Perincian nama taman perumahan yang sudah melebihi usia 30 tahun di Bagan Jermal. (a) Apakah perancangan untuk menaik taraf sistem perparitan yang telah tidak dapat menampung kapasiti air hujan kini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Perincian nama-nama taman perumahan yang sudah melebihi usia 30 tahun di Bagan Jermal adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (a) Kerajaan Negeri dengan kerjasama pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) sangat komited dan prihatin dalam menaik taraf sistem perparitan di kawasan perumahan tersebut bagi memberikan keselesaan kepada rakyat di negeri Pulau Pinang. Justeru, beberapa perancangan telah disusun bagi menaik taraf sistem perparitan yang tidak dapat menampung kapasiti air hujan adalah seperti berikut:
 - (i) Merancang kerja-kerja pengukuran aras dan pemetaan utiliti bagi memperoleh maklumat data teknikal di kawasan terbabit untuk penyediaan cadangan mitigasi banjir secara menyeluruh;
 - (ii) Menaik taraf sistem perparitan yang sedia ada kepada saiz yang lebih optimum;

- (iii) Membina rumah pam berskala kecil bagi membantu pengaliran air keluar ke sungai berhampiran;
- (iv) Menjalankan kerjasama dengan agensi teknikal untuk mengkaji dan melaksanakan projek-projek berskala besar berkaitan tebatan banjir; dan
- (v) Menjalankan kerja-kerja pembersihan parit mengikut jadual penyelenggaraan setiap hari bagi menjamin aliran air yang baik dan bersih.

SENARAI NAMA TAMAN PERUMAHAN YANG SUDAH MELEBIHI USIA 30 TAHUN DI BAGAN JERMAL

BIL.	NAMA TAMAN	TAHUN SIAP
1.	RANCANGAN PERUMAHAN JALAN MOHD SAAD	1958
2.	TAMAN CANTIK	1967
3.	TAMAN KERAPU	1968
4.	PANGSA MAK MANDIN	1969
5.	TAMAN MAWAR	1972
6.	TAMAN RIANG	1977
7.	PANGSA MAK MANDIN LAMA	1977
8.	TAMAN SINTAT	1977
9.	TAMAN BINTANG	1980
10.	PANGSA MOHD SAAD	1985
11.	PANGSA MAK MANDIN 1	1985
12.	TAMAN SRI NASIB	1986
13.	TAMAN SUKARIA	1989
14.	PANGSA BUNGA TANJONG	1989
15.	PANGSA MAK MANDIN HIJAU	1990
16.	TAMAN DAHLIA	1991
17.	TAMAN SRI UDARA	1993

4. Apakah perancangan oleh Kerajaan Negeri untuk melaksanakan satu pemetaan pelancongan secara digital untuk memperkenalkan semua tarikan pelancongan termasuk makanan di kawasan Bagan, termasuk mod pengangkutan serta masa menunggu untuk sampai ke destinasi tarikan perlancongan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Melalui laman web Penang Global Tourism (PGT) (<http://https://mypenang.gov.my>), senarai tarikan pelancongan di Pulau Pinang seperti premis makanan terkemuka dihebahkan. E-brosur juga disediakan di laman web tersebut sebagai rujukan pengunjung.
5. Berapakah anggaran kos oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk melaksanakan longkang 'bypass' di Gerbang Mak Mandin 2, Taman Sri Nasib dan seterusnya dapat menghubungkan parit monsun yang telah dilaksanakan oleh JPS baru-baru ini serta tempoh yang akan diambil?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Anggaran kos oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk melaksanakan longkang *bypass* di Gerbang Mak Mandin 2, Taman Sri Nasib dan seterusnya menghubungkan longkang tersebut ke parit monsun adalah sebanyak RM100,000.00 dengan jangkaan tempoh pelaksanaan projek selama enam (6) bulan.
6. Apakah langkah yang boleh diambil untuk menangani masalah vandalisme terutamanya di kawasan KADUN Bagan Jermal yang semakin menjadi-jadi yang melibatkan papan tanda taman dan patil jalan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Langkah-langkah yang diambil untuk menangani masalah vandalisme yang berlaku di kawasan KADUN Bagan Jermal adalah seperti berikut:
 - (i) Memberi kesedaran dan pendidikan awal berhubung vandalisme kepada pelajar- pelajar di sekolah;
 - (ii) Menjalankan pemantauan dan pengawasan melibatkan komuniti setempat bersama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) secara berkala di sekitar kawasan komuniti;
 - (iii) Memasang kamera tertutup di kawasan yang kerap berlaku vandalisme;
 - (iv) Meningkatkan pencahayaan dengan penambahan lampu jalan di kawasan-kawasan yang dikenal pasti berlakunya kejadian vandalisme; dan
 - (v) Mengguna pakai alat, bahan binaan yang lebih tahan lasak, berkualiti dan kukuh bagi papan tanda taman dan patil jalan.
7. Mengenai isu kecurian kabel TNB dan TM yang semakin berleluasa di Seberang Perai, apakah langkah dari pihak berkenaan untuk menangani masalah ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Berdasarkan pemantauan secara berterusan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bahagian Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) mengambil langkah-langkah pencegahan melibatkan kes kecurian kabel TM seperti berikut:

- (i) Mencadangkan pihak TM untuk memanggil tender mengambil semua kabel-kabel TM yang masih ada di tapak untuk mengelakkan kes kecurian dan kesukaran untuk pemantauan;
- (ii) Mewujudkan pasukan *Task Force* Khas di peringkat IPD untuk menyiasat dan mencegah kes kecurian kabel;
- (iii) Menambah 2 unit MPV Khas di kawasan pentadbiran Balai Polis Butterworth untuk membuat rondaan pencegahan jenayah;
- (iv) Memantau dan mengenalpasti aktiviti pesalah lampau dan Orang Kena Tuduh (OKT) yang gagal dituduh;
- (v) Kolaborasi bersama Unit Rondaan TM dan Unit Rondaan Sukarela untuk membendung kes kecurian kabel;
- (vi) Rondaan lebih kerap di kawasan *hot spot* yang dikenalpasti;
- (vii) Telah membuat pencegahan dari segi rondaan MPV dan URB ke lokasi-lokasi terpencil dengan lebih kerap;
- (viii) Memohon pihak berkenaan mewujudkan pasukan pengawal rondaan sendiri;
- (ix) Mewujudkan kumpulan *Whatsapp* bersama balai-balai berdekatan dengan lokasi tempat kejadian;
- (x) Respon masa secepat mungkin oleh pihak berkenaan sekiranya berlaku *trigger alarm*;
- (xi) Tangkapan berkaitan curi kabel di Seberang Perai Selatan bagi kawasan Batu Kawan Rpt: 3488/2023 & Sungai Bakap Rpt: 3907/2023;
- (xii) Membuat Ops - Pencegahan Jenayah Bersepadu setiap minggu mengikut *trend* jenayah;
- (xiii) Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) telah mengambil tindakan melalui risikan dengan mendapatkan maklumat suspek-suspek yang terlibat dengan kegiatan mencuri kabel;
- (xiv) Hasil risikan, JSJ telah berjaya membuat tangkapan dan suspek telah dituduh di mahkamah. Terbaharu pada 18/10/2023 di kawasan Berapit, Bukit Mertajam, pihak IPD Seberang Perai Tengah (SPT) telah berjaya menahan seorang (1) lelaki warga tempatan bersama kabel TM yang dicuri dengan anggaran kerugian RM5,000.00;
- (xv) Melalui siasatan, didapati suspek-suspek yang mencuri kabel terdiri daripada pelbagai bangsa, umur dan pekerjaan;
- (xvi) Tindakan PDRM dengan membuat pemeriksaan premis lusuh secara berterusan serta mencadangkan pembatalan lesen premis lusuh yang terlibat dalam pembelian kabel curi; dan
- (xvii) xvii. Kerjasama berterusan dengan pihak TM dan TNB serta sukarelawan kawasan disamping rondaan berkala oleh pihak unit ronda bermotosikal PDRM dan kereta peronda polis (MPV).

8. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk membantu golongan B40 dan M40 apabila ekonomi dijangka merosot dan beban kos sara hidup yang kian meningkat pada tahun depan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Bagi membantu golongan B40 dan M40 khususnya golongan usahawan, Kerajaan Negeri melalui Penang Development Corporation (PDC) mempunyai dua (2) skim mikro kredit seperti berikut:

(a) Skim Pinjaman Harapan (SPH)

SPH merupakan skim pinjaman kepada usahawan negeri Pulau Pinang yang berbentuk pinjaman perniagaan. Skim ini diwujudkan sebagai satu sistem penyaluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan peniaga dan penjaja kecil.

Dua (2) skim pinjaman yang ditawarkan oleh SPH adalah seperti berikut:

Bil	Perkara	Skim 1	Skim 2
1	Jumlah Pinjaman	RM5,000.00 sehingga RM25,000.00	RM26,000.00 sehingga RM50,000.00
2	Tempoh Pinjaman	50 – 200 minggu	12 – 48 bulan
3	Kadar Caj Pengurusan	4% setahun (Caj Pengurusan akan dikenakan pada tahun kedua dan berikutnya)	6% setahun
4	Kaedah Kutipan	Mingguan	Bulanan

(b) Tabung Usahawan Tani (TUT)

TUT merupakan kemudahan pinjaman yang disediakan khusus kepada pengusaha asas tani di bawah Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang.

Pinjaman yang ditawarkan oleh TUT adalah seperti berikut:

Bil	Perkara	Pinjaman 1	Pinjaman 2
1	Jumlah Pinjaman	RM5,000.00 (Berumur 40 tahun ke bawah) RM6,000.00 (Berumur 41 hingga 60 tahun)	RM10,000.00
2	Tempoh Pinjaman	24 bulan	
3	Kadar Caj Pengurusan	Tiada caj pengurusan	6% setahun
4	Kaedah Kutipan	Bulanan	

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga menyediakan Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan) yang memfokuskan kepada peniaga kecil sepenuh masa termasuk golongan miskin yang menjalankan perniagaan. Individu yang telah menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya satu (1) tahun dan berpendapatan

kurang daripada RM3,000.00 sebulan di mana keutamaan diberikan kepada penerima Program Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES) adalah layak untuk mendapat bantuan peralatan dalam usaha mengembangkan lagi perniagaan sedia ada.

Program i-Sejahtera merupakan inisiatif Kerajaan Negeri yang diberikan kepada rakyat merangkumi Program Penghargaan Warga Emas, Program Ibu Tunggal, Program Bantuan Orang Kurang Upaya (OKU), Program Anak Emas, Program Suri Emas, Program Pengurusan Jenazah Warga Emas, OKU dan Ibu Tunggal. Peruntukan tahunan yang disediakan adalah sebanyak RM53.0 juta.

Program Bina Baharu dan Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin (Bina Baharu dan Baiki) telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 bagi membantu keluarga yang berpendapatan isi rumah RM3,170.00 dan ke bawah mengikut B2 B40 atau per kapita RM581.00 untuk membina rumah dan membaiki rumah asal. Peruntukan tahunan yang disediakan adalah sebanyak RM3.1 juta.

Bantuan Mahasiswa (iBITA) diberikan bagi membantu para pelajar khususnya warga Pulau Pinang yang mendaftar pengajian ke peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT). Peruntukan tahunan yang disediakan adalah sebanyak RM4.0 juta.

Bagi membantu golongan ibu bapa, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Skim Bantuan Asuhan dan Didikan Kanak-kanak Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) dan Taman Didikan Kanak-kanak (TADIKA). Skim bantuan ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam meringankan beban kewangan ibu bapa daripada golongan pendapatan B40 bagi mendapatkan pendidikan awal yang baik untuk anak-anak mereka.

9. Adakah Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan bercadang untuk membangunkan sebuah stadium sukan komprehensif yang mempunyai fasiliti balapan dan padang bola memandangkan tiadanya sebuah stadium di kawasan Parlimen Bagan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Pada masa kini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih belum mempunyai perancangan bagi menyediakan stadium sukan di kawasan Parlimen Bagan berikutan dengan kekangan kawasan tanah di kawasan parlimen tersebut.

Bagi kawasan Daerah Seberang Perai Utara, Kompleks Sukan MBSP Bertam merupakan kemudahan stadium sukan yang utama dan beberapa cadangan menaik taraf telah dirancang oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai bagi meningkatkan mutu kemudahan sukan tersebut.

Namun demikian terdapat beberapa stadium dan kompleks yang diambil perhatian bagi kerja-kerja pembaikan dan menaik taraf di bawah seliaan Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP) iaitu:

- (i) Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan
- (ii) Stadium Jalan Betek, Bukit Mertajam
- (iii) Kompleks Sukan Pokok Sena, dan
- (iv) Kompleks Sukan Balik Pulau, Balik Pulau

Selain daripada itu, Kompleks Sukan dan Rekreasi SONY di Seberang Jaya juga akan dibangunkan semula dengan usaha pihak swasta bagi menyediakan infrastruktur sukan yang bertaraf tinggi serta berdekatan dengan kawasan Parlimen Bagan.

10. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memperkenalkan kursus penggunaan AED dan CPR kepada semua MPKK, JBPP dan JPWK setiap KADUN supaya mereka mempunyai keupayaan bertindak sebagai *First Responder* apabila berdepan dengan kes kecemasan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Program/kursus CPR AED telah dilaksanakan secara besar-besaran di Pulau Pinang mulai tahun 2015. Program pertama yang diadakan secara besar-besaran ialah Mass CPR Carnival pada 15 Mac 2015. Seramai 6,806 peserta menyertai karnival ini yang mencatatkan sejarah dan telah dimasukkan dalam *Malaysia Books of Record* sebagai peserta teramai dalam melatih CPR. Program CPR AED ini diadakan secara berterusan setiap tahun. Program/ latihan ini melibatkan pelajar-pelajar sekolah, anggota bomba, polis dan anggota beruniform dari pelbagai agensi serta orang awam.

Pada tahun 2022, Kursus CPR AED telah dilaksanakan di masjid-masjid yang melibatkan ahli kariah di 145 buah masjid di kesemua daerah Negeri Pulau Pinang. Untuk tahun 2023, Kursus CPR AED ini terus diadakan di beberapa tempat seperti di Autocity Juru, Komuniti Bukit Minyak dan beberapa tempat lagi yang turut melibatkan golongan belia.

Pada 10 Disember 2023 akan datang, PYDC bersama Persatuan Pemulihan Jantung Pulau Pinang (PHSS) dan KKM akan menganjurkan Mass CPR AED yang akan melibatkan 1,500 orang peserta di LAVA Mansion Georgetown. Program ini diadakan secara percuma dan terbuka kepada semua, khususnya golongan belia yang berumur 15 tahun hingga 35 tahun. Pihak MPKK, JBPP, dan JPWK yang ingin mendapatkan kursus CPR AED boleh secara langsung menyertai aktiviti CPR AED yang sedia ada atau yang akan dirancang pada tahun depan.

11. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memberi peruntukan khas atau menambah peruntukan khas untuk semua pasukan Bomba Sukarelawan dan Ambulans Sukarelawan yang menghadapi kekangan kewangan terutamanya penyelenggaraan jentera-jentera yang melibatkan kos tinggi?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Kerajaan Negeri pernah menyalurkan peruntukan di bawah MMK Kebajikan bagi membantu semua pasukan Bomba Sukarelawan dan Ambulans Sukarelawan yang menghadapi kekangan kewangan sebelum ini. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2023 tiada peruntukan khusus yang diluluskan bagi penyelenggaraan jentera-jentera ini.

12. Apakah langkah yang akan diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyelesaikan masalah banjir kilat yang masih membelenggu kawasan kilang dan kawasan kediaman Taman Kerapu?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Kerajaan Negeri mengambil maklum akan masalah banjir kilat yang masih membelenggu kawasan kilang dan kawasan kediaman di Taman Kerapu. Antara langkah yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah ini melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) adalah melaksanakan projek tebatan banjir iaitu penaiktarafan rumah pam dan sistem perparitan sedia ada dengan anggaran kos sebanyak RM6.0 juta. MBSP kini sedang dalam proses penyediaan kertas cadangan untuk pertimbangan dan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa MMK Tebatan Banjir.

13. Adakah Pihak Berkuasa Tempatan bercadang untuk menaik taraf sistem perparitan kawasan sekitar Jalan Mak Mandin untuk meminimumkan isu banjir kilat di Kawasan Perindustrian Mak Mandin terutamanya di Lorong Mak Mandin 3 sehingga Lorong Mak Mandin?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Sistem perparitan di kawasan Mak Mandin adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP). Walau bagaimanapun, Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Mak Mandin telah selesai dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSP) pada 8 November 2021 dalam usaha Kerajaan Negeri untuk menangani isu banjir di kawasan tersebut. JKRPP seterusnya akan melaksanakan pemantauan secara berterusan untuk memastikan sistem perparitan di kawasan ini berfungsi dengan optimum. Buat masa ini, JKRPP tiada perancangan untuk menaik taraf sistem perparitan di kawasan tersebut kerana ia masih berfungsi dengan baik.
14. Adakah pihak berkenaan bercadang untuk menaik taraf longkang di sepanjang Jalan Mengkuang bagi meminimumkan isu banjir kilat di kawasan kampung sepanjang Jalan Mengkuang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Longkang tepi jalan (*road side drain*) umumnya berfungsi untuk menampung air larian hujan di permukaan atas jalan dan mempunyai batasan lebar 1.2 meter (m) sahaja. Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP) akan bekerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk membina parit monsun dalam rizab jalan untuk menampung air dari kawasan perumahan, kampung dan sebagainya bagi menangani isu banjir kilat ini. Walau bagaimanapun ia bergantung kepada lebar rizab jalan sedia ada sekiranya cukup untuk pembinaan parit monsun. Buat masa ini, JKRPP tiada perancangan untuk menaik taraf longkang di kawasan tersebut kerana ia masih berfungsi dengan baik.
15. Adakah Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) akan menyediakan bajet untuk tujuan menurap semula jalan-jalan, membaiki longkang-longkang, menggantikan penghadang-penghadang dan lain-lain infrastruktur yang telah lama tidak disenggara di Rumah Pangsa Kos Rendah Mak Mandin?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Kerajaan Negeri sentiasa komited dan prihatin terhadap permasalahan rakyat untuk terus menyelenggara dan menyelia semua perumahan awam kos rendah dan sederhana rendah melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP).

Sehingga Oktober 2023, 130 kerja-kerja pembaikan di skim perumahan awam Mak Mandin dilaksanakan dengan kos sebanyak RM4,251,432.06. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga sedang memperhalusi cadangan pembangunan semula kawasan ini yang akan memberikan satu impak positif yang lebih baik kepada semua yang terlibat.

Sejumlah peruntukan juga telah disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi kerja-kerja turapan jalan, longkang dan infrastruktur lama di kawasan ini. Ketika ini, status pelaksanaan kerja-kerja ini adalah di peringkat penilaian sebut harga dan dijangkakan kerja-kerja ditapak akan bermula seawal tahun 2024.

16. Adakah Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) boleh mempertimbangkan cadangan opsyen tempat letak kereta kedua bagi Skim Perumahan Mampu Milik memandangkan satu (1) tempat letak kereta tidak praktikal pada masa kini dan menyebabkan masalah parkir di tepi jalan skim perumahan tersebut semakin berleluasa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Penyediaan tempat letak kereta (TLK) yang mencukupi dan sepadan dengan bilangan unit yang dibina di skim perumahan mampu milik (RMM) menjadi perhatian Kerajaan Negeri bagi menangani isu dan aduan berkaitan TLK. Pada ketika ini, tiada cadangan berhubung pilihan TLK kedua bagi suatu skim RMM. Namun, penyelarasan Garis Panduan Rumah Mampu Milik (GP RMM) di kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi penyediaan 1:1 TLK dan unit kediaman akan dilaksanakan pada tahun 2024.

Penambahan TLK ini akan bergantung kepada kebenaran jumlah tingkat podium TLK memandangkan hanya sebanyak lapan (8) tingkat maksima dibenarkan untuk dibina dua (2) di aras bawah tanah dan enam (6) di aras atas tanah.

Jika kesemua syarat-syarat tersebut dapat dipatuhi, pemaju digalakkan untuk menyediakan TLK tambahan dan boleh dijual kepada pemohon yang berminat atas dasar *willing buyer/ willing seller*. Pemaju tidak dibenarkan untuk menetapkan penjualan TLK tambahan tersebut secara paksa.

17. Berapakah kos yang telah diperuntukkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk cadangan penaiktarafan Padang Mak Mandin di Tingkat Mak Mandin dan tempoh masa yang perlu diambil bagi melaksanakan projek tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah menyediakan peruntukan sebanyak RM100,000.00 bagi menaik taraf padang bola sepak yang terletak di Tingkat Mak Mandin. Kerja-kerja naik taraf yang terlibat adalah pembinaan struktur penghadang bola di padang tersebut. Tempoh masa yang diperuntukkan bagi melaksanakan projek tersebut adalah selama sembilan (9) bulan.

18. Berapakah kos yang telah diperuntukkan oleh JPS Seberang Perai Utara untuk fasa penaiktarafan parit tanah ke parit monsun di Gerbang Mak Mandin 6, Taman Sri Nasib dan tempoh masa yang perlu diambil bagi melaksanakan projek tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Kerja penaiktarafan parit tanah ke parit monsun di Gerbang Mak Mandin 6, Taman Sri Nasib dijangka akan menelan belanja sebanyak RM500,000.00. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) akan membuat permohonan peruntukan kepada Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Tebatan Banjir untuk melaksanakan kerja tersebut termasuk membuka laluan ke Sungai Mak Mandin yang telah dipenuhi semak samun. Projek dijangka akan mengambil masa selama enam (6) bulan untuk disiapkan.

19. Apakah perancangan untuk menaik taraf sistem perparitan di kawasan perumahan Jalan Mohd Saad yang tidak lagi dapat menampung kapasiti air hujan kini yang menyebabkan kejadian banjir kilat di kawasan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah merancang untuk menaik taraf sistem perparitan di kawasan perumahan Jalan Mohd Saad bagi menangani kejadian banjir kilat di kawasan tersebut. MBSP akan melaksanakan projek tebatan banjir bagi menaik taraf perparitan sedia ada dengan anggaran kos bernilai RM200,000.00
20. Apakah perancangan untuk menaik taraf sistem perparitan di kawasan perumahan Taman Melur dan Taman Sin Tat yang tidak lagi dapat menampung kapasiti air hujan kini yang menyebabkan kejadian banjir kilat di kawasan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Perancangan jangka masa panjang Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk menaik taraf sistem perparitan di kawasan perumahan Taman Melur dan Taman Sin Tat yang tidak lagi dapat menampung kapasiti air hujan kini yang menyebabkan kejadian banjir kilat di kawasan tersebut adalah dengan membina parit pintasan di Jalan Thamby Kecil dengan anggaran kos bernilai RM 3,000,000.00. Status pelaksanaan projek terbabit adalah dalam fasa penyediaan reka bentuk terperinci dan dokumen tender oleh perunding. Bagi tindakan jangka masa pendek pula, MBSP telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan kecil di Taman Melur dengan kos RM120,000.00 dan di Taman Sin Tat dengan kos RM15,000.00 yang telah siap dilaksanakan pada Oktober 2023.
21. Apakah perancangan untuk menaik taraf sistem perparitan di kawasan perumahan Taman Bunga Tanjung yang tidak lagi dapat menampung kapasiti air hujan kini yang menyebabkan kejadian banjir kilat di kawasan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Untuk menaik taraf sistem perparitan di kawasan perumahan Taman Bunga Tanjung yang tidak lagi dapat menampung kapasiti air hujan kini, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah menjalankan kerja pengukuran aras dan pemetaan utiliti di kawasan tersebut (kerja awalan) yang siap dilaksanakan pada Oktober 2022. Pelaksanaan kerja-kerja fizikal penaiktarafan sistem perparitan tersebut kini dalam perancangan Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP).
22. Memahami bahawa banyak sekolah tidak mempunyai infrastruktur seperti komputer dan internet untuk tujuan STEM, apakah langkah Kerajaan Negeri untuk membantu serta memastikan sekolah atau pelajar supaya mereka mempunyai infrastruktur tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Kerajaan Negeri juga telah melancarkan Penubuhan Perpustakaan Digital dengan kemudahan jalur lebar 5G di 88 buah sekolah di Negeri Pulau Pinang. Projek ini adalah satu usahasama pelbagai pihak terutamanya Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pihak industri. Objektif utama projek ini adalah untuk mewujudkan Perpustakaan Digital Sekolah di mana akses jalur lebar tanpa wayar yang baik dibekalkan kepada sekolah berserta peranti yang berkaitan bagi mewujudkan akses kepada sumber STEM dan bahan-bahan lain yang tersedia di Perpustakaan Digital Pulau Pinang dan portal-portal pendidikan yang lain.

Kerajaan Negeri akan memantau pelaksanaan program tersebut dan akan meneruskan usaha untuk memastikan sekolah dan pelajar mempunyai tujuan STEM.

23. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai pelan untuk membantu sekolah menyediakan 'syllabus' atau bahan mengajar untuk kemahiran digital?

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Kerajaan Negeri melalui *Penang Science Cluster* (PSC) telah menyediakan modul-modul dan kit panduan kepada guru-guru sasaran dalam meningkatkan kemahiran digital seperti penggunaan aplikasi Scratch, *Mircobit*, *Phython*, *Arduino*, HTML dan CSS, *3D Printing*/ 3D modul dan *Logo Mindstorm*. Penganjuran Bengkel Latih Amal *Hands-on* terhadap penggunaan modul aplikasi tersebut dilaksanakan kepada guru-guru sasaran dengan kerjasama Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang.

Penghasilan bahan-bahan sokongan bagi kemahiran digital juga akan diteruskan dan ditambah baik oleh pihak Kerajaan Negeri dengan pembangunan aplikasi digital yang relevan dalam membantu proses pengajaran dan pembelajaran bilik darjah. Misalnya, *Minecraft*, *EdPuzzle*, penerokaan aplikasi Web 3.0 dan sebagainya.

24. Selain daripada aktiviti-aktiviti di pusat STEM untuk pelajar sekolah, apakah inisiatif Kerajaan Negeri dalam membantu universiti dan kolej awam atau swasta supaya mereka dapat menarik lebih banyak pelajar dalam bidang tersebut dan menampung kekurangan pekerja dalam bidang tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Selain daripada aktiviti-aktiviti di Pusat STEM, Kerajaan Negeri sentiasa memperkenalkan inisiatif-inisiatif berimpak tinggi dari semasa ke semasa bagi menarik lebih ramai pelajar universiti/kolej awam mahupun swasta menceburi bidang Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM) dan menampung kekurangan pekerja dalam bidang tersebut.

Pembangunan modal insan merupakan faktor kritikal bagi menjana dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara. Ketersediaan tenaga kerja berkemahiran tinggi adalah penting untuk menyokong peralihan semua sektor ekonomi ke arah aktiviti berintensifkan pengetahuan, teknologi dan inovasi. Menuju ke arah ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah merangka dasar dan hala tuju yang holistik supaya Pulau Pinang dapat mencapai kelebihan daya saing dalam menarik dan mengekalkan bakat-bakat muda.

Peranan *Tech Dome Penang* juga menyerlah dalam perkara ini kerana *Tech Dome Penang* bukan sahaja berfungsi sebagai pusat pendidikan sains yang interaktif tetapi turut mengajarkan pelbagai aktiviti untuk meningkatkan pemahaman masyarakat tentang sains dan teknologi. Melalui pendekatan yang praktikal dan mudah, *Tech Dome Penang* mendorong minat, pemikiran inovasi dan kreativiti dalam kalangan pelajar. Program-program seperti Ahli Teknologi Muda AI, *Robomania*, *Penang Digital Literacy Camp*, *Innospark Penang*, *Women in Zceince* membantu menyemarakkan pengetahuan STEM dalam kalangan pelajar.

Penubuhan *Tech Dome Penang* pada tahun 2016, *Tech Dome Penang* telah menerima seramai satu (1) juta kunjungan daripada pelajar dan orang awam. Pada tahun 2022, *Tech Dome Penang* telah menyelaras penyertaan peserta dari Pulau Pinang ke pertandingan *Techlympics* yang dianjurkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kontinjen Pulau Pinang telah memenangi Anugerah Kontinjen Terbaik di Malaysia. Selain itu, dua (2) pasukan yang dihantar oleh *Tech Dome Penang* untuk mewakili Malaysia dalam Pertandingan *Codeavour 2022*, masing-masing telah berjaya memenangi anugerah iaitu *Best AI (Artificial Intelligence)* &

MI (Machine Learning) Project Award dan hadiah saguhati. Sejumlah 100,000 buah pasukan dari 65 buah negara telah menyertai pertandingan berprestij ini.

Penang Skills Development Centre (PSDC) kekal memainkan peranannya sebagai sebuah institut latihan terulung di Pulau Pinang. Tumpuan PSDC adalah untuk membolehkan industri tempatan mendapat tenaga kerja yang sesuai. Oleh yang demikian, PSDC menawarkan pelbagai kursus jangka pendek dan panjang serta seminar dalam bidang teknikal, *soft skills* dan teknologi maklumat (IT) bagi mewujudkan pasaran tenaga kerja yang berkualiti dan berkemahiran tinggi.

Kesemua inisiatif-inisiatif ini adalah selaras dengan Visi Penang2030 iaitu Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara. Segala momentum Negeri Pulau Pinang dalam bidang pendidikan, pembangunan modal insan serta sains dan teknologi akan kekal bagi tahun-tahun yang akan datang dan semoga Pulau Pinang menjadi aspirasi kepada seluruh Malaysia.

25. Memandangkan masih ramai tidak faham atau tidak berani membelok kiri apabila melihat papan tanda kuning “Belok Jika Tiada Kenderaan Dan Pejalan Kaki”, adakah pihak berkenaan boleh menambah baik dengan memasang lampu kuning kelip-kelip supaya pengguna jalan raya lebih memahami isyarat ini yang menjurus kepada maksud beri laluan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Merujuk kepada Kaedah-kaedah Isyarat Lalu Lintas 1959, papan tanda ‘Belok Jika Tiada Kenderaan Dan Pejalan Kaki’ membawa maksud seperti berikut:

- (i) Trafik di jalan mana isyarat ini diletakkan boleh membelok ke kiri di persimpangan lampu berisyarat walau apa pun suatu isyarat merah atau isyarat lalu lintas lain menunjukkan suatu tempat di mana trafik mesti berhenti; dan
- (ii) Sebelum membelok ke kiri, trafik mesti memberi laluan kepada pejalan kaki atau trafik dari jalan lain yang menghubungkannya.

.Buat masa ini, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tiada perancangan bagi memasang lampu kuning kelip-kelip di papan tanda kuning ‘Belok Jika Tiada Kenderaan Dan Pejalan Kaki’ memandangkan perkara ini akan menimbulkan kekeliruan kepada pengguna jalanraya.